

**HADITH-HADITH DAIF DAN PALSU DALAM NASA'IH
AL-'IBAD OLEH NAWAWI BANTEN: PENGARUHNYA
TERHADAP MASYARAKAT ISLAM DI SUMATERA**

ARWANSYAH BIN KIRIN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**HADITH-HADITH DAIF DAN PALSU DALAM NASA'IH
AL-'IBAD OLEH NAWAWI BANTEN: PENGARUHNYA
TERHADAP MASYARAKAT ISLAM DI SUMATERA**

ARWANSYAH BIN KIRIN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

ABSTRAK

Kitab “*Naṣā’ih al-‘Ibād*” karangan Shaykh Nawāwī al-Bantānī adalah sebuah kitab tasawuf yang memuatkan pelbagai kategori hadith. Namun, ia wajar dikaji dari sudut keabsahannya kerana telah dijadikan rujukan umum dan tersebar luas dalam masyarakat khususnya Ma’had di Indonesia. Permasalahan yang dikaitkan dengan kitab ini adalah mengenai status hadith-hadithnya yang masih banyak belum ditakhrīf dan dikaji hukumnya dari sudut keṣaḥīḥannya. Oleh itu, Pengkaji mentakhrīfkan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab ini, bermula bab kelima hingga bab kesepuluh, dengan menyatakan sumber dan status hadith samada Ṣaḥīḥ, Da’īf atau Mawḍū’ berdasarkan pandangan ulama-ulama hadith dan seterusnya melihat pengaruh hadith terhadap masyarakat Islam di Sumatera Indonesia. Objektik kajian ini adalah untuk mengkaji kekuatan atau kelemahan setiap hadith yang terdapat dalam kitab *Naṣā’ih al-‘Ibād* dan mengetahui kesan atau pengaruh hadith-hadith Da’īf dan Mawḍū’ yang tersebar dalam masyarakat Islam di Sumatera Indonesia. Metodologi yang digunakan adalah analisis kandungan dengan menggunakan dokumen berdasarkan manhaj ulama hadith sama ada dari segi *matan* ataupun *sanad* dan metodologi soal selidik, sedangkan dalam menganalisis data pengkaji menggunakan metode induktif. Berdasarkan kepada dapatan kajian ke atas 236 hadith yang diteliti, terdapat 49 hadith Ṣaḥīḥ, 12 hadith Ḥasan, 68 hadith Da’īf, 22 hadith Da’īf Jiddān, 65 hadith Mawḍū’, dan 20 hadith tidak dapat dikenal pasti sumber riwayatnya. Setelah diadakan analisis terhadap soal selidik yang diajukan kepada 210 responden, pengkaji mendapati bahawa 54,48% daripadanya mengetahui hadith-hadith yang diajukan. 49,52% pula responden mengamalkan hadith Da’īf dan Mawḍū’ yang telah dikaji. Manakala dari sudut pengetahuan status hadith,

44,81% daripada responden tidak mengetahui maklumat tentangnya. Keinginan untuk menyebarkan hadith tidak begitu tinggi dikalangan responden iaitu mencecah 57,38%, manakala dari sudut tersebarnya hadith, 75,28% responden tidak pernah menyebarkannya kepada orang lain.

University of Malaya

ABSTRACT

The book of “*Naṣā’ih al-‘Ibād*” by Shaykh Nawawī al Batanī is a *tasawuf* which contained various categories of *hadith*. Therefore, it should be studied on its legitimacy where it has been made as public referral widely among the community, especially the *Ma’had* in Indonesia. The set of problems that derived within this scripture are the status of the *hadith*, mostly have not been *takhrīj* and legally authenticated. Hence, the researchers had to perform the *takhrīj* of these *hadith* in this scripture beginning from chapter five until chapter ten. They (the researchers) ought to clarify the status and the source of the *hadith*, whether it is *Ṣaḥīḥ*, *Da’īf* or *Mawḍū’* dependable on the *ulama* (which specialized in *Hadith*) point of view, and also how it has influenced the Islamic community in Sumatera, Indonesia. The objective of the research is to determine the strengths or the weaknesses of each *hadith* in the *Naṣā’ih al-‘Ibād* scripture, together on how it has impacted and influenced the weak (*Da’īf*) and fabricated (*Mawḍū’*) *Hadith* among the Islamic community in Sumatera, Indonesia. The methodology that has been used, is to analyze the content of document base on the volume of *hadith*, whether, it is *matan* or *sanad*, together with the interrogation methodology. Whereas, in a data analysis, researchers are currently using the inductive method. Of the 236 *hadith* texts that have been analyzed, it was found that there are 49 authentic *ahadith*, 13 fine *ahadith*, 68 weak *ahadith*, 20 are the weakest *ahadith*, 66 fabricated *ahadith*, and 20 came from unknown sources. An analysis on a research being forwarded to 210 respondents, and the researchers have found that, 54.48 % of those respondents knew the meaning of the *hadith*. 49.52 % of the respondents are practicing *ahadith* weak and fabricated, which has been studied. In understanding the *hadith* status point of view, 44.81 % of the respondents, are not knowing the details of the *hadith*. The sense of

eagerness to disseminate the *hadith* is not encouraging within the respondents, which is merely 57.38 %. On the implementation of the *hadith*, it is found that 75.28 % of the respondents had never disseminate it (the *hadith*) to other people.

University of Malaya

University of Malaya

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T yang maha kuasa, yang telah mencipta alam semesta sebagai bukti ke atas keagungan-Nya. Tidak ada matlamat lain daripada penciptaan manusia kecuali ianya tunduk dan patuh kepada perintah-Nya serta menjauhi larangan-Nya. Salawat dan salam semoga sentiasa tercurahkan kepada Nabi akhir zaman Muhammad s.a.w sebagai pembawa risalah ketuhanan dengan nilai-nilai kemanusiaan dan keadilan. Beliau diutus oleh Allah S.W.T untuk menyampaikan pesan-pesan-Nya dan memperkenalkan ajaran-ajaran-Nya kepada Manusia. Ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Dr. Faisal Ahmad Shah yang telah berkenan memberikan ilmu, idea, arahan dan bimbingan kepada pengkaji sehingga kajian ini boleh diselesaikan tanpa wujudnya masalah dan rintangan. Semoga yang maha kuasa melimpahkan rahmat kepada beliau dan membalas terhadap amal yang telah diberikan. Demikian juga ucapan terima kasih kepada semua guru dan pensyarah yang telah bersungguh-sungguh menyampaikan ilmu kepada pelajar-pelajarnya sehingga akan dapat melahirkan generasi-generasi yang mampu berhadapan dengan cabaran yang akan datang. Semoga amal baiknya tidak menjadi sia-sia dan dibalas dengan yang lebih baik oleh Allah S.W.T. Hormat dan kasih sayang saya ucapkan kepada orang tua Ibu dan Ayah, yang telah memberikan cinta, kasih sayang, pendidikan dan arahan kepada saya sehingga boleh menyelesaikan pendidikan sampai saat ini. Semoga amal baiknya sentiasa dicatat dan menjadi bekal di akhirat nanti untuk selama-lamanya. Kasih sayang juga saya sampaikan kepada Saudara Mara dan Ahli Keluarga yang telah memberikan bimbingan dan motivasi. Terima kasih kepada teman-teman dan semua pihak yang telah menyokong proses penyelesaian penulisan thesis ini. Semoga kita semua diberikan ilmu yang manfaat dan barakah sehingga boleh mengamalkan kepada masyarakat, bangsa dan negara. Akhirnya, hanya kepada-Nyalah segala urusan dikembalikan dan semoga kita sentiasa dalam lindungan-Nya.

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	viii
JADUAL	xii
RAJAH	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Kepentingan Kajian	12
1.5 Matlamat Kajian	13
1.6 Objektif Kajian	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Metodologi Kajian	15
1.9 Kajian Terdahulu	19
BAB 2 BIOGRAFI SHAYKH NAWĀWĪ AL-BANTĀNĪ DAN	
PENGENALAN KITAB NAṢĀ'IH AL-'IBĀD	
2.1 Pengenalan	22
2.1.1 Nama dan Kelahiran	22
2.1.2 Kewafatan	23
2.1.3 Keluarga dan Salasilah Keturunan	23
	viii

2.1.4	Pendidikan dan Pengajaran	25
2.1.5	Hasil Karya Beliau	28
2.1.6	Pujian Para Ulama Terhadap Beliau	35
2.2	Pengenalan Kitab Naṣā'ih al-'Ibād	36
2.2.1	Tajuk Perbahasan Kitab	36
2.2.2	Isi Kandungan Kitab	37
2.2.3	Metodologi Kitab Naṣā'ih al-'Ibād	41
2.2.4	Metodologi Pensyarahan Hadith	44
2.2.5	Metodologi Penulisan Hadith	46
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN HADITH DAN METODOLOGI KAJIAN BORANG SELIDIK	
3.1	Metodologi Kajian Hadith	48
3.2	Metodologi Kajian Borang Selidik	54
BAB 4	TAKHRĪJ DAN PENILAIAN HADITH DALAM KITAB NAṢĀ'IH AL-'IBĀD	
4.1	Bab Kelima	66
4.2	Bab Keenam	114
4.3	Bab Ketujuh	189
4.4	Bab Kelapan	224
4.5	Bab Kesembilan	253
4.6	Bab Kesepuluh	263

**BAB 5 HASIL KAJIAN KE ATAS HADITH-HADITH KITAB
NAṢĀ'IH AL-'IBĀD**

5.1	Hasil Kajian Hadith Dalam Bab Kelima	432
5.2	Hasil Kajian Hadith Dalam Bab Keenam	433
5.3	Hasil Kajian Hadith Dalam Bab Ketujuh	433
5.4	Hasil Kajian Hadith Dalam Bab Kelapan	434
5.5	Hasil Kajian Hadith Dalam Bab Kesembilan	435
5.6	Hasil Kajian Hadith Dalam Bab Kesepuluh	435
5.7	Kesimpulan Seluruh Hadith	436
5.8	Nilai Kitab Nasa'ih al-'Ibad Sebagai Rujukan Dari Segi Hadith	436

**BAB 6 HASIL KAJIAN BORANG SELIDIK TENTANG
PENGETAHUAN HADITH DAN AMALAN MASYARAKAT
ISLAM DI SUMATERA INDONESIA**

6.1	Pengenalan Tempat	438
6.2	Keterangan Demografi	439
6.3	Jawaban Demografi Terhadap Soalan Borang Selidik	444
6.4	Jumlah Purata Kajian Borang Selidik	468
6.4.1	Jumlah Purata Pengetahuan Hadith	468
6.4.2	Jumlah Purata Amalan Hadith	472
6.4.3	Jumlah Purata Hukum Hadith	476
6.4.4	Jumlah Purata Pentingnya Penyebaran Hadith	479
6.4.5	Jumlah Purata Penyebaran Hadith Kepada Orang lain	482

PENUTUP

Kesimpulan Hasil Kajian 486

Saranan dan Cadangan 488

RUJUKAN 491

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Nilai pekali kebolehppercayaan alpha cronbach bagi setiap konstruk.....	59
Jadual 3.2 Intepretasi skor min.....	64
Jadual 5.1 Hasil kajian hadith dalam bab lima.....	432
Jadual 5.2 Hasil kajian hadith dalam bab enam.....	433
Jadual 5.3 Hasil kajian hadith dalam bab tujuh.....	434
Jadual 5.4 Hasil kajian hadith dalam bab lapan.....	434
Jadual 5.5 Hasil kajian hadith dalam bab Sembilan.....	435
Jadual 5.6 Hasil kajian hadith dalam bab sepuluh.....	435
Jadual 5.7 Kesimpulan hasil kajian hadith dari bab 5-10.....	436
Jadual 6.2.1 Jenis kelamin responden.....	439
Jadual 6.2.2 Umur responden.....	440
Jadual 6.2.3 Tahap pendidikan responden.....	440
Jadual 6.2.4 Status perkahwinan responden.....	441
Jadual 6.2.5 Suku responden.....	441
Jadual 6.2.6 Lokasi responden.....	441
Jadual 6.2.7 Tempat tinggal responden.....	442
Jadual 6.2.8 Status kerja responden.....	442
Jadual 6.2.9 Kefahaman responden.....	443
Jadual 6.2.10 Status individu responden.....	443
Jadual 6.3.1 Pendapat responden terhadap hadith pertama.....	444-445
Jadual 6.3.2 Pendapat responden terhadap hadith kedua.....	447
Jadual 6.3.3 Pendapat responden terhadap hadith ketiga.....	449-450
Jadual 6.3.4 Pendapat responden terhadap hadith keempat.....	452
Jadual 6.3.5 Pendapat responden terhadap hadith kelima.....	454
Jadual 6.3.6 Pendapat responden terhadap hadith keenam.....	457
Jadual 6.3.7 Pendapat responden terhadap hadith ketujuh.....	459
Jadual 6.3.8 Pendapat responden terhadap hadith kelapan.....	461
Jadual 6.3.9 Pendapat responden terhadap hadith kesembilan.....	463
Jadual 6.3.10 Pendapat responden terhadap hadith kesepuluh.....	465

Jadual 6.4.1 Jumlah purata terhadap pengetahuan hadith.....	468
Jadual 6.4.2 Jumlah purata terhadap amalan hadith.....	472
Jadual 6.4.3 Jumlah purata terhadap hukum hadith.....	476
Jadual 6.4.4 Jumlah purata terhadap perlunya penyebaran hadith.....	479
Jadual 6.4.5 Jumlah purata terhadap penyebaran hadith kepada orang lain.....	482

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 6.3.1 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (1).....	446
Rajah 6.3.2 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (2).....	449
Rajah 6.3.3 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (3).....	451
Rajah 6.3.4 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (4).....	453
Rajah 6.3.5 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (5).....	456
Rajah 6.3.6 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (6).....	458
Rajah 6.3.7 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (7).....	460
Rajah 6.3.8 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (8).....	462
Rajah 6.3.9 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (9).....	464
Rajah 6.3.10 Peratusan pendapat responden terhadap hadith (10).....	467
Rajah 6.4.1 Jumlah purata terhadap pengetahuan hadith.....	469
Rajah 6.4.2 Jumlah purata terhadap amalan hadith.....	473
Rajah 6.4.3 Jumlah purata terhadap hukum hadith.....	477
Rajah 6.4.4 Jumlah purata terhadap pentingnya penyebaran hadith.....	480
Rajah 6.4.5 Jumlah purata terhadap penyebaran hadith kepada orang lain.....	483

BAB 1 : PENDAHULUAN

PENGENALAN

Setiap yang datang daripada Rasulullah S.A.W, sama ada untuk menjelaskan hukum syarak atau mentafsirkan dan melaksanakan kandungan al-Qur'an dinamakan *Hadith Nawabi*. Al-Qur'an telah menjelaskan bahawa semua yang dikatakan Rasulullah S.A.W merupakan wahyu, sebagaimana dijelaskan di dalam firman Allah S.W.T dalam surah al-Najm: 53 : 4, berbunyi :

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ ﴿٤﴾

Maksudnya :

Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur'an atau hadith) tidak lain melainkan wahyu yang diwahyukan kepadanya.¹

Oleh itu, hadith merupakan satu daripada dua komponen wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T melalui Malaikat Jibril Alaihi Salam kepada baginda Nabi S.A.W. Bagi setiap muslim tidak mungkin dapat memahami syariat Islam yang sebenar melainkan dengan merujuk kepada dua sumber asasnya iaitu al-Qur'an dan Hadith. Kedudukan dan kepentingan hadith dalam Islam dan syariatnya semenjak zaman Rasulullah sehinggalah hari ini dan hari kiamat tidak dapat dinafikan sekalipun sentiasa wujud golongan yang cuba menolaknya. Hadith mempunyai hubungan kait yang sangat erat dengan al-Qur'an, kerana al-Qur'an tidak dapat dipahami secara mendalam melainkan dengan penjelasan Rasulullah S.A.W melalui hadith-hadithnya. Untuk itu al-Qur'an dan al-Hadith telah menjadi sumber rujukan utama dalam menerokai konsep

¹ Abdullah Basmah, 1980M, Tafsir Pimpinan al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an, hlm. 1486 (semua terjemahan ayat al-Qur'an dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an), Kuala Lumpur : Dar al-Fikr.

kehidupan seluruh alam dan dengan asas kedua rujukan ini pula manusia menjalani kehidupannya.

Pengajian hadith merupakan salah satu bidang pengajian yang sangat penting dan berpengaruh dalam pengajaran Islam. Dalam perkembangannya, hadith tersebar melalui perantara periwayatan dari seorang perawi kepada perawi lain sama ada periwayatan dengan lafaznya atau periwayatan dengan maknanya sahaja. Penyebaran hadith merata ke seluruh pelosok dunia, bermula daripada dataran Arab dan Timur Tengah hingga ke bumi Nusantara melalui perantara ulama-ulama Nusantara yang belajar ke Tanah Haram. Keunggulan dan kepakaran para ulama Nusantara dalam bidang keilmuan telah memberikan perubahan yang besar dalam bidang keagamaan dan peradaban intelektual Islam Nusantara. Sumbangan mereka yang paling besar ialah melalui karya-karya penulisan mereka yang memenuhi khazanah ilmu baik di Negara Arab mahupun di Negara yang bukan Arab sehingga sampai di Nusantara dan menyuburkan suasana pengajian ilmu di rantau ini. Hasil karya penulisan mereka yang bermutu dan bernilai tinggi sentiasa menjadi bahan rujukan dan panduan dipelbagai sekolah, pengajian tradisional yang dikenali sebagai pondok/pesantren dan universiti-universiti di tanah rantau dari masa ke semasa hingga saat ini.

Menyedari akan pentingnya karya-karya penulisan ulama-ulama Nusantara terdahulu, maka suatu kajian perlu dilakukan bagi menentukan kualiti suatu karya dan relevansinya untuk dijadikan rujukan pada masa sekarang dan masa yang akan datang, sekaligus menggalakkan kajian terhadap karya-karya para ulama Nusantara terdahulu untuk koleksi peribadi dan bahan bacaan dalam menambah wawasan keilmuan. Pembelajaran secara kritis terhadap karya-karya penulisan ulama-ulama terdahulu akan dapat memberi peluang kepada generasi hari ini untuk melihat hasil karya penulisan mereka.

Antara contohnya ialah kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* yang dikarang oleh Shaykh Nawāwī Bantenī. Kitab ini merupakan syarah kepada kitab *al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ad* karya Ibn Hajar al-'Asqalānī yang sampai sekarang masih ada. Kitab ini berisi nasihat-nasihat agama yang bersumber daripada hadith Rasulullah S.A.W, athar para Sahabat dan kata-kata hikmah para Hukama terkenal dari belbagai kalangan sama ada daripada ahli hadith, fiqh dan tasawuf. Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Drs.I.Solihin yang diterbitkan oleh Pustaka Amani Jakarta tahun 2002 dan ke dalam bahasa melayu oleh Abū Mazaya al-Hāfiẓ yang diterbitkan oleh Perniagaan Jahabersa Johor Baharu tahun 2010.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Hadith Nabi S.A.W merupakan sumber ajaran Islam yang kedua, ianya berfungsi sebagai penjelas terhadap al-Qur'an, merincikan yang global, mengkhaskan yang am, dan menerangkan ayat-ayat al-Qur'an. Selain itu hadith juga menjadi sumber syariat yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an. Dalam pengamalan sesuatu hadith, seseorang tidak boleh menggunakan hadith tersebut dan menjadikannya sebagai dalil secara langsung apabila dia tidak mengetahui ilmu hadith, kerana ilmu hadith ini sangat penting bagi memahami sesuatu hadith. Ataupun dia mendengar sesuatu hadith dari seseorang tanpa mengetahui sumber asal ke atas hadith tersebut, kerana tidak semua hadith yang disandarkan kepada Nabi S.A.W itu adalah benar-benar daripada baginda, oleh itu perlu meneliti sesuatu hadith secara keseluruhannya. Di antara hal yang dirunsingkan saat ini ialah bahawa kitab-kitab klasik terutama kitab tentang tasawuf atau nasihat-nasihat yang menjadi rujukan dalam pembelajaran dan pendidikan kita terlalu banyak menggunakan hadith-hadith yang belum ada hukumnya, padahal kalau

kita analisis ternyata hadits-hadith itu ada yang *Da'if*, amat *Da'if* bahkan ada yang *Mawḍū'* yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W.

Kandungan buku-buku tasawuf dan nasihat banyak sekali memuat hadits-hadith *Da'if* dan *Mawḍū'* yang sering dipetik oleh para ustaz yang tidak mengambil berat tentangnya. Misalnya dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* terdapat beberapa contoh hadits-hadith *Da'if* dan *Mawḍū'* yang sering diceramahi oleh para ustaz di antaranya ialah hadits yang diriwayatkan oleh al-Daylamī daripada Rasulullah S.A.W sebagai berikut² :

روي الديلمي أنه صلى الله عليه وسلم قال : ترك الدنيا اسر من الصبر واشد من حطم السيوف في سبيل الله ولا يتركها أحد الا أعطاه الله مثل ما يعطى الشهداء وتركها قلة الأكل والشبع وبغض الثناء من الناس فانه من أحب الثناء من الناس أحب الدنيا ونعيمها ومن سره النعيم كل النعيم فليدع الدنيا والثناء من الناس

Maksudnya : Diriwayatkan oleh al-Daylamī bahawa Nabi S.A.W bersabda : meninggalkan dunia itu lebih pahit daripada jadam dan lebih pedih daripada goresan pedang di medan sabilillah dan tiada yang mahu meninggalkannya melainkan orang yang Allah beri seperti para syuhada'. Meninggalkan perkara dunia adalah dengan cara sedikit makan dan kenyang dan tidak suka dipuji manusia, kerana sesiapa suka dipuji manusia bererti dia suka dunia dan nikmatnya, sesiapa suka memperoleh kenikmatan yang paling nikmat maka hendaklah meninggalkan dunia dan pujian daripada manusia.

² Nawawī al-Bantani, Muḥammad Nawāwī bin 'Umar al-Jāwī, t.th, *Naṣā'ih al-'Ibād*, hlm. 7-8, Surabaya : Dar al-Ilmu.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī, al-Munāwī mengatakan bahawa al-Bazzār juga meriwayatkan hadith ini.³ Hadith ini palsu disebabkan terdapat perawi ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahman al-Jazarī, seorang yang suka memalsukan hadith dan hadith ini diriwayatkannya daripada al-Thawrī. al-Dhahabī mengatakan bahawa ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahman al-Jazarī kalau meriwayatkan hadith daripada al-Thawrī maka dia akan meriwayatkan sesuatu yang *Munkar* dan sangat aneh, Ibn Ḥibbān telah menuduhnya sebagai perawi yang membuat hadith palsu. Ibn Hajar mengatakan bahawa riwayatnya daripada al-Thawrī sudah dikenal dikalangan pakar hadith sebagai riwayat palsu dan dia seorang yang suka mereka dan memalsukan hadith.⁴ Adalah yang mustahak bagi mereka dapat menarik perhatian orang awam serta membangkitkan emosi mereka agar menjadi takut atau senang dengan apa yang disampaikan. Permasalahannya tidak terhenti kepada buku-buku mengenai zuhud dan kemiskinan sahaja, bahkan ditemui juga dalam kitab-kitab yang berbentuk *Musnad*, *Mu’jam* dan kumpulan-kumpulan hadith lainnya telah menghimpun segala macam hadith, bermula dari yang paling *Ṣaḥīḥ* sampai kepada hadith yang paling *Da’if* dan *Mawḍū’*.

Kitab-kitab seperti ini sesungguhnya tidak dapat diguna pakai kecuali setelah *ditakhrīj* dan *ditaḥqīq* semula dengan betul. Begitu juga dengan buku-buku feqah yang berasaskan kepada hukum, penjelasan halal dan haram, mengenai apa yang disuruh dan apa yang dilarang oleh agama dalam perkara ibadah, muamalah, ahwal sakhsiyah semuanya tidak terhindar daripada hadith-hadith seperti ini walaupun sebenarnya para

³ al-Munāwī, ‘Abd al-Ra’uf al-Munāwī, 1356 H, Fayḍ al-Qadīr, Jil .3, hlm. 240, Mesir : Maktabah Tijariyah al-Kubra, al-Daylamī, 1986M, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, Jil. 2, hlm. 70, n.h. 2395, Bayrut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

⁴ al-Dhahabī, 1995 M, Mizān al-I’tidāl, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Ibn Hajar al-‘Asqalānī, 1406H, Lisān al-Mizān, Bayrut : Mu’assasah al-A’lāmī.

fuqahak telah sepakat bahawa tidak dibenarkan penggunaan hadith *Da'if* sebagai *hujah* dalam menetapkan hukum hakam Islam.

Atas dasar itu para tokoh ulama hadith ramai yang mengambil berat untuk *mentakhrif* hadith-hadith yang terdapat dalam buku-buku penting, agar pembaca dan pengkaji buku tersebut mengetahui dengan jelas permasalahannya, sehingga mereka tidak keliru dan tersalah dalam menghukumi hadith-hadith tersebut apakah ianya *Ṣaḥīḥ* atau *Da'if*. Antara contohnya ialah kitab *Durrat al-Naṣiḥ* yang dikarang oleh Shaykh al-Nawāwī Bantenī, kitab *Sharḥ 'Uqūd al-Lujjayn* juga karangan Shaykh al-Nawāwī Bantenī, kitab *Ta'lim al-Muta'allim* karangan Shaykh al-Zarnūjī, kitab *Tanbih al-Ghāfil* karangan Shaykh 'Abd Allāh bin 'Abd al-Mubīn, kitab *Hidāyah al-Ḥabīb fī Targhīb wa Tarḥīb* karangan Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranirī dan masih banyak lagi contoh lain yang mana semua kitab-kitab ini telah *ditakhrif* dan *ditaḥqīq* ulang oleh para ahli hadith sama ada daripada golongan pelajar mahupun daripada ulama-ulama yang telah aktif dalam berdakwah seperti Shaykh Abu 'Ubaydah Yūsuf bin Mukhtār al-Sidawī dengan tajuk bukunya *Koreksi Hadith-Hadith Da'if Popular*. Hal yang sama juga penulis lakukan terhadap kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* yang ditulis oleh Shaykh al-Nawāwī Bantenī.

Kitab ini pada awalnya telahpun dikaji dan dibahas oleh seorang pelajar master di UKM dengan menumpukan kajian *takhrif* hadith tetapi hanya terbatas pada 40 hadith sahaja bermula dari bab pertama hingga bab keempat. Setelah penulis buat kajian awal terhadap kitab ini, didapati bahawa ada enam bab lagi yang belum dikaji dan jumlah hadithnya 276 hadith. Dalam kajian awal ini pula, maka pada tahun 2010 terdapat

seorang pelajar master lagi di UKM telah mengkaji 40 hadith daripada bab kelima dalam kitab ini, maka baki daripada hadith-hadith dalam kitab ini semuanya berjumlah 236 hadith bermula daripada bab kelima hingga bab kesepuluh. Oleh itu penulis tertarik untuk melanjutkan kajian ke atas hadith-hadith kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* yang masih belum dikaji oleh yang lain serta meneliti kesan hadith-hadithnya terhadap masyarakat terutama di Sumatera Indonesia.

Penulis memilih buku ini untuk dianalisis hadith-hadithnya adalah kerana kitab ini cukup terkenal digunakan secara meluas di Indonesia yang menjadi bahan rujukan utama di sebahagian besar pondok pesantren dan ma'had khususnya di Jawa. Dalam kajian yang dibuat oleh Masdar F.Mas'udi dan rakan-rakan, mereka telah menyenaraikan kitab-kitab yang dibaca di 237 pesantren di Jawa dan Madura, dan 18 pesantren di luar Jawa dan Madura. Meskipun tidak disebutkan semua kitab yang dibaca pada setiap pesantren, namun terdapat 60 buah pesantren yang telah menggunakan kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* sebagai salah satu daripada kitab yang dibaca dan dipelajari.⁵ (Lihat jadual 1.1)

⁵ Masdar F.Mas'udi et. al, 1986 M, *Direktori Pesantren*, jil.1, hlm. 1-395, Jakarta : P3M.

Jadual 1.1 Penggunaan Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* di Pesantren Indonesia

Daerah	Nama Pesantren dan Kabupaten/Kotamadya
Jakarta	1. At-Tahiriyah, Bukit Duri, Tebet Jakarta Selatan.
Daerah Istimewa Yogyakarta	2. Raudatul Tholibin, Leteh, Rembang. 3. As-Salafiyah, Gamping, Sleman. 4. Miftahul Huda, Tempel, Sleman. 5. Wahid Hasyim, Depok Sleman.
Jawa Barat	6. Al-Barkah, Suka Jadi, Ciamis. 7. A l-Fitrah, Cipondoh, Tangerang. 8. Al-Hikmah, Cikijing, Majalengka. 9. Asy-Syafi'iyah, Pondok Gede, Bekasi. 10. Dar al-Tauhid, Arjawinangun, Cirebon. 11. Al-Nur al-Kasysyaf, Tambun, Bekasi. 12. Hidayatul Islam as-Syafi'iyah, Jati Sari, Karawang. 13. Jamiyatul Muhtadiat, Arjawinangun, Cirebon. 14. Miftahul Ulum, Pamanukan, Subang. 15. Islamiyah, Margasari, Bandung.
Jawa Tengah	16. Al-Huda, Cepogo, Boyolali. 17. Al-Itqan, Muktiharjo, Semarang. 18. Al-Manar, Tenganan, Semarang. 19. An-Nuriyah, Bumiayu, Brebes. 20. Azzahra, Pegandong, Kendal. 21. Al-Ittihad, Poncol Beringin, Semarang. 22. Futuchiyyah, Karangayu, Semarang. 23. Hidayatul Muhtadi'in, Tegal Rejo, Magelang. 24. Bustanul Thalibin, Tegal Waturayo, Pati. 25. Mislachul Muta'allimin, Moga, Pemalang. 26. Raudatul Muta'allimin, Gemuh, Kendal. 27. Sabilur Rosyad, Banja Rejo, Blora. 28. Al-Ihya Ulumuddin, Kidul, Cilacap.
Jawa Timur	29. Abu Dzarrin, Dander, Bojonegoro. 30. Ainul Yaqin, Reces, Probolinggo. 31. Al-Amien, Prenduan, Sumenep. 32. Al-Aziz, Mayang, Jember. 33. Al-Badri, Kalisat, Jember. 34. Al-Falah Minnuril 'Ulum, Jenggawah, Jember. 35. Al-Ishlah, Mayang, Jember.

36. Al-Istiqamah, Rejoso, Pasuruan.
37. Al-Khalili, Kalisat, Jember.
38. Bustanul Ulum, Kalisat, Jember.
39. Darul Falah, Rembang, Pasuruan.
40. Darun Najah, Tegal Dlimo, Banyuwangi.
41. Hidayatul Muhtadi'in, Wuluhan, Jember.
42. Miftahul Ulum, Leces, Probolinggo.
43. Miftahul Ulum, Ledokombo, Jember.
44. Nurul Hasan, Sukosari, Bondowoso.
45. Nurul Huda, Batu Soronggi, Sumenep.
46. Raudlatul Jannah, Kalisat, Jember.
47. Raudlatul Muhtadi'in, Tanjungsari, Ngawi.
48. Raudlatul Muta'allimin, Bungah, Gresik.
49. Raudlatul Muta'allimin, Kalisat Jember.
50. Salafiyah Kasyiful Ulum, Rambipuji, Jember.
51. Taman Giri, Silo, Jember.
52. Zainul Hasan, Kraksaan, Probolinggo.
- Sumatera** **53. Al-Hasyimiyyah, Tapanuli Selatan, Sumatera Utara.**
54. Mustafawiyah Purba Baru, Panyabungan, Sumatera Utara
55. Al-Adyan, Kota Nopan, Sumatera Utara.
56. Bustanul Arifin, Sidimpuan, Sumatera Utara.
57. Serambi Mekah, Padang Panjang, Sumatera Barat.
58. Tawallib Parabek, Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
59. MTI Canduang, Bukit Tinggi, Sumatera Barat.
- Kalimantan** **60. Libasut Taqwa, Kota Waringin Timur, Kalimantan Tengah.**

Sumber : Direktori Pesantren

Daripada data di atas dan ditambah dengan banyaknya penterjemahan dan pencetakan kitab di Indonesia, jelaslah bahwa kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* telah menjadi kitab yang terkenal dan dibaca luas di Indonesia. Sebagai kesannya, hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab ini banyak diguna pakai oleh masyarakat tanpa mengetahui kedudukan hadith-hadith tersebut. Oleh itu menganalisis kedudukan hadith-hadith kitab ini amat penting dilakukan, untuk menjaga umat Islam daripada menggunakan hadith-hadith yang *Da'if*, *Da'if* dan *Mawḍū'* sebagai sandaran hujah dan amalan ibadah

mereka. Sesungguhnya kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* yang mengandung hadits-hadits motivasi akan lebih baik diguna pakai selepas ditakhrij dan dianalisis dengan betul, sehingga boleh diketahui kedudukan sesuatu hadits apakah *ṣaḥīḥ*, *ḥasan*, *ḍa'īf*, *ḍa'īf jiddān* ataupun *mawḍū'*.

PERMASALAHAN KAJIAN

Al-Qur'an merupakan sumber utama bagi kaum muslimin dalam memahami Islam, dan tidak ada sedikitpun keraguan di dalamnya. Ia merupakan kitab yang dijamin oleh Allah S.W.T bersih dari segala kekurangan dan terpelihara daripada unsur-unsur kepalsuan dan unsur-unsur penambahan. Hadith pula merupakan sumber kedua dalam sistem hukum Islam selepas al-Quran, ianya menjadi tumpuan kepada musuh-musuh Islam yang ingin menghancurkan Islam dengan melakukan penambahan padanya, di samping ada faktor-faktor lain daripada kaum muslimin sendiri yang ingin melakukan penambahan ke atas hadith dengan pelbagai tujuan mereka. Kesannya hadith yang sampai kepada kita sekarang ada yang dihukum *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan*, *Ḍa'īf*, bahkan ada yang dihukum *Mawḍū'*.

Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* yang ditulis oleh Shaykh al-Nawāwī Bantenī, adalah salah satu kitab hadith yang masyhur dan digunakan secara meluas di Indonesia. Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* terdiri daripada 10 bab dan mengandungi 341 buah hadith. Pada awalnya kitab ini telah dikaji oleh seorang pelajar UKM, beliau mengkaji isi kitab ini sebanyak 4 bab dan hadithnya berjumlah 40 hadith, sedangkan pada bab kelima hingga bab terakhir berjumlah 276 hadith, 40 hadith pula daripada bab kelima ini dikaji lagi oleh seorang pelajar master di UKM iaitu pada tahun 2010, maka baki daripada hadithnya berjumlah 236 hadith yang belum dikaji.

Oleh itu penulis berusaha melanjutkan kajian terhadap kitab ini dengan cara *mentakhrīj*, menganalisis, mengkritik dan sedaya upaya memastikan kekuatan hukumnya sesuai dengan manhaj yang telah ditetapkan oleh ulama hadith sehingga para pembaca kitab ini nantinya dapat mengetahui hadith-hadith yang boleh digunakan dan yang tidak boleh digunakan sebagai *hujah* atau dalil. Selain daripada itu penulis berusaha untuk meneliti kesan dan pengaruh hadith *Da'īf* dan *Mawḍū'* dalam kitab ini terhadap masyarakat terutama di Sumatera Indonesia.

Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* digolongkan sebagai kitab tasawuf dan nasihat. Sudah menjadi satu hal yang sedia maklum dikalangan para ahli hadith bahawa kitab-kitab nasihat selain mengandungi hadith-hadith *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan*, ianya juga banyak mengandungi hadith *Da'īf*, amat *Da'īf* bahkan *Mawḍū'*. Apatah lagi jika pengarangnya bukan termasuk pakar hadith. Dengan tersebar luas dan masyhurnya kitab ini, maka tersebar luas dan masyhur pula hadith-hadith kandungannya. Kerana itu amat penting sekali mengkaji hadith-hadithnya guna membezakan sekaligus menjelaskan hadith-hadith yang boleh digunakan sebagai *hujah* dan dalil dengan hadith-hadith yang tidak boleh dijadikan *hujah* dan dalil.

Melalui kajian rintis atau kajian permulaan, didapati bahawa pengarang kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* tidak menyertakan sumber asal bagi sesebuah hadith, sehingga sulit bagi pembaca untuk mengetahui kebenaran hadith-hadithnya dan mesti diadakan penelitian ulang untuk mengetahui sumber asal bagi setiap hadith tersebut. Penulis juga tidak menyebutkan hukum daripada setiap hadith sehingga menyulitkan bagi pembaca untuk berhujah dengan hadith tersebut. Majoriti hadith-hadith yang dimuat dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* tidak menyebutkan sanad hadith mulai dari pangkal hingga ke *Rawī al-A'lā*. Pada sesetengah tempat hanya disebutkan *Rawī al-A'lā* sahaja tetapi hanya sedikit

sekali. Selalunya penulis hanya menyebutkan matan hadith langsung dan riwayat hadith tetapi dibuat secara ringkas dan singkat. Oleh itu, perlu ada penelitian mendalam terhadap hukum hadith dan sanad-sanad hadith sebenar. Selain daripada itu kitab ini juga telahpun dikaji oleh dua orang pelajar master di UKM dan didapati bahawa selain daripada hadith-hadith *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* kitab ini juga mengandungi hadith *Da'īf*, amat *Da'īf*, *Mawḍū'* bahkan ada yang tidak dijumpai sumbernya.

Apakah semua hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād* boleh diterima dan dijadikan sandaran dalam berhujah?. Apakah kitab ini boleh dijadikan rujukan dan pegangan dalam berdalil?, dan bagaimana pula kesannya terhadap masyarakat?. Untuk menjawab soalan ini penulis sangat tertarik sekali untuk melanjutkan kajian kitab ini dengan cara mengkaji dan menganalisis hadith-hadithnya supaya pembaca dapat mengetahui kebenaran hadith-hadith yang terdapat di dalamnya. Kemudian menyebarkan borang selidik supaya dapat diketahui kesan hadith terhadap masyarakat Islam khususnya di Sumatera Indonesia.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting, kerana ia membincangkan beberapa masalah penting dalam kajian hadith dan kesannya terhadap masyarakat, antaranya :

- 1.Kajian ini boleh dijadikan petunjuk mencari hadith dalam kitab-kitab sumber hadith, sehingga mudah diketahui mana hadith yang boleh dijadikan *hujah*, amalan dan mana yang tidak.
- 2.Menjelaskan taraf kedudukan hadith yang terkandung dalam kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād*.
- 3.Mengetahui sumber asli dan kesahihan daripada hadith-hadith kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād*.

4.Membincangkan beberapa lafaz *Jarḥ* dan *Ta'dīl* serta istilah yang digunakan oleh ulama untuk menghukum sebuah hadith. Kajian seumpama ini amat penting bagi setiap pengkaji hadith supaya dia tidak terlalu cepat dan mudah untuk menghukum sesebuah hadith.

5.Menilai sejauh mana hadith kitab *Naṣā'ih al-Ibād* diamalkan dalam masyarakat Islam teruma di Sumatera Indonesia.

6.Kajian ini dapat membantu masyarakat Islam supaya menjauhi penggunaan hadith-hadith *Da'īf*, amat *Da'īf*, *Mawḍū'*, kerana hadith *Mawḍū'* direka untuk menjauhkan masyarakat daripada mengikut ajaran Islam sebenar.

MATLAMAT KAJIAN

Kajian ini secara amnya bermatlamat untuk meninjau ketokohan ulama Nusantara iaitu Shaykh al-Nawāwī Bantenī, mentakhrij dan mengkaji baki daripada hadith-hadith yang terkandung di dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* sehingga dapat dikesan keseluruhan nilai hadith-hadithnya serta menetapkan hukum sebenar bagi setiap hadith yang telah dikaji kemudian mengetahui kesan hadith bagi masyarakat Islam di Sumatera Indonesia.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif, iaitu:

1. Meninjau ketokohan Shaykh al-Nawāwī Bantenī sebagai seorang ilmuwan Islam dan metodologi penulisan hadith dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād*.

2. *Mentakhrīj* dan menganalisis hadith-hadith yang belum dikaji daripada kitab *Naṣā'ih al-'Ibād*, mengkaji kekuatan setiap hadith dan mengenal pasti sumber-sumbernya.
3. Mengenal pasti kesan dan pengaruh hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* terhadap masyarakat Islam di Sumatera Indonesia.

SKOP KAJIAN

Skop Kajian ini dapat diringkaskan sepertimana berikut :

Dalam mengkaji kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* yang mengandungi 10 bab ini, pengkaji hanya tumpukan kepada usaha mencari sumber asal hadith tersebut. Selepas itu meneliti sanad hadith dengan mengkaji identiti perawi yang telah meriwayatkan hadith tersebut. Penulis juga membatasi kajian hadith ini kepada nas-nas yang disandarkan kepada Nabi S.A.W (*Marfū'*), sedangkan hadith-hadith yang *Mawqūf* dan *Maqtū'* serta khabar-khabar atau athar yang berasal daripada para Sahabat dan Tabi'in atau ulama sesudahnya, serta perkataan Nabi-Nabi sebelum Nabi Muhammad S.A.W tidak termasuk dalam kajian ini. Kajian ini hanya membahaskan 6 bab daripada semua bab yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* iaitu bermula daripada bab kelima hingga bab terakhir sahaja. Adapun jumlah bilangan hadith yang dikaji adalah sebanyak 236 hadith.

Dalam kajian borang selidik, pengkaji memilih kawasan pulau Sumatera, dan membatasinya kepada dua lokasi iaitu Sumatera Utara (di Kabupaten Mandailing Natal) dan Sumatera Barat (di Bandar Bukit Tinggi). Hadith-hadith yang diajukan kepada responden semasa menyebarkan borang selidik ialah 10 hadith, ianya dipilih mengikut kategori hadith *mardūd* iaitu *Da'īf*, amat *Da'īf* dan *Mawḍū'*. Selain itu, didapati bahawa

isi kandungan hadith berhubung kait dengan amalan seharian masyarakat dan matan hadith tidak terlalu panjang sehingga mudah difahami dan dihafal. Soalan yang diajukan kepada responden untuk setiap hadith ada lima iaitu pengetahuan terhadap hadith, beramal dengan hadith, persetujuan terhadap hukum hadith, keinginan untuk menyebarkan hadith dan pernahkah menyebarkan kepada orang lain. Adapun jumlah responden dalam kajian borang selidik ialah 210 responden.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi analisis dokumen (perpustakaan) dan lapangan (borang selidik). Pelbagai upaya akan dilakukan dalam usaha menjalankan penyelidikan ini sehingga akan memudahkan proses pengumpulan bahan. Maka metodologi yang akan digunakan oleh penulis ialah mengumpulkan pelbagai maklumat daripada dokumen-dokumen yang dikenal pasti dengan menggunakan dasar metode pengumpulan data.

Pengumpulan data merupakan antara metode yang paling banyak digunakan oleh penulis bagi mencari data-data atau fakta yang berhubungkait dengan tajuk kajian melalui sumber pertama iaitu kitab-kitab yang ditulis sendiri oleh Shaykh Nawāwī Bantenī mahupun sumber kedua seperti buku-buku, jurnal, majalah dan bahan-bahan bertulis lainnya yang bersesuaian dan berkaitan dengan tema yang menjadi tumpuan penelitian. Metode ini amat penting untuk melihat secara keseluruhan hal-hal yang berkaitan dengan kajian ini, melalui metode pengumpulan inilah beberapa landasan teori akan diperolehi penulis. Metode ini akan dilakukan dengan cara mengadakan penyelidikan perpustakaan (*library research*) di beberapa perpustakaan di Malaysia dan Indonesia dengan mengumpul berbagai maklumat yang berkenaan dengan tajuk kajian ini. Selain itu digunakan juga metodologi lapangan (borang selidik) untuk membuktikan

kesan dan pengaruh hadith-hadith dalam kitab ini terhadap masyarakat Islam di Sumatera Indonesia.

Metodologi mentakhrij hadith yang digunakan di dalam tesis ini ialah metodologi ulama abad ke 20 seperti Aḥmad Shākir, Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī, al-Ghumārī, Shu'ayb al-Arna'ūṭ, al-Albānī dan yang lainnya. Meskipun cara mereka adalah merupakan pengembangan daripada cara dan gaya ulama terdahulu, seperti al-Khaṭīb al-Baghdādī, al-Sakhāwī, al-Suyūṭī, al-Nawāwī, Ibn Ḥajar dan yang lainnya.

Menurut pandangan penulis bahawa metodologi yang digunakan oleh ulama *Muta'akhirin* lebih sesuai pada masa kini kerana sebuah hadith itu lebih mudah didapati di dalam kitab-kitab sumber hadith dibanding dengan cara ulama *Mutaqaddimin*, kerana cara mereka mentakhrij sebuah hadith terlalu ringkas. Ulama *Mutaqaddimin* mentakhrij hadith hanya menyebutkan ulama hadith yang meriwayatkan sebuah hadith itu. Seperti al-Bukhārī, Muslim dan yang lain tanpa menyebut kitab, bab dan jilid atau juzuk sebuah kitab. Manakala cara ulama *Muta'akhirin* dalam mentakhrij hadith lebih terperinci kerana mereka menyebut nama perawi, kitab, nombor kitab jika ada, bab, nombor hadith jika ada, jilid dan muka surat atau jilid dan muka surat sahaja. Rujukan utama dalam takhrij hadith ialah kitab *Mawsu'ah Aṭraf Ḥadīth Rasūlullah s.a.w*, *al-Mu'jam al-Mufahrash li Alfāz al-Ḥadīth* dan lain-lainnya.

Cara menghukum sebuah hadith, jika hadith itu diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim atau salah satu daripadanya dalam al-Ṣaḥīḥayn, maka hadith itu diberi hukum *Ṣaḥīḥ* tanpa komen terhadap perawi atau sanadnya, kerana ulama hadith telah sepakat menganggap bahawa semua hadith yang terdapat dalam al-Ṣaḥīḥayn adalah *Ṣaḥīḥ*. Hadith-hadith yang diriwayatkan oleh ulama selain al-Bukhārī atau Muslim

hukum hadithnya tergantung kepada kredibiliti perawi atau sanadnya dan matan hadith itu sendiri.

Hadith yang mempunyai syarat-syarat hadith *Ṣaḥīḥ*, iaitu sanadnya bersambung daripada awal hingga kepada Rasulullah S.A.W, semua perawinya *Thiqah* ('Adil dan *Dabīṭ*) atau setiap perawi yang disifatkan oleh Ibn Ḥajar al-'Asqalānī sebagai perawi yang *Ṣaḍūq* (boleh dipercaya), tidak ada 'Illah sama ada dalam sanad atau matan hadith itu tidak *Shādh*, maka hadith itu dihukum *Ṣaḥīḥ*. Untuk memastikan kesahihan sanad sebuah hadith, penulis memastikan nama setiap perawi dan pandangan ulama terhadap kredibiliti setiap perawi. Selain daripada itu penulis juga mengambil kira pendapat pengarang kitab sumber hadith itu sendiri dan pendapat ulama terhadap sebuah hadith, setelah penulis memastikan kredibiliti setiap perawi yang terdapat dalam sanad sebuah hadith, bermula daripada guru pengarang kitab sumber hadith hingga perawi sebelum Sahabat. Jika perawi tersebut dihukum 'Ādil⁶ maka tidak disebutkan lagi, dan jika ianya *jarḥ*⁷ maka penulis jelaskan kedudukannya.

Penulis tidak membincangkan peribadi sahabat kerana semuanya 'Ādil. Sebuah hadith itu dihukum *Ḥasan*⁸ jika syarat-syarat hadith *Ḥasan* terdapat dalam sebuah hadith iaitu sanadnya bersambung daripada awal hingga akhir, semua perawinya 'Ādil tetapi kurang *Dabīṭ*⁹ sehingga ulama mempertikaikan tentang peribadinya atau perawi itu disifatkan oleh Ibn Ḥajar sebagai perawi *Maqbūl*, tidak ada 'Illah¹⁰ sama ada dalam

⁶ Seorang muslim, *baligh*, berakal dan selamat daripada sebab-sebab fasik dan menjejaskan maruah.

⁷ Cacat perawi yang boleh mendedahkan sifat 'ādil dan hafazannya.

⁸ Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang kukuh dan teliti hafazannya tetapi dibawah syarat hadith *ṣaḥīḥ*.

⁹ Perawi yang hafazannya kuat dan teliti dalam penulisannya.

¹⁰ Kecacatan yang terdapat dalam *sanad* atau *matan* hadith yang menjejaskan sesebuah hadith.

sanad atau matan dan tidak *Shādh*¹¹. Hadith *Hasan* yang mempunyai penyokong (*mutābi*)¹² atau *Shāhid*¹³ daripada hadith *Hasan* apatah lagi hadith *Ṣaḥīḥ* maka ia menjadi hadith *Ṣaḥīḥ Lighayrih*¹⁴. Hadith yang terputus sanadnya salah seorang daripada perawinya *Da'if*, sanadnya terdapat 'illah atau matannya *Shādh*, maka hadith itu dihukum *Da'if*.

Hadith yang tidak terlalu *Da'if* boleh menjadi hadith *Hasan Lighayrih*¹⁵ jika terdapat perawi *Da'if* atau perawi lebih kuat darinya yang menyokong. Jika salah seorang daripada perawi hadith itu *Matrūk*¹⁶, banyak meriwayatkan hadith-hadith *Munkar*¹⁷ atau dituduh pernah berdusta dalam percakapannya, meskipun dia tidak pernah dusta dalam periwayatan hadith, maka hadith itu dihukum *amat Da'if*. Manakala hadith yang dianggap oleh ulama *lā aṣla lah*¹⁸, terdapat salah seorang daripada perawinya pembohong atau mereka-reka hadith, maka hadith itu dihukum *Mawḍū'*. Membincangkan kredibiliti seorang perawi dari segi '*Ādil* dan *Jarḥ*', penulis banyak menggunakan isitilah bahasa arab kerana sukar diterjemahkan dalam bahasa melayu. Akan tetapi penulis jelaskan maksudnya di bawah nota kaki dengan bahasa melayu.

¹¹ Hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang *thiqah* tetapi berlainan dengan hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang lebih *thiqah* darinya.

¹² Hadith yang sanadnya menguatkan sanad yang lain daripada hadith yang sama dan Sahabat yang meriwayatkannya adalah satu.

¹³ Hadith yang sama lafaz dan makna atau maknanya sahaja tetapi sahabat yang meriwayatkannya berlainan.

¹⁴ Hadith *hasan* yang diriwayatkan oleh beberapa riwayat hingga *sanad* menjadi kuat.

¹⁵ Hadith *Da'if* yang statusnya menjadi kuat kerana ada beberapa riwayat serta bukan kerana ada perawi fasiq atau berbohong.

¹⁶ Hadith yang ditinggalkan kerana perawinya dituduh berdusta, kesilapannya lebih banyak daripada *keṣaḥīḥannya* atau hadith yang diriwayatkan itu tidak dikenal oleh perawi-perawi yang terkenal.

¹⁷ Hadith yang *sanadnya* terdapat perawi yang amat pelupa atau sering silap dan dikenal *fasiq*, berselisih faham dengan riwayat *thiqah*.

¹⁸ Tiada sumber asalnya.

KAJIAN TERDAHULU (*LITERATURE REVIEW*)

Berdasarkan penelitian pengkaji dari pelbagai bentuk, sama ada daripada buku, akhbar, jurnal, tesis dan penelitian lainnya, maka didapati beberapa literature yang membahas tentang kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād* ataupun yang terkait dengan manhaj Shaykh Nawawī al-Bantani dengan kajian yang berbeza-beza sama ada mengenai isi kitab tersebut mahupun kajian terhadap selok-belok penulisnya ataupun kajian *takhrīj ḥadīth* yang ada dalam kitab tersebut, namun masih setakat kajian satu atau beberapa bab sahaja. Di antaranya pernah dikaji oleh :

- 1).Urwatul Wusqa bin Tabrani, dengan tajuk : *Kajian Hadith Kitab Naṣā'ih al- 'Ibād*, tesis sarjana (Master), FPI,UKM,(2004). Dalam kajian ini Urwatul Wusqa mengkaji *takhrīj ḥadīth*, mengemukakan kedudukan *ḥadīth* menurut pandangan ulama serta menghukumi *ḥadīth* dengan bersandar pada pendapat ulama-ulama *ḥadīth*, tetapi beliau hanya membatasi kajian hadithnya sebanyak 40 hadith sahaja bermula daripada bab pertama hingga bab keempat.
- 2).Endang Mukhlis Hidayat, dengan tajuk : *Kajian Takhrij Hadith dalam Kitab Naṣā'ih al- 'Ibād*, tesis sarjana (Master), FPI, UKM, (2011). Disertasi ini menyentuh tentang *takhrīj ḥadīth*, pengenalan kitab dan biografi pengarangnya, tetapi beliau membatasi kajian hadithnya sebanyak 40 hadith sahaja yang terdapat dalam bab lima.
- 3).Saepulloh, mahasiswa sarjana muda jabatan Tafsīr Ḥadīth, Fakulti Ushuluddin dan Filsafat Universiti Islam Negri (UIN) Syarif Hidayatullah, 2006, Jakarta, menulis Skripsi yang bertajuk : *Takhrij hadis kitab Nasa'ih al- 'Ibad : kajian analisis sanad dalam bab al-Suba'iy*. Dalam kajian ini, Saepulloh membuat kajian *takhrīj ḥadīth-ḥadīth* yang terkandung dalam bab *al-Suba'iy* (ke tujuh) sahaja. Dalam kajiannya

Saepulloh menjelaskan tentang kedudukan atau kualiti dan pandangan para ulama *ḥadīth* tentang *ḥadīth-ḥadīth* yang terdapat dalam bab ke tujuh daripada *ḥadīth* pertama hingga *ḥadīth* ke sembilan belas dengan menampilkan seluruh perawi-perawi *ḥadīth* yang akan di *takhrīj* kemudian diteliti satu persatu hingga pada penilaian *ḥadīth*.

4). Kitab ini diterjemahkan ke dalam bahasa melayu oleh Abu Mazaya al-Hafiz dengan tajuk : *Nasa'ih al-Ibad Imam Nawawi (nasihat-nasihat agama kepada calon penghuni syurga)*. Terjemahan ini telah diterbitkan oleh perniagaan Jahabersa Johor Bahru Malaysia pada tahun 2010, dan dicetak oleh Bin Halabi Press Thailand.

5). Kitab ini diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia oleh Drs.I.Solihin yang diterbitkan oleh Pustaka Amani, Jakarta tahun 2002.

6).Jurnal yang ditulis oleh seorang pelajar Phd University Kebangsaan Malaysia iaitu Ahmad Levi dengan tajuk : *Methodology Of Writing Hadith In The Works Of Muhammad Nawawi al-Bantani*, yang diterbitkan pada tahun 2012. Dalam jurnal tersebut beliau memaparkan metodologi Imam Nawawi dalam menulis hadith-hadith yang terdapat dalam karya beliau salah satunya adalah kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād*.

7).Skripsi yang ditulis oleh Siti Ulfah di UIN Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 2008, dengan tajuk : *Analisis Terjemahan I. Solihin Terhadap Nasa'ih al- 'Ibad Karya Ibn Hajar al-Asqalani (Study Kasus Model Terjemah Dan Kalimat Efektif)*. Dalam kajian ini beliau meneliti tentang metodologi penerjemahan kitab yang sudah diterjemahkan oleh I.Solihin dan apa motivasi atau faktor pendorong yang membuat I.Solihin menerjemahkan kitab tersebut.

8).Skripsi yang ditulis oleh Ema Isnawati di UIN Syarif Hidayatullah Jakarta pada tahun 2004, dengan tajuk : *Takhrij Hadish Bahaya 'UJB Kitab Nasa'ih al- 'Ibad*.

9).Syaiful Rahmat, mahasiswa sarjana muda jabatan Tafsīr Ḥadīth, Fakulti Ushuluddin dan Filsafat Universiti Islam Negri (UIN) Syarif Hidayatullah, 2009, Jakarta, menulis

Skripsi yang bertajuk : *Takhrij hadis kitab Nasa'ih al-'Ibad Karya Imam Nawawi al-Jawi al-Bantani: kajian analisis sanad dan matan dalam bab ke delapan*. Dalam kajian ini, Syaiful membuat kajian *takhrīj ḥadīth- ḥadīth* yang terkandung dalam bab ke lapan sahaja.

10). Jurnal yang ditulis oleh Lili Hidayati,M.Pd.I dengan tajuk : *Nashoihul 'Ibad Karya Syeh Nawawi al-Bantani Dan Pendidikan Kekinian*, yang diterbitkan pada tahun 2016. Dalam jurnal tersebut beliau memaparkan pemikiran pendidikan Syeh Nawawi dalam kitab *Nashoihul 'Ibad* sehingga dapat menambah wacana konsep pendidikan yang sudah sedia ada.

11). Skripsi yang ditulis oleh Rifyal Mahmudin dengan tajuk : *Metode penerjemahan Fuad Kauma terhadap kitab Nashaihl Ibad karya Syaikh Nawawi al-Bantani*. Dalam Skripsi ini disebutkan bahawa penulis ingin mengetahui metode yang digunakan oleh penerjemah buku semasa menerjemahkan kitab Nasa'ih al-Ibad di antaranya ialah penerjemah menggunakan terjemahan harfiyah iaitu terjemahan mengikut teks asal.

Dari keterangan literature di atas pengkaji belum menemukan kajian yang berkaitan dengan tajuk tesis ini secara khusus, oleh itu pengkaji memandang bahawa amat perlu sekiranya melanjutkan kajian ulang terhadap kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* dengan cara mentakhrij dan menganalisis hadith-hadithnya kerana ianya merupakan kitab panduan penting yang dipelajari dipesantren-pesantren Indonesia dan meneliti kesan dan pengaruhnya terhadap masyarakat di Sumatera Indonesia.

University of Malaya

BAB 2 : BIOGRAFI SHAYKH NAWAWĪ AL-BANTĀNĪ DAN PENGENALAN

KITAB NAṢĀ'IH AL-'IBĀD

2.1 PENGENALAN

Shaykh Nawawī al-Bantanī adalah salah seorang ulama Nusantara yang masyhur dan terkenal. Beliau merupakan seorang ulama yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu. Karya-karya beliau telahpun diiktiraf oleh para ulama yang sezaman dengan beliau ataupun ulama sesudahnya. Menurut Samsul Munir Amin karya beliau berjumlah 41 karya dalam pelbagai bidang ilmu. Kerana kepakaran beliau dalam pelbagai bidang ilmu serta sebagai salah seorang pengajar di Masjid al-Haram pada masa itu sehingga beliau digelar dengan Sayyid Hijaz.¹

2.1.1 Nama dan Kelahiran

Nama lengkap Shaykh Nawāwī al-Bantanī ialah Abū 'Abd al-Mu'ṭī Muḥammad Ibn 'Umar Ibn 'Arābi Ibn Nawawī al-Jāwī al-Bantanī al-Tanārī, yang kemudian lebih dikenali dengan Shaykh Nawāwī al-Bantanī.² Beliau dilahirkan di desa Tanara, Kecamatan Tirtayasa, Banten bahagian Utara, tepatnya di Pesisir pantai yang berbatasan langsung dengan kabupaten Tangerang, Provinsi Banten Jawa Barat Indonesia pada tahun 1815 M bersamaan dengan 1230 H.³

¹ Samsul Munir Amin, 2011, Sayyid Ulama Hijaz: Biografi Syeikh Nawawi al-Bantani, hlm. 59, Jogjakarta : Pustaka Pesantren.

² Sarkis, Yūsuf 'Allān, tth, Mu'jam al-Maṭbū'ah al-'Arābiyyah wa al-Mu'arrabah, hlm. 1881, al-Qāhirah : Maktabah al-Thaqāfah al-Diniyyah.

³ Samsul Munir Amin, 2011, Sayyid Ulama Hijaz: Biografi Syeikh Nawawi al-Bantani, hlm. 9-10, Jogjakarta : Pustaka Pesantren.

2.1.2 Kewafatan Shaykh Nawāwī

Masa selama 69 tahun mengabdikan dirinya sebagai guru umat Islam telah memberikan pandangan-pandangan cemerlang atas pelbagai masalah umat Islam. Shaykh Nawāwī meninggal dunia di Mekah pada tarikh 25 Shawwal 1314 H bersamaan dengan tahun 1897 M, dalam usia 84 tahun, iaitu pada 24 Syawal 1314 H/1897 M. Makamnya terletak di pekuburan Ma'lā Mekah. Makam beliau bersebelahan dengan makam Ibn Hajar dan Asmā' binti Abū Bakar.⁴

2.1.3 Keluarga dan Salasilah Keturunan

Ditinjau daripada salasilahnya, Shaykh Nawawī berasal daripada garis keturunan orang besar dan terhormat. Shaykh Nawawī adalah keturunan Sunan Gunung Jati, salah seorang pejuang dan penyebar Islam di tanah Jawa yang tergabung dalam Walisongo. Shaykh Nawawī adalah putera pertama K.H 'Umar dari tujuh adik beradik iaitu : 1. Syaikh Nawāwī, 2. Aḥmad Shihābuddīn, 3. Sa'id, 4. Tamīn, 5. 'Abdullāh, 6. Shakilah, 7. Shahriyah.⁵ Ayahnya K.H 'Umar Ibn 'Arābī seorang ulama dari Desa Tanara yang memimpin Masjid dan pesantren di Desa tersebut.⁶ Dilihat daripada salasilahnya, Shaykh Nawawī merupakan keturunan ke-12 daripada Mawlana Syarif Hidayatullah (Sunan Gunungjati), iaitu keturunan daripada putera Mawlana Hasanuddin (Sultan Banten Pertama) yang bernama pangeran Suryararas.⁷

⁴ Rafi'uddin Ramli, H, tth, Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banteni, hlm. 7, Banten : Yayasan Nawawi Tanara.

⁵ Rafiuddin Ramli, H. tth, Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi, hlm .5, Banten : Yayasan Nawawi Tanara.

⁶ Chaidar, 1978, Sejarah Pujangga Islam Syaikh Nawawi Banteni, hlm. 5, Jakarta : CV Sarana Utama.

⁷ Ibid, hlm. 25.

Sebagaimana ditulis oleh Rafiuddin Ramli, urutan salasilah Shaykh Nawawī dari jalur ayah adalah seperti berikut:

Shaykh Nawawi -- Bin Kiai Umar -- Bin Kiai Arabi -- Bin Kiai Ali -- Bin Ki Jamad -- Bin Ki Janta -- Bin Ki Masbuqil -- Bin Ki Masqun -- Bin Ki Mawi -- Bin Ki Tajul Arsy (Pangeran Suryararas) -- Bin Maulana Hasanuddin -- Bin Maulana Syarif Hidayatullah Cirebon -- Bin Raja Amatuddin Abdullah -- Bin Ali Nurdin -- Bin Maulana Jamaluddin Akbar Husain -- Bin Imam Sayyid Ahmad Syah Jalal -- Bin Abdullah Adzman Khan -- Bin Amir Abdullah Malik -- Bin Sayyid Alwi -- Bin Imam Ubaydillah -- Bin Imam Ahmad Muhajir Ilallahi -- Bin Imam Isa An-Naqib -- Bin Imam Muhammad al-Baqir -- Bin Imam Ali Zainal Abidin -- Bin Sayyidina Husain -- Bin Sayyidatuna Fatimah Az-Zahra -- Binti Muhammad S.A.W.⁸

Adapun salasilah Syaikh Nawawī dari jalur ibunya yang bernama Zubaydah, jika ditelusuri akan sampai kepada para bangsawan Kesultanan Banten dan Sunan Gunung Jati juga.⁹ Ibunya dikenali sebagai seorang ibu yang warak, dan memberi sepenuh sayang terhadap anak-anaknya. Atas peranan aktif daripada kedua orang tuan beliau, Syaikh Nawāwī telah terdidik dalam lingkungan keluarga yang mempunyai fahaman agama yang kuat dan berpendidikan.¹⁰ Dengan demikian sudah sewajarnya kehidupan beliau banyak diwarnai dengan corak kehidupan Islam yang syumul.

⁸ Rafi'uddin Ramli, H, tth, Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banten, hlm. 11-12, Banten : Yayasan Nawawi Tanara.

⁹ Ibid.

¹⁰ Abdurahman Nawawi al-Bantani, 1996 M, An Intellectual Master of the Pesantren Tradition, Dalam Studi Islamika, no. 3, hlm. 86, vol. 3, Jakarta : INIS.

2.1.4 Pendidikan dan Pengajaran

A. Pendidikan/Pengajian

Sejak usia 5 tahun Shaykh Nawawī sudah mendapat bimbingan dan pengajaran dari ayahnya, Kiai Umar. Pelajaran yang dia dapat mula-mula adalah ilmu-ilmu dasar agama Islam dan bahasa Arab. Pengajaran daripada sang ayah berlangsung kurang lebih 3 tahun, dan setelah itu Shaykh Nawawī bersama kedua saudaranya, Tamim dan Ahmad belajar daripada Haji Sahal, seorang guru di Banten yang kala itu sangat terkenal, kemudian mereka bertiga belajar kepada Raden Haji Yusuf, seorang ulama terkenal di daerah Purwakarta dekat Karawang. Setelah beberapa tahun menuntut ilmu iaitu kurang lebih 6 tahun, Shaykh Nawawī kembali ke desa kelahirannya di Tanara.¹¹

Semenjak kedatangan Shaykh Nawawī dan adik-adiknya, pesantren ayah mereka di Tanara menjadi ramai. Setelah ayahnya meninggal, Shaykh Nawawī menggantikan ayahnya memimpin pesantren, meskipun pada waktu itu umurnya masih muda, iaitu 13 tahun. Pesantren ayahnya semakin berkembang semenjak Shaykh Nawawī hadir dan ikut mengajar para santeri di Tanara. Meskipun demikian, keadaan itu tidak berlangsung lama, hanya 2 tahun sahaja. Kerana beliau akhirnya memutuskan berangkat haji ke tanah suci Mekah. Shaykh Nawawī pergi ke Mekah untuk kali pertama pada usia 15 tahun iaitu tahun 1830.¹² Di Mekah, Shaykh Nawawī tinggal selama kurang lebih 3 tahun. Setelah itu beliau kembali ke tanah kelahirannya, Tanara, Banten. Tiga tahun

¹¹ Samsul Munir Amin, 2011, Sayyid Ulama Hijaz: Biografi Syeikh Nawawi al-Bantani, hlm. 19-22, Jogjakarta : Pustaka Pesantren.

¹² Chaidar, 1978, Sejarah Pujangga Islam Syaikh Nawawi Banten, hlm. 7, Jakarta : CV Sarana Utama.

kemudian, beliau kembali lagi ke Mekah sebab situasi tanah air yang tidak menguntungkannya serta untuk meneruskan pengajian dan tinggal di sana.¹³

Di Mekah Shaykh Nawawī belajar dengan beberapa guru, antaranya :

- Shaykh Sayyid Aḥmad al-Nahrawī
- Shaykh Sayyid Aḥmad Dimyaṭī
- Shaykh Sayyid Aḥmad Zayni Dahlan
- Shaykh Abdulghani Bima
- Shaykh Yusuf Sumbulawenī
- Shaykh Abdu Ḥamid al-Daghastanī¹⁴

Di Madinah beliau belajar kepada Muḥammad Khāṭib al-Hanbalī.¹⁵

B. Pengajaran

Dengan bekal ilmu pengetahuan yang telah di perolehinya selama melakukan rihlah yang cukup panjang (kurang lebih 30 tahun), Shaykh Nawawī mulai memberi pelajaran (halaqah di Masjid al-Haram). Shaykh Nawawī mengajar di Masjid al-Haram menggunakan bahasa Jawa dan Sunda ketika memberi keterangan terjemahan kitab-kitab berbahasa Arab. Oleh itu tidak ramai muridnya yang berasal daripada luar pulau Jawa seperti Sumatera, Semenanjung Melayu dan Patani. Murid-murid yang mengikuti pengajian beliau berasal daripada belbagai negeri. Majoriti berasal dari Indonesia seperti Banten (Jawa Barat), Madura, Minangkabau, Ternate dan lain-lain.¹⁶ Ramai dari

¹³ Samsul Munir Amin, 2011, Sayyid Ulama Hijaz: Biografi Syekh Nawawi al-Bantani, hlm. 19-22, Jogjakarta : Pustaka Pesantren.

¹⁴ Ibid, hlm, 40-41.

¹⁵ Ensiklopedia Islam Indonesia, 1993 M, juz.2, hlm. 841-842. Jakarta : Depdikbud Indonesia.

¹⁶ Prof.Dr. Hamka, 1981, Dari Perbendaharaan Lama, hlm . 95-96, cetakan pertama , Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

kalangan anak murid beliau merupakan tokoh ulama dan pemimpin umat (pesantren di Indonesia) antaranya ialah :

- K.H Hasyim Ash'ari seorang tokoh pendiri organisasi Nahdatul Ulama (NU) berasal dari Tebuireng Jombang, Jawa Barat.
- K.H Khalil, dari bangkala Madura.
- K.H Raden Asnawi dari Kudus, Jawa Tengah.
- K.H Tubagus Muhammad Asnawi dari Labuan, Jawa Barat.
- K.H Tubagus Bakri dari Purwakarta, Jawa Barat.
- K.H Ilyas, dari Serang Banten.
- K.H Abdul Gaffer, dari Tirtayasa Banten.
- K.H Nahjun dari Tangerang, Jawa Barat.¹⁷
- H.Wasit dari Banten, seorang pahlawan Banten dalam mengusir penjajah Belanda.¹⁸

Terdapat juga murid beliau yang berasal dari Malaysia seperti K.H Dawud, seorang ulama berasal dari Negeri Perak.¹⁹ Tercatat bahawa jumlah murid yang mengikuti pengajian beliau setiap tahun kurang lebih 200 orang dan berlangsung selama 15 tahun.²⁰ Selain mengajar, beliau juga aktif menyampaikan seminar di beberapa Universiti, antaranya ialah seminar yang diadakan oleh Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1870.²¹ Semasa mengajar Shaykh Nawawī dikenal sebagai seorang guru yang suka bermuzakarah (berdiskusi). Beliau menerima sebarang pandangan atau ide

¹⁷ Rafiuddin Ramli, H. tth, Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi, hlm .10, Banten : Yayasan Nawawi Tanara.

¹⁸ Prof.Dr. Hamka, 1981M, Dari Perbendaharaan Lama, hlm . 96, cetakan pertama , Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

¹⁹ Ensiklopedia Islam, 1994, cetakan ke-3, juz. 4, hlm ,24 Jakarta : PT, Ichtiar Baru Van Hoeve.

²⁰ Abdurahman, 1996M, Nawawi Banten , An Intellectual Master of the Pesantren Tradition, Dalam Studi Islamika, volume 3, no.3, hlm. 92, Jakarta : INIS

²¹ Ibid, hlm 89.

daripada murid-muridnya. Bertujuan untuk melatih mereka supaya berani menyatakan pendapat mahupun ide yang bagus dan cemerlang.²²

2.1.5 Hasil karya beliau

Shaykh Nawawī telah menulis 9 bidang disiplin ilmu pengetahuan, iaitu tafsir, fiqh, tajwid, ilmu tauhid, tasawuf, kehidupan Nabi, tata bahasa Arab, hadith dan akhlak.²³ Menurut satu sumber, Shaykh Nawawī telah berjaya menghasilkan 99 buah karya tulis, manakala menurut sumber lain menyatakan bahawa hasil karya beliau mencapai 115 buah yang mencakupi pelbagai bidang disiplin ilmu,²⁴ seperti ilmu tafsir, hadith, bahasa, tauhid, fiqh, tajwid, sirah, dan tasawwuf. Majoriti karya beliau merupakan syarahan bagi kitab-kitab ulama terkenal dengan keterangan dan gaya bahasa yang mudah dipahami.²⁵

Berdasarkan penelusuran terhadap pelbagai literatur yang ada, karya penulisan Shaykh Nawawī yang telah terbit dan tersebar berjumlah 41 buah. Karya-karya tersebut adalah :

1. *Al-Thimār al-Yāni'ah Sharḥ 'alā Riyāḍ al-Badī'ah*. Kitab fiqh ini merupakan komentar terhadap karya Shaykh Muḥammad Ḥasbullah.

2. *Tanqīḥ al-Qawl al-Ḥathīḥ Sharḥ 'alā Lubāb al-Ḥadīḥ*. Kitab yang membahas empat puluh hadith tentang perilaku utama ini merupakan ulasan terhadap karya Imam al-Suyūṭī.

²² Ibid, hlm, 92-93.

²³ C. Brockelmann, 1960 M, 'Al-Nawawi' Dlm. Encyclopedia of Islam, hlm. 1040-1041, Leiden : tpt.

²⁴ Ensiklopedia Islam, 1994M, cetakan ke-3, juz. 4, hlm ,24 Jakarta : PT, Ichtiar Baru Van Hoeve.

²⁵ Bruinesen, Martin Van, 1415H/1995M, Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat), hlm. 143, terjemahan, Bandung : Mizan.

3. *Al-Tawshīh Sharḥ ‘alā Fatḥ al-Qarīb al-Mujīb*. Kitab fiqh ini merupakan komentar terhadap karya Ibn Qāsim al-Ghazālī.

4. *Nūr al-Zalām Sharḥ ‘alā Manẓūmah bi ‘Aqḍah al-‘Awwām*. Kitab tauhid ini merupakan komentar terhadap karya Sayyid Aḥmad Marzūqi al-Makki.

5. *Tafsīr al-Munīr li Ma‘alīm al-Tanzīl Murah al-Labīd li Kashf Ma‘nā Qur’ān al-Majīd*.

Kitab ini adalah kitab tafsir al-Qur’an 30 juzuk yang terdiri dari 2 jilid besar. Jilid pertama terdiri dari 510 halaman, sedangkan jilid kedua terdiri dari 476 halaman. Kitab ini merupakan karya terbesar Shaykh Nawawī dan lantaran kitab ini pula beliau mendapat gelar Sayyid Ulama Hijaz (penghulu ulama Hijaz).

6. *Madārij al-Ṣu‘ūd Sharḥ ‘alā Mawlūd al-Nabawī* (Kitab Maulid al-Barzanji). Kitab ini tentang sejarah kehidupan Nabi S.A.W ini merupakan ulasan terhadap karya Imam Sayyid Ja’far al-Barzanjī.

7. *Fatḥ al-Majīd Sharḥ ‘alā al-Dār al-Farīd Fi al-Tawḥīd*. Kitab tauhid ini merupakan ulasan terhadap karya Imam Ahmad al-Nahrawī, gurunya.

8. *Fatḥ al-Ṣamad Sharḥ ‘alā Mawlūd al-Nabawī*. Kitab tentang sejarah kehidupan Nabi S.A.W ini merupakan komentar terhadap karya Aḥmad Qāsim al-Maliki.

9. *Nihāyah al-Zayn Sharḥ ‘alā Qurrah al-‘Ayn bi Muḥimmah al-Dīn*. Kitab fiqh dalam mazhab Shafī’ī setebal 407 halaman ini merupakan ulasan terhadap karya Shaykh Zainuddīn al-Malabarī, seorang ulama dari Malabar, Hindia.

10. *Sullam al-Fuḍalā Sharḥ ‘alā Manẓūmāt al-Adhkiyā*. Kitab tentang akhlak dan tasawuf ini merupakan ulasan terhadap karya Shaykh Imam Fadhl Zainuddīn.

11. *Marāqī al-'Ubūdiyyah Sharḥ 'ala Bidayah al-Hidayah*. Kitab tentang akhlak dan tasawuf ini merupakan komentar terhadap karya Hujjatul Islam, Imam al-Ghazālī.

12. *Sullām al-Munājah Sharḥ Kitāb Safīnah al-Ṣalāt*. Kitab tentang fiqh solat ini merupakan ulasan terhadap karya Sayyid Abd Allāh bin Umar al-Ḥaḍramī.

13. *Naṣā'ih al-'Ibād Sharḥ 'alā Munabbihāt al-Isi'dād li Yawm al-Ma'ād*. Kitab berisi petua kepada manusia terkait dengan hari kiamat ini merupakan ulasan terhadap karya Shaykh Sihabuddīn Aḥmad bin Aḥmad al-Asqalānī.

14. *Al-'Aqd al-Samīn Sharḥ 'alā Manẓūmāt al-Sittīn Mas'alatan al-Musammā bi al-Fatḥ al-Mubīn*. Kitab yang membahas enam puluh masalah yang berkaitan dengan tauhid dan fiqh ini merupakan ulasan terhadap karya Shaykh Muṣṭafā bin Uthmān al-Jāwī al-Qarufī, seorang ulama dari Garut.

15. *Bahjat al-Wasā'il Sharḥ 'alā al-Risālah al-Jāmi'ah Bayna Uṣūl al-Dīn wa al-Fiqh wa al-Taṣawuf*. Kitab yang membahas masalah tauhid, fiqh dan tasawuf ini merupakan komentar terhadap karya Shaykh Aḥmad ibn Zayd al-Habsyī.

16. *Targḥīb al-Mustaqīm Sharḥ 'alā Manẓūmāt Sayyid al-Barzanjī Zayn al-'Ābidīn fī Mawlid Sayyid al-Awwalīn*. Kitab yang membahas sejarah kehidupan Nabi ini merupakan ulasan terhadap karya al-Barzanjī.

17. *Tījān al-Durarī Sharḥ 'alā al-'Ālim al-'Allāmah Shaykh Ibrāhīm al-Bajūrī fī al-Tawḥīd*. Kitab yang membahas masalah tauhid ini merupakan ulasan karya Shaykh Ibrāhīm al-Bajūrī.

18. *Fatḥ al-Mujīb Sharḥ ‘alā al-Sharbinī fī ‘Ilm al-Manāsik*. Kitab yang membahas masalah manasik haji ini merupakan ulasan terhadap karya Shaykh Sharbinī.

19. *Mirqāt Ṣu’ūd al-Taṣdīq Sharḥ ‘alā Sullam al-Tawfīq*. Kitab yang membahas masalah tauhid, fiqh dan tasawuf ini merupakan ulasan terhadap karya Shaykh Abdullāh bin Ḥusayn Ba’alawī.

20. *Kāshifah al-Sajā Sharḥ ‘alā Safīnah al-Najā*. Kitab yang membahas masalah keimanan dan peribadatan (fiqh) ini merupakan ulasan terhadap karya Shaykh Sālim ibn Samīr al-Ḥaḍramī.

21. *Qāmi’ al-Ṭughyān Sharḥ ‘alā Manẓūmāt Shu’b al-‘Imān*. Kitab yang membahas masalah cabang-cabang iman ini merupakan penjelasan terhadap kitab Shaykh Zainuddīn al-Kusayni al-Malabarī.

22. *Al-Futūḥāt al-Madaniyyah Sharḥ ‘alā Shu’b al-‘Imāniyyah*. Kitab yang dinukil daripada karya al-Suyūṭī dan Muḥammad Ibn ‘Arabi ini membahas masalah cabang-cabang iman.

23. *‘Uqūd al-Lujayn fī Ḥuqūq al-Zaujayn*. Kitab ini membahas hak dan kewajiban suami-isteri.

24. *Fatḥ al-Ghafīr al-Khaṭṭiyyah Sharḥ ‘alā Naẓm al-Jurūmiyyah al-Musammā bi al-Kawkab al-Jaliyyah*. Kitab yang membahas masalah ilmu tata bahasa Arab ini merupakan ulasan terhadap karya Imam Abd al-Salām bin Mujāhid al-Nahrāwī.

25. *Qaṭr al-Ghayth Sharḥ ‘alā Masā’il Abī Layth*. Kitab ini membahas masalah keagamaan Islam dan merupakan ulasan terhadap karya Imam Abū Layth.

26. *Al-Fusūs al-Yaqūtiyyah Sharḥ ‘ala Rawḍah al-Bahiyyah fī Abwāb al-Taṣrīfiyyah.*

Kitab ini membahas masalah ilmu *Saraf*.

27. *Al-Riyāḍ al-Fawliyyah.*

28. *Sulūk al-Jaddah Sharḥ ‘alā Risālah al-Muhimmah bi Lam’ah al-Mafādah fī Bayān*

al-Jum’ah wa al-Mu’addah. Kitab ini membahas masalah fiqh mazhab Shafi’i. Dicitak

oleh Maṭba’ah Wahabiyah, Mekah, pada tahun 1300 H.

29. *Al-Nahjah al-Jayyidah li Halli Naqāwāt al-‘Aqāid.* Kitab ini merupakan ulasan

terhadap kitab *Manzūmah*. Dicitak oleh penerbit Abd al-Razzāq, Mekah, pada tahun

1303 H.

30. *Ḥilyat al-Sibyān ‘alā Faṭḥ al-Raḥman.* Kitab yang membahas masalah tauhid ini

merupakan ulasan terhadap kitab *Faṭḥ al-Raḥmān*.

31. *Miṣbāḥ al-Zalām ‘alā al-Ḥikam.* Sebuah komentar terhadap kitab *al-Hikam* karya

‘Ali bin Hasanuddin al-Hindi. Kitab ini membahas masalah tasawuf. Diterbitkan di Mekah pada tahun 1314 H.

32. *Dharīfah al-Yaqīn ‘alā Umm al-Barāḥīn.* Sebuah komentar terhadap kitab *Umm al-*

al-Barāḥīn. Kitab ini membahas masalah tasawuf. Diterbitkan di Mekah pada tahun

1314 H.

33. *Al-Ibrīz al-Dānī fī Mawlid Sayyidinā Muḥammad Sayyid al-‘Adnānī*

34. *Bughyah al-Anām fī Sharḥ Mawlid Sayyid al-Anām.* Komentar terhadap kitab

Mawlid Ibn Jawzi. Dicitak di Mesir pada tahun 1297 H.

35. *Al-Durar al-Bahiyyah fī Sharḥ al-Khaṣā'is al-Nabawīyyah*. Ulasan terhadap kitab Qissah al-Mi'rāj karya Imam al-Barzanjī. Kitab ini membahas masalah *Isrā'* dan *Mi'rāj* Nabi S.A.W.

36. *Kashf al-Marūṭīyyah 'an Sattār al-Jurūmiyyah*. Komentar terhadap kitab al-Jurūmiyyah. Kitab ini membahas masalah ilmu nahu (tata bahasa Arab) dan diterbitkan oleh penerbit *Saraf* pada tahun 1298 H.

37. *Lubāb al-Bayān*. komentar terhadap karya Shaykh Husayn al-Maliki. Kitab ini membahas ilmu balaghah dan sastra Arab. Diterbitkan oleh penerbit Muḥammad Mustafā, Mekah.

38. *Qūt al-Ḥabīb al-Gharīb Ḥāshiyah 'alā Fatḥ al-Qarīb al-Mujīb*. Merupakan penjelasan terhadap kitab al-Taqrīb karya Abū Sujā. Kitab ini membahas masalah fiqh.

39. *Sharḥ al-Allāmah al-Kabīr 'alā Manzūmāt al-'Alīm al-'Āmil wa al-Khabīr al-Kamīl al-Shaykh Muḥammad al-Masyhūr bi al-Dimyāṭī al-Latī Allafahā fī al-Tawassul bi al-Asmā' al-Ḥusnā wa bi Ḥadrat al-Nabī Sallallāhu 'Alayhi wa Sallama wa bi Ghayrihi min al-A'immah al-Akbar wa fī Madḥ Ahli Baitihi al-Abrār*. Kitab ini merupakan komentar terhadap karya Shaykh al-Dimyāṭī yang membahas masalah tawassul dan keimanan.

40. *Fatḥ al-'Ārifīn*.

41. *Sharḥ Burdah*. Merupakan komentar terhadap syair-syair al-Burdah karya al-Bushirī.²⁶

Karya-karya yang disebutkan di atas adalah karya Shaykh Nawawi yang sudah dicetak dan diterbitkan oleh pelbagai penerbit. Kitab-kitab tersebut tersebar hampir diseluruh wilayah dunia Islam. Di Indonesia, karya-karya Shaykh Nawawi boleh didapati dipelbagai kedai buku yang ada di Bandar-bandar.²⁷ Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan oleh Martin Van Bruinessen ke beberapa pesantren di Indonesia, ternyata karya-karya Shaykh Nawawī masih banyak diguna pakai sebagai materi pembelajaran di pesantren Indonesia.²⁸ Di samping itu, tidak kurang daripada 22 buah hasil karya Nawawī masih tersebar secara meluas, manakala 11 buah kitab karyanya adalah termasuk dalam kumpulan 100 kitab yang paling banyak digunakan di pesantren.²⁹ A.H Johns mendapati bahawa kesemua hasil karya beliau adalah dalam bahasa Arab yang sederhana. Hal ini mungkin kerana ia sesuai dengan tahap kemampuan masyarakat Nusantara dalam memahami bahasa Arab, tambahan pula sememangnya kitab-kitab beliau banyak digunakan di Nusantara.³⁰

Karya-karya Shaykh Nawāwī bukan hanya dikaji dan dipelajari di pesantren pulau Jawa sahaja tetapi juga diseluruh wilayah Asia Tenggara. Karya Shaykh Nawawī juga di pelajari disekolah-sekolah agama mindanou (Filipina selatan) dan Thailand selatan. Menurut Ray salam T. Mangondaan, peneliti di Institute Studi Islam University of Philipines, karya Shaykh Nawawī banyak dipelajari di sekolah agama Filipina

²⁶ Samsul Munir Amin, 2011, Sayyid Ulama Hijaz: Biografi Syeikh Nawawi al-Bantani, hlm. 59-65, Jogjakarta : Pustaka Pesantren.

²⁷ Ibid, hlm. 59-65.

²⁸ Bruinesen, Martin Van, 1415H/1995M, Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat), hlm. 239, terjemahan, Bandung : Mizan.

²⁹ Ibid, hlm 38.

³⁰ Johns, A.H Qur'anic Exegesis in the Malay Word, t.pt, t.tp, .t.th, hlm.3.

Selatan yang masih menggunakan sistim pembelajaran Tradisional.³¹ Keistimewaan yang ditemui dalam karya-karyanya adalah kemampuan beliau dalam menghidupkan isi karangan dengan memuat kisah-kisah yang mengandungi hikmah dan pengajaran sehingga dapat dijiwai oleh pembaca. Menggunakan bahasa Arab yang sederhana sehingga mudah dipahami, oleh itu karya-karyanya disukai ramai pelajar dan pembaca.

2.1.6 Pujian Ulama Terhadap Shaykh Nawawī

Adalah sangat wajar apabila Shaykh Nawawī memperoleh penghargaan dan pujian terhadap hasil-hasil karya yang mencerminkan keluasan ilmu beliau. Gelaran-gelaran tersebut telah termaktub bersama kitab hasil karya beliau di antaranya :

1. *Min ‘Ayān ‘Ulamā al-Qarn al-‘Rabi’ al-Ashar li al-Hijrah* (tokoh ulama abad ke 14 Hijrah) dalam kitab *Nihāyah al-Zayn fīIrshād al-Mubtadi’īn*. Gelaran ini pula dinyatakan oleh Yusuf Aliyan Sarkis dalam kitabnya “ *Mu’jam al-Maṭbū’ah al-‘Arābiyyah wa al-Mu’arrabah*.
2. *al-Imām al-Muḥaqqiq wa al-Fahm al-Muḥaqqiq* tersebut dalam kitab “*Tijān al-Durari*.
3. *Sayyid ‘Ulamā Hijāz* dalam kitab *Tafsīr al-Munīr*.

Sekiranya gelaran tersebut dipecahkan, maka ternyata ia merangkumi tiga disiplin ilmu, iaitu dalam bidang ilmu Fiqh seperti gelaran yang pertama di atas, dalam bidang ilmu Tauhid seperti gelaran yang kedua, dan dalam bidang ilmu Tafsir seperti gelaran yang ketiga.³² Sedangkan dalam bidang Hadith , penulis belum mendapati gelaran yang

³¹ Agus Sutopo, 2008M, Sumbangan Nawawi al-Bantani Dalam Bidang Hadis : Kajian Terhadap Kitab Tanqih al-Qawl, hlm. 53, Disertasi Majister. Jabatan al-Quran dan Hadis. Akademi Pengajian Islam, UM.

³² Asnawi, 1989M, Pemikiran Shaykh Nawawi Tentang Ayat Qada’ dan Qadar Dalam Kitab Tafsirnya Marah Labib, hlm. 38, Tesis Sarjana, IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

diberikan orang kepada beliau. Gelaran-gelaran lain yang diberikan kepada beliau ialah ulama al-Hijaz, Imam ulama al-Haramayn, salah seorang fuqaha' dan Hukama al-Mutaakhirin dan maha guru pada Nasrul Ma'arif Diniyyah di Makkah.³³ Prof.Dr.Hamka menyebut bahawa Shaykh Nawawī merupakan tokoh ulama besar diawal abad ke empat belas hijrah atau dipenghujung abad ke tiga belas. Umur beliau banyak dihabiskan untuk mengarang kitab-kitab yang sangat berguna bagi bangsanya, terutama orang Jawa, Sunda dan Banten. K.H DR. Idham Chalid pernah memuji beliau dengan menyatakan : karangan Shaykh Nawawī mencakupi seluruh bidang disiplin ilmu yang sangat diperlukan oleh ummat Islam (Indonesia). Kitab-kitabnya tersebar luas di benua Asia dan Timur Tengah. Oleh itu, beliau berhak mendapat gelaran pujangga dunia.³⁴

2.2 PENGENALAN KITAB NAṢĀ'IH AL-'IBĀD

2.2.1 Tajuk Perbahasan Kitab

Kitab Naṣā'ih al-'Ibād termasuk dalam kategori kitab nasihat dan *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian diri). Kitab ini berisi nasihat-nasihat agama yang bersumber daripada hadith-hadith Nabi S.A.W, atsar para Sahabat dan kata-kata hikmah para hukama terkenal daripada pelbagai kalangan sama ada daripada ahli hadith, fiqh dan tasawuf. Kitab Naṣā'ih al-'Ibād ini mengandungi 4 pokok perbahasan iaitu :

- i. Ayat-ayat al-Qur'an.

Ayat-ayat al-Qur'an yang ditafsirkan oleh Shaykh Nawawī dalam kitabnya ini adalah ayat-ayat yang berhubung kait dengan sebahagian hadith-hadith dan athar-athar yang

³³ Ensiklopedia Islam Indonesia, 1993M, juz.2, hlm. 845. Jakarta : Depdikbud Indonesia.

³⁴ Chaidar, 1978 M, Sejarah Pujangga Islam Shaykh Nawawi Banten, hlm. vi, Jakarta : CV Sarana Utama.

disebutkan oleh pengarang kitab *al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ād* ataupun yang berhubungan dengan syarahan beliau, jumlahnya tidak terlalu banyak.

ii. Hadith-hadith Nabi Muhammad S.A.W.

Kitab ini banyak mengandungi hadith-hadith daripada Rasulullah S.A.W yang bilangannya sebanyak 341 hadith baik ditulis dalam bentuk matan langsung ataupun ditulis dalam bentuk makna sahaja, dari pelbagai tingkat kesahihan hadith (*Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan*, *Ḍa'īf* dan amat *Ḍa'īf*, *Mawḍū'* bahkan ada yang tidak dikesan sumbernya) yang akan diterangkan lebih jelasnya nanti pada bab selanjutnya.

iii. Nasihat

Nasihat merupakan pokok utama daripada kandungan kitab ini sebagaimana nampak jelas dalam nama kitab ini : *Naṣā'ih al-'Ibād* yang bermaksud (nasihat untuk manusia), nasihat-nasihat ini dikutip daripada :

- a. al-Qur'an dan Tafsirnya.
- b. Hadith-hadith Nabi Muhammad S.A.W.
- c. Cerita dan hikayat daripada Rasul dan ulama-ulama terdahulu ataupun orang yang selepasnya.
- d. Kata-kata hikmat daripada Sahabat-sahabat Nabi, para ulama yang mengandungi nasihat dan pelajaran.
- e. Syair-syair yang berisikan hikmat.

iv. Permasalahan Fiqh

Permasalahan fiqh bukanlah tajuk daripada kitab ini, oleh itu beliau sangat sedikit membahasnya.

2.2.2 Isi Kandungan Kitab

Kitab Naṣā'ih al-'Ibād ini mengandungi 10 Bab ditambah dengan muqaddimah tanpa menyebutkan khatimahnya. Berikut ini akan diuraikan secara terperinci :

i. Muqaddimah

Ketika memulakan penulisan kitab ini, Shaykh Nawawī memulakan penulisan dengan Basmalah, selepas itu diteruskan dengan ucapan pujian kepada Allah dan mengucapkan Selawat ke atas junjungan besar Rasulullah S.A.W. Tajuk kitab, Naṣā'ih al-'Ibād diletakkan sebelum muqaddimah, makna tajuk telah disesuaikan dengan topik-topik asas yang akan dibincangkan pada setiap babnya. Dalam muqaddimah, Shaykh Nawawī cuba untuk memahamkan kepada pembaca ide pemikiran beliau dengan membuat kenyataan-kenyataan yang menarik sehingga kitab ini mudah dikaji dan dipahami.

ii. Bab Pertama

Pada bab pertama, Shaykh Nawawī menyebutkan dua hadith sahaja seolah-olah merupakan pembuka bagi kitab ini, dan dua hadith tersebut tidaklah terdapat dalam kitab al-Isti'dād li Yawm al-Ma'ād oleh Ibn Ḥajar. Namun beliau menyebutkannya untuk tabarruk dengan dua hadith tersebut yang beliau dapatkan secara ijazah³⁵ daripada gurunya Syaikh Muḥammad Khāṭib al-Shāmī al-Ḥanbalī dan al-'Allamah al-Sayyid Muḥammad al-Marsafī al-Maṣrī, sebagaimana beliau terangkan dalam pembukaan kitabnya.

iii. Bab Kedua

Pada bab kedua, Shaykh Nawawī menjelaskan nasihat-nasihat tentang dua perkara yang terdiri daripada 30 nasihat. Dimulai dengan fasal Iman dan kepentingan membantu masyarakat kemudian diakhiri dengan fasal nikmatnya mendekatkan diri kepada Allah

³⁵Ijazah bererti membenarkan seseorang meriwayatkan hadith atau kitab, atas kuasa yang diberi oleh seseorang alim atau ulama yang mengizinkannya.

S.W.T dan pahitnya menjauhkan diri dari-Nya. Dalam bab ini banyak nasihat-nasihat tentang dua perkara yang perlu diambil kira oleh si hamba. Contohnya pada fasal 24 bertajuk (*punca segala kesalahan dan semua fitnah*), dalam fasal tersebut dinyatakan bahawa punca segala kesalahan adalah cinta dunia, sedangkan sebab utama semua fitnah adalah enggan membayar zakat. Dalam bab ini banyak nasihat tentang dua perkara yang saling berkait antara satu sama lain.

iv. Bab Ketiga

Pada Bab ketiga, Shaykh Nawawī menjelaskan nasihat-nasihat tentang tiga perkara yang terdiri daripada 55 nasihat. Misalnya pada fasal 2 bertajuk (*tiga perkara yang tidak dapat diperolehi dengan tiga perkara*), dalam fasal ini dinyatakan bahawa, tiga perkara tidak dapat dicapai dengan tiga cara iaitu kekayaan tidak dapat diperolehi dengan berangan-angan, usia muda tidak dapat diperolehi dengan mewarna rambut dan sihat tidak dapat dicapai dengan ubat-ubatan. Begitulah seterusnya metode yang beliau gunakan dalam bab ke tiga ini.

v. Bab Keempat

Dalam bab keempat, Shaykh Nawawī menjelaskan nasihat-nasihat tentang empat perkara yang terdiri daripada 37 nasihat. Dimulai dengan fasal (*empat nasihat Nabi S.A.W kepada Abū Zār al-Ghifārī*) dan disudahi dengan fasal (*empat amalan yang menjadi pemangkin segala ibadah*). Dalam bab ini, semua nasihat mengandungi empat perkara dan pelbagai macam bentuknya ada yang berkaitan dengan ibadah, tentang syurga dan neraka, tentang dosa dan syahwat dan sebagainya. Dalam bab ini pengarang mengajarkan kita untuk sentiasa berhati-hati dengan empat perkara dan memberi ganjaran amal dengan empat perkara.

vi. Bab Kelima

Dalam bab kelima, Shaykh Nawawī memberikan penjelasan nasihat-nasihat tentang lima perkara yang terdiri daripada 27 nasihat. Dimulai dengan nasihat bahaya mengabaikan ulama, pemerintah, jiran, kerabat dan isteri dan disudahi dengan nasihat tiada lima keindahan tanpa lima perkara.

vii. Bab Keenam

Dalam bab keenam, Shaykh Nawawī memberi penjelasan tentang nasihat-nasihat enam perkara, semuanya terdiri daripada 17 nasihat. Contohnya enam perkara ganjil yang ada pada enam tempat, dan enam macam kurnia yang paling baik. Semua nasihat pada bab enam ini beragam-ragam ada perkara hati, perkara dunia, tipu daya dan sebagainya.

viii. Bab Ketujuh

Dalam bab ketujuh, Shaykh Nawawī menjelaskan tentang nasihat-nasihat yang berkaitan dengan tujuh perkara, yang terdiri daripada 10 nasihat. Di antaranya ialah 7 golongan yang akan mendapat naungan Arasy Allah S.W.T, dan tujuh perkara yang mesti dipilih oleh orang yang berakal.

ix. Bab Kelapan

Pada bab kelapan, Shaykh Nawawī menjelaskan nasihat-nasihat tentang lapan perkara, yang terdiri daripada 5 nasihat. Misalnya lapan perkara yang tidak pernah merasa puas dari lapan hal, lapan tanda orang yang makrifat. Semua isi bab ini adalah nasihat-nasihat yang berkaitan dengan lapan perkara. Isinya mengandungi tentang hiasan dunia, ketamakan, kebaikan dan sebagainya.

x. Bab Kesembilan

Pada bab kesembilan, Shaykh Nawawī menjelaskan nasihat-nasihat tentang sembilan perkara, terdiri daripada 5 nasihat. Isinya mengandungi perkara tentang ibadah, dosa

dan penyesalan. Misalnya sembilan kemuliaan bagi orang yang menjaga solat dan contoh-contoh yang lain.

xi. Bab Kesepuluh

Pada bab kesepuluh, Shaykh Nawawī menjelaskan nasihat-nasihat tentang sepuluh perkara, terdiri daripada 29 nasihat. Isi kandungannya beragam, ada tentang keutamaan ibadah, perkara dosa, kebencian Allah, nasihat para Nabi, ujian, ubat hati dan sebagainya.

2.2.3 Metodologi Kitab Naṣā'ih al-'Ibād

Metodologi kitab Naṣā'ih al-'Ibād ini dapat kita bahagikan kepada dua iaitu secara Am dan Khas.

Metodologi Am

Maksud penulis dengan metodologi am ialah metodologi yang digunakan oleh Shaykh Nawawī dalam pembahagian fasal atau bab serta kaedah beliau dalam memulakan bab, kaedah dalam menyebutkan hadith, menerangkan athar dan menyebutkan nasihat-nasihat.

Metodologi kitab Naṣā'ih al-'Ibād secara amnya dapat disifatkan sebagai berikut :

- i. Pembahagian bab yang semuanya berjumlah 10 (bab).

Dalam membahagikan bab, kitab ini mengikut kepada kitab asalnya iaitu al-Isti'dād liyawm al-Ma'ād karangan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. Ibn Ḥajar membahagikan bab bersesuaian dengan isi kandungan hadith. Contohnya dalam bab 3 iaitu (Nasihat-nasihat tentang tiga perkara), maka beliau menyebutkan beberapa hadith Nabi S.A.W tentang tiga perkara yang menyelamatkan

manusia dan tiga perkara yang merosakkan manusia. Begitu juga untuk bab-bab yang lain.

- ii. Dalam memulakan bab, Shaykh Nawawī menyebut jumlah bilangan nasihat, bilangan *Khabar* dan bilangan *Athar* yang terkandung dalam bab yang berkenaan dan antara satu bab dengan bab lainnya berbeza jumlah bilangan nasihat, Khabar dan Atharnya.
- iii. Setelah menyebutkan hadith, beliau akan menerangkan maksud hadith tersebut, kemudian menyebutkan beberapa hadith dan perkataan para *Sahabat* dan *Tabi'in* yang berhubung kait dengan isi kandungan hadith, dan kadang kala beliau menerangkan isi kandungan hadith dengan sedikit tafsiran ayat al-Qur'an.
- iv. Dalam menerangkan *athar* (perkataan Sahabat dan Tabi'in), beliau juga menggunakan metode di atas tetapi majoriti *athar* ini digunakan sebagai pelengkap bagi keterangan hadith-hadith Nabi yang diutarakannya dan kadang kala beliau menerangkan perkataan Sahabat, Tabi'in, atau ulama sesudahnya dengan menghubungkan kaitkannya dengan hadith.
- v. Setelah menyebutkan hadith dan athar beliau juga menyebutkan nasihat-nasihat yang berhubung kait dengan hadith dan athar tersebut, yang banyak diambil daripada perkataan ulama dan kadang-kadang beliau mengemukakan pandangannya sendiri.

Metodologi Khas

Metodologi khas yang dimaksudkan di sini adalah metodologi Shaykh Nawawī dalam penulisan hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini, sebab ia merupakan unsur terpenting dalam pembahasan kitab. Oleh itu kajian tesis ini ditumpukan untuk membahasnya.

Metodologinya adalah :

- i. Menukil hadith daripada kitab-kitab hadith.

Dalam menulis hadith, Shaykh Nawawī menukilnya daripada kitab-kitab hadith asas seperti *al-Kutub al-Sittah*, *Musnad Alḥmad*, *Mu'jam al-Ṭabarānī* dan kitab-kitab hadith lainnya. Beliau juga mengambil daripada kitab-kitab hadith yang bukan asas seperti : *Kitab al-Du'ā* karangan al-Ṭabarānī, *al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb* karangan al-Daylamī, *al-'Azāmah* karangan Abū Shaykh dan masih banyak lagi.

- ii. Tidak menyebutkan *sanad*.

Dalam menyebutkan hadith, Shaykh Nawawī tidak menyebutkan *sanad* daripada kitab-kitab hadith yang beliau nukil.

- iii. Tidak menyebutkan nama perawi hadith di peringkat Sahabat walaupun ada tetapi tidak semua.

Shaykh Nawawī tidak menyebutkan nama perawi hadith di peringkat Sahabat pada setiap hadith yang dinukilnya dan biasanya beliau memulakan hadith dengan perkataan : Rasulullah S.A.W berkata atau diriwayatkan daripada Nabi S.A.W kemudian setelah itu beliau terus menuliskan matan hadithnya. Tetapi terdapat juga beberapa hadith yang didahului dengan *Rawī al-A'lā* dan majoriti tidak disebutkan. Kadang kala beliau hanya menuliskan makna hadith itu sahaja tanpa diketahui *sanad* dan rawinya dan contoh seperti ini tidak terlalu banyak.

- iv. Menyebutkan nama ulama yang mengeluarkan hadith tersebut dalam kitabnya.

Shaykh Nawawī menyebutkan nama ulama yang mengeluarkan hadith, seperti Ibn Ḥibbān, Ibn Mājah, al-Ṭabarānī, al-Daylamī dan lain-lain. Tetapi adakalanya beliau tidak menyebutkannya.

- v. Pengambilan hadith pula tidak hanya tertumpu pada ulama terkenal sahaja.

Beliau tidak mengambil hadith daripada ulama hadith yang terkenal sahaja, tetapi juga mengambil daripada ulama hadith yang kurang terkenal seperti : al-Qudā'ī, Abū Shaykh dan yang lain.

- vi. Menjelaskan hadith dengan ayat al-Qur'an.

Dalam menerangkan makna hadith, beliau menyebutkan beberapa ayat al-Quran sebagai penjelas, penafsir, penguat dan penambah tulisan sekalipun ianya tidak banyak.

- ix. Tidak mensyaratkan hadith-hadith yang ditulis sama ada dapat dijadikan *hujah* ataupun tidak.

Kitab Naṣā'ih al-'Ibād ini tidak mensyaratkan hanya menulis hadith-hadith yang dapat dijadikan *hujah* seperti *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* tetapi beliau juga menukil hadith *Da'if*, amat *Da'if* bahkan ada yang *Mawḍū'*. Hal ini nampak jelas daripada beberapa hadith yang beliau sebutkan, sebagaimana akan dijelaskan pada bab selanjutnya.

- x. Tidak memberi penjelasan tentang hukum hadith ataupun mengkritiknya.

Shaykh Nawawī tidak menyatakan hukum bagi hadith-hadith yang beliau nukil dalam kitab Naṣā'ih al-'Ibād ini, sama ada *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan*, *Da'if* ataupun *Mawḍū'* dan beliau juga tidak melakukan kritik terhadap hadith-hadith yang dinukilnya.

2.2.4 Metodologi Pensyarahan Hadith

1. Menjelaskan perbezaan matan hadith dalam syarah hadith.

Dalam menjelaskan makna hadith yang terdapat dalam kitab asal karangan Ibn Ḥajar, terkadang beliau menyebutkan perbezaan matan hadith tersebut, seperti hadith berikut :

لا صغيرة مع الإصرار ولا كبيرة مع الاستغفار

Beliau menjelaskan perbezaan matan hadith di atas dengan riwayat Ibn ‘Abbās

روي هذا الحديث عن ابن عباس لكن بتقديم الجملة الأخير عن الأول.³⁶

2.Mensyarahkan hadith dengan hadith.

Shaykh Nawawī banyak menggunakan hadith untuk mensyarahkan hadith dengan hadith yang lain. Syarahan hadith dengan hadith banyak dijumpai dalam kitab ini. Contohnya ketika mensyarahkan hadith tentang menjaga lisan :

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : (أحب الأعمال إلى الله حفظ اللسان) رواه البيهقي.

Hadith tersebut beliau syarahkan dengan hadith lain iaitu :

وروي أنه صلى الله عليه وسلم قال : إن أكثر الناس ذنوبا يوم القيامة أكثرهم كلاما فيما لا يعنيه.³⁷

3.Mensyarahkan hadith dengan perkataan ulama.

Untuk menguatkan hadith yang dinukil, beliau juga menggunakan perkataan ulama seperti dalam syarah hadith tentang zuhud :

روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : الصبر ستر من الكروب وعون على الخطوب.

Beliau mensyarahkan hadith di atas dengan perkataan ‘Alī bin Abī Ṭālib :

وقال علي بن أبي طالب كرم الله وجهه : الصبر مطية لا تكبو و القناعة سيف لا ينبو.³⁸

4.Mensyarahkan hadith dengan syair Arab.

³⁶ Muḥammad Nawāwī Banteni, tth, Naṣā’ih al-‘Ibād Fī Bayān Alfāz Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād li Yaum al-Ma’ād, hlm.5, Indonesia : Dār Ihṭā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.

³⁷ Muḥammad Nawāwī Banteni, tth, Naṣā’ih al-‘Ibād Fī Bayān Alfāz Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād li Yaum al-Ma’ād, hlm.49, Indonesia : Dār Ihṭā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.

³⁸ Muḥammad Nawāwī Banteni, tth, Naṣā’ih al-‘Ibād Fī Bayān Alfāz Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād li Yaum al-Ma’ād, hlm.54, Indonesia : Dār Ihṭā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.

Shaykh Nawawī juga menggunakan syair-syair Arab untuk menguatkan penjelasan hadith. Seperti ketika mensyarah hadith tentang sifat bakhil (kedekut)

روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال : طعام الجواد دواء وطعام البخيل داء وقال بعض الأدباء :
البخيل ليس له خليل.

Beliau mengutip syair Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Quddūs dalam mensyarah hadith ini :

وقال صالح ابن عبد القدوس من بحر الطويل :

ويظهر عيب المرء في الناس بخله ويستره عنهم جميعا سخاؤه

تفط بأثواب السخاء فأننى أرى كل عيب فالسخاء غطاؤه.³⁹

5.Mensyarahkan hadith dengan pandangan peribadi.

Shaykh Nawawī juga menjelaskan hadith dengan pandangan peribadi. Ini juga menunjukkan bahawa beliau juga mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang baik terhadap hadith.

2.2.5 Metodologi Penulisan Hadith

Hadith merupakan salah satu elemen terpenting dalam kitab Naṣā’ih al-‘Ibād. Sebagai kitab yang banyak memuat hadith Nabi S.A.W, adalah perlu untuk dikaji metodologi yang digunakan oleh Shaykh Nawawī dalam penulisan hadith.

³⁹ Muḥammad Nawāwī Banteni, tth, Naṣā’ih al-‘Ibād Fī Bayān Alfāz Munabbihāt ‘Ala al-Isti’dād li Yaum al-Ma’ād, hlm.48, Indonesia : Dār Iḥṭā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah.

Metodologi penulisan hadith yang digunakan oleh Shaykh Nawāwī dalam kitab Naṣā'ih al-‘Ibād ini iaitu:

1. Menulis hadith tanpa sanad dan hanya menyebutkan perawi diperingkat Sahabat dan perawi yang mengeluarkan hadith tersebut.

Dalam metode pertama ini Shaykh Nawāwī menggunakannya dengan cara yang berlainan. Ada kalanya beliau menyebutkan nama Sahabat pada permulaan hadith, dan ada kalanya beliau menyebutkan nama Sahabat di akhir matan hadith setelah disebutkan perawi yang mengeluarkan hadith tersebut.

2. Menulis hadith secara ringkas (*Riwayat bil Ikhtisar*).

Riwayat bi al-Ikhtisar ialah mendatangkan sebahagian daripada matan (teks) hadith dan ditinggalkan sebahagian yang lain, atau meriwayatkan sesuatu daripada matan hadith yang dianggap perlu dan sesuai dengan pembahasan.

3. Menulis hadith secara maknawi (*Riwayat bi al-Makna*).

Riwayat bi al-Makna ialah meriwayatkan hadith dengan lafaz dan bahasa sendiri yang boleh memenuhi maksud hadith yang diriwayatkan itu atau disebut juga dengan riwayat mengikut pemahaman.

4. Menggunakan pelbagai sighat penyebutan sumber rujukan hadith.

Ketika menyebutkan sumber rujukan hadith, Shaykh Nawawī menggunakan beberapa sighat iaitu : seperti *rawāhu*, *akhrājahu*, *naqala*.

5. Menggunakan pelbagai sighat penyebutan hadith.

Shaykh Nawawī juga menggunakan pelbagai sighat penyebutan hadis seperti : *qāla* Nabi SAW, *qawluhu* Nabi SAW, *fi al-Ḥadīth*, *fi al-Khabar* dan *ruwiya*.

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN HADITH DAN METODOLOGI KAJIAN

BORANG SELIDIK

3.1 Metodologi Kajian Hadith

Satu perkara yang besar di dalam mengkaji hadith ini ialah soal *mentakhrīj* hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād*. Ia merupakan sebuah kajian perpustakaan yang menggunakan cara dan disiplin ilmu yang telah digariskan oleh para *Muḥaddithīn* di dalam *mentakhrīj* hadith Nabi S.A.W. Metodologi kajian hadith yang digunakan dalam tesis ini adalah seperti di bawah ini :

Pertama :

Penulis sedaya upaya berusaha untuk melengkapkan maklumat-maklumat sesebuah hadith yang *ditakhrīj*kan dengan mencatat nama buku, pengarangnya, nama kitab, nama bab, nombor hadith, jilid, halaman, penerbit dan tahqiq hadith jika ada. Mana-mana hadith yang ditulis terjemahannya sahaja, maka dikembalikan matannya terlebih dahulu.

Kedua :

Setiap hadith yang terdapat dalam kajian ini adalah dibariskan atau diberi harakat, kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa melayu.

Ketiga :

Metode dalam memaparkan hadith ialah, pertama : penomboran hadith, kedua : lafaz hadith, ketiga : *takhrīj* hadith, keempat : perbahasan ulama tentang kedudukan hadith dan terakhir adalah hukum hadith.

Keempat :

Dalam mencari hadith-hadith, penulis menggunakan kitab-kitab panduan mencari hadith seperti kitab *Mawsū'at Aṭraf al-Ḥadīth al-Nabawī al-Sharīf* oleh Muhammad al-Sa'īd Zaghlūl, *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Ḥadīth* dan *Miftāḥ Kunūz al-Sunnah* oleh

A.J. Wensinck serta *Taysir al-Manfa'ah bi Kitabay Miftāḥ Kunūz al-Sunnah wa al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Ḥadīth al-Nabawi* oleh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Penulis juga menggunakan CD hadith seperti *Maktabah al-Alfiyyah li al-Sunnah al-Mutahharah*, *Maktabah al-Shamilah* dan website pencarian hadith seperti www.dorar.net. CD dan website ini digunakan di peringkat awal sahaja untuk memastikan kewujudan satu-satu hadith. Ini adalah kerana rujukan yang *muktabar* ialah rujukan berbentuk kitab dan bukannya CD, website atau komputer yang terdedah kepada kekurangan dan kelemahan.

Kelima :

Untuk menghukum hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād*, penulis membahagikannya kepada enam kategori seperti berikut :

- 1). Hadith-hadith yang disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim atau diriwayatkan oleh al-Bukhārī atau Muslim dengan sanad yang besambung lagi *marfū'*, penulis terus memakai hukum tersebut kerana ulama hadith telah sepakat menerima periwayatan keduanya. Hukum hadith akan ditulis *Ṣaḥīḥ* tanpa menerangkan sebab-sebabnya.
- 2). Mana-mana hadith yang tidak ada di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* sedangkan ia terdapat di dalam kitab hadith lain, penulis berusaha mengetahui hukum melalui *sanad* hadith (jika ada), walaupun ada ulama-ulama hadith yang telah memberi hukumnya. Hukum melalui *sanad* hadith ini ada ketika dikaji keseluruhan perawinya dan ada ketika disebut perawi-perawi tertentu sahaja iaitu ketika jelas bagi penulis sebab-sebab hadith itu ditolak (*mardūd*) dan ada pandangan lain yang sama dengan pandangan penulis. Dalam memberi hukum hadith-hadith berkenaan penulis akan merujuk kepada kitab-kitab *'Ulūm al-Ḥadīth* dan *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Penulis memberi

hukum *Ṣaḥīḥ* kepada satu-satu hadith apabila cukup syarat-syaratnya iaitu ia diriwayatkan oleh seorang perawi yang ‘*Ādil*, sempurna ingatan, sanadnya bersambung, tidak terdapat ‘*Illah* dan tidak *Shādh*.¹ Jika syarat-syarat *Ṣaḥīḥ* semuanya ada kecuali ingatannya kurang sempurna, maka penulis menghukumnya *Ḥasan li Dhatih*.² Walau bagaimanapun sekiranya *turuq* hadith itu banyak serta ia boleh diterima, maka penulis menghukumnya *Ṣaḥīḥ li Ghayrih*.³ Penulis menghukumnya *Da’if* apabila hilang satu syarat atau lebih syarat-syarat hadith *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* di atas.⁴ Walau bagaimana pun penulis menghukumnya *Ḥasan li Ghayrih* apabila *turuqnya* banyak dan ia tidak *Da’if Jiddān*.⁵ Jika salah seorang daripada perawi hadith itu *Matrūk*, banyak meriwayatkan hadith-hadith *Munkar* atau dituduh pernah berdusta dalam percakapannya, meskipun dia tidak pernah dusta dalam periwayatan hadith, maka hadith itu dihukum *amat Da’if*. Manakala hadith yang dianggap oleh ulama *lā aṣla lah*, terdapat salah seorang daripada perawinya pembohong atau mereka-reka hadith, maka hadith itu dihukum *Mawḍū’*. Di dalam menilai seorang perawi, penulis lebih mengutamakan pandangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī kerana ilmunya yang luas tentang hadith dan *Rijāl al-Ḥadīth*. Menurut Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī perawi-perawi hadith terdiri dari dua belas martabat. Pertama : *Ṣaḥabah*, kedua : *Awthāq al-Nās*, *Thiqah-thiqah*, *Thiqah Ḥāfiẓ* dan seumpamanya,

¹ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, 1990, *Sharḥ Nukhbat al-Fikr fī Muṣṭalāḥ Ahl al-Athār*, hlm. 30, Dimashq : Maktabah al-Ghazālī.

² Ibid, hlm. 42.

³ Ibid, hlm.42.

⁴ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn bin Abī Bakar al-Suyūṭī, 2002, *Alfiyyāt al-Suyūṭī fī ‘Ilm al-Ḥadīth*, hlm. 26, al-Qāhirah : Dār al-Salām.

⁵ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn bin Abī Bakar al-Suyūṭī, 1959, *Tadrīb al-Rawī Fī Sharḥ Taqrīb al-Nawawī*, hlm. 103, al-Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-‘Ilmiyyah.

ketiga : *Thiqah*, *Mutqān*, *Thabt*, *‘Adl* dan seumpamanya, keempat : *Ṣadūq*, *Ṣadūq rubbamā akhṭā’*, *Lā ba’sa bih* dan *Laysa bihi ba’sa*, kelima : *Ṣadūq sayyi’ al-Ḥifẓ*, *Ṣadūq Yahim*, *Ṣadūq lahu Awham*, *Ṣadūq yukhti’* dan *Ṣadūq taghayyar bi akharah*, *Man rumiya bi naw’ min al-Bid’ah katashayyu’ wa al-Qadr wa al-Nasb wa al-‘Ijrā’ wa al-Tajahhum*, keenam : *Maqbūl* dan *Layyin al-Ḥadīth*, ketujuh : *Mastūr* dan *Majhūl al-Ḥāl*, kelapan : *Da’īf*, kesembilan : *Majhūl*, kesepuluh : *Matrūk al-Ḥadīth*, *Wahin al-Ḥadīth* dan *Saqiṭ*, kesebelas : *Man uttuhim bi al-Kadhib* dan kedua belas : *Man utliq ‘alayh ism al-Kadhib wa al-Waḍ’u*.⁶ Hadith-hadith yang perawinya terdiri daripada martabat pertama kedua dan ketiga, penulis memberi hukum *Ṣaḥīḥ*, jika ada antaranya perawi dari martabat keempat, penulis memberi hukum *Ḥasan*.⁷ Sedangkan jika ada perawinya dari martabat kelima dan keenam, maka penulis memberi hukumnya *Da’īf* kecuali *Maqbūl* yang dihukum *Ḥasan* oleh penulis.⁸ Apabila terdapat dikalangan perawinya dari martabat ketujuh, maka penulis *Tawaqquf* iaitu penulis menyebut perawi berkenaan *Mastūr* atau *Majhūl al-Ḥāl*⁹ atau pun dihukum *Da’īf* jika ada pendapat yang menyebut demikian. Sekiranya ada perawi dari martabat kelapan, maka penulis terus

⁶ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, 1411/1991, *Taqrīb al-Tahdhīb*, hlm. 74-75, Bayrūt : Dār al-Qalam.

⁷ Abū Dawūd al-Mawṣilī, Muḥammad Ibrāhīm Dawūd al-Mawṣilī, 1995, *Isrḥād al-Adib ila Ṭuruq Takhrīj al-Ḥadīth*, hlm. 28, Bayrut : Mu’assasat al-Rayyān.

⁸ Ibid, hlm. 28, al-Khumaysī, ‘Abd al-Raḥman bin Ibrāhīm al-Khumaysī, 2000, *Mu’jam ‘Ulūm al-Ḥadīth al-Nabawī*, hlm. 108, Bayrūt : Dār Ibn Ḥazm, al-‘Uthaymin, Muḥammad Ibn Ṣāliḥ al-‘Uthaymin, 1984, *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth*, hlm. 29, al-Riyāḍ : Dār Ṭibah.

⁹ Muḥammad Abū al-Layth al-Khayr Abadi, 1999, *Takhrīj al-Ḥadīth Nash’atuh wa Manhajyyatuh*, hlm. 218, Selanjur : Dar al-Shakir.

memberi hukumnya *Da'if*.¹⁰ Jika ada antara perawinya dari martabat kesembilan sehingga ke dua belas, maka penulis memberi hukumnya berdasarkan darjat-darjat *Da'if* iaitu berakhir dengan *Mawḍū'*.¹¹ Hukum hadith-hadith seperti ini merupakan pandangan penulis sendiri. Jika terdapat pandangan ulama yang sama atau hampir sama dengan hukum yang diberi oleh penulis, maka penulis akan menyertakan pendapat mereka itu sebagai sokongan.

3). Dalam menghukum hadith yang diriwayatkan oleh selain al-Bukhārī dan Muslim, penulis akan berusaha mencari pendapat-pendapat ulama hadith ke atas hukum hadith itu sendiri, sama ada ulama terdahulu (*Mutaqaddimīn*) seperti al-Tirmidhī, Ibn Ḥibbān, al-Ḥākim, al-Bayhāqī, Ibn Jawzī, mahupun ulama yang datang setelahnya (*Muta'akhirīn*) seperti al-Dhahabī, al-Zayla'ī, al-'Irāqī, Ibn Ḥajar, al-Sakhāwī, al-Suyūṭī dan al-Munāwī, serta pendapat ulama yang hidup pada akhir-akhir abad ini (*Mu'aṣirīn*) seperti Aḥmad Shākir, al-Albānī, al-Arna'ūṭ dan lain-lain. Hal ini tanpa meninggalkan usaha penulis untuk mengkritik *sanad* dan *matan* hadith itu sendiri sesuai dengan kaedah ilmu hadith.

4). Jika pendapat para ulama hadith bercanggah, sama ada dalam menghukum mahupun dalam al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, maka penulis akan mengambil kira kedudukan dan klasifikasi ulama itu sendiri mengikut kaedah yang digunakan oleh ulama hadith, seperti *Mutashaddīd* (keras), *Mu'tadīl* (seimbang) dan *Mutasahīl* (memudahkan). Penulis akan lebih mengambil kira pendapat golongan ulama yang dikelompokkan sebagai *Mu'tadīl*

¹⁰ Abū Dawūd al-Mawṣilī, Muḥammad Ibrāhīm Dawūd al-Mawṣilī, 1995, *Isrḥād al-Adīb ila Ṭuruq Takhrīj al-Ḥadīth*, hlm. 29, Bayrūt : Mu'assasat al-Rayyān.

¹¹ Ibid.

seperti al-Bukhārī, Aḥmad, Ibn Ḥajar dan al-Dhahabī dalam al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, serta Ibn Ḥajar, al-Sakhāwī dan al-Munāwī dalam menghukumkan hadith.

5). Hadith-hadith yang tidak didapati sumber asal dan sanadnya, penulis menghukumkan hadith tersebut dengan hukum yang telah diberikan oleh para ulama hadith, sekiranya ada. Jika tidak, penulis akan melihat kepada makna hadith dan mana-mana hadith lain yang terkandung maknanya di dalam hadith-hadith tersebut. Hadith-hadith seperti ini jika sudah ada hukum yang diberikan, ia tidak lagi dihukum sanad oleh penulis kecuali apabila hukumnya belum dikeluarkan. Berdasarkan makna hadith yang dibincangkan dan maklumat-maklumat lain seperti yang dinyatakan di atas, maka penulis akan memberi hukum dengan ungkapan “maknanya sama dengan hadith *Ḍa'īf*” dan seumpamanya.

6). Sekiranya maknanya itu boleh diterima atau sebahagiannya boleh diterima berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an, hadith-hadith lain atau ajaran Islam, maka penulis akan menyebut “maknanya boleh diterima, maknanya *Ṣaḥīḥ* dan seumpamanya”

7). Sekiranya dari segi maknanya juga tidak jelas, maka penulis akan menyebut “belum dapat diketahui hukum” dan ulasan selanjutnya tidak dapat diberikan.

8). Bagi hadith-hadith yang tidak ada asalnya, penulis akan menukil pandangan ulama-ulama yang muktabar dalam ilmu hadith serta mengguna pakai pandangan mereka dengan menyebut “*lā aṣla lah*, dan dihukum *Mawḍū'*”.

Keenam :

Di dalam membincangkan perihal perawi-perawi hadith, penulis menggunakan istilah-istilah hadith dalam bahasa Arab yang dirumikan dan dijelaskan maksudnya dalam nota kaki. Ini bertujuan untuk mengekalkan keasliannya dan memendekkan tesis.

3.2 Metodologi Kajian Borang Selidik

3.2.1 Pengenalan

Pendekatan yang digunakan dalam kajian borang selidik ini ialah pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif adalah pengkaji menjangka beberapa kaedah antaranya ialah reka bentuk kajian, pemilihan kawasan kajian, pemilihan sample, pengumpulan data dan penganalisan data.

3.2.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan. Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk kajian juga menjadi model bagi membolehkan penyelidik membuat inferens berkenaan pemboleh ubah yang dikaji. Di bawah ini dapat dilihat beberapa kaedah yang digunakan dalam menjalankan borang selidik terhadap kajian berkenaan :

3.2.2.1 Kaedah Tinjauan

Kaedah ini merupakan strategi penyelidikan yang amat penting untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Kajian ini, merupakan satu kajian penilaian tahap pengetahuan dan amalan hadith dalam kalangan pelajar, mahasiswa, guru, ustaz dan masyarakat awam di dua lokasi Sumatera iaitu Sumatera Utara (Kabupaten Mandailing Natal) dan Sumatera Barat (Bandar Bukit Tinggi). Bagi menyempurnakan kajian tersebut, pengkaji telah memilih kaedah tinjauan sebagai kaedah kajian. Pilihan terhadap ini dilakukan kerana ia merupakan kaedah mengumpul data untuk menghurai, membanding dan menjelaskan tentang pengetahuan terhadap hadith dan apakah beramal dengannya. Selain itu, pilihan pengkaji terhadap kaedah ini juga kerana ia bersesuaian

dengan kehendak pengkaji yang ingin meninjau tahap pengetahuan dan amalan berdasarkan hubungan pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Sebagai contoh, adakah pembolehubah bebas iaitu latar belakang pelajar mempunyai hubungan dengan tahap pengetahuan, amalan terhadap hadith dan sebagainya.

Petikan Norasmah dalam kajian Oppenheim, Fink dan Kasecoff yang menjelaskan bahawa kaedah tinjauan merupakan satu bentuk yang boleh digunakan untuk mengumpul data atau maklumat bagi tujuan perancangan masa depan atau sebagai satu panduan untuk menganalisa hubungan antara pembolehubah-pembolehubah. Selain itu, ia adalah kaedah yang terbaik digunakan dalam kajian yang bertujuan mencari serta mengumpul maklumat mengenai perasaan, motivasi, perancangan, kepercayaan, personal, pendidikan atau berkenaan sesuatu program terus daripada responden¹².

Dearana menegaskan bahawa sebelum kaedah tinjauan ini dijalankan, terlebih dahulu pengkaji harus mengenal pasti pembolehubah-pembolehubah sebelum mereka membentuk kajian¹³. Berdasarkan demikian, terdapat dua pembolehubah dalam kajian ini iaitu pertama pembolehubah bebas yang mengandungi latarbelakang pelajar, umur, peringkat pengajian, jantina, agama, tempat tinggal dan sebagainya. Manakala yang kedua ialah pembolehubah bersandar yang mengandungi lima bahagian iaitu a) pengetahuan terhadap hadith, b) beramal dengan hadith, c) hukum hadith, d) keinginan untuk menyebarkan hadith, d) pernahkah menyebarkan hadith kepada orang lain atau tidak.

Kaedah ini telah dilaksanakan oleh pengkaji sejak peringkat awal kajian untuk memastikan pengkaji benar-benar mengetahui dan memahami kumpulan dan masalah yang ingin dikaji. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat, pengkaji telah melakukan

¹² Norasmah Othman, 2002M, Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah. Tesis PHD, hlm. 156-157, Fakulti Pengajian Pendidikan : Universiti Putra Malaysia.

¹³ Dearana Morshidi, 2010 M, Hubungan Ibadat Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Pelajar : Kajian di Bahagian Miri, Sarawak. Disertasi Sarjana, hlm. 66, Fakulti Pendidikan : UKM.

tinjauan dan pemerhatian turut serta sama ada dari sudut kehidupan seharian mahupun persekitaran mereka di dua lokasi Sumatera sama ada Sumatera Utara (Kabupaten Mandailing Natal) mahupun Sumatera Barat (Bandar Bukit Tinggi). Memandangkan pengkaji merupakan penduduk yang tinggal berhampiran di kawasan kajian, keadaan demikian dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mendalam. Walaupun tumpuan komuniti responden dalam kajian ini kepada pelajar, mahasiswa, guru, ustaz dan orang awam yang berbeza tahap kefahaman tetapi keadaan demikian tidak menjadi halangan bagi pengkaji kerana salah satu kelebihan pengkaji ialah dapat menguasai bahasa tempatan. Selain itu, pengkaji juga berusaha menjalinkan persaudaraan sama ada pelajar, mahasiswa, guru, ustad ataupun para masyarakat awam yang tinggal di kawasan itu.

3.2.2.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik bertujuan untuk menguji hipotesis yang telah dibentuk di Sumatera Indonesia, sama ada Sumatera Utara (Bandar Mandailing Natal) mahupun Sumatera Barat (Bandar Bukit Tinggi). Pemilihan bentuk instrumen ini kerana ia sesuai dengan konteks kajian sebagaimana petikan Norasmah dalam buku yang ditulis oleh Oppenheim dan Tuckman yang menyatakan bahawa soal selidik merupakan bentuk instrumen yang berkesan bagi memperoleh maklumat daripada responden selain membuat pemerhatian¹⁴.

A. Soal selidik

Kaedah pengedaran borang soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam bidang sains sosial. Ia digunakan bersama dengan kaedah-kaedah yang lain seperti pemerhatian turut serta dan temu bual bagi menguatkan lagi maklumat penyelidikan. Menurut Norasmah soal selidik perlu dibina dengan teliti, jelas, mudah

¹⁴ Norasmah Othman, 2002M, Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah, Tesis PHD, hlm. 156-157, Fakulti Pengajian Pendidikan : Universiti Putra Malaysia.

difahami serta ringkas. Sehubungan dengan itu, peluang mendapat jawapan yang tidak tepat mungkin kurang berlaku kecuali responden tidak membaca soalan dengan baik¹⁵. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik hendaklah mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian supaya dapat menjawab objektif dalam kajian itu. Soalan-soalan dalam soal selidik juga hendaklah tidak melibatkan perkara-perkara yang sensitif termasuk sensitiviti tempatan, agama, bangsa dan politik. Selain itu, soal selidik hendaklah tidak bertindih antara satu sama lain sama ada dari aspek maksud ataupun frasa dan susunan soalan-soalan dalam soal selidik hendaklah disusun dalam bentuk susunan yang betul dan mudah difahaminya¹⁶. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set soal selidik yang telah digunakan oleh penyelidik sebelum ini tentang pengetahuan dan amalan hadith dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* dikalangan mahasiwa IAIN IMAM BONJOL PADANG. Akan tetapi soalan-soalan itu telah diubahsuai oleh pengkaji mengikut tajuk dan skop kajian. Sebarang kelemahan yang terdapat dalam soal selidik diperbaiki dan diperbetulkan bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mencapai objektif kajian.

Dalam soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah bahagian A mengenai latarbelakang demografi yang mengandungi umur, tahap pengajian, jantina, status perkahwinan, agama, suku, tempat tinggal, status kerja, lokasi, kefahaman dan status individu. Bahagian yang kedua ialah bahagian B, mengenai pengetahuan tentang hadith dan beramal dengannya. Bahagian ini mengandungi 10 soalan hadith. Dalam satu bahagian, terbahagi kepada lima aspek soalan iaitu pengetahuan terhadap hadith, beramal dengan hadith, hukum hadith, keinginan untuk menyebarkan hadith dan pernahkah menyebarkan hadith. Berdasarkan kajian ini, mengukur kemampuan dan amalan responden terhadap hadith di dua negeri sama ada

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ahmad Sunawari Long, 2011M, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, hlm. 60, Bangi: Gema Alam Enterprise.

Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Justeru, pengkaji membinakan soal selidik dengan menyediakan pemilihan jawapan-jawapan berbentuk Skala Likert. Oleh kerana skala ini sesuai untuk menilai tahap penerimaan atau penolakan responden terhadap sesuatu pertanyaan yang dikemukakan¹⁷.

Skala Likert adalah skala yang diasaskan oleh Rensis Likert pada tahun 1932 mengandungi sejumlah kenyataan yang menggambarkan sikap kesukaan atau tidak suka responden terhadap objek. Juga mengenai tahap kecenderungan atau sebaliknya terhadap sesuatu kenyataan. Ia banyak digunakan untuk mengukur penyesuaian diri responden pada sesuatu keadaan, prasangka, konservatisme dan sebagainya¹⁸. Skala Likert lima peringkat dengan pemberian markah dari 1 hingga 5 seperti mana berikut :

- | | | |
|---|---|---------------------|
| 5 | - | Sangat tidak setuju |
| 4 | - | Tidak Setuju |
| 3 | - | Kurang pasti |
| 2 | - | Setuju |
| 1 | - | Sangat setuju |

3.2.2.4 Kajian Rintis Untuk Menilai Kebolehpercayaan Instrumen

Nilai kebolehpercayaan instrumen perlu ditentukan untuk mengenal pasti tahap ketepatan dalaman item-item yang digunakan dalam instrumen sesuatu kajian. Untuk tujuan ini, nilai kebolehpercayaan instrumen telah diuji dengan menggunakan Cronbach Alpha, kerana nilai tersebut merupakan angkali kebolehpercayaan Reliability coefficient yang menunjukkan kesesuaian item-item sebagai satu set soalan. Semakin hampir nilai alpha kepada satu (1) bermakna semakin tinggi nilai kebolehpercayaan. Manakala nilai alpha yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah dan nilai alpha 0.7 boleh diterima¹⁹.

¹⁷Jaffary Awang, Muda Ismail Ab Rahman, Rofizah Mohammad Muhammad Noor, Arena Che kasim, Tengku Ghani Tengku Jusoh & Mohammad Khatim Hasan, 2007 M, Toleransi Beragama di Kalangan pelajar IPTA: Kajian Kes di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak. *Jurnal majlis Islam Sarawak* : 106.

¹⁸Ahmad Sunawari Long, 2011M, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, hlm. 62, Bangi : Gema Alam Enterprise.

¹⁹Dearana Morshidi, 2010 M, Hubungan Ibadat Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Pelajar : Kajian di Bahagian Miri, Sarawak. Disertasi Sarjana, hlm. 76, Fakulti Pendidikan : UKM.

Jadual 2.1 Nilai pekali kebolehpercayaan alpha cronbach bagi setiap konstruk

Konstruk	Bil Item	Nilai Alpha Cronbach
Pengetahuan terhadap Hadith	10	0.9070
Amalan terhadap hadith	10	0.9771
Hukum Hadith	10	0.9362
Perlunya penyebaran hadith	10	0.8790
Pernahkan menyebarkan hadith	10	0.7990
Jumlah Keseluruhan	50	0.9050

Sumber: Soal Selidik 2014

Dapatan di atas adalah hasil data yang diperolehi daripada ujian kebolehpercayaan yang telah dilakukan ke atas responden seramai 20 orang. Secara keseluruhan, nilai kebolehpercayaan bagi instrumen-instrumen yang digunakan dalam kajian ini didapati bahawa kesemua instrumen mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan sah digunakan untuk kajian sebenar.

3.2.3 Pemilihan Kawasan Kajian

Pemilihan kawasan dalam kajian ini, pengkaji memilih tempatnya di kawasan Sumatera iaitu Sumatera Utara dan Sumatera Barat. Untuk di Sumatera Utara pengkaji memilih kawasan Kabupaten Mandailing Natal. Alasan memilih tempat ini kerana di sana sudah terkenal banyak ulama yang berfahaman NU (Nahdhatul Ulama), dan terdapat pondok Pesantren Mustafawiyah yang bertapak sekian abad lamanya sehingga terkenal se Indonesia. Selain itu, penulis dapati bahawa kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād* ada mereka pelajari. Menurut keterangan daripada guru-guru yang mengajar di sana, kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād* belum menjadi mata pelajaran utama di sekolah, kerana ianya tebal tetapi dijadikan kajian khas sehabis subuh di masjid berhampiran sekolah. Oleh itu hadith-hadith yang mereka kaji mudah tersebar dikalangan masyarakat dan diamalkan. Adapun di Sumatera

Barat, penulis memilih kawasan Bandar Bukit Tinggi dan sekitarnya. Di kawasan ini juga banyak dilahirkan ulama dan orang-orang hebat. Selain itu, kitab-kitab Shaykh Nawāwī al-Bantani ada dipelajari di pondok pesantren yang terdapat di Bandar Bukit Tinggi di antaranya ialah kitab Naṣā'ih al-'Ibād. Hal ini menunjukkan bahawa hadith-hadith yang terdapat dalam kitab beliau ini tersebar dikalangan masyarakat di sekitar Bandar Bukit Tinggi.

3.2.4 Pemilihan Sampel

Pemilihan sampel merupakan salah satu perkara yang penting dalam mana-mana kajian kuantitatif kerana ia adalah sumber data pengkaji. Pengkaji perlu memastikan bahawa sampel yang dipilih dapat memberikan sumber data yang tepat untuk menghasilkan kajian yang benar-benar itu²⁰. Pemilihan sampel juga merupakan satu prosedur untuk memilih atau memutuskan subjek manakah daripada populasi akan digunakan sebagai sampel kajian. Generalisasi tentang populasi dibuat hasil daripada kajian atau penelitian terhadap sampel-sampel terpilih. Tujuan sampel dipilih adalah untuk menjimatkan kos dan masa serta mengelak ketidakmungkinan penyelidik untuk mengumpul maklumat dari semua populasi²¹.

Sampel yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada kalangan pelajar yang belajar pada peringkat sekolah, universiti, para guru, ustaz dan masyarakat biasa. Sebelum pengedaran soal selidik dijalankan, pengkaji mensyaratkan ke atas sesiapa sahaja yang akan menjadi responden dalam kajian ini supaya dapat memastikan bahawa maklumat atau data-data yang diperolehi seimbang dengan topik kajian. Antara syaratnya ialah responden harus anak tempatan ataupun dilahirkan di kawasan kajian.

²⁰ Faiz Awae, 2009 M, Bahasa Melayu Patani Dalam Kalangan Mahasiswa/I Melayu Dari Tiga Wilayah Selatan Thai : Pemeliharaan dan Penyisihan. Disertasi Sarjana, hlm. 8, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan : UKM.

²¹ Ahmad Sunawari Long, 2011M, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, hlm. 70, Bangi : Gema Alam Enterprise.

Justeru untuk memenuhi syarat-syarat tersebut, pengkaji memberi tumpuan hanya kepada dua negeri sahaja iaitu negeri Kabupaten Mandailing Natal di Sumatera Utara dan negeri Bukit Tinggi di Sumatera Barat.

Pemilihan populasi dan sampel dalam kajian ini dilakukan mengikut Jadual Krejcie & Morgan iaitu kadar populasi (N) dan sampel (S). Justeru, populasi kajian mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan secara keseluruhan didapati seramai 1,500 lebih orang maka responden dalam kajian ini ialah seramai 250 orang. Dalam kalangan 250 orang responden, pengkaji membahagikan kepada dua kumpulan iaitu seramai 125 orang responden yang berada di Kabupaten Mandailing Natal (Sumatera Utara) dan selebihnya pula seramai 125 orang responden yang berada di Bandar Bukit Tinggi (Sumatera Barat).

Semasa pengedaran soal selidik dijalankan, pengkaji mengedarkan soal selidik mengikut teknik Persampelan Probabiliti iaitu ia memberi peluang yang sama kepada setiap subjek populasi untuk dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah ini dapat mengelak daripada unsur-unsur bias pemilihan sampel kerana ia mewakili populasi kajian dan akhirnya generalisasi yang dilakukan dapat diterima dengan saintifik. Dalam teknik Persampelan Probabiliti ini, terdapat beberapa kaedah antaranya ialah Persampelan Rawak Mudah, Persampelan Rawak Sistemik, Persampelan Rawak Berlapis, Persampelan Rawak Berkelompok. Justeru, dalam konteks kajian ini pengkaji memilih kaedah Persampelan Rawak Mudah iaitu sampel kajian dipilih daripada populasi secara *Fishbowl Draw* dengan memasukkan semua nama subjek ke dalam satu bekas dan cabutan dibuat berdasarkan kepada jumlah sampel yang hendak digunakan²². Untuk mengelakkan kesukaran semasa menjalankan pengedaran soal selidik terhadap jumlah yang ramai ini, pengkaji membahagikan responden kepada beberapa kelompok berdasarkan status individu, kefahaman dan jantina pada setiap negeri untuk

²² Ibid.

mengecilkkan jumlah yang ramai itu²³. Seterusnya kaedah *Fishbowl Draw* dijalankan ke atas setiap kelompok yang dibahagikan.

3.2.5 Pengumpulan Data

Semasa pengedaran soal selidik dijalankan, pengkaji memberi tempoh dan peluang kepada responden untuk menjawab soalan-soalan selama masa seminggu supaya semua jawapan daripada soalan yang dikemukakan dapat mencapai objektif kajian. Proses pengumpulan soal selidik dalam kajian ini dilakukan pada bulan November hingga bulan Disember 2014. Setelah tempoh pemulangan soal selidik ditamatkan, pengkaji mengumpulkan semua set soal selidik mengikut negeri iaitu negeri Sumatera Utara dan negeri Sumatera Barat dan membahagikan lagi mengikut status individu iaitu pelajar, mahasiswa, ustaz atau guru dan masyarakat biasa. Seterusnya, semua set soal selidik disemak pada setiap helaian soalan dengan sendiri bagi memastikan semua soalan dijawab mengikut arahan.

Setelah mana pengkaji menjalankan pengumpulan dan semakan tersebut, didapati bahawa 250 set soal selidik yang telah diedarkan, 230 set sahaja yang telah dikembalikan. Dalam 230 set soal selidik ini pula, tidak semua set soal selidik yang dijawab dengan lengkap dan sempurna. Manakala set soal selidik yang tidak dijawab dengan lengkap tidak diambilkira dalam kajian ini. Menurut Cohen dan Manion dalam kajian Norasmah, kadar pulangan soal selidik antara 70 peratus hingga 80 peratus adalah mencukupi. Justeru, kadar pulangan soal selidik ini adalah menepati sasaran melebihi 70 peratus. Dalam kajian ini, pengkaji memilih hanya 210 set soal selidik sahaja supaya memudahkan pengkaji menjalankan analisis data SPSS. Walaupun bilangan responden agak kecil, tetapi pengkaji berpendapat bahawa bilangan ini dapat

²³ Prair Sirisakdamkeong, 2003 M, The Interrelationship Between Malay Muslim And The Chinese in The Market Place “Sai Klang” in Yala Province, Disertasi Sarjana, hlm. 67, Fakulti Sains Sosial : Silpakorn University.

mewakili kedua negeri sama ada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Oleh kerana pengkaji berpegang kepada komen Fasold terhadap kajian yang telah dilakukan oleh Faiz yang ternyata bahawa jumlah responden bukanlah penentu kepada kesahan sesebuah kajian itu. Sebaliknya, masih terdapat perkara-perkara lain yang perlu diambil kira, seperti tinjauan yang menyeluruh terhadap komuniti yang dikaji dan sebagainya²⁴. Seterusnya semua set soal selidik diproses dengan menggunakan perisian program Statistical Packages For Social Science (SPSS). Data-data ini dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif.

3.2.6 Penganalisaan Data

Analisis data kajian perlu dilaporkan secara jelas dan kemas bagi memudahkan pembaca memahami dan menghayati hasil kajian. Bagi analisis penyelidikan kuantitatif, walaupun tidak mempunyai format yang boleh dipersetujui oleh semua pengkaji dalam pelbagai bidang kajian, laporan biasanya boleh ditulis mengikut format-format tertentu²⁵. Berdasarkan kajian ini meninjau tahap pengetahuan hadith, tahap amalan hadith, tahap hukum hadith, dan penyebaran hadith. Oleh itu, data yang terkumpul akan dianalisis secara deskriptif dan dilaporkan dalam bentuk jadual yang menjelaskan taburan skor min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan.

3.2.6.1 Analisis Data Deskriptif

Analisis deskriptif ini digunakan untuk menyatakan dan menghuraikan sesuatu *variable* dalam fenomena dan *variable* ini perlu dihuraikan secara logik dengan menggunakan cara-cara tertentu. Cara tersebut antaranya mengukur kecenderungan pusat, mengukur

²⁴ Faiz Awae, 2009 M, Bahasa Melayu Patani Dalam Kalangan Mahasiswa/I Melayu Dari Tiga Wilayah Selatan Thai : Pemeliharaan dan Penyisihan. Disertasi Sarjana, hlm. 9, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan : UKM.

²⁵ Chua Yan Piaw, 2008 M, *Asas Statistik Penyelidikan Buku 3: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*, hlm. 328, Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

keserakan dan membiawakan data²⁶. Justeru, pengkaji menggunakan analisis deskriptif ini melihat secara menyeluruh tentang profil subjek kajian seperti umur, tahap pengajian, jantina, agama, status individu, kefahaman, lokasi, suku dan kawasan tempat tinggal. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mendapatkan skor min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai bertujuan untuk melihat sejauh manakah persepsi pelajar mempunyai pengetahuan tentang hadith, beramal dengan hadith, pengetahuan terhadap hukum hadith, keinginan untuk menyebarkan hadith dan pernahkah menyebarkan hadith tersebut. Untuk memudahkan huraian analisis data kajian, pengkaji menggunakan jadual skala min yang diadaptasi dalam buku *Analisis Data SPSS* yang ditulis oleh Tanin Silcaru²⁷ sebagai mana berikut dalam jadual 2.2 di bawah :

Jadual 2.2 Intepretasi skor min

Skor Min	Intepretasi
4.50-5.00	Amat Tinggi
3.50-4.49	Tinggi
2.50-3.49	Sederhana
1.50-2.49	Rendah
1.00-1.49	Amat Rendah

Sumber : Tanin Silcaru 2008

3.2.7 Kesimpulan

Dalam sesuatu kajian harus menggunakan metode pengumpulan data yang betul dan berkesan serta sesuai dengan objektif kajian, data yang primer dan sekunder yang tepat berkaitan dengan sosial agama yang dikaji dapat diperolehi. Selain itu, batasan lokasi dan pemilihan sampel juga diperlukan untuk memastikan hasil kajian memenuhi keperluan permasalahan kajian. Tujuan utama dalam kajian ini ialah melihat tahap pencapaian responden sama ada pelajar, mahasiswa, guru, ustaz dan masyarakat biasa

²⁶ Ibid, hlm. 4.

²⁷ Tanin Silcaru, 2008 M, Analisis Statistik Dengan SPSS, hlm. 336, Nontaburi : S.R. Printing mass produk Sdn. Bhd.

terhadap pengetahuan hadith, beramal dengan hadith, pengetahuan hukum hadith, keinginan untuk menyebarkan hadith dan pernahkah menyebarkan. Pengkaji akan menggunakan analisis deskriptif serta melaporkan skor min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai berbentuk jadual. Manakala tujuan kedua dan ketiga, untuk melihat hubungan antara tahap pengetahuan hadith dengan amalan hadith, tahap pengetahuan hukum hadith dengan keinginan untuk menyebarkan hadith. pengkaji akan menggunakan analisis inferensi Korelasi Pearsons. Kesemua ujian tersebut, dapat disempurnakan dengan menggunakan atur cara SPSS versi 10. Dapatan kajian yang diperolehi akan dinyatakan dalam bab 5.

BAB 4 : TAKHRĪJ DAN PENILAIAN HADITH DALAM KITAB NAṢĀ'IH

AL-'IBĀD

Takhrij dan penilaian hadith-hadith dalam kitab Naṣā'ih al-'Ibād dibahagikan dalam 6 bab, bermula daripada bab lima hingga bab kesepuluh yang di dalamnya mengandungi 236 hadith iaitu :

4.1 Bab Kelima

Hadith : 1

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعِشَ الرَّافِعَ وَالْبَالِ الْفَارِعَ.

Maksudnya : Rasul SAW bersabda : Ya Allah sesungguhnya aku memohon kepada engkau kehidupan yang mulia dan hati yang tenteram.

Takhrij Hadith : Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Pengkaji tidak mendapati doa ini sebagai hadith daripada Nabi SAW, tetapi doa ini disebutkan oleh al-Zamkhasārī dalam Asās al-Balāghah¹ sebagai contoh kata-kata balaghah. Disebutkan juga oleh al-Zubaydī dalam kitab Tāj al-'Arūsh² sebagai contoh kalimat atau bahasa yang dituliskannya dan pentahqiq tidak menyatakan kedudukan

¹ al-Zamkhasārī, Abū al-Qasim Maḥmūd bin 'Umar al-Zamkhasārī, 1422 H/2001M, Asās al-Balāghah, Bāb : Fa, Ra, Gha, hlm. 564, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arabī.

² al-Zubaydī, Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī al-Zubaydī, 1405H/1985M, Tāj al-'Urūs, Bāb : al-Ghain, Faṣal : Fa, Ra, Gha, jil. 22, hlm. 550, al-Kuwayt : Maktabah Turāth al-'Arabī, Taḥqīq : Muṣṭafā al-Ḥijāzī.

perkataan tersebut, apakah kalam Nabi atau bukan. Oleh itu, penulis menyimpulkan bahawa lafaz hadith di atas tidak dapat diketahui kedudukannya. Wallahu A'lam.

Hadith : 2

رُويَ مَرْفُوعًا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : تَفَكَّرُوا فِي آيَاتِ اللَّهِ وَلَا تَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ فَإِنَّكُمْ لَنْ تَقْدُرُوا حَقَّ قَدْرِهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan secara Marfu' kepada Nabi SAW : Berfikirilah kamu tentang tanda-tanda kebesaran Allah dan jangan berfikir tentang zat Allah kerana kamu tidak akan mampu mengetahui kedudukan yang sebenarnya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam Ḥilyat al-Awliyā'³, menerusi 'Abd Allāh bin 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Suyūṭī⁴ dan al-'Ajlūnī⁵ mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym ini adalah *Da'if*⁶. Kelemahan hadith ini disebabkan oleh perawi Ismā'il bin Ayāsh dan Aḥwās bin Ḥākīm yang di^{Da'if}kan oleh ulama kedudukannya. al-Fashwī dan

³ Abū Nu'aym Al-Asfahānī, Aḥmad Ibn 'Abd Allāh, 1418/1997, Ḥilyat al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā', jil. 6, hlm. 66, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr al-'Aṭā.

⁴ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, 1424/2003, al-Dur al-Manthūr fī Tafsīr al-Ma'thūr, jil. 4, hlm. 181, al-Qāhīrah : Markaz Ḥajr li Buhūth wa al-Dirasāt al-'Arabiyah al-Islāmī, Taḥqīq : Doktor 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī.

⁵ al-'Ajlūnī, Ismā'il bin Muḥammad al-'Ajlūnī, 1351, Kasf al-Khafā', n h 1005, jil. 1, hlm. 311-312, Bayrūt : Dār al-Iḥyā' Turāth al-'Arābī.

⁶ *Da'if* = Ḥadīth lemah yang tidak sampai darjah *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* atau peringkat jarh perawi yang ditulis kerana ada *Illat*.

al-Abbās mengatakan bahawa Ismā'īl bin Ayāsh adalah *Thiqah*⁷ dan '*Adil*⁸. Ibn Ma'in mengatakan bahawa Ismā'īl bin Ayāsh tidak mengapa (*Laysa Bihi Ba'sa*)⁹ bagi penduduk negeri Shām, sedangkan al-Bukhārī mengatakan bahawa jika dia bercerita tentang penduduk negerinya maka dia *Ṣaḥīḥ* tetapi jika dia bercerita tentang negeri lain maka harus diteliti terlebih dahulu apa yang diriwayatkannya. Sekalipun ada ulama yang menthiqahkannya, tetapi Abū Ḥātim tetap mengatakan bahawa dia *Layyin*¹⁰, Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia *Ṣadūq Ghalaṭ*¹¹ dalam hadits Hijāz dan 'Irāq¹². al-Nasa'ī dan Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia *Da'īf* dan banyak salah dalam hadīth oleh itulah hadits ini *Da'īf*¹³. Ibn Ḥajar juga mengatakan bahawa dia *Da'īf fi al-Hadīth*¹⁴. Kemudian perawi Aḥwās bin Ḥākīm. Beliau di~~Da'īf~~kan oleh Ibn Ma'in, al-Nasa'ī dan Ibn al-Madini¹⁵. Begitu juga Ibn Ḥajar¹⁶.

Hukum Hadith : *Da'īf*.

⁷ *Thiqah* = Perawi yang bersifat *al-'Adl* dan *al-Dabt*.

⁸ '*Adil* = Seorang muslim, *Baligh*, berakal dan selamat daripada sebab-sebab *Fasiq* dan menjejaskan maruah.

⁹ *Laysa Bihi Ba'sa* = Kedua lafaz ini menunjukkan bahawa derajat perawi berkenaan sama dengan lafaz *Ṣadūq*.

¹⁰ *Layyin* = Perawi berkenaan hanya meriwayatkan sedikit hadits dan mempunyai kecacatan akan tetapi tidak membuatnya menjadi perawi yang ditinggalkan periwayatannya.

¹¹ *Ṣadūq Ghalaṭ* = Jujur tapi banyak kesalahan.

¹² Abī Ḥātim al-Razī, 'Abd al-Raḥman bin Abī Ḥātim al-Razī, 1422/2002, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no. 650, jil. 2, hlm. 130, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

¹³ al-Dhahabī, Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn 'Uthmān, 1416/1995, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no. 924, jil. 1, hlm. 401, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : 'Alī Muḥammad al-Mu'awwād.

¹⁴ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, 1413/1993, Tahdhīb wa al-Tahdhīb, no. 584, jil. 1, hlm. 204-207, Bayrūt : Dār al-Iḥyā' Turāth al-'Arābī.

¹⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no. 674, jil. 1, hlm. 315.

¹⁶ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Tahdhīb wa al-Tahdhīb, no. 358, jil. 1, hlm. 124-125.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan ke~~Da'if~~an perawi Ismā'il bin Ayāsh dan Aḥwās bin Ḥākīm.

Hadith : 3

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْمُنَاجَاةُ تُحَصِّنُ الْأَسْرَارَ وَ الصَّدَقَةُ تُحَصِّنُ الْأَمْوَالَ وَ الْإِخْلَاصُ يُحَصِّنُ الْأَعْمَالَ وَ الصَّدَقُ يُحَصِّنُ الْأَقْوَالَ وَ الْمَشُورَةُ تُحَصِّنُ الْأَرْءَاءَ.

Maksudnya : Daripada Nabi SAW : Munajat dapat melindungi rahsia-rahsia, sedekah dapat melindungi harta, ikhlas dapat melindungi amal perbuatan, kejujuran dapat melindungi kata-kata dan mesyuarat dapat melindungi pendapat-pendapat.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 4

رُويَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : اسْتَغِيثُوا عَلَى الْحَاجَاتِ بِالْكِتْمَانِ فَإِنَّ كُلَّ ذِي نِعْمَةٍ مَحْسُودٌ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Minta bantuanlah dengan merahsiakan setiap hajat yang diperlukan, kerana sesungguhnya bagi setiap orang yang memperolehi kenikmatan ada orang yang hasad.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dalam kitab al-Majrūḥīn¹⁷ menerusi Mu'ādh bin Jabāl.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān ini daripada Sa'īd bin Salām al-'Iṭār daripada Thawr bin Yazīd daripada Khālīd bin Ma'dān. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa Hadith ini *Mawḍū'*¹⁸ disebabkan perawi Sa'īd bin Salām al-'Iṭār adalah seorang pendusta dan *Munkar al-Ḥadīth*¹⁹. Ibn 'Adī mengatakan bahawa Sa'īd bin Salām al-'Iṭār adalah *Kadhḥāb*²⁰, *Munkar al-Ḥadīth* dan hadith-hadithnya banyak yang *Da'īf*, sesiapa yang meriwayatkan hadith daripadanya maka dianggap *Da'īf*. al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Da'īf* dan hadithnya tidak ditulis²¹. al-'Uqaylī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkannya daripada Mu'ādh bin Jabāl ini tidak dikenal kecuali daripada dia seorang²². Abī Ḥātim al-Rāzī²³ dan al-Bukhārī²⁴ pula mengatakan bahawa dia *Munkar*

¹⁷ Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad al-Tamīmī, 1420/2000, Kitāb al-Majrūḥīn, no 391, jil. 1, hlm. 404, Riyād : Dār al-Samā'ī li naṣr wa Tawzī', Taḥqīq : Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī.

¹⁸ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn, no 391, jil. 1, hlm. 404.

¹⁹ *Munkar al-Ḥadīth* = Perawi Mungkar. (Lafaz peringkat ketiga pada pada peringkat Jarḥ, hadith riwayat perawi ini boleh ditulis untuk diuji. Menurut al-Bukhārī hadith perawi ini tidak boleh diriwayatkan.

²⁰ *Kadhḥāb* = Salah satu perkataan *Jarḥ* dan ḥadīthnya tidak boleh ditulis dan diikuti.

²¹ Ibn 'Adī, Aḥmad 'Abd Allāh bin 'Adī al-Jurjānī, 1409/1988, al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no 96/828, jil. 3, hlm. 404, Bayrūt : Dār al-Fikr, Taḥqīq : Doktor Suhayl Zakkār.

²² al-'Uqaylī, Muḥammad bin 'Amrū bin Mūsā bin Ḥimād al-'Uqaylī al-Makkī, t.th, Kitāb al-Ḍu'afā' al-Kabīr, no 580, jil. 2, hlm. 108-109, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Doktor 'Abd al-Mu'ī Amin Qal'abī.

²³ Abī Ḥātim al-Rāzī, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 5250, jil. 4, hlm. 31.

²⁴ al-Bukhārī, Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl, 1422/2001, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 4503/1610, jil. 3, hlm. 396, Bayrut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

al-Ḥadīth Jiddān. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa dia *Ḍa'if*.²⁵ Hadith ini mempunyai *Shahīd*²⁶ yang diriwayatkan juga oleh Ibn Ḥibbān dalam kitab *Majrūḥīn*²⁷ menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Abbās, tetapi Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa hadith ini pun *Mawḍū’*²⁸, kerana di dalamnya terdapat perawi Ḥajāj bin Muḥammad al-A’wār. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī mengatakan bahawa awalnya dia *Thiqah*²⁹ seperti yang dikatakan oleh ‘Alī al-Madinī, al-Nasā’ī, Ibn Ishāq al-Ḥarabī dan Ibn Ma’īn tetapi ketika dia pulang ke Baghdād maka dia *Ghalaṭ* (pikirannya sudah nyanyuk) dan hadithnya tidak dapat dijadikan *hujah*³⁰.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini *Mawḍū’* disebabkan kemungkaran dan kedustaan perawi Sa’īd bin Salām al-‘Iṭār dan perawi Ḥajāj bin Muḥammad al-A’wār adalah seorang yang nyanyuk.

Hadith : 5

²⁵ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, 1422/2001, *Lisān al-Mizān*, no : 3713, jil. 3, hlm. 268-269, Bayrūt : Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arābī, Taḥqīq : Muḥammad ‘Abd al-Raḥman al-Mar’īsīlī.

²⁶ *Shahīd* = Hadith yang mempunyai persamaan atau berdekatan erti samaada makna atau lafaz daripada dua sahabat.

²⁷ Ibn Ḥibbān, *Kitāb al-Majrūḥīn*, no : 514, jil. 1, hlm. 492.

²⁸ *Mawḍū’* = Hadith yang dibuat oleh seseorang dan disandarkan kepada Rasul Allah s.a.w.

²⁹ *Thiqah* = Perawi yang bersifat ‘*Adil* dan *Ḍabit*.

³⁰ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, 1413/1992, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, no : 1127, jil.5, hlm. 451-456, Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah, Taḥqīq : Doktor Bassār ‘Awwād Ma’rūf, Ibn Ḥajar, *Tahdhīb wa al-Tahdhīb*, no : 1342, jil. 1, hlm. 446.

رُوي عن أبي الدرداء قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ما من يوم غربت فيه شمسُهُ إِلَّا وَمَلَكَانِ يُناديانِ اللَّهُمَّ اعْطِ مُنْفِعًا خَلْقًا وَمُمْسِكًا تَلَقَّا وَأُنْزِلَ فِي ذَلِكَ الْقُرْآنِ فَأَمَّا مَنْ أَعْطَى وَاتَّقَى وَصَدَّقَ بِالْحُسْنَى فَسَنِيَسِرُّهُ لِيُسرَى .

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Abu Darda' bahawa Nabi SAW bersabda : Tiada hari yang telah terbenam matahari di dalamnya melainkan ada dua malaikat yang mendoakan ya Allah berilah ganti (balasan baik) bagi orang yang menginfakkan dan berilah kerugian bagi orang yang menahan (daripada sedekah) berkaitan dengan hal itu Allah turunkan ayat al-Qur'an yang bermaksud : Adapun orang-orang yang memberikan hartanya pada jalan Allah, bertaqwa dan membenarkan adanya pahala yang terbaik (syurga) maka kami akan menyediakan baginya jalan yang mudah (al-Lail :5-7).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal dalam Musnadnya³¹, Ibn Hibbān dalam Ṣaḥīḥnya³², dan al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān³³ menerusi Sahabat Abū Dardā'.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

³¹ Ahmad, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, 1416/1995, Musnad Imām Ahmad, n h : 21618, Jil. 16, hlm. 73, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.

³² 'Alā' al-Dīn 'Alī bin Balbān al-Fārisī, 1418/1997, Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : Ṣadaqah al-Taṭawwu', n h : 3329, Jil. 8, hlm. 121-122, Bayrūt : Mu'assasah al-Risālah, Taḥqīq : Shu'ayb al-Arna'ūṭ.

³³ al-Bayhaqī, Ahmad bin al-Husayn al-Bayhaqī, 1421/2000, Shu'ab al-Īmān, Bāb : al-Zakāt, Faṣl : Fī Karahiyatin Rad al-Sā'il, n h : 3412, Jil. 3, hlm. 233, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muḥammad al-Sa'īd bin Basyūnī Zaghlūl.

Hadith ini dihukum *Ṣaḥīḥ* dengan syarat Muslim, dan sanad-sanadnya juga *Ṣaḥīḥ* sepertimana yang telah disebutkan oleh Ibn Ḥibbān dalam *Ṣaḥīḥnya*. Aḥmad dan al-Haythamī pula mengatakan bahawa sanad-sanad hadith ini *Ṣaḥīḥ*,³⁴. al-Mundhirī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*³⁵. Hadith ini mempunyai Tawābi' dengan lafaz berbunyi :

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا أَللَّهُمَّ أَعْطِ مُنْفِقًا خَلَفًا وَ يَقُولُ الْآخَرُ أَللَّهُمَّ
أَعْطِ مُتْسِكًا تَلَفًا.

Hadith ini menerusi Abū Hurayrah yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥnya*³⁶, Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya*³⁷ dan juga Ibn Ḥibbān dalam *Ṣaḥīḥnya*³⁸. Oleh itulah hadith ini dihukum sebagai *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 6

³⁴ al-Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī bin Abī Bakar al-Haythamī, 1414/1994, Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Zakāh, Bāb : Allāhumma A'ṭi Munfiqan Khalfan, jil. 3-4, hlm. 122, al-Qāhirah : Maktabah al-Quds, Taḥqīq : Hisām al-Dīn al-Quds.

³⁵ al-Mundhirī, Zakī al-Dīn 'Abd al-'Azīm bin 'Abd al-Qawwī al-Mundhirī, 1420/1999, Targhīb wa Tarhīb Min al-Ḥadīth al-Sharīf, Kitāb : al-Ṣadaqāt, Bāb : Targhīb fi al-Infāq fī Wujūh al-Khayr Kirāman wa Tarhīb min al-Imsāk wa al-Addikhar Shuḥḥa, n h : 1344, jil. 1, hlm. 696, Bayrūt : Dār Ibn al-Kathīr, Taḥqīq : Samīr Aḥmad al-'Ittār dkk.

³⁶ Ibn Hajar, Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, 1416/1996, Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : (27) Qauluhu Ta'alā Fa Ammā Man A'ṭa wa al-Taqa wa Ṣaddaqa bi al-Ḥusnā Fasanuyassiruhu li al-Yusrā wa Ammā Man Bakhīla Wastaghna wa Kadhdhaba bi al-Ḥusnā Fasanuyassiruhu li al-'Usra (al-Lail : 5), n h : 1442, jil. 4, hlm. 58-59, Bayrūt : Dār al-Fikr.

³⁷ Muslim, Muslim bin al-Ḥujjāj al-Naysābūrī, 1419/1998, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī, Kitāb ; al-Zakāt, Bāb : Fi al-Munfiq wa al-Mumsik, n h : 57-(1010), jil. 4, hlm. 103, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.

³⁸ 'Alā' al-Dīn 'Alī bin Balbān al-Fārisī, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : Ṣadaqah al-Taṭawwu', n h : 3333, jil. 8, hlm. 124.

رُوي عن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : الْمَشُورَةُ حِصْنٌ مِنَ النَّدَامَةِ وَ أَمَانٌ مِنَ الْمَلَامَةِ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Mesyuarat itu benteng bagi penyesalan, juga penyelamat daripada sebarang cercaan.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith ini tidak dapat dijelaskan hukumnya sebab tidak ditemui sumber asalnya dari mana-mana kitab hadith. Tetapi al-Mawardī mengatakan dalam kitab Adāb al-Dunyā wa al-Dīn³⁹ bahawa lafaz di atas merupakan contoh kelebihan mesyuarat saja, dan pentahqiq sendiri tidak menyatakan kedudukan perkataan tersebut, apakah kalam Nabi atau bukan. Jadi penulis menyimpulkan bahawa lafaz hadith di atas bukan kalam Nabi sehingga tidak dapat diketahui kedudukannya. Wallahu A'lam.

Hadith : 7

قَالَ النَّبِيُّ عَلَيْهِ السَّلَامُ : إِنَّ فِي جَمْعِ الْمَالِ خَمْسَةَ أَشْيَاءَ : أَلْعَنَاءُ فِي جَمْعِهِ وَالشُّغْلُ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى

بِإِصْلَاحِهِ وَالْخَوْفُ مِنْ سَالِيهِ وَسَارِقِهِ وَاحْتِمَالُ اسْمِ الْبَخِيلِ لِنَفْسِهِ وَمُفَارَقَةُ الصَّالِحِينَ مِنْ أَجْلِهِ وَفِي تَفْرِيقِهِ

خَمْسَةَ أَشْيَاءَ : رَاحَةُ النَّفْسِ مِنْ طَلَبِهِ وَالْفَرَاغُ لِذِكْرِ اللَّهِ مِنْ حِفْظِهِ وَ الْأَمْنُ مِنْ سَالِيهِ وَسَارِقِهِ وَ اكْتِسَابُ

اسْمِ الْكَرِيمِ لِنَفْسِهِ وَمُصَاحَبَةُ الصَّالِحِينَ لِفِرَاقِهِ.

³⁹ al-Mawardī, 'Alī bin Muḥammad Ḥabīb al-Baṣrī al-Mawardī, tth, Adāb Dunyā wa al-Dīn, hlm. 289, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā al-Saqā.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya terdapat lima perkara tercela dalam kegiatan pengumpulan harta, iaitu sengsara dalam mengumpulkan, terlupa mengingat Allah kerana sibuk mengelola harta, khuatir kena rompak, bakhil dan demi harta maka seseorang dapat berpisah dari orang-orang soleh, dan terdapat lima perkara terpuji dalam melepas hartanya iaitu keselesaan diri dari kesibukan mencarinya, banyak peluang untuk mengingat Allah, terlepas dari rompakan dan pencurian, dia disebut sebagai orang mulia dan dapat bersahabat dengan orang-orang soleh.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber asal hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 8

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَيْسَ خَيْرُكُمْ مَنْ تَرَكَ الدُّنْيَا لِلْآخِرَةِ وَلَا الْآخِرَةُ لِلدُّنْيَا وَلَكِنْ خَيْرُكُمْ مَنْ أَخَذَ مِنْ هَذِهِ وَ هَذِهِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Tidak termasuk yang lebih baik di antara kamu orang yang meninggalkan dunia kerana akhirat sahaja, begitu pula orang yang meninggalkan akhirat kerana dunia sahaja, tetapi yang lebih baik di antara kamu adalah orang yang mengambil ini dunia dan ini akhirat (pertengahan).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Khaṭīb Baghdādī dalam Kitāb Talkhīs al-Mutasabih fi al-Rasm⁴⁰ dan Ibn ‘Asākir dalam Tārīkh Dimashq⁴¹ menerusi Sahabat Anas bin Mālīk.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-‘Ajlūnī dalam kitabnya Kashf al-Khafā’⁴² mengatakan bahawa hadith ini *Da’if Jiddān*⁴³ bahkan *Mawḍū’*, kerana dalam sanad terdapat perawi yang sangat cacat kedudukannya iaitu Yazīd bin Ziyād al-Baṣrī. Abū Ḥātim al-Rāzī, al-Tirmidhī dan Ibn Jawzī mengatakan bahawa dia *Da’if Ḥadīth* seolah-olah hadithnya adalah *Mawḍū’*⁴⁴. al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth*⁴⁵. al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth*⁴⁶, begitu juga disebutkan oleh Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Numayr⁴⁷. Ibn Ḥibbān pula mengatakan bahawa dia *Ṣadūq* tetapi ketika umurnya bertambah tua maka buruk hafalannya oleh itulah hadith-hadithnya banyak yang *Munkar*⁴⁸ dan palsu⁴⁹. al-Albānī mengatakan bahawa hadith ini *Bāṭil* dan sanad

⁴⁰ al-Khaṭīb Baghdādī, Aḥmad bin ‘Alī bin Thābit Abī Bakar Khaṭīb al-Baghdādī, 1985, Kitāb Talkhīs al-Mutasabih fi al-Rasm, n h : 1102, jil. 2, hlm. 659, Dimasq : Rab’u Dār al-Mukhaṣṣa li Madāris Abnā’ Shuhadā’ fi al-Quṭr al-‘Arābī, Taḥqīq : Shukainah al-Shihābī.

⁴¹ Ibn ‘Ashākir, ‘Alī bin al-Ḥasan Ibn Hibat Allāh bin ‘Abd Allāh al-Shāfi’ī, 1415/1995, Tārīkh Madīnat al-Dimasq, n h : 13228 dan 13229, jil. 65, hlm. 197, Bayrūt : Dār al-Fikr, Taḥqīq : Muḥib al-Dīn Abī Sa’īd al-‘Umar bin Ghadāmah al-Amrawī.

⁴² al-‘Ajlūnī, Ismā’īl bin Muḥammad al-‘Ajlūnī, Kasf al-Khafā’ wa Muzīl al-Ilbās Ammā Ishtahāra min al-Ḥadīth ‘Alā al-Asīnah al-Nās, n h : 2139, jil. 2, hlm. 169.

⁴³ *Da’if Jiddān* = Hadith yang sangat lemah *Sanad dan Matannya*.

⁴⁴ Abī Ḥātim al-Rāzī, al-Jarḥ wa al-Ta’dīl. no : 16764, jil. 9, hlm.324.

⁴⁵ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 12559/3221, jil. 8, hlm. 215.

⁴⁶ *Matrūk al-Ḥadīth* = Perawi berkenaan ditinggalkan periwayatannya oleh para ulama, dan istilah ini digunakan untuk derajat kelima dalam *Jarḥ*.

⁴⁷ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl, no : 6990, jil. 32, hlm. 134-135.

⁴⁸ *Munkar* = Hadith yang *sanadnya* terdapat perawi yang amat pelupa atau sering silap dan dikenal *Fasiq*, berselisih faham dengan riwayat *Thiqah*.

hadithnya adalah *Da'if Jiddān*⁵⁰ kerana terdapat perawi Yazīd bin Ziyād al-Baṣrī, dan dia *Muttaham*⁵¹ (dituduh berdusta), sebenarnya dia berasal dari Dimshaq bukan Baṣrah, setiap orang mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth* dan tidak boleh meriwayatkan hadith daripadanya⁵². Wallahu A'lam

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan perawi Yazīd bin Ziyād al-Baṣrī adalah seorang yang *Munkar, Matrūk dan Muttaham*.

Hadith : 9

رُويَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : نِعَمَ الْمَطِئَةُ الدُّنْيَا فَارْحَلُوهَا تُبَلِّغُكُمْ الْآخِرَةَ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Sebaik-baik tunggangan adalah dunia, maka naikilah ia kerana ia akan menyampaikan kamu ke akhirat.

Takhrij Hadith :

Bunyi lafaz hadith ini disebutkan oleh al-Ghazālī dalam *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*⁵³ daripada 'Alī.

⁴⁹ Ibn Jawzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Farāj 'Abd al-Raḥman bin 'Alī bin Muḥammad Ibn Jawzī, 1406/1986, Kitāb Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn, no : 3781, jil. 3, hlm. 209, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Taḥqīq : Abū al-Fidā' 'Abd Allāh al-Qāḍī.

⁵⁰ *Da'if Jiddān* = Hadith yang sangat lemah *Sanad dan Matannya*.

⁵¹ *Muttaham* = Dituduh (sebagai pendusta), banyak salah.

⁵² al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1420/2000, Silsilah al-Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah, n h : 500, jil. 1, hlm. 715-716, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif.

⁵³ al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, tth, Kitāb : al-Tawbah, Bāb : Aqsām al-Dhunūb bi al-Idāfah ilā Ṣifāt al-'Abd, Jil. 4, hlm. 19, al-Qāhirah : Dār al-Iḥyā' Kutub al-'Arabiyyah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Hafiz al-'Irāqī⁵⁴ mengatakan bahawa hadith yang disebutkan oleh al-Ghazālī ini diriwayatkan juga oleh al-'Uqaylī dalam kitabnya *Ḍu'afā'*⁵⁵ dengan lafaz berbunyi :

نِعْمَةُ الدَّارِ الدُّنْيَا لِمَنْ تَزَوَّدَ فِيهَا لِأَخْرَجَتْهُ مَا يَرْضَى بِهِ رَبُّهُ

Bunyi hadith ini disebutkan oleh 'Uqaylī bahawa ianya diriwayatkan daripada perkataan 'Alī. al-'Uqaylī mengambil daripada Ahmad bin Yahyā al-Hilwānī daripada Yahyā bin Ayyūb al-Maqābirī daripada 'Abd al-Jabbār bin Wahhab daripada Sa'ad bin Ṭariq daripada bapanya. Hadith ini *Ḍa'if* kerana dalam sanad terdapat perawi 'Abd al-Jabbār bin Wahhab, al-'Uqaylī mengatakan bahawa dia *Majhūl*⁵⁶, hadithnya *Ḍa'if* dan tidak *Maḥfūẓ*⁵⁷. al-Dhahabī pula mengatakan bahawa tidak seorang pun yang mengenal dia⁵⁸.

Hukum Hadith : *Ḍa'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'if* disebabkan perawi 'Abd al-Jabbār bin Wahhab adalah seorang yang *Majhūl*.

Hadith : 10

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَطْعَمَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ شَهْوَتَهُ حَرَمَهُ

اللَّهُ تَعَالَى عَلَى النَّارِ (اخرجه البيهقي).

⁵⁴ Ibid

⁵⁵ al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'afā' al-Kabīr*, Jil. 3, hlm. 89.

⁵⁶ *Majhūl* = Perawi yang tidak dikenali.

⁵⁷ al-'Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu'afā' al-Kabīr*, Jil. 3, hlm. 89.

⁵⁸ al-Dhahabī, *Mizān al-'Itidāl fī Naqd al-Rijāl*, no : 4749, jil. 3, hlm. 249.

Maksudnya : Daripada Abi Hurayrah, bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memberi makanan kepada saudaranya yang muslim dengan makanan kesukaannya maka Allah S.W.T mengharamkan dia ke neraka (diriwayatkan oleh al-Bayhaqī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*⁵⁹, menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Suyūṭī⁶⁰, al-Fatānī⁶¹, dan al-Zubaydī⁶² mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini adalah *Mawḍu'* disebabkan terdapat perawi Muḥammad bin 'Abd al-Salām yang dituduh sebagai pendusta. Ibn 'Adī mengatakan bahawa Muḥammad bin 'Abd al-Salām dituduh sebagai pendusta dan dia meriwayatkan apa yang tidak didengarnya⁶³. al-Bayhaqī mengatakan bahawa sanad hadith ini *Munkar* dan hadithnya pula palsu⁶⁴. Oleh itu penulis menyimpulkan bahawa hadith ini *Mawḍu'*

⁵⁹ al-Bayhaqī, Abī Bakar Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, 1421/2000, *Shu'ab al-Īmān*, Bāb : Zakāt, Faṣl : Fī It'ām al-Ṭa'am wa Saqi al-Ma', n h : 3382, jil. 3, hlm. 222, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Abī Ḥājir Muḥammad al-Sa'id Basyūnī Zaghlūl.

⁶⁰ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, 1390/1970, *Jāmi'* al-Kabīr, n h : 2102 (20473), jil. 18, hlm. 3786, al-Qāhirah : Majma' al-Buḥūth al-Islāmī.

⁶¹ al-Fatānī, Muḥammad Ṭāhir bin 'Alī al-Hindī al-Fatānī, 1315/1995, *Tadhkirah al-Mawḍū'āt*, Bāb : Anna Ishbā'u al-Mu'min bi al-Mushtahi Afḍal min Bina' al-Ka'bah, hlm. 66, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arābī.

⁶² al-Zubaydī, Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥusaynī al-Zubaydī, 1414/1994, *Ittiḥāf al-Sadah al-Muttaqīn*, Bāb : al-Thallith fī Adāb Taqdim al-Ṭa'am Ilā Ikhwān al-Zā'irīn, hlm. 238, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arābī.

⁶³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 7872, jil. 5, hlm. 74

⁶⁴ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman al-Suyūṭī, 1417/1996, *al-Lāli'u al-Maṣnū'ah fī Aḥādīth al-Maṣnū'ah*, Bāb : al-Ṣadaqah, jil. 2, hlm. 74, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Ta'liq : Abū 'Abd al-Raḥman Silāh bin Muḥammad bin 'Uwaydah.

disebabkan kedustaan perawi Muḥammad bin ‘Abd al-Salām. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini palsu dalam Silsilah al-Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah⁶⁵. Wallahu A’lam.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi Muḥammad bin ‘Abd al-Salām yang dituduh sebagai pendusta.

Hadith : 11

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَطْعَمَ أَخَاهُ
مِنَ الْخُبْزِ حَتَّى يُشْبِعَهُ وَسَقَاهُ مِنَ الْمَاءِ حَتَّى يُرْوِيَهُ بَعْدَ مِنَ النَّارِ سَبْعَ خَنَاقٍ كُلُّ خَنَاقٍ مَسِيرَةُ سَبْعِمِائَةٍ
عَامٍ (أَخْرَجَهُ الطَّبْرَانِيُّ وَ الْحَاكِمُ وَ الْبَيْهَقِيُّ).

Maksudnya : Daripada Abd Allah bin Amru bin al-Ash bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memberi roti kepada saudaranya yang muslim hingga berasa kenyang dan memberi air hingga berasa segar, maka dijauhkan dari neraka yang jarak antara keduanya tujuh parit, jarak tiap parit ke parit yang lain adalah perjalanan tujuh ratus tahun (diriwayatkan oleh al-Tabarānī, al-Ḥākim dan al-Bayhaqī).

Takhrij Hadith :

⁶⁵ al-Albānī, Silsilah al-Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah, jil. 1, hlm. 223.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*⁶⁶, al-Ḥākim dalam *Mustadrāk*⁶⁷, dan al-Ṭabarānī dalam *Mu'jam Awsaṭ*⁶⁸, menerusi 'Abd Allāh bin 'Amrū.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Ibn Ḥibbān⁶⁹, Ibn Jauzī⁷⁰, dan al-Mundhirī⁷¹ mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas semuanya menerusi 'Abd Allāh bin Amrū dan hukumnya adalah *Mawḍū'*. Hadith ini *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi Rajā' bin Abī 'Aṭā' dan dia dituduh sebagai pemalsu hadith. al-Haythamī mengatakan bahawa Rajā' bin Abī 'Aṭā' adalah *Da'īf* dan pemalsu hadith⁷². al-Ḥākim⁷³ mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ Isnād*⁷⁴, tetapi pendapat beliau ini dibantah oleh al-Dhahabī yang mengatakan : aku tidak tahu bagaimana cara al-Ḥākim menyatukan di antara ucapannya ini kerana dalam kitab *Talkhīṣ Mustadrāknya* beliau menukilkan pendapat al-Dhahabī Suwailih bahawa Rajā' adalah seorang yang *Mawḍū'*, sedangkan di sini beliau men~~ṣaḥīḥ~~kannya padahal dia sendiri menyaksikan bahawa riwayat Rajā' ini adalah

⁶⁶ al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān*, Bab : Zakāt, Faṣl : Fī It'ām al-Ṭa'am wa Saqi al-Ma', n h : 3368-3369, jil. 3, hlm. 217-218.

⁶⁷ al-Ḥākim, Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysābūrī, 1411/1990, *al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn*, Kitāb : al-Aṭ'imah, n h : 7172, jil. 4, hlm. 144, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

⁶⁸ al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, 1417/1996, *Mu'jam Awsaṭ*, n h : 6518, jil. 6, hlm. 401-402, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Taḥqīq : Ayman Ṣāliḥ al-Sa'bān dan Sayyid Aḥmad Ismā'il.

⁶⁹ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥadithīn, no : 347, jil.1, hlm. 376.

⁷⁰ Ibn Jawzī, Kitāb Ḍu'afā' wa al-Matrūkīn, no : 1226, jil. 1, hlm. 283.

⁷¹ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb min al-Ḥadīth al-Sharīf, Kitāb : al-Ṣadaqāt, Bāb : Targhīb fī It'ām al-Ṭa'am wa Saqi al-Ma' wa al-Tarhīb min Man'ihī, no : 1389, jil. 1, hlm. 715-716.

⁷² al-Haythamī, Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Bāb : Fīman At'amu Musliman aw Saqahu, jil. 3, hlm. 133.

⁷³ al-Ḥākim, *al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn*, Kitāb : al-Aṭ'imah, n h : 7172, jil. 4, hlm. 144.

⁷⁴ *Ṣaḥīḥ Isnād* = Hadith yang sanadnya mengikut syarat hadith *Ṣaḥīḥ*.

Mawḍū' dan mengatakan bahwa dia adalah *Mawḍū'*. al-Dhahabī sendiri mengatakan bahawa hadith ini adalah *Gharīb Munkar*⁷⁵. Ibn Ḥibbān pula mengatakan bahawa Rajā' meriwayatkan hadith daripada orang-orang Mesir secara *Mawḍū'* dan tidak boleh berhujah dengan hadithnya, hadith yang disebutkannya ini bukanlah hadith daripada Rasulullah SAW dan ianya adalah *Mawḍū'*⁷⁶.

Hukum Hadith : *Mawḍū'*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan perawi Rajā' bin Abī 'Aṭā' dituduh sebagai pemalsu hadith.

Hadith : 12

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ أَوَّلَ مَا يُجَازَى الْمُؤْمِنُ بَعْدَ مَوْتِهِ أَنْ يُغْفَرَ لِكُلِّ مَنْ تَبِعَ جَنَازَتَهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya balasan orang mukmin yang diberikan pertama kali setelah dia mati ialah diampuni dosa seluruh orang yang menghantarkan jenazahnya.

Takhrij Hadith :

⁷⁵ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, no : 2767 (3404), jil. 3, hlm. 71.

⁷⁶ Ibn Ḥibbān, *Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥadithīn*, no : 347, jil.1, hlm. 376.

Hadith ini disebutkan oleh al-Shawkānī dalam al-Fawā'id al-Majmū'ah⁷⁷, disebutkan oleh al-'Irāq al-Kinānī dalam Tanzīh al-Sharī'at al-Marfū'ah⁷⁸, disebutkan oleh Ibn Jawzī dalam kitabnya al-Mawḍū'āt⁷⁹, menerusi 'Abd Allāh bin 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Ibn Jawzī menukilkan pendapat Abū Arūbat al-Ḥarānī yang mana beliau mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'*⁸⁰. Ibn Ḥajar juga menukilkan pendapat al-Sājī yang mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'*⁸¹. Ianya dihukum *Mawḍū'* kerana di dalamnya terdapat perawi yang bernama Marwān bin Sālim. al-'Uqaylī mengatakan bahawa hadith-hadithnya adalah *Munkar* dan palsu⁸². Ibn 'Adī dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah* dan *Matrūk al-Ḥadīth*⁸³. al-Haythamī mengatakan bahawa dia *Da'if*⁸⁴. al-Shawkānī menyebutkan bahawa hadithnya ini tidak *Ṣaḥīḥ* tetapi

⁷⁷ al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī, t.th, al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Ḥadīth al-Mawḍū'ah, n h : 198, hlm. 269, t.tp : Maṭba'ah al-Sunnah Muḥammadiyah, Taḥqīq : 'Abd al-Raḥman bin Yaḥyā al-Mu'allimī al-Yamānī.

⁷⁸ 'Irāq al-Kinānī, Abī al-Ḥasan Alī bin Muḥammad bin 'Irāq al-Kinānī, 1401/1981, Tanzīh al-Sharī'ah al-Marfū'ah an al-Aḥādīth al-Shanī'ah al-Mawḍū'ah, Kitāb : al-Mawt wa al-Kubur, Faṣl : al-Thānī, n h : 22, jil. 2, hlm. 370, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : 'Abd al-Wahab 'Abd al-Laṭīf.

⁷⁹ Ibn Jawzī, Abī al-Farāj 'Abd al-Raḥman bin 'Alī bin Muḥammad bin Ja'far Ibn Jawzī, 1418/1997, Kitāb al-Mawḍū'āt Min al-Aḥādīth al-Marfū'ah, Kitāb : Zikr al-Mawt, Bāb : al-Ghufrān Liman Yattabi' Janāzah, nh : 1758, jil. 3, hlm. 530-531, Riyāḍ : Dār Aḍwā' al-Salaf, Tāḥqīq : Doktor Nūr al-Dīn bin Shukri bin 'Alī Būyā Jilār.

⁸⁰ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt, Kitāb : Zikr al-Mawt, Bāb : al-Ghufrān Liman Yattabi' Janazah, jil. 3, hlm. 531.

⁸¹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 7651, jil. 5, hlm. 405-406.

⁸² al-'Uqaylī, Kitāb al-Ḍu'afā' al-Kabīr, no : 1787, jil. 4, hlm. 204-205.

⁸³ Ibn 'Adī, Abī Aḥmad 'Abd Allāh bin 'Adī al-Jurjānī, 1988, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no : 249/1870, jil. 6, hlm. 384-385, Bayrūt : Dār al-Fikr, Taḥqīq : Doktor Suhayl al-Zakkār.

⁸⁴ al-Haythamī, Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Bāb : Ittibā' al-Janazah wa al-Mashī Ma'aha wa al-Ṣolāh 'Alayha, Jil. 3, hlm. 32.

palsu⁸⁵. Ibn Jauzī, Dār al-Quṭnī, al-Bukharī, Muslim dan Abū Ḥātim, al-Baghawī dan Abū Nu'aym mengatakan bahawa hadithnya tidak *Ṣaḥīḥ* dan dia seorang yang *Matrūk*, *Kadhdhāb* dan *Munkar al-Ḥadīth*⁸⁶. Pendapat yang sama juga disebutkan oleh al-Dhahabī⁸⁷.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan perawi Marwān bin Sālim adalah seorang yang *Matrūk*, *Kadhdhāb* dan *Munkar al-Ḥadīth*. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini *Mawḍu'* dalam Silsilah al-Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah⁸⁸.

Hadith : 13

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا مَاتَ الرَّجُلُ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ اسْتَحْيَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ يُعَذَّبَ مَنْ حَمَلَهُ وَمَنْ تَبِعَهُ وَمَنْ صَلَّى عَلَيْهِ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Apabila seorang warga syurga meninggal dunia maka Allah berasa malu menyeksa orang yang memikul

⁸⁵ al-Shawkānī, al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Ḥadīth al-Mawḍū'ah, hlm. 269.

⁸⁶ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 7651, jil. 5, hlm. 405-406.

⁸⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 8431, jil. 6, hlm. 397-399.

⁸⁸ al-Albānī, Silsilah al-Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah, jil. 7, hlm. 154.

jenazahnya, orang yang menghatarakan jenazahnya dan orang yang menyembahyangkannya (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Kitāb Firdaws al-Akhhbār bi Ma'thūr al-Khiṭāb⁸⁹, menerusi Jābir bin 'Abd Allāh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada 'Abd Allāh bin Ibrāhim daripada al-Munkadīr bin Muḥammad daripada bapanya daripada Jābir. Hadith ini dihukum *Mawḍū'* kerana dalam sanad hadith terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu 'Abd Allāh bin Ibrāhim. al-Dhahabī berkata bahawa dia dituduh berdusta dan para ulama *mentadlīškannya* kerana kelemahannya. Ibn Ḥibbān, Ibn 'Adī dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa hadith 'Abd Allāh bin Ibrāhim ini adalah *Mawḍū'*, *Munkar* dan tidak diikuti oleh para ulama⁹⁰. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa dia adalah *Matrūk*⁹¹.

Selain daripada kecacatan perawi 'Abd Allāh bin Ibrāhim terdapat juga gurunya bernama al-Mungkadīr bin Muḥammad bin al-Mungkadīr, *jumhur* juga melemahkannya.

Abū Ḥātim, Abū Zur'ah dan 'Alī al-Madinī mengatakan bahawa dia memang seorang

⁸⁹ al-Daylamī, Shirwayh bin Syahardar bin Sirwayh al-Daylmī, 1408/1987, Kitāb Firdaws al-Akhhbār bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 1115, jil. 1, hlm. 348, al-Qāhirah : Dār al-Rayyān li al-Turāth. Taḥqīq : Fawwāz Aḥmad al-Zammirī.

⁹⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 4190, jil. 3, hlm. 102-103.

⁹¹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 3612, jil. 3, hlm. 93.

lelaki *Ṣāliḥ*⁹² namun hadithnya tidak boleh dijadikan hujah kerana dia banyak kesalahan, tidak menghafal hadith daripada bapanya dan hadithnya pula tidak *Qawwī*⁹³. al-Nasā'ī, al-Azādī, al-Ajilī, dan Ibn al-Barqī mengatakan bahawa dia *Da'īf*, hadithnya tidak ditulis begitu juga periwayatan daripadanya.⁹⁴

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan perawi 'Abd Allāh bin Ibrāhīm adalah seorang yang dituduh berdusta dan *Matrūk al-Hadīth*. Kemudian al-Mungkadīr bin Muḥammad bin al-Mungkadīr adalah seorang yang *Da'īf*. al-Albānī juga menghukumkan hadith ini *Mawḍū'* dalam Silsilah *Da'īfah*⁹⁵. Wallahu A'lam.

Hadith : 14

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ زَوَّجَ بِنْتًا تَوَجَّهَ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَاجَ الْمُلُوكِ.

Maksudnya : Daripada Aishah bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa mengahwinkan anak perempuannya, maka Allah SWT memakaikan mahkota kepadanya dengan mahkota raja-raja pada hari kiamat.

Takhrij Hadith :

⁹² *Ṣāliḥ* = Lafaz ini menunjukkan bahawa perawi berkenaan baik dalam sisi agamanya.

⁹³ Abī Ḥatīm al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 15172/1865, jil. 8, hlm. 365.

⁹⁴ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 8032, jil. 5, hlm. 547.

⁹⁵ al-Albānī, Silsilah al-Aḥādīth *Da'īfah* wa al-Mawḍū'ah, n h : 6894, jil. 19, hlm. 919.

Hadith yang semakna dengan lafaz di atas diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jamnya, lafaz hadith tersebut ialah :

عَنْ سَهْلِ بْنِ مُعَاذٍ بْنِ أَنَسٍ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : وَمَنْ أَنْكَحَ عَبْدًا وَضَعَ اللَّهُ عَلَى رَأْسِهِ
تَاجَ الْمُلُوكِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Lafaz hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Kabīr⁹⁶, Mu'jam Awsaṭ⁹⁷, dan Mu'jam Ṣaghīrnya⁹⁸ daripada Sahl bin Mu'ādh bin Anas daripada bapanya.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada Baqiyyah bin al-Wālid daripada Ibrāhim bin Adham daripada Farwah bin Mujāhid daripada Sahl bin Mu'ādh bin Anas daripada bapanya. Tidak ada yang meriwayatkan hadith ini daripada Ibrāhim bin Adham kecuali Baqiyyah bin al-Wālid⁹⁹. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini *Da'if* kerana dalam sanad terdapat Baqiyah bin al-Wālid dan dia adalah *Mudallis*.¹⁰⁰ Apabila dia berkata (*an*) maka hadithnya tidak boleh dijadikan hujah. Abū Ḥātim dan Abū Mas'ar mengatakan bahawa tidak boleh berhujah dengan hadithnya ini kerana *Da'if*.¹⁰¹

⁹⁶ al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, tth, Mu'jam al-Kabīr, n h : (417)....., jil. 20, hlm. 189, ttp : tpt, Taḥqīq : Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī.

⁹⁷ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 9256, jil. 9, hlm. 197-198.

⁹⁸ al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, 1406H/1986M, Mu'jam Ṣaghīr, n h : 1084, jil. 1-2, hlm. 392, Bayrūt : Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyah.

⁹⁹ Ibid.

¹⁰⁰ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Nikāḥ, Bāb : Fīman Zawāj Marghūbān 'Anhu, jil. 3-4, hlm. 275-276.

¹⁰¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1250, jil. 1, hlm. 331-332.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan Baqiyah bin al-Wālid adalah seorang yang *Da'if* dan *Mudallis*¹⁰².

Hadith : 15

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا : إِنَّ كُنَّا فِي الْمَجْلِسِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَ يَقُولُ : رَبِّ اغْفِرْ لِي
وَتُبْ عَلَيَّ إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الْعَفُورُ (رواه أحمد و الترمذي و أبو داود).

Maksudnya : Daripada Ibn Umar : Bahawa kami duduk di majelis Rasulullah SAW dia berkata : Wahai tuhanku ampunilah aku dan terimalah taubatku sesungguhnya engkau tuhan yang maha penerima taubat dan maha pengampun (diriwayatkan oleh Ahmad, al-Tirmidhī dan Abū Dāwd).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Adāb al-Mufrad*¹⁰³, Abū Dāud dalam *Sunannya*¹⁰⁴, al-Tirmidhī dalam *Sunannya*¹⁰⁵, Ibn Mājah dalam *Sunannya*¹⁰⁶, Ahmad

¹⁰² *Mudallas* = Menyembunyikan perawi sebenar.

dalam Musnadnya¹⁰⁷, al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr¹⁰⁸, menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas adalah daripada Ibn Numayr daripada Mālik (Ibn Maghlūl) daripada Muḥammad bin Sūqah daripada Nāfi’ daripada Ibn ‘Umar. al-Tirmidhi mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*¹⁰⁹, begitu juga al-Bukhārī dalam al-Adab al-Mufrad¹¹⁰. Aḥmad Muḥammad Shākir mengatakan bahawa hadith ini sanadnya *Ṣaḥīḥ (Ṣaḥīḥ Isnād)*¹¹¹ dan tidak didapati ada kecacatan perawi di dalamnya¹¹². Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* dan juga

¹⁰³ al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, 1417/1996, Adāb al-Mufrad, Bab : Sayyid al-Istighfār, n h : 633, hlm. 135, Bayrūt : Mu’assasah al-Kutub al-Thaqāfiyah.

¹⁰⁴ Abū Dāwūd, Sulaymān bin al-Ashath al-Sijistānī al-Azadī, 1420/1999, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : al-Istighfār, n h : 1516, jil. 2, hlm. 655, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Taḥqīq : ‘Abd al-Qadīr ‘Abd al-Khayr dkk.

¹⁰⁵ al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā bin Suwarah, 1419/1999, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Dakwāt, Bāb : Idhā Qāma Min al-Majālis, n h : 3434, jil. 5, hlm. 318-319, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Taḥqīq : Doktor Muṣṭafā Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī.

¹⁰⁶ Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī, 1419/1998, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Adāb, Bāb : al-Istighfār, n h : 3814, jil. 3, hlm. 343, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Taḥqīq : Muḥammad Fū’ad ‘Abd al-Bāqī dan Doktor Muṣṭafā Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī.

¹⁰⁷ Aḥmad, Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal, 1416/1995, Musnad Imām Aḥmad, n h : 4726, jil. 4, hlm. 374, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.

¹⁰⁸ al-Ṭabarānī, al-Mu’jam al-Kabīr, n h : 13532, jil. 12, hlm. 416.

¹⁰⁹ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Dakwāt, Bāb : Idhā Qāma Min al-Majālis, n h : 3434, jil. 5, hlm. 318-319.

¹¹⁰ al-Bukhārī, Adāb al-Mufrad, Bab : Sayyid al-Istighfār, n h : 633, hlm. 135

¹¹¹ *Ṣaḥīḥ Isnād* = Hadith yang sanadnya mengikut syarat hadith *Ṣaḥīḥ*.

¹¹² Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 4726, jil. 4, hlm. 374.

di-*Ṣaḥīḥ* kan oleh al-Albānī dalam *Ṣaḥīḥ Sunan Abū Dāūd*¹¹³ dan *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*¹¹⁴. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ*.

Hadith : 16

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا : إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا اعْتَرَفَ بِذَنْبِهِ ثُمَّ تَابَ تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ (رواه الشيخان).

Maksudnya : Daripada Aishah : Sesungguhnya seorang hamba jika dia mengakui dosanya kemudian bertaubat maka Allah berkenan menerima taubatnya (diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥnya*¹¹⁵ dan Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya*¹¹⁶ menerusi 'Aishah.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ*.

¹¹³ al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1421/2000, *Ṣaḥīḥ Sunan Abū Dāūd*, Kitāb : al-Ṣalāt, Bāb : al-Istighfār, n h : 1516, jil. 1, hlm. 415, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif.

¹¹⁴ al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1417/1997, *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*, Kitāb : al-Adāb, Bāb : al-Istighfār, n h : 3090 (3882), jil. 3, hlm. 248, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif.

¹¹⁵ Ibn Ḥajar, Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ *Ṣaḥīḥ* al-Bukhārī, Kitāb : Tafsīr (24) Surah al-Nūr, Bāb : Lawlā iz Sami'tuhu Ḥanna al-Mukminūn wa al-Mukmināti bi Anfusihiḥ Khayra ilā Qawlihi al-Kazibūn (al-Nur : 12), n h : 4750, jil. 9, hlm. 385-388.

¹¹⁶ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim* bi Sharḥ al-Nawāwī, Kitāb : al-Tawbah, Bāb : Ḥadīth al-Ifki wa Qabūl al-Tawbah al-Qāzif, n h : 56 (2770), jil. 9, hlm. 115-121.

Hadith : 17

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ أخطأَ خَطِيئَةً أَوْ
أَذْنَبَ ذَنْبًا ثُمَّ نَدِمَ فَهُوَ كَفَّارُهُ.

Maksudnya : Daripada Abd Allah bin Mas'ud, bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa berbuat kesalahan atau berbuat dosa kemudian menyesali perbuatan itu maka penyesalan itulah tebusannya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr¹¹⁷, Ibn 'Adī dalam al-Kāmil¹¹⁸, menerusi 'Abd Allāh bin Mas'ūd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dan Ibn 'Adī ini melalui sanad al-Ḥasan bin Ṣāliḥ daripada Abī Sa'ad al-Baqāl daripada 'Abd Allāh bin Ma'qal daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd. al-Suyūṭī¹¹⁹ dan al-Munāwī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'īf*¹²⁰.

Ke~~Da'īf~~an hadith ini disebabkan oleh perawi al-Ḥasan bin Ṣāliḥ dan dia seorang *Da'īf al-Ḥadīth*¹²¹.

¹¹⁷ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 10537, jil. 10, hlm. 222.

¹¹⁸ Ibn 'Adī, al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl, jil. 4, hlm. 14.

¹¹⁹ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn bin Abī Bakar al-Suyūṭī, 1410/1990, al-Jāmi' al-Saghīr fī Aḥādīth al-Bashīr al-Nadhīr, n h : 8360, jil. 1, hlm. 510, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

¹²⁰ al-Munāwī, Muḥammad 'Abd al-Ra'uf al-Munāwī, 1357/1938, Fayd al-Qadīr Sharḥ Jāmi' al-Saghīr, jil. 6, hlm. 43, Mesir : Maktabah Tijāriyah al-Kubrā.

¹²¹ *Da'īf al-Ḥadīth* = Perawi berkenaan bukanlah perawi yang *Thiqah* dan hadith-hadithnya tidak boleh ditulis.

Ibn Hibbān¹²² dan Ibn Hajar¹²³ mengatakan bahawa al-Ḥasan bin Ṣāliḥ adalah *Da'if* dan hadithnya pula adalah *Da'if*. Kemudian perawi Abū Sa'ad al-Baqāl nama aslinya ialah Sa'id bin Marzubān, kedudukan beliau banyak diperselisihkan oleh ulama¹²⁴. Ibn Ma'in mengatakan bahawa hadithnya tidak ditulis, Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia *Ṣadūq Mudallas*¹²⁵ dan al-Bukhārī pula mengatakan bahawa dia *Da'if al-Ḥadīth*¹²⁶.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan dua orang perawi yang dilemahkan oleh ulama kedudukannya iaitu al-Ḥasan bin Ṣāliḥ dan dia adalah *Da'if* kemudian Abū Sa'ad al-Baqāl seorang yang *Ṣadūq Mudallis*.

Hadith : 18

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَبِي هُرَيْرَةَ : كُنْ وَرَعًا تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ.

Maksudnya : Nabi SAW berkata kepada Abu Hurayrah : Jadilah seorang yang wara' nescaya engkau menjadi orang yang paling tinggi ibadahnya.

¹²² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1867, jil. 2, hlm. 19.

¹²³ Ibn Hajar, Shihāb al-Dīn Abī al-Faḍl Aḥmad bin Hajar al-'Asqalānī, 1422/2001, Lisān al-Mizān, no : 2492, jil. 2, hlm. 400-401, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arābī, Taḥqīq : Muḥammad 'Abd al-Raḥman al-Mar'ishī.

¹²⁴ al-Munāwī, Fayd al-Qadīr Sharḥ Jāmi' al-Saghīr, jil. 6, hlm. 43.

¹²⁵ *Ṣadūq Mudallas* = Jujur, tetapi meriwayatkan secara tadlis (menyembunyikan perawi sebenar).

¹²⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 3271, jil. 2, hlm. 347-348.

Takhrij Hadith :

Hadith di atas diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya¹²⁷, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān¹²⁸ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah dan al-Bayhaqī di atas melalui sanad Ismā'īl bin Zakariyā daripada Abī Rajā' namanya adalah Mihriz Abū Rajā', daripada Burd bin Sinān daripada Makhūl daripada Wathīlah bin al-Ashqā' daripada Abū Hurayrah. Ibn Mājah mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan*¹²⁹, al-Mundhirī¹³⁰ dan al-Suyūṭī¹³¹ juga berkata begitu. Hadith ini *Ḥasan*¹³² disebabkan terdapat dua perawi yang diperselisihkan kedudukannya, tetapi majoriti ulama menguatkannya antaranya ialah Mihriz Abū Rajā'. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia *Tadlīs* daripada Makhūl dan hadithnya ini dikhuatiri sama ada dia dengar langsung daripada Makhūl atau daripada orang lain¹³³. Sedangkan Abū Ḥātim al-Razī¹³⁴ dan Ibn Ḥajar mengatakan bahawa beliau seorang shaykh yang *Thiqah*¹³⁵.

¹²⁷ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Wara' wa al-Taqwā, n h : 4217, jil. 3, hlm. 506-507.

¹²⁸ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Maṭ'am wa al-Mashārib, Faṣl : Fī Ṭayyib al-Maṭ'am wa al-Malābis, n h : 5750, jil. 5, hlm. 53.

¹²⁹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Wara' wa al-Taqwā, jil. 3, hlm. 507.

¹³⁰ al-Mundhirī, Targhīb wa al-Tarhīb, Kitāb : Buyū' wa Ghayraha, Targhīb fi al-Wara' wa Tarki al-Shubhāt, n h : 2598, jil. 2, hlm. 547.

¹³¹ al-Suyūṭī, al-Jāmi' al-Saghīr fī Aḥādīth al-Bashīr al-Nadhīr, n h : 6422, jil. 1, hlm. 399.

¹³² Hadīth yang diriwayatkan oleh perawi yang kukuh dan teliti hafazannya tetapi dibawah syarat ḥadīth *Ṣaḥīḥ*.

¹³³ Ibn Ḥibbān, Abī Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān bin Aḥmad al-Tamīmī al-Buṣṭī, 1419/1998, Kitāb al-Thiqāt, Kitāb : Itbā' al-Tabi'īn, no : 4723, jil. 4, hlm. 321, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

¹³⁴ Abū Ḥātim, al-Jarah wa al-Ta'dīl, no : 14888/1581, jil. 8, hlm. 395.

¹³⁵ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 7572, jil. 5, hlm. 382.

Abū Dāud mengatakan bahawa dia *Laysa Bihi Ba'sa*¹³⁶. Perawi selanjutnya adalah Burd bin Sinān, tentang kedudukannya juga banyak diperbincangkan ulama. Alī bin al-Madinī mengatakan bahawa dia adalah *Da'if*. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Ṣāliḥ al-Ḥadīth*¹³⁷ dan *Ṣadūq*¹³⁸. al-Nasā'ī dan Ibn Ma'in menthiqahkannya sedangkan Abū Zur'ah pula mengatakan *Laysa Bihi Ba'sa* dan dia *Ṣadūq* dalam pandangan kami¹³⁹. al-Mizzī mengatakan bahawa sekalipun banyak perbincangan ulama tentang dia tetapi kebanyakannya menguatkan seperti Aḥmad bin Hanbal mengatakan bahawa dia adalah *Ṣāliḥ al-Ḥadīth*¹⁴⁰.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* disebabkan dua orang perawi yang diperbincangkan oleh ulama kedudukannya iaitu Mihriz Abū Rajā' sebahagian ulama mengatakan dia adalah *Tadlīs* tetapi majoriti ulama menthiqahkannya. Kemudian Burd bin Sinān yang di~~Da'if~~kan oleh Alī bin al-Madinī tetapi lebih banyak ulama yang mengatakan bahawa dia *Thiqah* dan *Ṣadūq*. Jadi hadith ini adalah *Ḥasan* kerana jumhur menguatkan kedudukan mereka dalam periwayatan hadith. Wallahu A'lam.

¹³⁶ al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Hujjāj Yūsuf al-Mizzī, 1413/1992, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, no : 5803, jil. 27, hlm. 277-279, Bayrūt : Mu'assasah al-Risālah, Taḥqīq : Doktor Bashīr 'Awwād Ma'rūf.

¹³⁷ *Ṣāliḥ al-Ḥadīth* = Ḥadīth *Ṣaḥīḥ* yang boleh diguna *Hujah* atau ḥadīth *Da'if* yang boleh diguna *Hujah* bagi *Faḍā'il A'māl*.

¹³⁸ Abū Ḥātim, al-Jarah wa al-Ta'dīl, no : 1675, jil. 2, hlm. 343.

¹³⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1145, jil. 1, hlm. 302-303.

¹⁴⁰ al-Mizzī, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, no : 655, jil. 4, hlm. 43-46.

Hadith : 19

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُنْ وَرِعًا تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ وَكُنْ قَنَعًا تَكُنْ أَشْكُرَ النَّاسِ وَأَحَبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ تَكُنْ مُؤْمِنًا وَأَحْسَنَ مُجَاوِرَكَ تَكُنْ مُسْلِمًا وَأَقْلَّ الضَّحِكَ فَإِنَّ كَثْرَةَ الضَّحِكِ تُمِيتُ الْقُلُوبَ.

Maksudnya : Rasulullah SAW bersabda : Jadilah kamu orang yang wara' nescaya kamu akan menjadi orang yang paling taat beribadah, jadilah kamu orang yang qana'ah nescaya kamu akan menjadi orang yang paling bersyukur dan dicintai orang lain seperti mana kamu mencintai dirimu sendiri. Hendaklah kamu menjadi orang yang beriman, dan berbuat baik terhadap jiran tetangga, hendaklah kamu menjadi muslim sejati dan sedikit tertawa, kerana banyak tertawa dapat menyebabkan hati mati.

Takhrij Hadith :

Hadith di atas diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya¹⁴¹, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān¹⁴² menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah dan al-Bayhaqī di atas melalui sanad Ismā'īl bin Zakariyā daripada Abī Rajā' namanya adalah Mihriz Abū Rajā', daripada Burd bin Sinān daripada Makhūl daripada Wathīlah bin al-Ashqā' daripada Abū Hurayrah.

¹⁴¹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Wara' wa al-Taqwā, n h : 4217, jil. 3, hlm. 506-507.

¹⁴² al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Maṭ'am wa al-Mashārib, Faṣl : Fī Tayyib al-Maṭ'am wa al-Malābis, nh : 5750, jil. 5, hlm. 53.

Ibn Mājah mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan*¹⁴³, al-Mundhirī¹⁴⁴ dan al-Suyūṭī¹⁴⁵ juga berkata begitu. Hadith ini *Ḥasan* disebabkan terdapat dua perawi yang diperselisihkan kedudukannya tetapi majoriti ulama menguatkannya antaranya ialah Mihriz Abū Rajā'. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia *Tadlīs* daripada Makhūl dan hadithnya ini dikeragui sama ada dia dengar langsung daripada Makhūl atau daripada orang lain¹⁴⁶. Sedangkan Abū Ḥātim al-Razī¹⁴⁷ dan Ibn Hajar mengatakan bahawa beliau seorang shaykh yang *Thiqah*¹⁴⁸. Abū Dāud mengatakan bahawa dia *Laysa Bihi Ba'sa*¹⁴⁹. Perawi selanjutnya adalah Burd bin Sinān, tentang kedudukannya juga banyak diperbincangkan ulama. Alī bin al-Madinī mengatakan bahawa dia adalah *Da'if*. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Ṣāliḥ al-Ḥadīth* dan *Ṣadūq*¹⁵⁰. al-Nasā'ī dan Ibn Ma'in menthiqahkannya sedangkan Abū Zur'ah pula mengatakan *Laysa Bihi Ba'sa* dan dia *Ṣadūq* dalam pandangan kami¹⁵¹. al-Mizzī mengatakan bahawa sekalipun banyak perbincangan ulama tentang dia tetapi kebanyakannya menguatkan seperti Aḥmad bin Hanbal mengatakan bahawa dia adalah *Ṣāliḥ al-Ḥadīth*¹⁵².

¹⁴³ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Wara' wa al-Taqwā, jil. 3, hlm. 507.

¹⁴⁴ al-Mundhirī, Targhīb wa al-Tarhīb, Kitāb : Buyū' wa Ghayraha, Targhīb fi al-Wara' wa Tarki al-Shubhāt, n h : 2598, jil. 2, hlm. 547.

¹⁴⁵ al-Suyūṭī, al-Jāmi' al-Saghīr fī Aḥādīth al-Bashīr al-Nadhīr, n h : 6422, jil. 1, hlm. 399.

¹⁴⁶ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Thiqqāt, Kitāb : Itbā' al-Ṭabī'in, no : 4723, jil. 4, hlm. 321.

¹⁴⁷ Abū Ḥātim, al-Jarah wa al-Ta'dīl, no : 14888/1581, jil. 8, hlm. 395.

¹⁴⁸ Ibn Hajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 7572, jil. 5, hlm. 382.

¹⁴⁹ al-Mizzī, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, no : 5803, jil. 27, hlm. 277-279.

¹⁵⁰ Abū Ḥātim, al-Jarah wa al-Ta'dīl, no : 1675, jil. 2, hlm. 343.

¹⁵¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1145, jil. 1, hlm. 302-303.

¹⁵² al-Mizzī, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, no : 655, jil. 4, hlm. 43-46.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* disebabkan dua orang perawi yang diperbincangkan oleh ulama kedudukannya iaitu Mihriz Abū Rajā' sebahagian ulama mengatakan dia adalah *Tadlīs* tetapi majoriti ulama menthiqahkannya. Kemudian Burd bin Sinān yang di~~Da'if~~kan oleh Alī bin al-Madinī tetapi lebih banyak ulama yang mengatakan bahawa dia *Thiqah* dan *Ṣadūq*. Jadi hadith ini adalah *Ḥasan* kerana jumhur menguatkan kedudukan mereka dalam periwayatan hadith. Wallahu A'lam.

Hadith : 20

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : جُبِلَتْ الْقُلُوبُ عَلَى حُبِّ مَنْ أَحْسَنَ إِلَيْهَا وَبُغْضِ مَنْ أَسَاءَ إِلَيْهَا.

Maksudnya : Rasulullah SAW bersabda : Hati tertarik kerana cinta kepada orang yang telah berbuat baik kepadanya dan membenci kepada orang yang telah berbuat jahat kepadanya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam *Ḥilyah*¹⁵³, Khaṭīb al-Baghdādī dalam *Tārīkhnya*¹⁵⁴, al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*¹⁵⁵, Ibn 'Adī dalam kitabnya *al-Kāmil fī Duafā' al-Rijāl*¹⁵⁶, dan disebutkan oleh Ibn Daybā' dalam kitabnya *Tamyiz al-Ṭayyīb*

¹⁵³ Abū Nu'aym, Ahmad bin 'Abd Allāh al-Asfahānī, 1409/1988, *Ḥilyat al-Awliyā'*, jil. 4, hlm. 121, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

¹⁵⁴ Khaṭīb al-Baghdādī, Abī Bakar Ahmad bin 'Alī al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1417/1997, *Tārīkh Baghdād*, jil. 11, hlm. 96, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

¹⁵⁵ al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān*, Bāb : Fī Muqarabah wa Mawaddah Ahlu al-Dīn, Faṣl : Fī al-Muṣāfahah wa al-Mu'aniqah 'Inda al-Ittiqā', n h : 8984, jil. 6, hlm. 48.

¹⁵⁶ Ibn 'Adī, *al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl*, jil. 2, hlm. 286-287.

min al-Khabīth¹⁵⁷, Sayyid Darwis dalam Athnā Muṭālib¹⁵⁸, semuanya menerusi ‘Abd Allāh bin Mas’ūd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Ismā’īl bin Abān daripada A’mash daripada Khaythamah daripada ‘Abd Allāh bin Mas’ūd. Ibn Ma’in mengatakan bahawa hadith ini *Gharīb* dan kami tidak menuliskannya kecuali daripada jalan ini¹⁵⁹. Ibn ‘Adī pula mengatakan bahawa hadith ini terkenal daripada A’mash dalam keadaan *Mawqūf*¹⁶⁰. al-Shakhāwī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dan al-Bayhaqī adalah *Bāṭil Marfū’* dan terkenal *Mawqūf*¹⁶¹ daripada A’mash oleh itulah ianya perlu kepada ta’wil atau penafsiran, dan di dalam sanad juga terdapat perawi yang dituduh memalsukan hadith dan pendusta¹⁶². Perawi yang dituduh *Da’if* dan pendusta di sini bernama Ismā’īl Khayyāṭ (Ismā’īl bin Abān). al-Bukhārī, al-Sājī¹⁶³ dan Ibn Hajar mengatakan bahawa dia *Matrūk* dan banyak *Munkar*¹⁶⁴, Aḥmad bin Ḥanbal, Abū Zur’ah, Abū Ḥatīm, Dār al-Quṭnī, al-Ajilī dan al-Nasā’ī meninggalkan hadithnya dan

¹⁵⁷ Ibn Daybā’, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Alī bin Muḥammad Ibn ‘Umar Shaybānī, t th, Tamyīz al-Tayyib min al-Khabīth, n h : 478, hlm. 108, al-Qāhirah : Maktabah Ibn Sinā, Taḥqīq : Muḥammad ‘Uthmān al-Khasīṭ.

¹⁵⁸ Sayyid Darwīs, Muḥammad bin Sayyid Darwīs, 1346, Asna al-Muṭālib fī Aḥādith Mukhtalifah al-Marātib, hlm . 89, Mesir : Matba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

¹⁵⁹ Abū Nu’aym, Ḥilyat al-Awliyā’, jil. 4, hlm. 121.

¹⁶⁰ Ibn ‘Adī, al-Kāmil fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 2, hlm. 286-287.

¹⁶¹ *Mawqūf* = Hadith yang dinisbahkan sebagai perkataan Sahabat.

¹⁶² al-Sakhāwī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥman al-Sakhāwī, 1429/2008, al-Maqāṣid al-Ḥasanah, hlm. 178, Bayrūt : Dār al-Kitāb al-‘Arābī, Taḥqīq : Muḥammad ‘Uthmān al-Khashīṭ.

¹⁶³ al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl bin Ibrāhīm al-Ju’fī al-Bukhārī, 1422/2001, Tārīkh al-Kabīr, no : 1093, jil. 1, hlm. 326, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr ‘Aṭā.

¹⁶⁴ Ibn Hajar, Lisān al-Mizān, no : 1404, jil. 1, hlm. 690.

mereka mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah*¹⁶⁵. Ibn Ḥibbān membuang hadithnya, Abū Daūd dan al-Juzjānī mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb*¹⁶⁶. al-Munāwī mengatakan bahawa hadith ini *Mawḍūʿ* kerana Ismāʿīl bin Khayyāṭ ini dicela dan dicerca oleh para ulama dan beliau menyebutkan bahawa Maḥnak pernah bertanya kepada Aḥmad dan Yaḥyā tentang hadith Ismāʿīl ini keduanya menjawab bahawa hadith ini tidak ada asalnya dan ianya *Mawḍūʿ*¹⁶⁷.

Hukum Hadith : Mawḍūʿ.

Penulis menyimpulkan bahawa ini adalah *Mawḍūʿ* disebabkan perawi Ismāʿīl bin Khayyāṭ adalah *Kadhdhāb*, *Matrūk*, banyak *Munkar* dan tidak *Thiqah*. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini palsu dalam Silsilah Aḥādīth Ḍaʿīfah wa al-Mawḍūʿah¹⁶⁸, Wallahu Aʿlam.

Hadith : 21

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : الزَّهَادَةُ فِي الدُّنْيَا لَيْسَتْ بِتَحْرِيمِ الْحَلَالِ وَلَا إِضَاعَةِ الْمَالِ وَلَكِنَّ الزَّهَادَةَ فِي الدُّنْيَا أَلَّا تَكُونَ بِمَا فِي يَدِكَ أَوْثَقَ مِنْكَ بِمَا فِي يَدِ اللَّهِ وَ أَنْ تَكُونَ فِي ثَوَابِ الْمُصِيبَةِ إِذَا أَتَتْ أَصِيبَتْ بِهَا أَرْغَبَ مِنْكَ فِيهَا لَوْ أَنَّهَا أُبْقِيَتْ لَكَ (رواه الترمذي و ابن ماجه عن أبي ذر).

¹⁶⁵ al-Bukhārī, Tārīkh al-Kabīr, no : 1093, jil. 1, hlm. 326.

¹⁶⁶ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 507, jil. 1, hlm. 173.

¹⁶⁷ al-Munāwī, Fayd al-Qadīr, jil. 3, hlm. 345.

¹⁶⁸ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍaʿīfah wa al-Mawḍūʿah, jil. 2, hlm. 66.

Maksudnya : Daripada Nabi SAW dia berkata : Zuhud di dunia itu bukanlah mengharamkan perkara yang halal dan bukan mensiakan harta tetapi kezuhudan di dunia itu janganlah kamu lebih berpegang teguh kepada apa-apa yang ada pada tanganmu daripada apa-apa yang ada pada tangan Allah SWT dan jika kamu ditimpa musibah maka kamu lebih suka andaikan musibah itu tetap ditimpakan kepadamu, kerana memandang pahalanya (diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dan Ibn Mājah daripada Abī Dhar)

Takhrij Hadith :

Lafaz hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya¹⁶⁹ dan Ibn Mājah dalam Sunannya¹⁷⁰ menerusi Abū Dhār al-Ghifārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dan Ibn Mājah ini melalui sanad Muḥammad bin al-Mubārak daripada Amrū bin Wāqid daripada Yūnus bin Ḥalbas daripada Abī Idrīs al-Khawlānī daripada Abū Dhār. al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini *Gharīb* dan kami tidak mengenalnya kecuali daripada jalan ini sahaja dan Amrū bin Wāqid adalah seorang yang *Munkar al-Ḥadīth*¹⁷¹. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa sanad hadith ini bolak balik dan hadithnya palsu¹⁷², al-Mizzī juga mengatakan hal yang

¹⁶⁹ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : Zuhud, Bāb : Mā Jā'a fī Zihadah fī al-Dunyā, n h : 2340, jil. 4, hlm. 300.

¹⁷⁰ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : al-Zuhdi fī al-Dunyā, n h : 4100, jil. 3, hlm. 466.

¹⁷¹ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : Zuhud, Bāb : Mā Jā'a Fī Zihadah fī al-Dunyā, jil. 4, hlm. 300.

¹⁷² Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 5945, jil. 4, hlm. 390.

sama¹⁷³. Hadith ini dihukum *Mawḍu'* disebabkan terdapat perawi yang bernama Amrū bin Wāqid dan dia adalah seorang yang *Kadhdhāb*, *Munkar* dan *Matrūk*. Abū Ḥātim¹⁷⁴, al-Bukhārī, dan Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia *Da'īf al-Ḥadīth* dan *Munkar al-Ḥadīth*¹⁷⁵. Abū Mashīr dan Marwān mengatakan bahawa dia pendusta tanpa boleh berpegang dengan kata-katanya, Duhaym dan Ya'qūb bin Sufyān mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'*¹⁷⁶, al-Nasā'ī, Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth*. Oleh sebab kecacatan perawi inilah maka penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'*.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan perawi Amrū bin Wāqid adalah seorang yang *Kadhdhāb*, *Munkar* dan *Matrūk*.

Hadith : 22

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَشْرَبَ قَلْبُهُ حُبُّ الدُّنْيَا يَلْتَصِقْ مِنْهَا بِثَلَاثٍ : شَقَاءٌ لَا يَنْفَعُ عَنْاءُ وَحِرْصٌ لَا يَبْلُغُ غِناءُ وَأَمَلٌ لَا يَبْلُغُ مُنتَهَاءُ (رواه الطبراني).

¹⁷³ al-Mizzī, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, no : 4468, jil. 22, hlm. 286-289.

¹⁷⁴ Abū Ḥātim, Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 10725 (1475), jil. 6, hlm. 343-345.

¹⁷⁵ al-Bukhārī, Tārīkh al-Kabīr, no : 8769 (2698), jil. 6, hlm. 187.

¹⁷⁶ *Laysa bi Shay'* = Tidak bererti. (Lafaz yang digunakan pada peringkat keempat pada peringkat Jarḥ), riwayat perawi ini tidak boleh ditulis dan tidak perlu dikaji.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa hatinya diracuni kecintaan dunia maka melekat padanya tiga perkara : sengsara yang tidak ada akhir deritanya, tamak yang tidak ada kepuasan dan angan-angan yang berterusan tanpa arah tujuan (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr¹⁷⁷, Abū Nu'aym dalam Ḥilyah¹⁷⁸, al-Qudā'ī dalam Musnad al-Shihāb¹⁷⁹, semuanya menerusi 'Abd Allāh bin Mas'ūd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī daripada gurunya Jibrūn bin 'Īsā al-Maghribī, daripada Yaḥyā bin Sulaymān al-Hufrī daripada Fuḍayl bin 'Iyāḍ daripada A'mash daripada Ḥabīb bin Abī Thābit daripada Abī 'Abd al-Raḥmān al-Salāmī daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd, dan aku tidak mengenal Jibrūn¹⁸⁰. Abū Nu'aym pula mengatakan bahawa hadith ini *Gharīb* dan *Da'īf* daripada hadith Fuḍayl bin 'Iyāḍ, A'mash dan Ḥabīb, kami tidak menulisnya kecuali daripada Jibrūn daripada Yaḥyā¹⁸¹. Hadith ini *Da'īf* disebabkan perawi Jibrūn bin 'Īsā al-Maghribī

¹⁷⁷ al-Ṭabarānī, al-Mu'jam al-Kabīr, n h : 10328, jil. 10, hlm. 162-163.

¹⁷⁸ Abū Nu'aym, Ḥilyat al-Awliyā', jil. 8, hlm. 120.

¹⁷⁹ al-Qudā'ī, Muḥammad bin Salamah al-Qudā'ī, 1407/1986, Musnad al-Shihāb, n h : 361 (541), jil. 1, hlm. 320-321, Bayrūt : Mu'assasah al-Risālah, Taḥqīq : Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī.

¹⁸⁰ al-Haythamī, Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Aḥabba al-Dunyā, jil. 10, hlm. 252.

¹⁸¹ Abū Nu'aym, Ḥilyat al-Awliyā', jil. 8, hlm. 120.

adalah seorang yang tidak *Thiqah* tetapi dia seorang yang *Ṣaduq*¹⁸² sekalipun beliau *Majhūl* menurut al-Haythamī. Kemudian perawi Yahyā bin Sulaymān al-Hufri al-Qarāshī kedudukannya pula masih banyak diperbincangkan ulama seperti al-Nasā'ī mengatakan bahawa Yahyā kurang *Thiqah*¹⁸³. Kemudian hadith ini *Da'if* disebabkan sanadnya adalah *Da'if Musalsal* kerana menggunakan sighthat 'an'anah daripada al-A'mash daripada Habīb bin Abī Thābit. Oleh itulah hadith ini penulis simpulkan menjadi *Da'if*.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan perawi Jibrūn bin 'Isā al-Maghribī adalah seorang yang *Ṣaduq* dan *Majhūl* dan Yahyā bin Sulaymān al-Hufri al-Qarāshī yang kedudukannya masih diperbincangkan. Kemudian sanad hadith ini adalah *Da'if Musalsal* kerana menggunakan sighthat 'an'anah daripada al-A'mash daripada Habīb bin Abī Thābit. Hadith ini juga di*Da'if*kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth *Da'ifah* wa al-Mawḍū'ah¹⁸⁴ kerana menggunakan sighthat 'an'anah daripada al-A'mash daripada Habīb bin Abī Thābit daripada Abī 'Abd al-Raḥman al-Sulamī, Wallahu A'lam.

¹⁸² al-Albānī, Silsilah Aḥādīth *Da'ifah* wa al-Mawḍū'ah, nh : 6650, jil. 18, hlm. 359-360.

¹⁸³ al-Mizzī, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, no :6842, jil. 31,hlm. 369-371.

¹⁸⁴ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth *Da'ifah* wa al-Mawḍū'ah, nh : 6650, jil. 18, hlm. 359-360.

Hadith : 23

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سَيَأْتِي عَلَى أُمَّتِي زَمَانٌ يُحِبُّونَ الْخَمْسَ وَيَنْسَوْنَ الْخَمْسَ : يُحِبُّونَ الدُّنْيَا وَيَنْسَوْنَ الْآخِرَةَ , وَيُحِبُّونَ الْحَيَاةَ وَيَنْسَوْنَ الْمَوْتَ , يُحِبُّونَ الْقُصُورَ وَيَنْسَوْنَ الْقُبُورَ , يُحِبُّونَ الْمَالَ وَيَنْسَوْنَ الْحِسَابَ وَيُحِبُّونَ الْخَلْقَ وَيَنْسَوْنَ الْخَالِقَ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Akan datang saatnya dimana umatku mencintai lima hal dan melupakan lima hal yang lain mencintai duniawi dan melupakan ukhrawi, mencintai hidup dan lupa mati, menyukai gedung-gedung megah tinggi dan lupa kubur menyukai harta benda dan melupakan hisab, mencintai makhluk dan melupakan khalik SWT.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 24

عَنْ عَائِشَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ قَالَ فِي كُلِّ يَوْمٍ خَمْسًا وَعِشْرِينَ مَرَّةً : اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لِي فِي الْمَوْتِ وَفِيْمَا بَعْدَ الْمَوْتِ ثُمَّ مَاتَ عَلَى فِرَاشِهِ اَعْطَاهُ اللَّهُ اَجْرَ شَهِيدٍ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Daripada Aishah daripada Nabi SAW : Sesiapa yang membaca Allahumma Barikli fii Mauti wa Fima Ba'da al-Maut (ya Allah berkatilah saya dalam kematian dan sesudahnya) setiap hari dua puluh lima kali, kemudian dia mati di atas tempat tidurnya maka Allah memberikan kepadanya pahala orang yang mati syahid (diriwayatkan oleh al-Tabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Awsaṭ¹⁸⁵ dan al-Haythamī dalam Majma' al-Baḥrayn¹⁸⁶ daripada 'Āishah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini melalui sanad al-Ḥasan bin Kathīr daripada Naḍrah binti Jahdām bin 'Abd Allāh bin Abī Ṭufayl al-Qisiyyah daripada bapanya daripada Yaḥyā bin Abī Kathīr daripada Abī Salāmah bin 'Abd al-Raḥman daripada 'Āishah. al-Haythamī mengatakan bahawa dalam sanad ada perawi yang tidak aku kenal (*Majhūl*) dan hadith ini adalah *Da'īf*¹⁸⁷. Hadith ini *Da'īf* disebabkan terdapat perawi bernama Ḥasan bin Kathīr yang dikatakan *Majhūl* oleh al-Dhahabī¹⁸⁸. Kemudian Jahdām bin 'Abd Allāh dan dia seorang yang *Thiqah* menurut Abū Ḥātim tetapi

¹⁸⁵ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, n h : 7676, jil. 7, hlm. 393.

¹⁸⁶ al-Haythamī, Nūr al-Dīn Abī al-Ḥasan 'Alī bin Abī Bakar al-Haythamī, Majma' al-Baḥrayn Fī Zawā'id al-Mu'jamayn, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Jāmi' Fī Shahadah, nh : 2645, jil. 3, hlm. 17-18, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl al-Shafī'ī.

¹⁸⁷ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Fīmā Taḥṣilu Bihi Shahadah, jil. 5, hlm. 301.

¹⁸⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1935, jil. 2, hlm. 42.

hadithnya *Da'if* bahkan ada yang *Munkar* dan kadang dia meriwayatkan hadith daripada orang yang *Majhul*¹⁸⁹.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang *Majhul* iaitu Hasan bin Kathir. Sedangkan perawi Jahdam bin 'Abd Allah sekalipun dia *Thiqah* tetapi dia meriwayatkan hadith daripada orang yang *Majhul*. Wallahu A'lam.

Hadith : 25

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَلْزُهُمْ أَنْ تُحِبَّ مَا يُحِبُّ خَالِقُكَ وَ أَنْ تُبْغِضَ مَا يُبْغِضُ خَالِقُكَ وَ أَنْ تُخْرَجَ مِنْ حَلَالِ الدُّنْيَا كَمَا تُخْرَجُ مِنْ حَرَامِهَا فَإِنَّ حَلَالَهَا حِسَابٌ وَ حَرَامُهَا عَذَابٌ وَ أَنْ تَرْحَمَ الْمُسْلِمِينَ كَمَا تَرْحَمَ نَفْسَكَ وَ أَنْ تَتَحَرَّجَ عَنِ الْكَلَامِ فِيمَا لَا يَعْنِيكَ كَمَا تَتَحَرَّجُ مِنَ الْحَرَامِ وَأَنْ تَتَحَرَّجَ عَنْ كَثْرَةِ الْأَكْلِ كَمَا تَتَحَرَّجُ عَنِ الْمَيْتَةِ الَّتِي اشْتَدَّ نَتْنُهَا وَأَنْ تَتَحَرَّجَ مِنْ حُطَامِ الدُّنْيَا وَزِينَتِهَا كَمَا تَتَحَرَّجُ مِنَ النَّارِ وَ أَنْ تُقَصِّرَ أَمْلَكَ فِي الدُّنْيَا فَهَذَا هُوَ الزُّهْدُ فِي الدُّنْيَا (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Zuhud ialah kamu mencintai apa-apa yang dicintai penciptamu dan kamu benci terhadap apa-apa yang dibenci penciptamu, kamu keluar dari dunia yang halal seperti kamu keluar dari dunia yang haram, kerana halalnya menjadi hisab dan yang haramnya menjadi seksaan, kamu mesti menyayangi orang-orang muslim seperti kamu menyayangi diri kamu sendiri, kamu mesti mencegah daripada perkataan yang tidak bermanfaat bagimu seperti kamu

¹⁸⁹ Abū Ḥātim, Jarḥ wa Ta'dīl, no : 2219, jil. 2, hlm. 467- 468.

mencegah daripada makan yang banyak. Kamu mesti mencegah daripada harta duniawi dan hiasannya sepertimana kamu mencegah daripada api dan kamu mesti memendekkan angan-angan tentang dunia maka inilah zuhud di dunia (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 26

فَقَالَ : شُؤِبُوا بِحَالِيسِكُمْ بِمَكْدَرِ اللَّذَاتِ ؟ قَالُوا وَمَا مُكْدَرُ اللَّذَاتِ ؟ قَالَ الْمَوْتُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Kamu mesti mencampurkan majlis-majlis kamu dengan perkara yang mengeruhkan kelazatan-kelazatan, mereka bertanya apakah yang mengeruhkan kelazatan-kelazatan itu?, beliau bersabda : maut.

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna dengan di atas diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya¹⁹⁰,

lafaznya ialah :

أَكْثَرُوْا ذِكْرَ هَازِمِ اللَّذَاتِ , قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هَازِمُ اللَّذَاتِ ؟ قَالَ : الْمَوْتُ

¹⁹⁰ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā'a fī Zikr al-Mawt, n h : 2307, jil. 4, hlm. 286.

Ianya juga diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya¹⁹¹, al-Nasā'ī dalam Sunannya¹⁹², Aḥmad dalam Musnadnya¹⁹³, al-Ḥākim dalam Mustadrāk¹⁹⁴, al-Bayhaqī dalam Shu'ab¹⁹⁵ semuanya daripada Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Ibn Mājah¹⁹⁶, al-Nasā'ī¹⁹⁷, Aḥmad¹⁹⁸ dan al-Bayhaqī¹⁹⁹ mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* dan semua perawi adalah *Thiqah*. al-Ḥākim pula mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim²⁰⁰. Hadith ini *Ṣaḥīḥ* disebabkan tidak ada sanad yang cacat di dalamnya, kesemua perawi dihukum *Thiqah*. al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ*²⁰¹. Ibn Rājab al-Ḥanbalī pula mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* dan tidak ada perawi yang cacat di dalamnya²⁰².

¹⁹¹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Zikr al-Mawt wa al-Isti'dād Lahu, n h : 4258, jil. 3, hlm. 520.

¹⁹² al-Nasā'ī, 1420H/1999M, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : Zikr al-Mawt, n h : 1823, jil. 2, hlm. 424, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Taḥqīq : Doktor Sayyid Muḥammad Sayyid, al-Ustaz Sayid 'Imrān dan Ustaz 'Alī Muḥammad 'Alī.

¹⁹³ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 7912, jil. 8, hlm. 35-36.

¹⁹⁴ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Riqā', n h : 7909/66, jil. 4, hlm. 357.

¹⁹⁵ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Imān, Bāb : Fī Zuhd wa al-Qaṣr al-'Amal, n h : 10559, jil. 7, hlm. 354.

¹⁹⁶ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Zikr al-Mawt wa al-Isti'dād Lahu, n h : 4258, jil. 3, hlm. 520.

¹⁹⁷ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : Zikr al-Mawt, n h : 1823, jil. 2, hlm. 424.

¹⁹⁸ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 7912, jil. 8, hlm. 35-36.

¹⁹⁹ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Imān, Bāb : Fī Zuhd wa al-Qaṣr al-'Amal, n h : 10559, jil. 7, hlm. 354.

²⁰⁰ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Riqā', n h : 7909/66, jil. 4, hlm. 357.

²⁰¹ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, n h : 4881, jil. 4, hlm. 132.

²⁰² Ibn Rājab al-Ḥanbalī, 'Abd al-Raḥman bin Aḥmad bin Rājab al-Ḥanbalī, tth, Laṭā'if al-Ma'ārif, hlm : 172, ttp : Maktabah Tawfiqiyyah, Taḥqīq : 'Imād Zakī al-Barūdī.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* disebabkan para ulama men~~ṣaḥīḥ~~kannya, semua perawi adalah *Thiqah* dan tidak ada kecacatan perawi di dalamnya. Pendapat ini juga dikuatkan oleh al-Albānī²⁰³ yang mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*, Wallahu A'lam.

Hadith : 27

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الدُّنْيَا مَلْعُونَةٌ مَلْعُونٌ مَا فِيهَا إِلَّا ذَكَرَ اللَّهَ وَمَا وَالَاهُ وَعَالِمًا وَمُتَعَلِّمًا
(رواه النسائي و ابن ماجه).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya dunia itu terlaknat dan terlaknat pula seluruh isinya kecuali perbuatan mengingat atau zikir kepada Allah dan yang sepadan dengannya serta orang alim dan orang belajar (diriwayatkan oleh al-Nasā'ī dan Ibn Mājah).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya²⁰⁴, Ibn Mājah dalam Sunannya²⁰⁵, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān²⁰⁶, menerusi Abū Hurayrah.

²⁰³ al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1408H/1988M, *Ṣaḥīḥ Jāmi' Ṣaghīr wa Ziyadatih*, n h : 1210, jil. 1, hlm. 264, Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.

²⁰⁴ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā'a fī Ḥawānī al-Dunyā 'Ala Allāh Azza Wajallā, n h : 2322, jil. 4, hlm. 292-293.

²⁰⁵ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mathlu al-Dunyā, n h : 4112, jil. 3, hlm. 470.

²⁰⁶ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Ṭalab al-'Ilm, Faṣl : Faḍl al-'Ilm wa Sharfihi, n h : 1708, jil. 2, hlm. 265.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Tirmidhī meriwayatkan hadith ini melalui sanad Ibn Thawbān, nama aslinya adalah ‘Abd al-Raḥman bin Thābit bin Thawbān dia merupakan sanad hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dan hanya dia seorang yang meriwayatkan hadith ini itulah sebabnya menjadi *Gharīb*²⁰⁷. ‘Abd al-Raḥman bin Thābit bin Thawbān merupakan perawi yang diperselisihkan oleh ulama kedudukannya. Ibn Ma’īn mengatakan bahawa dia *Laysa Bihi Ba’sa*²⁰⁸ pada tempat yang lain beliau mengatakan bahawa Ibn Thawbān ini adalah *Da’īf*, Abū Daūd mengatakan bahawa hadithnya selamat dan Aḥmad mengatakan bahawa hadithnya *Munkar*²⁰⁹. al-‘Uqaylī dan al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Laysa Qawwī fi al-Ḥadīth*²¹⁰ dan seorang yang *Da’īf*, hadithnya ditulis tetapi atas ke~~da’īf~~annya sedangkan bapanya adalah seorang yang *Thiqah*, *Ṣadūq* yang punya kesalahan²¹¹. Ibn ‘Adī pula mengatakan bahawa dia lelaki *Ṣāliḥ* tetapi dia menulis hadith atas ke~~da’īf~~annya, sedangkan bapanya adalah *Thiqah*²¹². Ibn Mājah dan al-Bayhaqī juga meriwayatkan hadith yang sama daripada Ibn Thawbān yakni daripada Thābit bin Thaubān bukan daripada ‘Abd al-Raḥman bin Thābit bin Thaubān. Tetapi Thābit bin Thaubān merupakan seorang perawi yang *Thiqah*

²⁰⁷ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā’a fī Ḥawānī al-Dunyā ‘Ala Allāh Azza Wajallā, n h : 2322, jil. 4, hlm. 292-293.

²⁰⁸ *Laysa Bihi Ba’sa* = Lafaz ini menunjukkan bahawa derajat perawi berkenaan sama dengan lafaz *Ṣadūq*.

²⁰⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 4828, jil. 3, hlm. 265.

²¹⁰ *Laysa Qawwī fi al-Ḥadīth* = Hadith-hadith yang diriwayatkannya tidaklah kuat.

²¹¹ al-‘Uqaylī, Kitāb al-Ḍu’afā’ al-Kabīr, no : 917, jil. 2, hlm. 326.

²¹² Ibn ‘Adī, al-Kāmil fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, no 142/1109, jil. 4, hlm. 281.

sebagaimana dikatakan oleh Abū Ḥātim bahawa dia *Ṣāliḥ al-Ḥadīth*²¹³ dan *Thiqah* pada tempat yang lain dia mengatakan bahawa Thābit bin Thawbān *Lā Ba'sa Bihi*²¹⁴. Daripada ungkapan ulama di atas dapat kita ketahui bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī sememangnya adalah *Da'īf* kerana perawi 'Abd al-Raḥman bin Thābit bin Thaubān yang diperbincangkan ulama, kebanyakan ulama lebih condong mengatakan dia menulis hadith atas ke~~da'~~*da'*īfannya dan dia seorang yang *Da'īf* sekalipun ada yang mengataka dia *Laysa Bihi Ba'sa* tetapi penulis lebih memilih pendapat jumhur dalam hal ini. Hadith ini hukumnya menjadi *Ḥasan* kerana disokong dan dikuatkan oleh hadith riwayat Ibn Mājah dan al-Bayhaqī. al-Suyūṭī²¹⁵ dan al-Mundhirī²¹⁶ juga mengatakan bahawa hadith ini *Ḥasan* disebabkan apa yang telah penulis tuliskan di atas. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* disebabkan apa yang telah penulis jelaskan di atas.

²¹³ *Ṣāliḥ al-Ḥadīth* = Lafaz peringkat keenam daripada peringkat Ta'dīl, riwayatnya boleh ditulis untuk dikaji.

²¹⁴ Abū Ḥātim, Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 8365 (1031), jil. 5, hlm. 273.

²¹⁵ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman bin Abī Bakar al-Suyūṭī, 1421/2000, Jam'u al-Jawāmi', n h : 5035, jil. 2, hlm. 206, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Takhrīj wa Ta'līq : Khālīd 'Abd al-Fattāh Shabbād.

²¹⁶ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Tawbah wa al-Zuhud, Bāb : Targhīb fi al-Zuhud fi al-Dunyā wa al-Iktifa' Minhā bi al-Qalīl..., n h : 4741, jil. 4, hlm. 73.

Hadith : 28

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَمَّا أَهْبَطَ اللَّهُ آدَمَ مِنَ الْجَنَّةِ إِلَى الْأَرْضِ حَزِنَ عَلَيْهِ كُلُّ شَيْءٍ جَاوَرَهُ إِلَّا

الذَّهَبَ وَ الْفِضَّةَ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِمَا : إِنِّي جَاوَزْتُكُمَا بَعْدَ مِنْ عَيْدِي ثُمَّ أَهْبَطْتُهُ مِنْ جَوَارِكُمَا فَحَزِنَ عَلَيْهِ

كُلُّ شَيْءٍ جَاوَرَهُ إِلَّا أَنْتُمَا فَقَالَا إِهْنَا وَسَيِّدَنَا أَنْتَ أَعْلَمُ أَنَّكَ جَاوَزْتَنَا بِهِ وَهُوَ لَكَ مُطِيعٌ فَلَمَّا عَصَاكَ لَمْ

تُحْزِنْ عَلَيْهِ فَأَوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِمَا وَعِزَّتِي وَجَلَالِي لِأَعِزَّتُكُمَا حَتَّى لَا يَنَالَ كُلُّ شَيْءٍ إِلَّا بِكُفْرٍ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Setelah Allah menurunkan Nabi Adam dari syurga ke bumi maka susahlah segala sesuatu yang semua mendampinginya kecuali emas dan perak, kemudian Allah berfirman kepada benda tersebut : aku mendampingkan engkau kepada hamba-Ku, kemudian hamba itu aku lepas dari sampingmu dan semua pihak yang awalnya mendampinginya berasa susah kerananya kecuali engkau berdua, dua benda itupun menjawab tuhan kami engkau maha mengetahui bahawa justru membuat kami berdua berdampingan dengannya selagi ia menta'ati-Mu dan setelah itu iapun derhaka kepada-Mu maka kami tidak berasa susah atas nasib selanjutnya lalu Allah berfirman kepada keduanya demi ketinggian dan keagungan-Ku nescaya aku akan membuatmu berharga sehingga tidak dapat diperolehi segala sesuatu melainkan denganmu berdua.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws²¹⁷ daripada Anas bin Mālik.

²¹⁷ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 5300, jil. 3, hlm. 424.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini dihukum *Mawḍu'* disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* namanya adalah Sayf bin Muḥammad bin ukhti Thawrī. Yaḥyā bin Ma'īn dan Muḥammad Ṭāhir bin 'Alī al-Hindī mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb* dan hadithnya adalah *Mawḍu'*²¹⁸. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Da'īf* dan hadithnya tidak ditulis²¹⁹. al-Nasā'ī dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Da'īf*, *Matrūk* dan *Laisa Thiqaḥ*²²⁰.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan perawi Sayf bin Muḥammad bin ukhti Thawrī adalah seorang yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk*.

²¹⁸ al-Hindī, Muḥammad Ṭāhir bin 'Alī al-Hindī, 1415 H/1995M, Tadhkirat al-Mawḍū'āt, Bāb : al-Ṭayyib Min al-Hinā' wa al-Warad wa Naḥwuhu....., hlm. 161-162, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arābī.

²¹⁹ Abū Ḥātim, Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 6312 (1193), jil. 4, hlm. 256.

²²⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 3639, jil. 2, hlm. 446.

4.2 Bab Keenam

Hadith : 29

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سِتَّةُ أَشْيَاءَ هُنَّ غَرِيبَةٌ فِي سِتَّةِ مَوَاضِعَ : أَلْمَسَجِدُ غَرِيبٌ فِيمَا بَيْنَ قَوْمٍ لَا يُصَلُّونَ فِيهِ وَالْمُصْحَفُ غَرِيبٌ فِي مَنْزِلِ قَوْمٍ لَا يَقْرَأُونَ فِيهِ وَالْقُرْآنُ غَرِيبٌ فِي جُوفِ الْفَاسِقِ وَالْمَرْأَةُ الْمُسْلِمَةُ الصَّالِحَةُ غَرِيبَةٌ فِي يَدِ رَجُلٍ ظَالِمٍ سَيِّءِ الْخُلُقِ وَالرَّجُلُ الْمُسْلِمُ الصَّالِحُ غَرِيبٌ فِي يَدِ امْرَأَةٍ ظَالِمَةٍ سَيِّئَةِ الْخُلُقِ وَالْعَالَمُ غَرِيبٌ بَيْنَ قَوْمٍ لَا يَسْتَمِعُونَ إِلَيْهِ ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ نَظَرَ الرَّحْمَةِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Enam perkara ganjil yang terdapat pada enam tempat : masjid terlihat sunyi dikalangan masyarakat yang tidak solat di dalamnya, mushaf terbuang dalam rumah mereka yang tidak mahu membacanya, ajaran al-Qur'an terasa aneh dalam hati orang fasiq, wanita muslimah yang solehah ditangan laki-laki zalim yang buruk perangai, laki-laki muslim yang soleh terpesong dalam genggaman wanita hina yang buruk perangai, ulama terkucilkan di tengah masyarakat yang tidak mempedulikan nasibnya, selanjutnya Nabi bersabda : sesungguhnya pada hari kiamat Allah tidak akan memandang mereka yang mengabaikan ulama dengan pandangan kasih sayang.

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna dengan hadith di atas diriwayatkan oleh Ibn Jawzī²²¹ daripada

Abū Hurayrah berbunyi :

²²¹ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawdū'āt Min Aḥādīth al-Marfū'āt, Kitāb : al-Malāḥim wa al-Fitān, Bāb : Wasifu mā Yakūnu fī Thalāthina wa al-Mi'ah, n h : 1690, jil. 3, hlm. 467.

إِذَا كَانَتْ سَنَةٌ ثَلَاثِينَ وَمِائَةٌ كَانَ الْعُرَبَاءُ : قُرْآنٌ فِي جَوْفِ ظَلَمٍ وَ مُصْحَفٌ فِي بَيْتِ قَوْمٍ لَا يَفْقَهُونَ فِيهِ وَرَجُلٌ صَالِحٌ بَيْنَ قَوْمٍ سُوءٍ.

Hadith ini melalui sanad Dār al-Quṭnī daripada Abū Ḥātim, Ibn Ḥibbān berkata menceritakan kepada kami Abū al-Qāsim Harūn bin Muḥammad al-Baghdadī daripada Muḥammad bin ‘Alī al-Sūrī, menceritakan kepada kami Yaḥyā bin ‘Abd Allāh al-Bablūtī daripada Awzā’ī daripada Zuhri daripada Abū Salāmah daripada Abū Hurayrah. al-Suyūṭī mengatakan bahawa sumber hadith ini adalah *Munkar* dan *Mawḍu’*²²². Hadith ini *Mawḍu’* disebabkan terdapat perawi Yaḥyā bin ‘Abd Allāh al-Bablūtī dan dia adalah seorang pemalsu hadith. al-Bukhārī dan al-Dhahabī mengatakan bahawa para ulama men~~da~~’*fkannya*, dan dia seorang pemalsu hadith²²³. Hadith ini memiliki *Shahīd* yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibban dalam kitab *Majrūhīn*²²⁴ dengan lafaz berunyi :

إِذَا كَانَ سَنَةٌ سِتِينَ وَمِائَةٌ كَانَ الْعُرَبَاءُ فِي الدُّنْيَا أَرْبَعَةً : قُرْآنٌ فِي جَوْفِ ظَلَمٍ وَ مُصْحَفٌ فِي بَيْتِ قَدَرِيٍّ لَا يَفْقَهُونَ فِيهِ وَمَسْجِدٌ فِي نَادِي قَوْمٍ لَا يُصَلُّونَ فِيهِ وَرَجُلٌ صَالِحٌ بَيْنَ قَوْمٍ سُوءٍ.

Ibn Ḥibban mengatakan bahawa hadith ini tidak diragui lagi kecacatannya dan kepalsuannya²²⁵. Di dalam sanadnya juga terdapat perawi Yaḥyā al-Bablūtī dan dia adalah seorang pemalsu hadith, sebagaimana telah dikatakan oleh al-Bukhārī dan al-Dhahabī di atas.

²²² al-Suyūṭī, al-Lāli’ī al-Maṣnū’ah fī Aḥādith Mawḍū’ah, jil. 2, hlm. 391.

²²³ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 9563, jil. 6, hlm. 64.

²²⁴ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūhīn Min al-Muḥaddithīn wa Ḍu’afā’ wa al-Matrūkīn, jil. 3, hlm. 128.

²²⁵ Ibid.

Hukum Hadith : *Mawḍū'*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi Yahyā al-Bablūtī dan dia adalah seorang pemalsu hadith.

Hadith : 30

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَحَبُّكُمْ إِلَيَّ أَحْسَنُكُمْ أَخْلَاقًا الْمُوْطِئُونَ أَكْنَافًا الَّذِينَ يَأْلِفُونَ وَيُؤْلَفُونَ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Di antara kamu sekalian yang paling saya cintai adalah orang yang paling bagus akhlaknya, ringan tangan serta murah hati dapat mengasihi serta dikasihi.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Awsaṭ²²⁶, menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'īf*²²⁷, Begitu juga al-Mundhirī²²⁸.

Hadith ini *Da'īf* disebabkan terdapat perawi yang tidak *Qawwi* dan *Da'īf* iaitu Ṣāliḥ bin Bashīr al-Mārī. al-'Uqaylī²²⁹ dan Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia ahli cerita bukan ahli hadith dan dia tidak tahu tentang hadith. Abū Ḥātim menambahkan bahawa dia

²²⁶ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, n h : 7697, jil. 7, hlm. 400.

²²⁷ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba'u al-Fawā'id, jil. 8, hlm. 24.

²²⁸ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Adāb wa Ghayrih, Bāb : Targhīb fī Khuluq al-Ḥasan wa Faḍlihi, n h : 3931, jil. 3, hlm. 395.

²²⁹ al-'Uqaylī, Kitāb al-Ḍu'afā' al-Kabīr, no : 723, jil. 2, hlm. 199-200.

Da'if al-Hadith, *Munkar al-Hadith* dan tidak *Qawwī* dalam hadits²³⁰. Ibn 'Adī pula menyebutkan bahawa dia *Laysa bi Shay'*, *Da'if*, *Munkar al-Hadith* dan tidak mengetahui pasal hadits²³¹. Yahyā bin Ma'in, al-Nasā'ī, al-Bukhārī dan Abū Zur'ah men~~da'if~~kannya dan mereka mengatakan bahawa haditsnya adalah *Da'if*²³². al-Mizzī²³³ dan al-Ajilī pula mengatakan bahawa dia *Laysa bi Qawwī*²³⁴.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadits ini adalah *Da'if* disebabkan ke~~Da'if~~an perawi Ṣāliḥ bin Bashīr al-Mārī.

Hadith : 31

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَهْلُ الْجَنَّةِ كُلُّ هَيِّنٍ لَيِّنٍ سَهْلٍ طَلِقٍ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Ahli syurga adalah setiap orang yang rendah hati, lemah lembut, murah hati dan ceria.

²³⁰ Abū Ḥātim, Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 6849 (1730), jil. 4, hlm. 360.

²³¹ Ibn 'Adī, al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no 5/912, jil. 4, hlm. 60.

²³² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 3773, jil. 3, hlm. 3.

²³³ al-Mizzī, Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl, no : 2796, jil. 13, hlm. 17-19.

²³⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 3773, jil. 3, hlm. 3.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya²³⁵, Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥnya²³⁶, Aḥmad dalam Musnadnya²³⁷, Abū Ya'la dalam Musnadnya²³⁸, al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr²³⁹, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān²⁴⁰ dan al-Baghawī dalam Sharah Sunnah²⁴¹ semuanya daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith di atas diriwayatkan melalui sanad Hishām bin 'Urwāh daripada Mūsā bin 'Uqbah daripada 'Abd Allāh bin Amrū al-Awdī daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd. al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan*²⁴². Ianya *Ḥasan* disebabkan terdapat perawi 'Abd Allāh bin Amrū al-Awdī yang dibincangkan oleh ulama kedudukannya tetapi kebanyakan ulama mengatakan bahawa dia adalah *Thiqah*. Seperti yang dikatakan oleh Ibn Ḥibbān bahawa 'Abd Allāh bin Amrū al-Awdī seorang yang *Thiqah* dan Ibn Hajar pula mengatakan bahawa al-Awdī adalah seorang perawi yang *Maqbūl* dan tidak ada yang meriwayatkan hadith daripadanya selain Mūsā bin 'Uqbah

²³⁵ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Wara', Bāb : Mim 45, nh : 2488, jil. 4, hlm. 370.

²³⁶ Ibn Balbān al-Fārisī, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Birru wa al-Iḥsān, Bāb : Ḥusn al-Khuluq, n h : 470, jil. 2, hlm. 216.

²³⁷ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 3938, jil. 4, hlm. 92.

²³⁸ Abū Ya'la, Aḥmad bin 'Alī bin al-Muthannā al-Muwaṣṣilī, 1418 H/1998M, Musnad Abī Ya'la al-Muwaṣṣilī, n h : 5031, jil. 4, hlm. 349, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

²³⁹ al-Ṭabarānī, al-Mu'jam al-Kabīr, n h : 10562, jil. 10, hlm. 231.

²⁴⁰ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Ḥusn al-Khuluq, Faṣl : Fī Layyin al-Jānib wa Salamat al-Ṣudūr, nh : 8126, jil. 6, hlm. 272.

²⁴¹ al-Baghawī, Abī Muḥammad Ḥusayn bin al-Mas'ūd al-Baghawī, 1403H/1983M, Sharah Sunnah, nh : 3505, jil. 13, hlm. 85, Bayrūt : Maktabah al-Islāmī, Taḥqīq : Shua'yb al-Arna'ūt.

²⁴² al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Wara', Bāb : Mim 45, nh : 2488, jil. 4, hlm. 370.

dan dia seorang yang *Majhūl*²⁴³. Dengan kemajhūlan perawi Mūsā bin ‘Uqbah maka derajat hadits menjadi *Da’if*. Tetapi hadits ini memiliki *Shahīd* daripada Anas bin Mālik yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu’jam Awsaṭ²⁴⁴, iaitu daripada Muṣ’ab bin ‘Abd Allāh al-Zubayrī daripada Abī ‘Abd Allāh bin Muṣ’ab daripada Hishām bin ‘Urwāh daripada Muḥammad bin al-Munkadīr. al-Haythamī mengatakan bahawa hadits yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini adalah *Da’if* kerana terdapat perawi bernama ‘Abd Allāh bin Muṣ’ab al-Zubayrī dan dia adalah *Da’if*²⁴⁵. Ibn Ma’in juga mengatakan bahawa dia adalah seorang yang *Da’if* tetapi anaknya seorang yang *Sadūq*²⁴⁶.

-Hadith yang lain sebagai *Shahīd* adalah apa yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu’ab al-Īmān²⁴⁷ daripada Shaibān bin Farūkh daripada Abū Umayyah bin Ya’lā al-Thaqafī daripada Muḥammad bin Mu’ayyib daripada ayahnya. Hadith ini *Da’if* kerana dalam sanad terdapat rawi Abū Umayyah bin Ya’lā dan dia di~~da’if~~kan oleh Dār al-Quṭnī²⁴⁸.

²⁴³ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 3969, jil. 3, hlm. 221.

²⁴⁴ al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Awsaṭ, n h : 841, jil. 1, hlm. 346.

²⁴⁵ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Buyū’, Bāb : al-Simāḥah wa Suhūlah wa Ḥusn al-Mubayyi’ah, jil. 4, hlm. 75.

²⁴⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 4609, jil. 3, hlm. 219.

²⁴⁷ al-Bayhaqī, Shu’ab al-Īmān, Bāb : Fī Ḥusn al-Khuluq, Faṣl : Fī Layyin al-Jānib wa Salamat al-Ṣudūr, n h : 8125, jil. 6, hlm. 272.

²⁴⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 9973, jil. 6, hlm. 167.

-Kemudian hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī lagi dalam Mu'jam al-Awsaṭ²⁴⁹ daripada al-Ḥārith bin 'Ubaydah daripada Muḥammad bin Abū Bakar daripada Ḥūmad daripada Anas bin Mālīk, tidak ada yang meriwayatkan daripada Ḥūmad kecuali Muḥammad dan tidak ada yang meriwayatkan daripada Muḥammad kecuali Ḥārith. Hadith ini pula dihukum *Da'īf* sebab terdapat perawi bernama al-Ḥārith bin 'Ubaydah dan dia adalah seorang yang *Da'īf*. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Laisa Qawwī* dan Dār Quṭnī mengatakan bahawa dia *Da'īf*²⁵⁰.

Hukum Hadith : Ḥasan Li ghayrihi.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan Lighayrihi* sebab banyaknya hadith yang menyokong ke *Da'īf* hadith yang pertama. Sekalipun hadith penyokong adalah lemah tetapi ianya mempunyai turuq yang banyak. Wallahu A'lam.

Hadith : 32

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سِتَّةٌ لَعْنَتْهُمْ وَلَعَنَهُمُ اللَّهُ تَعَالَى وَكُلُّ نَبِيٍّ مُجَابٍ الدَّعَوَاتِ : أَلَزَّيْدُ فِي كِتَابِ
اللَّهُ تَعَالَى وَ الْمَكْذِبُ بِقَدْرِ اللَّهِ تَعَالَى وَالْمُتَسَلِّطُ بِالْجَبْرُوتِ فَيُعْزُّ مَنْ أَدَّلَهُ اللَّهُ تَعَالَى وَيُذِلُّ مَنْ أَعَزَّهُ اللَّهُ
وَالْمُسْتَحِلُّ لِحَرَمِ اللَّهِ تَعَالَى وَالْمُسْتَحِلُّ مِنْ عِثْرَتِي مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَ التَّارِكُ لِسُنَّتِي فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ نَظَرَ الرَّحْمَةِ (روي هذا الحديث الترمذي والحاكم عن عائشة والحاكم عن علي).

²⁴⁹ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, nh : 8256, jil. 8, hlm. 195.

²⁵⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 1631, jil. 1, hlm. 438.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Enam orang yang saya laknat, dilaknat juga oleh Allah dan oleh setiap Nabi yang diterima doanya iaitu : orang yang menokok tambah isi kitab Allah, orang yang mendustakan qadar Allah, penguasa yang sewenang-wenang menindas sehingga memuliakan orang yang dihinakan Allah dan menghinakan orang yang dimuliakan Allah, orang yang menghalalkan perbuatan yang terlarang dilakukan ditanah haram Allah, orang yang menghalalkan perbuatan-perbuatan terlarang terhadap keturunan dan kerabatku, dan orang yang berpaling dari sunnahku, sesungguhnya pada hari kiamat Allah SWT tidak memandang kepada mereka dengan kasih sayang (hadith ini diriwayatkan oleh Imām Tirmidhī dan Ḥākim daripada ‘Aishah).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya²⁵¹, al-Ṭabarānī dalam Mu’jam al-Kabīr²⁵², al-Ḥākim dalam Mustadrāk²⁵³, dan Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥnya²⁵⁴, semuanya menerusi ‘Āishah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Sakhāwī²⁵⁵ dan al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī, al-Ṭabarānī dan Ibn Ḥibbān di atas adalah *Da’if*²⁵⁶. Hadith ini *Da’if*

²⁵¹ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Qadar, Bāb : Mā Jā’a fī al-Riḍā wa al-Qaḍā’, n h : 2154, jil. 4, hlm. 207.

²⁵² al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Kabīr, n h : 2883, jil. 3, hlm. 126-127.

²⁵³ al-Ḥākim, al-Mustadrāk ‘Alā al-Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Īmān, n h : 102/102, jil. 1, hlm. 91-92, dan juga terdapat dalam Kitāb : al-Aḥkām, n h : 7011/9, jil. 4, hlm. 101.

²⁵⁴ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tarṭīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Ḥizr wa al-Ibāḥah, Dhukira La’ana al-Muṣṭafā SAW Ma’a Sā’iri al-Anbiyā’ Aqwāman min Ajli A’mali Irtikabūhā, n h : 5749, jil. 13, hlm. 60.

²⁵⁵ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-‘Ilm, Bāb : Fīman Yastahillu al-Ḥaram aw Yaḥrimu al-Ḥalāl aw Yatruku Sunnah, jil. 1, hlm. 181.

²⁵⁶ al-Mundhirī, Targhīb wa al-Tarhīb, Targhīb fī Ittibā’ al-Kitāb wa al-Sunnah, n h : 77, jil. 1, hlm. 105.

disebabkan terdapat perawi bernama ‘Ubaydillāh bin ‘Abd al-Raḥman bin Mawhab seorang yang *Da’if* dan hadits yang diriwayatkan daripadanya ini adalah *Mursal*²⁵⁷. Ya’qūb bin Shaibah dan Yahyā bin Ma’īn mengatakan bahawa Ubaydillāh bin ‘Abd al-Raḥman bin Mawhab adalah seorang yang *Da’if*²⁵⁸. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ḥākim melalui sanad Qutaybah bin Sa’īd dan Ishāq bin Muḥammad al-Farawī daripada ‘Abd al-Raḥman bin Abī al-Mawāl daripada ‘Ubaydillāh bin ‘Abd al-Raḥman bin Mawhab daripada Abū Bakar bin Amrū bin Hazm daripada ‘Amrah daripada ‘Āishah. Ianya juga *Da’if* disebabkan terdapat perawi ‘Ubaydillāh bin ‘Abd al-Raḥman bin Mawhab yang mana kedudukannya sudah dijelaskan di atas, kemudian Ishāq bin Muḥammad al-Farawī dan dia seorang yang *Wāhin*²⁵⁹ (lemah). al-Ḥākim mengatakan bahawa al-Bukhārī berhujah dengan hadits ‘Abd al-Raḥman bin Abī Mawāl ini dan hadits ini pula *Ṣaḥīḥ Isnād*²⁶⁰, aku tidak mengetahui di dalamnya ada cacat sekalipun al-Bukhārī tidak mengeluarkan dalam *Ṣaḥīḥ*nya. Pada tempat yang lain al-Ḥākim mengatakan bahawa hadits ini *Ṣaḥīḥ* atas syarat al-Bukhārī tetapi tidak dikeluarkan dalam *Ṣaḥīḥ*nya²⁶¹. Perkataan al-Ḥākim ini dibantah oleh al-Dhahabī bagaimana hadits ini boleh di*Ṣaḥīḥ*kan oleh al-Ḥākim sedangkan Ishāq bin Muḥammad al-Farawī ini

²⁵⁷ Ibn Balbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, Kitāb : al-Ḥizr wa al-Ibāḥah, Dhukira La’ana al-Muṣṭafā SAW Ma’a Sā’iri al-Anbiyā’ Aqwāman Min Ajli A’mali Irtikabūhā, jil. 13, hlm. 60.

²⁵⁸ al-Haythamī, *Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*, Kitāb : al-‘Ilm, Bāb : Fīman Yastahillu al-Ḥaram aw Yaḥrimu al-Ḥalāl aw Yatruku Sunnah, jil. 1, hlm. 181.

²⁵⁹ *Wāhin* = Riwayatnya tidak boleh ditulis dan tidak perlu dikaji.

²⁶⁰ *Ṣaḥīḥ Isnād* = Hadith yang sanadnya *Ṣaḥīḥ* (bukan bererti hadithnya juga *Ṣaḥīḥ*).

²⁶¹ Ibn Balbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, Kitāb : al-Ḥizr wa al-Ibāḥah, Dhukira La’ana al-Muṣṭafā SAW Ma’a Sā’iri al-Anbiyā’ Aqwāman Min Ajli A’mali Irtikabūhā, jil. 13, hlm. 61.

adalah guru al-Bukhārī dan dia adalah seorang yang *Wāhin* (lemah). al-Nasā'ī mengatakan bahawa Ishāq tidak *Thiqah*, Abū Dāwd mengatakan bahawa dia *Wāhin* (lemah), dan Dār al-Quṭnī meniggalkannya dan mengatakan bahawa dia *Da'īf*. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Ṣadūq* tetapi dia *Muḍṭarib*²⁶². Oleh kerana itulah penulis men~~Da'īf~~kan hadith ini.

Hukum Hadith : *Da'īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan terdapat perawi 'Ubaydillāh bin 'Abd al-Raḥman bin Mawhab dan dia seorang yang *Da'īf*, dan Ishāq bin Muḥammad al-Farawī dia pula seorang yang *Wāhin* (lemah). Pendapat penulis ini dikuatkan oleh al-Albānī yang mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'īf*,²⁶³. Wallahu A'lam.

Hadith : 33

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ضَرَبَ اللَّهُ تَعَالَى مَثَلًا صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا وَ عَلَى جَنْبِي الصِّرَاطِ سُورَانِ فِيهِمَا أَبْوَابٌ مُفْتَحَةٌ وَعَلَى الْأَبْوَابِ سُورٌ مُرَخَّاةٌ وَعَلَى بَابِ الصِّرَاطِ دَاعٍ يَقُولُ : يَا أَيُّهَا النَّاسُ ادْخُلُوا الصِّرَاطَ جَمِيعًا وَلَا تَتَعَرَّجُوا وَدَاعٍ يَدْعُو مِنْ فَوْقِ الصِّرَاطِ فَإِذَا أَرَادَ الْإِنْسَانُ أَنْ يَفْتَحَ شَيْئًا مِنْ تِلْكَ الْأَبْوَابِ قَالَ : وَيْحَكَ لَا تَفْتَحْهُ فَإِنَّكَ إِنْ تَفْتَحْهُ تَلْجُهُ فَالْصِّرَاطُ الْإِسْلَامُ وَالسُّورَانِ حُدُودُ اللَّهِ وَالْأَبْوَابُ الْمُفْتَحَةُ

²⁶² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 785, jil. 1, hlm. 198-199.

²⁶³ al-Albānī, *Da'īf al-Jāmi'* al-Ṣaghīr wa Ziyadatihi, n h : 3248, hlm. 477.

مُحَارِمُ اللَّهِ وَذَلِكَ الدَّاعِي عَلَى رَأْسِ الصَّرَاطِ كِتَابُ اللَّهِ وَالدَّاعِي مِنْ فَوْقٍ وَاعِظُ اللَّهِ فِي قَلْبِ كُلِّ مُسْلِمٍ (رواه أحمد).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Allah membuat perumpamaan dengan suatu jalur jalan yang lurus, pada dua lambung jalan itu terdapat dua pintu gerbang dengan beberapa pintu yang terbuka pada pintu-pintu itu terpandang tirai yang menjulur dan pada pintu jalan terdapat seorang yang menyeru : wahai manusia masuklah pada jalan lurus ini tanpa membelok sementara ada pula pemanggil lain dari pintu-pintu tersebut ian menyeru : celaka kamu jangan dibuka itu kalau kamu buka kamu pasti masuk, kata jalan dalam kiasan ini ialah islam dua pintu gerbang adalah batasan-batasan Allah, pintu-pintu terbuka adalah larangan-larangan Allah sedang pemanggil pada hujung jalan adalah kitab Allah dan pemanggil dari atas adalah nasihat Allah yang ada dalam hati orang muslim.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya²⁶⁴, al-Ḥākim dalam Mustadrāk²⁶⁵, menerusi al-Nawās bin Sam'an al-Anṣārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Aḥmad bin Ḥanbal menyebutkan dalam Musnadnya bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*²⁶⁶. al-Ḥākim pula mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim dan tidak ada perawi yang cacat di dalamnya, pendapat beliau ini diikuti dan disetujui oleh

²⁶⁴ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 17566, jil. 13, hlm. 445.

²⁶⁵ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā al-Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Īmān, n h : 245/245, jil. 1, hlm. 144-145.

²⁶⁶ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 13, hlm. 445.

al-Dhahabī yang mengatakan bahawa semua perawi hadith adalah *Thiqah*²⁶⁷. al-Mundhirī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* kerana semua perawi diterima kedudukannya²⁶⁸.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* disebabkan semua perawi adalah *Thiqah* dan di*Ṣaḥīḥ*kan oleh para ulama. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* dalam *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*²⁶⁹. Wallahu A'lam.

Hadith : 34

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا مِنْ عَبْدٍ إِلَّا وَلَهُ بَيْتَانِ : بَيْتٌ فِي الْجَنَّةِ وَبَيْتٌ فِي النَّارِ فَأَمَّا الْمُؤْمِنُ فَيَبْنِي بَيْتَهُ فِي الْجَنَّةِ وَيَهْدِمُ بَيْتَهُ فِي النَّارِ وَأَمَّا الْكَافِرُ فَيَهْدِمُ بَيْتَهُ فِي الْجَنَّةِ وَيَبْنِي بَيْتَهُ فِي النَّارِ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Setiap hamba itu mempunyai dua rumah, satu rumah dalam syurga dan yang satu lagi dalam neraka. Adapun orang mukmin membangun rumahnya di syurga dan menghancurkan rumahnya yang ada dalam neraka, adapun orang kafir menghancurkan rumahnya yang ada dalam syurga dan membangunnya dalam neraka (Diriwayatkan oleh al-Daylamī).

²⁶⁷ al-Hākim, al-Mustadrak 'Alā al-Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Īmān, jil. 1, hlm. 144-145.

²⁶⁸ al-Mundhirī, Targhīb wa al-Tarhīb, Kitāb : al-Ḥudūd wa Ghayriha, Tarhīb Min Mawaqiatin al-Ḥudūd wa Intahaka al-Muḥarim, n h : 3457, jil. 3, hlm. 202.

²⁶⁹ al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1408/1988, Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr wa Ziyadatihī, n h : 3887, jil. 2, hlm. 721-722, Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Firdaws²⁷⁰ menerusi Abū Sa'īd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Ṣāliḥ bin Aḥmad daripada 'Abd al-Raḥman bin Abī Ḥātim daripada bapanya daripada Adām daripada Dāwd bin 'Abd Allāh bin Abī al-Kirām al-Ja'farī daripada Ḥātim bin Ismā'īl daripada Shurayk daripada Layth daripada 'Adī bin Thābit daripada Abī Sa'īd. Hadith ini dihukum *Ḍa'īf* sebab terdapat para perawi yang diperbincangkan oleh ulama kecacatannya, di antaranya adalah Adām. Abū Ḥātim mengatakan bahawa tidak berhujjah dengan hadithnya²⁷¹. Kemudian Dāwd bin 'Abd Allāh bin Abī al-Kirām al-Ja'farī. Abū Ḥātim menthiqahkannya tetapi al-Khalīlī dan al-'Uqaylī mengatakan bahawa dia kadang melakukan kesalahan, dan dalam hadithnya ada keraguan dan kesalahan²⁷². Selanjutnya perawi Ḥātim bin Ismā'īl, al-Madinī mengatakan bahawa dia *Thiqah*, *Ṣadūq Mashhūr*, tetapi Aḥmad dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Laisa Qawwī* dan ada kelalaian²⁷³.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf* disebabkan terdapat para perawi yang diperbincangkan kedudukannya, tetapi penulis memilih perkataan jumhur yang kebanyakan mereka melemahkan. Wallahu A'lam.

²⁷⁰ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 6037, jil. 4, hlm. 13.

²⁷¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 686, jil. 1, hlm. 170.

²⁷² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 2620, jil. 2, hlm. 200.

²⁷³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1595, jil. 1, hlm. 428.

Hadith : 35

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ أَحَدٌ إِلَّا رَأَى مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ لَوْ أَسَاءَ لِيَزْدَادَ شُكْرًا وَلَا يَدْخُلُ النَّارَ أَحَدٌ إِلَّا رَأَى مَقْعَدَهُ مِنَ الْجَنَّةِ لَوْ أَحْسَنَ لِيَكُونَ عَلَيْهِ حَسْرَةٌ (رواه البخاري).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi saw bersabda : Tidak akan masuk syurga seorang pun, melainkan dia akan melihat tempat duduknya dalam neraka sekalipun dia berbuat keburukan untuk menambah rasa syukurnya. Dan tidak akan masuk neraka seorang pun, melainkan dia akan melihat tempat duduknya dalam syurga sekalipun dia berbuat baik tetapi hanya menjadi penyesalan padanya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya²⁷⁴ menurusi Sahabat Abū Hurayrah.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 36

وَفِي حَدِيثِ الطَّبْرَانِيِّ مَرْفُوعًا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ مَنْ زَنَا فِيهِ أَوْ شَرِبَ خَمْرًا لَعَنَهُ اللَّهُ وَمَنْ فِي السَّمَوَاتِ إِلَى مِثْلِهِ مِنَ الْخُلُقِ الثَّانِي.

Maksudnya : Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Tabarani secara marfu' kepada Nabi SAW : Sesungguhnya orang yang berbuat zina dan minum khamar dilaknat oleh Allah dan seisi langit hingga makhluk di sekeliling keduanya.

²⁷⁴ Ibn Hajar, Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, 1416/1996, Fath al-Bārī bi Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb : al-Riqāq, Bāb : Ṣifat al-Jannah wa al-Nār, n h : 6569, jil. 13, hlm. 238.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ²⁷⁵ menerusi Ummu Hanī'.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'if*²⁷⁶. Hadith ini *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang *Da'if* iaitu 'Īsā bin Sulaymān dan biasa dipanggil dengan Abū Ṭaybah al-Darimī. Ibn Ma'in men^{Da'if}kannya²⁷⁷. Ibn 'Adī²⁷⁸ dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia seorang yang *Da'if* dan kadang banyak berbuat kemungkaran, dia memang laki-laki *Ṣāliḥ* tetapi aku tidak menyangka kenapa dia berpegang dengan kedustaan bahkan dia hampir menyerupai itu²⁷⁹. Ibn Ḥibbān pula menyebutkan bahawa dia banyak salah dan disalahkan oleh para ulama²⁸⁰.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if*, disebabkan terdapat perawi 'Īsā bin Sulaymān dan biasa dipanggil dengan Abū Ṭaybah al-Darimī dan dia adalah seorang yang *Da'if*.

²⁷⁵ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 4827, jil. 5, hlm. 207.

²⁷⁶ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Ṣiyām, Bāb : Iḥtaram Shahru al-Ramaḍān wa Ma'rifah Ḥaqqahu, jil. 3, hlm. 147.

²⁷⁷ Ibid.

²⁷⁸ Ibn 'Adī, al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no : 435/1403, jil. 5, hlm. 256.

²⁷⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 6565, jil. 4, hlm. 232.

²⁸⁰ Ibn Ḥajar, Lisān al-Mizān, no : 6468, jil. 5, hlm. 369-370.

Hadith : 37

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : فُضُّوْهُ الدُّنْيَا أَهْوَنُ مِنْ فُضُّوْهِ الْآخِرَةِ (رواه الطبراني عن الفضل).

Maksudnya : Daripada Nabi SAW dia bersabda : Terdedahnya keburukan di dunia, lebih ringan daripada terbukanya keburukan di akhirat (diriwayatkan oleh al-Tabarānī daripada al-Faḍl).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr²⁸¹, dalam Mu'jam al-Awsaṭ²⁸², menerusi al-Faḍl bin 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-'Ajlūnī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* tetapi dalam pandangan ulama yang lain ianya *Munkar*²⁸³. Hadith ini *Mawḍū'* disebabkan terdapat para perawi yang *Majhūl* di antaranya ialah al-Ḥārith bin 'Abd al-Mālīk dan Ata' dia adalah seorang yang *Mursal*²⁸⁴ dan *Kadhdhāb*. al-Haythamī mengatakan bahawa di antara sanad-sanad hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini tidak ada orang yang aku kenal (*Majhūl*)²⁸⁵. al-Ṭabarānī mengatakan bahawa aku tidak meriwayatkan hadith ini kecuali dengan sanad ini dan al-Ḥārith bin 'Abd al-Mālīk adalah seorang yang *Majhūl* tidak ada yang

²⁸¹ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 718....., jil. 18, hlm. 280-281.

²⁸² al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 2650, jil. 3, hlm. 170-172.

²⁸³ al-'Ajlūnī, Kasf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās, n h : 1829, jil. 2, hlm. 86.

²⁸⁴ *Mursal* = Meriwayatkan hadith dengan tidak menyebutkan perawi perantara, atau hadith yang diriwayatkan oleh seorang Tabi'in langsung daripada Nabi Saw.

²⁸⁵ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Bāb : Waḍā'ihi Nabi SAW, jil. 9, hlm. 29.

meriwayatkan hadits daripadanya selain seorang iaitu Ma'ān bin 'Īsā al-Qazazī²⁸⁶. Seperti perkataan al-Bukhārī bahawa tidak ada yang meriwayatkan hadits ini daripada dia selain Ma'ān sahaja dan tidak ada pula yang meriwayatkan hadits daripada gurunya yakni (al-Qāsim bin Yazīd bin 'Abd Allāh al-Qusayṭ) selain al-Ḥārith seorang pula, dan hadits yang diriwayatkan al-Ḥārith daripada gurunya ini adalah dalam keadaan *Majhūl*²⁸⁷. Ibn Ḥajar al-'Asqalānī mengatakan bahawa hadits-hadithnya banyak yang *Munkar* bahkan *Mawḍū'*²⁸⁸. Perawi selanjutnya adalah 'Atā', 'Alī bin al-Madinī mengatakan bahawa dalam sanad hadits ini ada Ata', dan menurutku dia adalah Ata' bin Yasar tetapi matan hadits ini tidak berasal daripada 'Atā' bin Yasār dan tidak pula daripada 'Atā' bin Abī Ribāḥ. Aku khawatir boleh jadi hadits ini berasal daripada 'Atā' al-Khurasānī dalam keadaan *Mursal* daripada Ibn 'Abbās. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa 'Atā' al-Khurasānī adalah seorang pendusta. Ibn 'Uqaylī mengatakan bahawa dia *Mursal* daripada Ibn 'Abbās²⁸⁹.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadits ini adalah *Mawḍū'* sebab terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu al-Ḥārith bin 'Abd al-Mālik dan Ata' dia adalah seorang yang *Mursal* dan *Kadhdhāb*.

²⁸⁶ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 718....., jil. 18, hlm. 280.

²⁸⁷ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 2438, jil. 2, hlm. 253.

²⁸⁸ Ibn Ḥajar, Lisān al-Mizān, no : 6715, jil. 5, hlm. 512-513.

²⁸⁹ Ibid.

Hadith : 38

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَقُولُ رُبُّكُمْ فِي الْحَدِيثِ الْقُدْسِيِّ : يَا ابْنَ آدَمَ تَفَرِّغْ لِعِبَادَتِي
أَمَلًا قَلْبِكَ غِنًى وَأَمَلًا يَدَيْكَ رِزْقًا يَا ابْنَ آدَمَ لَا تُبَاعِدْ عَنِّي أَمَلًا قَلْبِكَ فَقْرًا وَأَمَلًا يَدَيْكَ شَغْلًا (رواه
الحاكم).

Maksudnya : Daripada Anas bahawa Nabi S.A.W bersabda : Allah S.W.T berfirman dalam hadith Qudsi : Wahai anak Adam luangkanlah masamu untuk menyembahku sepenuh hatimu sewaktu kaya dan sepenuh kekuasaanmu sewaktu mampu. Wahai anak Adam janganlah menjauh daripadaku sepenuh hatimu sewaktu faqir dan sepenuh kekuasaanmu sewaktu sibuk (riwayat al-Hākim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam al-Ḥilyah²⁹⁰ dan al-Hākim dalam al-Mustadrāk²⁹¹, menerusi Ma’qal bin Yasār.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dihukum *Da’if Jiddan*, disebabkan dalam sanad hadith terdapat perawi yang *Munkar*, *Matrūk al-Ḥadīth* dan *Laisa bi Shay’*.

Dianya bernama Salām bin Salīm al-Tamīmī al-Ṭawīl, Abū Ḥātim dan Ibn ‘Adī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth*, *Laisa bi Shay’* dan hadithnya *Da’if*

²⁹⁰ Abū Nu’aym, Ḥilyat al-Awliyā’, n h : 2500, jil. 2, hlm. 344.

²⁹¹ al-Hākim, al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Riqā’, n h : 7926/83, jil. 4, hlm. 362.

*Jiddan*²⁹². al-Nasā'ī dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth* para ulama meninggalkannya²⁹³. Tetapi hadith ini boleh menjadi *Ḥasan* kerana dikuatkan oleh hadith riwayat al-Ḥākim melalui sanad Salām bin Abī Muṭī' dan dia adalah seorang yang *Thiqah* dan *Ṣāliḥ al-Ḥadīth*²⁹⁴. Seperti yang dikatakan oleh Abū Ḥātim bahawa dia seorang yang *Thiqah*, *Ṣāliḥ al-Ḥadīth* dan hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ Isnād*²⁹⁵. al-Ḥākim pula mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* atas syarat al-Bukhārī tetapi beliau tidak mengeluarkan dalam *Ṣaḥīḥnya*²⁹⁶. Oleh itu, penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* kerana ada penguatnya. Ianya juga di*Ḥasankan* oleh al-Mundhirī²⁹⁷ dan al-Albānī²⁹⁸. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan*, sebab dikuatkan oleh hadith riwayat al-Ḥākim melalui sanad Salām bin Abī Muṭī'. Wallahu A'lam.

²⁹² Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 6241/1122, jil. 4, hlm. 241.

²⁹³ Ibn 'Adī, al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no : 34/766, jil. 5, hlm. 299-301.

²⁹⁴ *Ṣāliḥ al-Ḥadīth* = Lafaz peringkat keenam daripada peringkat Ta'dīl, riwayatnya boleh ditulis untuk dikaji.

²⁹⁵ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 6237/1118, jil. 4, hlm. 240.

²⁹⁶ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Riqā', n h : 7926/83, jil. 4, hlm. 362.

²⁹⁷ al-Mundhirī, Targhīb wa al-Tarhīb, Kitāb : Tawbah wa al-Zuhūd, Bāb : Targhīb fī al-Firāgh li al-'Ibādah wa al-Iqbāl 'Ala Allāh Ta'alā....., jil. 4, hlm. 23.

²⁹⁸ al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1421/2000, Ṣaḥīḥ Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Tawbah wa al-Zuhūd, Bāb : Targhīb fī al-Firāgh li al-'Ibādah wa al-Iqbāl 'Ala Allāh Ta'alā....., n h : 3165, jil. 3, hlm. 229, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif.

Hadith : 39

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَخَذَ مِنَ الدُّنْيَا مِنَ الْحَالِلِ حَاسِبُهُ اللَّهُ وَمَنْ أَخَذَ مِنَ الدُّنْيَا مِنَ الْحَرَامِ عَذَابُهُ اللَّهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang mengambil dunia secara halal maka Allah akan menghisabnya, dan sesiapa yang mengambil dunia secara haram maka Allah akan menyeksa.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 40

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ هَذِهِ الدُّنْيَا دَارُ التَّوَاءِ لَا دَارُ إِسْتِوَاءٍ مَنْزِلُ تَرْجٍ لَا مَنْزِلُ فَرْحٍ فَمَنْ عَرَفَهَا لَمْ يَفْرَحْ لِرِخَاءٍ وَلَمْ يَحْزَنْ لَشِدَّةٍ أَلَا وَأَنَّ اللَّهَ خَلَقَ الدُّنْيَا دَارُ بَلِيَّةٍ وَالْآخِرَةُ دَارُ عُمَى فَجَعَلَ بَلِيَّةَ الدُّنْيَا لِثَوَابِ الْآخِرَةِ وَثَوَابِ الْآخِرَةِ مِنْ بَلِيَّةِ الدُّنْيَا عَوْضًا فَيَأْخُذُ لِيُعْطَى وَيُبْتَلَى لِيَجْزِيَ فَاخْذُوا حُلَاوَةَ رِضَاعِهَا لِمَرَرَةِ فَطَامَتِهَا وَاهْجُرُوا لَدَيْدَ عَاجِلِهَا لِكَرْبِهِ أَجْلِهِ وَلَا تَسْعَوْا فِي عَمْرَانِ دَارٍ قَدْ قَضَى اللَّهُ خَرَابَهَا وَلَا تُوَاصِلُوهَا وَقَدْ أَرَادَ مِنْكُمْ إِجْتِنَابَهَا فَتَكُونُوا لِسُخْطِهِ مُتَعَرِّضِينَ وَلِعُقُوبَتِهِ مُسْتَحَقِّينَ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Dirwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Wahai manusia sesungguhnya dunia tempat kekacauan bukan tempat ketenangan, tempat bersedih bukan tempat bergembira. Maka sesiapa yang telah mengetahuinya, nescaya dia tidak gembira hanya kerana adanya kesenangan dan tidak bersedih hanya kerana adanya kesulitan. Ingat sesungguhnya Allah menciptakan dunia sebagai tempat cubaan untuk mendapatkan pahala di akhirat, dan pahala akhirat kerana adanya cubaan dunia sebagai gantinya. Maka Allah mengambilnya untuk memberi pahala. Kerana itu waspadalah terhadap manisnya dunia, jangan terperdaya oleh kepahitan untuk berpisah dengannya, dan jauhilah kesenangannya kerana akibatnya tidak menyenangkan. Janganlah berjuang untuk meramaikan tempat yang akan dihancurkan oleh Allah SWT dan janganlah menghubungi dunia, kerana Allah menghendakimu agar menjauhinya, jika tidak kamu akan melihat kemurkaan-Nya dan berhak mendapat seksa-Nya (Diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws²⁹⁹ daripada ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Ibrāhim bin Muḥammad bin ‘Urfah daripada Ubaydillāh bin Jarīr bin Jibillāh daripada Mu’ādh bin Anas daripada ‘Abd Allāh bin Mubārak daripada Ismā’īl bin ‘Iyās daripada Yahyā al-Ṭawīl daripada Nafi’ daripada Ibn ‘Umar. Hadith ini *Da’if* sebab terdapat perawi Ibrāhim bin

²⁹⁹ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’tūr al-Khiṭāb, n h : 8186, jil. 5, hlm. 281.

Muḥammad bin ‘Urfah dan dia adalah seorang yang *Da’if*. Dār al-Quṭnī dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Da’if*, *Laisa Qawwī*, dan hadithnya ini adalah *Da’if*³⁰⁰.

Hukum Hadith : *Da’if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’if* sebab terdapat perawi bernama Ibrāhim bin Muḥammad bin ‘Urfah dan dia adalah seorang yang *Da’if*.

Hadith : 41

رُوي عن النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لِكُلِّ عَمَلٍ دَعَامَةٌ وَ دَعَامَةُ عَمَلِ الْمَرْءِ عَقْلُهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Setiap amal ada pondasinya (penahannya) dan pondasi amal manusia ialah akalanya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini disebutkan oleh Ibn Ḥajar dalam al-Maṭālib al-‘Aliyah³⁰¹, ‘Irāq al-Kinānī dalam Tanzīh al-Sharī‘ah al-Marfū‘ah³⁰² daripada Abī Sa’īd al-Khudrī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang disebutkan oleh Ibn Ḥajar ini adalah daripada Dāwd bin al-Muḥabbar daripada ‘Ibād bin Suhayl daripada bapanya daripada Abī Sa’īd al-Khudrī. Hadith ini

³⁰⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 210, jil. 1, hlm. 64.

³⁰¹ Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, 1420H/2000M, al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā’id al-Masanid al-Thamaniyah, Kitāb : al-Adāb, Bāb : al-‘Aql wa Faḍlihi, n h : 2777, jil. 12, hlm. 105, Riyāḍ : Mamlakah al-‘Arābiyah al-Sa’udiyah, Taḥqīq : Doktor ‘Umar Īmān Abū Bakar.

³⁰² ‘Irāq al-Kinānī, Tanzīh al-Sharī‘ah al-Marfū‘ah, n h : 93, jil. 1, hlm. 215.

adalah *Mawḍū'* sebab terdapat perawi Dāwd bin al-Muḥabbar dan dia adalah seorang yang *Matrūk*, *Dhāhib al-Ḥadīth*³⁰³, tidak *Thiqah*, dan hadith-hadithnya kebanyakan adalah *Mawḍū'*. Dār al-Quṭnī, Aḥmad dan Ibn al-Madinī mengatakan bahawa dia *Matrūk*, hadithnya tidak dikenal dan kebanyakan dibuang. Abū Zur'ah dan Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Da'īf*, *Dhāhib al-Ḥadīth* dan tidak *Thiqah*³⁰⁴. Kemudian perawi 'Ibād bin Suhayl, dia adalah seorang yang *Matrūk* seperti yang disebutkan oleh Ibn Ḥajar³⁰⁵. Ibn Ḥajar berkomentar bahawa hadith-hadith yang berkaitan tentang Aqal milik Dāwd al-Muḥabbar semuanya adalah *Mawḍū'* dan tidak ada yang *Thabit* di dalamnya, hadith ini pula adalah *Mawḍū'*³⁰⁶. Komentar Ibn Ḥajar ini disebutkan oleh al-'Irāqī dalam *Takhrīj al-Iḥyā'*³⁰⁷.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* sebab terdapat para perawinya yang *Matrūk* dan *Dhāhib al-Ḥadīth*.

³⁰³ *Dhāhib al-Ḥadīth* = Hadith-hadith riwayatnya tidak bererti (tidak boleh dikaji).

³⁰⁴ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, no : 2646, jil. 2, hlm. 210.

³⁰⁵ Ibn Ḥajar, *al-Maṭālib al-'Āliyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamaniyah*, Kitāb : al-Adāb, Bāb : al-'Aql wa Faḍlihi, n h : 2777, jil. 12, hlm. 105.

³⁰⁶ Ibid.

³⁰⁷ al-'Irāqī, Zayn al-Dīn Abī al-Faḍl 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn al-'Irāqī, 1419H/1998M, Kitāb al-Mughnī An al-Asfār fī al-Asfār fī Takhrīj Iḥyā', jil. 1, hlm. 123, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth. Taḥqīq : Sayid bin Ibrāhīm bin Ṣadūq bin 'Imrān.

Hadith : 42

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَلْأَبْدَالُ أَرْبَعُونَ رَجُلًا اثْنَانِ وَعِشْرُونَ بِالشَّامِ وَثَمَانِيَةَ عَشَرَ بِالْعِرَاقِ كُلَّمَا مَاتَ مِنْهُمْ وَاحِدٌ أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ فَإِذَا جَاءَ الْأَمْرُ قُبِضُوا كُلُّهُمْ فَعِنْدَ ذَلِكَ تَقُومُ السَّاعَةُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bilangan Abdal adalah 40 orang, dua puluh dua orang ada di Syam dan lapan belas orang ada di Iraq, apabila salah seorang daripada mereka meninggal dunia, maka Allah akan menggantikannya dengan yang lain pada posisinya, apabila sudah datang suatu urusan (kiamat), maka semua Abdal meninggal dunia, maka pada waktu itulah akan terjadi kiamat.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil³⁰⁸, dan Ibn Jauzī dalam al-Mawḍū’āt³⁰⁹ daripada Anas bin Mālīk.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini melalui sanad Muḥammad bin Zuhayr bin al-Fadal al-‘Ubalī daripada ‘Umar bin Yahyā al-‘Ubalī daripada al-‘Alā’ bin Zayd daripada Anas bin Mālīk. al-Suyūṭī³¹⁰ dan Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’*³¹¹. Hadith ini *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi al-‘Alā’ bin Zayd yang dikenal dengan Ibn Zaydal al-Thaqafī dan dia adalah seorang pemalsu hadith, *Munkar Ḥadīth* dan *Matrūk*. ‘Alī bin al-

³⁰⁸ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afa’ al-Rijāl, jil. 5, hlm. 220.

³⁰⁹ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū’āt Min Aḥādīth al-Marfū’āt, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Adād al-Awliyā’, n h : 1640, jil. 3, hlm. 399.

³¹⁰ al-Suyūṭī, al-Lāli’ī al-Maṣnū’ah Fī Aḥādīth al-Mawḍū’ah, Kitāb : al-Adāb wa al-Zuhud, jil. 2, hlm. 280.

³¹¹ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn Min al-Muḥaddithīn, jil. 2, hlm. 171.

Madinī mengatakan bahawa dia pemalsu hadith, al-Bukhārī, al-‘Uqaylī, Ibn ‘Adī dan Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia adalah *Munkar Ḥadīth* dan *Matrūk*³¹². al-Nasā’ī dan ulama lain mengatakan bahawa dia *Ḍa’īf*³¹³. Ibn Ḥibbān pula mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkannya daripada Anas adalah *Mawḍū’*³¹⁴. Oleh itulah hadith ini dihukumkan *Mawḍū’*.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab terdapat perawi al-‘Alā’ bin Zayd yang dikenal dengan Ibn Zaydal al-Thaqafī dan dia adalah seorang pemalsu hadith, *Munkar Ḥadīth* dan *Matrūk*.

Hadith : 43

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَنْ تَخْلُوَ الْأَرْضُ عَنْ أَرْبَعِينَ رَجُلًا مِثْلَ خَلِيلِ الرَّحْمَنِ فِيهِمْ يُسْقَوْنَ وَهُمْ يُنْصَرُونَ مَا مَاتَ مِنْهُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَبْدَلَ اللَّهُ مَكَانَهُ آخَرَ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bumi tidak akan terlepas dari 40 orang seperti kekasih Allah yang maha penyayang, kerana merekalah diturunkan air hujan dan kerana merekalah turun pertolongan, tiada seorangpun di antara mereka yang meninggal dunia, melainkan Allah menggantikannya dengan yang lain pada posisinya (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

³¹² Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 5, hlm. 220.

³¹³ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 6082, jil. 4, hlm. 432-433.

³¹⁴ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūhīn Min al-Muḥaddithīn, jil. 2, hlm. 171.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Awsaṭ³¹⁵, menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini melalui sanad 'Alī Ibn Sa'īd telah menceritakan kepada kami Ishāq bin Ruzayq al-Rasibī telah menceritakan kepada kami 'Abd al-Wahhāb bin 'Aṭā' daripada Sa'īd Ibn Abī 'Arūbah daripada Qatadah daripada Anas bin Mālik secara *Marfū'*. Hadith ini *Mawdu'* sebab kematrūkan dan kedustaan perawi 'Abd al-Wahhāb bin 'Aṭā'. Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah*, Aḥmad mengatakan bahawa dia *Da'īf al-Ḥadīth* dan *Muḍṭarīb*³¹⁶, al-Nasā'ī dan al-Razī mengatakan bahawa dia tidak *Qawwī Kadhdhāb*, dan *Matrūk al-Ḥadīth*³¹⁷. Kemudian disebabkan terdapatnya perawi yang *Majhūl* iaitu Ishāq bin Ruzayq al-Rasibī. Penulis tidak menemui nama beliau dari mana-mana kitab-kitab rijal. Kemudian perawi 'Alī bin Sa'īd dan dia adalah Ibn Bashīr al-Razī. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia adalah guru al-Ṭabarānī dan al-Ṭabarānī sendiri mengatakan bahawa gurunya ini tidak cerdas dan bijak kemudian dia suka bersendirian dalam segala hal³¹⁸.

³¹⁵ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, n h : 4101, jil. 4, hlm. 426.

³¹⁶ *Muḍṭarīb* = Perawi yang hadithnya saling bercanggah. (Lafaz peringkat ketiga pada peringkat Jarh, hadith riwayat perawi ini boleh ditulis untuk dikaji).

³¹⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 5322, jil. 3, hlm. 395-396.

³¹⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 5850, jil. 4, hlm. 51.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* sebab terdapat perawi 'Abd al-Wahhāb bin 'Aṭā' dan dia seorang yang tidak *Qawwī*, *Kadhdhāb*, dan *Matrūk al-Ḥadīth*. Kemudian terdapat perawi yang *Majhūl* dan *Da'īf* iaitu Ishāq bin Ruzayq al-Rasibī, dan 'Alī bin Sa'īd.

Hadith : 44

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ فَهُوَ مِنَ الْأَبْدَالِ : الرِّضَا بِالقَضَاءِ وَ الصَّبْرُ عَنِ مَحَارِمِ اللَّهِ وَالْغَضَبُ فِي ذَاتِ اللَّهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tiga perkara yang sesiapa memilikinya maka dia termasuk wali Abdal iaitu redo menerima ketentuan Allah, sabar dalam berpaling dari larangan Allah dan marah kerana Allah.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws al-Khiṭāb³¹⁹, menerusi Mu'ādh bin Jabāl.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini melalui sanad Abū 'Abd al-Raḥman al-Sulāmī daripada Aḥmad bin 'Alī Ibn al-Ḥasan daripada Ja'far bin 'Abd al-Wahhāb al-Sarkhāsī daripada 'Ubayd bin Adām daripada bapanya daripada Abū Ḥamzah daripada Maysarah bin 'Abd al-Rabbah

³¹⁹ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 2457, jil. 2, hlm. 84.

daripada al-Mughīrah bin Qays daripada Sahr bin Hawsab daripada ‘Abd al-Raḥman bin Ghanām daripada Mu’ādh bin Jabāl. Hadith ini *Mawḍū’* disebabkan banyaknya perawi yang dicatitkan kedudukannya oleh para ulama di antaranya ialah Maysarah bin ‘Abd al-Rabbah. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia dituduh berdusta dan hadithnya adalah *Mawḍū’*.³²⁰ Kemudian Shahr bin Hawsab yang banyak dibincangkan oleh ulama kedudukannya. Shu’bah meninggalkan hadith Shahr bin Hawsab, Yaḥyā bin Sa’īd tidak menerima hadith daripada Shahr bin Hawsab, Yaḥyā bin Ma’īn pula mengatakan bahawa dia *Thiqah* dan Abū Zur’ah mengatakan bahawa dia *La Ba’sa Bihi*.³²¹ Kemudian Ja’far bin ‘Abd al-Waḥhāb al-Sarkhāsī, penulis tidak menemui identitinya dari mana-mana kitab rijal. Terakhir adalah perawi Abū ‘Abd al-Raḥman al-Sulāmī nama aslinya ialah Muḥammad bin al-Ḥusayn bin Muḥammad. al-Dhahabī mengatakan bahawa para ulama tidak berpegang dengan hadithnya, al-Khāṭib mengatakan bahawa Abū ‘Abd al-Raḥman al-Sulāmī suka memalsukan hadith untuk kaum Sufi, sepertimana diriwayatkan oleh Muḥammad bin Yūsuf al-Qiṭṭān kepadaku³²². Oleh itulah penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’*. Hadith ini juga dipalsukan oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādith Ḍa’ifah wa al-Mawḍū’ah*.³²³

³²⁰ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 14464/1157, jil. 8, hlm. 290.

³²¹ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 6787/1668, jil. 4, hlm. 347-348.

³²² al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 7419, jil. 4, hlm. 443-444.

³²³ al-Albānī, Silsilah Aḥādith Ḍa’ifah wa al-Mawḍū’ah, hlm. 666, jil. 9.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab terdapat para perawi yang dicatatkan oleh para ulama kedudukannya, iaitu Maysarah bin ‘Abd al-Rabbah seorang yang dituduh berdusta, Shahr bin Hawsab yang banyak diperbincangkan kedudukannya oleh ulama, Ja’far bin ‘Abd al-Wahhāb al-Sarkhāsī, seorang yang *Majhūl* dan Abū ‘Abd al-Rahman al-Sulāmī seorang yang suka memalsukan hadith untuk kaum Sufi. Wallahu A’lam.

Hadith : 45

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : طُوبَى لِمَنْ مَلَكَ لِسَانَهُ وَوَاسِعَهُ بَيْتُهُ وَبَكَى عَلَى خَطِيئَتِهِ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Adalah sangat bertuah bagi orang yang dapat menjaga lisannya, berasa cukup luas (selesa) berada dirumah sendiri dan menangis kerana menyesali kesalahan perbuatannya (diriwayatkan oleh al-Tabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu’jam Awsaṭ³²⁴, dan Mu’jam al-Ṣaghīr³²⁵, menerusi Thawbān mawla Nabi SAW.

³²⁴ al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Awsaṭ, n h : 2361, jil. 3, hlm. 77.

³²⁵ al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Ṣaghīr, jil. 1, hlm. 78.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ dihukum *Ṣaḥīḥ*. Beliau mengatakan bahawa tidak ada yang meriwayatkan hadith ini daripada Thawbān kecuali melalui sanad 'Īsā bin Sulaymān al-Syarazī ini dan dia adalah seorang yang *Thiqah*³²⁶. Tetapi hadith ini menjadi *Ḥasan* seperti yang dikatakan oleh al-Haytamī³²⁷ dan al-Mundhirī³²⁸. Hadith ini *Ḥasan* sebab dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Ṣaghīr terdapat perawi yang lemah iaitu Ismā'īl bin 'Iyās. Abū Ḥātim dalam al-Jarḥ wa al-Ta'dīl³²⁹ mengatakan bahawa dia *Layyin*³³⁰. al-Bukhārī mengatakan bahawa apabila dia bercerita tentang ahli negerinya maka dia *Ṣaḥīḥ* dan apabila dia bercerita tentang selain itu maka perlu diteliti terlebih dahulu. al-Nasā'ī pula mengatakan bahawa dia *Da'īf* dan Ibn Ḥibbān mengatakan banyak salah dalam hadithnya³³¹. Oleh itulah penulis menyimpulkan bahawa hadith ini hukumnya menjadi *Ḥasan* disebabkan terdapat perawi yang lemah di dalamnya.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* disebabkan terdapat perawi yang lemah di dalamnya seperti yang penulis jelaskan di atas. Wallahu A'lam.

³²⁶ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, n h : 2361, jil. 3, hlm. 77.

³²⁷ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Bāb : Mā Jā'a fī al-Sumfī wa Ḥifẓ al-Lisān, jil. 10, hlm. 302.

³²⁸ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Adāb wa Ghayrihi, Targhīb fī al-'Uzlati Liman lā Ya'man 'Alā Nafsihi 'Inda al-Ikhtilāf, n h : 4037 dan 4205, jil. 3, hlm. 435.

³²⁹ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 650, jil. 2, hlm. 130-131.

³³⁰ *Layyin* = Lafaz peringkat pertama pada peringkat Jarḥ, riwayat perawi ini boleh ditulis untuk dikaji.

³³¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 923, jil. 1, hlm. 241-242.

Hadith : 46

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : دَعْ مَا يَرِيبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيبُكَ فَإِنَّ الصِّدْقَ طُمَأْنِينَةٌ وَالْكَذِبُ رَيْبٌ
(رواه الترمذي).

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Tinggalkanlah apa-apa yang meragukan, ambillah yang tidak meragukan dirimu kerana kebenaran adalah sesuatu yang menenangkan dan dusta adalah meragukan (diriwayatkan oleh al-Tirmidhī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya³³², al-Nasā'ī dalam Sunannya³³³, Aḥmad dalam Musnad³³⁴, al-Ḥākim dalam Mustadrāk³³⁵, dan al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān³³⁶, semuanya menerusi Ḥasan bin 'Alī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Sakhāwī³³⁷ dan al-Munzdhirī mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ Isnād* kerana tidak ada perawi yang cacat di dalamnya³³⁸. al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini

³³² al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Bab : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Wara', Bāb : Mā Jā'a fī Ṣifat 'Awani al-Ḥawḍi, n h : 2518, jil. 4, hlm. 382.

³³³ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Ashrabah, Bāb : al-Haththu 'Alā Tarki al-Shubhāt, n h : 5727, jil. 4, hlm. 746-747.

³³⁴ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 1723, jil. 2, hlm. 345.

³³⁵ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Aḥkām, n h : 7046/44, jil. 4, hlm. 110.

³³⁶ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Maṭ'am wa al-Mashārib, Faṣl : Fī Ṭayyib al-Maṭ'am wa al-Malābis, n h : 5747, jil. 5, hlm. 52-53.

³³⁷ al-Sakhāwī, al-Maqāsid al-Hasanah, hlm. 222.

³³⁸ al-Mundhirī, Targhīb wa al-Tarhīb, Kitāb : al-Buyū' wa Ghayriha, Targhīb : Fi al-Wara' wa Tarki al-Shubhāt wa Yuhawwik fi al-Ṣuḍūr, n h : 2591, jil. 2, hlm. 545.

*Ḥasan Ṣaḥīḥ*³³⁹. al-Ḥākim pula mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ al-Isnād* tetapi tidak dikeluarkan oleh al-Bukhārī dalam ṣaḥīḥnya³⁴⁰. Aḥmad mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ Isnād* dan semua perawi adalah *Thiqah*³⁴¹. Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ Isnād* kerana sebab di atas. Pendapat ini dikuatkan oleh al-Albānī³⁴².

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ Isnād.

Hadith : 47

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِسْتَعِينُوا بِاللَّهِ مِنْ طَمَعٍ يَهْدِي إِلَى خَبِيثٍ وَمِنْ طَمَعٍ يَهْدِي إِلَى غَيْرِ مَطْمَعٍ وَمِنْ طَمَعٍ حَيْثُ لَا مَطْمَعٍ (رواه الامام أحمد و الطبراني والحاكم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Mohonlah perlindungan kepada Allah daripada sikap tamak yang membawa pada kekejian, daripada tamak yang membawa pada sesuatu yang tidak dapat diharapkan dan tamak yang semestinya tidak perlu dilakukan (diriwayatkan oleh Imām Aḥmad, Ṭabarānī dan al-Ḥākim).

³³⁹ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Bāb : Ṣifāt al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Wara', Bāb : Mā Jā'a fi Ṣifāt 'Awani al-Ḥawḍi, jil. 4, hlm. 382.

³⁴⁰ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Aḥkām, jil. 4, hlm. 110.

³⁴¹ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 2, hlm. 345.

³⁴² al-Albānī, Ṣaḥīḥ Targhīb wa al-Tarhīb, Kitāb : al-Adāb wa Ghayrihi, Targhīb fī Ṣidqī wa Tarhīb min al-Kādhīb, jil. 3, hlm. 123.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Aḥmad dalam Musnadnya³⁴³, al-Ḥākim dalam Mustadrāk³⁴⁴, Abū Nu'aym dalam Ḥilyahnya³⁴⁵, al-Baghawī dalam Sharah al-Sunnah³⁴⁶, dan disebutkan oleh al-Ṭibrizī dalam Miskāt al-Maṣābiḥ³⁴⁷, semuanya menerusi Sahabat Mu'adh bin Jabāl.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama ini diḌa'īkan oleh al-Haythamī. Hadith ini Ḍa'ī sebab terdapat perawi yang Ḍa'ī iaitu 'Abd Allāh bin 'Amīr al-Aslāmī. al-Haythamī mengatakan bahawa beliau adalah seorang yang Ḍa'ī³⁴⁸. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa para ulama banyak menḌa'īkannya seperti al-Nasā'ī yang mengatakan bahawa dia Ḍa'ī. Ibn Sa'ad mengatakan bahawa hadithnya banyak dilemahkan, Abū Dāwūd dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia seorang yang Ḍa'ī³⁴⁹. Tetapi keḌa'īan hadith ini tidak disetujui oleh al-Ajlūnī³⁵⁰ dan Ḥamzah

³⁴³ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 21920&22027, jil. 16, hlm. 169&210.

³⁴⁴ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Ḍu'a wa al-Takbir wa al-Taḥlil wa al-Tasbih wa al-Zikr, n h : 1956/156, jil. 4, hlm. 716.

³⁴⁵ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', jil. 5, hlm. 136.

³⁴⁶ al-Baghawī, Abī Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Farā' al-Baghawī, 1390/1971, Sharah al-Sunnah, Kitāb : al-Dakwāt, Bāb : al-Isti'āzah, n h : 1363, jil. 5, hlm. 163-164, t tp : Maktabah al-Islāmī, Taḥqīq : Shu'ayb al-Arna'ūṭ.

³⁴⁷ al-Ṭibrizī, Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Khaṭīb al-Ṭibrizī, 1405/1985, Miskāt al-Maṣābiḥ, Kitāb : al-Dakwāt, Bāb : al-Isti'āzah, n h : 2474, jil. 2, hlm. 762, Bayrūt : Maktabah al-Islāmī, Taḥqīq : Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī.

³⁴⁸ al-Haythamī, Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Azkār, Bāb : Mā Yustaaz Minhu, jil. 10, hlm. 147.

³⁴⁹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 3844, jil. 3, hlm. 179-180.

³⁵⁰ al-'Ajlūnī, Kashfu al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās, n h : 336, jil. 1, hlm. 121.

Aḥmad Zayn (pentahqiq Musnad Ahmad bin Hanbal)³⁵¹ mereka mengatakan hadith ini adalah *Ḥasan* dalam pandangan kami. Ianya *Ḥasan* sebab perawi ‘Abd Allāh bin ‘Amīr al-Aslāmī masih dipertikaikan ulama kedudukannya, sekalipun ramai ulama yang men~~da’if~~kannya tetapi banyak juga yang men~~saḥih~~kannya sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Ḥajar³⁵². Yaḥyā bin Ma’īn mengatakan bahawa tidak ada sesuatu yang *Da’if* daripadanya, Ibn ‘Adī mengatakan bahawa hadithnya *Jayyid*³⁵³ dan ditulis, tetapi pada sebahagian hadithnya yang lain memang tidak diikuti³⁵⁴. Ḥamzah Aḥmad Zayn mengatakan bahawa kelemahan (ke~~da’if~~an) dia ini dalam pandangan kami masih *Basīṭ* (sederhana)³⁵⁵. al-Ḥākim sendiripun mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Mustaqīm*³⁵⁶. Pendapat al-Ḥākim ini diikuti dan disetujui oleh al-Dhahabī³⁵⁷ dan dirajihkan oleh Ḥamzah Aḥmad Zayn³⁵⁸.

Hukum Hadith : Ḥasan Lighayrihi.

Daripada uraian di atas penulis menyimpulkan bahawa hadith ini *Ḥasan Lighayrihi* disebabkan perawi dan hukum hadith yang dipertikaikan oleh para ulama kedudukannya. Dan penulis lebih memilih dan menguatkan pendapat al-Ajlūnī dan

³⁵¹ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 16, hlm. 169.

³⁵² Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 3844, jil. 3, hlm. 179-180.

³⁵³ *Ḥadīth Jayyid* = Hadith yang mendekati darjah hadith *Ṣaḥīḥ*.

³⁵⁴ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 3844, jil. 3, hlm. 179-180.

³⁵⁵ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 16, hlm. 169.

³⁵⁶ *Sanad Mustaqīm* = Isnadnya mustaqim/ baik.

³⁵⁷ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Du‘ā wa al-Takbir wa al-Taḥlil wa al-Tasbih wa al-Zikr, jil. 4, hlm. 716.

³⁵⁸ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 16, hlm. 169.

Ḥamzah Aḥmad Zayn, disebabkan pendapat ini didadasari oleh pendapat al-Dhahabi yang mengatakan sanad hadith ini adalah *Mustaqīm*, sedangkan beliau adalah seorang yang *Mutashaddid* dalam perkara rijal. Wallahu A'lam.

Hadith : 48

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِيَّاكُمْ أَنْ تُخَلِّطُوا طَاعَةَ اللَّهِ بِحُبِّ ثَنَاءِ الْعِبَادِ فَتَحْبِطُ أَعْمَالُكُمْ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Janganlah mencampur adukkan antara taat kepada Allah dengan rasa ingin dipuji oleh manusia kerana itu akan merusak amal (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Penulis Tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 49

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْحَسَدُ يُفْسِدُ الْإِيمَانَ كَمَا يُفْسِدُ الصَّبْرُ الْعَسَلَ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : perbuatan dengki dapat merusak iman seperti air pokok yang pahit merusak madu (diriwayatkan oleh al-Daylami).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws³⁵⁹ daripada Bihāz bin Ḥākim daripada bapanya daripada datuknya.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini melalui sanad Muḥammad bin Sulaymān al-Wasiṭī daripada Hushām bin ‘Ammār daripada Mukhays bin Tamīm daripada Bihāz bin Ḥākim daripada bapanya daripada datuknya. Hadith ini *Ḍa’īf* sebab perawi Mukhays bin Tamīm dan gurunya adalah seorang yang *Majhūl*. al-Dhahabī mengatakan bahawa Mukhays bin Tamīm dan gurunya adalah seorang yang *Majhūl* dan Hushām bin ‘Ammār meriwayatkan hadith ini daripada Mukhays bin Tamīm dalam keadaan *Ḍa’īf*³⁶⁰. Oleh itu hadith ini adalah *Ḍa’īf*.

Hukum Hadith : Ḍa’īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf* disebabkan perawi Mukhays bin Tamīm dan gurunya adalah seorang yang *Majhūl* dan Hushām bin ‘Ammār pula meriwayatkan hadith ini keadaan *Ḍa’īf* daripada beliau. Wallahu A’lam.

Hadith : 50

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ حَمَدَ نَفْسَهُ عَلَى عَمَلٍ صَالِحٍ فَقَدْ ضَلَّ شُكْرُهُ وَحَبِطَ عَمَلُهُ (رواه

ابونعيم).

³⁵⁹ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Kiḥṭāb, n h : 100, jil. 1, hlm. 42.

³⁶⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8399, jil. 5, hlm. 210.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa memuji dirinya setelah melakukan amal soleh maka sungguh rusaklah rasa syukurnya dan gugur amal baiknya (diriwayatkan oleh Abū Nu’aym).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam kitab Ma’rifat al-Ṣaḥābah³⁶¹ daripada Abī ‘Abbās bin Jabbār.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini melalui sanad Muḥammad bin Ṭalḥah al-Taymī daripada ‘Abd al-Majīd bin Abī ‘Abbās bin Muḥammad bin ‘Abī ‘Abbās bin Jabbār daripada bapanya daripada datuknya Abī ‘Abbās bin Jabbār. Abū Nu’aym mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da’if*³⁶². Hadith ini lemah disebabkan terdapat perawi ‘Abd al-Majīd bin Abī ‘Abbās dan dia adalah seorang yang *Da’if* dan *Layyin*. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Layyin*³⁶³. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia adalah seorang yang *Da’if* dan hadithnya *Da’if*³⁶⁴.

³⁶¹ Abū Nu’aym, Aḥmad bin ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Ishāq al-Asbahāni, 1422 H/2002M, Ma’rifat al-Ṣaḥābah, nh : 4596, jil. 3, hlm. 261-262, dan nh : 6972, jil. 4, hlm. 525, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taḥqīq : Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā’īl dan Mas’ad ‘Abd al-Ḥamid al-Sa’dūnī.

³⁶² Ibid.

³⁶³ Abū Ḥātim, al-Jarāḥ wa al-Ta’dīl, no : 9585/335, jil. 6, hlm. 80.

³⁶⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 5184, jil. 3, hlm. 365.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* sebab terdapat perawi 'Abd al-Majīd bin Abī 'Abbās dan dia adalah seorang yang *Da'if* dan *Layyin*.

Hadith : 51

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَيْسَ بِالْخَيْرِ أَنْ يُظْهَرَ الْقَوْلَ بِلسَانِهِ وَالْعُجْبُ فِي قَلْبِهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bukan suatu perbuatan baik seseorang yang menampakkan ucapan dengan lidahnya sedang rasa ujub melekat di dalam hatinya.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 52

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الْعُجْبَ لَيُحِيطُ عَمَلَ سَبْعِينَ سَنَةً (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya ujub akan merusak amal selama 70 tahun (diriwayatkan oleh al-Daylami).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws³⁶⁵ daripada al-Ḥusayn bin ‘Alī Amirul Mukminin.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Munāwī mengatakan bahawa hadith ini adalah lemah dan palsu³⁶⁶. Hadith ini *Mawdu’* sebab terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Mūsā bin Ibrāhim al-Marwazī. Yahyā bin Ma’īn dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb* dan *Matrūk*, sedangkan al-Dhahabī men~~da~~’*fkannya*³⁶⁷.

Hukum Hadith : Mawḍu’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’* sebab terdapat perawi Mūsā bin Ibrāhim al-Marwazī dan dia adalah seorang yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk*.

Hadith : 53

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلَ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ فَإِنْ نَجَا مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ مِنْهُ وَإِنْ لَمْ يَنْجُ مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَشَدُّ مِنْهُ (رواه الترمذي).

³⁶⁵ al-Daylamī, Musnad al-Firdaws bi Ma’tūr al-Khiṭāb, n h : 752, jil. 1, hlm. 199.

³⁶⁶ al-Munāwī, Fayd al-Qadīr bi Sharah Jāmi’ Ṣaghīr, n h : 2074, jil. 2, hlm. 375.

³⁶⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8844, jil. 5, hlm. 324.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya alam kubur adalah awal tempat akhirat jika seseorang selamat dari kubur maka lebih mudah untuk tahap selanjutnya, jika seseorang tidak selamat dari kubur maka untuk tahap selanjutnya akan lebih susah (diriwayatkan oleh al-Tirmidhī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya³⁶⁸, Ibn Mājah dalam Sunannya³⁶⁹, al-Ḥākim dalam Mustadrāk³⁷⁰, al-Bayhaqī dalam Sunan Kubrā³⁷¹, al-Baghawī dalam Sharah al-Sunnah³⁷², menerusi Hanī' mawla 'Uthmān bin 'Affān.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini melalui sanad Hannād telah menceritakan kepada kami Yahyā bin Ma'in telah menceritakan kepada kami Hishām bin Yūsuf telah menceritakan kepadaku 'Abd Allāh bin Bahīr bahawa dia mendengar Hanī' mawla 'Uthmān. al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan*³⁷³. Hadith ini *Ḥasan* disebabkan terdapat perawi 'Abd Allāh bin Bahīr yang diperbincangkan oleh para ulama kedudukannya. Ibn Ḥajar

³⁶⁸ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā'a fī Dhikr al-Mawt, n h : 2308, jil. 4, hlm. 286-287.

³⁶⁹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Zikr al-Qubr wa al-Bilā, n h : 4267, jil. 4, hlm. 544.

³⁷⁰ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Janā'iz, n h : 1373/109, jil. 1, hlm. 526.

³⁷¹ al-Bayhaqī, Abī Bakar Aḥmad bin al-Ḥusayn bin 'Alī al-Bayhaqī, 1420/1999, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : Mā Yuqālu Ba'da al-Difān, n h : 7064, jil. 4, hlm. 92-93, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muḥammad 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

³⁷² al-Baghawī, Abī Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Firāk al-Baghawī, 1390/1971, Sharah al-Sunnah, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : al-Sual fi al-Qubr, n h : 1523, jil. 5, hlm. 417- 419, t tp : Maktabah al-Islāmī, Taḥqīq : Shu'aib al-Arna'ūṭ.

³⁷³ al-Mundhirī, Targhīb wa al-Tarhīb, Faṣl : Fī 'Adhāb al-Qubr, n h : 5213, jil. 4, hlm. 264.

mengatakan bahawa Ibn Bahīr ini bernama ‘Abd Allāh bin Bahīr bin Raysān al-Murādī Abū Wa’īl al-Qaṣ al-Yamānī al-Ṣan’anī. Ibn Ma’īn³⁷⁴ mengatakan bahawa dia *Thiqah*, al-Ḥākim mengatakan bahawa ‘Abd Allāh bin Bahīr tidak boleh dijadikan pegangan dan sandaran meskipun para ulama banyak yang menguatkannya³⁷⁵. Ibn al-Madinī pernah mendengar Hishām bin Yūsuf mengatakan bahawa ‘Abd Allāh bin Bahīr adalah seorang yang *Itqān*³⁷⁶ terhadap apa yang didengarnya. Ibn Ḥibbān juga mengatakan begitu dalam kitab *Thiqqāt*³⁷⁷. Tetapi dalam kitab al-Ḍu’afā’, Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa ‘Abd Allāh bin Bahīr Abū Wa’īl Qaṣ al-Ṣan’anī ini bukanlah ‘Abd Allāh bin Bahīr bin Raysān, ‘Abd Allāh bin Bahīr bin Raysān ini adalah orang lain, awalnya para ulama tidak membezakan kedua nama mereka ini, semua mengira bahawa mereka adalah satu orang yang sama tetapi setelah datang Ibn Ḥibbān barulah beliau bezakan keduanya, dan beliau mengatakan bahwa ‘Abd Allāh bin Bahīr bin Raysān tidak boleh berhujah dengan hadithnya³⁷⁸. al-Dhahabī juga mengatakan bahawa kedua mereka adalah orang yang berlainan, pertama : ‘Abd Allāh bin Bahīr al-Ṣan’anī merupakan guru kepada ‘Abd al-Razzāq dan dia adalah *Thiqah*, kedua : ‘Abd Allāh bin Bahīr bin Raysān adalah Ghazzā Magrib pada zaman Mu’awiyah dan yang bertemu dengannya ialah Bakar bin Muḍār dan Ibn Lahi’ah dan hadithnya tidak dijadikan pegangan³⁷⁹.

³⁷⁴ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, no : 3638, jil. 3, hlm. 103.

³⁷⁵ al-Ḥākim, *al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn*, Kitāb : al-Janā’iz, jil. 1, hlm. 526.

³⁷⁶ *Itqān / Mutqin* = Perawi berkenaan boleh berhujah dengan hadith-hadithnya dan lafaz ini lebih tinggi daripada lafaz *thiqah*.

³⁷⁷ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, no : 3638, jil. 3, hlm. 103.

³⁷⁸ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, no : 3638, jil. 3, hlm. 103.

³⁷⁹ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl*, no : 4222, jil. 3, hlm. 109.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Daripada uraian di atas penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan*, sebab terdapat perawi ‘Abd Allāh bin Bahīr yang dibincangkan oleh ulama kedudukannya, pertama bernama ‘Abd Allāh bin Bahīr Abū Wa’l Qaṣ al-Ṣan’anī seorang yang *Thiqah* dan *Itqān*, dan ‘Abd Allāh bin Bahīr bin Raysān tidak boleh berhujah dengan hadithnya, dan penulis tidak dapat membezakan yang mana satu perawi yang sebenar di antara keduanya kerana tidak ada keterangan jelas daripada para ulama tentang itu, oleh sebab itulah penulis mengambil kesimpulan bahawa hukumnya adalah *Ḥasan*. Pendapat ini dikuatkan oleh al-Albānī yang mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan*³⁸⁰.

Hadith : 54

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ لِلْمَوْتِ فَرْعًا فَإِذَا أَتَى أَحَدَكُمْ وَفَأَهُ أَخِيهِ فَلْيُقِلْ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ : أَلَلَّهِمَّ اكْتُبْهُ عِنْدَكَ فِي الْمُحْسِنِينَ وَاجْعَلْ كِتَابَهُ فِي عَلِيِّينَ وَاخْلُفْ عَقْبَهُ فِي الْأَخْرَيْنَ أَلَلَّهِمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya mati itu mengejutkan, apabila saudaramu mati ucapkanlah sesungguhnya kami milik Allah dan kami akan kembali kepada-Nya dan sesungguhnya kami akan kembali kepada tuhan kami, ya Allah ya tuhan kami catatlah dia sebagai orang yang berbuat baik disisi-Mu dan simpanlah bukunya di tempat tertinggi dan gantilah keturunannya dengan yang lain, ya Allah ya tuhan kami janganlah engkau mencegah pahalanya kepada kami dan janganlah engkau menguji kami setelah kematiannya (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

³⁸⁰ al-Albānī, Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Zikr al-Qubr wa al-Bilā, jil. 3, hlm. 388.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr³⁸¹, Abū Nu'aym dalam Ḥilyah³⁸² menerusi 'Abd Allāh bin 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini daripada Qays bin al-Rābi' daripada Abī Hashīm al-Rumānī daripada Sa'īd bin Jubayr daripada Ibn Abbās. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini *Ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi Qays bin al-Rābi' dan banyak komentar ulama tentang kedudukannya³⁸³. Pendapat ini dikuatkan oleh Ibn Hajar³⁸⁴. Contohnya adalah seperti perkataan Ḥātim bin al-Laith al-Jawharī, Thawrī dan Shu'bah yang mengatakan bahawa Qays adalah seorang yang *Thiqah*, Muḥammad bin 'Abd Allāh bin 'Ammār pula mengatakan bahawa Qays alim tentang hadith. Ya'qūb bin Abī Shaibah mengatakan bahawa dia dalam pandangan sahabat-sahabatnya adalah *Ṣadūq* dan tulisannya bagus tetapi dia banyak salah ketika sudah tua. Ibn 'Adī mengatakan bahawa riwayatnya *Mustaqīmah*. Sedangkan Aḥmad dan Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia *Layyin*, Wāqī' men~~da'īf~~kannya, 'Alī bin al-Madinī mengatakan bahawa dia *Ḍa'īf Jiddān*, Ibn Ma'īn mengatakan bahawa tidak ada sesuatu yang dapat dipegang daripada hadithnya. al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah* dan seorang yang *Matrūk al-Ḥadīth*,

³⁸¹ al-Ṭabarānī, al-Mu'jam al-Kabīr, n h : 12469, jil. 12, hlm. 59-60.

³⁸² Abū Nu'aym, Ḥilyat al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Asfiyā', jil. 4, hlm. 303.

³⁸³ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : al-Istirjā' wa mā Yastarji' 'Indahu, jil. 2, hlm. 334.

³⁸⁴ Ibn Hajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 6452, jil. 4, hlm. 564-566.

‘Uthmān bin Abī Shaibah mengatakan bahawa dia *Ṣadūq* tetapi sebahagian hadithnya *Muḍṭarīb*³⁸⁵. Daripada komentar para ulama di atas tentang kedudukan Qays penulis memilih pendapat jumhur yang melemahkan kedudukan beliau dalam bidang hadith, tanpa menafikan pendapat yang menthiqahkannya, oleh itu hadith ini hukumnya adalah lemah. Tetapi hadith ini memiliki *Shahīd* sebagai penguat bagi hadith di atas dan hukumnya menjadi *Ṣaḥīḥ Lighayrih* iaitu apa yang diriwayatkan oleh Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya*³⁸⁶, Abū Dāwūd dalam *Sunannya*³⁸⁷ menerusi Ummu Salamah yang berbunyi :

مَا مِنْ عَبْدٍ تُصِيبُهُ مُصِيبَةٌ فَيَقُولُ : إِنَّا لِلَّهِ وَ إِنَّا إِلَيْهِ رَاغِبُونَ , أَلَلَّهُمَّ أَجْزِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا

مِنْهَا

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ Lighayrih.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ Lighayrih* disebabkan ada hadith penguat daripada Muslim dan Abū Dāwūd di atas. Wallahu A’lam.

Hadith : 55

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ سَمِعَ بِمَوْتِ مُسْلِمٍ فَدَعَا لَهُ بِخَيْرٍ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ أَجْرَ مَنْ عَادَهُ حَيًّا

وَشِيعَهُ مَيِّتًا.

³⁸⁵ Ibid.

³⁸⁶ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Nawawī*, Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : Mā Yuqāl ‘Inda Muṣībah, n h : 918, jil. 5-6, hlm. 195-196.

³⁸⁷ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : al-Istirjā’, nh : 3119, jil. 3, hlm. 1362-1363.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang mendengar orang muslim meninggal dunia kemudian dia mendoakan kebaikan maka Allah akan mencatat baginya pahala orang yang melawat pada waktu hidupnya dan orang yang menghantarkan ke kubur waktu meninggalnya.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 56

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَثَلُ الْإِنْسَانِ وَالْأَمَلِ وَالْأَجَلِ فَمِثْلُ الْأَجَلِ إِلَى جَانِبِهِ وَالْأَمَلِ أَمَامَهُ فَبَيْنَمَا هُوَ يَطْلُبُ الْأَمَلَ أَمَامَهُ إِذَا أَتَاهُ الْأَجَلُ فَاخْتَلَجَهُ (رواه ابن أبي الدنيا).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Perumpamaan hubungan kait antara manusia, khayalan (angan-angan) dan ajal kematian adalah ibarat kematian di sebelahnyanya dan angan-angan di depannya jika ajal telah datang maka dengan tiba-tiba ia menerkamnya (diriwayatkan oleh Ibn Abī Dunyā).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan al-‘Uqaylī dalam kitab al-Ḍu‘afā’ al-Kabīr³⁸⁸ melalui Sa’īd bin Bashīr daripada Qatadah daripada Anas bin Mālik.

³⁸⁸ al-‘Uqaylī, Kitāb al-Ḍu‘afā’ al-Kabīr, jil. 2, hlm. 101.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini dihukum *Da'if* sebab terdapat perawi Sa'id bin Bashir, dan para ulama banyak komentar tentang kedudukannya. Abū Mashar mengatakan bahawa tidak ada yang lebih hafiz di negeri kami selain dia tetapi dia *Munkar Ḥadīth*. Abū Ḥātim pula mengatakan bahawa kedudukannya adalah *Ṣadūq*. al-Bukhārī mengatakan bahawa para ulama banyak berkomentar tentang hafalannya, Shu'bah mengatakan bahawa beliau seorang yang *Ṣadūq Lisān*³⁸⁹. Ibn Ma'in dan Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Da'if*³⁹⁰. Kelemahan hadith ini dikuatkan oleh hadith yang lain sebagai *Shahīd*nya sehingga derajatnya menjadi *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* iaitu hadith *Ṣaḥīḥ* yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥ*nya³⁹¹, al-Tirmidhī dalam *Sunannya*³⁹², Ibn Mājah dalam *Sunannya*³⁹³, al-Darimī dalam *Sunannya*³⁹⁴ semuanya daripada Yahyā bin Sa'id daripada Sufyān al-Thawrī daripada 'Abd Allāh bin Mas'ūd, berbunyi :

خَطَّ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطًّا مُرَبَّعًا وَخَطَّ خَطًّا فِي الْوَسْطِ خَارِجًا مِنْهُ وَخَطَّ خَطًّا صِغَارًا إِلَى هَذَا الَّذِي فِي الْوَسْطِ مِنْ جَانِبِهِ الَّذِي فِي الْوَسْطِ, وَقَالَ : هَذَا الْإِنْسَانُ وَهَذَا أَجْلُهُ مُحِيطٌ بِهِ أَوْ قَدْ أَحْطَ بِهِ وَهَذَا الَّذِي هُوَ خَارِجٌ أَمَلَهُ وَهَذِهِ الْخَطُّ الصِّغَارُ الْأَرْضِ فَإِنَّ أَخْطَأَهُ هَذَا نَهَشَهُ هَذَا.

³⁸⁹ *Ṣadūq Lisān* = Jujur dalam ucapannya.

³⁹⁰ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, no : 3143, jil. 2, hlm. 318.

³⁹¹ al-Bukhārī, *Fath al-Bārī bi Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar*, Kitāb : al-Riqāq, Bāb : Fi al-'Amal wa Ṭūlihi, n h : 6417, jil. 13, hlm. 11.

³⁹² al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā'iq wa al-Wara', Bāb : 22, nh : 2454, jil. 4, hlm. 354.

³⁹³ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : al-'Amal wa al-'Ajal, nh : 4231, jil. 4, hlm. 525.

³⁹⁴ al-Darimī, 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥman bin al-Faḍal bin Ibrāhīm al-Darimī, 1417 H/1996 M, *Sunan al-Darimī*, Kitāb : al-Riqāq, Bāb : Fi al-'Amal wa al-'Ajal, nh : 2729, jil. 2, hlm. 242, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ Lighayrihi*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ Lighayrihi* sebab ada hadith *Ṣaḥīḥ* sebagai penguatnya.

Hadith : 57

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : كَمْ مِنْ مُسْتَقْبَلِ يَوْمًا لَا يَسْتَكْمِلُهُ وَنُتِظِرُ عَدَا لَا يَبْلَعُهُ لَوْ نَظَرْتُمْ إِلَى الْأَجَلِ وَمَسِيرِهِ لَأَبْعَضْتُمْ الْأَمَلَ وَغُرُورَهُ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Ramai orang yang menghadapi masa depan tetapi tidak dapat menyempurnakan dan banyak orang yang menunggu hari esok tetapi dia tidak dapat sampai padanya, sekiranya engkau melihat ajal itu dalam perjalanan hidupmu, nescaya kamu akan membenci angan-angan dan tipu daya, (Diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam al-Ḥilyah³⁹⁵, Ibn al-Mubārak dalam kitab Zuhud³⁹⁶, al-Daylamī dalam al-Firdaws bi Ma’thūr Khiṭāb³⁹⁷ menerusi ‘Awn bin ‘Abd Allāh.

³⁹⁵ Abū Nu’aym, Ḥilyat al-Awliyā’, jil. 4, hlm. 234.

³⁹⁶ Ibn al-Mubārak, ‘Abd Allāh bin al-Mubārak al-Marwazī, t th, Kitāb al-Zuhud, Bāb : al-Takhdid ‘Alā Ṭā’atillāh ‘Azzā Wajallā, n h : 10, jil. 1, hlm. 8, Iskandariyah : Dār Ibn al-Khaldūn.

³⁹⁷ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 4913, jil. 3, hlm. 304.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dan Ibn al-Mubārak daripada Ma'ān daripada 'Awn bin 'Abd Allāh dalam keadaan Mawqūf atas perkataannya. 'Awn bin 'Abd Allāh ini dikenali sebagai Ibn 'Uṭbah bin Mas'ūd al-Hadhilī. Beliau seorang Tabi'in yang *Thiqah* tetapi tidak dihukum *Marfū'*³⁹⁸ kedudukannya kerana dia banyak *Irsal*³⁹⁹. Sedangkan Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī pula diriwayatkan oleh Ibn 'Umar, dia juga disebut sebagai 'Awn bin 'Abd Allāh, al-Daylamī mengatakan nama sebenarnya ialah 'Awn bin 'Abd Allāh bin Umar bin Ghānim al-Afriqī. Sedangkan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa nama sebenarnya ialah 'Abd Allāh bin 'Umar bin Ghānim bukan 'Awn bin 'Abd Allāh bin 'Umar bin Ghānim al-Afriqī⁴⁰⁰. Perkataan ini dikomentari oleh al-Albānī : Aku tidak mengetahui adakah 'Abd Allāh bin 'Umar bin Ghānim ini yang disebut oleh al-Daylamī dalam sanadnya atautkah 'Awn bin 'Abd Allāh bin Umar bin Ghānim al-Afriqī kerana al-Daylamī tidak menjelaskan yang mana perawi yang dia gunakan sehingga sanadnya ada *kemajhūlan*⁴⁰¹.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf* sebab terdapat perawi 'Awn bin 'Abd Allāh (Ibn 'Uṭbah bin Mas'ūd al-Hadhilī) dan dia adalah seorang Tabi'in *Mursal*, kemudian Ibn 'Umar adalah seorang yang *Majhūl*.

³⁹⁸ *Marfū'* = Menisbahkan hadith kepada Nabi Saw.

³⁹⁹ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, no : 6065, jil. 4, hlm. 426.

⁴⁰⁰ Ibn Ḥajar, *Lisān al-Mizān*, no : 6435, jil. 5, hlm. 354.

⁴⁰¹ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah*, jil. 9, hlm. 120-121.

Hadith : 58

رُوي عن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : الْمُؤْمِنُ يَعْطُ وَالْمُنَافِقُ يَحْسُدُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Orang mukmin itu suka persaingan sedangkan orang munafiq selalu berbuat hasad.

Takhrij Hadith :

Lafaz hadith ini disebutkan oleh Ibn Subkī dalam Ṭabaqat al-Shāfi'iyat al-Kubrā.⁴⁰²

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menghukumkan hadith di atas sebagai *Mawḍū'* disebabkan tidak ada asalnya (*Lā Aṣla Lah*)⁴⁰³ daripada Nabi SAW. Tetapi hadith ini hanya perkataan ulama salaf saja, sebagaimana dikatakan oleh al-'Irāqī, beliau mengatakan : aku tidak mendapatkan asal atau sumber hadith ini secara *Marfū'* dan lafaz hadith ini hanyalah perkataan Fuḍayl bin 'Iyāḍ saja⁴⁰⁴. Jadi penulis simpulkan bahawa lafaz hadith di atas adalah *Mawḍū'* kerana tidak ada asalnya dan hanya perkataan Fuḍayl bin 'Iyāḍ Ḥasan. Wallahu A'lam.

⁴⁰² Ibn Subkī, Tājudīn Abī Naṣr 'Abd al-Wahhāb bin 'Alī bin 'Abd al-Kāfī al-Subkī, 1420 H/1999 M, Ṭabaqāt al-Shāfi'iyah al-Kubrā, Kitāb : Riyāḍah al-Nafs, jil. 3, hlm. 503, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

⁴⁰³ *Lā Aṣla Lah* = Tidak mempunyai asal.

⁴⁰⁴ al-'Irāqī, Zayn al-Dīn Abī al-Faḍl 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn al-'Irāqī, 1387 H/1967 M, al-Mughnī an Ḥamli al-Asfār fi al-Asfār fi Takhrīj al-Iḥyā', jil. 3, hlm. 236, al-Qāhirah : Mu'assasah al-Ḥalabī.

Hadith : 59

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ عَمِلَ النَّاسَ فَلَمْ يَظْلِمُهُمْ وَحَدَّثَهُمْ فَلَمْ يُكَذِّبْهُمْ وَوَعَدَهُمْ فَلَمْ يُخْلِفْهُمْ فَهُوَ مِمَّنْ كَمَلَتْ أَخْلَاقُهُ وَظَهَرَتْ عَدَالَتُهُ وَوَجِبَتْ أَخْوَانَتُهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang bergaul dengan orang lain kemudian tidak bertindak zalim, berkata dengan mereka tanpa berdusta dan berjanji dengan mereka tanpa berkhianat maka orang itu termasuk orang yang telah sempurna akhlaknya dan nampak keadilannya serta tetap persaudaraannya (yakni wajib bercampur gaul dengannya).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam Akhbār al-Isbahān⁴⁰⁵, al-Quḍā’ī dalam Musnad al-Shihāb⁴⁰⁶ menerusi Sahabat ‘Alī bin Abī Ṭālib.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym melalui Dāwd Ibn Sulaimān dan Quḍā’ī pula melalui Aḥmad bin ‘Alī daripada bapa keduanya. Mereka berdua berkata telah menceritakan kepada kami ‘Alī bin Mūsā al-Riḍā, telah menceritakan kepada kami Abī Mūsā bin Ja’far telah menceritakan kepada kami Abī Ja’far bin Muḥammad telah menceritakan kepada kami Abī Muḥammad bin ‘Alī telah menceritakan kepada kami Abī ‘Alī bin al-Ḥusayn telah menceritakan kepada kami Abī al-Ḥusayn bin ‘Alī telah

⁴⁰⁵ Abū Nu’aym, Aḥmad bin ‘Abd Allāh al-Asfahānī, 1934, Kitāb Zikr Akhbār al-Asbahān, jil. 2, hlm. 300, Maḍīnah Laydān : Maṭba’ah Baril.

⁴⁰⁶ al-Quḍā’ī, Muḥammad bin Salamah al-Quḍā’ī, 1407/1986, Musnad al-Shihāb, n h : 543, jil. 1, hlm. 322, Bayrūt : Mu’assasah al-Risālah.

menceritakan kepada kami Abī ‘Alī bin Abī Ṭālib dalam keadaan *Marfū’*. Hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab dalam sanad hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym terdapat perawi Dāwd bin Sulaymān dan dia adalah seorang yang pendusta. Yahyā bin Ma’īn mendustakannya, Abū Ḥātim tidak mengenalnya, dan dia adalah shaykh *Kadhdhāb* yang memiliki naskah tulisan yang *Mawḍū’* daripada gurunya ‘Alī bin Mūsā al-Riḍā⁴⁰⁷. Sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Qudā’ī pula terdapat perawi Aḥmad bin ‘Alī, dia adalah Ibn Mahdī bin Ṣadaqah al-Raqī dan dia juga seorang yang pendusta. al-Dhahabī mengatakan bahawa hadith yang ditulisnya daripada al-Riḍā adalah *Makzūbah* (dusta belaka) dan Dār al-Quṭnī menuduhnya sebagai pemalsu hadith⁴⁰⁸. Oleh itu hadith ini adalah palsu.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab terdapat dua orang perawi yang *Kadhdhāb* iaitu Dāwd bin Sulaymān dan Aḥmad bin ‘Alī. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū’* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah⁴⁰⁹.

Hadith : 60

رُويَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : طَعَامُ الْجَوَادِ دَوَاءٌ وَطَعَامُ الْبَخِيلِ دَاءٌ.

⁴⁰⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 2608, jil. 2, hlm. 198.

⁴⁰⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl no : 471, jil. 1, hlm. 120.

⁴⁰⁹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah, jil. 7, hlm. 215-216.

Maksudnya : Diriwayatkan bahwa Nabi SAW bersabda : Makanan orang dermawan adalah menjadi ubat, sedangkan makanan orang kedekut akan menjadi penyakit.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan al-Daylamī dalam al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb⁴¹⁰ dan disebutkan oleh Muḥammad Ṭāhir al-Hindī dalam Tadhkirat al-Mawḍū'āt⁴¹¹ menerusi 'Abd Allāh bin 'Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī daripada al-Ḥākim dalam keadaan *Mu'allaq*. Ianya daripada al-Ḥusayn Ibn Dāwd al-Alawī telah menceritakan kepada kami Abū Ya'qūb Ishāq bin Ibrāhim al-Rawzinī telah menceritakan kepada kami Abū Sahl Aḥmad bin Muḥammad bin Shu'ayb telah menceritakan kepada kami Muḥammad bin Ma'mar al-Baḥranī (asalnya ialah al-Ḥaranī) telah menceritakan kepada kami Rūḥ bin 'Ubādah telah menceritakan kepada kami al-Thawrī daripda Mālik daripada Nāfi' daripada Ibn 'Umar. Hadith ini adalah *Mawḍū'* sebab terdapat perawi yang *Kadhdhāb* iaitu Aḥmad bin Muḥammad bin Shu'ayb. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia seorang pendusta (dia menceritakan hadith dengan kedustaan)⁴¹². Ibn Ḥajar mengatakan bahawa hadith yang

⁴¹⁰ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 3954, jil. 2, hlm. 456.

⁴¹¹ al-Hindī, Tadhkirat al-Mawḍū'āt, hlm. 64.

⁴¹² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 553, jil. 1, hlm. 140.

diriwayatkannya ini adalah *Munkar* dan Palsu kerana dia adalah seorang yang pendusta⁴¹³.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab terdapat perawi yang *Kadhdhāb* iaitu Aḥmad bin Muḥammad bin Shu’ayb. Hadith ini juga dihukum palsu oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah*⁴¹⁴. Wallahu A’lam.

Hadith : 61

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : صِنْفَانِ مِنْ أُمَّتِي إِنْ صَلُحَا صَلُحَتِ الْأُمَّةُ : الْأُمَرَاءُ وَالْفُقَهَاءُ (رواه أبو نعيم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda ada dua golongan daripada ummatku jika mereka baik maka baiklah seluruh ummat iaitu golongan pemerintah (penguasa) dan fuqaha’ (ulama), (diriwayatkan oleh Abū Nu’aym).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam al-Ḥilyah⁴¹⁵, menerusi Sahabat ‘Abd Allāh bin ‘Abbās.

⁴¹³ Ibn Ḥajar, *Lisān al-Mizān*, no : 837, jil. 1, hlm. 407-408.

⁴¹⁴ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah*, jil. 8, hlm. 288-289.

⁴¹⁵ Abū Nu’aym, *Ḥilyat al-Awliyā’*, jil. 4, hlm. 96.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym ini melalui Muḥammad bin Ziyād al-Yushkary daripada Maymun bin Mahran daripada Ibn Abbas dalam keadaan *Marfu'*. Hadith ini adalah *Mawḍu'* sebab terdapat perawi bernama Muhammad bin Ziyad al-Yushkarī dan dia adalah seorang pendutsa, pemalsu hadith dan *Matrūk*. 'Abd Allāh bin Aḥmad, Ibn Ma'in dan 'Amrū bin Zarārah mengatakan bahawa dia pendusta, pemalsu hadith. Ibrāhim bin Junayd berkata daripada Ibn Ma'nī bahawa dia *Kadhdhāb* dan *Laysa bi Shay'*. 'Amrū bin 'Alī, Abū Zur'ah, al-Bukhārī, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī, Dār al-Quṭnī dan Ḥākim mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth*, *Kadhdhāb*, *Munkar al-Ḥadīth* dan *Da'īf Jiddān*⁴¹⁶.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* sebab terdapat perawi bernama Muhammad bin Ziyad al-Yushkarī dan dia adalah seorang pendutsa, pemalsu hadith dan *Matrūk*. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū'* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah⁴¹⁷.

⁴¹⁶ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 6843, jil. 5, hlm. 111-112.

⁴¹⁷ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah, jil. 1, hlm. 70-71.

Hadith : 62

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَنْ تَهْلِكَ الرَّعِيَّةُ وَإِنْ كَانَتْ ظَالِمَةً مَسِيئَةً إِذَا كَانَتْ الْوَلَاةُ هَادِيَةً مَهْدِيَةً
وَلَكِنْ تَهْلِكَ الرَّعِيَّةُ وَإِنْ كَانَتْ هَادِيَةً مَهْدِيَةً إِذَا كَانَتْ الْوَلَاةُ ظَالِمَةً مَسِيئَةً.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Rakyat tidak akan binasa, walaupun zalim dan berbuat jahat, jika pemerintahnya mendapat petunjuk dan menunjukkan pada kebenaran, akan tetapi rakyat akan binasa meskipun mendapatkan petunjuk dan diarahkan, jika pemerintahnya berbuat zalim dan berbuat jahat.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī dalam Musnadnya⁴¹⁸ dan Khaṭīb al-Baghdādī dalam Tārīkhnya⁴¹⁹ menerusi 'Abd Allāh bin 'Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī dan Khaṭīb al-Baghdādī ini daripada Muḥammad bin Ḥissān al-Sumṭī daripada Abū 'Uthmān 'Abd Allāh bin Zayd daripada al-Awzā'ī daripada Ḥissān bin 'Āṭiyah daripada Ibn 'Umar. Hadith ini adalah *Da'īf* sebab terdapat perawi bernama 'Abd Allāh bin Zayd dan dia adalah seorang yang *Da'īf* dan *Majhūl*. Sebagaimana yang dikatakan oleh Khaṭīb al-Baghdādī⁴²⁰. al-Azadī pula mengatakan bahawa dia adalah *Da'īf* dan sangat jelas ke~~da~~'*f*annya⁴²¹. Kemudian perawi Muḥammad bin Ḥissān al-Sumṭī, beliau juga seorang yang *Da'īf*. Sepertimana yang

⁴¹⁸ al-Quḍā'ī, Musnad al-Shihāb, n h : 951, jil. 2, hlm. 93.

⁴¹⁹ Khaṭīb al-Baghdādī, Tārīkh Baghdād, jil. 9, hlm. 466.

⁴²⁰ Ibid.

⁴²¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 4332, jil. 3, hlm. 139.

dikatakan oleh Dār al-Quṭnī. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Laisa Qawwī* dan yang lain mengatakan bahawa dia *Lā Ba'sa Bihi*. Ibn Ma'in pula mengatakan bahawa dia *Thiqah* tetapi suka bercerita tentang yang *Da'if-Da'if*⁴²².

Hukum Hadith : Da'if.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang *Da'if* iaitu 'Abd Allāh bin Zayd dan Muḥammad bin Ḥissān al-Sumṭī. Hadith ini juga di~~Da'if~~kan oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Da'ifah wa Mawḍū'ah*⁴²³. Wallahu A'lam.

Hadith : 63

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : سُوءُ الْخُلُقِ شَوْمٌ وَشَرَارُكُمْ أَسْوَأُكُمْ خُلُقًا (رواه الخطيب).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Perangai buruk itu tercela dan yang paling buruk diantara kalian adalah yang paling buruk budi pekertinya (diriwayatkan oleh al-Khaṭīb).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam al-Ḥilyah⁴²⁴, dan Khaṭīb al-Baghdādī dalam *Tārīkh Baghdād*⁴²⁵ menerusi 'Āishah.

⁴²² al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 7368, jil. 4, hlm. 432.

⁴²³ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Da'ifah wa Mawḍū'ah*, nh : 514, jil. 2, hlm. 8.

⁴²⁴ Abū Nu'aym, *Ḥilyat al-Awliyā'*, jil. 10, hlm. 249.

⁴²⁵ Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, no : 2341, jil. 5, hlm. 31.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dan Khaṭīb al-Baghdādī ini daripada Abī Sa’īd Aḥmad bin ‘Īsā al-Kharrāz al-Baghdādī al-Ṣūfī telah menceritakan kepada kami ‘Abd Allāh bin Ibrāhīm al-Ghiffār telah menceritakan kepada kami Jābir bin Salīm daripada Yaḥyā bin Sa’īd daripada Muḥammad bin Ibrāhīm daripada ‘Āishah. Hadith ini *Mawḍū’* sebab di dalam sanad terdapat perawi ‘Abd Allāh bin Ibrāhīm al-Ghifārī seorang yang *Munkar* dan pemalsu hadith. Abū Dāwūd dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia adalah *Shaykh Munkar*⁴²⁶ dan hadith-hadithnya *Munkar*. Ibn Ḥibbān pula mengatakan bahawa dia adalah pemalsu hadith⁴²⁷.

Hukum Hadith : *Mawḍū’*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab di dalam sanad terdapat perawi ‘Abd Allāh bin Ibrāhīm al-Ghifārī dan dia adalah seorang yang *Munkar* dan pemalsu hadith. Hadith ini juga dihukum palsu oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah*⁴²⁸.

Hadith : 64

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الْخُلُقَ السُّوْءَ يُفْسِدُ الْعَمَلَ كَمَا يُفْسِدُ الْخَلُّ الْعَسَلَ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya perangai yang buruk adalah merusak amal perbuatan sepertimana cuka merusak madu.

⁴²⁶ *Shaykh Munkar* = Seorang Shaykh yang suka meriwayatkan hadith *Munkar*.

⁴²⁷ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, no : 3612, jil. 3, hlm. 93.

⁴²⁸ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah*, jil. 2, hlm. 209.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ⁴²⁹, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁴³⁰, Ibn 'Adī dalam al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl⁴³¹, menerusi 'Abd Allāh bin 'Abbās dan Ibn Ḥibbān dalam Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn daripada Abū Hurayrah⁴³².

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī, al-Bayhaqī dan Ibn 'Adī di atas daripada 'Īsā bin Maymūn daripada Muḥammad bin Ka'ab daripada Ibn 'Abbās dalam keadaan *Marfū'*. Hadith ini adalah *Da'if Jiddān* sebab dalam sanad terdapat perawi 'Īsā bin Maymūn dan dia adalah seorang yang *Munkar* dan *Matruk*. Yaḥyā bin Ma'īn mengatakan bahawa hadith yang diambilnya daripada Ka'ab adalah lemah dan dia *Laysa bi Shay'*. al-Bukhārī dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Ṣāḥib al-Munkar*⁴³³ dan *Matruk al-Ḥadīth*. Ibn Ḥibbān pula mengatakan bahawa hadith-hadith yang diriwayatkannya banyak yang lemah dan palsu⁴³⁴. al-Haythamī mengatakan bahawa 'Īsā bin Maymūn al-Madinī adalah seorang yang *Da'if*⁴³⁵. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān pula daripada Naḍīr bin Ma'bād Abū Qahzām daripada Muḥammad bin Sirīn daripada Abū Hurayrah. Hadith ini juga *Da'if* kerana terdapat perawi Naḍīr bin

⁴²⁹ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, n h : 854, jil. 1, hlm. 350-351.

⁴³⁰ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, n h : 8036, jil. 6, hlm. 247-248.

⁴³¹ Ibn 'Adī, al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl, jil. 5, hlm. 241.

⁴³² Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn, no : 1106, jil. 2, hlm. 393.

⁴³³ *Ṣāḥib al-Munkar* = Perawi hadith-hadith *Munkar*.

⁴³⁴ Ibn 'Adī, al-Kāmil fī Du'afā' al-Rijāl, jil. 5, hlm. 240.

⁴³⁵ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, jil. 8, hlm. 27.

Ma'bād dan dia adalah seorang yang *Da'if* dan periwayatannya tidak diikuti, sepertimana yang dikatakan oleh Ibn Hibbān⁴³⁶ dan al-Bayhaqī mengatakan bahawa dia seorang yang *Da'if*⁴³⁷.

Hukum Hadith : *Da'if Jiddān*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if Jiddān* disebabkan terdapat perawi 'Īsā bin Maymūn seorang yang *Munkar* dan *Matrūk* dan perawi Naḍīr bin Ma'bād seorang yang *Da'if*. al-Albānī juga menghukumkan hadith ini *Da'if Jiddān* dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁴³⁸. Wallahu A'lam.

Hadith : 65

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَحَبُّ عِبَادِ اللَّهِ تَعَالَى إِلَيَّ اللَّهُ أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : hamba Allah yang paling dicintai oleh Allah adalah yang paling baik budi pekertinya (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

⁴³⁶ Ibid.

⁴³⁷ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, jil. 6, hlm. 248.

⁴³⁸ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, jil. 1, hlm. 634-635.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr⁴³⁹, Ibn Balbān dalam Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān⁴⁴⁰, al-Ḥākim dalam Mustadrāk⁴⁴¹, menerusi Sahabat Usāmah bin Shurayk.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini adalah Ṣaḥīḥ sebab semua sanadnya adalah Ṣaḥīḥ⁴⁴². al-Mundhirī juga mengatakan hal yang sama⁴⁴³. al-Ḥākim pula mengatakan bahawa hadith ini Ṣaḥīḥ atas syarat al-Bukhārī dan Muslim dan tidak ada kecacatan dalam sanadnya⁴⁴⁴. Shu'ayb al-Arna'ūṭ ketika mentahqiq kitab Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān beliau mengatakan bahawa sanad hadith ini Ṣaḥīḥ dan hadith ini Ṣaḥīḥ dalam pandangan kami⁴⁴⁵. Oleh itulah penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah Ṣaḥīḥ. Hadith ini juga diṢaḥīḥkan oleh al-Albānī dalam Ṣaḥīḥ Targhīb wa Tarhīb⁴⁴⁶.

⁴³⁹ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 471, jil. 1, hlm. 181.

⁴⁴⁰ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb : Ḥusn al-Khuluq, n h : 486, jil. 2, hlm. 236-237.

⁴⁴¹ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-'Ilm, Faṣl : Fī Tauqir al-'Ālim, n h : 416/127, jil. 1, hlm. 208-209.

⁴⁴² al-Haythamī, Majma Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, jil. 8, hlm. 27.

⁴⁴³ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Adāb wa Ghayrih, Bāb : Targhīb fī Khulq al-Ḥasan wa Faḍlihi....., n h : 3924, jil. 3, hlm. 393.

⁴⁴⁴ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-'Ilm, Faṣl : Fī Tauqir al-'Ālim, jil. 1, hlm. 208.

⁴⁴⁵ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Bir Wa al-Iḥsān, Bāb : Ḥusn al-Khuluq, jil. 2, hlm. 237.

⁴⁴⁶ al-Albānī, Ṣaḥīḥ Targhīb wa Tarhīb, jil. 3, hlm. 10-11.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ*.

Hadith ini dihukum *Ṣaḥīḥ* sebab semua sanadnya adalah *Ṣaḥīḥ*⁴⁴⁷. Ianya juga di*Ṣaḥīḥ*kan oleh al-Mundhirī⁴⁴⁸, al-Ḥākim⁴⁴⁹, Shu'ayb al-Arna'ūṭ⁴⁵⁰ dan al-Albānī⁴⁵¹.

Hadith : 66

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَكَارِمُ الْأَخْلَاقِ مِنْ أَعْمَالِ الْجَنَّةِ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Budi pekerti yang baik itu adalah perbuatan ahli syurga (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ⁴⁵², Ibn Ḥibbān dalam Majrūḥīn⁴⁵³, menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī melalui sanad Ṭāliq bin Sāmīḥ al-Miṣrī, sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān melalui Sulaymān bin Bashīr kedua-duanya sama-sama daripada Anas bin Mālik. Hadith ini adalah *Bāḥil* dan *Mawḍu'*

⁴⁴⁷ al-Haythamī, Majma Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, jil. 8, hlm. 27.

⁴⁴⁸ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Adāb wa Ghayriḥ, Bāb : Targhīb fī Khulqī al-Ḥasan wa Faḍliḥi....., n h : 3924, jil. 3, hlm. 393.

⁴⁴⁹ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-'Ilm, Faṣl : Fī Tauqīr al-'Ālim, jil. 1, hlm. 208.

⁴⁵⁰ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Bir Wa al-Iḥsān, Bāb : Ḥusn al-Khuluq, jil. 2, hlm. 237.

⁴⁵¹ al-Albānī, Ṣaḥīḥ Targhīb wa Tarhīb, jil. 3, hlm. 10-11.

⁴⁵² al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 6501, jil. 6, hlm. 394-395.

⁴⁵³ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn, jil. 1, hlm. 421.

sebab terdapat para perawi yang dicatatkan oleh para ulama kedudukannya. Iaitu Ṭāliq bin Sāmiḥ al-Miṣrī dan dia adalah seorang yang *Majhūl*. Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa dia shaykh Mesir, hadithnya banyak yang *Bāḥil* dan dia seorang yang *Majhūl*⁴⁵⁴. Komentari yang sama juga dikatakan oleh al-Dhahabī dalam Mizān al-I'tidāl⁴⁵⁵. Kemudian perawi Sulaymān bin Bashīr dan dia dituduh sebagai pemalsu hadith. Sepertimana yang dikatakan oleh al-Dhahabī⁴⁵⁶. Ibn Ḥibbān sendiri mengatakan bahawa dia banyak melemahkan orang yang *Thabit* dan tidak boleh berhujah dengan hadith-hadithnya⁴⁵⁷.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* sebab terdapat perawi yang *Majhūl* dan memalsukan hadith iaitu Ṭāliq bin Sāmiḥ al-Miṣrī dan Sulaymān bin Bashīr.

Hadith : 67

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ حِفْظُ اللِّسَانِ (رواه البيهقي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Amal yang paling dicintai oleh Allah adalah menjaga lidah (diriwayatkan oleh al-Bayhaqī).

⁴⁵⁴ Abū Ḥātim, Jarḥ wa Ta'dīl, no : 7279/2160, jil. 4, hlm. 464.

⁴⁵⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqdi al-Rijāl, no ; 4025, jil. 3, hlm. 59.

⁴⁵⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqdi al-Rijāl, no ; 3432, jil. 2, hlm. 387-389.

⁴⁵⁷ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn, jil. 1, hlm. 421.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*⁴⁵⁸, menerusi Abī Juhayfah al-Siwā'ī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini daripada 'Alī bin Ishkab telah menceritakan kepada kami 'Amrū bin Muḥammad al-Baṣrī telah menceritakan kepada kami Zakariyyā bin Salām daripada al-Mundhirī bin Bilāl daripada Abī Juhayfah. Hadith ini adalah *Da'īf* sebab dalam sanad terdapat perawi 'Amrū bin Muḥammad al-Baṣrī, dan dia adalah seorang yang *Ṣadūq* tetapi banyak salah. Sepertimana yang dikatakan oleh Ibn Ḥajar⁴⁵⁹. Kemudian perawi Mundhirī bin Bilāl dan dia adalah seorang yang *Majhūl*. al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini *Da'īf* sebab di dalamnya terdapat perawi Mundhirī bin Bilāl dan keadaannya tidak dapat diketahui hingga sekarang (*Majhūl*)⁴⁶⁰.

Hukum Hadith : Da'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan ke*Majhūlan* perawi Mundhirī bin Bilāl dan perawi 'Amrū bin Muḥammad al-Baṣrī seorang yang *Ṣadūq*

⁴⁵⁸ al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān*, Bāb : Fī Ḥifz al-Lisān, Faṣl : Fī Faḍl al-Sukūt Ammā Lā Ya'nih, n h : 4950, jil. 4, hlm. 245.

⁴⁵⁹ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, no : 5911, jil. 4, hlm. 378-379.

⁴⁶⁰ al-Mundhirī, *Targhīb wa Tarhīb*, Kitāb : Adāb wa Ghayrih, Bāb : Tarhīb min al-Sumti Illā an Khayr wa Tarhīb min Kasrat al-Kalām, jil. 3, hlm. 506.

tetapi banyak salah. Hadith ini juga di $\dot{D}$ a'ifkan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁴⁶¹. Wallahu A'lam.

Hadith : 68

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ ذُنُوبًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ كَلَامًا فِيْمَا لَا يَعْنِيهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya manusia yang paling banyak dosanya pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak memperkatakan hal yang tidak berguna.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-'Uqaylī dalam kitab Ḍu'afā' al-Kabīr⁴⁶², Ibn Baṭṭah dalam kitab al-'Ibānah⁴⁶³, menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-'Uqaylī dan Ibn Baṭṭah ini daripada 'Iṣām bin Ṭāliq daripada Shu'ayb daripada Abū Hurayrah dalam keadaan *Marfū'*. al-Suyūṭī⁴⁶⁴ dan al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith ini adalah $\dot{D}$ a'if⁴⁶⁵. Hadith ini $\dot{D}$ a'if sebab dalam sanad terdapat perawi 'Iṣām bin Ṭāliq dan dia seorang yang $\dot{D}$ a'if, *Majhūl* dan *Laysa bi*

⁴⁶¹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, jil. 4, hlm. 119.

⁴⁶² al-'Uqaylī, Kitāb Ḍu'afā' al-Kabīr, jil. 3, hlm. 424.

⁴⁶³ Ibn Baṭṭah, Abī 'Abd Allāh 'Ubayd Allāh bin Muḥammad Ibn Baṭṭah, 1426/2005, al-'Ibānah, Bāb : Taraka al-Su'al Ammā Lā Ya'ni wa al-Baḥthi wa al-Tanqir Ammā lā Yadurru Jahlah, n h : 322, jil. 1, hlm. 120, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Aḥmad Farīd al-Mazidī.

⁴⁶⁴ al-Suyūṭī, al-Jāmi' al-Saghīr fī Aḥādīth Bashīr wa al-Nadhīr, n h : 1386, jil. 1, hlm. 86.

⁴⁶⁵ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Adāb wa Ghayrih, Bāb : Targhīb fī Sumti Illā an Khayr wa Tarhīb min Kasrat al-Kalām, n h : 4246, jil. 3, hlm. 521.

Shay'. Sepertimana yang dikatakan oleh al-'Uqaylī bahawa 'Iṣām bin Ṭāliq adalah seorang yang *Majhūl*, *Laysa bi Shay'* dan *Da'īf*⁴⁶⁶. Ibn Ma'in, Abū Zur'ah dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'*, *Da'īf al-Ḥadīth*, *Majhūl*, dan *Munkar al-Ḥadīth*⁴⁶⁷.

Hukum Hadith : Da'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* sebab dalam sanad terdapat perawi 'Iṣām bin Ṭāliq dan dia seorang yang *Da'īf*, *Majhūl* dan *Laysa bi Shay'*. Hadith ini juga di *Da'īf* kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Da'īfah wa Mawḍū'ah⁴⁶⁸.

Hadith : 69

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَفَكَّرُوا فِي عِظَمَةِ اللَّهِ وَجَنَّتِهِ وَنَارِهِ سَاعَةً خَيْرٌ مِنْ قِيَامٍ لَيْلَةٍ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Berfikir tentang keagungan Allah, syurga dan neraka-Nya selama sesaat itu lebih baik daripada solat sunnah pada malam hari.

⁴⁶⁶ al-'Uqaylī, Kitāb Du'afa' al-Kabīr, jil. 3, hlm. 424.

⁴⁶⁷ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 5275, jil. 4, hlm. 126.

⁴⁶⁸ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Da'īfah wa Mawḍū'ah, jil. 6, hlm. 427.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Shaikh al-Asbahānī dalam kitab al-‘Uzmah⁴⁶⁹ daripada Ibn ‘Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Shaikh ini melalui sanad Ja’far bin ‘Abd Allāh bin al-Ṣibāḥ daripada Muḥammad bin Ḥātim al-Muaddib daripada ‘Ammār bin Muḥammad daripada Laith daripada Sa’īd bin Jubayr daripada Ibn ‘Abbās. Hadith ini adalah *Da’if* sebab di dalam sanad terdapat perawi yang *Da’if*, iaitu Laith namanya adalah Laith bin Abī Sulaym. Aḥmad mengatakan bahawa dia *Mudṭarīb al-Ḥadīth*, al-Nasā’ī dan Ibn Ma’īn mengatakan bahawa dia adalah *Da’if*, sedangkan Ibn Ḥibbān dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia banyak berbuat salah pada akhir usianya⁴⁷⁰. Kemudian perawi ‘Ammār bin Muḥammad. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Lā Ba’sa Bihi*, dia *Ṣadūq* tapi ada kesalahan, Ibn Ḥibbān dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia banyak keraguan, *Majhūl* dan hadithnya pula lemah⁴⁷¹.

⁴⁶⁹ Abī Shaykh al-Asbahānī, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ja’far bin Ḥibbān, 1419H/1998M, Kitāb al-‘Uzmah, Bāb : Mā Dhakara Min Faḍl Fi al-Mutafakkir fī Dhalik, n h : 42 (1), jil. 1, hlm. 297-298, Mamlakah al-‘Arābiyyat al-Sa’ūdiyyah : Dār al-‘Āshimah, Taḥqīq : Riḍa Allāh bin Muḥammad Idrīs al-Mubārak al-Fūrī.

⁴⁷⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6997, jil. 4, hlm. 340-341.

⁴⁷¹ Ibid.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* sebab di dalam sanad terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Laith bin Abī Sulaym dan ‘Ammār bin Muḥammad seorang yang *Sadūq* tetapi banyak kesalahan.

Hadith : 70

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَفَكَّرُوا فِي خَلْقِ اللَّهِ وَلَا تَفَكَّرُوا فِي اللَّهِ فَتَهْلِكُوا.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Berfikirlah tentang ciptaan Allah janganlah berfikir tentang zat Allah maka kamu akan binasa.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abī Shaikh al-Aṣḥabānī dalam kitabnya al-‘Uzmah⁴⁷² daripada Abū Dhār al-Ghifārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Shaikh ini daripada Muḥammad bin Sa’īd al-‘Iṣāl daripada Ayyūb bin Sulaymān bin Dāwd al-Saghdī daripada ‘Abd al-Azīz bin Mūsā bin Rūḥ al-Aḥwānī daripada Sayf bin Ukhti Sufyān al-Thawrī daripada A’māsh daripada Mujāhid daripada Abū Dhār al-Ghifārī. al-Suyūfī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’*⁴⁷³. Hadith ini *Mawḍu’* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan

⁴⁷² Abū Shaykh al-Asbahānī, Kitāb al-‘Uzmah, n h : 4, jil. 1, hlm. 214-215.

⁴⁷³ al-Munāwī, Fayd al-Qadīr bi Sharah Jāmi’ Ṣaghīr, n h : 3347, jil. 3, hlm. 262-263.

Matrūk iaitu Sayf bin Muḥammad al-Kūfī Ibn Ukhti Sufyān al-Thawrī. Aḥmad dan Yahyā bin Ma'īn mengatakan bahawa dia seorang yang *Kadhdhāb*. Abū Ḥātim, Nasā'ī dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa hadithnya tidak ditulis, *Da'īf*, tidak *Thiqah* dan *Matrūk*⁴⁷⁴.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Sayf bin Muḥammad al-Kūfī Ibn Ukhti Sufyān al-Thaurī.

Hadith : 71

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا اكْتَسَبَ الْمَرْءُ مِثْلَ عَقْلِ يَهْدِي صَاحِبَهُ إِلَى هُدًى أَوْ يَرُدُّهُ عَنْ رَدًى

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Usaha manusia itu tidak seperti akal yang membawa pelakunya kepada yang baik atau menolak dari yang buruk.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁴⁷⁵ menerusi 'Umar bin Khaṭṭāb.

⁴⁷⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3639, jil. 2, hlm. 446-447.

⁴⁷⁵ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Ta'did Ni'ma Allāh 'Azzā Wajallā wa Syukriha, Faṣl : Fī Faḍl al-'Aql, n h : 4660, jil. 4, hlm. 161.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini melalui sanad Abū Ṭāhir al-Faqīh menceritakan kepada kami Abū Ṭāhir Muḥammad Abidī menceritakan kepada kami al-Kudaimī menceritakan kepada kami Ismā'īl bin Naṣr al-Abidī menceritakan kepada kami Maysarah daripada Mūsā bin Ubaydah daripada Zayd bin Aslām daripada bapanya daripada 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Hadith ini adalah *Mawḍū'* sebab terdapat perawi bernama Muḥammad bin Yūnus bin Mūsā al-Qurāshī al-Shāmī al-Kudaymī al-Baṣrī dan dia adalah seorang *Kadhdhāb*, *Matrūk* dan pemalsu hadith. Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia seorang pemalsu hadith dan *Matrūk*. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa hadith yang dipalsukannya lebih daripada seribu hadith, Abū Dāwd dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa al-Kudaymī ini seorang pendusta dan pemalsu hadith⁴⁷⁶. Daripada komentar ulama di atas, maka penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'*.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* sebab terdapat perawi yang *Kadhdhāb*, *Matrūk* dan pemalsu hadith iaitu Muḥammad bin Yūnus bin Mūsā al-Qurāshī al-Shāmī al-Kudaymī al-Baṣrī.

⁴⁷⁶ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 8353, jil. 5, hlm. 199-200.

Hadith : 72

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : رَأْسُ الْعَقْلِ بَعْدَ الْإِيمَانِ التَّوَدُّدُ إِلَى النَّاسِ وَمَا يَسْتَعْنِي رَجُلٌ عَنْ مُشَوَّرَةٍ
وَإِنَّ أَهْلَ الْمَعْرُوفِ فِي الدُّنْيَا هُمْ أَهْلُ الْمَعْرُوفِ فِي الْآخِرَةِ وَأَهْلُ الْمُنْكَرِ فِي الدُّنْيَا هُمْ أَهْلُ الْمُنْكَرِ فِي
الْآخِرَةِ (رواه البيهقي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahwa Nabi SAW bersabda : Puncak akal setelah iman (nilai paling tinggi bagi akal setelah iman) adalah kasih sayang terhadap sesama manusia dan seseorang memang tidak dapat terlepas dari pentingnya mesyuarat (berbincang) dan sesungguhnya ahli kebaikan di dunia mereka juga ahli kebaikan di akhirat, ahli mungkar di dunia merekapun ahli mungkar di akhirat (diriwayatkan oleh al-Bayhaqī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁴⁷⁷ dan al-Quḍā'ī dalam Musnadnya⁴⁷⁸ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dan al-Quḍā'ī ini daripada 'Alī bin Zayd bin Jad'ān daripada Sa'īd bin Musayyab daripada Abū Hurayrah. al-Bayhaqī meriwayatkannya daripada Sufyān dan al-Quḍā'ī pula daripada 'Ubayd bin Amrū al-Sa'dī. Hadith ini adalah *Da'īf Jiddān* kerana diriwayatkan oleh al-Bayhaqī secara

⁴⁷⁷ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Muqarabah wa Mawaddah Ahl al-Dīn, Faṣl : Fī al-Muṣāfaḥah wa al-Mu'aniqah 'Inda al-Itiqā', n h : 9054, jil. 6, hlm. 500-501.

⁴⁷⁸ al-Quḍā'ī, Musnad al-Shihāb, n h : 200, jil. 1, hlm. 147.

Mursal iaitu Abū Hurayrah dihilangkan dan dibuang dan hadith ini hanya sampai kepada Sa'īd bin Musayyab sahaja. Kemudian dalam sanad juga terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu Ash'āth bin Burāz, al-Nasā'ī, al-Bukhārī, dan Ibn Ma'īn mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth*, *Munkar al-Ḥadīth* dan *Ḍa'īf al-Ḥadīth*⁴⁷⁹. Abū Ḥātim dan Abū Zur'ah juga mengatakan bahawa dia *Ḍa'īf al-Ḥadīth*⁴⁸⁰. Sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī pula terdapat perawi bernama 'Ubayd bin 'Amrū al-Baṣrī dan dia adalah seorang yang *Ḍa'īf*. al-Azādī dan Dār Quṭnī men~~Ḍa'īf~~kannya⁴⁸¹ Ibn 'Adī pula mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī melalui 'Ubayd bin 'Amrū al-Baṣrī ini ialah lemah dan *munkar*⁴⁸².

Hukum Hadith : Ḍa'īf Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf Jiddān* sebab diriwayatkan secara *Mursal* dan dalam sanad pula terdapat perawi yang *Matrūk*, *munkar* dan *Ḍa'īf* iaitu Ash'āth bin Burāz dan 'Ubayd bin 'Amrū al-Baṣrī. Hadith ini juga dihukum *Ḍa'īf Jiddān* oleh al-Albānī dalam Silislah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁴⁸³. Wallahu A'lam.

⁴⁷⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 994, jil. 1, hlm. 262-263.

⁴⁸⁰ Abū Ḥātim al-Razī, Jarḥ wa Ta'dīl, no : 974, jil. 2, hlm. 196-197.

⁴⁸¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 5433, jil. 3, hlm. 418.

⁴⁸² Ibn 'Adī, al-Kāmil fī Ḍu'afa' al-Rijāl, no : 539/1507, jil. 5, hlm. 349.

⁴⁸³ al-Albānī, Silislah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, jil. 8, hlm. 121.

Hadith : 73

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَوْ كَانَ الْمُؤْمِنُ عَلَى قَصْبَةٍ فِي الْبَحْرِ لَقَيَّضَ اللَّهُ لَهُ مَنْ يُؤْذِيهِ (رواه ابن أبي شيبة).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Andaikan ada seorang mukmin di atas sebilah buluh ditengah lautan nescaya Allah memberi kekuatan untuk menghadapi orang yang menyakitinya (diriwayatkan oleh Ibn Abī Shaybah).

Takhrj Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Abī Shaybah dalam Muṣannafnya⁴⁸⁴ tanpa menyebutkan Sahabat yang menerima hadith ini daripada Nabi.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abī Shaybah ini melalui sanad al-Faḍl bin Dukayn daripada Mūsā bin Qays daripada Salamah bin Quhayl dia berkata sesuai dengan matan hadith di atas. al-Munāwī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'if* sebab *Mursal* iaitu ada Sahabat yang dihilangkan dalam sanad, dan beliau menambahkan bahawa Ibn Abī Shaybah tidak menyebutkan siapa nama Sahabat yang menerima hadith ini daripada Nabi SAW, sedangkan baqi sanad yang lain semuanya *Thiqah*⁴⁸⁵. Oleh itu penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if*.

⁴⁸⁴ Ibn Abī Shaybah, Abī Bakar ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah, 1427/2006, al-Muṣannaf li Ibn Abī Shaybah, Kitāb al-Zuhud, Bab : (62-62), n h : 36390, jil. 19, hlm. 379, Bayrūt : Dār al-Qurṭubah, Taḥqīq : Muḥammad ‘Awwamah.

⁴⁸⁵ al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr bi Sharah Jāmi’ al-Ṣaghīr, n h : 7468, jil. 5, hlm. 342.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* sebab *Mursal* iaitu ada nama Sahabat yang dihilangkan dalam sanad hadith. Hadith ini juga di*Da'if*kan oleh al-Albānī⁴⁸⁶.

Hadith : 74

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَبْلُغُ الْعَبْدُ حَقِيقَةَ الْإِيمَانِ حَتَّى يَحْزَنَ لِسَانَهُ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Seorang hamba tidak mencapai hakikat iman sehingga dia sendiri mengendalikan atau menjaga lisannya (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Saghīr⁴⁸⁷, menerusi Sahabat Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada Zuhayr bin 'Ibād al-Ru'asī menceritakan kepada kami Dāwd bin Hilāl daripada Hushām bin Ḥisān daripada Muḥammad bin Sirīn daripada Anas bin Mālik. Hadith ini adalah *Da'if* sebab dalam sanad terdapat perawi Zuhayr bin 'Ibād yang diperbincangkan oleh ulama

⁴⁸⁶ al-Albānī, *Da'if Jāmi' al-Ṣaghīr wa Ziyadatuhu*, hlm. 698.

⁴⁸⁷ al-Ṭabarānī, *Mu'jam al-Ṣaghīr*, n h : 944, jil. 2, hlm. 346.

kedudukannya dan tidak jelas *keṣaḥīḥannya*. Seperti yang dikatakan oleh Abū Ḥātim bahawa dia seorang yang *Thiqah*⁴⁸⁸. Sedangkan Dār al-Quṭnī dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Majhūl*⁴⁸⁹. Ibn Ḥibbān dalam Kitāb al-Thiqqāt⁴⁹⁰ mengatakan bahawa dia banyak salah dan *Fihī Naẓar*⁴⁹¹. Kemudian terdapat lagi perawi Dāwd bin Hilāl dan dia seorang yang *Majhūl*. Penulis tidak menjumpai profilnya dari mana-mana kitab *Rijāl* kecuali hanya terdapat dalam kitab Jarḥ wa Ta'dīl dan Abū Ḥātim pula tidak menjelaskan ke~~Da'~~*ḥ*annya begitu juga ke~~Saḥīḥ~~*annya*. Seperti itu juga yang dikatakan oleh al-Haythamī dalam Majma' Zawā'id⁴⁹².

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini tidak *Ṣaḥīḥ* sebab Zuhayr bin 'Ibād adalah seorang perawi yang diperbincangkan oleh ulama kedudukannya dan tidak pula jelas *keṣaḥīḥannya*. Kemudian Dāwd bin Hilāl seorang yang *Majhūl* dan tidak dapat dipastikan kedudukannya. Hadith ini juga di~~Da'~~*ḥ*kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁴⁹³.

⁴⁸⁸ Abū Ḥātim al-Razī, Jarḥ wa Ta'dīl, no : 4972/2679, jil. 3, hlm. 528.

⁴⁸⁹ Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 2390, jil. 2, hlm. 203-204, dan Ibn Ḥajar, Lisān al-Mizān, no : 3512, jil. 3, hlm. 162-163.

⁴⁹⁰ Ibn Ḥibbān, Abī Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān, 1402/1982, Kitāb al-Thiqqāt, jil. 8, hlm. 256, al-Hindī : Maṭba'ah Majlis Da'irah al-Ma'ārif 'Uthmāniyah.

⁴⁹¹ *Fihī Naẓar* = Lafaz peringkat kelima pada peringkat Jarḥ, hadith riwayat perawinya boleh ditulis tapi tidak boleh dijadikan hujah. Menurut al-Bukhārī lafaz ini sama dengan *Taraku Hadithuhu* (ditinggalkan hadithnya).

⁴⁹² al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā'a Fī al-Sumti wa Ḥifẓ al-Lisān, jil. 10, hlm. 305.

⁴⁹³ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, jil. 5, hlm. 43.

Hadith : 75

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : رَحِمَ اللَّهُ مَنْ حَفِظَ لِسَانَهُ وَعَرَفَ زَمَانَهُ وَاسْتَقَامَتْ طَرِيقَتُهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Allah memberikan rahmat-Nya kepada orang yang menjaga lisannya, mengenal zamannya dan lurus jalan hidupnya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb⁴⁹⁴ menerusi 'Abd Allāh bin 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Munāwī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini adalah *Mawḍū'*. Hadith ini *Mawḍū'* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* iaitu Muḥammad bin Ziyād al-Yushkāri al-Maymūnī. Dār al-Quṭnī, Aḥmad dan Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb* dan pemalsu hadith⁴⁹⁵. 'Alī bin al-Madinī berkata : aku membuang semua apa yang aku tulis daripadanya kerana dia *Ḍa'īf Jiddān*⁴⁹⁶.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan pemalsu hadith iaitu Muḥammad bin Ziyād al-Yushkāri al-

⁴⁹⁴ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 3215, jil. 2, hlm. 261.

⁴⁹⁵ al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr bi Syarah Jāmi' al-Ṣaghīr, jil. 4, hlm. 29.

⁴⁹⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 7547, jil. 4, hlm. 472-473.

Maymūnī. al-Albānī juga menghukum hadith ini *Mawḍū'* dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁴⁹⁷. Wallahu A'lam.

2.2.3 Bab Ketujuh

Hadith : 76

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سَبْعَةٌ نَفَرٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ إِمَامٌ عَادِلٌ وَشَابُّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ تَعَالَى وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ بِالْمَسَاجِدِ إِذَا خَرَجَ حَتَّى يَعُودَ إِلَيْهِ وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ بِصَدَقَةٍ فَأَخْفَاهَا فَلَمْ تَعْلَمْ شِمَالُهُ مَا صَنَعَتْ يَمِينُهُ وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ فَاجْتَمَعَا عَلَى ذَلِكَ وَافْتَرَقَا عَلَيْهِ وَرَجُلٌ دَعَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ جَمَالٍ إِلَى نَفْسِهَا فَأَبَى وَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ تَعَالَى.

Maksudnya : Daripada Abu Hurayrah daripada Nabi SAW, beliau bersabda : Tujuh golongan mereka akan dinaungi oleh Allah iaitu imam yang adil, seorang pemuda yang sentiasa beribadah kepada Allah SWT, orang yang berzikir kepada Allah SWT pada waktu malam sampai bercucuran air matanya kerana takut kepada Allah, orang yang jiwanya tertambat pada masjid, bila ia keluar dari masjid seraya kembali lagi, orang yang memberikan sedekah secara diam-diam sehingga tangan kirinya tidak tahu apa yang diberikan oleh tangan kanannya itu, dua orang yang saling menyayangi kerana Allah berjumpa dan berpisah kerana Allah, serta lelaki yang diajak oleh perempuan

⁴⁹⁷ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, jil. 4, hlm. 253.

cantik untuk berbuat zina dengannya maka dia menolak dan mengatakan sesungguhnya aku takut kepada Allah SWT.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya⁴⁹⁸, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁴⁹⁹, al-Tirmidhī dalam Sunannya⁵⁰⁰, al-Nasā'ī dalam Sunannya⁵⁰¹, Aḥmad dalam Musnadnya⁵⁰², Mālik dalam al-Muwattā'⁵⁰³ semuanya menerusi Sahabat Abū Hurayrah.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 77

عَنْ أَبِي ذَرٍّ الْغَفَارِيِّ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِيَّاكَ وَكَثْرَةَ الضَّحَكِ فَإِنَّهُ يُمِيتُ الْقُلُوبَ وَيُذْهِبُ بِنُورِ الْوَجْهِ.

⁴⁹⁸ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : al-Ṣadaqah bi al-Yamin, n h : 1423, jil. 1, hlm. 607 dan Kitāb : al-Ḥudūd, Bāb : Faḍl Man Taraka al-Fawāhish, n h : 6806, jil. 4, hlm. 406.

⁴⁹⁹ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawāwī, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : Faḍl Ikḥfā' al-Ṣadaqah, n h : 91- (1031), jil. 7, hlm. 107.

⁵⁰⁰ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā'a Fi al-Hubbi Fillāh, n h : 2391, jil. 4, hlm. 323-324.

⁵⁰¹ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : Adāb al-Qaḍḍāh, Bāb : Imām al-'Adil, n h : 5395, jil. 4, hlm. 604-605.

⁵⁰² Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 9628, jil. 9, hlm. 275.

⁵⁰³ Mālik, Mālik bin Anas, 1421H/2001M, al-Muwattā', Kitāb : al-Syi'ir, Bāb : Mā Jā'a Fī Mutaḥabbayni Fillāh, nh : 14, hlm. 682, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Takhrīj dan Ta'liq : Muḥammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī.

Maksudnya : Daripada Abu Zar al-Ghifari dia berkata, Nabi SAW bersabda : Janganlah banyak ketawa kerana banyak ketawa akan mematikan hati dan menghilangkan cahaya muka.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Hibbān dalam Ṣaḥīḥnya⁵⁰⁴, Abū Nu’aym dalam Hilyah⁵⁰⁵, al-Ṭabarānī dalam Mu’jam al-Kabīr⁵⁰⁶, dan Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil⁵⁰⁷ semuanya daripada Abū Dhār al-Ghifārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Hibbān melalui sanad Ibrāhīm bin Hushām bin Yaḥyā bin Yaḥyā al-Ghassānī daripada bapanya daripada datuknya daripada Abī Idrīs al-Khawlānī daripada Abū Dhār. Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dan al-Ṭabarānī melalui sanad Ja’far al-Faryābī dan Aḥmad bin Anas bin Mālik daripada Ibrāhīm bin Hushām sampai kepada Abū Dhār. Sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī pula melalui sanad Yaḥyā bin Sa’īd al-Qarshī al-Sa’dī daripada Ibn Jurayj

⁵⁰⁴ Ibn Balbān al-Farīsī, Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Bir wa al-Iḥsān, Bāb : Mā Jā’a Fī Ṭā’at wa Thawābihā, n h : 361, jil. 2, hlm. 76-81.

⁵⁰⁵ Abū Nu’aym, Hilyah al-Awliyā’, jil. 1, hlm. 166-167.

⁵⁰⁶ al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Kabīr, n h : 1651, jil. 2, hlm. 157-158.

⁵⁰⁷ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, no : 89/2142, jil. 7, hlm. 244.

daripada ‘Aṭā’ daripada ‘Ubayd bin ‘Umayr daripada Abī Dhār al-Ghifārī⁵⁰⁸. Hadith ini adalah *Mawḍu’* sebab dalam sanad hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān, Abū Nu’aym dan al-Ṭabarānī terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Ibrāhīm bin Hushām bin Yaḥyā bin Yaḥyā al-Ghassānī. Abū Ḥātim al-Razī dan Abū Zur’ah mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb*⁵⁰⁹. al-Dhahabī pula mengatakan bahawa dia adalah *Matrūk*⁵¹⁰. al-Haythamī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah palsu sebab di dalamnya terdapat perawi Ibrāhīm bin Hushām dan dia dituduh pendusta oleh Abū Ḥātim dan Abū Zur’ah⁵¹¹. Kemudian dalam sanad hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī pula terdapat perawi yang *Munkar* iaitu Yaḥyā bin Sa’ad. Ibn ‘Adī mengatakan bahawa Yaḥyā bin Sa’ad dikenal seorang yang *Munkar* terutama meriwayatkan hadith daripada Ibn Jurayj⁵¹². Ibn Ḥibbān pula mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Yaḥyā bin Sa’ad daripada Ibn Jurayj ini adalah *Muḍṭarib*, tidak *Thiqah* dan tidak boleh berhujah dengan hadith ini⁵¹³. Pendapat yang sama juga dikatakan oleh al-Dhahabī dalam al-Mizān⁵¹⁴. Oleh kerana itulah penulis menghukumkan hadith ini sebagai *Mawḍu’*.

Hukum Hadith :Mawḍu’.

⁵⁰⁸ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, no : 89/2142, jil. 7, hlm. 244.

⁵⁰⁹ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarāḥ wa al-Ta’dīl, no : 469, jil. 2, hlm. 88.

⁵¹⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 244, jil. 1, hlm. 72-73.

⁵¹¹ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Waṣaya, Bāb : Waṣiyat Rasulullah SAW, jil. 4, hlm. 217-219.

⁵¹² Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, no : 89/2142, jil. 7, hlm. 244.

⁵¹³ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn, no : 1222, jil. 2, hlm. 482.

⁵¹⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 9514, jil. 6, hlm. 51-52.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'*, disebabkan dalam sanad hadith terdapat perawi yang *Kadhdhāb*, *Matrūk* dan *Munkar* iaitu Ibrāhim bin Hushām bin Yahyā bin Yahyā al-Ghassānī, dan Yahyā bin Sa'ad.

Hadith : 78

رُوي عن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : أَلْمِزَاحُ إِسْتِدْرَاجٌ مِنَ الشَّيْطَانِ وَاخْتِدَاعٌ مِنَ الْهَوَى.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW bahawa beliau bersabda : Senda gurau adalah tipu daya daripada syaitan dan tipu muslihat daripada hawa nafsu.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Abī Dunyā dalam kitabnya Mausū'at al-Risālah Ibn Abī Dunyā⁵¹⁵, menerusi Ibn 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abī Dunyā ini daripada 'Abd Allāh daripada Ḥasan bin Ḥay namanya ialah al-Ḥasan bin Ṣāliḥ bin Ṣāliḥ bin Ḥay bin Muslim bin Ḥayyān.

Hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* sebab semua sanad dihukum *Ṣaḥīḥ* dan tidak ada kecacatan perawi didalamnya, sebagaimana disebutkan oleh Ibn Hajar bahawa al-Ḥasan bin Ḥay

⁵¹⁵ Ibn Abī Dunyā, 'Abd Allāh bin Muḥammad bin 'Ābid bin Sufyān Ibn Abī Dunyā, 1414H/1993M, Mawsu'ah Risālah Ibn Abī Dunyā, nh : 402, jil. 5, hlm. 243, Bayrūt : Mawsu'ah Kitāb Thaḳāfiyah.

adalah seorang yang *Thiqah*, ‘*Ābid* dan *Faqīh*⁵¹⁶. Abū Ḥātim, al-Nasā’ī dan Aḥmad mengatakan bahawa dia *Thiqah*, *Ḥāfīz* dan *Mutqīn*⁵¹⁷. Oleh itulah penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 79

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ ذُنُوبًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ كَلَامًا فِيَمَا لَا يَعْنِيهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya manusia yang paling banyak dosanya pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak mengatakan sesuatu yang tidak berfaedah baginya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Najjār al-Baghdādī dalam Tārīkh Bagdād⁵¹⁸ daripada Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Baghdādī ini melalui sanad Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Azadī daripada Abū Ya’lā Aḥmad bin ‘Alī daripada Muḥammad bin Bakar bin Rayyān daripada ‘Iṣām bin Ṭāliq al-Baṣrī daripada Shu’ayb bin ‘Alā’ daripada Abū

⁵¹⁶ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī, 1425H/2004M, Taqrīb al-Tahdhīb, no : 1250, jil. 1, hlm. 115, al-Manṣūrah : Dār Ibn Rajab, Taḥqīq : Ṣilāḥ al-Dīn ‘Abd al-Mawjūd.

⁵¹⁷ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 1477, jil. 1, hlm. 493-495.

⁵¹⁸ Ibn Najjār al-Baghdādī, Muḥammad bin Maḥmūd ibn al-Ḥasan bin Hibatillāh, 1417H/1997M, Dhīl Tārīkh Baghdādī, jil. 17, hlm. 181, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr ‘Aṭā.

Hurayrah. Hadith ini adalah *Da'if* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Da'if* iaitu 'Iṣām bin Ṭāliq al-Baṣrī. Ibn Ma'īn mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'*, Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia *Da'if al-Ḥadīth*, al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Majhūl* dan *Munkar al-Ḥadīth*, Ibn Ḥajar pula mengatakan bahawa dia memiliki cacat dan hadithnya ini adalah *Da'if* ⁵¹⁹.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Da'if* iaitu 'Iṣām bin Ṭāliq al-Baṣrī. Wallahu A'lam.

Hadith : 80

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يُعَذَّبُ اللِّسَانُ بِعَذَابٍ لَا يُعَذَّبُ بِهِ شَيْءٌ مِنَ الْجَوَارِحِ فَيَقُولُ يَا رَبِّ لَمْ
عَذَّبْتَنِي بِعَذَابٍ لَمْ تُعَذَّبْ بِهِ شَيْءٌ مِنَ الْجَوَارِحِ فَيُقَالُ لَهُ خَرَجْتَ مِنْكَ كَلِمَةً بَلَغَتْ مَشَارِقَ الْأَرْضِ وَمَعَارِبَهَا
فَسَفَكَ بِهَا الدَّمَ الْحَرَامَ وَأَخَذَ بِهَا الْمَالَ الْحَرَامَ فَوَعَزَّتِي لَأُعَذِّبَنَّكَ بِعَذَابٍ لَا أُعَذَّبُ بِهِ شَيْءٌ مِنَ الْجَوَارِحِ (رواه
أبو نعيم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Lisan akan diseksa dengan satu seksaan dan tubuhpun tidak akan diseksa dengan seksaan itu, lalu lidah berkata wahai tuhanku mengapa engkau menyeksaku dengan suatu seksaan yang engkau tidak menyeksa pada tubuh? Maka Allah menjawab kerana telah keluar perkataan darimu yang telah sampai ke Timur dan ke Barat, dengan perkataanmu itu telah mengalir darah

⁵¹⁹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, jil. 3, hlm. 99.

yang haram, demi kemuliaan-Ku aku akan menyeksamu dengan suatu seksaan yang aku tidak akan menimpakannya kepada tubuh sedikitpun (diriwayatkan oleh Abū Nu'aym).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam *Dalā'il al-Nubuwwāh*⁵²⁰ daripada Anas bin Mālik dan al-Daylamī dalam *Firdaws*⁵²¹ daripada Mu'adh bin Jabāl.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dan al-Daylamī ini adalah *Ḍa'if Jiddān*.

Hadith ini *Ḍa'if Jiddān* disebabkan dalam sanad terdapat seorang perawi yang *Matrūk* dan *Munkar* iaitu Abān Ibn Abī Ayyāsh. Aḥmad, Yaḥyā bin Ma'īn, al-Nasā'ī dan Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia *Matrūk*, *Ḍa'if* dan *Munkar*⁵²².

Hukum Hadith : Ḍa'if Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'if Jiddān* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Matrūk*, *Ḍa'if* dan *Munkar* iaitu Abān Ibn Abī Ayyāsh.

Hadith : 81

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَتَاتٌ (رواه البخاري و مسلم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Orang yang suka mengadu domba tidak dapat masuk syurga (diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim).

⁵²⁰ Abū Nu'aym, Aḥmad bin 'Abd Allāh al-Asbahānī, 1970 H/1390M, *Dalā'il al-Nubuwwāh*, n h : 197, hlm. 332, Ttp : Maktabah al-'Arābiyyah bi Halb, Taḥqīq : Muḥammad Rawwas al-Qal'ajī.

⁵²¹ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 5176, jil. 3, hlm. 385.

⁵²² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 15, jil. 1, hlm. 10-11.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya⁵²³, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁵²⁴, Abū Dāwūd⁵²⁵, al-Tirmidhī dalam Sunannya⁵²⁶ dan Aḥmad dalam Musnadnya⁵²⁷ semuanya menerusi Huzayfah Ibn al-Yamān.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 82

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَيْسَ مِنِّي ذُو حَسَدٍ وَلَا نَمِيْمَةٍ وَلَا كَهَانَةٍ وَلَا أَنَا مِنْهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bukan termasuk golonganku orang yang hasad, orang yang mengadu domba dan orang yang suka bermain bomoh (perdukunan) dan saya bukan dari golongan mereka.

⁵²³ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Imām Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Adāb, Bāb : Mā Yukrah Min al-Namīmah, n h : 6056, jil. 10, hlm. 579.

⁵²⁴ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawawī, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Bayān Ghalaz Taḥrim al-Namīmah, n h : 169-170, jil. 2, hlm. 96-97.

⁵²⁵ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Adāb, Bāb : al-Qaṭṭāt, n h : 4871, jil. 4, hlm. 2078.

⁵²⁶ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Birru wa al-Ṣilah, Bāb : Mā Jā'a Fī al-Nammām, n h : 2026, jil. 4, hlm. 141.

⁵²⁷ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 23140, 23198 dan 23224, jil. 16, hlm. 567, 585 dan 593.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws⁵²⁸, menerusi ‘Abd Allāh bin Bisr.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Haythamī⁵²⁹ dan al-Munāwī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’*⁵³⁰. Hadith ini *Mawḍū’* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Matrūk* dan *Kadhdhāb* iaitu Sulaymān bin Salamah al-Khabā’irī. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia adalah *Matrūk*. Ibn al-Junayd, al-Nasā’ī dan al-Khāṭib mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb*, *Laysa bi Shay’*, dan *Ḍa’īf*⁵³¹.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Matrūk* dan *Kadhdhāb* iaitu Sulaymān bin Salamah al-Khabā’irī. al-Albānī juga menghukum hadith ini sebagai *Mawḍū’* dalam Silislah Aḥādith Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah⁵³². Wallahu A’lam.

⁵²⁸ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 5280, jil. 3, hlm. 419.

⁵²⁹ al-Haythamī, Majma’ al-Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Adāb, Bāb : Mā Jā’a fī al-Ghibah wa al-Namīmah, jil. 8, hlm. 94.

⁵³⁰ al-Munāwī, Fayd al-Qadīr Sharah Jāmi’ al-Ṣaghīr, jil. 5, hlm. 390.

⁵³¹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 3472, jil. 2, hlm. 399-400.

⁵³² al-Albānī, Silislah Aḥādith Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, jil. 2, hlm. 55.

Hadith : 83

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَلَدُّنْيَا دَارٌ مَنْ لَا دَارَ لَهُ وَمَالٌ مَنْ لَا مَالَ لَهُ وَلَهَا يَجْمَعُ مَنْ لَا عَقْلَ لَهُ وَ يَشْتَعِلُ بِشَهَوَاتِهَا مَنْ لَا فَهْمَ لَهُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Dunia adalah tempat orang yang tidak mempunyai tempat, dan harta bagi orang yang tidak memiliki harta, dunia dikumpulkan oleh orang yang tidak mempunyai akal dan disibukkan oleh orang yang tidak memahaminya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya⁵³³, al-Bayhaqi dalam Shu'ab al-Imān⁵³⁴, semuanya menerusi 'Aishah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Bayhaqi ini daripada Zuwayd daripada Abī Ishāq daripada Zur'ah daripada 'Aishah. al-Haythamī mengatakan bahawa sanad hadith ini *Ṣaḥīḥ* kerana tidak ada perawi yang cacat di dalamnya⁵³⁵. Pendapat al-Haythamī ini dikuatkan oleh al-Mundhirī yang mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁵³⁶. Pentahqiq kitab musnad Ahmad (Ḥamzah Ahmad Zayn) mengatakan bahawa sanad hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad adalah *Ṣaḥīḥ* sehingga hadith ini dihukum

⁵³³ Ahmad, Musnad Imām Ahmad, n h : 24300, jil. 17, hlm. 325-326.

⁵³⁴ al-Bayhaqi, Shu'ab al-Imān, Bāb : Fi al-Zuhud wa Qaṣr al-'Amal, n h : 10638, jil. 7, hlm. 375.

⁵³⁵ al-Haythamī, Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : al-Dunyā Dār Man Lā Dār Lahu, jil. 10, hlm. 291.

⁵³⁶ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Tawbah wa al-Zuhud, Bāb : Targhīb Fi al-Zuhud Fi al-Dunyā wa al-Iktifā' Minhā al-Qalīl....., nh : 4753, jil. 4, hlm. 77.

*Ṣaḥīḥ*⁵³⁷. Oleh itulah penulis menyimpulkan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* sebab semua sanad hadith dihukum *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 84

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى وَلَدِهِ صَغَارًا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى أَبَوَيْنِ شَيْخَيْنِ كَبِيرَيْنِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى عَلَى نَفْسِهِ يَعْفُهَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنْ كَانَ خَرَجَ يَسْعَى رِيَاءً وَمُفَاخَرَةً فَهُوَ فِي سَبِيلِ الشَّيْطَانِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Jika dia pergi mencari dunia untuk mencukupi keperluan anak kecilnya, maka dia berada di jalan Allah, jika dia pergi mencari dunia bagi memberi nafkah untuk keperluan kedua orang tuanya yang sudah tua, maka dia berada di jalan Allah, jika dia pergi mencari dunia untuk keperluan diri sendiri agar tidak minta-minta pada orang lain, maka dia berada di jalan Allah dan jika dia pergi mencari dunia untuk riya dan berbangga-bangga maka dia berada di jalan syaitan.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Kabīr⁵³⁸, Mu'jam Awsaṭ⁵³⁹ dan Mu'jam al-Saghīr⁵⁴⁰, menerusi Ka'ab bin 'Ujrah.

⁵³⁷ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 17, hlm. 325-326.

⁵³⁸ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 282....., jil. 19, hlm. 129.

⁵³⁹ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 6835, jil. 7, hlm. 90.

⁵⁴⁰ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Saghīr, n h : 922, jil. 2, hlm. 337.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī di dalam ketiga Mu'jam ini melalui sanad Muḥammad bin Mu'ādh al-Ḥalabī menceritakan kepada kami Muḥammad bin Kathīr al-‘Ābidī menceritakan kepada kami Ḥammām bin Yaḥyā menceritakan kepada kami Ismā‘īl bin Muslim al-Makkī menceritakan kepada kami al-Ḥakam bin ‘Uṭaybah daripada ‘Abd al-Raḥman bin Abī Laylā daripada Ka’ab bin ‘Ujrah. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī di dalam ketiga-tiga Mu'jamnya ini adalah *Ṣaḥīḥ* sebab semua sanad yang terdapat di dalamnya adalah *Ṣaḥīḥ*⁵⁴¹. Ke*Ṣaḥīḥ*an hadith ini juga disebutkan oleh pentahqiq kitab Targhīb wa Tarhīb li al-Mundhirī yang mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*.⁵⁴² Oleh itu penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* sebab semua sanad hadith dihukum *Ṣaḥīḥ* oleh para ulama. Wallahu A’lam.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ*.

Hadith : 85

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ يَجْعَلُهُ وَارِثًا وَمَا زَالَ يُوصِينِي بِالنِّسَاءِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيَحَرِّمُ طَلَاقَهُنَّ وَمَا زَالَ

⁵⁴¹ al-Haythamī, Majma’ al-Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Nikāḥ, Bāb : al-Nafaqāt, jil. 4, hlm. 328.

⁵⁴² al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Nikāḥ Mawa Yata’alaq Bihi, Bāb : Targhīb Fī Nafaqāt ‘Alā Zawjah Wa al-‘Iyāl....., jil. 3, hlm. 105.

يُوصِيَنِي بِالْمَمْلُوكِينَ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ يَجْعَلُ لَهُمْ وَقْتًا يَغْتَفُونَ فِيهِ وَمَا زَالَ يُوصِيَنِي بِالسَّوَالِكِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ
 فَرِيضَةٌ وَمَا زَالَ يُوصِيَنِي بِالصَّلَاةِ فِي الْجُمَاعَةِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ تَعَالَى صَلَاةً إِلَّا فِي الْجُمَاعَةِ وَمَا
 زَالَ يُوصِيَنِي بِقِيَامِ اللَّيْلِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ لَا نَوْمَ بِاللَّيْلِ وَمَا زَالَ يُوصِيَنِي بِذِكْرِ اللَّهِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ لَا يَنْفَعُ
 قَوْلٌ إِلَّا بِهِ.

Maksudnya : Daripada Jabir bin Abd Allah al-Ansari bahawa Nabi SAW bersabda :
 Jibril selalu mewasiatkan kepadaku tentang jiran tetangga, sehingga aku menyangka dia
 hendak menjadikannya sebagai ahli waris, Jibril selalu mewasiatkan kepadaku tentang
 wanita sampai-sampai aku menyangka dia akan haramkan hukum menceraikannya,
 Jibril selalu mewasiatkan kepadaku tentang hamba sahaya sehingga aku sangka ia akan
 menentukan saat kemerdekaan mereka dengan sendirinya, Jibril selalu mewasiatkan
 kepadaku tentang bersiwak sehingga kusangka ia akan menjadi wajib, Jibril selalu
 mewasiatkan kepadaku tentang solat berjama'ah sehinggalah kusangka bahawa Allah
 tidak berkenan menerima solat kecuali dengan berjama'ah, Jibril selalu mewasiatkan
 kepadaku agar solat qiyam al-lail sampai kusangka tidak boleh tidur dimalam hari, dan
 Jibril selalu mewasiatkan kepadaku agar berzikir menyebut Allah sehingga kusangka
 bahawa suatu ucapan tidak bermanfaat tanpa zikir kepada Allah.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya⁵⁴³ Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁵⁴⁴,

Abū Dāwd dalam Sunannya⁵⁴⁵, al-Tirmidhī dalam Sunannya⁵⁴⁶,

⁵⁴³ al-Bukhārī, Fath al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Hajar, Kitāb : al-Adāb, Bāb : al-Waṣīyah bi al-Jār, n h : 6014&6015, jil. 13, hlm. 540.

dan Ibn Mājah dalam Sunannya⁵⁴⁷ semuanya menerusi ‘Āishah dan ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 86

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سَبْعَةٌ لَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمُ الْخَالِقُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُرَكِّبُهُمْ وَيُدْخِلُهُمُ النَّارَ الْفَاعِلُ وَالْمَفْعُولُ بِهِ وَالنَّاكِحُ بِيَدِهِ وَنَّاكِحُ الْبَهِيمَةِ وَنَّاكِحُ الْمَرْأَةِ مِنْ دُبُرِهَا وَالْجَامِعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَبَنَتِهَا وَالزَّانِي بِخَلِيلَتِهِ جَارِهِ وَالْمُؤْذِي جَارَهُ حَتَّى يَلْعَنَهُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Tujuh orang pada hari kiamat tidak dipandang oleh Allah dengan pandangan rahmat, tidak pula disucikan bahkan mereka dimasukkan kedalam neraka iaitu : orang yang melakukan homoseksual atau lesbian yakni bermain seks sesama jenis), orang yang nikah dengan tangannya (masturbasi dan onani), orang yang menyetubuhi binatang, orang yang menyetubuhi dubur wanita, orang yang mengahwini wanita dan juga anaknya, orang yang berzina dengan isteri jirannya dan yang menyakiti tetangganya sehinggalah tetangga tersebut melaknatnya.

⁵⁴⁴ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawawī, Kitāb : al-Birru wa al-Ṣilah wa al-Adāb, Bāb : al-Waṣīyah bi al-Jār wa al-Iḥsān, n h : 140 (2624) dan 141 (2625), jil. 8, hlm. 424-425.

⁵⁴⁵ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Adāb, Bāb : Fī Ḥaqqi al-Jiwāri, nh : 5151 & 5152, jil. 4, hlm. 2191-2192.

⁵⁴⁶ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Birru wa al-Ṣilah, Bāb : Mā Jā'a fī Ḥaqqi al-Jiwāri, nh : 1942&1943, jil. 4, hlm. 106-107.

⁵⁴⁷ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Adāb, Bāb : Ḥaqqi al-Jiwāri, nh : 3672&3673, jil. 3, hlm. 297-298.

Takhrij al-Hadith :

Potongan daripada hadith ini diriwayatkan oleh al-Kharā'itī dalam Masāwa' al-Akhlāk wa Mazmumāhā⁵⁴⁸ dan al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws⁵⁴⁹ daripada 'Abd Allāh bin Amrū bin 'Āsh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Kharā'itī ini daripada 'Umar bin Muḍrik (Abū Ḥafs al-Qās) daripada Qutaybah bin Sa'īd menceritakan kepada kami Ibn Lahi'ah daripada An'ūm daripada 'Abd al-Raḥman al-Ḥubalī daripada 'Abd al-Raḥman bin 'Amrū. al-Suyūṭī⁵⁵⁰ dan al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'īf*⁵⁵¹. Hadith ini *Da'īf* sebab dalam sanad terdapat perawi Ibn Lahi'ah ('Abd Allāh bin Lahi'ah) dan dia adalah seorang yang *Da'īf*. Ibn Ma'in dan Nasā'ī mengatakan bahawa dia adalah *Da'īf* dan tidak berhujah dengan hadithnya⁵⁵². Kemudian perawi 'Umar Muḍrik dan dia juga seorang yang *Da'īf* sebagaimana yang dikatakan oleh al-Dhahabī⁵⁵³.

⁵⁴⁸ al-Kharā'itī, Abī Bakar Muḥammad bin Ja'far bin Sahl al-Sāmirī, 1413H/1993M, Masāwa' al-Akhlāk wa Mazmumāhā, n h : 483, hlm. 206, Bayrūt : Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

⁵⁴⁹ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 3371, jil. 2, hlm. 301.

⁵⁵⁰ al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr bi Sharah Jāmi' Ṣaghīr, n h : 4584, jil. 4, hlm. 70.

⁵⁵¹ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, n h : 3548, jil. 3, hlm. 240.

⁵⁵² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 4530, jil. 3, hlm. 189-190.

⁵⁵³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 6214, jil. 4, hlm. 143.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah Ḍa'īf sebab dalam sanad terdapat perawi yang Ḍa'īf iaitu Ibn Lahi'ah dan 'Umar Muḍrīk. Hadith ini juga dihukum Ḍa'īf oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁵⁵⁴.

Hadith : 87

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا أَتَى الرَّجُلُ الرَّجُلَ فَهُمَا زَانِيَانِ وَإِذَا أَتَتِ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ فَهُمَا زَانِيَتَانِ (رواه البيهقي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Apabila seorang lelaki melakukan hubungan seksual dengan sesama lelaki maka mereka berdua berbuat zina dan apabila seorang wanita melakukan hubungan seksual dengan wanita maka mereka berdua juga berbuat zina (diriwayatkan oleh al-Bayhaqī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā⁵⁵⁵ menerusi Abū Mūsā al-Ash'ārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

⁵⁵⁴ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 319, jil. 1, hlm. 490.

⁵⁵⁵ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Ḥudūd, Bāb : Mā Jā'a Fī Ḥaddi al-Liwāṭi, nh :17033, jil. 8, hlm. 406.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Baihaqī daripada Abī Badar daripada Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman daripada Khālīd al-Hizā’ daripada Ibn Sirīn daripada Abī Mūsā al-Ash’ārī. Hadith ini dihukum *Mawḍu’* disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman al-Maqdisī al-Qushayrī. Abū Ḥātim⁵⁵⁶ dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia seorang yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk*⁵⁵⁷.

Hukum Hadith : Mawḍu’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’* disebabkan perawi Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥman adalah seorang yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk*.

Hadith : 88

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَلْشُّهَدَاءُ سَبْعَةٌ سِوَى الْمَقْتُولِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ : الْمَبْطُونُ شَهِيدٌ وَالْعَرِيضُ شَهِيدٌ وَصَاحِبُ ذَاتِ الْجَنْبِ شَهِيدٌ وَالْمَطْعُونُ شَهِيدٌ وَالْحَرِيقُ شَهِيدٌ وَالْمَيْتُ تَحْتَ الْهَدَمِ شَهِيدٌ وَالْمَرْأَةُ الَّتِي مَاتَتْ عَنِ الْوِلَادَةِ شَهِيدٌ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Selain orang yang gugur dalam peperangan di jalan Allah masih ada tujuh orang yang mati syahid iaitu : orang yang mati kerana sakit perut, mati tenggelam, mati kerana sakit bahagian badan, mati kerana penyakit ta’un, mati kerana terbakar, mati kerana tertimpa bangunan runtuh, dan seorang ibu yang mati kerana melahirkan.

⁵⁵⁶ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 13295/1752, jil. 7, hlm. 435.

⁵⁵⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 7854, jil. 5, hlm. 71.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Mālik dalam al-Muwaṭṭā'⁵⁵⁸ daripada Jābir bin 'Atīk, dan Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁵⁵⁹ daripada Abū Hurayrah.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 89

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَلْفَقْرُ شَيْنٌ عِنْدَ النَّاسِ وَرَيْنٌ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Kefakiran itu cela atau sesuatu yang mencacatkan bagi manusia tetapi perhiasan bagi pandangan Allah pada hari kiamat (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb⁵⁶⁰, menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

⁵⁵⁸ Mālik bin Anas, Muwaṭṭā' Imām Mālik, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : al-Naḥy An al-Bukā'i 'Alā al-Mayyit, n h : 554, hlm. 155-156.

⁵⁵⁹ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Imām al-Nawawī, Kitāb : al-'Imārāt, Bāb : Bayān al-Shuhadā', n h : 1914, jil. 13, hlm. 54.

⁵⁶⁰ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 4418, jil. 3, hlm. 154.

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Muḥammad bin Muqātil al-Razī telah menceritakan kepada kami Ja'far bin Harūn al-Wasiṭī menceritakan kepada kami Sam'ān bin Maḥdī daripada Anas bin Mālik. al-Suyūṭī⁵⁶¹ dan al-Munāwī⁵⁶² mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi Muḥammad bin Muqātil al-Razī seorang yang lemah. Sebagaimana dikatakan oleh al-Dhahabī bahawa kedudukannya banyak dibincangkan oleh ulama dan dia tidak ditinggalkan begitu saja⁵⁶³. Tetapi ke*Da'if*an hadith ini menjadi *Mawḍū'* disebabkan perawi Ja'far bin Harūn al-Wasiṭī adalah seorang yang *Kadhdhāb*. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia sering dituduh berdusta dan meriwayatkan hadith daripada Sam'ān bin Maḥdī dalam keadaan *Mawḍū'*⁵⁶⁴ dan Sam'ān bin Maḥdī pula disebutkan oleh al-Dhahabī dalam kitabnya bahawa dia *Majhūl* dan Allah mencela kelemahannya⁵⁶⁵.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi yang memiliki kelemahan dan kecacatan. Di antaranya ialah Muḥammad bin Muqātil al-Razī seorang perawi yang dibincangkan kedudukannya, kemudian Ja'far bin Harūn al-Wasiṭī adalah seorang *Kadhdhāb* dan Sam'ān bin Maḥdī seorang yang *Majhūl*. Hadith

⁵⁶¹ al-Suyūṭī, *Jam'u al-Jawāmi'*, n h : 11433, jil. 7, hlm. 533.

⁵⁶² al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr Sharah al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, jil. 4, hlm. 464.

⁵⁶³ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 8201, jil. 5, hlm. 172.

⁵⁶⁴ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 1542, jil. 1, hlm. 420.

⁵⁶⁵ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 3553, jil. 2, hlm. 424

ini juga dihukum *Mawḍū'* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah⁵⁶⁶. Wallahu A'lam.

Hadith : 90

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَا مَعْشَرَ الْفُقَرَاءِ أُعْطُوا اللَّهَ الرَّضَا مِنْ قُلُوبِكُمْ تَظْفَرُوا بِثَوَابِ فَقَرِّكُمْ وَإِلَّا فَلَا.

Maksudnya : Dirwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Wahai orang-orang faqir tunjukkanlah sifat tulus dari hatimu kepada Allah maka engkau berjaya memperolehi pahala kefakiran kalau tidak begitu maka tidak mendapat sebarang manfaat.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws⁵⁶⁷ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini melalui sanad 'Abd al-Wahhāb Ibn Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Simsārī daripada 'Abbās bin Mūsā bin Ishāq daripada Aḥmad bin al-Ḥasan al-Miṣrī daripada Abū 'Āmir daripada Auza'ī daripada Yahyā bin Abī Kathīr daripada Abū Salamah dan Ikrimah daripada Abū Hurayrah. Hadith ini adalah *Mawḍū'* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan pemalsu hadith iaitu Aḥmad bin al-Ḥasan bin Abān al-Miṣrī. Sepertimana yang dikatakan oleh al-'Irāqī

⁵⁶⁶ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa al-Mawḍū'ah, jil. 9, hlm. 30-31.

⁵⁶⁷ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, nh : 8216, jil. 5, hlm. 291.

bahawa hadith ini adalah palsu sebab dalam sanad terdapat perawi Aḥmad bin al-Ḥasan bin Abān al-Miṣrī dan dia dituduh sebagai pendusta dan pemalsu hadith⁵⁶⁸. Ibn ‘Adī mengatakan bahawa dia pencuri hadith. Ibn Ḥibbān dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia pendusta dan pemalsu hadith⁵⁶⁹.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* sebab dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan pemalsu hadith iaitu Aḥmad bin al-Ḥasan bin Abān al-Miṣrī.

Hadith : 91

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَلْمُؤْمِنُ الَّذِي يُخَالِطُ النَّاسَ وَيَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ أَفْضَلُ مِنَ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يُخَالِطُ النَّاسَ وَلَا يَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ (رواه الامام أحمد والبخاري).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Orang mukmin yang bercampur dengan manusia dan sabar menerima gangguan mereka adalah lebih utama dibanding dengan orang mukmin yang tidak bergaul dengan orang lain dan tidak sabar menerima gangguan mereka (diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Aḥmad).

⁵⁶⁸ al-‘Irāqī, Zayn al-Dīn Abī al-Faḍal ‘Abd al-Raḥīm al-Ḥusayn al-‘Irāqī, 1387H/1968M, al-Mughnī an Ḥaml al-Asfar fi al-Asfār fi Takhrīj mā fi al-Iḥyā’ Min al-Akhbār, jil. 4, hlm. 247, al-Qāhirah : Mu’assasah al-Ḥalabī.

⁵⁶⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 330, jil. 1, hlm. 89-90.

Takrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Adāb al-Mufrad⁵⁷⁰, al-Tirmidhī dalam Sunannya⁵⁷¹, Ibn Mājah dalam Sunannya⁵⁷², Aḥmad dalam Musnadnya⁵⁷³, al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā⁵⁷⁴, semuanya menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī daripada Ādam daripada Shu’bah dan diṣaḥḥkan oleh al-Bukhārī dalam kitabnya al-Adab⁵⁷⁵. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah dan al-Tirmidhī daripada Ishāq bin Yūsuf daripada al-A’mash ianya juga diṣaḥḥkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya⁵⁷⁶. Sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad daripada Yazīd daripada Sufyān bin Sa’id daripada A’mash juga diṣaḥḥkan oleh Ahmad dalam Musnadnya⁵⁷⁷. Kesemuanya daripada Yaḥyā bin Wathāb daripada Ibn ‘Umar. Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah ṣaḥīḥ kerana tidak ada kecacatan perawi di dalamnya sebagaimana dikatakan oleh Aḥmad Muḥammad Shākir ketika mentahqiq kitab Musnad, beliau mengatakan bahawa hadith

⁵⁷⁰ al-Bukhārī, al-Adab al-Mufrad, Bab : Alladhī Yaṣbiru ‘Alā Aza al-Nās, n h : 388, hlm. 140-141.

⁵⁷¹ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqa’iq wa al-Wara’, Bāb : Mā Jā’a Fī Ṣifat ‘Awāni al-Hawḍi, n h : 2507, jil. 4, hlm. 377-378.

⁵⁷² Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Fitān, Bāb : Sabr ‘Alā al-Balā’, n h : 4032, jil. 3, hlm. 431.

⁵⁷³ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 5022 dan 22992, jil. 4 dan 16, hlm. 486 dan 522-523.

⁵⁷⁴ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Adāb al-Qaḍi, Bāb : Mā Yastadillu Bihi ‘Alā Anna al-Qaḍā’ wa Sa’iri al-‘Amal....., n h : 20175, jil. 10, hlm. 153.

⁵⁷⁵ al-Bukhārī, al-Adab al-Mufrad, Bab : Alladhī Yaṣbiru ‘Alā Aza al-Nās, n h : 388, hlm. 140-141

⁵⁷⁶ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqa’iq wa al-Wara’, Bāb : Mā Jā’a Fī Ṣifat ‘Awāni al-Hawḍi, n h : 2507, jil. 4, hlm. 377-378.

⁵⁷⁷ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 5022 dan 22992, jil. 4 dan 16, hlm. 486 dan 522-523.

ini adalah *Ṣaḥīḥ Isnād*⁵⁷⁸. Hadith ini juga di *Ṣaḥīḥ* kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥ⁵⁷⁹. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 92

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ تَوَاضَعَ خَشَعًا لِلَّهِ رَفَعَهُ اللَّهُ وَمَنْ تَطَاوَلَ تَعَاضُمًا وَضَعَهُ اللَّهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang tawaduk kerana khusuk kepada Allah maka Allah mengangkat derajatnya dan sesiapa yang menonjolkan diri kerana sombong maka Allah menghinakan derajatnya.

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna dengan hadith di atas disebutkan oleh al-Ghazālī dalam Iḥyā' dengan lafaz awalnya :

أَمَّا إِنِّي لَا أَحْرَمُهُ وَمَنْ تَوَاضَعَ رَفَعَهُ اللَّهُ وَمَنْ تَكَبَّرَ وَضَعَهُ اللَّهُ وَمَنْ إِقْتَصَدَ أَغْنَاهُ اللَّهُ

al-‘Irāqī mengisyaratkan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh al-Bazzār daripada Ṭalḥah oleh al-Ṭabarānī daripada ‘Āishah,

⁵⁷⁸ Ibid.

⁵⁷⁹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah, n h : 939, jil. 2, hlm. 614.

dan oleh Aḥmad dan Abū Ya'lā daripada Abū Sa'īd⁵⁸⁰, begitu pula Ibn Mājah.⁵⁸¹

Lafaz al-Bazzār :

مَنْ إِفْتَصَدَ أَعْنَاهُ وَمَنْ بَدَّرَ أَفْقَرَهُ اللَّهُ وَمَنْ تَوَاضَعَ رَفَعَهُ اللَّهُ وَمَنْ تَجَبَّرَ خَصَمَهُ اللَّهُ

Lafaz riwayat Aḥmad dan Abū Ya'lā daripada Abū Sa'īd melalui Warrād :

مَنْ يَتَوَاضَعَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ دَرَجَةً رَفَعَهُ اللَّهُ دَرَجَةً وَمَنْ يَتَكَبَّرَ عَلَى اللَّهِ دَرَجَةً يَضَعُهُ اللَّهُ بِهِ دَرَجَةً حَتَّى يَجْعَلَهُ فِي
أَسْفَلِ سَافِلِينَ.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Riwayat melalui Ṭalḥah adalah *Da'if* kerana seperti yang dikatakan oleh al-Haythamī hanya dua perawi dalam sanad ini yang saya kenali. Demikian juga dengan riwayat daripada Abū Sa'īd kerana ianya diriwayatkan melalui Darrāj Abū Samāḥ. Akan tetapi hadith ini mempunyai beberapa *Shahīd* yang kuat antaranya seperti yang diriwayatkan oleh Muslim dan al-Tirmidhī dan lain-lain daripada Abū Hurayrah dengan lafaz :

مَا تَوَاضَعَ أَحَدٌ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ⁵⁸²

⁵⁸⁰ al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, 1967M, Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn, jil. 3, hlm. 421, al-Qāhirah : Mu'assasah al-Ḥalabī wa Shurakah li al-Naṣr wa al-Tawzi', al-'Irāqī, al-Mughnī an Ḥaml al-Asfar fi al-Asfār fī Takhrīj mā fi al-Iḥyā' Min al-Akhbār, jil. 3, hlm. 421.

⁵⁸¹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : al-Bara'ah Min al-Kibr, nh : 4176, jil. 4, hlm. 315. Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 3, hlm. 76. al-Haythamī, Nūr al-Dīn 'Alī bin Abī Bakar, 1979M, Kasf al-Astāran Zawā'id al-Bazzār, nh : 3605, jil. 4, hlm. 232-233, Bayrūt : Mu'assasah al-Risālah, Taḥqīq : Ḥabīb al-Raḥmah al-A'ẓamī. Abū Ya'lā, Aḥmad bin 'Alī al-Tamīmī, 1984M, Musnad Abū Ya'lā, nh : 1109, jil. 2, hlm. 358-359, Bayrūt : Dār al-Thaqāfah li al-Turāth, Taḥqīq : Ḥusayn Sālim Asad.

⁵⁸² Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawawī, Kitāb : al-Birru wa al-Silah wa al-Adāb, Bāb : Istihbāb al-'Afw wa al-Tawaḍu', n h : 2588, jil. 8, hlm. 420-421. al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Birru wa al-Silah, Bāb : Mā Jā'a Fi al-Tawaḍu', n h : 2529, jil. 4, hlm. 381-3382.

Oleh itu hadith ini boleh dihukumkan *Ṣaḥīḥ li Ghayrihi* kerana di kuatkan oleh *Shahīd*.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ li Ghayrihi*.

Hadith : 93

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا مِنْ رَجُلٍ يَتَعَاطَى فِي نَفْسِهِ وَيَحْتَالُ فِي مَشْيَيْهِ إِلَّا لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانَّ (رواه أحمد والبخاري والحاكم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tiada seorang yang menunjuk-nunjuk dan berjalan berlagak sombong melainkan dia menemui Allah sedangkan Allah murka padanya (diriwayatkan oleh Ahmad dan Hākim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya⁵⁸³, al-Hākim dalam Mustadrāk⁵⁸⁴, menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad dan al-Hākim adalah *Ṣaḥīḥ* sebab semua sanadnya adalah *Ṣaḥīḥ*⁵⁸⁵. Hadith ini juga di *Ṣaḥīḥ*kan oleh

⁵⁸³ Ahmad, Musnad Imām Ahmad, n h : 5995, jil. 5, hlm. 335.

⁵⁸⁴ al-Hākim, Mustadrāk al-Hākim, Kitāb : al-Īmān, n h : 201/201, jil. 1, hlm. 128.

⁵⁸⁵ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Kibr, jil. 1, hlm. 103.

al-Mundhirī⁵⁸⁶. Aḥmad Muḥammad Shākir ketika mentahqiq Musnad Aḥmad mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* oleh itu hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁵⁸⁷. al-Ḥākim pula mengatakan dalam Mustadrāk bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* atas syarat al-Bukhārī dan Muslim tetapi keduanya tidak mengeluarkan hadith ini dalam kitab mereka⁵⁸⁸. Oleh kerana ke*Ṣaḥīḥ*an hadith ini sudah dinyatakan oleh ulama di atas, maka penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 94

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا أَقَلَّ الرَّجُلُ الطَّعَمَ مَلَأَ اللَّهُ جَوْفَهُ نُورًا (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Apabila seseorang sedikit makan maka Allah akan memenuhi nur dalam perutnya (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb⁵⁸⁹ menerusi Sahabat Abū Hurayrah.

⁵⁸⁶ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Adāb wa Ghayrih, Bāb : Tarhīb Min al-Ḥasad wa Faḍl al-Salamah al-Ṣadr, nh : 4302, jil. 3, hlm. 544.

⁵⁸⁷ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 5, hlm. 335.

⁵⁸⁸ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Īmān, jil. 1, hlm. 128.

⁵⁸⁹ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 1138, jil. 1, hlm. 290.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Ibrāhim bin Mahdī al-‘Uballī menceritakan kepada kami Muḥammad bin Ibrāhim bin al-‘Alā’ bin al-Musayyab menceritakan kepada kami Ismā’īl bin ‘Iyāsh daripada Bard daripada Makhūl daripada Abū Hurayrah. Hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab dalam sanad terdapat perawi yang memiliki celaan dan cacat iaitu Muḥammad bin Ibrāhim bin al-‘Alā’ bin al-Musayyab. Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb*, Ibn ‘Adī dan Ibn Ḥibbān pula mengatakan bahawa kebanyakan hadith-hadithnya tidak dijaga dan *Da’īf*⁵⁹⁰. Selain itu terdapat juga perawi bernama Ibrāhim bin Mahdī al-‘Uballī, al-Dhahabī dan al-Khaṭīb mengatakan bahawa dia *Da’īf al-Ḥadīth*⁵⁹¹.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab dalam sanad terdapat perawi Muḥammad bin Ibrāhim bin al-‘Alā’ bin al-Musayyab dan dia adalah seorang yang *Kadhdhāb*, dan Ibrāhim bin Mahdī al-‘Uballī adalah seorang yang *Da’īf*. Hadith ini juga dihukum palsu oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah*⁵⁹².

Hadith : 95

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَحَبُّكُمْ إِلَيَّ اللَّهُ أَقْلُكُمْ طَعَمًا وَأَخْفُكُمْ بَدَنًا.

⁵⁹⁰ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 7102, jil. 4, hlm. 365-366.

⁵⁹¹ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 227, jil. 1, hlm. 68.

⁵⁹² al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah*, jil. 5, hlm. 366-367.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Orang yang paling disukai Allah di antara kamu ialah orang yang paling sedikit makan dan paling ringan berat badannya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad Firdaws⁵⁹³ menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Hafs bin ‘Umar al-Faqīh al-Zāhid menceritakan kepada kami Abū Bakar Ibn ‘Iyyās daripada ‘Ibād daripada Ikrimah daripada Ibn ‘Abbās. Hadith ini adalah *Ḍa’īf* sebab dalam sanad terdapat perawi ‘Ibād (Ibn Manṣūr al-Najī) dan dia adalah seorang yang *Ḍa’īf*. Ibn Ma’īn mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay’*, al-Nasā’ī dan Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia adalah *Ḍa’īf*⁵⁹⁴. Kemudian Hafs bin ‘Umar dan penulis tidak menjumpai nama dia ini darimana-mana kitab Rijal.

Hukum Hadith : Ḍa’īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf* sebab perawi ‘Ibād (Ibn Manṣūr al-Najī) adalah seorang yang *Ḍa’īf* dan Hafs bin ‘Umar adalah *Majhūl*. Hadith ini juga

⁵⁹³ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 1475, jil. 1, hlm. 365.

⁵⁹⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 4141, jil. 3, hlm. 90.

di~~Da'if~~kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁵⁹⁵. Wallahu A'lam.

Hadith : 96

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ مِنْ السَّرَفِ أَنْ تَأْكُلَ كُلَّ مَا اسْتَهَيْتَ (رواه ابن ماجه).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya yang termasuk melampaui batas itu adalah jika engkau makan segala yang engkau berselera (diriwayatkan oleh Ibn Mājah).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya⁵⁹⁶, Ibn 'Adī dalam al-Kāmil fī Du'afā'nya⁵⁹⁷, Abū Nu'aym dalam Ḥilyahnya⁵⁹⁸ dan disebutkan juga oleh Ibn Jawzī dalam kitabnya al-Mawḍū'āt⁵⁹⁹ menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah, Ibn 'Adī dan Abū Nu'aym melalui sanad Baqiyyah bin al-Wālid menceritakan kepada kami Yūsuf bin Abī Kathīr daripada Nūḥ bin Dhakwān daripada al-Ḥasan daripada Anas bin Mālik. Hadith ini adalah ~~Da'if~~ disebabkan terdapat perawi yang di~~Da'if~~kan oleh ulama kedudukannya iaitu Nūḥ bin

⁵⁹⁵ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 1998, jil. 4, hlm. 461.

⁵⁹⁶ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : Aṭ'imah, Bāb : Min al-Ishraf an Ta'kula Kulla ma Ashtahayta, nh : 3352, jil. 3, hlm. 184.

⁵⁹⁷ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Du'afā' al-Rijāl, jil. 7, hlm. 44.

⁵⁹⁸ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', jil. 10, hlm. 213.

⁵⁹⁹ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'āt Min al-Aḥādīth Marfū'ah, Kitāb : Aṭ'imah, Bāb : al-Nahyu an Akli Kullu ma Yastahi, nh : 1401, jil. 3, hlm. 181-182.

Dhakwān. Sepertimana dikatakan oleh al-Buṣayrī bahawa dia disepakati oleh ulama ke *Da'īf*annya dan hadith ini pula di antara hadith yang diingkari oleh ulama⁶⁰⁰. al-Dhahabī, Abū Ḥātim, Ibn 'Adī dan Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia *Da'īf*, *Laysa bi Shay'* dan hadithnya tidak terjaga⁶⁰¹. Kemudian Baqiyah bin al-Wālid seorang perawi yang banyak diperbincangkan oleh ulama kedudukannya sepertimana disebutkan oleh al-Dhahabī. Ibn al-Mubārak mengatakan bahawa Baqiyah bin al-Wālid adalah *Ṣadūq* tetapi dia menulis hadith daripada ulama terdahulu dan belakangan. Ibn 'Adī mengatakan bahawa apabila dia meriwayatkan hadith daripada ahli Sham maka dia *Thābit*, al-Nasā'ī dan yang lainnya mengatakan bahawa jika dia berkata dengan *Haddathanā* atau *Akhbāranā* maka dia *Thiqah* tetapi apabila dia berkata dengan *'An* maka tidak boleh dijadikan hujah dan kebanyakan ulama mengatakan bahawa dia *Mudallas*. Abū Ḥātim pula mengatakan bahawa tidak boleh berhujah dengannya dan hadith-hadithnya tidak ada yang bersih⁶⁰². Selanjutnya adalah Perawi Yūsuf bin Abī Kathīr, al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Majhūl*⁶⁰³. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Jawzī juga dihukum *Da'īf*, sebab terdapat perawi Yaḥyā bin 'Uthmān dan dia adalah seorang yang *Munkar al-Ḥadīth* sama seperti Nūḥ bin Dhakwān⁶⁰⁴. Seperti mana

⁶⁰⁰ al-Buṣayrī, Shihāb Aḥmad bin Abī Bakar al-Buṣayrī, 1405H/1985M, Miṣbāḥ al-Zujājah fī Zawā'id Ibn Mājah, Kitāb : Aṭ'imah, Bāb : Min al-Asraf an Ta'qula Kullu ma Ishtahayta, n h : 1157(3352), jil. 3, hlm. 95, Mesir : Dār al-Kitāb al-Islāmī, Taḥqīq dan Ta'liq : Mūsā Muḥammad 'Alī dan Doktor 'Izzāt 'Alī 'Aṭiyah.

⁶⁰¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 9134, jil. 5, hlm. 401-402.

⁶⁰² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1250, jil. 1, hlm. 331-332.

⁶⁰³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 9881, jil. 6, hlm. 146.

⁶⁰⁴ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'āt Min al-Aḥādīth Marfū'ah, Kitāb : Aṭ'imah, Bāb : al-Nahyu an Akli Kullu ma Yastahi, jil. 3, hlm. 181-182.

yang dikatakan oleh al-Bukhārī, Ibn Maʿīn dan al-Nasāʾī bahawa beliau adalah *Munkar al-Hadīth* dan tidak *Thiqah*⁶⁰⁵.

Hukum Hadith : Daʿīf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Daʿīf* disebabkan terdapat para perawi yang dilemahkan oleh ulama sebagaimana yang sudah penulis jelaskan di atas.

Hadith : 97

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : عَلَيْكُمْ بِالْحَزَنِ فَإِنَّهُ مِفْتَاحُ الْقَلْبِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ الْحَزَنُ؟ قَالَ : أَجِيعُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَظْمَأُوا.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Kamu mestilah bersedih kerana bersedih adalah pintu bagi hati, mereka bertanya kepada Rasul bagaimana cara bersedih ? Rasul menjawab buatlah lapar dan haus dalam diri kalian.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Muʿjam al-Kabīr⁶⁰⁶ menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada Jibrūn bin ‘Isā al-Muqri’ menceritakan kepada kami Yaḥyā bin Sulaymān al-Ḥufārī menceritakan kepada kami

⁶⁰⁵ al-Dhahabī, Mizān al-Iʿtidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 9583, jil. 6, hlm. 69.

⁶⁰⁶ al-Ṭabarānī, Muʿjam al-Kabīr, n h : 11694, jil. 11, hlm. 267-268.

Fuḍayl bin ‘Iyāḍ daripada Manṣūr bin Ikrimah daripada Ibn ‘Abbās. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī ketika mentahqiqkan hadith ini mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da’īf*⁶⁰⁷. Hadith ini *Da’īf* sebab dalam sanad terdapat perawi Yahyā bin Sulaymān al-Hufārī al-Qurasī dan dia banyak diperbincangkan oleh ulama kedudukannya sebagaimana disebutkan oleh Abū Nu’aym⁶⁰⁸. Kemudian Jibrūn bin ‘Īsā dan dia adalah seorang yang *Majhūl*.

Hukum Hadith : *Da’īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’īf* sebab terdapat perawi bernama al-Hufārī yang banyak dibincangkan oleh ulama kedudukannya, kemudian Jibrūn adalah seorang yang *Majhūl* atau tidak dikenal⁶⁰⁹. Hadith ini juga di~~Da’īf~~kan oleh al-Albānī dalam Silisilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah⁶¹⁰. Wallahu A’lam.

Hadith : 98

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ التَّوَاضُّعَ مِنْ شَرَفِ الْمَجَالِسِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya perbuatan merendahkan diri termasuk sikap yang mulia dalam majelis.

⁶⁰⁷ Ibid.

⁶⁰⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 9533, jil. 6, hlm. 57.

⁶⁰⁹ al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Kabīr, jil. 11, hlm. 267-268.

⁶¹⁰ al-Albānī, Silisilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, jil. 3, hlm. 662.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil⁶¹¹ menerusi Ṭalhah bin ‘Ubaydillāh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Suyūṭī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’if Jiddān*⁶¹². Hadith ini *Ḍa’if Jiddān* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Munkar* dan *Majhūl* iaitu Ayūb bin Sulaymān bin ‘Abd Allāh bin Haḍlām. al-Ḥaythamī mengatakan bahawa aku tidak mengenalnya begitu juga bapanya⁶¹³. al-Dhahabī dan Abū Zur’ah mengatakan bahawa dia *Munkar* dan hadithnya lemah sekali⁶¹⁴.

Hukum Hadith : Ḍa’if Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’if Jiddān* sebab dalam sanad terdapat perawi Ayūb bin Sulaymān bin ‘Abd Allāh bin Haḍlām dan dia adalah seorang yang *Munkar* dan *Majhūl*.

⁶¹¹ Ibn ‘Adī, al-Kāmil fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 3, hlm. 283-284.

⁶¹² al-Suyūṭī, al-Jāmi’ Ṣaghīr Fī Ahādīth al-Bashīr Nazīr, nh : 2459, jil. 1, hlm. 148.

⁶¹³ al-Ḥaythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Adab, Bāb : Mā Jā’a Fī al-Julūs wa Kaifiyatihi wa Khayr al-Majālis, jil. 8, hlm. 59.

⁶¹⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3428, jil. 2, hlm. 387.

Hadith : 99

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ رَفَعَ نَفْسَهُ فِي الدُّنْيَا قَمَعَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ تَوَاضَعَ لِلَّهِ فِي الدُّنْيَا يَبْعَثُ اللَّهُ إِلَيْهِ مَلَكًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَأَنْشَطُهُ مِنْ بَيْنِ الْجَمْعِ فَقَالَ أَيُّهَا الْعَبْدُ الصَّالِحُ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَيَّ فَإِنَّكَ مِمَّنْ لَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ (رواه ابن عساکر).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang menyombongkan diri di dunia maka pada hari kiamat Allah akan menghinakannya, sesiapa yang tawaduk di dunia kerana Allah maka pada hari kiamat Allah mengutus Malaikat kepadanya untuk kemudian membangkitkan (mengangkatnya) di antara orang-orang yang berkumpul di padang mahsyar seraya berkata : wahai hamba yang soleh, Allah SWT berfirman kemarilah bersama-Ku sesungguhnya kamu termasuk golongan mereka yang tidak merasa ketakutan tidak pula kesusahan (diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir dalam Tārīkh Dimashq⁶¹⁵ menerusi ‘Ubay bin Ka’ab.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir ini daripada Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Ḥusayn bin ‘Alī bin Turjumān, menceritakan kepada kami Abū Bakar Muḥammad bin

⁶¹⁵ Ibn ‘Asākir, Abī al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥasan Ibn Hibatillāh, 1415H/1995M, Tārīkh Madīnat Dimasq, no : 6849, jil. 54, hlm. 431, Bayrūt : Dār al-Fikr, Taḥqīq : Muḥib al-Dīn Abī Sa’īd ‘Umar bin Ghudāmah al-Amrawī.

Aḥmad al-Muqri' menceritakan kepada kami Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Abān bin Shadād menceritakan kepada kami Abū Dardā' menceritakan kepada kami 'Umar daripada Abī Sulaymān Dāwd al-Furrā' al-Madinī daripada Zayd bin Aslām daripada 'Aṭā' bin Yasār daripada 'Ubay bin Ka'ab. Hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan terdapat perawi Muḥammad bin Aḥmad al-Muqri' dan dia seorang yang *Da'īf*. Dār al-Quṭnī dan al-Dhahabi mengatakan bahawa dia selalu mendapatkan pujian buruk daripada ulama dan seorang yang *Da'īf*, Abū Bakar al-Khaṭīb mengatakan bahawa banyak kalam ulama tentang riwayat hadithnya dan hadith yang diriwayatkannya daripada Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Abān bin Shadād ini adalah lemah⁶¹⁶.

Hukum Hadith : *Da'īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan terdapat perawi yang *Da'īf* iaitu Muḥammad bin Aḥmad al-Muqri'.

2.2.4 Bab Kelapan

Hadith : 100

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ثَمَانِيَةُ أَشْيَاءَ لَا تَشْبَعُ مِنْ ثَمَانِيَةٍ : الْعَيْنُ مِنَ النَّظَرِ وَالْأَرْضُ مِنَ الْمَطَرِ
وَالْأُنْثَى مِنَ الذَّكَرِ وَالْعَالَمُ مِنَ الْعِلْمِ وَ السَّائِلُ مِنَ الْمَسْئَلَةِ وَالْحَرِيصُ مِنَ الْجُمُعِ وَالْبَحْرُ مِنَ الْمَاءِ وَالنَّارُ مِنَ
الْحُطْبِ.

⁶¹⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 7162, jil. 4, hlm. 381-382.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Lapan perkara yang tidak pernah berasa kenyang atau puas iaitu : mata tidak pernah puas dari melihat, bumi tidak pernah terlepas dari curah hujan, wanita tidak pernah puas dari laki-laki, orang alim tidak pernah puas hati dengan ilmu, peminta tidak pernah puas hati dengan permintaannya, orang rakus (tamak haloba) tidak pernah puas dengan harta, laut tidak pernah puas dengan air dan api tidak pernah puas dengan kayu bakar.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ⁶¹⁷, Ibn 'Adī dalam al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl⁶¹⁸, Ibn Ḥibbān dalam kitab al-Majrūhīn⁶¹⁹ semuanya menerusi 'Āishah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini adalah *Ḍa'īf*, sebab terdapat perawi yang *Ḍa'īf* iaitu 'Abd al-Salām bin 'Abd al-Quddūs. al-Haythamī mengatakan bahawa dia adalah *Ḍa'īf* dan tidak boleh berhujah dengannya⁶²⁰. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Ḍa'īf* begitu juga bapanya⁶²¹. Abū Dāud mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'* dan anaknya lebih buruk dari dia, al-'Uqaylī pula mengatakan bahawa janganlah kamu ikuti sedikitpun daripada hadithnya⁶²².

⁶¹⁷ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, n h : 8266, jil. 8, hlm. 199.

⁶¹⁸ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, n h : 515/1483, jil. 5, hlm. 330.

⁶¹⁹ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūhīn Min al-Muḥaddithīn, n h : 761, jil. 2, hlm. 135.

⁶²⁰ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-'Ilmu, Bāb : Man Human lā Yashba'ānī Ṭalib al-'Ilm wa Ṭalib Dunyā, jil. 1, hlm. 140-141.

⁶²¹ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 9503, jil. 6, hlm. 62.

⁶²² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 5054, jil. 3, hlm. 331.

Ibn Hajar juga mengatakan begitu⁶²³. Ibn ‘Adī pula mengatakan bahawa secara umum apa yang diriwayatkannya tidak *Mahfūz* (terpelihara) dan hadith-hadithnya adalah *Da’īf*⁶²⁴.

Hukum Hadith : *Da’īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’īf*, disebabkan ke*Da’īf*an perawi ‘Abd al-Salām bin ‘Abd al-Quddūs dalam pandangan ulama.

Hadith : 101

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ فَتَحَ بَابَ مَسْئَلَةٍ فَتَحَ اللَّهُ لَهُ بَابَ فَقْرٍ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ فَتَحَ بَابَ عَطِيَّةٍ ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ تَعَالَى أَعْطَاهُ اللَّهُ خَيْرَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ (رواه ابن جرير).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang membuka pintu untuk meminta-minta maka Allah SWT akan membuka pintu kefakiran baginya di dunia dan akhirat, sesiapa yang membuka pintu kedermawanan kerana mencari redo Allah, maka Allah akan memberi kepadanya kebaikan di dunia dan akhirat (diriwayatkan oleh Ibn Jarīr).

⁶²³ Ibn Hajar, Lisān al-Mizān, no : 5174, jil. 4, hlm. 354-355.

⁶²⁴ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, n h : 515/1483, jil. 5, hlm. 330.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Jarīr dalam Tahdhīb al-Athār⁶²⁵ daripada Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarī ini daripada Ḥasan bin Rābi' daripada Sufyān al-Thawrī daripada Ibn 'Ijlān daripada Sa'īd bin Abī Sa'īd daripada Abū Hurayrah.

Hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* sebab semua sanad yang terdapat di dalamnya *Thiqah*. Selain itu ada hadith yang semakna tetapi agak panjang diriwayatkan oleh Aḥmad dalam Musnadnya daripada Yaḥyā al-Qaṭṭān daripada Ibn 'Ijlān daripada Sa'īd bin Abī Sa'īd daripada Abū Hurayrah dan lafaznya agak berbeza sedikit tetapi makna sama⁶²⁶, dan dia pun menghukum hadith ini sebagai *Ṣaḥīḥ* kerana sanad-sanadnya adalah *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 102

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا فَتَحَ رَجُلٌ عَلَى نَفْسِهِ بَابَ مَسْئَلَةٍ يَسْأَلُ النَّاسَ إِلَّا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ

بَابَ فَقْرٍ لِأَنَّ الْعِفَّةَ خَيْرٌ (رواه ابن جرير).

⁶²⁵ Ibn Jarīr al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd al-Ṭabarī, tth, Tahdhīb al-Athār wa Tafsīlu Thābit an Rasūlillāh Min al-Akḥbār, n h : 26, jil. 1, hlm. 20, al-Qāhirah : Maṭba'ah al-Madānī, Takhrīj Ḥadīth : Maḥmūd Muḥammad Shākir.

⁶²⁶ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 9590, jil. 9, hlm. 264-265.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang membuka pintu meminta-minta untuk dirinya yang mana dia meminta-minta kepada manusia maka Allah akan membukakan pintu kefakiran padanya kerana iffah itu lebih baik (diriwayatkan oleh Ibn Jarīr).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Jarīr al-Ṭabarī dalam Tahdhīb al-Athār⁶²⁷ menerusi ‘Abd al-Raḥman bin ‘Awf.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarī yang no 23 daripada ‘Amrū bin Mujamma’ daripada Yūnus Ibn Khabbāb daripada Abī Salamah bin ‘Abd al-Raḥman bin ‘Awf daripada ‘Abd al-Raḥman bin ‘Awf, sedangkan hadith yang no 24 daripada Yaḥyā bin Ḥammād daripada Abū ‘Uwānah daripada ‘Umar bin Abī Salamah bin ‘Abd al-Raḥman bin ‘Awf daripada ‘Abd al-Raḥman bin ‘Awf. Hadith ini adalah *Mawḍū‘* disebabkan dalam sanad hadith no 23 terdapat perawi Yūnus bin Khabbāb al-Usaydi dan dia adalah seorang yang *Kadhdhāb* dan Rafidi, seperti mana yang disebutkan oleh al-Dhahabī dan Yaḥyā bin Sa’īd, Ibn Ma’īn, Nasā’ī dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia adalah laki-laki yang buruk akhlakunya, *Da’īf* dan *Munkar al-Ḥadīth*⁶²⁸. Selain itu terdapat perawi lain yang kedudukannya dilemahkan oleh ulama di antaranya ‘Amrū bin Mujamma’ al-

⁶²⁷ Ibn Jarīr al-Ṭabarī, Tahdhīb al-Athār wa Tafsīlu Thābit an Rasūlillāh Min al-Akhhbār, n h : 23 dan 24, jil. 1, hlm. 18-19.

⁶²⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 9903, jil. 6, hlm. 153.

Kūfī seorang yang *Da'if al-Hadīth* sebagaimana yang dikatakan oleh Abū Ḥātim⁶²⁹, dan 'Umar bin Abī Salamah bin 'Abd al-Raḥman bin 'Awf, dia pula di~~Da'if~~kan oleh Ibn Ma'in dan Yahyā al-Qaṭṭān, sedangkan al-Nasā'ī dan Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia tidak *Qawwī* dan tidak boleh berhujah dengan hadithnya kerana hadithnya adalah lemah⁶³⁰.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan dalam sanad terdapat perawi Yūnus bin Khabbāb al-Usaydi dan dia adalah seorang yang *Kadhdhāb*, Rafidi, buruk akhlak, *Da'if* dan *Munkar*.

Hadith : 103

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تُخَفُّهُ الْمُؤْمِنُ فِي الدُّنْيَا الْفَقْرُ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bingkisan (cenderamata) orang mukmin di dunia adalah kefakiran (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws⁶³¹ menerusi Mu'ādh bin Jabāl.

⁶²⁹ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 10711/1461, jil. 6, hlm. 342.

⁶³⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6127, jil. 4, hlm. 121.

⁶³¹ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 2399, jil. 2, hlm. 70.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Ibn Sunnī daripada ‘Uthmān bin Khurazadh menceritakan kepada kami Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Ammār, menceritakan kepada kami Maṣrah bin Ṣafwān daripada Abī Ḥāḥib daripada ‘Abd al-Raḥman bin Ghanām daripada Mu’ādh bin Jabāl. Hadith ini adalah *Ḍa’īf* disebabkan perawi Abū Ḥāḥib dan Maṣrah bin Ṣafwān adalah *Majhūl*. Penulis tidak menemukan nama-nama tersebut dari mana-mana kitab Rijal. al-Munāwī mengatakan bahawa di dalam sanad hadith ini terdapat Ya’qūb bin al-Wālid al-Madinī dan dia adalah seorang yang didustakan oleh para ulama⁶³². Pendapat al-Munāwī ini dikomentari oleh al-Albānī beliau mengatakan bahawa al-Munāwī ini ragu terhadap sanad hadith tersebut, kerana dalam sanad hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī di atas tidak dijumpai nama Ya’qūb bin al-Wālid al-Madinī⁶³³. Oleh kerana itu penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf* disebabkan kemajhūlan perawi Abū Ḥāḥib dan Maṣrah bin Ṣafwān. Wallahu A’lam.

Hukum Hadith : Ḍa’īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf* disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu Abū Ḥāḥib dan Maṣrah bin Ṣafwān.

⁶³² al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr Sharah Jāmi’ al-Ṣaghīr, n h : 3261, jil. 3, hlm. 234.

⁶³³ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah, jil. 7, hlm. 404.

Hadith : 104

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الصَّبْرُ سِتْرٌ مِنَ الْكُرْبِ وَعَوْنٌ عَلَى الْخُطُوبِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sabar itu menjadi penutup (penenang) berbagai kebingungan dan menolong berbagai urusan.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui lafaz hadith di atas darimana-mana kitab hadith, tetapi ada disebutkan dalam kitab *Adāb al-Dīn* milik al-Mawardī⁶³⁴ sebagai contoh kesabaran, pentahqiq tidak menyatakan sumber asal hadithnya. Terdapat juga dalam kitab *Sirāj al-Muluk* milik al-Ṭurṭusī⁶³⁵ dan beliau menyatakan bahawa ini adalah ungkapan daripada contoh kesabaran. Pendapat yang sama juga dikatakan oleh Rāghib al-Asfahānī dalam *Muḥaḍarāt al-Aḍbā'*⁶³⁶. Jadi penulis menyimpulkan bahawa lafaz di atas adalah ungkapan daripada contoh kesabaran dan bukan hadith. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

⁶³⁴ al-Mawardī, *Adāb Dunyā wa al-Dīn*, Faṣl : al-Ṣabar wa al-Jazā', hlm. 276.

⁶³⁵ al-Ṭurṭusī, Muḥammad bin al-Wālid al-Ṭurṭusī, 1990M, *Sirāj al-Muluk*, Bāb : 32, Fī al-Ṣabar, hlm. 294, Riyāḍ : Tpt.

⁶³⁶ Raghīb al-Asfahānī, Ḥusayn bin Muḥammad bin al-Mufaḍḍal, 1420H/1999M, Bāb : Fī al-Mawt wa Aḥwālīhi, Faṣl : al-Ḥatthu 'Alā Daf'u al-Nadāb bi Ṣabr, jil. 2, hlm. 524, Bayrūt : Dār Arqām bin Abī Arqām, Taḥqīq : Doktor 'Umar al-Ṭubbā'.

Hadith : 105

رُوي أَنَّهُ كَلَّمَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَارِيَةً مِنْ السَّبْيِ فَقَالَ لَهَا مَنْ أَنْتِ؟ فَقَالَتْ بِنْتُ الرَّحْلِ الْجَوَادِ حَاتِمٍ فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِرْحَمُوا عَزِيزَ قَوْمٍ ذَلَّ إِرْحَمُوا غَنِيًّا إِفْتَقَرَ إِرْحَمُوا عِلْمًا ضَاعَا بَيْنَ الْجُهَّالِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bahawa seorang perempuan daripada tawanan berkata kepada Nabi SAW kemudian Nabi SAW bertanya kepadanya siapa kamu? Dia menjawab : anak seorang lelaki yang pemurah iaitu Hatim, kemudian Nabi SAW berkata : kasihanilah kaum yang mulia kemudian dia jatuh hina, kasihanilah orang yang kaya kemudian dia faqir, kasihanilah orang yang alim yang terlantar ditengah-tengah orang yang bodoh.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Jawzī dalam Kitab al-Mawḍū'āt⁶³⁷ daripada Fuḍayl bin 'Iyād.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Jawzī ini daripada Aḥmad bin 'Alī bin Khalaf daripada al-Ḥākim Abū 'Abd Allāh al-Naysabūrī daripada Ismā'il bin Muḥammad bin al-Faḍl, daripada datukku daripada Sa'id bin Manṣūr dan berkata Fuḍayl bin 'Iyād. Ibn Jawzī mengatakan bahawa ini bukan hadith tetapi dikenal sebagai perkataan Fuḍail bin

⁶³⁷ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'āt Min Aḥādīth al-Marfū'āt, Kitāb : al-'Ilm, Bāb : al-Raḥmah Li al-'Alīm Iza Ṭalā'ib Bihi Subyān, nh : 468, jil. 1, hlm. 388.

‘Iyāḍ saja dan ianya palsu⁶³⁸. Sekalipun ini bukanlah hadith akan tetapi maknanya bukanlah kita tidak mengasihi orang yang mulia ketika dia jatuh, kerana rahmat dan kasih sayang itu sentiasa dituntut untuk orang yang mulia dan selainnya, dan agama Islam pun menganjurkannya oleh itu mengasihi dan berkasih sayang adalah wajib dimana saja, dan tidak boleh hanya mengasihi orang yang mulia dan terhormat sahaja. Wallahu A’lam.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* sebab ianya bukan hadith tetapi perkataan Fuḍail bin ‘Iyāḍ saja dan dipalsukan oleh Ibn Jawzī dalam al-Mawḍū’āt. Wallahu A’lam.

Hadith : 106

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ خَرَجَ يُرِيدُ عِلْمًا يَتَعَلَّمُهُ فَتَحَ اللَّهُ لَهُ بَابًا إِلَى الْجَنَّةِ وَفَرَشَتْ لَهُ الْمَلَائِكَةُ أَسْنَانَهَا وَصَلَتْ عَلَيْهِ مَلَائِكَةُ السَّمَوَاتِ وَحَيَّاتُ الْبَحْرِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang keluar untuk menuntut ilmu, maka Allah akan membukakan baginya pintu ke syurga, dan malaikat merentangkan sayapnya untuknya, para malaikat penghuni langit serta ikan-ikan di laut memohonkan rahmat kepada Allah SWT baginya.

⁶³⁸ Ibid.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwd dalam Sunannya⁶³⁹, al-Tirmidhī dalam Sunannya⁶⁴⁰, Ibn Mājah dalam Sunannya⁶⁴¹, Aḥmad dalam Musnadnya⁶⁴², al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁶⁴³ dan Ibn 'Abd al-Bar dalam kitabnya Jāmi' al-Bayān⁶⁴⁴ menerusi Abū Dardā'.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith dengan lafaz di atas dihukum *Ḍa'if*, disebabkan dalam sanad terdapat perawi bernama Kathīr bin Qays dan dia seorang yang *Ḍa'if*. Dār al-Quṭnī dan al-Dhahabi mengatakan bahawa dia adalah *Ḍa'if*⁶⁴⁵. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa dia *Ḍa'if* dan Ibn Sāmi' diperintahkan oleh Duhaym untuk *menḍa'ifkan* dan tidak *menthabitkannya*⁶⁴⁶.

⁶³⁹ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-'Ilm, Bāb : al-Ḥaththu 'Alā Ṭālib al-'Ilm, nh : 3641, jil. 3, hlm. 1576.

⁶⁴⁰ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-'Ilm, Bāb : Mā Jā'a Fī Faḍli al-Fiqh 'Ala al-'Ibādah, nh : 2682, jil. 4, hlm. 472-473.

⁶⁴¹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Muqaddimah, Bāb : Faḍl al-'Ulamā' wa al-Ḥaththu 'Ala Ṭālib al-'Ilm, nh : 223, jil. 1, hlm. 124-125.

⁶⁴² Aḥmad, al-Musnad Imām Aḥmad, n h : 21612, jil. 16, hlm. 71.

⁶⁴³ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Ṭālib al-'Ilmu, Faṣl : Fī Faḍl al-'Ilm wa Sharafahu, n h : 1699, jil. 2, hlm. 263-264.

⁶⁴⁴ Ibn 'Abd al-Bar, Yūsuf bin 'Abd al-Bar al-Namirī al-Qurṭūbī, 1388H/1968M, Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Faḍlihi, Bāb : Dhakara Ḥadīth Abū Dardā', jil. 1, hlm. 44, Madīnah al-Munawwarah : Maktabah al-Salafiyyah.

⁶⁴⁵ al-Dhahabi, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 6947, jil. 4, hlm. 329.

⁶⁴⁶ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 6514, jil. 4, hlm. 586.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan dalam sanad terdapat perawi Kathīr bin Qays dan dia seorang yang *Da'if*.

Hadith : 107

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا تَدْخُلُ حِلَاوَةُ الْإِيمَانِ قَلْبَ امْرِئٍ حَتَّى يَتْرِكَ بَعْضَ الْحَدِيثِ خَوْفَ الْكَذِبِ وَإِنْ كَانَ صَادِقًا وَيَتْرِكَ بَعْضَ الْمَرَاءِ وَإِنْ كَانَ مُحِقًّا (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW berasabda : Manisnya iman tidak akan masuk kedalam hati seseorang sehingga dia meninggalkan sebahagian ucapan kerana takut berdusta sekalipun perkataannya itu benar dan meninggalkan sebahagian perbuatan yang terlihat walaupun perbuatan itu benar (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws⁶⁴⁷ daripada Abū Mūsā al-Ash'arī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Ishāq daripada Ya'qūb bin Yūsuf al-Burmaqāmī daripada Muḥammad bin Muḥammad Ibn Rajā' al-Sanadī, daripada Harūn bin Mūsā daripada 'Abd Allāh bin Ḥārith daripada 'Ubaydillāh Ibn 'Umar daripada Nāfi' daripada Sa'īd bin Abī

⁶⁴⁷ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, nh :7608, jil. 5, hlm. 104.

Hindī daripada Abū Mūsā al-Ash'ārī. Hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang lemah iaitu Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Ishāq. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia suka membawa hadith atau khabar-khabar dusta⁶⁴⁸. Kemudian Muḥammad bin Muḥammad Ibn Rajā', dia adalah seorang yang *Majhūl* sebagaimana yang dikatakan oleh al-Dhahabī bahawa dia tidak dikenal dan hadith ini adalah *Da'if*⁶⁴⁹.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if*, disebabkan terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad bin Ishāq dan perawi yang *Majhūl* iaitu Muḥammad bin Muḥammad Ibn Rajā'.

Hadith : 108

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ صَبَرَ عَلَى الْقُوْتِ الشَّدِيدِ صَبْرًا جَمِيلًا أَسْكَنَهُ اللَّهُ مِنَ الْفِرْدَوْسِ حَيْثُ شَاءَ (رواه أبو الشيخ).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa menahan diri daripada makan yang banyak dengan sabar, maka Allah SWT akan menempatkannya di dalam syurga Firdaus sesuai dengan kehendaknya (diriwayatkan oleh Abū Shaykh).

⁶⁴⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8121, jil. 5, hlm. 150.

⁶⁴⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8129, jil. 5, hlm. 151.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ⁶⁵⁰ dan Mu'jam Ṣaghīrnya⁶⁵¹ menerusi Barra' bin 'Āzib (Abū Shaykh).

Perbahasan Ulama Tentang kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada Maḥmūd bin al-Farj al-Asbahānī, menceritakan kepada kami Ismā'īl bin 'Amrū al-Bajilī menceritakan kepada kami Fuḍayl bin Marzūq daripada 'Adī bin Thābit daripada Barra' bin 'Āzib. al-Suyūṭī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf*⁶⁵². Hadith ini *Ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi Ismā'īl bin 'Amrū al-Bajilī dan dia adalah seroang yang *Ḍa'īf*. Ibn Ḥibbān *menthiqah*kannya tetapi kebanyakan jumhur ulama men*ḍa'īf*kannya sebagaimana yang dikatakan oleh al-Haythamī⁶⁵³. Beliau juga di*Ḍa'īf* kan oleh Abū Ḥātim al-Razī⁶⁵⁴, dan Dār al-Quṭnī⁶⁵⁵. Ibn 'Adī pula mengatakan bahawa hadith-hadithnya tidak diikuti atau dipegang dan dia adalah lemah⁶⁵⁶.

⁶⁵⁰ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 7912, jil. 8, hlm. 80.

⁶⁵¹ al-Ṭabarānī, Mu'jam Ṣaghīr, n h : 1044, jil. 2, hlm. 377.

⁶⁵² al-Suyūṭī, al-Jāmi' al-Ṣaghīr, n h : 8787, jil. 2, hlm. 531.

⁶⁵³ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Fīman Kānat Niyyatuhu wa Himmātuhu li Dunyā wa al-Akhirah, jil. 10, hlm. 251.

⁶⁵⁴ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 643, jil. 2, hlm. 129.

⁶⁵⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 922, jil. 1, hlm. 239.

⁶⁵⁶ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no : 150/150, jil. 1, hlm. 322.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan perawi Ismā'il bin 'Amrū al-Bajilī yang di*Da'if*kan oleh jumhur ulama. Hadith ini juga di*Da'if*kan oleh al-Albānī dalam *Da'if Jāmi' al-Ṣaghīr wa Ziyadatuhu*⁶⁵⁷.

Hadith : 109

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَيُّمَا امْرِئٍ إِشْتَهَى شَهْوَةً فَرَدَّ شَهْوَتَهُ وَأَثَرَ عَلَى نَفْسِهِ غُفِرَ لَهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Siapa sahaja yang menginginkan syahwatnya, kemudian dia berjaya menahan dan melupakan keinginan itu maka diampuni dosanya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Jawzī dalam kitabnya *al-Mawḍū'āt*⁶⁵⁸ dan al-Suyūṭī dalam *al-Lalī'*⁶⁵⁹ menerusi 'Abd Allāh bin 'Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini dihukum *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi yang bernama 'Amru bin Khālīd (Abū Khālīd al-Wasīṭī) dan dia seorang yang *Muttahim* (dituduh) memalsukan hadith. Abū Ḥātim al-Razī dan Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth*

⁶⁵⁷ al-Albānī, *Da'if Jāmi' al-Ṣaghīr wa Ziyadatuhu*, n h : 5655, hlm. 815.

⁶⁵⁸ Ibn Jawzī, *Kitāb al-Mawḍū'āt min Aḥādīth al-Marfū'āt*, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Radda Shahawāt al-Nafs, n h : 1615, jil. 3, hlm. 375.

⁶⁵⁹ al-Suyūṭī, *al-Lalī' al-Maṣnū'ah Fī Aḥādīth al-Mawḍū'ah*, Kitāb : Adab wa Zuhud, jil. 2, hlm. 272.

dan pemalsu hadits⁶⁶⁰. Ibn ‘Adī pula mengatakan bahawa kebanyakan apa yang diriwayatkannya adalah *Mawḍū’*⁶⁶¹. al-Waqi’ berkata : dia menurut kami adalah pemalsu hadits, Aḥmad bin Ḥanbal mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb* begitu juga dikatakan oleh Dār al-Quṭnī⁶⁶². Yaḥyā bin Ma’īn dan al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb*, tidak *Thiqah*, *Matrūk al-Ḥadīth* dan haditsnya tidak ditulis⁶⁶³.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadits ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi ‘Amru bin Khālīd (Abū Khālīd al-Wasīfī) dan dia seorang yang dituduh memalsukan hadits, *Matrūk* dan *Kadhdhāb*.

Hadith : 110

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الْعَبْدَ لَيَقُولُ الْكَلِمَةَ لَا يَقُولُهَا إِلَّا لِيَضْحَكَ بِهَا النَّاسُ يُهْوَىٰ أُبْعَدَ مِمَّا بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَيَزِلُّ عَنْ لِسَانِهِ أَشَدُّ مِمَّا يَزِلُّ عَنْ قَدَمَيْهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya seseorang yang melontarkan kata-kata hanya untuk membuat orang lain ketawa maka dia akan dijauhkan antara langit dan bumi, dan kesalahan yang didedahkan oleh lisan itu lebih dahsyat daripada tergelincirnya kedua kaki.

⁶⁶⁰ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 10527, jil. 6, hlm. 296.

⁶⁶¹ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, no : 322/1289, jil. 5, hlm. 123.

⁶⁶² al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6359, jil. 4, hlm. 177.

⁶⁶³ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 5795, jil. 4, hlm. 333-334.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*⁶⁶⁴ dan al-Baghawī dalam *Sharḥ al-Sunnah*⁶⁶⁵ daripada Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dan al-Baghawī ini daripada ‘Abd Allāh bin al-Mubārak daripada Yaḥyā bin ‘Ubaydillāh daripada bapanya daripada Abū Hurayrah.

Hadith ini *Ḍa’if Jiddān* sebagaimana yang dikatakan oleh al-Dhahabī⁶⁶⁶. Ianya disebabkan terdapat perawi yang cacat periwayatannya iaitu Yaḥyā bin ‘Ubaydillāh bin ‘Abd Allāh bin Mawhab. Ibn Ma’īn mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay’*, Aḥmad mengatakan bahawa hadith-hadithnya adalah *Munkar* dan dia tidak *Thiqah*, Ibn ‘Uyaynah mengatakan bahawa dia *Ḍa’if*, Ibn ‘Adī mengatakan bahawa sebahagian apa yang diriwayatkannya tidak diikuti dan al-Dhahabī menyimpulkan bahawa dia *Matrūk* dan hadithnya *Ḍa’if Jiddān*⁶⁶⁷.

Hukum Hadith : Ḍa’if Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’if Jiddān* disebabkan terdapat perawi yang cacat periwayatannya iaitu Yaḥyā bin ‘Ubaydillāh bin ‘Abd Allāh bin Mawhab.

⁶⁶⁴ al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān*, Bāb : Fī Ḥifẓ al-Lisān, n h : 4832, jil. 4, hlm. 213-214.

⁶⁶⁵ al-Baghawī, *Sharḥ al-Sunnah*, n h : 4131, jil. 14, hlm. 319.

⁶⁶⁶ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 9581, jil. 6, hlm. 69.

⁶⁶⁷ Ibid.

Hadith : 111

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الصُّمْتُ سَيِّدُ الْأَخْلَاقِ مَنْ مَرَحَ اسْتَحَفَّ بِهِ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Diam atau senyap menjadi penghulu bagi budi pekerti, sesiapa bergurau maka dia akan diremehkan orang (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb⁶⁶⁸ menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Sa'īd bin Maysarah daripada Anas bin Mālik. al-Suyūṭī mengatakan bahawa hadith ini *Mawḍū'*⁶⁶⁹. Kepalsuan hadith ini disebabkan perawi Sa'īd bin Maysarah adalah seorang yang Zalim dan *Munkar*. Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth* dan seorang yang zalim⁶⁷⁰. al-Bukhārī mengatakan bahawa dia seorang yang *Munkar al-Ḥadīth*. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia meriwayatkan hadith secara *Mawḍū'*. al-Ḥākim pun mengatakan bahawa riwayat hadithnya daripada Anas ini adalah *Mawḍū'* dan Yaḥyā bin Qaṭṭān

⁶⁶⁸ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 3850, jil. 2, hlm. 417.

⁶⁶⁹ al-Suyūṭī, al-Jāmi' al-Ṣaghīr, n h : 5160, jil. 1, hlm. 318.

⁶⁷⁰ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no : 82/814, jil. 3, hlm. 387.

mendustakannya atau tidak percaya kepadanya⁶⁷¹. Oleh itulah hadith ini dihukum *Mawḍū'*.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan perawi Sa'īd bin Maysarah adalah seorang yang Zalim dan *Munkar* dan dirawayat hadithnya kebanyakan palsu. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū'* oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*⁶⁷². Wallahu A'lam.

Hadith : 112

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : سِتَّةُ أَشْيَاءَ تُخْطِئُ الْأَعْمَالَ : الْإِسْتِعَالُ بِعُيُوبِ الْخَلْقِ وَقَسْوَةُ الْقَلْبِ وَحُبُّ الدُّنْيَا وَقِلَّةُ الْحَيَاءِ وَطُولُ الْأَمَلِ وَظُلْمٌ لَا يَنْتَهِي (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Enam perkara yang dapat membatalkan pelbagai amal : sibuk dengan noda atau cela orang lain, keras hati, mencintai dunia, sedikit malu, panjang angan-angan, dan berbuat zalim yang tidak henti-hentinya (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

⁶⁷¹ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 3281, jil. 2, hlm. 350.

⁶⁷² al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*, n h : 3821, jil. 8, hlm. 287.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws⁶⁷³ menerusi ‘Adī bin Ḥātim.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Muḥammad bin Yūnus al-Kudaymī daripada Ḍahak bin Mukhlid daripada Sa’dān bin Bashār daripada Mukhlid bin Khalīfah daripada ‘Adī bin Ḥātim. Hadith ini *Mawḍū’* disebabkan terdapat seorang perawi yang *Matrūk* dan suka memalsukan hadith iaitu Muḥammad bin Yūnus al-Kudaymī. al-Dhahabī, Ibn ‘Adī, Ibn Ḥibbān dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia pemalsu hadith dan *Matrūk*⁶⁷⁴.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat seorang perawi yang *Matrūk* dan suka memalsukan hadith iaitu Muḥammad bin Yūnus al-Kudaymī. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū’* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādith Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah⁶⁷⁵.

⁶⁷³ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 3491, jil. 2, hlm. 329.

⁶⁷⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8353, jil. 5, hlm. 199-200.

⁶⁷⁵ al-Albānī, Silsilah Aḥādith Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 3694, jil. 8, hlm. 172-173.

Hadith : 113

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا اجْتَمَعَ الرَّجَاءُ وَالْخَوْفُ فِي قَلْبِ مُؤْمِنٍ إِلَّا أَعْطَاهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ الرَّجَاءَ وَأَمَنَهُ مِنَ الْخَوْفِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tiada terkumpul harapan dan rasa takut dalam hati seorang mukmin, melainkan Allah yang maha mulia dan maha agung mengurniakan apa yang diharapkan dan menyelamatkannya dari apa-apa yang ditakutkan.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁶⁷⁶ menerusi Sa'īd bin Musayyab.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini daripada Abū Bakar Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Ḥāfiẓ, menceritakan kepada kami 'Ibād bin Sa'īd al-Ju'fī, menceritakan kepada kami Muḥammad bin 'Uthmān bin Bahlūl menceritakan kepada kami Bahlūl menceritakan kepada kami Ismā'īl bin Ziyād Abū al-Ḥasan daripada Yaḥyā bin Sa'īd daripada Sa'īd bin Musayyab. Hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Munkar* iaitu Ismā'īl bin Ziyād. Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia

⁶⁷⁶ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Mā Jā'a Fī Raja' Min Allāh, n h : 1003, jil. 2, hlm. 5.

adalah *Munkar al-Ḥadīth* dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb*⁶⁷⁷.

al-Suyūṭī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mursal* dan ianya palsu⁶⁷⁸.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Munkar* iaitu Ismā'il bin Ziyād.

Hadith : 114

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَوْ أَنَّ بُكَاءَ دَاوُدَ وَبُكَاءَ أَهْلِ الْأَرْضِ يَعْدِلُ بُكَاءَ آدَمَ مَا عَدَلَهُ (رواه ابن

عساکر).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Kalau sahaja tangisan Nabi Daud dan tangisan penduduk bumi dibandingkan dengan tangisan Nabi Adam maka tidak akan ada yang menandinginya (diriwayatkan oleh Ibn 'Asākir).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Asākir dalam *Tārikh Dimasq*⁶⁷⁹, Abū Nu'aym dalam *Ḥilyah*⁶⁸⁰, al-Ṭabarānī dalam *Mu'jam Awsaṭ*⁶⁸¹ menerusi bapa Sulaymān bin Buraidah.

⁶⁷⁷ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 881, jil. 1, hlm. 230.

⁶⁷⁸ al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr bi Sharah Jāmi' Ṣaghīr*, jil. 5, hlm. 408.

⁶⁷⁹ Ibn Ashākir, *Tārikh Dimasq*, jil. 7, hlm. 415.

⁶⁸⁰ Abū Nu'aym, *Ḥilyā' al-Awliyā'*, jil. 7, hlm. 257.

⁶⁸¹ al-Ṭabarānī, *Mu'jam Awsaṭ*, n h : 143, jil. 1, hlm. 91-92.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir ini melalui turuq al-Ṭabarānī, menceritakan kepada kami Aḥmad bin Yahyā bin Khālīd al-Raqī menceritakan kepada kami Yahyā bin Sulaymān al-Ju’fī menceritakan kepada kami Aḥmad bin Bashīr al-Ḥamdānī menceritakan kepada kami Mas’ar bin Kidam daripada al-Qamah bin Murthid daripada Sulaymān bin Buraidah daripada bapanya yang disandarkan kepada Nabi SAW. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan melalui turuq al-Ṭabarānī di atas semua sanadnya adalah *Thiqah*⁶⁸². Pendapat al-Haythamī ini dibantah oleh al-Munāwī yang mengatakan bahawa di dalam sanad terdapat perawi bernama Aḥmad bin Bashīr dan dia *Fīhi Naẓar*⁶⁸³. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa dia *Majhūl*⁶⁸⁴. Ibn ‘Asākir pula mengatakan bahawa Aḥmad bin Bashīr ini *Thiqah* dan *Ḥāfiẓ* tetapi dia *Mawqūf* kepada Ibn Buraydah, dan dikomentari pula oleh Ibn ‘Adī bahawa di dalamnya tidak disebutkan nama Buraydah dan sabda Nabi secara *Ṣaḥīḥ*⁶⁸⁵. al-Albānī mengatakan bahawa riwayatnya itu *Mawqūf* daripada al-Mas’ar daripada al-Qamah bin Murthid. Jadi hadith ini sebenarnya adalah *Mawqūf*⁶⁸⁶ sedangkan ucapan yang mengatakan ianya disandarkan kepada Nabi SAW adalah *Munkar* belaka bahkan *Mawḍū’* kerana ianya tidak menyerupai ucapan Nabi SAW tetapi menyerupai *Isra’iliyyat*⁶⁸⁷ daripada ahli kitab beberapa abad yang lalu, dan salahlah sebahagian riwayatnya yang dia sandarkan

⁶⁸² al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : Fīhi Zikr al-Anbiyā’ , Bāb : Zakara Nabinā Adam Aba Bashār, jil. 8, hlm. 201.

⁶⁸³ al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr Sharḥ Jāmi’ Ṣaghīr, n h : 7408, jil. 5, hlm. 308.

⁶⁸⁴ Ibn Ḥajar, Lisān al-Mizān, no : 448, jil. 1, hlm. 208.

⁶⁸⁵ Ibn ‘Ashākir, Tārīkh Dimasq, jil. 7, hlm. 416.

⁶⁸⁶ *Mawqūf* = Hadith yang dinisbahkan sebagai perkataan Sahabat.

⁶⁸⁷ *Isra’iliyyat* = Hadith-hadith yang diriwayatkan oleh bani Isra’il atau cerita mengenai mereka.

kepada Nabi SAW padahal sebetulnya hadits yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir itu tidak *Jayyid*⁶⁸⁸. Kesimpulannya hadits ini adalah *Mawḍū’* disebabkan ianya *Mawqūf* dan bukan sabda Nabi SAW tetapi *Isra’iliyyat*.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Hadith : 115

قَالَ النَّبِيُّ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : مَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang menghindari subhat maka dia membersihkan diri bagi agama dan bagi dirinya, sesiapa yang terdedah pada yang subhat maka dia terjerumus pada yang haram.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥnya*⁶⁸⁹, Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya*⁶⁹⁰, Abū Dāwd dalam *Sunannya*⁶⁹¹, al-Tirmidhī dalam *Sunannya*⁶⁹², al-Nasā’ī dalam

⁶⁸⁸ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah*, jil. 2, hlm. 202.

⁶⁸⁹ al-Bukhārī, *Fath al-Bārī Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī*, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Faḍl Man Istabrah’a Lidīnīhi, n h : 52, jil. 1, hlm. 172, dan Kitāb : al-Buyū’, Bāb : al-Ḥalāl Bayyin wa al-Ḥarām Bayyin wa Bainahumā Mushtabihāt, n h : 2051, jil. 5, hlm. 7.

⁶⁹⁰ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah al-Nawāwī*, Kitāb : al-Musaqqah, Bāb : Akhadha al-Ḥalāl wa Taraka al-Shubhāt, n h : 1599, jil. 11, hlm. 22-23.

⁶⁹¹ Abū Dāwd, *Sunan Abū Dāwd*, Kitāb : al-Buyū’, Bāb : Fī Ijtinābi al-Shubhat, n h : 3329, jil. 3, hlm. 1446.

⁶⁹² al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb : al-Buyū’, Bāb : Mā Jā’a Fī Tarkī al-Shubhāt, n h : 1205, jil. 3, hlm. 332-333.

Sunannya⁶⁹³, al-Darimī dalam Sunannya⁶⁹⁴, Aḥmad dalam Musnadnya⁶⁹⁵ semuanya menerusi Nu'mān bin Bashīr.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 116

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا فَتَحَ رَجُلٌ بَابَ عَطِيَّةٍ بِصَدَقَةٍ أَوْ صَلَّةٍ إِلَّا زَادَهُ اللَّهُ بِهَا كَثْرَةً وَمَا فَتَحَ رَجُلٌ بَابَ مَسْئَلَةٍ يُرِيدُ بِهَا كَثْرَةً إِلَّا زَادَهُ اللَّهُ بِهَا قِلَّةً (رواه البيهقي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tiada seorang yang membuka pintu pemberian sama ada sedekah atau silaturahim, melainkan Allah akan menambahnya lebih baik lagi, dan tiada seorang yang membuka pintu meminta-minta agar ia memperoleh lebih banyak lagi melainkan Allah akan memperbesar kekurangannya (diriwayatkan oleh al-Bayhaqī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁶⁹⁶ menerusi Abū Hurayrah.

⁶⁹³ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī bi Sharah Suyūṭī wa Sanadī, Kitāb : al-Buyū', Bāb : Ijtināb al-Shubhāt Fi al-Kasbi, n h : 4465, jil. 4, hlm. 200-222.

⁶⁹⁴ al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : al-Buyū', Bāb : al-Ḥalāl Bayyin wa al-Ḥarām Bayyin, n h : 2531, jil. 2, hlm. 197.

⁶⁹⁵ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 18263, jil. 14, hlm. 146.

⁶⁹⁶ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī al-Zakāh, Faṣl : Fī Karahiyyah Raddu al-Sā'il, n h : 3413, jil. 3, hlm. 233-234.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini daripada Abū al-Ḥusayn al-Muqri' daripada al-Husayn bin Muḥammad bin Ishāq daripada Yūsuf bin Ya'qūb daripada Muḥammad bin Abī Bakar daripada Yahyā bin Sa'id daripada Ibn 'Ijlān daripada Sa'id bin Abī Sa'id al-Muqbirī daripada Abū Hurayrah. Hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang lemah iaitu al-Husayn bin Muḥammad bin Ishāq. al-Khaṭīb dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia seorang yang *Da'if*, banyak ragu dalam periwayatan dan banyak salah⁶⁹⁷. Kemudian perawi Yūsuf bin Ya'qūb al-Naysābūrī dan dia juga seorang perawi yang *Da'if* sebagaimana dikatakan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī dan al-Dhahabī⁶⁹⁸.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang lemah iaitu al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Ishāq dan Yūsuf bin Ya'qūb al-Naysābūrī.

Hadith : 117

رُوي عن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : عَلَيْكُمْ بِإِخْوَانِ الصَّغَا فَإِنَّهُمْ زِينَةُ الرِّجَالِ وَعِصْمَةٌ فِي الْبَلَاءِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Hendaklah kamu bersahabat dengan para kawan yang tulus hatinya, kerana mereka menjadi hiasan dikala bahagia dan menjadi perisai disaat terjadi bencana.

⁶⁹⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 2052, jil. 2, hlm. 70.

⁶⁹⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 9891, jil. 6, hlm. 149.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber asal hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 118

رُويَ أَبُو الزُّبَيْرِ عَنِ السَّهْلِ بْنِ سَعْدٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : الْمَرْءُ كَثِيرٌ بِأَخِيهِ وَلَا خَيْرَ فِي صَحْبَةٍ مَنْ لَا يَرَى لَكَ مِنَ الْحَقِّ مِثْلَ مَا تَرَى لَهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan oleh Abu Zubayr daripada Sahl bin Sa'ad bahawa Nabi SAW bersabda : Seorang itu banyak temannya akan tetapi tidak ada kebaikan bersahabat dengan orang yang tidak melihat kebenaran yang ada padamu seperti engkau melihat kebenaran yang ada padanya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Adī dalam al-Kāmil⁶⁹⁹, al-Quḍā'ī dalam Musnad Shihāb⁷⁰⁰, Ibn Jawzī dalam al-Mawḍū'āt⁷⁰¹ menerusi Anas bin Mālik dan Ibn Ḥibbān dalam Majrūḥīn⁷⁰² dan Ibn 'Ashākir dalam Tārikh Dimasq⁷⁰³ menerusi Sahl bin Sa'ad.

⁶⁹⁹ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, jil. 3, hlm. 248.

⁷⁰⁰ al-Quḍā'ī, Musnad Shihāb, n h : 195, jil. 1, hlm. 145.

⁷⁰¹ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'āt min Aḥādīth al-Marfū'āt, Kitāb : Mu'asharah al-Nās, Bāb : Fī Takhayyir al-Ashāb, n h : 1508, jil. 3, hlm. 273.

⁷⁰² Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn, jil. 1, hlm. 226.

⁷⁰³ Ibn 'Ashākir, Tārikh Dimasq, jil. 10, hlm. 363.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī, al-Qudā’ī dan Ibn Jawzī ini daripada Musayyab bin Waḍīḥ menceritakan kepada kami Sulaymān bin ‘Amrū menceritakan kepada kami Ishāq bin ‘Abd Allāh bin Abī Ṭalḥah daripada Anas bin Mālīk. Hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi Sulaymān bin ‘Amrū dan dia seorang yang *Kadhdhāb*, *Matrūk* dan pemalsu hadith. Ibn ‘Adī berkata : ulama sepakat bahawa dia pemalsu hadith⁷⁰⁴. Aḥmad bin Ḥanbal, al-Dhahabī dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia pemalsu hadith, *Matrūk*, dan *Kadhdhāb*⁷⁰⁵. Abū Ḥātim pula mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay’*, pendusta, pemalsu hadith dan *Matrūk al-Ḥadīth*⁷⁰⁶. Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dan Ibn ‘Asākir pula daripada Bakkār bin Shu’ayb Abī Khuzaymah al-‘Abdī menceritakan kepada kami ‘Abd al-Azīz bin Abī Ḥazm daripada bapanya daripada Sahl bin Sa’ad. Hadith ini *Da’if Jiddān* kerana di dalamnya terdapat Bakkār bin Shu’ayb dan dia adalah seorang yang *Munkar*. al-Juzjānī mengatakan bahawa dia *Munkar Jiddān* dan hadith yang diambilnya itu adalah *Munkar*⁷⁰⁷.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi Sulaymān bin ‘Amrū dan dia seorang yang *Kadhdhāb*, *Matrūk* dan pemalsu hadith. kemudian Bakkār bin Shu’ayb dan dia adalah seorang yang *Munkar*. Wallahu A’lam.

⁷⁰⁴ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afa’ al-Rijāl, jil. 3, hlm. 248.

⁷⁰⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3495, jil. 2, hlm. 406.

⁷⁰⁶ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa Ta’dīl, no : 5695, jil. 4, hlm. 127-128.

⁷⁰⁷ Ibn Ḥajar, Lisān al-Mizān, no : 1688, jil. 2, hlm. 74-75.

Hadith : 119

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ هَذِهِ الْقُلُوبَ أَوْعِيَّةٌ فَخَيْرُهَا أَوْعَاهَا فَإِذَا سَأَلْتُمُ اللَّهَ فَاسْأَلُوهُ وَأَنْتُمْ وَاثِقُونَ بِالْإِجَابَةِ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَجِيبُ دُعَاءَ مَنْ دَعَا مِنْ ظَهْرِ قَلْبٍ غَافِلٍ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya hati ini adalah bekas, maka sebaik-baik bekas adalah yang dapat menghimpun (menampung), jika kamu sekalian memohon kepada Allah maka memohonlah kepada-Nya dengan penuh keyakinan bahawa akan dikabulkan kerana Allah tidak berkenan mengabulkan doa dari orang yang memanjatkannya dengan hati yang lengah (lupa).

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna dengan hadith di atas diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya⁷⁰⁸, al-Hākim dalam Mustadrāk⁷⁰⁹, Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil⁷¹⁰, dan Ibn Asākir dalam Tārikhnya⁷¹¹ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Ṣāliḥ al-Murrī daripada Hushām bin Ḥissān daripada Muḥammad bin Sirīn daripada Abū Huryarah. al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini *Gharīb* kami tidak mengenalnya kecuali daripada turuq

⁷⁰⁸ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Da’wāt, Bāb : 67, n h : 3479, jil. 5, hlm. 339-340.

⁷⁰⁹ al-Hākim, al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Du’ā wa Takbir wa Tahlīl wa Zikr, n h : 1817, jil. 1, hlm. 670-671.

⁷¹⁰ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Du’afā’ al-Rijāl, jil. 4, hlm. 62.

⁷¹¹ Ibn ‘Asākir, Tārikh Madīnah Dimasq, jil. 14, hlm. 315.

ini sahaja.⁷¹² al-Ḥākim pula mengatakan bahawa hadith ini sanadnya bagus, Ṣāliḥ al-Murri seorang yang meriwayatkannya dan dia seorang yang zuhud di Baṣrah. Pendapat al-Ḥākim ini dibantah oleh jumhur ulama yang mengatakan bahawa Ṣāliḥ al-Murri ini perawi yang cacat kedudukannya. Ibn Ma'in mengatakan bahawa dia *Ḍa'if*, Dār Quṭnī dan Aḥmad mengatakan bahawa dia ahli cerita bukan ahli hadith dan dia tidak tahu tentang hadith, al-Fallās dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Munkar Jiddān*, sedangkan al-Nasā'ī dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Matrūk*⁷¹³. Disebabkan perawi Ṣāliḥ al-Murri seorang yang *Ḍa'if*, *Munkar Jiddān* dan *Matrūk* maka hadith ini adalah *Ḍa'if Jiddān*.

Hukum Hadith : Ḍa'if Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'if Jiddān* disebabkan terdapat perawi *Munkar Jiddān*, *Matrūk* dan *Ḍa'if* iaitu Ṣāliḥ al-Murri.

2.2.5 Bab Kesembilan

Hadith : 120

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَوْحَى اللَّهُ تَعَالَى إِلَى مُوسَى بْنِ عِمْرَانَ فِي التَّوْرَةِ إِنَّ أُمَّهَاتِ الْخَطَايَا ثَلَاثٌ :
الْكِبْرُ وَالْحَسَدُ وَالْحِرْصُ.

⁷¹² al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Da'wāt, Bāb : 67, n h : 3479, jil. 5, hlm. 339-340.

⁷¹³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3773, jil. 3, hlm. 3.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Allah telah memberi wahyu kepada Musa bin Imran di dalam taurat sepertimana berikut : sesungguhnya punca segala kesalahan ada tiga iaitu sombong, hasad dan tamak (rakus).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam al-Ḥilyah al-Awliyā',⁷¹⁴ daripada Farqad al-Sabkhī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'yam ini daripada Yahyā bin Maṭraf daripada 'Alī bin Qarīn daripada Ja'far bin Sulaymān daripada Farqad al-Sabqī. Hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan perawi hadithnya memiliki banyak cacat dan illat diantaranya adalah 'Alī bin Qarīn seorang yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk*, sepertimana yang dikatakan oleh Yahyā bin Ma'īn dan Abū Ḥātim. Sedangkan 'Uqaylī dan Dār Quṭnī mengatakan bahawa dia pemalsu hadith dan *Da'īf*⁷¹⁵. Selanjutnya adalah Ja'far bin Sulaymān yang banyak diperbicangkan oleh ulama kedudukannya. Yahyā bin Ma'īn mengatakan bahawa dia *Da'īf* dan hadith-hadithnya *Da'īf*. Ibn Ma'īn dan Aḥmad mengatakan bahawa dia *Thiqah* dan *Lā Ba'sa Bihi*. Ibn Sa'ad pula mengatakan bahawa dia memang *Thiqah* tetapi hadithnya ada kelemahan atau *Da'īf*⁷¹⁶. Perawi terakhir ialah Farqad al-Sabakhī atau dikenal dengan Abū Ya'qūb Farqad al-Sabakhī seorang yang lemah. Abū

⁷¹⁴ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', jil. 3, hlm. 45.

⁷¹⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqdi al-Rijāl, no : 5913, jil. 4, hlm. 71.

⁷¹⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqdi al-Rijāl, no : 1505, jil. 1, hlm. 407.

Ḥātim mengatakan bahawa dia *Laysa Qawwī*, al-Bukhārī mengatakan bahawa dalam hadithnya terdapat kemungkaran, al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Laysa Thiqah* dan dia di~~Da'~~kan oleh Dār Qutnī⁷¹⁷.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan perawi hadithnya memiliki banyak cacat dan illat diantaranya adalah 'Alī bin Qarīn seorang yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk*, Ja'far bin Sulaymān yang banyak diperbicangkan oleh ulama kedudukannya dan Abū Ya'qūb Farqad al-Sabakhī seorang yang *Da'if*, *Laysa Qawwī* dan *Laysa Thiqah*.

Hadith : 121

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : أَكْبَرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَغَمَطُ النَّاسِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sikap sombong itu menolak kebenaran dan meremehkan orang lain.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Adāb al-Mufrad*⁷¹⁸, Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya*⁷¹⁹, Abū Dāwūd dalam *Sunannya*⁷²⁰ menerusi Sahabat Abū Hurayrah, al-

⁷¹⁷ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl fī Naqdi al-Rijāl*, no : 6699, jil. 4, hlm. 265-266.

⁷¹⁸ al-Bukhārī, *al-Adāb al-Mufrad*, Bāb : al-Kibr, nh : 567, hlm. 122.

⁷¹⁹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Taḥrīm al-Kibr wa Bayānihi, nh : 147, jil. 2, hlm. 77.

⁷²⁰ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, Kitāb : al-Libās, Bāb : Mā Jā'a Fī al-Kibr, nh : 4092, jil. 4, hlm. 1756.

Tirmidhī dalam Sunannya⁷²¹ dan Aḥmad dalam Musnadnya⁷²² menerusi ‘Abd Allāh bin Mas’ūd.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 122

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : لَا يَمُوتُ أَحَدُكُمْ إِلَّا وَهُوَ حَسَنُ الظَّنِّ بِاللَّهِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Jangan sampai salah satu dari kamu sekalian mati melainkan dalam berbaik sangka kepada Allah SWT.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁷²³, Abū Dāwūd dalam Sunannya⁷²⁴, Ibn Mājah dalam Sunannya⁷²⁵ dan Aḥmad dalam Musnadnya⁷²⁶ menerusi Jābir bin ‘Abd Allāh.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

⁷²¹ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Birru wa al-Silāḥ, Bāb : Mā Jā’a Fī al-Kibr, nh : 1999, jil. 4, hlm. 129-130.

⁷²² Aḥmad, Musnad Imam Aḥmad, nh : 4058, jil. 4, hlm. 130.

⁷²³ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ Nawāwī, Kitāb : al-Jannah wa Ṣifat Na’imihā wa Ahlihā, Bāb : al-Amru bi Ḥusni al-Ẓan Billāh Ta’alā ‘Inda al-Mawt, nh : 2877, jil. 17, hlm. 172.

⁷²⁴ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : Mā Yustaḥabbu Min Ḥusn al-Ẓan Billāh ‘Inda al-Mawt, nh : 3113, jil. 3, hlm. 1360.

⁷²⁵ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Tawakkul wa al-Yaqīn, nh : 4167, jil. 3, hlm. 490.

⁷²⁶ Aḥmad, Musnad Muḥammad bin Ḥanbal, n h : 14057, jil. 11, hlm . 361.

Hadith : 123

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : لَوْ وَزَنَ خَوْفُ الْمُؤْمِنِ وَرَجَاؤُهُ لَاعْتَدَلَ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Kalau ditimbang rasa khauf orang mukmin dan harapannya maka keduanya harus seimbang.

Takhrij Hadith :

Hadith yang sama diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁷²⁷ daripada Abā 'Alī Rauzbārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini, disebutkan oleh al-Sakhawī bahawa tidak ada asalnya dalam hadith *Marfū'* tetapi ia merupakan Athār daripada sebahagian salaf sahaja⁷²⁸. al-Zarkashī mengatakan bahawa hadith ini tidak ada asalnya, ianya *Mawḍū'* dan merupakan Athar daripada sebahagian salaf dan pendapat ini Ṣaḥīḥ⁷²⁹. Bunyi lafaz hadith di atas adalah perkataan Maṭraf, sedangkan perkataan Maṭraf yang lain melalui turuq Sabit berbunyi :

لَوْ وَزَنَ خَوْفُ الْمُؤْمِنِ وَرَجَاؤُهُ مَارَجَحَ أَحَدُهُمَا عَلَى صَاحِبِهِ⁷³⁰

Perkataan Maṭraf daripada turuq al-Asmā'ī

⁷²⁷ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī al-Rajā' Min Allāh Ta'alā, n h : 1027, jil. 2, hlm. 12-13.

⁷²⁸ al-Sakhawī, al-Maqāṣid al-Ḥasanah, n h : 909, hlm. 357.

⁷²⁹ al-Zarkashī, Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Bahādir al-Zarkashī, 1417H/1996M, al-Laali'u al-Manthūrah Fi al-Aḥādīth al-Mashhūrah, nh : 114, hlm. 90, Bayrūt : Maktabah al-Islāmī, Taḥqīq : Doktor Muḥammad bin Luṭfī al-Sabbāgh.

⁷³⁰ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī al-Rajā' Min Allāh Ta'alā, nh : 1024, jil. 2, hlm. 12-13.

لَوْ وَزَنَ خَوْفُ الْمُؤْمِنِ وَرَجَاؤُهُ بِمِيزَانٍ تَرْتِصُ مَا كَانَ بَيْنَهُمَا نَبْطٌ شَعْرٍ⁷³¹

Dan diriwayatkan pula oleh Abū Nu’aym melalui turuq Sufyān daripada Maṭraf dengan lafaz :

لَوْ وَزَنَ خَوْفُ الْمُؤْمِنِ وَرَجَاؤُهُ لَوَجَدَا سَوَاءً لَا يَزِيدُ أَحَدُهُمَا عَلَى صَاحِبِهِ⁷³²

al-‘Ajlūnī juga menyebutkan dalam kitabnya perkara yang sama⁷³³. Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan tidak ada asalnya dan hanya merupakan Athar daripada sebahagian salaf sahaja.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan tidak ada asalnya dan hanya merupakan Athar daripada sebahagian salaf sahaja.

Hadith : 124

فِي الْحَدِيثِ : أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ إِلَّا بَلَاءً فِيهِ عَلَاءٌ.

Maksudnya : Dalam sebuah hadith : Aku berlindung kepada Allah dari payahnya ujian kecuali ujian yang membawa kemuliaan disisi Allah.

⁷³¹ al-Bayhaqī, Shu’ab al-Īmān, Bāb : Fī al-Rajā’ Min Allāh Ta’alā, nh : 1025, jil. 2, hlm. 12-13.

⁷³² Abū Nu’aym, Ḥilyah al-Awliyā’, jil. 3, hlm. 76.

⁷³³ al-Ajlūnī, Kasf al-Khafā’ wa Muzīl al-Ilbās, n h : 2131, jil. 2, hlm. 166.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Kitab Adāb al-Mufrad⁷³⁴ menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Amrū bin al-‘Āsh.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith yang sama juga di riwayatkan oleh beliau daripada Abū Hurayrah dengan sedikit tambahan berbunyi :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَتَعَوَّذُ مِنْ جُحْدِ الْبَلَاءِ وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَشَتَاتِهِ الْأَعْدَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ

Lafaz hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam kitab Adāb al-Mufrad⁷³⁵, dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī⁷³⁶, dan Muslim dalam Ṣaḥīḥnya.⁷³⁷ Oleh itu hadith ini dihukum Ṣaḥīḥ.

Hadith : 125

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لِلْوُضُوءِ شَيْطَانٌ يُقَالُ لَهُ الْوُلْهَانُ فَاتَّقُوهُ أَوْ قَالَ فَاحْذَرُوهُ.

⁷³⁴ al-Bukhārī, al-Adāb al-Mufrad, Bāb : Man Ta’awuz Min Jahdi al-Balā’, n h : 729, hlm. 254.

⁷³⁵ al-Bukhārī, al-Adāb al-Mufrad, Bāb : Man Ta’awuz Min Jahdi al-Balā’, n h : 730, hlm. 254.

⁷³⁶ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Da’wāt, Bāb : Ta’awuz Min Juhdi al-Balā’, n h : 6347, jil. 12, hlm. 435-436, dan dalam al-Kitāb : al-Qadar, Bāb : Man Ta’awuz Billāh Min Darki al-Shiqā’ wa Shu’ al-Qaḍā’, n h : 6616, jil. 13, hlm. 355.

⁷³⁷ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Imām Nawāwī, Kitāb : al-Zikr, Wa al-Du’ā wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb : Fī Ta’awuz Min Su’ al-Qaḍā’ wa Darki al-Shiqā’ wa Ghayrih, n h : 53 (2707), jil. 17, hlm. 26.

Maksudnya : Daripada Ali R.A, daripada Nabi SAW dia bersabda : Dalam berwuduk terdapat syaitan yang menggoda dia bernama Walhan, maka jagalah dirimu dan beliau berkata berhati-hatilah kamu.

Takhrj Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya⁷³⁸, Ibn Mājah dalam Sunannya⁷³⁹ dan al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā⁷⁴⁰ menerusi Ubay bin Ka'ab.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Buṣayrī⁷⁴¹ mengatakan bahawa hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dengan sanad ini iaitu daripada Muḥammad bin Bashār daripada Dāwd al-Ṭiyālīsī daripada Kharījah bin Mus'ab daripada Yūnus bin 'Ubayd daripada al-Ḥasan daripada 'Ubay bin Zayd bin Ḍamrah al-Sa'dī daripada 'Ubay bin Ka'ab. Hadith ini *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi Kharījah bin Mus'ab dan dia seorang yang tidak *Thiqah* dan *Kadhdhāb*.

Ibn Ma'in mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah* dan *Kadhdhāb*, al-Bukhārī mengatakan bahawa Ibn al-Mubārak dan Waqī' meninggalkan hadithnya, dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Da'if*⁷⁴².

⁷³⁸ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : Mā Jā'a fī Karahiyat al-Ishrāf Fi al-Wuḍū' bi al-Mā', nh : 57, jil. 1, hlm. 150.

⁷³⁹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Ṭaharah wa Sunanihā, Bāb : Mā Jā'a Fī Qaṣḍi Fi al-Wuḍū' wa Karahati al-Ta'addi Fīhi, nh : 421, jil. 1, hlm. 194.

⁷⁴⁰ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb: al-Naḥyu An al-Ishrāf Fi al-Wuḍū', nh : 947, jil. 1, hlm. 303.

⁷⁴¹ al-Buṣayrī, Aḥmad bin Abī Bakar bin Ismā'il al-Buṣayrī, 1419H/1998M, Ittiḥāf al-Khayrah al-Mahrah bi Zawā'id al-Masānid al-'Ashrah, jil. 1, hlm. 430, Riyāḍ : Maktabah al-Rushd, Taḥqīq : Abī 'Abd al-Raḥman 'Adil bin Sa'ad, Abī Ishāq Sayyid bin Maḥmūd bin Ismā'il.

⁷⁴² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 2397, jil. 2, hlm. 148.

Hukum Hadith : *Mawḍu'*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan terdapat perawi Kharījah bin Mus'ab dan dia seorang yang tidak *Thiqah* dan *Kadhdhāb*.

Hadith : 126

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : خَمْسُ صَلَوَاتٍ مَنْ حَفِظَ عَلَيْهِنَّ كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاءٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَنْ لَمْ يُحَافِظْ عَلَيْهِنَّ لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورٌ وَلَا بُرْهَانٌ وَلَا نَجَاءٌ وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ فِرْعَوْنَ وَقَارُونَ وَهَامَانَ وَأُبَيِّ بْنِ خَلْفٍ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Lima solat siapa yang menjaganya maka dia memperoleh nur dan burhan (bukti kebenaran diri), juga keselamatan dihari kiamat, sesiapa yang tidak menjaganya maka tidak akan mempunyai nur (cahaya) burhan dan tidak memperoleh keselamatan pada hari kiamat dia beserta Fir'aun, Qarun dan Ubay bin Khalaf .

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya⁷⁴³, Ibn Hibban dalam *Ṣaḥīḥnya*⁷⁴⁴, al-Darimī dalam Sunannya⁷⁴⁵, al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Awsaṭ⁷⁴⁶ menerusi 'Abd Allāh bin 'Amrū bin 'Āsh.

⁷⁴³ Ahmad, Musnad Imām Ahmad, nh : 6576, jil. 6, hlm. 150.

⁷⁴⁴ 'Āmir 'Alā' al-Dīn 'Alī bin Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Dhikr al-Zajrin 'an Tarki al-Mar'i al-Muḥafazah 'Alā Ṣalawāt al-Mafrūdah, nh : 1467, jil. 4, hlm. 329.

⁷⁴⁵ al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : al-Riqāq, Bāb : al-Muḥafazah 'Ala al-Ṣalāh, nh : 2721, jil. 2, hlm. 184.

⁷⁴⁶ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, nh : 1788, jil. 2, hlm. 247.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Aḥmad daripada ‘Abd al-Raḥman, Ibn Ḥibbān daripada al-Muqbirī semuanya daripada Abī Ayyūb telah menceritakan kepadaku Ka’ab bin ‘Alqamah daripada ‘Isā bin Hilāl al-Ṣadafī daripada ‘Abd Allāh bin ‘Amrū. al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁷⁴⁷, disebabkan semua perawi yang terdapat dalam sanad adalah *Ṣaḥīḥ* dan *Thiqah*. Sebagaimana yang dikatakan oleh Aḥmad dalam Musnadnya bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁷⁴⁸. al-Darimī pula mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Jayyid* dan tidak ada yang cacat di dalamnya⁷⁴⁹. Ibn Ḥibbān juga mengatakan bahawa sanad hadith ini *Ṣaḥīḥ*⁷⁵⁰. al-Haythamī mengatakan bahawa sanad hadith ini semuanya *Thiqah*⁷⁵¹. Oleh itu penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

⁷⁴⁷ al-Mundhirī, *Targhīb wa Tarhīb*, Kitāb : Ṣolāt, Bāb : Tarhīb Min Tarki Ṣolāt Ta’ammudan wa Ikhrājihā an Waktihā Tahawunan, nh : 820, jil. 1, hlm. 440.

⁷⁴⁸ Aḥmad, *Musnad Imām Aḥmad*, nh : 6576, jil. 6, hlm. 150, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.

⁷⁴⁹ Ibid.

⁷⁵⁰ ‘Āmir ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Balbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān*, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Dhikr al-Zajrin ‘an Tarki al-Mar’i al-Muḥafaẓah ‘Alā Ṣalawāt al-Mafrūdah, nh : 1467, jil. 4, hlm. 329.

⁷⁵¹ al-Haythamī, *Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Farḍ al-Ṣolāt, jil. 1, hlm. 292.

2.2.6 Bab Kesepuluh

Hadith : 127

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : عَلَيْكُمْ بِالسَّوَالِكِ فَإِنَّ عَشَرَ خِصَالٍ يَطْهَرُ الْفَمُ وَيَرْضَى الرَّبُّ وَيَسْخُطُ الشَّيْطَانُ وَيُجِبُهُ الرَّحْمَنُ وَالْحَمَظَةُ وَيَشُدُّ اللَّثْمُ وَيُقْطَعُ الْبَلْعُ وَيُطَيَّبُ النَّكْهَةُ وَيُطْفِئُ الْمُرَّةَ وَيُجَلِّي الْبَصَرَ وَيُذْهِبُ الْبَخَرَ وَهُوَ مِنَ السُّنَّةِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Perhatikan benar-benar tentang bersiwak (membersihkan gigi dengan kayu arak) kerana disebaliknya terdapat sepuluh keutamaan : membersihkan mulut, mendatangkan reda Allah, menjadikan kemarahan syaitan, dicintai Allah yang maha pengasih dan malaikat penjaga, menguatkan gusi, menghentikan kahak, mengharumkan bau pernafasan, menghilangkan rasa pahit (dapat juga menstabilkan pencernaan dan penghadaman makanan) menajamkan pandangan mata dan menghilangkan bau mulut dan bersiwak itu termasuk sunnah Nabi.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws⁷⁵² menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Kinānah bin Jubālah daripada Bakar bin Khunays daripada Ḍarar bin ‘Amrū daripada bapanya daripada Anas. Hadith ini adalah *Da’if Jiddān* disebabkan dalam sanadnya terdapat perawi yang cacat dan diperbincangkan oleh ulama kedudukannya. Di antaranya ialah Ḍarar bin ‘Amrū. al-

⁷⁵² al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’tūr al-Khiṭāb, n h : 4369, jil. 3, hlm. 137.

Bukhārī mengatakan bahawa dia *Fīhi Nazar*.⁷⁵³ Yang kedua Bakar bin Khunays, al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Fīhi Kalam* (banyak pendapat ulama tentang kedudukannya)⁷⁵⁴. Yahyā bin Maʿīn mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shayʿ*, *Laysa Qawwīfī al-Ḥadīth* dan dia *Matrūk al-Ḥadīth*⁷⁵⁵. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa dia *Lā Baʿsa Bihi* akan tetapi dia meriwayatkan hadith daripada orang-orang yang *Ḍaʿīf* dan dia menulis hadith daripada mereka kemudian dia juga *Matrūk al-Ḥadīth*, ‘Iyāsh dan yang lain mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shayʿ*, Dār al-Quṭnī dan al-Nasāʾī mengatakan bahawa dia *Matrūk*, *Ḍaʿīf* dan *Laysa Qawwīfī*. Ibn Abī Ḥātim mengatakan daripada bapanya bahawa dia laki-laki *Ṣāliḥ* dan tidak *Qawwīfī* dalam hadith. Ibn Abī Shaibah mengatakan bahawa dia adalah *Ḍaʿīf al-Ḥadīth*⁷⁵⁶. Selanjutnya adalah Kinānah bin Jubālah, Abū Ḥātim menyebutkan bahawa kedudukannya *Ṣadūq*⁷⁵⁷. al-ʿUqaylī mengatakan bahawa Ibn Maʿīn mendustakannya dan Saʿdī mengatakan bahawa dia *Ḍaʿīf Jiddān*⁷⁵⁸. Oleh kerana dalam sanad hadith ini terdapat perawi yang *Ḍaʿīf*, *Matrūk* dan didustakan maka penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍaʿīf Jiddān*. Hadith yang sama juga diriwayatkan oleh Dār al-Quṭnī dalam Sunannya⁷⁵⁹ tetapi melalui Muʿallī bin Maymūn daripada Ayyūb daripada Ikrimah daripada Ibn ʿAbbās

⁷⁵³ al-Bukhārī, *Tārīkh al-Kabīr*, no : 5945/3051, jil. 4, hlm. 289.

⁷⁵⁴ al-Bukhārī, *Tārīkh al-Kabīr*, no : 1787, jil. 2, hlm. 75.

⁷⁵⁵ Abū Ḥātim, *al-Jarāḥ wa al-Taʿdīl*, no : 1497, jil. 2, hlm. 306.

⁷⁵⁶ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, no : 885, jil. 1, hlm. 302-303.

⁷⁵⁷ Abū Ḥātim, *al-Jarāḥ wa al-Taʿdīl*, no : 12510/966, jil. 7, hlm. 231.

⁷⁵⁸ al-ʿUqaylī, *al-Ḍuʿafāʾ al-Kabīr*, no : 1564, jil. 4, hlm. 11.

⁷⁵⁹ Dār al-Quṭnī, ‘Alī bin ‘Umar Dār al-Quṭnī, 1417H/1996M, *Sunan Dār al-Quṭnī*, Kitāb : Ṭaharah, Bāb : al-Siwāk, nh : 157, jil. 1, hlm. 56, Bayrūt : Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Taʿlīq dan Tahkhrīj : Majdī bin Maṣṣūr bin Sayyid al-Shawrī.

dalam keadaan *Mawqūf*. Hadith ini pun *Da'if Jiddān*, disebabkan perawi Mu'allī bin Maymūn adalah seorang yang *Da'if* dan *Matrūk* sepertimana yang dikatakan oleh Dār Quṭnī⁷⁶⁰. Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa Mu'allī bin Maymūn adalah *Da'if al-Ḥadīth*⁷⁶¹. al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Matrūk*⁷⁶². Ibn 'Adī pula mengatakan bahawa hadithnya itu adalah *Munkar* dan lemah sekali⁷⁶³.

Hukum Hadith : *Da'if Jiddān*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if Jiddān* disebabkan dalam sanadnya terdapat perawi yang cacat dan diperbincangkan oleh ulama kedudukannya. Di antaranya ialah Ḍarar bin 'Amrū perawi yang perlu diteliti kedudukannya, kedua Bakar bin Khunays seorang yang *Laysa Qawwīfī al-Ḥadīth* dan *Matrūk*, selanjutnya Kinānah bin Jubālah seorang yang didustakan dan *Da'if Jiddān* dan Mu'allī bin Maymūn adalah seorang yang *Da'if* dan *Matrūk*.

Hadith : 128

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : أَالصَّلَاةُ بِالسَّوَاكِ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ صَلَاةً بِغَيْرِ سَوَاكِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Solat satu kali dengan bersiwak itu lebih utama berbanding solat tujuh puluh kali tanpa menggunakan siwak.

⁷⁶⁰ Ibid.

⁷⁶¹ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 14850/1543, jil. 8, hlm. 384.

⁷⁶² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8678, jil. 5, hlm. 277.

⁷⁶³ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, no : 232/1853, jil. 6, hlm. 370.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ḥākim dalam Mustadrāk⁷⁶⁴, dan disebutkan oleh Suyūṭī dalam al-Dur al-Manthūr fī al-Aḥādīth al-Mushtarah.⁷⁶⁵

Perbahasan Ulama Tentang kedudukan Hadith :

Hadith ini *Da'if* meskipun ia mempunyai turuq yang banyak tetapi semuanya tidak terlepas dari kritikan. Sesetengah ulama seperti al-Ḥākim menganggap hadith ini *Ṣaḥīḥ* tetapi hukum ini tidak disepakati oleh ulama kerana sanadnya terdapat Ibn Ishāq. Menurut al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā dan Ibn Khuzaymah dalam al-Ṣaḥīḥ, hadith ini tidak didengar langsung oleh Ibn Ishāq dari al-Zuhrī kerana mereka tidak menganggap hadith ini sebagai hadith *Ṣaḥīḥ* ditakuti ianya di *Tadlīs* oleh Ibn Ishāq. Manakala sanad yang kedua terdapat Mu'āwiyah Ibn Yaḥyā al-Ṣadafī dan dia adalah *Da'if*. Pada sanad ketiga terdapat al-Waqidī, menurut Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dia adalah *Matrūk*. Adapun perkataan Ibn Ma'in bahawa hadith ini adalah *Bāṭil*⁷⁶⁶ adalah kurang tepat, kerana ramai Sahabat yang meriwayatkannya meskipun lafaznya berbeza tetapi maknanya sama. Antara sahabat yang meriwayatkan hadith ini ialah 'Āishah, Abū Hurayrah, Jābir, Ibn 'Umar, Ibn 'Abbās, Anas, Ummu Dardā' dan 'Alī bin Abī Ṭālib. Hadith 'Āishah di riwayatkan oleh Aḥmad dalam Musnadnya⁷⁶⁷, al-Ḥākim

⁷⁶⁴ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Ṭaharah (Faḍl al-Siwāk), jil. 1, hlm. 147.

⁷⁶⁵ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman bin Abī Bakar, tth, al-Durar al-Manthūr, hlm. 288, Bayrūt : Mu'assasat al-Risālah.

⁷⁶⁶ al-'Ajlūnī, Kasf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās, jil. 2, hlm. 33.

⁷⁶⁷ Aḥmad, Musnad, jil. 6, hlm. 272.

dalam Mustadrāk⁷⁶⁸, Ibn Khuzymah dalam al-Ṣaḥīḥ⁷⁶⁹, al-Bazzār dalam Musnad⁷⁷⁰, dan al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā⁷⁷¹. Adapun hadith Abū Hurayrah diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil⁷⁷², mana kala hadith Sahabat yang lainnya belum dapat dikesan. Kesimpulannya hadith ini boleh dijadikan hujjah pada masalah yang berhubungan dengan Fada’il al-A’mal kerana mempunyai sanad yang banyak, meskipun ia tidak terlepas daripada kritikan. Ini salah satu bukti bahawa hadith ini mempunyai asal daripada Nabi SAW. Di samping itu terdapat hadith *Ṣaḥīḥ* yang menyeru setiap individu muslim menggunakan siwak semasa hendak wuduk dan solat. Hanya yang menjadi masalah di sini adalah perbezaan pahala sembahyang bagi orang yang menggunakan siwak sebelum sembahyang dan yang tidak. Menggunakan siwak memang di galakkan dalam Islam. Wallahu A’lam.

Hukum Hadith : *Da’if*.

Hadith ini dihukum *Da’if* disebabkan dalam sanad perawi Ibn Ishāq. Menurut al-Bayhaqī dan Ibn Khuzaymah, hadith ini tidak didengar langsung oleh Ibn Ishāq dari al-Zuhrī kerana mereka tidak menganggap hadith ini sebagai hadith *Ṣaḥīḥ* ditakuti ianya di *Tadlīs* oleh Ibn Ishāq. Selain itu terdapat perawi Mu’āwiyah Ibn Yahyā al-Ṣadafī dan dia di *Da’if* kan oleh ulama.

⁷⁶⁸ al-Ḥākim, Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, jil. 1, hlm. 146.

⁷⁶⁹ Ibn Khuzaymah, Muḥammad bin Ishāq bin Khuzaymah, 1400H/1980M, al-Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah, jil. 1, hlm. 70, Bayrūt : Maktabah al-Islāmī, Taḥqīq : Doktor Muḥammad Muṣṭafā al-A’zamī.

⁷⁷⁰ al-Haythamī, Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakar al-Haythamī, 1399H/1979M, Kasf al-Aṣfār ‘an Zawā’id al-Bazzār, jil. 1, hlm. 244-245, Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah, Taḥqīq : Ḥabīb al-Raḥman al-A’zamī.

⁷⁷¹ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, jil. 1, hlm. 38.

⁷⁷² Ibn ‘Adī al-Jurjānī, al-Kāmil fī Ḍu’afā’, jil. 6, hlm. 316.

Hadith : 129

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَفْضَلُ الْإِيمَانِ الصَّبْرُ وَالسَّمَاحَةُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Iman yang paling utama adalah bersabar dan murah hati.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Ya'lā dalam Musnadnya⁷⁷³, daripada Jābir bin 'Abd Allāh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Ya'lā ini daripada Yūsuf bin Muḥammad bin al-Munkadir daripada bapanya daripada Jābir bin 'Abd Allāh. Hadith ini adalah *Da'īf Jiddān* disebabkan terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu Yūsuf bin Muḥammad al-Munkadir. al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth*⁷⁷⁴. al-Haythamī pula mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Abū Ya'lā ini *Da'īf* sekali kerana di dalamnya terdapat perawi bernama Yūsuf bin Muḥammad Ibn al-Munkadir dan dia adalah *Matrūk*⁷⁷⁵. Hadith yang semakna dengan hadith di atas dengan lafaz yang agak panjang diriwayatkan oleh al-Ḥākim dalam Mustadrāk⁷⁷⁶ daripada Muḥammad bin Salamah al-Ḥarānī daripada Bakar bin Khunays daripada 'Abd Allāh bin 'Ubayd bin

⁷⁷³ Abū Ya'lā, Musnad Abī Ya'lā al-Muwaṣṣilī, nh : 1849, jil. 2, hlm. 220.

⁷⁷⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 9884, jil. 6, hlm. 146.

⁷⁷⁵ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Fī al-Khiṣāl al-Īmān, jil. 1, hlm. 59.

⁷⁷⁶ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : Ma'rifat al-Ṣaḥābah, nh : 6628/2226, jil. 3, hlm. 725-726.

‘Umayr daripada bapanya daripada datuknya. Hadith ini pula *Da’if* disebabkan perawi Bakar bin Khunays adalah seroang yang *Da’if*. Ibn Ma’in dan al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Da’if*. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Ṣāliḥ* tetapi *Laysa Qawwī*⁷⁷⁷.

Hukum Hadith : *Da’if Jiddān*.

Daripada uraian di atas penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’if Jiddān* disebabkan terdapat perawi Yūsuf bin Muḥammad Ibn al-Munkadir dan dia adalah *Matrūk al-Ḥadīth*. Wallahu A’lam.

Hadith : 130

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : نِعَمَ سِلَاحُ الْمُؤْمِنِ الصَّبْرُ وَالْدُّعَاءُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sebaik-baik senjata orang mukmin adalah sabar dan doa.

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna dengan lafaz di atas diriwayatkan oleh Abū Ya’lā dalam Musnadnya⁷⁷⁸ dan Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil fī Du’afā’ al-Rijāl⁷⁷⁹ menerusi ‘Alī bin Abī Ṭālib.

⁷⁷⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 1279, jil. 1, hlm. 344.

⁷⁷⁸ Abī Ya’lā, Aḥmad bin ‘Alī bin Muthannā al-Mawṣilī, 1418/1998, Musnad Abī Ya’lā, n h : 435, jil : 1, hlm. 215, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr ‘Aṭā.

⁷⁷⁹ Ibn ‘Adī, Aḥmad ‘Abd Allāh bin ‘Adī al-Jurjanī, 1988, al-Kāmil fī Du’afā’ al-Rijāl, jil : 6, hlm. 172, Bayrūt : Dār al-Fikr, Taḥqīq : Doktor Suhayl Zakkār.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Ya'lā dan Ibn 'Adī di atas daripada Ḥasan bin Ḥumād al-Kūfī daripada Muḥammad bin al-Ḥasan bin Abī Yazīd al-Hamdānī daripada Ja'far bin Muḥammad daripada bapanya daripada datuknya daripada 'Alī bin Abī Ṭālib. Al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Abū Ya'lā *Da'if Jiddān* kerana terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu Muḥammad bin al-Ḥasan bin Abī Yazīd al-Hamdānī⁷⁸⁰. Sepertimana yang dikatakan oleh al-Nasā'ī, Abū Daud dan Ibn Ma'in bahawa dia adalah *Da'if* dan *Matrūk al-Ḥadīth*⁷⁸¹, dan Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa dia *Laysa bi Qawwī*⁷⁸². Oleh itu penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if Jiddān* kerana terdapat perawi yang *Matrūk*.

Hukum Hadith : *Da'if Jiddān*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if Jiddān* kerana terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu Muḥammad bin al-Ḥasan bin Abī Yazīd al-Hamdānī.

Hadith : 131

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَا مَعْشَرَ الْفُقَرَاءِ أُعْطُوا اللَّهَ الرِّضَا مِنْ قُلُوبِكُمْ تَظْفَرُوا بِثَوَابِ فَرَكُمُ وَإِلَّا فَلَا.

⁷⁸⁰ al-Haythamī, 1414/1994, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-'Ad'iyah, bab : al-Istinṣār bi al-Du'a, jil : 10, hlm : 147, al-Qāhirah : Maktabah al-Quds, Taḥqīq : Hisām al-Dīn al-Quds.

⁷⁸¹ al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī, tth, Mizān al-I'tidāl, no : 7382, jil : 4, hlm. 434, Bayrūt : Dār al-Fikr al-'Arabī, Taḥqīq : 'Alī Muḥammad al-Bajawī.

⁷⁸² Abū Ḥātim, 'Abd al-Raḥman bin Abī Ḥātim al-Razī, 1422/2002, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 1248, jil : 7, hlm. 303, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Wahai golongan orang faqir buatlah hati kalian reda pada taqdir Allah maka kamu sekalian akan memperoleh pahala kefakiranmu, jika kalian tidak reda maka tiada pahala bagimu.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad Firdaws⁷⁸³ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī melalui sanad ‘Abd al-Wahhāb Bin Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Simsārī daripada ‘Abbās bin Mūsā bin Ishāq daripada Aḥmad bin al-Ḥasan al-Miṣrī daripada Abū ‘Āmir daripada Awzā’ī daripada Yaḥyā bin Abī Kathīr daripada Abū Salamah dan ‘Ikrimah daripada Abū Hurayrah. al-‘Irāqī mengatakan dalam Takhrij al-Iḥyā’ bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’*. kepalsuan hadith ini disebabkan perawi Aḥmad bin al-Ḥasan bin Abān al-Miṣrī dan dia dituduh sebagai pendusta dan pemalsu hadith⁷⁸⁴. Ibn ‘Adī dan Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia pencuri hadith, pendusta dan pemalsu hadith, sedangkan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb*⁷⁸⁵. Oleh itulah hadith ini menjadi *Mawḍu’*.

⁷⁸³ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 8216, jil. 5, hlm. 291.

⁷⁸⁴ al-‘Irāqī, Zayn al-Dīn Abī al-Faḍal ‘Abd al-Raḥīm al-Ḥusayn al-‘Irāqī, 1387H/1968M, jil. 4, hlm. 247.

⁷⁸⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 330, jil. 1, hlm. 89-90.

Hukum Hadith : *Mawḍu'*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan perawi Aḥmad bin al-Ḥasan bin Abān al-Miṣrī dan dia dituduh sebagai pendusta dan pemalsu hadith.

Hadith : 132

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَفَكَّرُوا فِي كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَفَكَّرُوا فِي ذَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ بَيْنَ السَّمَاءِ السَّابِعَةِ إِلَى كُرْسِيِّهِ سَبْعَةَ آلَافِ نُورٍ وَهُوَ فَوْقَ ذَلِكَ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Berfikirlah tentang segala sesuatu, tetapi jangan berfikir tentang zat Allah kerana terdapat tujuh ribu cahaya di antara langit ketujuh sampai kursi Allah dan Allah di atas semua itu.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam kitabnya *Asmā' wa al-Ṣifāt*⁷⁸⁶ daripada Ibn 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini daripada 'Aṣim bin 'Alī menceritakan kepadaku bapaku daripada 'Aṭā' bin Sa'īb daripada Sa'īd bin Jubayr daripada Ibn 'Abbās dalam keadaan *Mawqūf*. Hadith ini dihukum *Mawḍu'* disebabkan terdapat perawi yang memiliki kecacatan dalam periwayatan. Di antaranya ialah 'Aṭā' bin Sa'īb

⁷⁸⁶ al-Bayhāqī, Aḥmad bin Ḥusayn al-Bayhaqī, tth, Kitab *Asmā' wa Ṣifāt*, Bāb : Mā Dhazakar fī Dhāt, hlm. 360, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

dan dia seorang yang *Ikhtilāf*⁷⁸⁷. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Ikhtilāf*, Yahyā bin Ma'īn mengatakan tidak boleh berhujjah dengannya kerana hadith-hadithnya adalah *Da'if*. Abū Ḥātim mengatakan dia *Ṣadūq* sebelum *Ikhtilāf*, al-Nasā'ī mengatakan bahawa dahulu dia *Thiqah* tetapi dia berubah⁷⁸⁸. Kemudian perawi 'Āṣim bin 'Alī dan bapanya 'Alī bin 'Āṣim al-Waṣiṭī keduanya merupakan perawi yang pendusta. Yahyā bin Ma'īn mengatakan bahawa 'Āṣim adalah *Kadhdhāb* dan bapanya juga *Kadhdhāb* dan keduanya di~~Da'if~~kan oleh Ibn Ma'īn dan al-Nasā'ī⁷⁸⁹. Oleh kerana terdapatnya perawi yang *Ikhtilāf* dan *Kadhdhāb* maka penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'*.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan para perawi hadith yang memiliki kecacatan dalam periwayatan. Di antaranya ialah ialah 'Aṭā' bin Sa'īb dan dia seorang yang *Ikhtilāf*. Kemudian perawi 'Āṣim bin 'Alī dan bapanya 'Alī bin 'Āṣim al-Waṣiṭī keduanya merupakan perawi yang *Kadhdhāb*.

Hadith : 133

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : رَحِمَ اللَّهُ قَوْمًا يَحْسِبُهُمُ النَّاسُ مَرْضَى وَمَا هُمْ بِمَرْضَى (رواه ابن المبارك).

⁷⁸⁷ *Ikhtilāf* = Nyanyuk pada masa tuanya.

⁷⁸⁸ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 5641, jil. 3, hlm. 467-469.

⁷⁸⁹ Ibn 'Adī, *al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl*, no : 416/1384, jil. 5, hlm. 234.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Allah SWT menyayangi suatu kaum yang mereka disangka orang lain sakit, padahal mereka itu tidak sakit (diriwayatkan oleh Ibn al-Mubāarak).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn al-Mubāarak dalam kitab al-Zuhud⁷⁹⁰ menerusi Ḥasan al-Baṣrī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini disebutkan oleh Ibn Mubāarak bahawa menceritakan kepada kami al-Mubāarak bin Fuḍālah daripada al-Ḥasan al-Baṣrī. Hadith ini adalah *Da'if* disebabkan ianya *Mursal* (ada nama Sahabat yang dihilangkan), kemudian terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Mubāarak bin Fuḍālah. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa Ibn Ma'in men~~Da'if~~kannya dan dia *Da'if al-Hadith*. 'Abd Allāh bin Mubāarak bertanya kepada bapanya tentang Mubāarak dan bapanya menjawab bahawa dia *Tadlis*⁷⁹¹.

Hukum Hadith : Da'if.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini *Da'if* disebabkan ianya *Mursal* (ada nama Sahabat yang dihilangkan), kemudian terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Mubāarak bin

⁷⁹⁰ Ibn al-Mubāarak, 'Abd Allāh bin al-Mubāarak al-Marwazī, tth, Kitab al-Zuhud, n h : 397, hlm. 84, Iskandariyah : Dār Ibn Khaldūn.

⁷⁹¹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 7530, jil. 5, hlm. 365.

Fuḍālah. Hadith ini juga di~~Da'~~kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁷⁹². Wallahu A'lam.

Hadith : 134

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَوْ تَعْلَمُونَ مَا لَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ لَأَحْبَبْتُمْ أَنْ تَزِدُّوا فَاقَةً وَحَاجَةً (رواه الترمذي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Seandainya kamu mengetahui apa yang ada pada Allah untuk kalian, pastilah kamu bertambah suka untuk faqir dan selalu berhajat (diriwayatkan oleh al-Tirmidhī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya⁷⁹³, Aḥmad dalam Musnadnya⁷⁹⁴, Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥnya⁷⁹⁵, al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr⁷⁹⁶ dan Abū Nu'aym dalam Ḥilyah⁷⁹⁷ semuanya menerusi Fuḍālah bin 'Ubayd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dan Aḥmad melalui sanad al-Muqri' (namanya ialah Abū 'Abd al-Raḥman 'Abd Allāh bin Yazīd), semua sanad hadith

⁷⁹² al-'Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 3888, jil. 8, hlm. 343.

⁷⁹³ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā'a Fī Ma'ishati Aṣḥāb Rasūlullah SAW, nh : 2368, jil. 4, hlm. 312.

⁷⁹⁴ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 23822, jil. 17, hlm. 177-178.

⁷⁹⁵ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartib Ibn Balbān, Kitāb : al-Raqā'iq : Bāb : al-Wara' wa Tawakkal, n h : 724, jil. 2, hlm. 502.

⁷⁹⁶ al-Ṭabarānī, al-Mu'jam al-Kabīr, n h : 798 dan 799, jil. 18, hlm. 310.

⁷⁹⁷ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Asfiyā', n h : 1383, jil. 2, hlm. 22.

adalah *Ṣaḥīḥ* selain ‘Alī al-Junbī namanya ialah ‘Amrū bin Mālīk, tetapi ahli Sunan mengatakan bahawa dia adalah *Thiqah*⁷⁹⁸. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī melalui sanad ‘Abbās al-Dawrī, al-Ṭabarānī melalui Harūn bin Malūl dan Abū Nu’aym melalui Bashr bin Mūsā ketiga-tiganya daripada Muqri’. al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁷⁹⁹, Shu’ayb al-Arna’ūṭ ketika mentahqiq kitab *Ṣaḥīḥ* Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān menyimpulkan bahawa hadith ini hukumnya adalah *Ṣaḥīḥ*.⁸⁰⁰, oleh itu hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 135

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : كَفَى بِالْمَرْءِ عِلْمًا أَنْ يَخْشَى اللَّهَ وَكَفَى بِالْمَرْءِ جُهْلًا أَنْ يُعْجِبَ بِنَفْسِهِ

(رواه البيهقي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Telah cukup membuktikan ilmu seseorang bila ia takut kepada Allah, dan cukup membuktikan kebodohnya bila ia mengkagumi amal perbuatannya sendiri (diriwayatkan oleh al-Bayhaqi).

⁷⁹⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6437, jil. 4, hlm. 206.

⁷⁹⁹ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā’a Fī Ma’ishati Ashāb Rasulullāh SAW, n h : 2368, jil. 4, hlm. 312.

⁸⁰⁰ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Raqā’iq, Bāb : al-Wara’ wa Tawakkal, n h : 724, jil. 2, hlm. 502.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁸⁰¹ daripada Masrūq.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini daripada Aḥmad bin Yaḥyā bin Sirīn menceritakan kepada kami Aḥmad bin Yūnus menceritakan kepada kami Za'idah daripada A'māsh daripada Muslim daripada Masrūq. Hadith ini dihukum *Ḍa'īf* disebabkan hadith ini adalah *Mursal*, ianya tidak *Marfū'* dan hanya merupakan perkataan Masrūq sahaja⁸⁰². al-Suyūṭī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mursal*, daripada Masrūq dan ianya *Ḍa'īf*⁸⁰³. Hadith ini juga di *Ḍa'īf*kan oleh al-Albānī⁸⁰⁴.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf* disebabkan ianya *Mursal*, tidak *Marfū'* dan hanya perkataan Masrūq sahaja. Wallahu A'lam.

Hadith : 136

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّمَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ يَرْجُوَهَا وَإِنَّمَا يَجْتَنِبُ النَّارَ مَنْ يَخَافُهَا وَإِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مَنْ يَرْحَمُ .

⁸⁰¹ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Khawf Min Allāh, n h : 748 dan 749, jil. 1, hlm. 472.

⁸⁰² Ibid

⁸⁰³ al-Suyūṭī, al-Jāmi' al-Ṣaghīr, jil.2, hlm. 271.

⁸⁰⁴ al-Albānī, Ḍa'īf Jāmi' al-Ṣaghīr, hlm. 609.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya yang masuk syurga hanyalah orang yang mengharapkannya dan sesungguhnya orang yang menjauhi neraka hanyalah orang yang takut terhadapnya dan sesungguhnya Allah hanya merahmati orang yang penyayang.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam Hilyahnya⁸⁰⁵, Ibn Abī Shaybah dalam Muṣannaf⁸⁰⁶, dan al-Bayhaqī dalam Shu’ab al-Īmān⁸⁰⁷ menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dan al-Bayhaqī riwayatnya bersambung kepada Suwayd bin Sa’īd daripada Hafs bin Maysarah daripada Zayd bin Aslām daripada Ibn ‘Umar. Abū Nu’aym mengatakan bahawa hadith ini *Gharīb* daripada hadith Zayd ianya *Marfū’ Muttasīl* yang mana bersendirian Hafs meriwayatkannya daripada Zayd bin Aslām⁸⁰⁸. Sedangkan hadith Ibn Abī Shaibah daripada ‘Ajlān daripada Zayd bin Aslām dalam keadaan *Mursal*. Tetapi Ibn Abī Saybah mengatakan bahawa ‘Ajlān *Ṣadūq*, jadi sanad hadith ini adalah *Ḥasan*⁸⁰⁹, sebagaimana disebutkan

⁸⁰⁵ Abū Nu’aym, Hilyah al-Awliyā’, n h : 3893, jil. 3, hlm. 261.

⁸⁰⁶ Ibn Abī Shaybah, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah, 1427H/2006M, al-Muṣannaf, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Dhakara ‘an Nabīnā SAW Fi al-Zuhdi, n h : 35490, jil. 19, hlm. 81-82, Bayrūt : Dār Qurtubah, Taḥqīq : Muḥammad ‘Awwamah.

⁸⁰⁷ al-Bayhaqī, Shu’ab al-Īmān, Bāb : Fī al-Khawf Min Allāh Ta’alā, nh : 778-779, jil. 1, hlm. 483.

⁸⁰⁸ Abū Nu’aym, Hilyah al-Awliyā’, nh : 3893, jil. 3, hlm. 261.

⁸⁰⁹ Ibn Abī Shaybah, al-Muṣannaf, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Dhakara ‘an Nabīnā SAW Fi al-Zuhdi, n h : 35490, jil. 19, hlm. 81-82.

oleh al-Suyūṭī dalam *Dur al-Manthūr*⁸¹⁰. Sedangkan Suwayd pula adalah perawi yang meriwayatkan hadits daripada Muslim sudah tentulah sanadnya tinggi⁸¹¹. Jadi hadits ini sanadnya *Jayyid*⁸¹² sebagaimana ianya di~~Has~~ankan oleh Ibn Abī Saybah begitu juga al-Suyūṭī. Kemudian hadits ini memiliki *Shahīd* yang telah *Thabit* ke~~sa~~hīḥannya iaitu diriwayatkan oleh Ibn Abī Saybah daripada Usāmah bin Zayd⁸¹³, dengan lafaz :

إِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الرَّحَمَاءَ

Hadith yang sama dengan ini pula diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥnya*⁸¹⁴, Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya*⁸¹⁵, Abū Dāwūd dalam *Sunannya*⁸¹⁶, Ibn Mājah dalam *Sunannya*⁸¹⁷, dan Imām Aḥmad dalam *Musnadnya*⁸¹⁸ semuanya daripada Usāmah bin Zayd dan hukumnya adalah *Ṣaḥīḥ*. Oleh itu penulis simpulkan bahawa hadits ini adalah *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ*.

⁸¹⁰ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥman bin Abī Bakar al-Suyūṭī, 1421H/2000M, al-Dur al-Manthūr fi Tafsīr al-Ma’thūr, jil. 6, hlm. 516, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

⁸¹¹ ibid

⁸¹² *Jayyid* = Hadith atau sanad yang lebih rendah daripada *Ṣaḥīḥ* namun lebih tinggi daripada *Ḥasan* mengikut pendapat beberapa ulama.

⁸¹³ Ibn Abī Shaybah, al-Muṣannaf, Kitāb : al-Adāb, Bāb : Dhakara Fi al-Raḥmah min al-Thawāb, n h : 25875, jil. 13, hlm. 55, dan Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : Man Rakhkhasa fi al-Bukā’ ‘Ala al-Mayyit, n h : 12250, jil. 7, hlm. 502-593.

⁸¹⁴ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : Ziyarat al-Kubur, n h : 1284, jil. 3, hlm. 496.

⁸¹⁵ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Nawāwī, Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : al-Bukā’ ‘Ala al-Mayyit, n h : 11 (923), jil. 6, hlm. 200.

⁸¹⁶ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : al-Bukā’ ‘Ala al-Mayyit, n h : 3125, jil. 3, hlm. 1365-1366.

⁸¹⁷ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Janā’iz, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Bukā’ ‘Ala al-Mayyit, nh : 1588, jil. 2, hlm. 54-55.

⁸¹⁸ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 21673-21676, jil. 16, hlm. 92-93.

Hadith : 137

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَوَاضَعُوا وَجَالِسُوا الْمَسَاكِينَ تَكُونُوا مِنْ كِبَارِ أَهْلِ اللَّهِ وَتَخْرُجُوا مِنْ
الْكِبَرِ (رواه أبو نعيم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bersikap tawadu' dan duduklah bersama orang-orang miskin maka engkau menjadi golongan keluarga besar Allah dan terlepas dari sikap sombong (diriwayatkan oleh Abū Nu'aym).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam Hilyah⁸¹⁹ menerusi 'Abd Allāh bin 'Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym ini daripada Khālid bin Yazīd al-'Umārī menceritakan kepada kami 'Abd al-Azīz bin Abī Ruwād daripada Nāfi' daripada Ibn 'Umar. Hadith ini *Mawḍū'* disebabkan perawi Khālid bin Yazīd al-'Umārī adalah seroang yang *Kadhdhāb* dan *Dhāhib al-Ḥadīth*. Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb* dan *Dhāhib al-Ḥadīth*⁸²⁰. Yaḥyā bin Ma'in mendustakannya dan Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia perawi yang *Mawḍū'*⁸²¹.

⁸¹⁹ Abū Nu'aym, Hilyah al-Awliyā' wa Tabaqāt al-Asfiyā', jil. 8, hlm. 197.

⁸²⁰ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarāḥ wa al-Ta'dīl, no : 3923, jil. 3, hlm. 353-354.

⁸²¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 2476, jil. 2, hlm. 169.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan perawi Khālīd bin Yazīd al-'Umārī adalah seroang yang *Kadhdhāb* dan *Dhāhib al-Ḥadīth*. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū'* oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*⁸²².

Hadith : 138

وَفِي الْحَدِيثِ : إِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الرَّحَمَاءَ.

Maksudnya : Dalam hadith disebutkan bahawa : Sesungguhnya Allah SWT mencurahkan kasih sayangnya kepada hamba-hamba-Nya yang penyayang.

Takhrij Hadith :

Matan hadith yang pendek ini pada asalnya panjang, bunyi matan hadith ini terdapat pada penghujung hadith, dan bunyi asalnya ialah :

حَدَّثَنَا عَبْدَانُ وَ مُحَمَّدٌ قَالَا أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا عَاصِمُ بْنُ سُلَيْمَانَ عَنْ أَبِي عُثْمَانَ قَالَ : حَدَّثَنِي أُسَامَةُ

بْنُ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أُرْسِلَتْ ابْنَةُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْهِ : إِنَّ ابْنًا لِي قُبِضَ فَأَتِنَا فَأَرْسَلَ

يُقْرِئُ السَّلَامَ وَيَقُولُ : إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ وَلَهُ مَا أُعْطِيَ وَكُلٌّ عِنْدَهُ بِأَجَلٍ مُّسَمًّى فَلْتَصْبِرْ وَلْتَحْسِبْ فَأَرْسَلَتْ

إِلَيْهِ تُقْسِمُ عَلَيْهِ لِيَأْتِيَنَهَا فَقَامَ وَمَعَهُ سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ وَمُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ وَأُبَيُّ بْنُ كَعْبٍ وَزَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ وَرِجَالٌ

فَرَفَعَ إِلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّبِيَّ وَنَفْسُهُ تَتَفَقَّعُ قَالَ حَسِبْتُهُ أَنَّهُ قَالَ كَأَنَّهَا شَيْءٌ فَقَاضَتْ

⁸²² al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*, n h : 3419, jil. 7, hlm. 428.

عَيْنَاهُ فَقَالَ سَعْدُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا هَذَا؟ فَقَالَ هَذِهِ رَحْمَةُ اللَّهِ فِي قُلُوبِ عِبَادِهِ وَإِنَّمَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الرَّحَمَاءَ.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya⁸²³, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁸²⁴, Abū Dāwūd dalam Sunannya⁸²⁵, Ibn Mājah dalam Sunannya⁸²⁶, al-Nasā'ī dalam Sunannya⁸²⁷, Aḥmad dalam Musnad⁸²⁸ semuanya menerusi Usāmah bin Zayd.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 139

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : كُلُّكُمْ يُحِبُّ أَنْ يُدْخَلَ الْجَنَّةَ ؟ قَالُوا نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَقْصُرُوا مِنَ الْأَمَلِ وَأَثْبِتُوا أَجَالَكُمْ بَيْنَ أَبْصَارِكُمْ وَاسْتَحْيُوا مِنَ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاءِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ كُلُّنَا نَسْتَحْيِي مِنَ اللَّهِ قَالَ لَيْسَ كَذَلِكَ الْحَيَاءُ مِنَ اللَّهِ وَلَكِنَّ الْحَيَاءَ مِنَ اللَّهِ أَنْ لَا تَنْسُوا الْمَقَابِرَ وَالْبَلَى وَأَنْ لَا تَنْسُوا الْجُوفَ وَمَا وَعَى وَأَنْ لَا تَنْسُوا الرُّؤْسَ وَمَا حَوَى وَمَنْ اسْتَهَى كَرَامَةَ الْآخِرَةِ يَدْعُ زِينَةَ الدُّنْيَا هُنَالِكَ اسْتَحْيَا الْعَبْدُ مِنَ اللَّهِ وَهُنَالِكَ أَصَابَ وَلَايَةَ اللَّهِ (رواه ابو نعيم).

⁸²³ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : Qawlun Nabi SAW : Yu'adhdhabu Mayyit bi Ba'di Bukā' Ahlihi 'Alayhi Idhā Kāna Nawhun Min Sunnatihi, n h : 1284, jil. 3, hlm. 496.

⁸²⁴ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Nawāwī, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : al-Bukā' 'Ala al-Mayyit, n h : 923, jil. 6, hlm. 200.

⁸²⁵ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : Fi al-Bukā' 'Ala al-Mayyit, n h : 3125, jil. 3, hlm. 1365-1366.

⁸²⁶ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : Mā Jā'a Fi al-Bukā' 'Ala Mayyit, n h : 1588, jil. 2, hlm. 54-55.

⁸²⁷ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī bi Sharah Suyūfī wa Sanadī, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : al-Amru bi al-Iḥtisāb wa al-Ṣabri 'Inda Nuzul al-Muṣībah, n h : 1867, jil. 2, hlm. 448.

⁸²⁸ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 21686, jil. 16, hlm. 97.

Maksudnya : Diriwayatkan bahwa Nabi SAW bersabda : Apakah kamu suka masuk ke surga? Mereka berkata : Ya, wahai Rasulullah, Rasulullah bersabda : sedikitkanlah angan-angan kamu dan tetapkanlah ajalmu di depan mata, dan malulah kepada Allah dengan sebenar, mereka berkata : Wahai Rasulullah kami semua malu kepada Allah, Rasulullah SAW bersabda : Malu kepada Allah bukan begitu, tetapi malu kepada Allah tidak lupa pada kubur dan kehancuran tubuh, tidak melupakan perut dan makanan yang dikandungnya dan kamu jangan melupakan kepala dan apa yang difikirkannya, sesiapa yang menginginkan kemuliaan akhirat maka dia akan meninggalkan perhiasan dunia saat itulah seorang hamba berasa malu kepada Allah dan disitu pula dia mendapat pertolongan dari Allah (diriwayatkan oleh Abū Nu’aym).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam Ḥilyah⁸²⁹ menerusi Ḥasan al-Baṣrī dalam keadaan *Mursal*.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym ini *Gharīb* dengan lafaz seperti di atas, dia pun mengatakan bahawa aku tidak mengetahui lafaz hadith ini diriwayatkan daripada Mālik bin Maghūl daripada Abī Rabi’ah selain daripada ‘Abd Allāh bin al-Mubārak seorang, sedangkan sebahagian lafaz hadith ini sanadnya *Muttaṣil*⁸³⁰ daripada hadith ‘Abd Allāh bin Mas’ūd.⁸³¹ Hadith ini melalui sanad Ibrāhim al-Ḥarabī menceritakan kepada kami Muḥammad Ibn al-Muqātil menceritakan kepada kami Ibn al-Mubārak

⁸²⁹ Abū Nu’aym, Ḥilyah al-Awliyā’, n h : 11870, jil. 8, hlm. 199.

⁸³⁰ *Muttaṣil* = Sanadnya bersambung.

⁸³¹ Ibid.

mengkhabarkan kepada kami Mālik bin Maghūl aku mendengar Abī Rabi’ah bercerita tentang hadith ini daripada Ḥasan al-Baṣrī. Hadith ini dihukum *Ḍa’īf* disebabkan dalam sanad ada Muḥammad Ibn Muqātil. al-Dhahabī mengatakan bahawa ulama berbincang tentang kedudukannya tetapi dia tidak dibiarkan begitu saja⁸³². Kemudian perawi Abī Rabi’ah namanya ialah ‘Umar bin Rabi’ah Abū Rabi’ah al-Ayyādī, Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia adalah *Munkar al-Ḥadīth*⁸³³.

Hukum Hadith : Ḍa’īf Jiddān.

Hadith ini adalah *Ḍa’īf Jiddān* disebabkan terdapat perawi yang *Ḍa’īf* dan *Munkar al-Ḥadīth* iaitu Muḥammad Ibn Muqātil dan ‘Umar bin Rabi’ah Abū Rabi’ah al-Ayyādī.

Hadith : 140

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : تَعَلَّمُوا مِنَ الْعِلْمِ مَا شِئْتُمْ أَنْ تُعَلَّمُوا فَلَنْ يَنْفَعَكُمُ اللَّهُ بِالْعِلْمِ حَتَّى تَعْمَلُوا بِمَا تَعَلَّمُونَ (رواه ابن عدي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Pelajarilah ilmu apapun yang engkau mahukan untuk mempelajarinya dan Allah tidak membuat ilmu bermanfaat untukmu sehingga engkau mahu mengamalkan ilmu yang engkau pelajari itu (diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī).

⁸³² al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8201, jil. 5, hlm. 172.

⁸³³ Abū Ḥātim al-Razī, Jarāḥ wa al-Ta’dīl, no : 9825/575, jil. 6, hlm. 135.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam kitabnya al-Kāmil⁸³⁴, Khaṭīb al-Baghdādī dalam Tārikhnya⁸³⁵ daripada Mu’ādh bin Jabāl.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dan Khaṭīb al-Baghdādī ini daripada Bakar bin Khunays daripada Yazīd bin Yazīd bin Jābir daripada bapanya daripada Mu’ādh bin Jabāl. Hadith ini adalah *Da’if* disebabkan perawi Bakar bin Khunays adalah seorang yang *Da’if*. Yaḥyā bin Ma’īn mengatakan bahawa dia adalah *Laysa bi Shay’* dan *Da’if al-Hadīth*⁸³⁶. al-Nasā’ī dan ulama lain pun mengatakan bahawa dia adalah *Da’if*⁸³⁷. Hadith yang sama juga diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir dalam Tārikh Dimashq daripada Abū Dardā’ melalui sanad ‘Uthmān bin Fa’id menceritakan kepada kami Bakar bin Khunays daripada Ḥusayn bin ‘Abd al-Raḥman daripada ‘Amarah bin Ruwaybah daripada Abī Dardā’⁸³⁸. Hadith ini juga dihukum *Da’if* disebabkan terdapat perawi ‘Uthmān bin Fa’id. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia mempunyai banyak cacat, Ibn Ḥibbān mengatakan tidak berhujah dengan hadithnya. al-Bukhārī mengatakan bahawa hadithnya perlu diteliti, Ibn Ma’īn mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay’*, Ibn ‘Adī pula mengatakan kebanyakan apa yang diriwayatkannya tidak dijaga dan

⁸³⁴ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 2, hlm. 25-26.

⁸³⁵ al-Khaṭīb Baghdādī, Tārikh Baghdād, jil. 10, hlm. 94.

⁸³⁶ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 2, hlm. 25-26.

⁸³⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 1279, jil. 1, hlm. 344.

⁸³⁸ Ibn Asākir, Tārikh Madīnah Dimsaq jil. 52, hlm. 342.

dihafaz⁸³⁹. Sanad yang kedua adalah Bakar bin Khunays sebelumnya telah kita bahas, oleh itu hadith ini dihukum *Da'if*.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Bakar bin Khunays, dan 'Uthmān bin Fa'id.

Hadith : 141

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَفَةُ الظَّرْفِ الصِّلَفُ وَأَفَةُ الشَّجَاعَةِ الْبَغْيُ وَأَفَةُ السَّمَاخَةِ الْمَنُ وَأَفَةُ الْجَمَالِ الْخِيَلُ وَأَفَةُ الْعِبَادَةِ الْفُتْرَةُ وَأَفَةُ الْحَدِيثِ الْكَذِبُ وَأَفَةُ الْعِلْمِ التَّسْيَانُ وَأَفَةُ الْحِلْمِ السَّفَهُ وَأَفَةُ الْحَسَبِ الْفَخْرُ وَأَفَةُ الْجُودِ السَّرَفُ (رواه البيهقي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW : cabaran dalam pertandingan adalah pujian yang melampau, cabaran dalam keberanian adalah melencong dari kebenaran, cabaran dalam sifat pemurah adalah menyebut-nyebut pemberian, cabaran dalam kecantikan adalah mendedahkan aurat, cabaran dalam beribadah adalah melalaikannya, cabaran dalam bercakap adalah kedustaan, cabaran dalam mencari ilmu adalah kelupaan, cabaran dalam sikap murah hati adalah sikap merasa diri bodoh, cabaran dalam kedudukan adalah kesombongan dan cabaran dalam sikap suka memberi adalah suka berlebihan (diriwayatkan oleh Baihaqī).

⁸³⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 5552, jil. 3, hlm. 448-449.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*⁸⁴⁰, al-Ṭabarānī dalam *Mu'jam al-Kabīr*⁸⁴¹ dan al-Quḍā'ī dalam *Musnad al-Shihāb*⁸⁴² menerusi 'Alī bin Abī Ṭālib.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Muḥammad bin 'Abd Allāh Abū Rajā' al-Ḥibṭī daripada Abī Ishāq daripada al-Ḥārith bahawa 'Alī berkata sebagaimana dalam hadith di atas. Hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan dalam sanad terdapat perawi Muḥammad bin 'Abd Allāh Abū Rajā' al-Ḥibṭī dan dia adalah *Kadhdhāb* atau pendusta sebagaimana dikatakan oleh al-Haythamī bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini di dalamnya ada Muḥammad bin 'Abd Allāh Abū Rajā' dan dia adalah *Kadhdhāb*⁸⁴³. Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī ketika mentahqiq kitab *Musnad al-Shihāb* mengatakan bahawa Muḥammad bin 'Abd Allāh adalah *Kadhdhāb* dan hadith ini adalah *Mawḍū'*⁸⁴⁴.

⁸⁴⁰ al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān*, Bāb : Fī Ta'dīd Ni'ami Allāh wa Shukrihā, Faṣl : Fī Faḍl al-'Aql, n h : 4647, jil. 4, hlm. 157.

⁸⁴¹ al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, n h : 2688, jil. 3, hlm. 68-69.

⁸⁴² al-Quḍā'ī, *Musnad al-Shihāb*, n h : 74, jil. 1, hlm. 78-79.

⁸⁴³ al-Haythamī, *Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā'a Fi al-Hikmah wa al-Muru'ah, jil. 10, hlm. 286.

⁸⁴⁴ al-Quḍā'ī, *Musnad al-Shihāb*, n h : 74, jil. 1, hlm. 78-79.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan dalam sanad terdapat perawi Muḥammad bin ‘Abd Allāh Abū Rajā’ al-Ḥibṭī dan dia adalah seorang yang *Kadhdhāb*. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū’* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah⁸⁴⁵. Wallahu A’lam.

Hadith : 142

رُويَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَلْعَقْلُ نُورٌ فِي الْقَلْبِ يُفَرِّقُ بَيْنَ الْحَقِّ وَالْبَاطِلِ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Akal adalah cahaya di dalam hati yang dapat membezakan antara hak dan batil (perkara benar dan yang salah).

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 143

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ الْعِلْمُ بِاللَّهِ إِنَّ الْعِلْمَ يُنْفَعُكَ مَعَهُ قَلِيلُ الْعَمَلِ وَكَثِيرُهُ وَإِنَّ

الْجُهْلَ لَا يُنْفَعُكَ مَعَهُ قَلِيلُ الْعَمَلِ وَلَا كَثِيرُهُ (رواه الحاكم).

⁸⁴⁵ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, jil. 3, hlm. 467.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sebaik baik amal adalah ilmu mengenai Allah kerana sesungguhnya amal sedikit mahupun banyak akan bermanfaat apabila disertai dengan ilmu dan sesungguhnya amal baik dan sedikit mahupun banyak tidak akan bermanfaat apabila disertai dengan keadaan bodoh tanpa ilmu (diriwayatkan oleh al-Hākim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini disebutkan oleh al-Suyūṭī dalam Jāmi' al-Ṣaghīr⁸⁴⁶ oleh al-Hākim daripada Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang disebutkan oleh al-Suyūṭī di atas sesuai sanadnya dengan apa yang disebutkan oleh Ibn 'Abd al-Bar dalam Jāmi' Bayān Ilmi wa Faḍlihi iaitu daripada Mu'ammal bin 'Abd al-Raḥman al-Thaqafī daripada 'Ibād bin 'Abd al-Ṣamad daripada Anas bin Mālik⁸⁴⁷, dengan lafaz :

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ ؟ قَالَ أَلْعِلْمُ بِاللهِ عَزَّ وَجَلَّ , قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ ؟ قَالَ أَلْعِلْمُ بِاللهِ عَزَّ وَجَلَّ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَسْأَلُكَ عَنِ الْعَمَلِ وَتَخْبِرُنِي عَنِ الْعَمَلِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ قَلِيلَ الْعَمَلِ يَنْفَعُ مِنَ الْعِلْمِ وَإِنَّ كَثِيرَ الْعَمَلِ لَا يَنْفَعُ مَعَ الْجَهْلِ.

⁸⁴⁶ al-Suyūṭī, al-Jāmi' Ṣaghīr fī Aḥādīth al-Bashīr wa Nazīr, n h : 1240, jil. 1, hlm. 79.

⁸⁴⁷ Ibn 'Abd al-Bār, Jāmi' Bayān 'Ilmi wa Faḍlihi, jil. 1, hlm. 54.

Daripada sanad dan bentuk hadith yang sama disebutkan juga oleh al-Suyūfī dalam al-Lali'ī al-Maṣnu'ah⁸⁴⁸ dan di dalamnya dikatakan oleh Ibn Ḥibbān telah menceritakan kepada kami Qutaybah menceritakan kepada kami Ghālib bin Wāzir al-Ghazzī menceritakan kepada kami Mu'ammal Ibn 'Abd al-Raḥman al-Thaqafī menceritakan kepada kami 'Ibād bin 'Abd al-Ṣamad daripada Anas bin Mālik. Hadith ini *Da'īf Jiddān* kerana dalam sanad terdapat perawi yang bermasalah iaitu 'Ibād bin 'Abd al-Ṣamad, al-Bukhārī mengatakan bahawa dia adalah *Munkar al-Ḥadīth*⁸⁴⁹. Yang kedua adalah Mu'ammal bin 'Abd al-Raḥman al-Thaqafī, Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia adalah *Da'īf* dan *Layyin al-Ḥadīth*⁸⁵⁰. Oleh itu hadith ini dihukum sebagai *Da'īf Jiddān*. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : *Da'īf Jiddān*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf Jiddān*, disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Munkar al-Ḥadīth* iaitu 'Ibād bin 'Abd al-Ṣamad dan perawi yang *Da'īf* dan *Layyin al-Ḥadīth* iaitu Mu'ammal bin 'Abd al-Raḥman al-Thaqafī.

Hadith : 144

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا يَدْخُلُ النَّارَ مَنْ بَكَى مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ حَتَّى يَلِيحَ اللَّبَنُ فِي الضَّرْعِ.

⁸⁴⁸ al-Suyūfī, al-Lali'ī al-Maṣnu'ah Fī Aḥādith al-Mawḍū'ah, Kitāb : al-'Ilm, jil. 1, hlm. 201.

⁸⁴⁹ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 7701/1630, jil. 5, hlm. 320.

⁸⁵⁰ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 15017/1710, jil. 8, hlm. 428.

Maksudnya : Daripada Abu Hurayrah dia berkata, Nabi SAW bersabda : Tidak akan masuk neraka orang yang menangis kerana takut seksa Allah sehingga air susu masuk lagi ke dalam puting.

Takhrij Hadith :

Hadith yang serupa maknanya dengan hadith di atas diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*⁸⁵¹ melalui Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini melalui sanad al-Kudaimī menceritakan kepada kami 'Abd Allāh bin Rābi' al-Bahilī menceritakan kepada kami Muḥammad bin 'Amrū daripada Abū Salamah daripada Abū Hurayrah dia berkata :

لَمَّا نُزِلَتْ (أَفَمِنْ هَذَا الْحَدِيثِ تَعْجَبُونَ وَتَضْحَكُونَ وَلَا تَبْكُونَ : النجم : ٥٩) بَكَى أَصْحَابُ الصُّفَّةِ حَتَّى جَرَتْ دُمُوعُهُمْ عَلَى خُدُودِهِمْ فَلَمَّا سَمِعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَبِيرَهُمْ بَكَى مَعَهُمْ فَبَكَى بِكَائِهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ : لَا يَلْجُ النَّارَ مَنْ بَكَى مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ، وَلَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَصِرٌ عَلَى مَعْصِيَةٍ وَلَوْ لَمْ تَدْنُبُوا لَجَاءَ اللَّهُ بِقَوْمٍ يُدْنِبُونَ فَيَغْفِرُهُمْ.

Hadith ini *Mawḍū'* disebabkan terdapat beberapa perawi yang cacat di dalamnya. Di antaranya ialah al-Kudaimī nama aslinya adalah Muḥammad bin Yūnus al-Baṣrī. Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia dituduh sebagai pemalsu hadith, pencuri hadith dan guru-

⁸⁵¹ al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān*, Bāb : Fī al-Khawf Min Allāh, n h : 798, jil. 1, hlm. 489.

guru kami meninggalkan periwayatan daripadanya⁸⁵². Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia sudah memalsukan hadith lebih seribu hadith, Abū ‘Ubayd al-Ajurrī mengatakan bahawa Abū Dāwd menggunakan nama al-Kudaimī ini sebagai pendusta atau *Kadhdhāb*, Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia dituduh sebagai pemalsu hadith⁸⁵³. Kemudian perawi ‘Abd Allāh bin Rābi’ al-Bahilī, penulis tidak menemukan nama beliau dalam kitab rijal selain ‘Abd Allāh bin Zubayr al-Bahilī, Abū Ḥatim mengatakan bahawa orang ini *Majhūl* dan tidak dikenal⁸⁵⁴.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb*, dituduh sebagai pemalsu hadith dan pencuri hadith iaitu al-Kudaimī (Muḥammad bin Yūnus al-Baṣrī). Dan perawi yang *Majhūl* iaitu ‘Abd Allāh bin Rābi’ al-Bahilī.

Hadith : 145

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَحَبُّ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَدْنَاهُمْ مِنْهُ بَحْلَسًا إِمَامٌ عَادِلٌ وَ

أَبْعَضُ النَّاسِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَبْعَدَهُمْ مِنْهُ بَحْلَسًا إِمَامٌ جَائِرٌ (رواه امام احمد والترمذي).

⁸⁵² Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Du’afā’ al-Rijāl, no : 159/1780, jil. 6, hlm. 292-293.

⁸⁵³ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8353, jil. 5, hlm. 199-200.

⁸⁵⁴ Abū Ḥatim, al-Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 7596/262, jil. 5, hlm. 65.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Orang yang paling dicintai Allah SWT dan paling dekat dengan-Nya pada hari kiamat adalah pemimpin yang adil dan manusia yang paling dibenci oleh Allah serta jauh dari-Nya ialah pemimpin yang zalim (diriwayatkan oleh Ahmad dan Tirmidhī).

Takhrj Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya⁸⁵⁵, Ahmad dalam Musnadnya⁸⁵⁶ dan al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Awsaṭnya⁸⁵⁷ menerusi Abū Sa'īd al-Khudrī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dan Ahmad ini daripada Fuḍayl bin Marzūq daripada 'Aṭiyah daripada Abī Sa'īd al-Khudrī, dan hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī pula daripada 'Aṭiyah daripada Abī Sa'īd al-Khudrī juga dengan lafaz :

أَشَدُّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِمَامٌ جَائِرٌ

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama ini dihukum *Da'īf* disebabkan terdapat perawi yang dibincangkan oleh ulama kedudukannya iaitu 'Aṭiyah namanya adalah 'Aṭiyah bin Sa'ad bin Junādah, kebanyakan jumhur ulama men~~Da'īf~~kannya. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Da'īf al-Ḥadīth* tetapi hadithnya ditulis. Abū Zur'ah

⁸⁵⁵ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Aḥkām, Bāb : Mā Jā'a Fī Imām al-'Adil, n h : 1329, jil. 3, hlm. 398.

⁸⁵⁶ Ahmad, Musnad Imām Ahmad, n h : 11117, jil. 10, hlm. 74.

⁸⁵⁷ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, nh : 1618, jil. 2, hlm. 187.

mengatakan bahawa dia *Layyin*⁸⁵⁸. Ibn Ma'in mengatakan bahawa dia *Ṣāliḥ*⁸⁵⁹, Aḥmad dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Ḍa'if*⁸⁶⁰. Kemudian terdapat lagi perawi Fuḍayl bin Marzūk, beliau juga *Ḍa'if* sebagaimana disebutkan oleh al-Dhahabī⁸⁶¹. al-Haythamī pula mengatakan bahawa hadith ini *Ḍa'if* sebab di dalamnya terdapat 'Aṭiyah dan dia adalah *Ḍa'if*⁸⁶².

Hukum Hadith : *Ḍa'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'if* disebabkan terdapat perawi 'Aṭiyah ('Aṭiyah bin Sa'ad bin Junādah) seorang yang *Ḍa'if*, dan Fuḍayl bin Marzūk juga seorang yang *Ḍa'if*. Wallahu A'lam.

Hadith : 146

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَلَسَّخِي قَرِيبٌ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى قَرِيبٌ مِنَ النَّاسِ قَرِيبٌ مِنَ الْجَنَّةِ بَعِيدٌ مِنَ النَّارِ وَالْبَخِيلُ بَعِيدٌ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى بَعِيدٌ مِنَ النَّاسِ بَعِيدٌ مِنَ الْجَنَّةِ قَرِيبٌ مِنَ النَّارِ وَالْجَاهِلُ السَّخِي أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الْعَابِدِ الْبَخِيلِ.

⁸⁵⁸ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 11375/2125, jil. 6, hlm. 503.

⁸⁵⁹ *Ṣāliḥ* = Lafaz ini menunjukkan bahawa perawi berkenaan baik dalam sisi agamanya.

⁸⁶⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 5667, jil. 3, hlm. 476-477.

⁸⁶¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6773, jil. 4, hlm. 283

⁸⁶² al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Khilāfah, Bāb : Fī al-'Adli wa al-Juwār, jil. 5, hlm. 200.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Orang dermawan itu hampir kepada Allah SWT, dekat kepada manusia, dekat kepada syurga dan jauh dari neraka, orang bakhil itu jauh dari Allah SWT, jauh dari manusia jauh dari syurga dan dekat dengan neraka, orang bodoh yang pemurah lebih di cintai oleh Allah daripada ahli ibadah yang bakhil.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya⁸⁶³ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Gharīb*, kami tidak mengenalnya daripada Yahyā bin Sa'īd daripada A'rāj daripada Abū Hurayrah kecuali daripada hadith Sa'īd bin Muḥammad⁸⁶⁴. Hadith ini daripada Muḥammad bin Sa'īd al-Warrāq, ianya dihukum *Da'īf* atau lemah kerana kedudukan beliau dibincangkan oleh ulama sebagaimana dikatakan oleh Ibn Ma'in bahawa dia *Laysa bin Shay'*, Ibn Sa'ad dan yang lain mengatakan bahawa dia *Da'īf*, al-Nasā'ī pula mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah*⁸⁶⁵.

Hukum Hadith : Da'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan terdapat perawi

Muḥammad bin Sa'īd al-Warrāq dan dia adalah seorang yang *Da'īf*.

⁸⁶³ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Birru wa al-Silāḥ, Bāb : Mā Jā'a Fī al-Sakhā'i, n h : 1961, jil. 4, hlm. 114.

⁸⁶⁴ Ibid.

⁸⁶⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3268, jil. 2, hlm. 346.

Hadith : 147

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : كُنْ وَرَعًا تَكُنْ أَعْبَدَ النَّاسِ وَكُنْ قَنَعًا تَكُنْ أَشْكُرَ النَّاسِ وَأَحَبَّ لِلنَّاسِ مَا تُحِبُّ لِنَفْسِكَ تَكُنْ مُؤْمِنًا وَأَحْسَنَ مُجَاوِرَةً مِنْ جَاوِرِكَ تَكُنْ مُسْلِمًا وَأَقْلَّ الضَّحَكِ فَإِنَّ كَثْرَةَ الضَّحَكِ تُمَيِّتُ الْقُلُوبَ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Jadilah engkau orang yang wara', maka kamu akan menjadi ahli ibadah, dan jadilah kamu orang yang qana'ah maka kamu akan menjadi orang yang paling bersyukur, cintailah orang lain seperti engkau mencintai dirimu sendiri, maka engkaulah orang mukmin (yang sebenar), berlaku baiklah kamu kepada jiran tetangga, maka engkaulah orang muslim, dan kurangilah ketawa kerana terlalu banyak ketawa dapat mematikan hati.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya⁸⁶⁶, menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah ini melalui sanad Abī Rajā' daripada Burd bin Sinān daripada Makhūl daripada Wathilah bin al-Ashqā' daripada Abū Hurayrah dan matannya sama dengan lafaz hadith di atas. al-Buṣayri mengatakan dalam Miṣbāḥ Zujājah bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* kerana sanad-sanadnya adalah *Jayyid*, tetapi terdapat Abū Rajā' namanya ialah Mihriz bin 'Abd Allāh yang dipertikaikan kedudukannya,

⁸⁶⁶ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : al-Wara' wa al-Taqwā, nh : 4217, jil. 3, hlm. 506.

namun jumhur ulama mengatakan bahawa dia *Thiqah*⁸⁶⁷. Abū Ḥātim mengatakan bahawa Abū Rajā' adalah seorang syaikh⁸⁶⁸. Ibn Ḥajar dan para ulama yang lain mengatakan bahawa dia *Thiqah*⁸⁶⁹. Oleh kerana itu hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah ini adalah *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 148

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَفْضَلُ الْجِهَادِ أَنْ تُجَاهِدَ نَفْسَكَ وَهَوَاكَ فِي ذَاتِ اللَّهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Perjuangan yang paling utama adalah memerangi hawa nafsumu dalam rangka mencari keredaan Allah.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam al-Ḥilyah⁸⁷⁰ menerusi Abū Dhār.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym ini daripada Hushām bin Khālīd menceritakan kepada kami Abū Khulayd 'Uṭbah bin Ḥimād dan tidak ada di Dimashq yang lebih hafal tentang kitab Allah selain dia, daripada Sa'īd (Ibn Bashīr) daripada Qatadah daripada al-Alā' bin Ziyād daripada Abū Dhār dia berkata : aku bertanya

⁸⁶⁷ al-Buṣayrī, Miṣbāḥ Zujājah Fī Zawā'id Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : al-Wara' wa al-Taqwā, jil. 3, hlm. 300.

⁸⁶⁸ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 14888/1581, jil. 8, hlm. 395.

⁸⁶⁹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 7572, jil. 5, hlm. 382.

⁸⁷⁰ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', jil. 2, hlm. 249.

kepada Nabi SAW apakah jihad yang paling afdal, Nabi SAW menjawab bahawa engkau berjihad dengan dirimu dan nafsumu kerana Allah SWT. Hadith ini *Da'if* disebabkan dalam sanad terdapat perawi Sa'id bin Bashir dan dia adalah *Da'if*. Ibn Ma'in mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'* dan *Da'if*, 'Ali bin al-Madini mengatakan bahawa dia adalah *Da'if*, dan Muhammad bin 'Abd Allāh bin Numay mengatakan bahawa dia *Munkar al-Hadith* dan tidak *Ṣaḥīḥ* riwayatnya daripada Qatadah⁸⁷¹. Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym ini memiliki *Shahīd* iaitu hadith daripada Fuḍālah bin 'Ubayd dalam keadaan *Marfū'* yang berbunyi :

الْمُجَاهِدُ مَنْ جَاهَدَ نَفْسَهُ لِلَّهِ أَوْ قَالَ فِي اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dalam Sunannya⁸⁷² dan Ahmad dalam Musnadnya⁸⁷³. Hadith ini daripada Abī Hanīf al-Khawlānī bahawa 'Amrū bin Mālik menceritakan kepadanya bahawa dia telah mendengar Fuḍālah bin 'Ubayd menceritakan hadith seperti ini daripada Nabi SAW. al-Tirmidhi mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan Ṣaḥīḥ*⁸⁷⁴ dan Ahmad juga mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁸⁷⁵.

⁸⁷¹ Imām Ibn Hajar, Shihāb al-Dīn Ahmad bin Hajar al-'Asqalānī, 1413H/1993M, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 2674, jil. 2, hlm. 291, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arābī.

⁸⁷² al-Tirmidhi, Sunan Tirmidhi, Kitāb : Faḍā'il al-Jihād, Bāb : Mā Jā'a Fī Faḍli Man Māta Murabiṭan, nh : 1621, jil. 3, hlm. 565.

⁸⁷³ Ahmad, Musnad Imām Ahmad, n h : 23834, jil. 17, hlm. 181.

⁸⁷⁴ al-Tirmidhi, Sunan Tirmidhi, Kitāb : Faḍā'il al-Jihād, Bāb : Mā Jā'a Fī Faḍli Man Māta Murabiṭan, nh : 1621, jil. 3, hlm. 565.

⁸⁷⁵ Ahmad, Musnad Imām Ahmad, nh : 23834, jil. 17, hlm. 181.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ Lighayrihi.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ lighayrihi* disebabkan adanya *Shahīd* yang menguatkannya. Hadith ini juga dihukum *Ṣaḥīḥ lighayrihi* oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah*⁸⁷⁶. Wallahu A'lam.

Hadith : 149

رُويَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَزْدَادَ فِي الْعِلْمِ رُشْدًا فَلَمْ يَزِدْ فِي الدُّنْيَا زُهْدًا لَمْ يَزِدْ مِنْ اللَّهِ إِلَّا بُعْدًا.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Sesiapa yang bertambah hebat ilmunya, tetapi tidak bertambah zuhud daripada dunia maka hanya akan menambah jauh dari Allah SWT.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam *Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb*⁸⁷⁷ melalui 'Alī bin Abī Ṭālib.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini adalah *Da'if Jiddān* disebabkan terdapat perawi Mūsā bin Ibrāhim. Yaḥyā bin Ma'īn mendustakannya dan Dār al-Quṭnī beserta

⁸⁷⁶ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah*, n h : 1496, jil. 3, hlm. 484.

⁸⁷⁷ al-Daylamī, *al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb*, n h : 5887, jil. 3, hlm. 602.

ulama yang lain mengatakan bahawa dia *Matrūk al-Ḥadīth*⁸⁷⁸. al-Ḥāfiẓ al-‘Irāqī mengatakan bahawa sanad hadith ini *Ḍa’īf* disebabkan adanya Mūsā bin Ibrāhim yang di~~Ḍa’īf~~kan oleh para ulama⁸⁷⁹.

Hukum Hadith : Ḍa’īf Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf Jiddān* disebabkan perawi Mūsā bin Ibrāhim adalah seorang yang *Matrūk*. Wallahu A’lam.

Hadith : 150

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَكْرِمُوا الْعُلَمَاءَ فَإِنَّهُمْ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ فَمَنْ أَكْرَمَهُمْ فَقَدْ أَكْرَمَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Muliakanlah orang-orang yang berilmu (ulama), kerana mereka adalah pewaris para Nabi, sesiapa yang memuliakan mereka bererti memuliakan Allah dan Rasul-Nya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Khaṭīb al-Baghdādī dalam kitabnya *Tārīkh Baghdād*⁸⁸⁰ menerusi Jābir bin ‘Abd Allāh.

⁸⁷⁸ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 8844, jil. 5, hlm. 324.

⁸⁷⁹ al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ Jāmi’ al-Ṣaghīr*, n h : 8397, jil. 5, hlm. 52.

⁸⁸⁰ Khaṭīb Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, n h : 2656, jil. 5, hlm. 204.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Khaṭīb al-Baghdādī ini daripada Ḍaḥak bin Ḥajwah menceritakan kepada kami al-Faryābī daripada Thawrī daripada Muḥammad ibn Munkadir daripada Jābir bin ‘Abd Allāh. Hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan dalam sanad terdapat perawi Ḍaḥak bin Ḥajwah. Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia pemalsu hadith⁸⁸¹. Ibn ‘Adī mengatakan bahawa semua riwayat hadithnya adalah *Munkar* sama ada matan maupun sanad⁸⁸². al-Zabidi pula mengatakan dalam Ittiḥāf al-Sadah al-Muttaqīn bahawa hadith ini tidak boleh dijadikan hujah kerana di dalamnya terdapat perawi Ḍaḥak bin Hajwah dan dia pemalsu hadith⁸⁸³.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan perawi Ḍaḥak bin Ḥajwah adalah seorang pemalsu hadith. Hadith ini juga dipalsukan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah⁸⁸⁴.

⁸⁸¹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3930, jil. 3, hlm. 37.

⁸⁸² Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, no : 5/948, jil. 4, hlm. 99-100.

⁸⁸³ Murtaḍā, Sayyid Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥusayni al-Zubaydi al-Shahīr bi Murtaḍā, 1414/1994, Ittiḥāf al-Sadah al-Muttaqīn bi Syarah Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn, jil. 1, hlm. 71, Bayrūt : Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arābī.

⁸⁸⁴ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah, n h : 2678, jil. 6, hlm. 199.

Hadith : 151

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ مِنْ الْغَرَّةِ مَا يُحِبُّ اللَّهُ وَمِنْهَا مَا يَبْغِضُ اللَّهُ وَإِنَّ مِنَ الْخِيَلَاءِ مَا يُحِبُّ

اللَّهُ وَمِنْهَا مَا يَبْغِضُ اللَّهُ فَأَمَّا الْغَيْرَةُ الَّتِي يُحِبُّهَا اللَّهُ فَالْغَيْرَةُ فِي الرَّيْبَةِ وَأَمَّا الْغَيْرَةُ الَّتِي يَبْغِضُهَا اللَّهُ فَالْغَيْرَةُ فِي

غَيْرِ الرَّيْبَةِ وَأَمَّا الْخِيَلَاءُ الَّتِي يُحِبُّهَا اللَّهُ فَاخْتِيَالُ الرَّجُلِ فِي الْقِتَالِ وَاخْتِيَالُهُ عِنْدَ الصَّدَقَةِ وَأَمَّا الْخِيَلَاءُ الَّتِي

يَبْغِضُهَا اللَّهُ فَاخْتِيَالُ الرَّجُلِ فِي الْبَغْيِ وَالْفَخْرِ (رواه احمد ابوداودو النسائي وابن حبان).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Ada sebahagian kecemburuan yang dicintai Allah dan ada yang dibenci Allah SWT, dan kesombongan ada yang dicintai Allah dan ada yang dibenci Allah. Adapun kecemburuan yang dicintai Allah adalah kecemburuan terhadap hal yang mencurigakan⁸⁸⁵, adapun kecemburuan yang dibenci Allah adalah kecemburuan yang bukan pada hal yang mencurigakan⁸⁸⁶. Adapun kesombongan yang dicintai Allah adalah kesombongan seseorang dalam perang dan pada waktu bersedekah (supaya diikuti orang lain), adapun kesombongan yang dibenci Allah adalah kesombongan seseorang dalam kezaliman dan keangkuhan (diriwayatkan oleh Ahmad, Abū Dāud, al-Nasā'ī dan Ibn Ḥibbān).

⁸⁸⁵ Maksudnya ialah apabila seorang muslim melakukan maksiat seperti minum khamar misalnya, kemudian timbul rasa benci, rasa ingin membunuh, dan rasa tidak suka terhadap perbuatan yang dilakukannya. Maka sifat yang demikian disukai oleh Allah.

⁸⁸⁶ Maksudnya ialah menyimpan rasa cemburu dan curiga terhadap orang lain, sedangkan orang tersebut tidak melakukan apapun. Maka sifat yang demikian dibenci oleh Allah.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwd dalam Sunannya⁸⁸⁷, al-Nasā'ī dalam Sunannya⁸⁸⁸, al-Darimī dalam Sunannya⁸⁸⁹, Aḥmad dalam Musnadnya⁸⁹⁰ dan al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā⁸⁹¹ semuanya menerusi Jābir bin 'Aṭīq.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwd daripada Abān, al-Nasā'ī, al-Bayhaqī dan al-Darimī daripada al-Auzā'ī, dan Aḥmad daripada Ḥujjāj bin Abī 'Uthmān semuanya daripada Yaḥyā bin Abī Kathīr. Hadith ini dihukum *Ṣaḥīḥ* oleh al-Darimī⁸⁹². Begitu juga al-Nasā'ī⁸⁹³. Abū Dāwd⁸⁹⁴ dan Aḥmad mengatakan bahawa sanad hadith ini *Ṣaḥīḥ*⁸⁹⁵. Oleh itu hadith ini dihukum sebagai *Ṣaḥīḥ*.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

⁸⁸⁷ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Fi al-Khuyalak Fi al-Harbi, n h : 2659, jil. 3, hlm. 1151.

⁸⁸⁸ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : al-Ikhtiyāl Fī Ṣadaqah, n h : 2557, jil. 3, hlm. 33-34.

⁸⁸⁹ al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : Nikāḥ, Bāb : Fi al-Ghirah, n h : 2226, jil. 1, hlm. 635.

⁸⁹⁰ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal, n h : 23637 dan 23640, jil. 17, hlm. 103-105.

⁸⁹¹ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Qism wa al-Nushūr, Bāb : Ghirah al-Azwāj wa Ghayrihim 'Inda Raybah, n h : 14801, jil. 7, hlm. 503.

⁸⁹² al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : Nikāḥ, Bāb : Fi al-Ghirah, n h : 2226, jil. 1, hlm. 635.

⁸⁹³ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : al-Ikhtiyāl Fī Ṣadaqah, nh : 2557, jil. 3, hlm. 33-34.

⁸⁹⁴ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Fi al-Khuyalak Fi al-Harbi, nh : 2659, jil. 3, hlm. 1151.

⁸⁹⁵ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal, n h : 23637 dan 23640, jil. 17, hlm. 103-105.

Hadith : 152

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَا يُقْبَلُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنَ الصَّغُورِ صَرْفًا وَلَا عَدْلًا قِيْلَ وَمَا الصَّغُورُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ؟ قَالَ الَّذِي يُدْخِلُ عَلَى أَهْلِهِ الرَّجَالَ (رواه البخاري).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya pada hari kiamat Allah Ta'ala tidak berkenan menerima pengabdian mahupun keadilan dari al-Saqur, ada yang bertanya apakah al-Saqur itu wahai Rasulullah? Nabi SAW menjelaskan al-Saqur adalah orang yang mempelawa para laki-laki lain untuk masuk kepada keluarganya (isteri, anak perempuan dan saudara-saudara perempuan) (diriwayatkan oleh al-Bukhārī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Tārīkh Kabīr⁸⁹⁶, al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr⁸⁹⁷, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁸⁹⁸ semuanya menerusi Mālik bin Ukhāmir.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh ulama di atas daripada Mūsā bin Ya'qūb al-Zam'ī daripada Abī Ruzayn al-Bahilī daripada Mālik bin Ukhāmir (al-Ṭabarānī menyebutnya sebagai Ukhaymir). Hadith ini adalah *Da'if* disebabkan di dalamnya terdapat perawi Abī Ruzayn al-Bahilī dan dia *Majhūl*. al-Haythamī mengatakan bahawa aku tidak mengenal

⁸⁹⁶ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, n h : 10630/1292, jil. 7, hlm. 181.

⁸⁹⁷ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 654, jil. 19, hlm. 294.

⁸⁹⁸ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fi al-Ghirah wa al-Mizā', n h : 10801, jil. 7, hlm. 412-413.

Abī Ruzayn al-Bahilī sedangkan sanad hadith yang lain adalah *Thiqah*⁸⁹⁹. Kemudian ada hadith yang semakna diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam *Shu'ab al-Īmān*⁹⁰⁰ dengan lafaz berbunyi :

ثَلَاثَةٌ لَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ أَبَدًا : الدُّيُوثُ مِنَ الرِّجَالِ وَالرِّجَالُ مِنَ النِّسَاءِ وَمَدْمَنُ الْخَمْرِ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَمَّا
مَدْمَنُ الْخَمْرِ فَقَدْ عَرَفْنَاهُ فَمَا الدُّيُوثُ مِنَ الرِّجَالِ؟ قَالَ الَّذِي لَا أَبَالِي مَنْ دَخَلَ عَلَى أَهْلِهِ قُلْنَا : فَالرِّجَالُ مِنَ
النِّسَاءِ؟ قَالَ الَّتِي تَشَبَّهَ بِالرِّجَالِ.

Hadith ini daripada Sa'īd bin Abī Hilāl daripada Umayyah (Ibn Hindī) daripada 'Amrū bin Jāriyah (nama asal : Ḥarīthah) daripada 'Urwah bin Muḥammad bin 'Ammār bin Yāsir daripada bapanya daripada datuknya 'Ammār bin Yāsir.

Hadith ini juga dihukum *Da'īf* disebabkan perawi Sa'īd bin Abī Hilāl. Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa *Lā Ba'sa Bihi*⁹⁰¹ sedangkan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Thiqah* tetapi *Ikhtilaf*⁹⁰².

Hukum Hadith : *Da'īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan perawi Abī Ruzayn al-Bahilī adalah *Majhūl*, kemudian Sa'īd bin Abī Hilāl dia *Thiqah* tetapi *Ikhtilaf*.

⁸⁹⁹ al-Haythamī, *Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, Kitāb : al-Nikāḥ, Bāb : Fīman Yardā Li Ahlihi bi Khubthi, jil. 4, hlm. 327.

⁹⁰⁰ al-Bayhaqī, *Shu'ab al-Īmān*, Bāb : Fi al-Ghirah wa al-Mizā', n h : 10800, jil. 7, hlm. 412-413.

⁹⁰¹ Abū Ḥātim, *Jarḥ wa al-Ta'dīl*, no : 5420/301, jil. 4, hlm. 70-71.

⁹⁰² al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 3290, jil. 2, hlm. 352.

Hadith ini juga diDa'ifkan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah⁹⁰³. Wallahu A'lam.

Hadith : 153

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ صَاحِبٍ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صَفَحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ فَأَحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَيُكْوَى بِهَا جَبِينُهُ وَظَهْرُهُ كُلُّمَا بَرَدَتْ أُعِيدَتْ لَهُ فِي يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ حَتَّى يَقْضَى بَيْنَ الْعِبَادِ فَيَرَى سَبِيلَهُ إِمَّا إِلَى الْجَنَّةِ وَإِمَّا إِلَى النَّارِ.

Maksudnya : Daripada Abu Hurayrah bahawa Nabi SAW bersabda : Tidak ada yang mempunyai emas dan perak yang tidak memberikan haknya, melainkan apabila hari kiamat dibuatkan baginya lembaga-lembaga dari api, lalu dipanaskan dengan api neraka jahannam, lalu diseterika (disapukan) keningnya dan punggungnya, jika telah dingin maka dipanaskan lagi suatu hari yang ukurannya 50.000 tahun hingga semua perkara di antara sesama hamba telah diputuskan kemudian dia melihat jalannya ke syurga atau neraka.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁹⁰⁴ menerusi Abū Hurayrah.

⁹⁰³ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 6050, jil. 16, hlm. 134.

⁹⁰⁴ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : Ithmun Mani'un al-Zakāt, n h : 24-(987), jil. 4, hlm. 55-58.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 154

فِي الْحَدِيثِ : شَارِبُ الْخَمْرِ يُجَشَّرُ وَالْكَوْزُ مُعَلَّقٌ فِي عُنُقِهِ وَالْقَدَحُ فِي يَدِهِ وَهُوَ أَنْتَنُ مِنْ كُلِّ جَنَفَةٍ عَلَى الْأَرْضِ يَلْعَنُهُ كُلُّ مَنْ يَمُرُّ عَلَيْهِ مِنَ الْخَلْقِ.

Maksudnya : Dalam sebuah hadith disebutkan bahawa : Peminum arak akan dikumpulkan dalam keadaan bekasnya digantungkan pada lehernya, gelas ditangannya, baunya lebih busuk daripada bangkai yang ada di bumi semua makhluk yang lalu mengutuknya.

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir dalam Tārīkh Dimasqnya⁹⁰⁵ menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini dihukum *Da’if* oleh Ibn ‘Asākir disebabkan dalam sanad terdapat dua orang perawi yang *Majhūl* iaitu Ṣāliḥ bin al-Faṭḥ bin al-Ḥārith al-Shishī dan al-Faḍl bin Aḥmad bin ‘Āmir al-Lu’lū’ī.⁹⁰⁶ Penulis tidak menemukan nama-nama perawi tersebut dalam kitab-kitab rijal. Oleh kerana kemajhūlan perawi Ṣāliḥ bin al-Faṭḥ bin al-Ḥārith al-Shishī dan al-Faḍl bin Aḥmad bin ‘Āmir al-Lu’lū’ī, maka hadith ini disimpulkan menjadi *Da’if* sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn ‘Asākir. Wallahu A’lam.

⁹⁰⁵ Ibn Asākir, Tārīkh Madīnah Dimasq, n h : 2825, jil. 23, hlm. 361.

⁹⁰⁶ Ibid.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Hadith ini adalah *Da'if* disebabkan dalam sanad terdapat dua orang perawi yang *Majhul* iaitu Ṣāliḥ bin al-Faṭḥ bin al-Ḥārith al-Shishī dan al-Faḍl bin Aḥmad bin 'Āmir al-Lu'lū'ī.

Hadith : 155

رَوَى عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَنَّهُ دَعَا لِأُمَّتِهِ عَشِيَّةَ عَرَفَةَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمْ فَأُجِيَ اللَّهُ إِلَيْهِ إِنِّي قَدْ غَفَرْتُ لَهُمْ مَا بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ وَلَمْ أَغْفِرْ لَهُمْ ظُلْمَهُمْ بَعْضَهُمْ لِبَعْضٍ فَرَادَ فِي الْإِسْتِغْفَارِ وَقَالَ إِنَّكَ قَادِرٌ أَنْ تَرْضِيَ خُصُومَهُمْ فَلَمْ يَجِبْهُ تِلْكَ اللَّيْلَةَ فَلَمَّا كَانَ عَدَاةُ الْمُزْدَلِفَةِ أُوحِيَ اللَّهُ إِلَيْهِ بِالْإِجَابَةِ فَتَبَسَّمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ : عَجِبْتُ مِنْ عَدُوِّ اللَّهِ إِبْلِيسَ لَمَّا أَجَابَ اللَّهُ لِي دُعَائِي صَاحٍ بِالْوَيْلِ وَالتُّبُورِ وَوَضَعَ الشَّرَابَ عَلَى رَأْسِهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Bahawa Nabi SAW berdoa untuk umatnya pada hari Arafah dan baginda memohon ampunan untuk mereka maka Allah menurunkan wahyu kepadanya, sesungguhnya aku telah mengampuni dosa-dosa antara aku dan mereka, tetapi aku tidak mengampuni kezaliman mereka kepada sesamanya, kemudian Nabi SAW menambah permohonan ampunan dan berkata : Sesungguhnya engkau maha kuasa untuk memaafkan permusuhan di antara mereka, namun Allah SWT belum mengabulkannya pada malam itu, maka pada pagi hari di Muzdalifah Allah SWT memberi wahyu kepadanya, dia mengabulkan permohonannya dan tersenyumlah baginda SAW dan bersabda : Saya hairan kepada musuh Allah iaitu iblis, ketika Allah

mengabulkan doaku maka dia menjerit kerana kecelakaan dan kehancuran dan menaburkan tanah dikepalanya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya⁹⁰⁷, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān⁹⁰⁸, dan Ibn Jauzī dalam Kitab Mawḍū'āt⁹⁰⁹ menerusi 'Abbās bin Mirdās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah, al-Bayhaqī dan Ibn Jawzī ini melalui sanad 'Abd Allāh bin Kinānah bin al-'Abbās bin Mardās al-Sulāmī daripada bapanya daripada datuknya 'Abbās bin Mardās. al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith ini *Da'īf*⁹¹⁰. Hadith ini *Da'īf* disebabkan perawi Kinānah bin Mardās. Abū Ḥātim⁹¹¹ dan al-Bukhārī mengatakan bahawa tidak *Ṣaḥīḥ* hadithnya⁹¹². al-'Uqaylī pula mengatakan bahawa dia *Majhūl*⁹¹³. Oleh kerana itulah hadith ini dihukum *Da'īf*, dan juga di*Da'īf*kan oleh al-Albānī dalam *Ḍa'īf Targhīb*⁹¹⁴ dan *Ḍa'īf Ibn Mājah*⁹¹⁵.

⁹⁰⁷ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : Manāsik, Bāb : al-Du'ā bi 'Arafah, n h : 3013, jil. 3, hlm. 56-57.

⁹⁰⁸ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī Hashri al-Nās Ba'da ma Yubathuna Min Qubūrihim, Faṣl : Fī al-Qiṣāṣ Min al-Mazālim, n h : 346, jil. 1, hlm. 304-305.

⁹⁰⁹ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'at, Kitāb : al-Ḥāj, Bāb : 'Umūm al-Maghfirah li al-Ḥājj, n h : 1163, jil. 2, hlm. 592-593.

⁹¹⁰ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Ḥāj, Bāb : Targhīb Fī Wuqūf bi 'Arafah wa al-Muzdalifah, n h : 1/1736, jil. 2, hlm. 156.

⁹¹¹ Abū Ḥātim al-Razī, Jarḥ wa Ta'dīl, no : 12509/965, jil. 7, hlm. 231.

⁹¹² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6980, jil. 4, hlm. 335.

⁹¹³ al-'Uqaylī, Kitāb Ḍu'afā' al-Kabīr, no : 1563, jil. 4, hlm. 10.

⁹¹⁴ al-Albānī, Ḍa'īf Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Ḥāj, Bāb : Targhīb Fī Wuqūf bi 'Arafah wa Muzdalifah, n h : 742, jil. 1, hlm. 368.

⁹¹⁵ al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1417H/1997M, Ḍa'īf Sunan Ibn Mājah, Kitāb : Manāsik, Bāb : Du'ā bi 'Arafah, nh : 593/3068, hlm. 242-243, Riyāḍ : Maṭba'ah al-Ma'ārif.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan perawi Kinānah bin Mardās adalah seorang yang *Majhūl*.

Hadith : 156

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : لَا يَكُونُ الْعَبْدُ فِي السَّمَاءِ وَلَا فِي الْأَرْضِ مُؤْمِنًا حَتَّى يَكُونَ وَضُوءًا وَلَا يَكُونُ وَضُوءًا حَتَّى يَكُونَ مُسْلِمًا وَلَا يَكُونُ مُسْلِمًا حَتَّى يُسَلِّمَ النَّاسُ مِنْ يَدِهِ وَلِسَانِهِ وَلَا يَكُونُ مُسْلِمًا حَتَّى يَكُونَ عَالِمًا وَلَا يَكُونُ عَالِمًا حَتَّى يَكُونَ بِالْعِلْمِ عَامِلًا وَلَا يَكُونُ بِالْعِلْمِ عَامِلًا حَتَّى يَكُونَ زَاهِدًا وَلَا يَكُونُ زَاهِدًا حَتَّى يَكُونَ وَرِعًا وَلَا يَكُونُ وَرِعًا حَتَّى يَكُونَ مُتَوَاضِعًا وَلَا يَكُونُ مُتَوَاضِعًا حَتَّى يَكُونَ عَارِفًا بِنَفْسِهِ وَلَا يَكُونُ عَارِفًا بِنَفْسِهِ حَتَّى يَكُونَ عَاقِلًا فِي الْكَلَامِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Tidaklah seorang hamba di langit dan bumi disebut seorang mukmin, sebelum dia menjadi orang yang banyak bersilaturahmi, dia tidak menjadi orang yang bersilaturahmi sebelum dia muslim, dia tidak menjadi orang muslim sebelum orang lain berasa aman dari tangan dan lidahnya , dia tidak menjadi muslim sebelum dia alim sebelum mengamalkan ilmunya, dia tidak mengamalkan ilmunya sebelum dia bersikap zuhud, dia tidak menjadi orang zuhud sebelum dia menjadi orang wara', dia tidak akan menjadi seorang yang wara' sebelum dia bersikap tawadu', dia tidak menjadi orang yang tawadu' sebelum dia mengenal dirinya sendiri, dan dia tidak mampu mengenali dirinya sendiri sebelum dia berfikir dalam perkataannya.

Takhrij Hadith :

Potongan daripada hadith di atas diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya⁹¹⁶, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁹¹⁷, Abū Dāwūd dalam Sunannya⁹¹⁸, al-Tirmidhī dalam Sunannya⁹¹⁹, Aḥmad dalam Musnadnya⁹²⁰ daripada Jābir bin ‘Abd Allāh

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 157

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ كَانَ حُسْنُ الصُّورَةِ فِي حَسَبٍ لَا يُشِينُهُ مُتَوَاضِعًا كَانَ مِنْ خَالِصِ أَهْلِ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ (رواه ابو نعيم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang baik rupanya , berkedudukan (berpangkat) yang mengharumkan namanya serta rendah hati (tawadu’) maka dia termasuk orang yang dekat dengan Allah pada hari kiamat (diriwayatkan oleh Abū Nu’aym).

⁹¹⁶ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb : al-Īmān, Bāb : al-Muslimu Man Salima al-Muslim, n h : 10, jil. 1, hlm. 77.

⁹¹⁷ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Nawāwī, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Bayān Tafāḍil al-Islām wa Ayyu Umūri Afḍal, n h : 64,65, jil. 1, hlm. 9-12.

⁹¹⁸ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Fi al-Hijrah Hal al-Inqitā’, nh : 2481, jil. 3, hlm. 1072-1073.

⁹¹⁹ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā’iq wa al-Wara’, Bab : 52, n h : 2504, jil. 4, hlm. 376.

⁹²⁰ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 6487, jil. 6, hlm. 42.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dalam al-Ḥilyah⁹²¹, menerusi Jābir bin ‘Abd Allāh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym ini daripada ‘Abd Allāh bin Ibrāhim al-Ghifārī menceritakan kepada kami Sufyān bin Sa’īd al-Aslāmī daripada Muḥammad bin ‘Alī daripada Jābir bin ‘Abd Allāh. Hadith ini dihukum *Ḍa’if Jiddān* disebabkan dalam sanad terdapat perawi ‘Abd Allāh bin Ibrāhim al-Ghifārī seorang yang *Munkar* dan *Matrūk*. Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa hadith-hadithnya *Munkar*⁹²². Abū Dāwūd dan al-Sajī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth* dan *Matrūk*⁹²³. al-Suyūṭī mengatakan bahawa al-Ghifārī adalah *Matrūk*⁹²⁴. Dalam sanad juga terdapat perawi Sufyān bin Sa’īd al-Aslāmī. Muḥammad bin ‘Alī al-Shawkānī mengatakan dalam al-Fawā’id al-Majmū’ah Fī Ḥadīth Mawḍū’ah bahawa dia adalah *Matrūk*⁹²⁵.

Hukum Hadith : Ḍa’if Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’if Jiddān* disebabkan perawi ‘Abd Allāh bin Ibrāhim al-Ghifārī dan Sufyān bin Sa’īd al-Aslāmī adalah seorang yang *Munkar* dan *Matrūk*.

⁹²¹ Abū Nu’aym, Ḥilyah al-Awliyā’, n h : 3777, jil. 3, hlm. 222.

⁹²² al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 4190, jil. 3, hlm. 102-102.

⁹²³ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 3612, jil. 3, hlm. 93.

⁹²⁴ al-Suyūṭī, al-Lalī’ī al-Maṣnū’ah Fī Ḥadīth Mawḍū’ah, jil. 1, hlm. 102.

⁹²⁵ Muḥammad bin ‘Alī al-Shawkānī, tth, al-Fawā’id al-Majmū’ah Fī Ḥadīth Mawḍū’ah, hlm. 473, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, Taḥqīq : ‘Abd al-Raḥman bin Yahyā al-Mu’alimī al-Yamānī.

Hadith : 158

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا قَالَ الرَّجُلُ هَلَكَ النَّاسُ فَهُوَ أَهْلَكُهُمْ (رواه مسلم).

Maksudnya : Daripada Abu Hurayrah bahawa Nabi SAW bersabda : Jika seseorang mengatakan celakalah manusia, maka dialah orang yang paling celaka (diriwayatkan oleh Muslim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁹²⁶, Abū Dāwūd dalam Sunannya⁹²⁷, Aḥmad dalam Musnadnya⁹²⁸ dan Mālik dalam Muwaṭṭā',⁹²⁹ semuanya menerusi Sahabat Abū Hurayrah.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 159

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَيَاءٌ فَلَا دِينَ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَيَاءٌ فِي الدُّنْيَا لَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ (رواه الديلمي).

⁹²⁶ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb : Birru wa Silāḥ wa al-Adab, Bāb : al-Nahyu an Qawlin Halaka al-Nās, n h : 139/2623, jil. 15-16, hlm. 144-145.

⁹²⁷ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Adab, Bāb : (85), n h : 4983, jil. 4, hlm. 2122.

⁹²⁸ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 9963 dan 10645, jil. 9, hlm. 370 dan 542.

⁹²⁹ Mālik, Muwaṭṭā' Imām Mālik, Kitāb : al-Jāmi', Bāb : Mā Yukrahu min al-Kalām, n h : 1802, hlm. 697.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang tidak punya rasa malu, maka dia tidak punya agama, sesiapa yang tidak punya rasa malu di dunia, maka dia tidak akan masuk syurga (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws⁹³⁰ daripada ‘Āishah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Ibrāhim bin Birkah al-Bulkhī daripada Faḍīl bin Ibrāhim al-Bukhārī daripada Ismā’īl bin Nūḥ daripada bapanya daripada datuknya daripada ‘Āishah. Hadith ini *Ḍa’īf Jiddān* kerana dalam sanad terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu Ismā’īl bin Nūḥ. al-Azadī dan al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Matrūk* dan ulama tidak berhujah dengan hadithnya⁹³¹.

Hukum Hadith : Ḍa’īf Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf Jiddān* disebabkan terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu Ismā’īl bin Nūḥ.

⁹³⁰ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 5964, jil. 3, hlm. 628.

⁹³¹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 962, jil. 1, hlm. 252.

Hadith : 160

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَرْضَى سُلْطَانًا بِمَا يَسْخُطُ رَبُّهُ خَرَجَ مِنْ دِينِ اللَّهِ تَعَالَى (رواه الحاكم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang redo terhadap penguasa dengan sesuatu yang dibenci oleh Allah maka dia keluar dari agama Allah (diriwayatkan oleh al-Hākim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Hākim dalam Mustadrāknya⁹³², menerusi Jābir bin ‘Abd Allāh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Hākim ini daripada ‘Anbasah bin ‘Abd al-Raḥman al-Qurashī menceritakan kepada kami ‘Ilaq bin Abī Muslim daripada Jābir bin ‘Abd Allāh. al-Mundhirī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’*⁹³³. Hadith ini *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi yang *Matrūk* dan pemalsu hadith iaitu ‘Anbasah bin ‘Abd al-Raḥman al-Qurashī. al-Bukhārī mengatakan bahawa para ulama meninggalkannya⁹³⁴.

⁹³² al-Hākim, al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Aḥkām, n h : 7071/69, jil. 4, hlm. 116.

⁹³³ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Ṭa’am wa Gahyrihi, Bāb : Tarhīb al-Hākim wa Ghayrihi Min Irda’ al-Nās Bimā Yuskhitu Allāh, n h : 3328, jil. 3, hlm. 145.

⁹³⁴ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 9507/169, jil. 6, hlm. 347.

Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa dia adalah pemalsu hadith⁹³⁵. al-Tirmidhī mengatakan bahawa dia *Dhāhib al-Ḥadīth*⁹³⁶. Ibn Maʿīn mengatakan bahawa dia *Lā Shayʿ*, Abū Zurʿah mengatakan bahawa hadithnya *Munkar*, Abū Dāwūd, al-Nasāʾī dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Daʿīf* dan *Matrūk*, dan Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia seorang pemalsu hadith dan tidak boleh berhujjah dengan hadithnya⁹³⁷. kemudian perawi ʿAlāq bin Abī Muslim dan dia adalah Shaikh *Majhūl* ʿAyn dan jelas kemajhūlannya⁹³⁸.

Hukum Hadith : Mawḍūʿ.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍūʿ* disebabkan terdapat perawi yang *Matrūk* dan pemalsu hadith iaitu ʿAnbasah bin ʿAbd al-Raḥman al-Qurashī, dan perawi ʿAlāq bin Abī Muslim adalah seorang yang *Majhūl*. Hadith ini juga dihukum *Mawḍūʿ* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍaʿīfah wa Mawḍūʿah⁹³⁹.

Hadith : 161

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ حَمَدَ نَفْسَهُ عَلَى عَمَلٍ صَالِحٍ فَقَدْ ضَلَّ شُكْرُهُ وَحَبِطَ عَمَلُهُ (رواه أبو نعيم).

⁹³⁵ Abū Ḥātim al-Razī, Jarḥ wa al-Taʿdīl, no : 11497/2247, jil. 6, hlm. 529-530.

⁹³⁶ al-Dhahabī, Mizān al-Iʿtidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6512, jil. 4, hlm. 221.

⁹³⁷ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 6042, jil. 4, hlm. 418-419.

⁹³⁸ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 6112, jil. 4, hlm. 441.

⁹³⁹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍaʿīfah wa Mawḍūʿah, n h : 837, jil. 2, hlm. 235.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memuji dirinya sendiri atas amal soleh, maka lenyaplah rasa syukurnya dan amalnya dihapuskan (diriwayatkan oleh Abū Nu'aym).

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna dengan hadith di atas diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam kitab Ma'rifat al-Ṣaḥābat⁹⁴⁰ daripada Abī 'Abbās bin Jabbār.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym ini daripada Muḥammad bin Ṭalḥāh al-Taymī daripada 'Abd al-Majīd bin Abī 'Abbās bin Muḥammad bin Abī 'Abbās bin Jabbār daripada bapanya daripada datuknya 'Abī 'Abbās bin Jabbār. Hadith ini *Da'if*, sebagaimana juga di*Da'if*kan oleh Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl dan Mas'ad 'Abd al-Ḥamīd al-Ṣa'dunī ketika mentahqiqkan kitab Ma'rifat al-Ṣaḥābat milik Abū Nu'aym⁹⁴¹. Ianya disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Layyin* dan *Da'if* iaitu 'Abd al-Majīd bin 'Abī 'Abbās. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Layyin*⁹⁴². al-Dhahabī pula mengatakan bahawa dia adalah *Da'if*⁹⁴³.

⁹⁴⁰ Abū Nu'aym, Aḥmad bin 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Ishāq al-Asbahānī, 1422H/2002M, Ma'rifat al-Ṣaḥābah, nh, 4596, jil. 3, hlm. 261-262, dan nh : 6972, jil. 4, hlm. 525, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muḥammad Ḥasan Muḥammad Ḥasan Ismā'īl dan Mas'ad 'Abd al-Ḥamīd al-Ṣa'dunī.

⁹⁴¹ Abū Nu'aym, Ma'rifat al-Ṣaḥābah, n h, 4596, jil. 3, hlm. 261-262, dan n h : 6972, jil. 4, hlm. 525.

⁹⁴² Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no :9585/335, jil. 6, hlm. 80.

⁹⁴³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 5184, jil. 3, hlm. 365.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang *Layyin* dan *Da'if* iaitu 'Abd al-Majīd bin 'Abī 'Abbās.

Hadith : 162

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا مِنْ أَحَدٍ يَلْبِسُ ثَوْبًا لِيَبَاهِيَ بِهِ فَيَنْظُرُ النَّاسُ إِلَيْهِ إِلَّا لَمْ يَنْظُرِ اللَّهُ إِلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَنْزِعَهُ مَعِيَ مَا نَزَعَهُ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tidak ada seorang pun yang memakai baju untuk kehebatan kemudian dia dilihat orang lain kecuali Allah tidak akan melihatnya pada hari kiamat sebelum dia menanggalkannya (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr⁹⁴⁴ dan Musnad al-Shāmiyyinnya⁹⁴⁵ menerusi Ummu Salamah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada 'Abd al-Khāliq bin Zayd bin Waqid daripada bapanya daripada Muḥammad bin 'Abd al-Mālik bin Marwān daripada bapanya daripada Ummu Salamah. Hadith ini adalah *Da'if* kerana terdapat di dalamnya

⁹⁴⁴ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 618, jil. 23, hlm. 283-284.

⁹⁴⁵ al-Ṭabarānī, Sulaymān Aḥmad al-Ṭabarānī, 1409H/1989M, Musnad al-Shāmiyyin, n h : 1215, jil. 2, hlm. 216, Bayrūt : Mu'assasah al-Risālah, Taḥqīq : Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī.

perawi yang dilemahkan oleh ulama kedudukannya. Di antaranya ialah ‘Abd al-Mālik bin Marwān. al-Dhahabī mengatakan sungguh dia seorang yang adil, telah berjuang menumpahkan darah tetapi melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan⁹⁴⁶. Ibn Hajar mengatakan bahawa dia seorang yang sibuk mempelajari ilmu sebelum menjadi khalifah tetapi dia berubah setelah menjadi khalifah⁹⁴⁷. Kemudian terdapat perawi ‘Abd al-Khāliq bin Zayd bin Waqid. al-Dhahabī, al-Nasā’ī dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Layyin*, tidak *Thiqah* dan *Munkar al-Ḥadīth*⁹⁴⁸. Hadith ini juga disebutkan oleh al-Suyūṭī dalam *Jāmi’ Saghīr*⁹⁴⁹ daripada riwayat al-Ṭabarānī ini dan al-Munāwī mengatakan bahawa ianya di $\dot{D}$ a’ $\dot{I}$ kan oleh al-Mundhirī⁹⁵⁰ dan juga al-Haythamī⁹⁵¹.

Hukum Hadith : $\dot{D}$ a’ $\dot{I}$.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah $\dot{D}$ a’ $\dot{I}$ disebabkan terdapat perawi yang di $\dot{D}$ a’ $\dot{I}$ kan oleh ulama kedudukannya iaitu ‘Abd al-Mālik bin Marwān dan ‘Abd al-Khāliq bin Zayd bin Waqid.

⁹⁴⁶ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 5248, jil. 3, hlm. 378.

⁹⁴⁷ Ibn Hajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, jil. 2, hlm. 625.

⁹⁴⁸ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 4791, jil. 3, hlm. 257.

⁹⁴⁹ al-Suyūṭī, *al-Jāmi’ al-Ṣaghīr Fī Aḥādīth al-Bashīr Nazīr*, n h : 7993, jil. 2, hlm. 488.

⁹⁵⁰ al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ Jāmi’ Ṣaghīr*, n h : 7993, jil. 5, hlm. 469-470.

⁹⁵¹ al-Haythamī, *Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*, Kitāb : al-Libās, Bāb : Fī Thaubi al-Shahrah, jil. 5, hlm. 135.

Hadith : 163

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : وَيَحْ ابْنُ آدَمَ كَيْفَ يَزْهُو وَإِنَّمَا هُوَ جِيفَةٌ يُؤْذِي مَنْ مَرَّ بِهِ ابْنُ آدَمَ مِنَ
التُّرَابِ خُلِقَ وَإِلَيْهِ يَصِيرُ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Celakalah anak Adam mengapa dia sombong, sesungguhnya dia adalah bangkai yang baunya mengganggu orang yang lalu, anak Adam diciptakan dari tanah dan dia akan kembali ke tanah (diriwayatkan oleh Imam al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws⁹⁵² menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Ibrāhim bin Sa'īd al-Jawharī daripada Yahyā bin Yazīd 'Abd al-Mālik daripada bapanya daripada Yazīd bin Ḥuzayfah daripada Abū Hurayrah. Hadith ini adalah *Da'īf Jiddān* kerana dalam sanad terdapat perawi Yahyā bin Yazīd 'Abd al-Mālik. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia adalah *Munkar al-Ḥadīth*. Aku tidak mengenal riwayat daripadanya, begitu juga daripada bapanya dan tidak nampak dalam hadith yang diriwayatkannya tanda-tanda

⁹⁵² al-Daylamī, al-Firdaws bin Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 7128, jil. 4, hlm. 389.

hadith *Ṣaḥīḥ*⁹⁵³. Ibn ‘Adī dan al-Dhahabī mengatakan bahawa hadithnya adalah *Da’īf* *Jiddān* dan ulama sepakat mengatakan bahawa bapanya adalah *Da’īf*⁹⁵⁴.

Hukum Hadith : *Da’īf Jiddān*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’īf Jiddān* disebabkan terdapat perawi yang *Munkar* iaitu Yahyā bin Yazīd ‘Abd al-Mālīk dan bapanya.

Hadith : 164

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِيَّاكُمْ أَنْ تُخْلَطُوا طَاعَةَ اللَّهِ بِحُبِّ ثَنَاءِ الْعِبَادِ فَتَحْبِطُ أَعْمَالُكُمْ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Jauhilah olehmu sifat mencampurkan perbuatan taat kepada Allah dengan sifat suka dipuji manusia kerana akan terhapuslah amal-amal perbuatanmu.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

⁹⁵³ Abū Ḥātim al-Razī, al-Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 16482/827, jil. 9, hlm. 244.

⁹⁵⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 9651, jil. 6, hlm. 88.

Hadith : 165

رُوِيَ عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قِيلَ لِرَسُولِ اللَّهِ : أَرَيْتَ الرَّجُلَ يَعْمَلُ الْعَمَلَ مِنَ الْخَيْرِ وَيَحْمَدُهُ النَّاسُ عَلَيْهِ ؟ قَالَ تِلْكَ عَاجِلُ بُشْرَى لِلْمُؤْمِنِ (رواه مسلم).

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Abu Dhar, bahawa ditanyakan kepada Nabi SAW : Bagaimana pada pandangan tuan seseorang yang melaksanakan amal baik kemudian dia dipuji oleh orang lain? baginda menjawab : itu adalah berita gembira yang disegerakan bagi orang mukmin (diriwayatkan oleh Muslim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Şaḥīḥnya⁹⁵⁵ menerusi Abū Dhār al-Ghifārī.

Hukum Hadith : Şaḥīḥ.

Hadith : 166

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَلْعَافِيَةُ عَلَى عَشْرَةِ أَوْجِهٍ خَمْسَةٌ فِي الدُّنْيَا وَخَمْسَةٌ فِي الْآخِرَةِ فَأَمَّا الَّتِي فِي الدُّنْيَا : أَلْعِلْمُ وَالْعِبَادَةُ وَالرِّزْقُ مِنَ الْحَلَالِ وَالصَّبْرُ عَلَى الشَّدَّةِ وَالشُّكْرُ عَلَى النِّعْمَةِ وَأَمَّا الَّتِي فِي الْآخِرَةِ فَإِنَّهُ يَأْتِيهِ مَلَكُ الْمَوْتِ بِالرَّحِمِ وَاللُّطْفِ لَا يَرْوَعُهُ مُنْكَرٌ وَنَكِيرٌ فِي الْقَبْرِ يَكُونُ أَمْنًا فِي الْفَرْعِ الْأَكْبَرِ ثُمَّ مَحَى سَيِّئَاتِهِ وَتَقَبَّلَ حَسَنَاتِهِ يَمُرُّ عَلَى الصِّرَاطِ كَالْبَرْقِ اللَّامِعِ فَيَدْخُلُ الْجَنَّةَ فِي السَّلَامَةِ.

⁹⁵⁵ Muslim, Şaḥīḥ Muslim, Kitāb : Birru wa Silāḥ wa al-Adab, Bāb : Idhā Athnay ‘Alā Şāliḥ Fahiya Bushrā Walā Tadurruhu, n h : 166/2642, jil. 16, hlm. 155.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Kebahagiaan ada sepuluh macam lima macam di dunia dan lima macam di akhirat, lima macam di dunia adalah : kesejahteraan ilmu, ibadah, rezeki halal, sabar menghadapi bencana, dan syukur menerima nikmat, sedang lima macam di akhirat adalah : malaikat pencabut nyawa datang dengan kasih sayang dan lemah lembut, kedatangan Malaikat Munkar dan Nakir dalam kuburnya tidak menakutkan, dia aman ketika terjadi gentaran terbesar, keburukannya dihapuskan dan amal kebbaikannya diterima, dan dia melintasi jembatan secepat kilat lalu masuk syurga dengan selamat.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 167

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : تُحْشَرُ النَّاسُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَفًّا عُرَاءَ عَطَاشًا سُكَارَى حِيَارَى مِنْ أَهْوَالِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ لَا يَعْلَمُ الرَّجُلُ بِالْمَرْأَةِ وَلَا تَعْلَمُ الْمَرْأَةُ بِالرَّجُلِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Manusia dihalau pada hari kiamat dalam keadaan tidak beralas kaki, telanjang, kehausan, mabuk dan bingung kerana kedahsyatan hari kiamat, seorang lelaki tidak kenal lagi dengan isterinya dan seorang wanita tidak mengenal lagi suaminya.

Takhrij Hadith :

Hadith di atas diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya⁹⁵⁶, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya⁹⁵⁷, al-Tirmidhī dalam Sunannya⁹⁵⁸, Ibn Mājah dalam Sunannya⁹⁵⁹, al-Darimī dalam Sunannya⁹⁶⁰ dan Aḥmad dalam Musnadnya⁹⁶¹ daripada Ibn ‘Abbās.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 168

رُوي عن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ : مَنْ كَثُرَ كَلَامُهُ كَثُرَ سَقَطُهُ وَمَنْ كَثُرَ سَقَطُهُ كَثُرَتْ ذُنُوبُهُ وَمَنْ كَثُرَتْ ذُنُوبُهُ كَانَتْ النَّارُ أَوْلَى بِهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW bahawa dia bersabda : Sesiapa yang banyak bercakap bererti ia banyak tergelincirnya, sesiapa yang banyak tergelincirnya, bererti banyak dosanya, sesiapa yang banyak dosanya maka api neraka lebih layak memakan dirinya.

⁹⁵⁶ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb : al-Anbiyā’, Bāb : Qauluhu Ta’alā Sūrah al-Nisā’ Ayat : 165 dan Sūrah al-Nahl Ayat 120, n h : 3349, jil. 7, hlm. 34.

⁹⁵⁷ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Nawāwī, Kitāb : al-Jannah wa Ṣifati Na’imihā, Bāb : Fanā’ al-Nidā’ wa Bayān al-Hashar Yaum al-Qiyāmah, n h : 2859 dan 2860, jil. 17, hlm. 159-160.

⁹⁵⁸ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : Ṣifat al-Qiyāmah wa al-Raqā’iq wa al-Wara’, Bāb : Mā Jā’a Fī Sha’ni al-Hashar, n h : 2423, jil. 4, hlm. 339.

⁹⁵⁹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Zikr al-Ba’thi, n h : 4276, jil. 3, hlm. 527.

⁹⁶⁰ al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : al-Raqā’iq, Bāb : Fī Ṣifat al-Hashar, n h : 2802, jil. 2, hlm. 213.

⁹⁶¹ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 1913 dan 2027, jil. 2, hlm. 449 dan 490.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-‘Uqaylī dalam *Ḍu’afā’ al-Kabīr*⁹⁶², al-Ṭabarānī dalam *Mu’jam Awsaṭ*⁹⁶³, Abū Nu’aym dalam *Ḥilyah*⁹⁶⁴ dan al-Qudā’ī dalam *Musnad al-Shihāb*⁹⁶⁵ menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Ibrāhim bin al-Ashath kawan kepada Fuḍayl bin ‘Iyāḍ dia berkata : menceritakan kepada kami ‘Īsā bin Mūsā yakni Ghunjār daripada ‘Umar bin Rashīd daripada Yaḥyā bin Abī Kathīr daripada Nāfi’ daripada Ibn ‘Umar. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’if* disebabkan dalam sanad ada perawi yang *Ḍa’if*⁹⁶⁶. Di antaranya ialah ‘Īsā bin Mūsā, al-‘Uqaylī mengatakan bahawa ‘Īsā adalah *Majhūl*⁹⁶⁷. al-Dhahabī juga mengatakan bahawa ‘Īsā bin Mūsā adalah *Majhūl*⁹⁶⁸. Kemudian ‘Umar bin Rashīd para ulama men~~da’if~~kannya dia adalah ‘Umar bin Abī Kath’am. al-‘Uqaylī berkata : aku tidak mengetahui siapakah ‘Umar ini, apakah dia Ibn Rashīd atau yang lainnya?. Jika dia

⁹⁶² al-‘Uqaylī, *Kitāb al-Ḍu’afā’ al-Kabīr*, n h : 1423, jil. 3, hlm. 384.

⁹⁶³ al-Ṭabarānī, *Mu’jam al-Awsaṭ*, n h : 6541, jil. 6, hlm. 410.

⁹⁶⁴ Abū Nu’yam, *Ḥilyah al-Awliyā’*, jil. 3, hlm. 74.

⁹⁶⁵ al-Qudā’ī, *Musnad al-Shihāb*, n h : 269 (372, 373 dan 374), jil. 1, hlm. 236-237.

⁹⁶⁶ al-Haythamī, *Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*, *Kitāb : Zuhud, Bāb : Mā Jā’a Fī Ṣumti wa Ḥifzi Lisān*, jil. 10, hlm. 302.

⁹⁶⁷ Imām al-‘Uqaylī, Muḥammad bin ‘Amrū bin Mūsā bin Ḥimmād al-‘Uqaylī, tth, *Kitāb al-Ḍu’afā’ al-Kabīr*, n h : 1423, jil. 3, hlm. 384, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taḥqīq : Doktor ‘Abd al-Mu’ṭī Amīn Qal’ajī.

⁹⁶⁸ al-Dhahabī, *Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 6616, jil. 4, hlm. 245.

‘Umar bin Rashīd maka dia adalah *Ḍa’īf* dan jika bukan maka dia *Majhūl*⁹⁶⁹. Abū Zur’ah mengatakan bahawa dia *Layyin*, Abū Dāwd mengatakan bahawa dia *Ḍa’īf*, al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Laysa Thiqaḥ*, dan al-Bukhārī pula mengatakan bahawa dia *Muḍṭarīb*⁹⁷⁰.

Hukum Hadith : *Ḍa’īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf* disebabkan dalam sanad terdapat perawi ‘Isā bin Mūsā seorang yang *Majhūl*, dan ‘Umar bin Rashīd seorang yang *Ḍa’īf*. Hadith ini juga di~~Ḍa’īf~~kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah⁹⁷¹.

Hadith : 169

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَوْلِيَاءُ اللَّهِ مِنْ خَلْقِهِ أَهْلُ الْجُوعِ وَالْعَطَشِ فَمَنْ أَذَاهُمْ إِنْتَقَمَ اللَّهُ مِنْهُ وَهَتَاكَ سِتْرُهُ وَحَرَّمَ عَلَيْهِ عَيْشُهُ مِنْ جَنَّتِهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Para wali Allah (kekasih-kekasih-Nya) adalah suka lapar dan haus, sesiapa yang menyakiti mereka, maka Allah akan menyeksanya, membuka aibnya dan Allah mengharamkannya tinggal di syurga.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

⁹⁶⁹ al-‘Uqaylī, Kitāb al-Ḍu’afā’ al-Kabīr, n h : 1423, jil. 3, hlm. 384.

⁹⁷⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6101, jil. 4, hlm. 113-115.

⁹⁷¹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 4642, jil. 10, hlm. 167.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 170

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : وَإِيَّاكَ وَإِسْبَالَ الْإِزَارِ فَإِنَّ إِسْبَالَ الْإِزَارِ مِنَ الْمَخِيلَةِ وَلَا يُحِبُّهَا اللَّهُ وَإِنْ مَرَّ شَتَمَكَ وَعَيَّرَكَ بِأَمْرٍ هُوَ فِيكَ فَلَا تُعَيِّرْهُ بِأَمْرٍ هُوَ فِيهِ وَدَعُهُ يَكُونُ وَبَالُهُ عَلَيْهِ وَأَجْزُهُ لَكَ وَلَا تَسُبَّنَّ أَحَدًا.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Janganlah kamu menjulurkan (melabuhkan) kain, maka sesungguhnya menjulurkan kain termasuk kesombongan dan Allah tidak menyukainya, jika seseorang memarahimu dan mempermalukanmu dengan sesuatu perkara yang ada padamu, maka janganlah kamu membalas mempermalukannya dengan sesuatu yang ada padanya, biarkanlah dia maka akibat keburukannya akan menimpa kepadanya dan pahalanya bagi kamu, dan janganlah kamu mencaci seseorang.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya⁹⁷² menerusi Jābir bin Sulaym al-Ḥujaymī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad ini daripada Hushaym menceritakan kepada kami Yūnus bin ‘Ubayd daripada ‘Abd Rabbah al-Ḥujaymī daripada Jābir bin Sulaym.

Hadith ini adalah *Da’if* disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu ‘Abd Rabbah al-Ḥujaymī. Sebagaimana yang dikatakan oleh al-Ḥusaynī⁹⁷³, sedangkan sanad hadith yang

⁹⁷² Ahmad, Musnad Imām Ahmad, n h : 20510, jil. 15, hlm. 269.

⁹⁷³ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah, jil. 2, hlm. 400.

lain adalah *Thiqah*. Tetapi pendapat al-Ḥusaynī dibantah oleh Ibn Ḥajar yang mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Jayyid* kerana nama sebenar ‘Abd Rabbah al-Ḥujaymī adalah ‘Ubaydah al-Ḥujaymī. Di sini ada kesalahan dalam penulisan nama sedangkan dalam nas asalnya yang terdapat dalam Musnad menyatakan bahawa hadith ini diriwayatkan daripada Hushaym daripada Yūnus bin ‘Ubayd daripada ‘Ubaydah al-Ḥujaymī daripada Jābir bin Sulaym bukan daripada ‘Abd Rabbah al-Ḥujaymī⁹⁷⁴. Oleh sebab itulah sanad hadith ini menjadi *Jayyid* semuanya kerana para ulama tidak ada menyebutkan bahawa ‘Ubaydah ini seorang perawi yang memiliki kecacatan dalam periwayatan tetapi dia seorang yang *Ma’rūf*⁹⁷⁵. Hadith ini juga memiliki *Shahīd* yang diriwayatkan oleh Abū Dāwd dalam Sunannya⁹⁷⁶ daripada Abū Tamīmah al-Ḥujaymī daripada Abū Juray Jābir bin Sulaym. al-Ṭabarānī dalam Mu’jam al-Kabīr⁹⁷⁷ melalui sanad Salām bin Miskīn menceritakan kepada kami ‘Uqayl bin Ṭalhah daripada Abū Juray al-Ḥujaymī (Jābir bin Sulaym). al-Ḥākim dalam al-Mustadrāk⁹⁷⁸ daripada Abī Tamīmah al-Ḥujaymī daripada Jābir bin Sulaym al-Ḥujaymī. Abū Dāwd mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁹⁷⁹, al-Ḥākim juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*⁹⁸⁰. Oleh itu penulis menyimpulkan hadith ini sebagai *Ṣaḥīḥ*. al-Albānī juga

⁹⁷⁴ Ibn Ḥajar, Tahdhīb wa Tahdhīb, no : 5088, jil. 4, hlm. 57-58.

⁹⁷⁵ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 20510, jil. 15, hlm. 269.

⁹⁷⁶ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Libās, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Isbāl al-Izār, n h : 4084, jil. 4, hlm. 1751.

⁹⁷⁷ al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Kabīr, n h : 6383, jil. 7, hlm. 62-63.

⁹⁷⁸ al-Ḥākim, al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Libās, n h : 7382, jil. 4, hlm. 206-207.

⁹⁷⁹ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Libās, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Isbāl al-Izār, n h : 4084, jil. 4, hlm. 1751.

⁹⁸⁰ al-Ḥākim, al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Libās, n h : 7382, jil. 4, hlm. 206-207.

menghukumkan hadith ini sebagai *Ṣaḥīḥ* dalam Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah⁹⁸¹ Wallahu a'lam.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 171

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ كَثُرَ ضَحْكُهُ غُوبَ بِعَشْرِ غُوبَاتٍ أَوْ لَهَا يَمُوتُ قَلْبُهُ وَيَذْهَبُ الْمَاءُ مِنْ وَجْهِهِ وَيُشْمِتُ بِهِ الشَّيْطَانُ وَيَغْضِبُ عَلَيْهِ الرَّحْمَنُ وَيُنَاقِشُ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Siapa banyak ketawa, maka dia akan disiksa dengan sepuluh seksaan iaitu hatinya akan mati, tidak punya rasa malu, di sukai setan, dibenci oleh Allah yang maha penyayang, di hari kiamat dia akan disoal siasat.

Takhrij hadith :

Hadith yang semakna dengan hadith di atas diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥnya⁹⁸² dan al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr⁹⁸³ daripada Abū Dhār al-Ghifārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dan al-Ṭabarānī ini daripada Ibrāhim bin Hishām bin Yaḥyā bin Yaḥyā al-Ghassānī daripada bapanya daripada datuknya daripada Abī Idrīs al-Khawlānī daripada Abū Dhār. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini

⁹⁸¹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah, n h : 770, jil. 2, hlm. 400.

⁹⁸² Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Birru wa al-Iḥsān, Bāb : Mā Jā'a Fī Ṭa'ah wa Thawābihā, n h : 361, jil. 2, hlm. 76-80.

⁹⁸³ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 1651, jil. 2, hlm. 157-158.

adalah *Mawḍu'*⁹⁸⁴. Kepalsuan hadits ini disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Ibrāhim bin Ḥiṣhām. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb*⁹⁸⁵. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Matrūk* dan Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia pendusta⁹⁸⁶.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadits ini adalah *Mawḍu'*, disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Ibrāhim bin Ḥiṣhām.

Hadith : 172

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَلْتَّائِبُ مِنَ الذَّنْبِ كَمَنْ لَا ذَنْبَ لَهُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Orang yang bertaubat dari dosa, bagaikan orang yang tidak berdosa.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya⁹⁸⁷, al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kūbrā⁹⁸⁸ dan Abū Nu'aym dalam al-Ḥilyah⁹⁸⁹ menerusi 'Abd Allāh bin Mas'ūd.

⁹⁸⁴ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : Waṣayā, Bāb : Waṣiyah Rasulullah SAW, jil. 3-4, hlm. 216.

⁹⁸⁵ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa Ta'dīl, no : 469, jil. 2, hlm. 88.

⁹⁸⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 244, jil. 1, hlm. 72-73.

⁹⁸⁷ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Zikri al-Tawbah, n h : 4250, jil. 4, hlm. 534-535.

⁹⁸⁸ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Syhadāt, Bāb : Shahadāh al-Qazīf, n h : 20561, jil. 10, hlm. 259.

⁹⁸⁹ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', jil. 4, hlm. 210.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Abū ‘Ubaydah bin ‘Abd Allāh bin Mas’ūd daripada bapanya. al-Sakhawī mengatakan bahawa hadith ini di~~h~~asankan oleh shaykh kami kerana ada *Shahīd*nya⁹⁹⁰, dan *Shahīd* hadith ini adalah apa yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī daripada Ibn ‘Abi Dunyā menceritakan kepada kami Ḥamād bin Badīl al-Āyyāmī menceritakan kepada kami Sallām bin Salīm menceritakan kepada kami Sa’īd al-Hims daripada ‘Aṭā’ daripada Ibn ‘Abbās dan di dalam hadith ada tambahan dengan lafaz sebagai berikut :

وَالْمُسْتَغْفِرُ مِنَ الذَّنْبِ وَهُوَ مُقِيمٌ عَلَيْهِ كَالْمُسْتَهْزِئِ بِرَبِّهِ وَمَنْ أَذَى مُسْلِمًا كَانَ عَلَيْهِ مِنَ الْإِثْمِ مِثْلُ كَذَا وَكَذَا

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu’ab al-Īmān⁹⁹¹. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī ini adalah *Da’īf* kerana di dalamnya terdapat perawi yang *Da’īf* iaitu Sallām bin Salīm. Ibn Ma’in, al-Nasā’ī men~~da~~’īfkannya dan Ahmad mengatakan *Laysa Bidhāk al-Qawwi*⁹⁹², Abū Zur’ah mengatakan bahawa tidak ditulis hadithnya⁹⁹³. Kemudian terdapat perawi Sa’īd al-Himsi, Ahmad men~~da~~’īfkannya, Yahyā bin Ma’in mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah*, dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Da’īf al-Ḥadīth*⁹⁹⁴. Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* kerana ada *Shahīd* yang menguatkan.

⁹⁹⁰ al-Sakhāwī, al-Maqāṣid al-Ḥasanah, n h : 313, hlm. 158.

⁹⁹¹ al-Bayhaqī, Shu’ab al-Īmān, Bāb : Fī Mu’alijah Kullu Zanbi bi Tawbah, n h : 7178, jil. 5, hlm. 436.

⁹⁹² *Laysa Bidhāk al-Qawwi*= Tidak terlalu kuat (Lafaz yang digunakan pada peringkat pertama pada peringkat Jarh, riwayat perawi ini boleh ditulis untuk dikaji.

⁹⁹³ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3371, jil. 2, hlm. 375.

⁹⁹⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3208, jil. 2, hlm. 333-334.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Hadith : 173

رُويَ أَبُو إِدْرِيسَ الْخَوْلَانِيُّ عَنْ أَبِي ذَرٍّ الْغِفَارِيِّ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِيَّاكَ وَكَثْرَةَ الضَّحِكِ فَإِنَّهُ يُمَيِّتُ الْقَلْبَ وَيُذْهِبُ بِنُورِ الْوَجْهِ.

Maksudnya : Diriwayatkan oleh Abu Idris al-Khawlani daripada Abi Dhar bahawa Nabi SAW bersabda : Elakkan dari banyak ketawa, kerana hal itu dapat mematikan hati dan menghilangkan sinar wajah.

Takhrij Hadith :

Hadith di atas adalah sebahagian daripada hadith yang sangat panjang yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥnya⁹⁹⁵, Abū Nu’aym dalam Ḥilyah⁹⁹⁶, al-Ṭabarānī dalam Mu’jam al-Kabīr⁹⁹⁷, semuanya daripada Abū Dhār al-Ghifārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān daripada Ibrāhīm bin Hishām bin Yaḥyā bin Yaḥyā al-Ghassānī menceritakan kepada kami bapaku daripada datukku daripada Abū Idrīs al-Khawlānī daripada Abū Dhār al-Ghifārī. Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym daripada Ja’far al-Faryābī dan Aḥmad bin Anas bin Mālik daripada Ibrāhīm bin Hishām dengan sanad yang sama sesudahnya dan hadith yang diriwayatkan oleh al-

⁹⁹⁵ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : Birru wa al-Iḥsān, Bāb : Mā Jā’a Fī Ṭa’ah wa Thawābihā, n h : 361, jil. 2, hlm. 76-78.

⁹⁹⁶ Abū Nu’aym, Ḥilyah al-Awliyā’, jil. 1, hlm. 166-168.

⁹⁹⁷ al-Ṭabarānī, al-Mu’jam al-Kabīr, n h : 1651, jil. 2, hlm. 157-158.

Ṭabarānī pula daripada Aḥmad bin Anas bin Mālik daripada Ibrāhim bin Hishām dan sanad yang sama sesudahnya. Hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Ibrāhim bin Hishām bin Yaḥyā bin Yaḥyā al-Ghassānī. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb*⁹⁹⁸. al-Dhahabī dan Abū Zur'ah mengatakan bahawa dia *Matrūk*, dan *Kadhdhāb*⁹⁹⁹.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Kadhdhāb* dan *Matrūk* iaitu Ibrāhim bin Hishām bin Yaḥyā bin Yaḥyā al-Ghassānī.

Hadith : 174

قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : عَشْرُهُ أَصْنَافٍ مِنْ أُمَّتِي لَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ تَابَ أَوْ لَهُمُ الْقَلَاغُ وَالْجُيُوفُ وَالْقَتَاتُ وَالْدَّيْبُوبُ وَالْدَّيْثُوثُ وَصَاحِبُ الْعَرْطَبَةِ وَصَاحِبُ الْكُوبَةِ وَالْعُتْلُ وَالزَّيْنِمُ وَالْعَاقُ لَوْلَدِيهِ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا الْقَلَاغُ ؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِي يَمْشِي بَيْنَ يَدَيِ الْأَمْرَأِ وَقِيلَ مَا الْجُيُوفُ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّبَاسُ وَقِيلَ مَا الْقَتَاتُ ؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّمَامُ وَقِيلَ مَا الدَّيْبُوبُ ؟ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِي يَجْمَعُ فِي بَيْتِهِ الْفَتَيَاتِ لِلْفُجُورِ وَقِيلَ مَا الدَّيْثُوثُ ؟ قَالَ : الَّذِي لَا يَعَارُ عَلَى أَهْلِهِ وَقِيلَ مَا صَاحِبُ الْعَرْطَبَةِ ؟ قَالَ الَّذِي يَضْرِبُ بِالطَّبْلِ وَقِيلَ مَا صَاحِبُ الْكُوبَةِ ؟

⁹⁹⁸ Abū Ḥātim, Jarḥ wa Ta'dīl, no : 469, jil. 2, hlm. 88.

⁹⁹⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 244, jil. 1, hlm. 72-73.

قَالَ الَّذِي يَضْرِبُ الطَّنْبُورَ وَ قِيلَ مَا الْعُتْلُ ؟ قَالَ الَّذِي لَا يَعْفُو عَنِ الذَّنْبِ وَلَا يَقْبَلُ الْعُذْرَ وَ قِيلَ مَا الزَّيْنِمُ ؟ قَالَ الَّذِي وُلِدَ مِنَ الزَّنا وَيَقْعُدُ عَلَى قَارِعَةِ الطَّرِيقِ فَيَعْتَابُ النَّاسَ.

Maksudnya : Ibn Abbas berkata daripada Nabi SAW : Sepuluh golongan umatku tidak akan masuk syurga, kecuali mereka yang bertaubat iaitu : al-Qalla', al-Juyyuf, al-Qattat, al-Daibub, al-Dayyus, pemilik Artabah, pemilik Kubah, 'Utul, Zanim dan orang yang derhaka kepada kedua orang tuanya, lalu ada yang bertanya : Ya Rasulullah apa yang dimaksud dengan al-Qalla' itu ? baginda menjawab : Orang yang berjalan dihadapan penguasa, apa yang dimaksud al-Juyyuf? Baginda menjawab : Pencuri kubur, apa yang dimaksud al-Qattat? Beliau menjawab : Orang yang suka mengadu domba, apa yang dimaksud dengan al-Daibub? Beliau menjawab : Orang yang mengumpulkan pemudi-pemudi di rumahnya untuk berzina (untuk dilacurkan), apa yang dimaksud Dayyus? Beliau menjawab : Orang yang tidak cemburu terhadap keluarganya, apa yang dimaksud mempunyai Artabah ? beliau menjawab : Orang yang memukul Drum atau muzik apa yang dimaksud mempunyai Kubah? Beliau menjawab : Orang yang memukul gendang, apa yang dimaksud 'Utul? Beliau menjawab : Orang yang tidak memaafkan dosa dan tidak menerima ampunan, apa yang dimaksud Zanim? Beliau menjawab orang yang dilahirkan dari zina dan dia duduk di tengah jalan sambil mengumpat orang lain.

Takhrij Hadith :

Hadith yang panjang ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdawsnya¹⁰⁰⁰ daripada Ibn Mas'ūd.

¹⁰⁰⁰ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 4082, jil. 3, hlm. 36.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini tidak ditemukan sanadnya, dan beliau mengatakan bahawa hadith ini aku sandarkan kepada Ibn ‘Abbās dan Abū Hurayrah sedangkan dalam kitab ianya daripada Ibn Mas’ūd. Beliau mengatakan lagi bahawa hadith ini tidak ada asalnya (*Lā Asla Lah*), tidak terbaca dan kalau dilihat dalam bentuk ungkapan lafaznya maka ianya *Muḍṭarib*¹⁰⁰¹. Begitu juga disebutkan oleh ‘Irāq al-Kinānī.¹⁰⁰² Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’* kerana ianya *Muḍṭarib*, tidak ditemukan sanadnya dan tidak ada asalnya. Wallahu A’lam.

Hukum Hadith : Mawḍu’.

Hadith : 175

قَالَ مُعَاذُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ قَوْلَ اللَّهِ تَعَالَى (يَوْمَ يُنْفَخُ فِي الصُّورِ فَتَأْتُونَ أَفْوَاجًا) فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَا مُعَاذُ لَقَدْ سَأَلْتَ عَنْ شَيْءٍ عَظِيمٍ ثُمَّ أَرْسَلَ عَيْنَيْهِ الشَّرِيفَتَيْنِ بِالْبُكَاءِ ثُمَّ قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَخْشُرُ عَشْرَهُ أَصْنَافٍ مِنْ أُمَّتِي أَشْتَاتًا قَدْ مَيَّزَهُمُ اللَّهُ مِنْ جَمَاعَةِ الْمُسْلِمِينَ وَبَدَّلَ صُورَهُمْ فَبَعْضُهُمْ عَلَى صُورَةِ الْقِرَدَةِ وَبَعْضُهُمْ عَلَى صُورَةِ الْخَنَازِيرِ وَبَعْضُهُمْ مُنْكَبِّينَ أَرْجُلَهُمْ وَوُجُوهُهُمْ يُسْحَبُونَ عَلَيْهَا وَبَعْضُهُمْ عُمِي يَتَرَدَّدُونَ وَبَعْضُهُمْ صُمٌّ بُكْمٌ لَا يَعْقِلُونَ وَبَعْضُهُمْ يَمْضَعُونَ أَلْسِنَتَهُمْ مُتَدَلِّياتٍ عَلَى صُدُورِهِمْ يَسِيلُ الْفَيْحُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ لُعَابًا يَقْدَرُهُمْ أَهْلُ الْجَمْعِ وَبَعْضُهُمْ مُقَطَّعَةُ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلِهِمْ وَبَعْضُهُمْ

¹⁰⁰¹ al-Daylamī, Kitāb Firdaws al-Akhhbār bi Ma’tūh al-Khiṭāb, n h : 3899, jil. 3, hlm. 64-65.

¹⁰⁰² ‘Irāq al-Kinānī, Tanzīh al-Sharī’ah al-Marfū’ah, n h : 64, jil. 2, hlm. 231.

مُصَلَّبُونَ عَلَى جُذُوعٍ مِنْ نَارٍ وَبَعْضُهُمْ أَشَدُّ نَتْنًا مِنَ الْجَيْفِ وَبَعْضُهُمْ يَكْسُونَ جَلَائِبَ سَابِغَةٍ مِنْ قَطْرَانٍ
فَأَمَّا الَّذِينَ عَلَى صُورَةِ الْقِرَدَةِ فَالْقِتَاتُ بَيْنَ النَّاسِ وَأَمَّا الَّذِينَ عَلَى صُورَةِ الْخَنَازِيرِ فَأَكَلُهُ السُّحْتِ وَالْكَسْبِ
الْحَرَامِ مِثْلُ الْمَكْسَةِ وَالرِّشَا وَأَمَّا الْمَنكُسُونَ بِرُؤُسِهِمْ وَوُجُوهِهِمْ فَأَكَلُهُ الرِّبَا وَأَمَّا الْعُمِيُّ فَمَنْ يَجُوزُ فِي الْحُكْمِ
وَأَمَّا الصُّمُّ الْبُكْمُ فَهُمْ الَّذِينَ يُعْجِبُونَ بِأَعْمَالِهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ يَمْضَعُونَ أَلْسِنَتَهُمْ فَالْعُلَمَاءُ وَالْفُصَاصُ الَّذِينَ
يُخَالِفُ قَوْلَهُمْ عَمَلُهُمْ وَأَمَّا الْمُقَطَّعَةُ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ فَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْجِيرَانَ وَأَمَّا الْمُصَلَّبُونَ عَلَى جُذُوعٍ مِنْ
نَارٍ فَالسُّعَاةُ بِالنَّاسِ إِلَى السُّلْطَانِ وَأَمَّا الَّذِينَ هُمْ أَشَدُّ نَتْنًا مِنَ الْجَيْفِ فَالَّذِينَ يَتَمَتَّعُونَ بِالشَّهَوَاتِ وَاللَّذَاتِ
وَيَمْنَعُونَ حَقَّ اللَّهِ تَعَالَى مِنْ أَمْوَالِهِمْ وَأَمَّا الَّذِينَ يَكْسُونَ الْجَلَائِبَ فَأَهْلُ الْكِبَرِ وَالْحَيْلَاءِ وَالْفَخْرِ (رواه
القرطبي).

Maksudnya : Muadh pernah bertanya kepada Nabi SAW tentang firman Allah bermaksud : iaitu hari ketika ditiup terompet lalu kamu sekalian datang berbondong-bondong (al-Naba' : 18), kemudian Nabi menjawab : wahai Muadh engkau telah menanyakan sesuatu yang amat besar : akan dihalau sepuluh kumpulan dari umatku dengan bermacam-macam rupa, mereka dibezakan oleh Allah dari kumpulan orang muslim dan Allah menampilkan bentuk mereka , di antara mereka ada yang berbentuk kera, babi dan ada yang matanya buta berjalan ke sana kemari, ada juga yang tuli, bisu, tidak mempunyai akal, ada yang menggigit lidahnya sampai menjulur ke dadanya sambil mencucurkan nanah dari mulutnya yang menjijikan orang ramai, sebahagian lagi ada orang yang putus tangan dan kakinya, dan sebahagian lagi ada yang disalib atau dipasung di atas daripada bau bangkai dan ada yang diberi pakaian berupa tar yang cair. Adapun yang berbentuk kera adalah mereka yang suka mengadu domba, orang yang

bentuk babi adalah pemakan riba dan yang haram, sedangkan yang diterbalikkan muka dan kakinya, mereka adalah pemakan barang riba. Orang yang tuli adalah orang yang ujub dengan amalnya. Orang yang menggigit lidahnya adalah para ulama dan ahli pidato dan pembicaraannya bercanggah dengan amalannya. Orang putus tangan dan kakinya adalah orang yang suka menyakiti jiran tetangga. Orang yang disalib dengan tiang api adalah orang yang mengadukan orang yang tidak bersalah kepada penguasa. Orang yang lebih busuk baunya daripada bangkai adalah orang-orang yang bersenang-senang dengan syahwat dan kelazatan, dan mereka tidak mahu mengeluarkan zakat, adapun orang yang diberi pakaian dengan tar adalah orang yang takbur, sombong dan angkuh (diriwayatkan oleh al-Qurṭubī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini disebutkan oleh al-Suyūṭī dalam al-Dur al-Manthūr¹⁰⁰³ daripada riwayat Ibn Mardawayh daripada Bārrā' bin 'Azib, dan al-Qurṭubī dalam Tafsirnya.¹⁰⁰⁴

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Qurṭubī dalam Tafsirnya¹⁰⁰⁵ dan al-Suyūṭī dalam Tafsirnya dalam keadaan para perawi yang banyak gugur di dalamnya daripada riwayat Ibn Mardawayh daripada Barā' bin 'Azib. Hadith ini juga disebutkan oleh Ibn Hajar dalam al-Kāfī al-Shafī fī Takhrīj Ḥadīth al-Kashāf¹⁰⁰⁶ bahawa hadith ini daripada

¹⁰⁰³ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥman bin Abī Bakar al-Suyūṭī, 1411H/1990M, al-Dur al-Manthūr fī Tafsīr al-Ma'thūr, jil. 6, hlm. 501, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

¹⁰⁰⁴ al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī, 1416H/1996M, Tafsīr Jāmi' al-Aḥkām, jil. 19, hlm. 169, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Ta'liq : Muḥammad Ibrāhīm al-Hafanāwī.

¹⁰⁰⁵ Ibid.

¹⁰⁰⁶ Ibn Hajar, Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalanī, 1418H/1997M, al-Kāfī al-Shafī fī Takhrīj Aḥādīth al-Kashaf, Surah al-Nabā', hlm. 310, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arabi.

Muḥammad bin Zuhayr daripada Muḥammad bin al-Hindī daripada Ḥanzalah al-Suddūsī daripada bapanya daripada Barrā' bin 'Azīb. Hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan banyak sanadnya yang *Khaṭā'*. Di antaranya ialah Ḥanzalah al-Suddūs dan dia seorang yang *Ḍa'īf* sebagaimana dikatakan oleh Aḥmad, dan hadith-hadithnya banyak yang *Munkar*. Yaḥyā al-Qaṭṭān mengatakan bahawa aku sengaja meninggalkan hadithnya, Ibn Ma'īn mengatakan bahawa dia *Laisa bi Shay'*, dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Laysa Qawwī'*¹⁰⁰⁷. Perawi yang kedua adalah Muḥammad bin Zuhayr, dia adalah seorang Tabi'in yang meriwayatkan hadith secara *Mawḍū'*, hadith-hadithnya banyak yang *Mursal* dan dia pula *Majhūl*¹⁰⁰⁸.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan banyak perawinya yang *Khaṭā'*. Di antaranya ialah Ḥanzalah al-Suddūs dan dia seorang yang *Ḍa'īf*, kemudian Muḥammad bin Zuhayr seorang Tabi'in yang *Majhūl* dan meriwayatkan hadith secara *Mawḍū'*. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū'* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah¹⁰⁰⁹. Wallahu A'lam.

¹⁰⁰⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 2373, jil. 2, hlm. 144.

¹⁰⁰⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 7542, jil. 4, hlm. 471.

¹⁰⁰⁹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 6444, jil. 17, hlm. 994-996.

Hadith : 176

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : عَشْرَةٌ نَفَرٌ لَنْ يَقْبَلَ اللَّهُ تَعَالَى صَلَاتَهُمْ : رَجُلٌ صَلَّى وَاحِدًا بَعْدَ قِرَاءَةِ
وَرَجُلٌ لَا يُؤَدِّي الزَّكَاةَ وَرَجُلٌ يُوْثَمُ قَوْمًا وَهُمْ لَهُ كَارِهُونَ وَرَجُلٌ مَمْلُوكٌ أَبَقَ وَرَجُلٌ شَارِبُ الْخَمْرِ مُدْمِنٌ وَامْرَأَةٌ
بَاتَتْ وَزَوْجُهَا سَاحِطٌ عَلَيْهَا وَامْرَأَةٌ حُرَّةٌ تُصَلِّي بَعْدَ خَمَارٍ وَأَكَلَ الرِّبَا وَالْإِمَامُ الْجَائِرُ وَرَجُلٌ لَا تَنْهَاهُ صَلَاتُهُ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ لَا يَزِدَادُ مِنَ اللَّهِ إِلَّا بُعْدًا.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Ada sepuluh golongan yang Allah tidak menerima solat mereka iaitu : seorang lelaki solat sendirian tanpa membaca surah al-Fatihah, orang yang tidak menunaikan zakat, orang yang menjadi imam suatu kaum yang mereka membencinya, seorang hamba sahaya yang melarikan diri, peminum khamar (arak) yang pemabuk (penagih), wanita yang tidur malam dan membuat marah suaminya, wanita dewasa yang solat tanpa memakai penutup kepala, pemakan riba, pemimpin yang zalim, dan orang yang solatnya tidak dapat berfungsi sebagai nahi mungkar yang tidak bertambah dari Allah melainkan menjauh.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 177

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : ثَلَاثَةٌ لَا يَقْبَلُ صَلَاتُهُمْ الْعَبْدُ الْأَبْقَى حَتَّى يَرْجِعَ وَامْرَأَةٌ بَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَلَيْهَا
سَاحِطٌ وَإِمَامٌ يُوْثَمُ قَوْمًا وَهُمْ لَهُ كَارِهُونَ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Tiga golongan yang tidak diterima solat mereka iaitu seorang hamba sahaya yang melarikan diri hingga dia pulang ke rumah tuannya, wanita yang tidur malam dan menimbulkan kemarahan suaminya, orang yang menjadi imam suatu kaum yang mereka membencinya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya¹⁰¹⁰ menerusi Abā Umāmah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith ini adalah *Ḥasan* disebabkan terdapat perawi Abū Ghālib namanya adalah Ḥazawwar yang diperselisihkan oleh ulama kedudukannya. Ibn Maʿīn mengatakan bahawa dia *Ṣāliḥ al-Ḥadīth*. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Laysa Qawwī*, al-Nasāʾī mengatakan bahawa dia *Ḍaʿīf* dan Dār Qutnī mengatakan dia *Thiqah*. Ibn ʿAdī pula mengatakan aku tidak pernah melihat dalam hadithnya ada hadith *Munkar* dan aku berharap dia *Laysa Baʿsa*, al-Tirmidhī pula meng~~h~~*asankan* hadith-hadithnya dan sebahagiannya lagi dia *ṣaḥīḥkan* dan Mūsā bin Harūn mengatakan bahawa dia *Thiqah*¹⁰¹¹. Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* disebabkan perawi Abū Ghālib diperbincangkan oleh ulama kedudukannya, sekalipun ada yang

¹⁰¹⁰ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Mā Jāʾa Fīman Ammā Qauman Wahum Lahu Karihūn, n h : 360, jil. 2, hlm. 153.

¹⁰¹¹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 10042, jil. 6, hlm. 429-430.

menthiqqahkannya seperti yang dikatakan oleh al-Tirmidhī bahawa hadith ini awalnya *Ṣaḥīḥ* sebab Abū Ghālib dithiqqahkan oleh Mūsā bin Harūn¹⁰¹².

Tetapi pendapat ulama yang melemahkannya tidak dibiarkan begitu saja, oleh itulah penulis menyimpulkan hadith ini sebagai *Ḥasan*. Ianya juga diḤasankan al-Mundhirī¹⁰¹³ dan al-Albānī¹⁰¹⁴. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : Ḥasan.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan* disebabkan perawi Abū Ghālib diperbincangkan oleh ulama kedudukannya, sebagaimana telah penulis jelaskan di atas.

Hadith : 178

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : إِذَا أَبَقَ الْعَبْدُ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ وَ فِي رِوَايَةٍ فَقَدْ كَفَرَ حَتَّى يَرْجِعَ .

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Jika seorang hamba sahaya melarikan diri, maka tidak diterima solatnya, dalam riwayat lain disebutkan, maka kafirlah dia sehingga pulang semula (kepangkuan tuannya).

¹⁰¹² al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Mā Jā'a Fīman Ammā Qauman Wahum Lahu Karihūn, n h : 360, jil. 2, hlm. 153.

¹⁰¹³ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Ṣolāt, Bāb : Tarhīb min Imāmati al-Rijāl al-Qauma Wahum Lahu Karihūn, n h : 683, jil. 1, hlm. 382.

¹⁰¹⁴ al-Albānī, Ṣaḥīḥ Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Buyū' wa Ghairihā, Bāb : Tarhīb al-'Abdu Min al-'Ibaq Min Sayyidihi, n h : 1889, jil. 2, hlm. 391.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Ṣaḥīḥnya¹⁰¹⁵, al-Nasā'ī dalam Sunannya¹⁰¹⁶, Aḥmad dalam Musnadnya¹⁰¹⁷ dan Ibn Khuzaymah dalam Ṣaḥīḥnya¹⁰¹⁸ menerusi Jārir bin 'Abd Allāh.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 179

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : اجْتَنِبُوا الْخَمْرَ فَإِنَّهَا أُمُّ الْخَبَائِثِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Jauhilah khamar kerana ianya menjadi punca segala kejahatan.

¹⁰¹⁵ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Tasmiyatu al-'Abdi al-Abaq Kafirān, n h : 124 (70), jil. 2, hlm. 51.

¹⁰¹⁶ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : Taḥrīm al-Dam, Bāb : al-'Abd Ya'baqu Ilā Ardi al-Syirki, n h : 4060 dan 4061, jil. 4, hlm. 17-18.

¹⁰¹⁷ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 19140, jil. 14, hlm. 420.

¹⁰¹⁸ Ibn Khuzaymah, Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah, Bāb : Nafī Qabūl al-Ṣalāh al-Mar'ah al-Ghadibah Lizaujihā wa Ṣolāt al-'Abd al-'Abāq, n h : 941, jil. 2, hlm. 69.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Nasā'ī dalam Sunannya¹⁰¹⁹, al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā¹⁰²⁰, Shu'ab al-Īmān¹⁰²¹ dan Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥnya¹⁰²² menerusi 'Uthmān bin 'Affān.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān daripada 'Umar bin Sa'īd daripada al-Zuhrī.

Hadith ini *Da'īf* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *da'īf*kan oleh ulama iaitu 'Umar bin Sa'īd. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Layyin* dan Ibn 'Adī pula mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkannya daripada al-Zuhrī *Laysa Mustaqīmah*¹⁰²³. Oleh itulah hadith ini dihukum *Da'īf* dan *da'īf*kan juga oleh al-Mundhirī¹⁰²⁴. Sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasā'ī dan al-Bayhaqī pula melalui sanad Yūnus bin Yazīd daripada al-Zuhrī. al-Nasā'ī mengatakan bahawa hadith

¹⁰¹⁹ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : Ashrabah, Bāb : Zikr al-Athāmi al-Mutawallidahan Syurb al-Khamr min Tarkī Ṣolawāt wa Min Qatli al-Nafsi al-Latī Ḥarrama Allāh wa Min Ququ'i 'Alā al-Maḥārim, n h : 5682, jil. 4, hlm. 731.

¹⁰²⁰ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Ashrabah, Bāb : Tashdid 'Alā Maḍman al-Khamar, n h : 17339, jil. 8, hlm. 500.

¹⁰²¹ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī al-Maṭā'im wa al-Mashārib, n h : 5587, jil. 5, hlm. 10.

¹⁰²² Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb al-Ashrabah, Faṣl : Zikr Mā Yajibu 'Alā Mar'i Min Majānabihi al-Khamr 'Alā al-Aḥwāl Liannahā Ra'su al-Khabā'ith, n h : 5348, jil. 12, hlm. 168.

¹⁰²³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6125, jil. 4, hlm. 120.

¹⁰²⁴ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Ḥudūd wa Ghayrihā, Bāb : Tarhīb Min Sharība al-Khamr....., n h : 3491, jil. 3, hlm. 216.

ini *Ṣaḥīḥ Mawqūf* kepada ‘Uthmān bin ‘Affān¹⁰²⁵. Oleh itu hadith ini naik derajatnya menjadi *Ḥasan li Ghairih* kerana ada yang menguatkannya.

Hukum Hadith : Ḥasan li Ghayrih.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan li Ghairih* disebabkan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibbān dikuatkan oleh hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasā’ī dan al-Bayhaqī.

Hadith : 180

قَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ : ثَلَاثَةٌ لَا يَقْبَلُ اللَّهُ هُمْ صَلَاةً وَلَا تُصْعَدُ هُمْ إِلَى السَّمَاءِ : السُّكْرَانُ حَتَّى يَصْحُوا وَالْمَرْأَةُ السَّاحِطُ عَلَيْهَا زَوْجُهَا وَالْعَبْدُ الْآبِقُ عَلَى مَوْلَاهُ حَتَّى يَرْجِعَ فَيَضَعَ يَدَهُ فِي يَدِ مَوْلَاهُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Ada tiga golongan yang tidak diterima oleh Allah solat mereka dan tidak akan naik ke langit, iaitu orang yang mabuk sehingga dia sedar diri, perempuan yang dibenci suaminya, hamba sahaya yang lari dari tuannya sehingga dia pulang dan menyerahkan diri kepada tuannya.

¹⁰²⁵ al-Nasā’ī, Sunan al-Nasā’ī, Kitāb : Ashrabah, Bāb : Zikr al-Athāmi al-Mutawallidahan Syurb al-Khamr Min Tarki Ṣolawāt wa Min Qatli al-Nafsi al-Latī Ḥarrama Allāh wa Min Wuqu’i ‘Alā al-Maḥārim, n h : 5682, jil. 4, hlm. 731.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil¹⁰²⁶, Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān¹⁰²⁷, Ibn Khuzaymah dalam Ṣaḥīḥnya¹⁰²⁸, dan al-Ṭabarānī dalam Mu’jam Awsaṭ¹⁰²⁹ menerusi Jābir bin ‘Abd Allāh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī, Ibn Ḥibbān dan Ibn Khuzaymah melalui sanad Hushām bin ‘Ammār menceritakan kepada kami al-Walid bin Muslim menceritakan kepada kami Zuhayr bin Muḥammad daripada Muḥammad bin Munkadir daripada Jābir bin ‘Abd Allāh. Hadith ini adalah *Da’if* disebabkan terdapat perawi yang *Da’if* iaitu Zuhayr bin Muḥammad. al-Bukhārī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan daripadanya oleh penduduk Syam kebanyakan adalah *Munkar* sedangkan yang diriwayatkan oleh penduduk Basrah adalah *Ṣaḥīḥ*, Ibn Ma’in mengatakan bahawa dia *Lā Ba’sa Bih*, al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Da’if*, Ḥākim Abū Aḥmad mengatakan bahawa dalam hadithnya ada sebahagian yang *Munkar*, al-Sajī mengatakan dia *Ṣadūq* tetapi *Munkar al-Ḥadīth*¹⁰³⁰. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Thiqah* tetapi *Layyin*¹⁰³¹. Abū Hatim mengatakan bahawa apa yang diceritakan daripada kitabnya

¹⁰²⁶ Ibn ‘Adī, al-Kāmil fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 3, hlm. 219.

¹⁰²⁷ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Ashrabah, Bāb : Zikr Nafī Qabūl Ṣolāt min Shariba al-Mushkarīn Ilā an Yashuwa Min Sukrihi, n h : 5355, jil. 12, hlm. 178.

¹⁰²⁸ Ibn Khuzaymah, Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah, Bāb : Nafī Qabūl Ṣolāt al-Mar’ah al-Ghadibah li Zawjihā wa Ṣolāt al-‘Abd al-Abāq, n h : 940, jil. 2, hlm. 69.

¹⁰²⁹ al-Ṭabarānī, Mu’jam Awsaṭ, n h : 9231, jil. 9, hlm. 186.

¹⁰³⁰ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 2396, jil. 2, hlm. 206-207.

¹⁰³¹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 2918, jil. 2, hlm. 274-275.

adalah *Ṣāliḥ* tetapi apa yang diceritakan daripada hafalannya kebanyakan *Ghalaṭ* dan salah¹⁰³². Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī pula daripada gurunya ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Uqayl dan dia seorang perawi yang *Da’īf*. al-Ḥaythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī adalah *Da’īf* disebabkan di dalamnya terdapat perawi yang *Da’īf* iaitu ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Uqayl¹⁰³³. al-Dhahabī dan Ibn Ma’īn mengatakan bahawa dia *Layyin*, Ibn Khuzaymah mengatakan tidak berhujah dengan hadithnya, Yahyā bin Sa’īd tidak mengambil hadith daripadanya kerana dia *Da’īf*¹⁰³⁴.

Hukum Hadith : *Da’īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’īf* disebabkan terdapat perawi yang *Da’īf* dan *Layyin* iaitu Zuhayr bin Muḥammad dan ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Uqayl. Hadith ini juga di~~*Da’īf*~~kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth *Da’īfah* wa Mawḍū’ah¹⁰³⁵.

¹⁰³² Abū Ḥātim, Jarḥ wa Ta’dīl, no : 4968/2675, jil. 3, hlm. 527.

¹⁰³³ al-Ḥaythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, jil. 4, hlm. 313.

¹⁰³⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 4536, jil. 3, hlm. 198-199.

¹⁰³⁵ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth *Da’īfah* wa Mawḍū’ah, n h : 1075, jil. 3, hlm. 189.

Hadith : 181

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : يُجَاءُ بِالْوَالِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيُنْبَذُ بِهِ عَلَى جِسْرِ جَهَنَّمَ فَيَرْتَجُّ بِهِ الْجِسْرُ إِرْتِجَاجَهُ لَا يَبْقَى مِنْهُ مُفَصَّلٌ إِلَّا زَالٍ عَنْ مَكَانِهِ فَإِنْ كَانَ مُطِيعًا لِلَّهِ فِي عَمَلِهِ مَضَى وَإِنْ كَانَ عَاصِيًا انْحَرَقَ بِهِ الْجِسْرُ فَيُهَوَى بِهِ فِي جَهَنَّمَ مِقْدَارَ خَمْسِينَ أَلْفَ عَامٍ.

Maksudnya : Dari Abi Dhar aku mendengar Nabi SAW bersabda : Seorang penguasa akan didatangkan pada hari kiamat, kemudian dia dicampakkan ke atas titian neraka jahannam, maka bergoyanglah titian itu sekuat-kuatnya, hingga tidak ada satu sendipun melainkan terlepas dari tempatnya, jika dia taat kepada Allah dalam perbuatannya, maka dia akan lalu dengan selamat, jika bermaksiat maka titian terputus kerananya lalu dia terjatuh ke dalam neraka jahannam selama lima puluh ribu tahun.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr¹⁰³⁶ darida Abū Dhār al-Ghifārī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada Maḥmūd bin Khālīd al-Dimshaqī daripada Suwayd bin 'Abd al-Azīz daripada Siyār Abū al-Ḥakam daripada Abū Wa'il Shaqīq. Hadith ini adalah *Da'if Jiddān* disebabkan terdapat perawi Suwayd bin 'Abd al-Azīz dan dia seorang yang *Matruk*. Aḥmad dan ulama lain mengatakan bahawa dia *Da'if* dan *Matruk*, al-Bukhārī mengatakan bahawa dalam sebahagian

¹⁰³⁶ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 1219, jil. 2, hlm. 39.

hadithnya perlu diteliti¹⁰³⁷. al-Ṭabarānī mengatakan bahawa dia seorang yang berlebih
lebih bahkan dia seorang yang *Layyin Fi al-Ḥadīth*¹⁰³⁸.

Hukum Hadith : *Da'if Jiddān*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini *Da'if Jiddān* disebabkan terdapat perawi
Suwayd bin 'Abd al-Azīz dan dia seorang yang *Matruk*.

Hadith : 182

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يُنْبَغِي لِلدَّاحِلِ فِي الْمَسْجِدِ عَشْرُ حِصَالٍ : أَوَّلُهَا أَنْ يَتَعَاهدَ خُفْيَهُ أَوْ
نَعْلَيْهِ وَ أَنْ يَبْدَأَ بِرِجْلِهِ الْيُمْنَى أَنْ يَقُولَ إِذَا دَخَلَ بِسْمِ اللَّهِ وَسَلَامٍ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى مَلَائِكَتِهِ اللَّهُ أَللَّهُمَّ
افْتَحْ لَنَا أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ وَ أَنْ يُسَلِّمَ عَلَى أَهْلِ الْمَسْجِدِ وَأَنْ يَقُولَ إِذَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ أَحَدٌ
السَّلَامَ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ وَ أَنْ يَقُولَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَأَنَّ لَا يَمُرُّ
بَيْنَ يَدَيِّ الْمُصَلِّي وَ أَنْ لَا يَعْمَلَ بِعَمَلِ الدُّنْيَا وَ أَنْ لَا يَتَكَلَّمَ بِكَلَامِ الدُّنْيَا وَأَنْ لَا يَخْرُجَ حَتَّى يُصَلِّيَ رَكَعَتَيْنِ
وَ أَنْ لَا يَدْخُلَ إِلَّا بِوُضوءٍ وَ أَنْ يَقُولَ إِذَا قَامَ سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ
وَأُثْنُوبُ إِلَيْكَ.

¹⁰³⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 3623, jil. 2, hlm. 441-442.

¹⁰³⁸ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 1219, jil. 2, hlm. 39.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sepatutnya orang yang masuk masjid hendaklah melakukan sepuluh perkara iaitu pertama membersihkan kedua khuf atau seliparnya dan mulai masuk dengan mendahulukan kaki kanan, kedua apabila masuk mengucapkan dengan nama Allah semoga keselamatan dicururkan ke atas Rasulullah dan semua malaikat Allah, ya Allah tuhan kami bukannya bagi kami pintu rahmat-Mu sesungguhnya engkau maha pemberi, ketiga membaca salam kepada ahli masjid, namun jika tidak ada orang di dalam masjid maka ucapkanlah semoga keselamatan bagi kamu dan hamba-hamba Allah yang soleh, keempat mengucapkan aku bersaksi tiada tuhan selain Allah dan sesungguhnya Muhammad adalah Rasul Allah, kelima hendaklah tidak lalu di hadapan orang yang sedang solat, keenam dan ketujuh jangan memperkatakan atau melakukan perkara duniawi, kelapan jangan keluar (duduk) sebelum melaksanakan solat dua rakaat, kesembilan jangan masuk kecuali sudah mengangkat air sembahyang, kesepuluh apabila bangkit hendaknya mengucapkan maha suci engkau ya Allah wahai tuhan kami, dan dengan memuji-Mu aku bersaksi tidak ada tuhan selain engkau, aku memohon ampunan kepada-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu.

Takhrij Hadith :

Hadith yang semakna dengan potongan hadith di atas diriwayatkan oleh Abū Dāwd dalam Sunannya¹⁰³⁹, dan al-Darimī dalam Sunanya¹⁰⁴⁰ dengan lafaz :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ : بَيْنَمَا رَسُولُ اللَّهِ يُصَلِّي بِأَصْحَابِهِ إِذْ خَلَعَ نَعْلَيْهِ فَوَضَعُهُمَا عَنْ يَسَارِهِ فَلَمَّا رَأَى

ذَلِكَ الْقَوْمُ اتَّقُوا نِعَاهُمْ فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتَهُ قَالَ : مَا حَمَلَكُمْ عَلَى الْقَاءِ

¹⁰³⁹ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : al-Ṣolāh fī Na'li, n h : 650, jil. 1, hlm. 304-305.

¹⁰⁴⁰ al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Ṣolāt fī Na'layn, n h : 1377, jil. 1, hlm. 234-235.

نِعَالَكُمْ قَالُوا : رَأَيْنَاكَ أَلْقَيْتَ نَعْلَيْكَ فَأَلْقَيْنَا نِعَالَنَا, فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ جَبْرِيلَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَانِي فَأَخْبَرَنِي أَنَّ فِيهِمَا قَدْرًا, أَوْ قَالَ أَدَى, وَقَالَ : إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ فَلْيَنْظُرْ فَإِنْ رَأَى فِي نَعْلَيْهِ قَدْرًا أَوْ أَدَى فَلْيَمْسَحْهُ وَلْيُصَلِّ فِيهِمَا.

Sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* dan hukumnya pun *Ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim, sebagaimana disebutkan oleh Muḥammad ‘Abd Allāh al-Khaṭīb al-Ṭibrizī dalam Mishkāṭ al-Maṣābiḥ yang ditahqiq oleh al-Albānī.¹⁰⁴¹ Selanjutnya diriwayatkan oleh al-Ḥākim dalam al-Mustadrāk¹⁰⁴² menerusi Anas bin Mālik dan beliau mengatakan bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim sebagaimana disepakati oleh al-Dhahabī. Selanjutnya adalah potongan hadith membaca doa ketika memasuki dan keluar masjid iaitu doa :

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِيْ اَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَ اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ

Hadith yang berkaitan dengan doa ini diriwayatkan oleh Muslim dalam *Ṣaḥīḥ*nya¹⁰⁴³, Abū Dāwd dalam *Sunannya*¹⁰⁴⁴, Ibn Mājah dalam *Sunanya*¹⁰⁴⁵, dan al-Nasā’ī dalam *Sunanya*¹⁰⁴⁶ menerusi Abā Ḥumayd atau Abā Usayd, dan hadith ini *Ṣaḥīḥ* hukumnya. Kemudian hadith yang menjelaskan tentang solat dua rakaat juga ada diriwayatkan oleh

¹⁰⁴¹ al-Ṭibrizī, Mishkāḥ al-Maṣābiḥ, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : al-Sitār, n h : 766, jil. 1, hlm. 238-239.

¹⁰⁴² al-Ḥākim, al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Kitāb Imāmah dan Ṣolāt al-Jama’ah, n h : 791/118, jil. 1, hlm. 338.

¹⁰⁴³ Muslim, *Ṣaḥīḥ* Muslim bi Sharah Nawāwī, Kitāb : Ṣolāt al-Mufasirin wa Qaṣariḥā, Bāb : Mā Yaquḥu ‘Inda Dakhala Masjid, n h : 68 (713), jil. 5-6, hlm. 190-191.

¹⁰⁴⁴ Abū Dāwd, *Sunan* Abū Dāwd, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : al-Ṣolāh fī Na’li, n h : 465, jil. 1, hlm. 232.

¹⁰⁴⁵ Ibn Mājah, *Sunan* Ibn Mājah, Kitāb : al-Masājid wa al-Jama’at, Bāb : Du’ā ‘Inda Dukhūl al-Masjid, n h : 772, jil. 1, hlm. 312-313.

¹⁰⁴⁶ al-Nasā’ī, *Sunan* al-Nasā’ī, Kitāb : al-Masājid, Bāb : al-Qawl ‘Inda Dukhūl al-Masjid wa ‘Inda Khurūj Minhu, n h : 728, jil. 1, hlm. 495-496.

Muslim dalam Ṣaḥīḥnya¹⁰⁴⁷ dan Abū Dāwūd dalam Sunanya¹⁰⁴⁸ menerusi Abī Qatadah dan hukumnya pun Ṣaḥīḥ.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 183

رُوي عن رسول الله صَلَّى الله عليه وسلم : مَنْ جَلَسَ فِي مَجْلِسٍ وَكَثُرَ فِيهِ لَعْنُهُ فَقَالَ قَبْلَ أَنْ يُقُومَ مِنْ مَجْلِسِهِ ذَلِكَ سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ إِلَّا غَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا كَانَ فِي مَجْلِسِهِ ذَلِكَ.

Maksudnya : Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada Nabi SAW : Sesiapa yang duduk pada suatu tempat dan pada tempat itu banyak kesalahan, lalu dia mengucapkan sebelum bangkit dari tempatnya, Subahana Allahumma wa Bihamdik, Asyhadu An Laa Ilaha Anta Astaghfiruka wa Atubu Ilaika (maha suci engkau ya Allah dan dengan memuji-Mu aku bersaksi sesungguhnya tiada tuhan selain engkau aku memohon ampunan-Mu dan bertobat kepada-Mu) tiada lain kecuali Allah mengampuni dosanya selama di majelis tersebut (diriwayatkan oleh al-Tirmidhi).

¹⁰⁴⁷ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Nawāwī, Kitāb : Ṣolāt al-Mufasirin wa Qaṣariḥā, Bāb : Istihbāb Taḥyat al-Masjid bi Rak'atayn, n h : 69 (714), jil. 5-6, hlm. 191.

¹⁰⁴⁸ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Mā Jā'a Fī al-Ṣolāt 'Inda Dukhūl al-Masjid, n h : 467, jil. 1, hlm. 233.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya¹⁰⁴⁹, Ibn Ḥibbān dalam Ṣaḥīḥnya¹⁰⁵⁰, al-Ḥākim dalam Mustadrāknya¹⁰⁵¹ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama ini daripada Ḥujjāj bin Muḥammad dia berkata : telah berkata Ibn Jurayj menceritakan kepadaku Mūsā bin ‘Uqbah daripada Suhayl bin Abī Ṣāliḥ daripada bapanya daripada Abū Hurayrah. Hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* kerana sanad hadithnya dihukum *Ṣaḥīḥ*, sebagaimana dikatakan oleh al-Ḥākim bahawa sanad hadith ini *Ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim¹⁰⁵². Hadith ini dikuatkan oleh *Shahīḥ* yang diriwayatkan oleh al-Ḥākim dalam Mustadrāk¹⁰⁵³ daripada Jubayr bin Muṭ’im. al-Ḥākim mengatakan hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* atas syarat Muslim tetapi Muslim tidak mengeluarkan dalam *Ṣaḥīḥnya*¹⁰⁵⁴. Kemudian al-Ṭabarānī dalam Mu’jam al-Kabīr¹⁰⁵⁵. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini

¹⁰⁴⁹ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Da’wāt, Bāb : Mā Yaqūlu Idhā Qāma Mīn al-Majlisi, n h : 3433, jil. 5, hlm. 318.

¹⁰⁵⁰ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Birru wa al-Iḥsān, Bāb : Suhbah wa al-Majālisah, n h : 594, jil. 2, hlm. 354-355.

¹⁰⁵¹ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Du’ā wa al-Takbir wa al-Tahlīl wa al-Zikr, n h : 1969/169, jil. 1, hlm. 720.

¹⁰⁵² al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Du’ā wa al-Takbir wa al-Tahlīl wa al-Dhikr, n h : 1969/169, jil. 1, hlm. 720.

¹⁰⁵³ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Du’ā wa al-Takbir wa al-Tahlīl wa al-Dhikr, n h : 1970/170, jil. 1, hlm. 720.

¹⁰⁵⁴ al-Ḥākim, Mustadrāk al-Ḥākim, Kitāb : al-Du’ā wa al-Takbir wa al-Tahlīl wa al-Dhikr, n h : 1970/170, jil. 1, hlm. 720.

¹⁰⁵⁵ al-Ṭabarānī, Mu’jam al-Kabīr, n h : 1586, jil. 2, hlm : 138-139.

sanadnya adalah *Ṣaḥīḥ*¹⁰⁵⁶. Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith di atas adalah *Ṣaḥīḥ* disebabkan sanad hadithnya adalah *Ṣaḥīḥ*, kemudian dikuatkan oleh *Shahīd*.

Hukum Hadith : *Ṣaḥīḥ*.

Hadith : 184

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَلَصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ وَفِيهَا عَشْرُ خِصَالٍ :
زَيْنُ الْوَجْهِ وَنُورُ الْقَلْبِ وَرَاحَةُ الْبَدَنِ وَأَنْسُ فِي الْقَبْرِ وَمَنْزِلُ الرَّحْمَةِ وَمِفْتَاحُ السَّمَاءِ وَثَقُلُ الْمِيزَانِ وَمَرْضَاتُ
الرَّبِّ وَثَمَنُ الْجَنَّةِ وَحِجَابُ مِنَ النَّارِ فَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ.

Maksudnya : Daripada Abu Hurayrah bahawa Nabi SAW bersabda : Solat adalah tiang agama, di dalam solat ada sepuluh perkara iaitu menghiasi muka, menerangi hati, merehatkan badan, merasa senang dalam kubur, turun rahmat, terbukanya pintu langit, berat timbangan, mendapat keredaan Allah, sebagai harga syurga dan penghalang dari neraka, sesiapa menunaikannya bererti dia menegakkan agama dan siapa yang mengabaikannya bererti meruntuhkan agama.

Takhrij Hadith :

Hadith yang penulis temui yang amat masyhur dikalangan masyarakat muslim Nusantara ialah :

أَلَصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

¹⁰⁵⁶ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' Fawā'id, jil. 10, hlm. 142.

Akan tetapi hadits dengan lafaz lengkap seperti di atas belum dapat dikesan kecuali apa yang diisyaratkan oleh al-Zabidī yang terdapat pada beberapa kitab Mazhab Ḥanafī.

Sedangkan al-Ghazālī menyebutkan dalam kitabnya al-Iḥyā' dengan lafaz :

أَصَلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ¹⁰⁵⁷

Hadith seperti ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān daripada 'Ikrimah daripada 'Umar dengan lafaz :

جَاءَ رَجُلٌ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ شَيْءٍ أَحَبُّ عِنْدَ اللَّهِ فِي الْإِسْلَامِ ؟ قَالَ : أَلَصَّلَاةُ لَوْفَتِهَا وَمَنْ تَرَكَ

الصَّلَاةُ فَلَا دِينَ لَهُ وَالصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ¹⁰⁵⁸

al-Daylamī dan al-Asfahānī meriwayatkan daripada 'Alī lafaz hadith al-Daylamī berbunyi :

أَصَلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ وَالْجِهَادُ سِنَامُ الْعَمَلِ وَ الزَّكَاةُ يَنْبُتُ ذَلِكَ¹⁰⁵⁹

Sedangkan lafaz hadith al-Asfahānī berbunyi :

أَصَلَاةُ عِمَادُ الْإِسْلَامِ وَالْجِهَادُ سِنَامُ الْعَمَلِ¹⁰⁶⁰

¹⁰⁵⁷ al-Zabidī, Sayyid Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥusayni, tth, Ittiḥāf al-Sādat al-Muttaqīn bi Sharah Iḥyā' Ulūm al-Dīn, jil. 3, hlm. 9, Bayrūt : Dār Iḥyā' Turāth al-'Arābī. al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, 1967M, Iḥyā' Ulūm al-Dīn, jil. 1, hlm. 197, al-Qāhirah : Mu'assasah al-Ḥalabi wa Shurakah li al-Naṣr wa al-Tawzi'.

¹⁰⁵⁸ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, n h : 2807, jil. 3, hlm. 39.

¹⁰⁵⁹ al-Daylamī, al-Firdaws al-Akḥbār bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 3795, jil. 2, hlm. 404.

¹⁰⁶⁰ al-Asfahānī, Abū al-Qāsim Ismā'īl bin Muḥammad bin Faḍl al-Jawzī, 1993M, Targhīb wa al-Tarhīb, nh : 2016, jil. 3, hlm. 33, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth, Taḥqīq : Amīn bin Ṣāliḥ Sha'bān.

Ibn Ḥajārah dan al-Suyūṭī mengisyaratkan bahawa Abū Nu'aym al-Faḍl bin Dukayn guru kepada al-Bukhārī juga meriwayatkan hadith ini dalam kitab al-Ṣalāh daripada Bilāl bin Yahyā secara Mursal dengan lafaz :

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ¹⁰⁶¹

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Seperti yang dinukil oleh al-‘Irāqī, Ibn Ṣalāh mengatakan bahawa hadith ini tidak di ketahui (*Ghairu Ma'rūf*). Ibn Ḥajar menukil pendapat al-Nawāwī yang mengatakan bahawa hadith ini *Munkar* dan palsu. Akan tetapi al-‘Irāqī dan Ibn Ḥajar menolak pendapat ini dan mengatakan bahawa hadith ini tidak palsu akan tetapi *Da'if* disebabkan sanadnya terputus dan beberapa rawinya *Da'if*¹⁰⁶². Hadith ini mempunyai *Shahīd* iaitu yang diriwayatkan daripada Mu'adh dalam satu hadith terdapat kata-kata :

رَأْسُ هَذَا الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ وَدَرْوُهُ سَنَامُهُ الْجِهَادُ

Ianya diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya¹⁰⁶³, Aḥmad dalam Musnad nya¹⁰⁶⁴, al-Ḥākim dalam Mustadrāk¹⁰⁶⁵, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Imān¹⁰⁶⁶ dan

¹⁰⁶¹ Ibn Ḥajar, Aḥmad bin 'Alī al-'Asqalānī, tth, Talkhis al-Ḥabīr Fī Takhrīj Ḥadīth al-Rāfi' al-Kabīr, jil. 1, hlm. 173, Bayrūt : Dār al-Ma'rifah, Pengarang : al-Sayyid 'Abd Allāh Hashīm al-Yamānī. al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abū Faḍl 'Abd al-Raḥman bin Abū Bakar, tth, Jāmi' Ṣaghīr min Ḥadīth al-Bashīr Nadhīr, jil. 2, hlm. 78, ttp : Dār al-Khadamat al-Qur'ān, Taḥqīq : Muḥammad Muḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd.

¹⁰⁶² al-‘Irāqī, Zayn al-Dīn Abū Faḍl 'Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn, 1967M, al-Mughnī al-Ḥaml al-Asfār Fī al-Asfār Fī Takhrīj Mā Fī al-Iḥyā' Min al-Akḥbār, jil. 1, hlm. 197, al-Qāhirah : Mu'asassah al-Ḥalabi wa Shurakah li Naṣr wa al-Tawzi'.

¹⁰⁶³ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Imān, Bāb : Ḥirmah al-Ṣalāt, n h : 2616.

¹⁰⁶⁴ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, jil. 5, hlm. 231 dan 237.

¹⁰⁶⁵ al-Ḥākim, al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn Fī al-Aḥādīth, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Ra's al-Amr al-Islām, jil. 2, hlm. 76 dan lihat : jil. 2, hlm. 412.

¹⁰⁶⁶ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Imān, n h : 2806, jil. 3, hlm. 38-39.

lainnya dengan lafaz yang sedikit berbeza. al-Tirmidhī menghukumkan hadith ini sebagai *Ḥasan Ṣaḥīḥ* dan al-Ḥākim menghukumkannya dengan *Ṣaḥīḥ*. Hadith ini telah dihukumkan *Da'īf* oleh al-‘Irāqī¹⁰⁶⁷, Ibn Ḥajar¹⁰⁶⁸, al-Sakhāwī¹⁰⁶⁹, al-Suyūṭī¹⁰⁷⁰ dan ulama-ulama lain. Perlu penulis jelaskan di sini bahawa perkataan :

فَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

Adalah tafsiran daripada kata-kata *عماد الدين* jadi jelas bahawa ianya bukan sabda Nabi SAW seperti yang nampak dalam riwayat-riwayat di atas. Wallahu a’lam.

Hukum Hadith : Da’īf.

Hadith : 185

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : صَلَاةُ الرَّجُلِ نُورٌ فِي قَلْبِهِ فَمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ فَلْيُنَوِّرْ قَلْبَهُ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Solat bagi seseorang adalah penerang hatinya, barang siapa diantara kamu yang ingin hatinya diterangi, hendaklah memperbanyak solatnya (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

¹⁰⁶⁷ al-‘Irāqī, al-Mughnī al-Ḥaml al-Asfār Fi al-Asfār Fī Takhrij Mā Fi al-Iḥyā’ Min al-Akhhbār, jil. 1, hlm. 197.

¹⁰⁶⁸ Ibn Ḥajar, Talkhiṣ al-Ḥabīr Fī Takhrij Ḥadīth al-Rāfi’ al-Kabīr, jil. 1, hlm. 173.

¹⁰⁶⁹ al-Sakhāwī, al-Maqāṣid al-Ḥasanah Fī Bayān Kathīr Min al-Aḥādīth al-Mustahirah ‘Ala al-Sinah, n h : 632, hlm. 266-267.

¹⁰⁷⁰ al-Suyūṭī, Jāmi’ Ṣaghīr min Ḥadīth al-Bashīr Nadhīr, jil. 2, hlm. 78.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 186

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : قُمْ فَصَلِّ فَإِنَّ الصَّلَاةَ شِفَاءٌ (رواه امام أحمد وابن ماجه).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Bangkitlah kamu, lalu solatlah kerana solat adalah ubat (diriwayatkan oleh Aḥmad dan Ibn Mājah).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya¹⁰⁷¹ dan Aḥmad dalam Musnadnya¹⁰⁷² menerusi Sahabat Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Hukum Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah dan Aḥmad ini daripada Dhawwād bin ‘Ulbaḥ daripada Layth daripada Mujāhid daripada Abū Hurayrah. Hadith ini *Da’if* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang lemah iaitu Layth ibn Abī Sulaym. Aḥmad mengatakan dia *Mudṭarib al-Ḥadīth* meskipun banyak manusia mengambil hadith daripadanya. al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Da’if* dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia ahli sunnah tetapi banyak ulama yang mengingkarinya¹⁰⁷³.

¹⁰⁷¹ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Ṭib, Bāb : al-Ṣolāt al-Shifā’, n h : 3458, jil. 4, hlm. 107.

¹⁰⁷² Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 9043, jil. 9, hlm. 93-94.

¹⁰⁷³ al-Dhahabī, Mizān al-Itidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6997, jil. 4, hlm. 340-341.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Layth ibn Abī Sulaym.

Hadith : 187

رُوي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ إِذَا أَنْزَلَ عَاقِبَةً مِنَ السَّمَاءِ عَلَى أَهْلِ الْأَرْضِ صَرَفَهَا عَنْ عَمَّارِ الْمَسْجِدِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya Allah apabila menurunkan penyakit dari langit ke atas penduduk bumi, maka Allah memalingkannya dari orang yang meramaikan masjid.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil fī Ḍu‘afā’ al-Rijāl¹⁰⁷⁴ menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Hukum Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī ini daripada Zāfir bin Sulaymān daripada ‘Abd Allāh bin Abī Ṣālih daripada Anas bin Mālik. Hadith ini adalah *Da'if Jiddān* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang lemah, iaitu Zāfir bin Sulaymān. Ibn ‘Adī mengatakan bahawa apa yang diriwayatkannya tidak diikuti¹⁰⁷⁵. Ibn Ḥibbān mengatakan

¹⁰⁷⁴ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu‘afā’ al-Rijāl, jil. 3, hlm. 234.

¹⁰⁷⁵ Ibid.

bahawa dia banyak salah dan banyak ragu. al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia memiliki hadith yang *Munkar* daripada Anas bin Mālik¹⁰⁷⁶. Kemudian terdapat perawi 'Abd Allāh bin Abī Šālih al-Madanī, al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth*, itu bermakna dia adalah *Ḍa'īf* sekali. Hadith ini pula *Munqaṭi'*¹⁰⁷⁷ (terputus sanadnya) iaitu ada perawi yang dihilangkan di antara 'Abd Allāh dan Anas bin Mālik iaitu bapanya dan Sa'īd bin Jubayr¹⁰⁷⁸. Kemudian hadith ini menyalahi hadith *Ṣaḥīḥ* yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Ṣaḥīḥnya*¹⁰⁷⁹, dan Muslim dalam *Ṣaḥīḥnya*¹⁰⁸⁰ daripada 'Abd Allāh bin 'Umar berbunyi :

إِذَا أَنْزَلَ اللَّهُ بِقَوْمٍ عَذَابًا أَصَابَ الْعَذَابُ مَنْ كَانَ فِيهِمْ ثُمَّ بُعِثُوا عَلَىٰ أَعْمَالِهِمْ

Hukum Hadith : Ḍa'īf Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf Jiddān* disebabkan di dalamnya terdapat perawi yang *Ḍa'īf* dan *Munkar* iaitu Zāfir bin Sulaymān dan 'Abd Allāh bin Abī Šālih al-Madanī. Kemudian diriwayatkan secara *Munqaṭi'* dan menyalahi hadith yang *Ṣaḥīḥ*. Hadith ini juga dihukum *Ḍa'īf Jiddān* oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*¹⁰⁸¹. Wallahu A'lam.

¹⁰⁷⁶ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 2819, jil. 2, hlm. 253-254.

¹⁰⁷⁷ *Munqaṭi'* = Hadith yang sanadnya terputus (khususnya pada satu tempat atau lebih tetapi tidak berterusan).

¹⁰⁷⁸ Ibn Ḥajar, *Tahdhīb wa Tahdhīb*, no : 3824, jil. 3, hlm. 172.

¹⁰⁷⁹ al-Bukhārī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Li Ibn Ḥajar*, Kitāb : al-Fitan, Bāb : Idhā Anzala Allāh bi Qaumin Abān, n h : 7108, jil. 14, hlm. 562-563.

¹⁰⁸⁰ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī*, Kitāb : al-Jannah wa Ṣifat Na'imihā wa Ahlihā, nh : 84 (2879), jil. 17, hlm. 173.

¹⁰⁸¹ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*, n h : 1851, jil. 4, hlm. 332.

Hadith : 188

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ : الصَّلَاةُ قُرْبَانٌ كُلُّ تَقِيٍّ (رواه القضاعي عن علي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Solat itu menjadi perantara dekatnya orang yang bertaqwa dengan Allah (diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī dari 'Alī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī dalam Musnad al-Shihāb¹⁰⁸² menerusi 'Alī bin Abī Ṭālib.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Quḍā'ī ini daripada Ibn Lahi'ah daripada Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman bin Nawfal daripada 'Āmir bin 'Abd Allāh bin al-Zubayr daripada bapanya daripada 'Alī. Hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang lemah iaitu Ibn Lahi'ah namanya ialah 'Abd Allāh bin Lahi'ah. Ibn Ma'in mengatakan bahawa dia adalah *Da'īf*, tidak *Qawwī* dan tidak berhujjah dengan hadithnya sama ada sebelum terbakar kitab-kitabnya ataupun sesudah terbakar. Abū Zur'ah dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa tidak ada orang yang berhujjah dengan hadithnya sebab dia *Da'īf*¹⁰⁸³. Ibn Hajar pula mengatakan bahawa dia adalah laki-laki yang buruk hafalannya¹⁰⁸⁴.

¹⁰⁸² al-Quḍā'ī, Musnad al-Shihāb, n h : 265, jil. 1, hlm. 181.

¹⁰⁸³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 4530, jil. 3, hlm. 189-192.

¹⁰⁸⁴ Ibn Hajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 4032, jil. 3, hlm. 241-244.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah Ḍa'īf disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang lemah iaitu 'Abd Allāh bin Lahi'ah. Hadith ini juga diḌa'īfkan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah¹⁰⁸⁵.

Hadith : 189

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا مِنْ حَالَةٍ يَكُونُ عَلَيْهَا الْعَبْدُ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنْ أَنْ يَرَاهُ سَاجِدًا يَغْفِرُ وَجْهَهُ فِي التُّرَابِ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tidak ada suatu keadaan pun bagi seorang hamba yang lebih dicintai oleh Allah selain Dia melihatnya dalam keadaan sujud dengan membenamkan mukanya ke tanah (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ¹⁰⁸⁶ menerusi Ḥuzayfah Ibn Yamān.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada 'Uthmān bin al-Qāsim daripada bapanya daripada 'Āsim bin Bahdalah daripada Abī Wā'il daripada Ḥuzayfah. Hadith

¹⁰⁸⁵ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 3808, jil. 8, hlm. 278-279.

¹⁰⁸⁶ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 6075, jil. 6, hlm. 228.

ini di $\dot{D}a'$ $\dot{I}f$ kan oleh al-Suyūṭī¹⁰⁸⁷, dan juga al-Mundhirī¹⁰⁸⁸. Ke $\dot{D}a'$ $\dot{I}f$ an hadits ini disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu ‘Uthmān bin al-Qāsim dan bapanya. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa ‘Uthmān bin al-Qāsim adalah *Majhūl*, aku tidak mengenal nasabnya begitu juga bapanya¹⁰⁸⁹. Pendapat yang sama juga dikatakan oleh al-Haythamī¹⁰⁹⁰ dan Abū Ḥātim al-Razī¹⁰⁹¹.

Hukum Hadith : $\dot{D}a'$ $\dot{I}f$.

Penulis menyimpulkan bahawa hadits ini adalah $\dot{D}a'$ $\dot{I}f$ disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu ‘Uthmān bin al-Qāsim dan bapanya.

Hadith : 190

رَوَى أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الْمُصَلِّيَ لَيَفْرُغُ بَابَ الْمَلِكِ وَإِنَّهُ مَنْ يَدُومُ قَرَعَ الْبَابِ يُوشِكُ أَنْ يُفْتَحَ لَهُ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya orang yang solat adalah orang yang mengetuk pintu kekuasaan Allah dan sesungguhnya orang yang sentiasa mengetuk pintu kekuasaan Allah, maka dibukakan pintu itu untuknya (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

¹⁰⁸⁷ al-Suyūṭī, Jāmi’ al-Ṣaghīr, nh : 8023, jil. 2, hlm. 490.

¹⁰⁸⁸ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Targhīb fī Ṣolāt al-Muṭlaq wa Faḍl al-Rukū’ wa Sujūd Khusū’, n h : 554, jil. 1, hlm. 325-326.

¹⁰⁸⁹ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Thiqqāt, no : 3195, jil. 4, hlm. 121.

¹⁰⁹⁰ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, jil. 1, hlm. 301.

¹⁰⁹¹ Abū Ḥātim al-Razī, Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 10155/905, jil. 6, hlm. 211-212.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam al-Firdaws bi Ma'thūr¹⁰⁹² daripada 'Abd Allāh bin 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Yahyā bin Ṣāliḥ al-'Ubaylī daripada Ismā'īl bin Umayyah daripada Aṭā' daripada Ibn 'Abbās. Hadith ini dihukum *Da'if* disebabkan ke $\mathcal{D}$ a'ifan perawi Yahyā bin Ṣāliḥ al-'Ubaylī sebagaimana yang disebutkan oleh al-Dhahabī¹⁰⁹³. al-'Uqaylī mengatakan bahawa hadith-hadithnya banyak yang *Da'if* dan aku kuatir kalau dia tertukar dengan 'Umar bin Qays yang hampir menyerupainya¹⁰⁹⁴. Ibn Ḥajar pula mengatakan bahawa semua hadith-hadithnya *Ghayru Maḥfūẓ*¹⁰⁹⁵.

Hukum Hadith : Da'if.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini dihukum *Da'if* disebabkan ke $\mathcal{D}$ a'ifan perawi Yahyā bin Ṣāliḥ al-'Ubaylī.

Hadith : 191

قَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ : الصَّلَاةُ مِيزَانٌ فَمَنْ أَوْفَى إِسْتَوَى.

¹⁰⁹² al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 760, jil. 1, hlm. 201.

¹⁰⁹³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 9544, jil. 6, hlm. 60.

¹⁰⁹⁴ al-'Uqaylī, Kitāb al-Ḍu'afā' al-Kabīr, no : 2035, jil. 4, hlm. 409.

¹⁰⁹⁵ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 8739, jil. 6, hlm. 147.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Solat adalah timbangan, sesiapa yang memenuhinya maka dia akan dipenuhi.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws¹⁰⁹⁶ daripada Ibn ‘Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Ḥākim dalam keadaan Mu’allaq daripada Muḥammad bin al-Ḥārith mawla Banī Hashīm menceritakan kepada kami Yaḥyā bin Munabbih daripada Mūsā bin ‘Uqbah daripada Kurayb daripada Ibn ‘Abbās.

Hadith ini adalah *Ḍa’īf* kerana perawinya banyak yang *Majhūl* diantaranya adalah Muḥammad bin al-Ḥārith, al-Dhahabī mengatakan bahawa dia adalah perawi yang *Majhūl*¹⁰⁹⁷. Kemudian Yaḥyā bin Munabbih, penulis tidak dapat mengesan namanya dari mana-mana kitab rijal dan dia juga seorang yang *Majhūl*.

Hukum Hadith : Ḍa’īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf* kerana perawinya yang *Majhūl* iaitu Muḥammad bin al-Ḥārith dan Yaḥyā bin Munabbih. Hadith ini juga di *Ḍa’īf* kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah¹⁰⁹⁸. Wallahu A’lam.

¹⁰⁹⁶ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 3732, jil. 2, hlm. 390.

¹⁰⁹⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 7338, jil. 4, hlm. 424.

¹⁰⁹⁸ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 3809, jil. 8, hlm. 279.

Hadith : 192

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : خَمْسُ صَلَوَاتٍ مَن حَافَظَ عَلَيْهِنَّ كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبُرْهَانًا وَنَجَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَمَن لَّمْ يُحَافِظْ عَلَيْهِنَّ لَمْ تَكُنْ لَهُ نُورًا وَلَا بُرْهَانًا وَلَا نَجَاتٌ وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ فِرْعَوْنَ وَقَارُونَ وَهَامَانَ وَابْنَ خَلْفٍ.

Maksudnya : Diriwayatkan daripada Nabi SAW : Solat lima waktu, sesiapa yang menjaganya maka akan menjadi cahaya baginya dan tanda serta keselamatan pada hari kiamat, sesiapa yang tidak memeliharanya maka tidak ada cahaya baginya, tanda dan keselamatan, dan pada hari kiamat dia bersama Fir'aun, Qarun, dan Ubay bin Khalaf.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad dalam Musnadnya¹⁰⁹⁹, Ibn Hibbān dalam Ṣaḥīḥnya¹¹⁰⁰, al-Darimī dalam Sunannya¹¹⁰¹, al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Awsaṭ¹¹⁰² menerusi 'Abd Allāh bin 'Amrū bin 'Āsh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ahmad daripada 'Abd al-Raḥman, Ibn Hibbān pula daripada al-Muqbirī semuanya daripada Abī Ayyūb menceritakan kepadaku Ka'ab bin 'Alqamah daripada 'Īsā bin Hilāl al-Ṣadafī daripada 'Abd Allāh bin 'Amrū. al-

¹⁰⁹⁹ Ahmad, Musnad Imām Ahmad, n h : 6576, jil. 6, hlm. 150.

¹¹⁰⁰ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Dhikr al-Zajrin 'an Tarki al-Mar'i al-Muḥafazah 'Alā Ṣalawāt al-Mafrudah, n h : 1467, jil. 4, hlm. 329.

¹¹⁰¹ al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : al-Riqāq, Bāb : al-Muḥafazah 'Alā al-Ṣalāh, n h : 2721, jil. 2, hlm. 184.

¹¹⁰² al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 1788, jil. 2, hlm. 247.

Darimī mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Jayyid* dan tidak ada yang cacat di dalamnya¹¹⁰³. Ibn Hibbān¹¹⁰⁴ dan Aḥmad mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*¹¹⁰⁵. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Aḥmad semua sanadnya adalah *Thiqah*¹¹⁰⁶. Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* dan di*Ṣaḥīḥ*kan juga oleh al-Mundhirī¹¹⁰⁷.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 193

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا أَرَادَ اللَّهُ تَعَالَى أَنْ يُدْخِلَ أَهْلَ الْجَنَّةِ فِي الْجَنَّةِ بَعَثَ إِلَيْهِمْ مَلَكًا وَمَعَهُ هَدِيَّةٌ وَكِسْوَةٌ مِنَ الْجَنَّةِ فَإِذَا أَرَدُوا أَنْ يَدْخُلُوهَا قَالَ لَهُمُ الْمَلَكُ إِنَّ مَعِيَ هَدِيَّةً مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ قَالُوا وَمَا تِلْكَ هَدِيَّةُ ؟ فَيَقُولُ الْمَلَكُ هِيَ عَشْرَةُ خَوَاتِمَ مَكْتُوبٍ عَلَى أَحَدِهَا سَلَامٌ عَلَيْكُمْ طِبْتُمْ فَأَدْخُلُوهَا خَالِدِينَ وَفِي الثَّانِي مَكْتُوبٌ رَفَعْتُ عَنْكُمْ الْأَحْزَانَ وَالْهُمُومَ وَفِي الثَّلَاثِ مَكْتُوبٌ وَتِلْكَ الْجَنَّةُ الَّتِي أُورِثْتُمُوهَا بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ وَفِي الرَّابِعِ مَكْتُوبٌ أَلْبَسْنَاكُمْ الْحِلَّ وَالْحُلِّيَّ وَفِي الْخَامِسِ مَكْتُوبٌ وَزَوَّجْنَاكُمْ بِخُورٍ عَيْنٍ إِلَيَّ جَزَيْتُهُمُ الْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوا إِنَّهُمْ هُمُ الْفَائِزُونَ وَفِي السَّادِسِ مَكْتُوبٌ هَذَا جَزَاؤُكُمْ الْيَوْمَ بِمَا فَعَلْتُمْ مِنَ الطَّاعَةِ وَفِي السَّابِعِ مَكْتُوبٌ صِرْتُمْ شُبَّانًا لَا تَهْرُمُونَ أَبَدًا وَفِي الثَّامِنِ مَكْتُوبٌ صِرْتُمْ آمِنِينَ لَا تَخَافُونَ أَبَدًا وَفِي التَّاسِعِ مَكْتُوبٌ رَافَقْتُمُ الْأَنْبِيَاءَ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءَ وَالصَّالِحِينَ وَفِي الْعَاشِرِ مَكْتُوبٌ سَكَنْتُمْ فِي جُورِ الرَّحْمَنِ ذِي الْعَرْشِ الْكَرِيمِ ثُمَّ يَقُولُ الْمَلَكُ أَدْخُلُوهَا بِسَلَامٍ آمِنِينَ فَيَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَيَقُولُونَ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنَّا الْحَزْنَ إِنَّ رَبَّنَا لَغَفُورٌ شَكُورٌ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي صَدَقَنَا وَعْدَهُ وَأَوْرَثَنَا الْأَرْضَ نَتَبَوَّأُ مِنَ الْجَنَّةِ حَيْثُ نَشَاءُ فَنِعْمَ أَجْرُ الْعَامِلِينَ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ أَنْ يُدْخِلَ أَهْلَ النَّارِ فِي النَّارِ بَعَثَ إِلَيْهِمْ مَلَكًا وَمَعَهُ عَشْرَةُ خَوَاتِمَ : فِي

¹¹⁰³ Ibid.

¹¹⁰⁴ Ibn Balbān, Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Balbān, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Dhikr al-Zajrin ‘an Tarki al-Mar’i al-Muḥafazah ‘Alā Ṣalawāt al-Mafrūḍah, n h : 1467, jil. 4, hlm. 329.

¹¹⁰⁵ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 6576, jil. 6, hlm. 150.

¹¹⁰⁶ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Farḍ al-Ṣolat, jil. 1, hlm. 292.

¹¹⁰⁷ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Ṣolāt, Bāb : Tarhīb Min Tarki Ṣolāt Taammudan wa Ikhrājihā ‘an Waktihā Tahawunan, n h : 820, jil. 1, hlm. 440.

أُولَٰهَا مَكْتُوبٌ أُدْخِلُوهَا لَا تَمُوتُونَ فِيهَا أَبَدًا وَلَا تَحْيَوْنَ وَلَا تُخْرَجُونَ وَفِي الثَّانِي مَكْتُوبٌ حَوَّضُوا فِي الْعَذَابِ لَا رَاحَةَ لَكُمْ وَفِي الثَّلَاثِ مَكْتُوبٌ أَيَسُّوْا مِنْ رَحْمَتِي وَفِي الرَّابِعِ مَكْتُوبٌ أُدْخِلُوهَا فِي الْهَمِّ وَالْحَزَنِ أَبَدًا وَفِي الْخَامِسِ مَكْتُوبٌ لِبَاسُكُمْ النَّارِ وَطَعَامُكُمْ الرَّقُومُ وَشَرَابُكُمْ الْحَمِيمُ وَمَهَادُكُمْ النَّارُ وَعَوَاشِكُمْ النَّارُ وَفِي السَّادِسِ مَكْتُوبٌ هَذَا جَزَاؤُكُمْ الْيَوْمَ بِمَا فَعَلْتُمْ مِنْ مَعْصِيَتِي وَفِي السَّابِعِ مَكْتُوبٌ سُخْطِي عَلَيْكُمْ فِي النَّارِ أَبَدًا وَفِي الثَّامِنِ مَكْتُوبٌ عَلَيْكُمْ اللَّعْنَةُ بِمَا تَعَمَّدْتُمْ مِنَ الذُّنُوبِ الْكَبَائِرِ وَلَمْ تَتُوبُوا وَلَمْ تَنْدِمُوا وَفِي التَّاسِعِ مَكْتُوبٌ قُرْنَاؤُكُمْ الشَّيَاطِينِ فِي النَّارِ أَبَدًا وَفِي الْعَاشِرِ مَكْتُوبٌ أَتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ وَأَرَدْتُمُ الدُّنْيَا وَتَرَكْتُمُ الْآخِرَةَ فَهَذَا جَزَاؤُكُمْ.

Maksudnya : Daripada ‘Aishah daripada Nabi SAW : Apabila Allah berkenan memasukkan ahli syurga ke dalam syurga, terlebih dahulu mengutus malaikat-malaikat untuk menemui mereka dengan membawakan hadiah dan busana dari syurga, bila nanti mereka akan masuk maka malaikat berkata kepada mereka sesungguhnya saya membawakan hadiah tuan daripada Allah tuhan semesta alam, dan mereka bertanya balik hadiah apa itu? Malaikat menjawab : hadiah itu adalah sepuluh biji cincin, pertama ditulis : kesejahteraan (dilimpahkan) atasmu, berbahagialah kamu maka masukilah syurga ini untuk selama-lamanya, kedua ditulis : telah aku hapuskan segala bentuk derita dan kesusahan, ketiga ditulis : dan inilah syurga yang aku anugerahkan kepadamu sebagai imbalan jerih payah yang kau kerjakan, keempat ditulis : aku memakaikan beraneka ragam busana dan perhiasan kepadamu, kelima ditulis : dan aku menjodohkan mereka dengan bidadari cantik dan pada hari inilah aku menganugerahkan kepada mereka imbalan dari kesabaran mereka bahawa sesungguhnya mereka memperoleh kebahagiaan, keenam ditulis : inilah imbalan untukmu dari hari ini dari sebarang ketaatan yang telah engkau lakukan, ketujuh ditulis : engkau menjadi pemuda selama-lamanya dan tidak akan menjadi tua, delapan ditulis : engkau menjadi aman selamanya, tak akan berasa ketakutan, kesembilan ditulis : engkau bersama-sama para Nabi, orang-orang yang jujur, orang-orang syahid dan orang-orang saleh, kesepuluh ditulis : engkau bertempat di sisi al-Rahman pemangku Arasy yang maha mulia. Kemudian para

Malaikat berkata : silakan tuan masuk dengan selamat dan sentosa, kemudian mereka para penghuni syurga masuk seraya berkata segala puji bagi Allah yang telah menghapuskan kesusahan dari kami sesungguhnya tuhan kami maha pengampun lagi maha mensyukuri. Dan apabila Allah berkehendak memasukkan (calon) penghuni neraka ke dalam neraka, maka terlebih dahulu Dia SWT mengutus malaikat kepada mereka dengan membawa sepuluh biji cincin, pada cincin pertama tertulis : masuklah ke dalam nereka disitu engkau tidak akan mati dan hidup dan tidak akan keluar, kedua tertulis : rasakanlah seksaan yang tidak pernah berhenti, ketiga tertulis : berputus harapkanlah kamu dari rahmat-Ku, keempat ditulis : masuklah kamu ke dalam neraka dengan penuh kebingungan dan kesedihan selamanya, kelima ditulis : pakaian kamu adalah api, makanan kamu adalah Zaqqum minuman kamu adalah Hamiim (air yang sangat panas), hamparan kamu adalah api dan tempat berteduh kamu adalah api, ke enam ditulis ini adalah pembalasan bagi kamu pada hari ini disebabkan maksiat yang kamu lakukan, ketujuh ditulis : kemurkaan-Ku atas kamu di dalam neraka selamanya, kelapan ditulis : segala kutukan ke atas kamu disebabkan dosa besar yang kamu lakukan dengan sengaja dan kamu tidak bertaubat dan tidak menyesalinya, kesembilan ditulis : teman-teman kamu adalah syaitan di dalam neraka selamanya ke sepuluh ditulis : kamu telah mengikuti syaitan, kamu mengharapka dunia dan meninggalkan akhirat maka inilah pembalasan bagi kamu.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Jawzī dalam kitab al-Mawḍū'āt daripada Ibn Mas'ūd¹¹⁰⁸.

¹¹⁰⁸ Ibn Jawzī, al-Mawḍū'āt, jil. 3, hlm. 251.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Ibn Jawzī mengatakan bahawa hadith ini tidak diragukan lagi kepalsuannya¹¹⁰⁹.

Disebabkan terdapat perawi yang suka memalsukan hadith iaitu Shāh bin Far'. al-Dhahabī menghukum hadith ini palsu kerana terdapat perawi Shāh bin Far' dan dia adalah pereka hadith-hadith palsu¹¹¹⁰. Dengan alasan itu jugalah, maka hadith ini dipalsukan oleh al-Suyūṭī¹¹¹¹ dan al-'Arrāq al-Kinānī¹¹¹².

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi yang suka memalsukan hadith iaitu Shāh bin Far'.

Hadith : 194

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ فِي جَهَنَّمَ سَبْعِينَ أَلْفَ وَادٍ فِي كُلِّ وَادٍ سَبْعُونَ أَلْفَ شَعْبٍ فِي كُلِّ شَعْبٍ سَبْعُونَ أَلْفَ دَارٍ فِي كُلِّ دَارٍ سَبْعُونَ أَلْفَ بَيْتٍ فِي كُلِّ بَيْتٍ سَبْعُونَ أَلْفَ بَيْتٍ فِي كُلِّ بَيْتٍ سَبْعُونَ أَلْفَ ثُعْبَانٍ فِي شُدُقٍ كُلِّ ثُعْبَانٍ سَبْعُونَ أَلْفَ عَقْرَبٍ لَا يَنْتَهِي الْكَافِرُ أَوْ الْمُنَافِقُ حَتَّى يُوَاقِعَ ذَلِكَ كُلَّهُ.

¹¹⁰⁹ Ibid.

¹¹¹⁰ al-Dhahabī, Muḥammad bin 'Uthmān al-Dhahabī, 1994M, Tartib al-Mawḍū'āt, n h : 1128, hlm. 311-312, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Kamāl Basyūnī Zaghlūl.

¹¹¹¹ al-Suyūṭī, al-La'li' al-Maṣnū'ah fī Aḥādīth al-Mawḍū'ah, jil. 2, hlm. 451.

¹¹¹² Ibn 'Arrāq, 'Alī bin Muḥammad bin 'Arrāq al-Kinānī, 1981M, Tanzīh al-Sharī'ah al-Marfū'ah 'an Aḥādīth al-Shanī'ah al-Mawḍū'ah, jil. 2, hlm. 387, Bayrūt : Dār Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : 'Abd al-Wahhāb 'Abd al-Laṭīf dan 'Abd Allāh Muḥammad al-Ṣiddīq.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya dalam jahannam terdapat 70.000 lembah, masing-masing lembah terdapat 70.000 gua, masing-masing gua terdapat 70.000 rumah masing-masing rumah terdapat 70.000 ruangan, masing-masing ruangan terdapat 70.000 perigi, setiap perigi terdapat 70.000 ekor ular, dan dalam setiap rongga mulut ular tersebut terdapat 70.000 kala jengking, orang Kafir mahupun Munafik tidak berakhir sehingga menghadapi semua itu.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Tārīkh Kabīr¹¹¹³, menerusi Nufayr bin Mujīb.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī ini daripada Ismā'īl bin 'Iyāsh daripada Sa'īd bin Yūsuf daripada Yaḥyā bin Abī Kathīr daripada Abī Sullām daripada al-Ḥujjāj bin 'Abd Allāh al-Thumalī dan dia memiliki sahabat iaitu Nufayr bin Mujīb (Sahabat kepada Nabi SAW) dia berkata sebagaimana matan hadith di atas. Hadith ini dihukum *Da'īf* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang lemah iaitu Ismā'īl bin 'Iyāsh. al-Bukhārī mengatakan jika dia mengambil hadith daripada negerinya maka dia *Ṣaḥīḥ* jika selain negerinya maka perlu diteliti. Abū Ḥātim dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Layyin* dan *Da'īf*, Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa banyak salah dalam hadithnya¹¹¹⁴. Perawi selanjutnya adalah Sa'īd bin Yūsuf, Ibn Ma'īn men~~da~~'īfkannya, al-Nasā'ī pula

¹¹¹³ al-Bukhārī, Tārīkh al-Kabīr, no : 11775/2437, jil. 8, hlm. 21-22.

¹¹¹⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 923, jil. 1, hlm. 240-241.

mengatakan bahawa dia *Laisa bi Qawwī*, Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia tidak terkenal¹¹¹⁵.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang lemah iaitu Ismā'īl bin 'Iyāsh dan Sa'īd bin Yūsuf. Hadith ini juga di *Ḍa'īf*kan oleh al-Mundhirī¹¹¹⁶ dan al-Albānī¹¹¹⁷.

Hadith : 195

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الرَّبُّ مِنَ الْعَبْدِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ الْآخِرِ فَإِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ تَكُونَ مِمَّنْ يَذْكُرُ اللَّهَ فِي تِلْكَ السَّاعَةِ فَكُنْ (رواه الترمذي و النسائي والحاكم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Yang paling dekat antara Allah dengan hamba-Nya adalah pada tengah malam, maka jika kamu mampu menjadi orang yang berzikir kepada Allah pada saat itu maka berzikirlah (diriwayatkan oleh al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan al-Ḥākim).

¹¹¹⁵ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, no : 3298, jil. 2, hlm. 353.

¹¹¹⁶ al-Mundhirī, *Targhīb wa Tarhīb*, Kitāb : *Ṣifah al-Jannah wa al-Nār*, Faṣal : *Fī Udiyatihā wa Jibālihā*, n h : 5383, jil. 4, hlm. 367.

¹¹¹⁷ al-Albānī, *Ḍa'īf Targhīb wa Tarhīb*, Kitāb : *Ṣifah al-Jannah wa al-Nār*, Faṣl : *Fī Udiyatihā wa Jibālihā*, n h : 2145, jil. 2, hlm. 442-443.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dalam Ṣaḥīḥnya¹¹¹⁸, Abū Dāwūd dalam Sunannya¹¹¹⁹, al-Tirmidhī dalam Sunannya¹¹²⁰, al-Nasā'ī dalam Sunannya¹¹²¹, Aḥmad dalam Musnad¹¹²² dan Ibn Khuzaymah dalam Ṣaḥīḥnya¹¹²³ semuanya menerusi 'Amrū bin 'Abbāsah.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 196

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : رَكَعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا ابْنُ آدَمَ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ الْآخِرِ خَيْرٌ لَهُ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا وَلَوْلَا أَنْ أَشَقَّ عَلَى أُمَّتِي لَفَرَضْتُهَا عَلَيْهِمْ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Dua rekaat yang dilakukan oleh anak Adam pada tengah malam itu lebih baik baginya daripada dunia seisinya, seandainya tidak memberatkan terhadap umatku, maka saya perintahkan (wajibkan) dua rekaat itu kepada mereka.

¹¹¹⁸ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ Nawāwī, Kitāb : Ṣolāt al-Musafirīn, Bāb : Islām 'Amrū bin 'Abbāsah, n h : 294 (832), jil. 5, hlm. 100-103.

¹¹¹⁹ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Man Rakḥkhaṣa Fihīmā Idhā Kānati al-Shamsi Murtafiatan, n h : 1277, jil. 2, hlm. 553-554.

¹¹²⁰ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Dakwāt, Bāb : (118), n h : 3579, jil. 5, hlm. 389.

¹¹²¹ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Mawāqit, Bāb : al-Nahyu 'an Ṣolāt Ba'da al-'Asar, n h : 571, jil. 1, hlm. 404-405.

¹¹²² Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 16951, jil. 13, hlm. 234-235.

¹¹²³ Ibn Khuzaymah, Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah, Bāb : Istihbāb al-Du'a fī al-Nisf al-Layl al-Akhir Rajak al-Ijābah, n h : 1147, jil. 2, hlm. 182.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn al-Mubārak dalam Kitab al-Zuhud¹¹²⁴, daripada Ḥisān Ibn ‘Aṭīyah dalam keadaan *Mursal*.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn al-Mubārak ini semua sanadnya adalah *Thiqah* tetapi ianya *Mursal* iaitu ada perawi yang dihilangkan namanya sehingga hukumnya menjadi *Da’if*. Menurut al-Suyūṭī bahawa hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Naṣr, dan hadith ini adalah *Da’if* kerana *Mursal*¹¹²⁵.

Hukum Hadith : Da’if.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’if* kerana ianya *Mursal*. al-Albānī juga men~~da~~’*if*kan hadith ini dalam Silsilah Aḥādīth Da’īfah wa Mawḍū’ah¹¹²⁶. Wallahu A’lam.

¹¹²⁴ Ibn al-Mubārak, Kitāb al-Zuhud, n h : 1289, hlm. 302.

¹¹²⁵ al-Suyūṭī, Jāmi’ Ṣaghīr, n h : 4477, jil. 2, hlm. 18.

¹¹²⁶ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Da’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 3648, jil. 8, hlm. 135.

Hadith : 197

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ فِي الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ يُقَالُ أَيْنَ الصَّائِمُونَ فَيَقُومُونَ لَا يَدْخُلُ مِنْهُ أَحَدٌ غَيْرُهُمْ فَإِذَا دَخَلُوا أُغْلِقَ فَلَمْ يَدْخُلْ مِنْهُ أَحَدٌ (رواه الشيخان).

Maksudnya : Daripada Sahl bin Sa'ad daripada Nabi SAW beliau bersabda : Sesungguhnya di dalam syurga ada pintu yang disebut Rayyan, yang dimasuki orang yang berpuasa, pada hari kiamat tidak ada seorangpun yang memasukinya kecuali mereka, dikatakan : mana orang yang berpuasa ? kemudian mereka berdiri, selain mereka tidak boleh masuk jika mereka telah masuk maka pintu itu dikunci tidak seorangpun yang dapat memasukinya lagi (diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Būkhārī dalam Ṣaḥīḥnya¹¹²⁷, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya¹¹²⁸, al-Tirmidhī dalam Sunannya¹¹²⁹, Ibn Mājah dalam Sunannya¹¹³⁰ dan al-Nasā'ī dalam Sunannya¹¹³¹ menerusi Sahl bin Sa'īd.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

¹¹²⁷ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Ṣawm, Bāb : al-Rayyān li al-Ṣa'imīn, n h : 1896, jil. 4, hlm. 603.

¹¹²⁸ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ Imām Nawāwī, Kitāb : al-Ṣiyām, Bāb : Faḍl al-Ṣiyām, n h : 166 (1152), jil. 8, hlm. 27.

¹¹²⁹ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Ṣawm, Bāb : Mā Jā'a Fī Faḍli al-Ṣawm, n h : 765, jil. 3, hlm. 85.

¹¹³⁰ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Ṣiyām, Bāb : Mā Jā'a Fī Faḍli al-Ṣiyām, n h : 1640, jil. 2, hlm. 77.

¹¹³¹ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Ṣiyām, Bāb : Ikhtilāf 'Alā Muḥammad bin Abī Ya'qūb fī Ḥadīth Abī Umāmah Fī Faḍli al-Ṣiyām, n h : 2235 dan 2236, jil. 2, hlm. 638-639.

Hadith : 198

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ عَبْدٍ يَصُومُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِلَّا بَاعَدَ اللَّهُ بِذَلِكَ وَجْهَهُ عَنِ النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا (رواه الشيخان).

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Tidak ada seorang hamba yang berpuasa di jalan Allah melainkan Allah menjauhkan mukanya daripada neraka sejauh 70 tahun (diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya¹¹³², Muslim dalam Ṣaḥīḥnya¹¹³³, al-Tirmidhī dalam Sunannya¹¹³⁴, Ibn Mājah dalam Sunannya¹¹³⁵, al-Nasā'ī dalam Sunannya¹¹³⁶ dan al-Darimī dalam Sunannya¹¹³⁷ semuanya menerusi Abū Sa'īd al-Khudrī.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

¹¹³² al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Faḍl al-Ṣawmi Fī Sabīlillāh, n h : 2840, jil. 6, hlm. 133.

¹¹³³ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ Imām Nawāwī, Kitāb : al-Ṣiyām, Bāb : Faḍl al-Ṣiyām Fī Sabīlillāh Liman Yutiḥiqhi, n h : 167-168 (1153), jil. 8, hlm. 27.

¹¹³⁴ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : Faḍā'il al-Jihād, Bāb : Mā Jā'a Fī Faḍli al-Ṣawmi Fī Sabīlillāh, nh : 1623, jil. 3, hlm. 566.

¹¹³⁵ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Ṣiyām, Bāb : Fī Ṣiyām al-Yawmin Fī Sabīlillāh, n h : 1717, jil. 2, hlm. 104.

¹¹³⁶ al-Nasā'ī, Sunan al-Nasā'ī, Kitāb : al-Ṣiyām, Bāb : Thawāb min Ṣiyām Yauman Fī Sabīlillāh, n h : 2247-2249, jil. 2, hlm. 644-645.

¹¹³⁷ al-Darimī, Sunan al-Darimī, Kitāb : al-Jihād, Bāb : Man Ṣāma Yauman Fī Sabīlillāh, n h : 2399, jil. 2, hlm. 267.

Hadith : 199

قَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ : الذِّكْرُ خَيْرٌ مِنَ الصَّدَقَةِ وَالذِّكْرُ خَيْرٌ مِنَ الصِّيَامِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Zikir lebih baik daripada sadaqah, zikir lebih baik daripada berpuasa.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws¹¹³⁸ daripada Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada Abī Syaikh dalam keadaan *Mu'allaq* daripada Zakariyyā bin Yaḥyā al-Miṣrī daripada Khālīd bin 'Abd al-Dā'im daripada Nāfi' bin Yazīd daripada Zahrah bin Ma'bad daripada Sa'īd bin Musayyab daripada Abū Hurayrah. Hadith ini dihukum *Mawḍū'* kerana dalam sanad terdapat perawi yang cacat iaitu Khālīd bin 'Abd al-Dā'im. Ibn 'Adī mengatakan bahawa dalam hadithnya ada sebahagian yang dikhawatiri, dia meriwayatkan hadith daripada Nāfi' bin Yazīd, yang meriwayatkan hadith daripadanya hanya Zakariyyā bin Yaḥyā saja maka jadilah hadith ini cacat kerana diriwayatkan daripada Zakariyyā bin Yaḥyā. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa matan hadith ini dirasakan dusta dengan sanad-sanad yang Masyhur. Abū Nu'aym dan al-Ḥākim mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkannya

¹¹³⁸ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma'thūr al-Khiṭāb, n h : 3170, jil. 2, hlm. 249.

daripada Nāfi' adalah *Mawḍū'*¹¹³⁹. Kemudian perawi Zakariyyā bin Yahyā al-Miṣrī atau dikenal dengan Abū Yahyā al-Wiqār, Ibn'Adī mengatakan bahawa dia pemalsu hadith, Ṣāliḥ mengatakan bahawa dia *Kadhdhāb*, Ibn Yūnus dan yang lain men~~da~~'*fkannya*¹¹⁴⁰.

Hukum Hadith : *Mawḍū'*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan dalam sanad terdapat perawi yang cacat dan pendusta iaitu Khālīd bin 'Abd al-Dā'im dan Zakariyyā bin Yahyā al-Miṣrī. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'*¹¹⁴¹.

Wallahu A'lam.

Hadith : 200

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا مِنْ عَبْدٍ أَوْ أُمَةٍ دَعَا بِهَذَا الدُّعَاءِ فِي لَيْلَةِ عَرَفَةَ أَلْفَ مَرَّةٍ وَهِيَ عَشْرُ كَلِمَاتٍ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ سُؤْلَهُ مَا لَمْ يَدْعُ بِقَطِيعَةٍ رَجِمَ أَوْ مَأْتَمٍ أَوْ هَا سُبْحَانَ الَّذِي فِي السَّمَاءِ عَرْشُهُ سُبْحَانَ الَّذِي فِي الْأَرْضِ مُلْكُهُ وَقُدْرَتُهُ سُبْحَانَ الَّذِي فِي الْبَحْرِ سَبِيلُهُ سُبْحَانَ الَّذِي فِي الْهَوَاءِ رُوحُهُ سُبْحَانَ الَّذِي فِي النَّارِ سُلْطَانُهُ سُبْحَانَ الَّذِي فِي الْأَرْحَامِ عِلْمُهُ سُبْحَانَ الَّذِي فِي الْقُبُورِ قَضَاؤُهُ سُبْحَانَ الَّذِي رَفَعَ السَّمَاءَ بِغَيْرِ عَمَدٍ سُبْحَانَ الَّذِي وَضَعَ الْأَرْضَ عَلَى الْمَاءِ سُبْحَانَ الَّذِي لَا مَلْجَأَ وَلَا مَنْجَا مِنْهُ إِلَّا إِلَيْهِ تَعَالَى.

¹¹³⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 2437, jil. 2, hlm. 156.

¹¹⁴⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī naqd al-Rijāl, no : 2892, jil. 2, hlm. 267.

¹¹⁴¹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 3628, jil. 8, hlm. 118-119.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Tidaklah seseorang yang berdoa dengan doa ini pada malam Arafah sebanyak seribu kali iaitu sepuluh kalimat lalu dia memohon sesuatu kepada Allah SWT melainkan Dia akan memberi permintaannya, selagi dia tidak memutuskan hubungan silaturahmi dan permintaan yang berupa dosa, pertama : maha suci tuhan yang Arasy-Nya dilangit, maha suci tuhan yang kerajaan dan kekuasaan-Nya di bumi, maha suci tuhan yang jalan-Nya di lautan, maha suci tuhan yang ruh-Nya di angkasa, maha suci tuhan yang kekuasaan-Nya di neraka, maha suci tuhan yang mengetahui alam rahim, maha suci tuhan yang hukumannya di alam kubur, maha suci tuhan yang tidak ada perlindungan mahupun keselamatan melainkan kepadanya yang maha mulia.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Tārīkh al-Kabīr¹¹⁴² melalui turuq al-‘Uqaylī dalam Ḍu‘afā’nya¹¹⁴³ daripada ‘Abd Allāh bin Mas’ūd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī ini melalui turuq al-‘Uqaylī daripada ‘Uzrah bin Qays al-Yahmīdī menceritakan kepadaku Ummu al-Fayḍ mawla ‘Abd al-Mālīk bin Mālīk bin Marwān dia berkata aku mendengar ‘Abd Allāh bin Mas’ūd berkata dan dia menyebutkan hadith ini. Hadith ini dihukum *Ḍa’īf* disebabkan terdapat perawi yang *Ḍa’īf* iaitu ‘Uzrah bin Qays al-Yahmīdī. al-Bukhārī mengatakan bahawa hadith-hadith

¹¹⁴² al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 9638/300, jil. 6, hlm. 375.

¹¹⁴³ al-‘Uqaylī, Kitāb Ḍu‘afā’ al-Kabīr, no : 1452, jil. 3, hlm. 412.

‘Uzrah tidak boleh diikuti¹¹⁴⁴. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Lā Shay’*¹¹⁴⁵. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Da’if*¹¹⁴⁶. al-Haythamī pula mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da’if* kerana terdapat perawi ‘Uzrah bin Qays dan dia di~~da~~’*if*kan oleh Ibn Ma’in¹¹⁴⁷.

Hukum Hadith : *Da’if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’if* disebabkan terdapat perawi yang *Da’if* iaitu ‘Uzrah bin Qays al-Yahmidī.

Hadith : 201

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ذَاتَ يَوْمٍ لِإِبْلِيسَ عَلَيْهِ
 اللَّعْنَةُ كَمْ أَحْبَبَاؤُكَ مِنْ أُمَّتِي قَالَ عَشْرَةٌ نَقَرِ أَوْهَمُ الْإِمَامُ الْجَائِرُ وَالْمُتَكَبِّرُ وَالْعَنِيُّ الَّذِي لَا يُبَالِي مِنْ أَيْنَ
 يَكْتَسِبُ الْمَالَ وَفِي مَاذَا يُنْفِقُ وَالْعَالِمُ الَّذِي صَدَّقَ الْأَمِيرَ عَلَى جُورِهِ وَالتَّاجِرُ الْخَائِنُ وَالْمُحْتَكِرُ وَالزَّانِي وَأَكَلُ
 الرِّبَا وَالْبَحِيلُ الَّذِي لَا يُبَالِي مِنْ أَيْنَ يَجْمَعُ الْمَالَ وَشَارِبُ الْخَمْرِ الْمُدْمِنُ عَلَيْهَا ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ فَكَمْ أَعْدَاؤُكَ
 مِنْ أُمَّتِي ؟ قَالَ عَشْرُونَ نَقَرِ أَوْهَمُ أَنْتَ يَا مُحَمَّدُ فَإِنِّي أَغْضَبُكَ وَالْعَالِمُ الْعَامِلُ بِالْعِلْمِ وَحَامِلُ الْقُرْآنِ إِذَا عَمِلَ
 بِمَا فِيهِ وَالْمُؤَدِّنُ لِلَّهِ فِي خُمْسِ صَلَوَاتٍ وَمُحِبُّ الْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْيَتَامَى وَذُو قَلْبٍ رَجِيمٍ وَالْمُتَوَاضِعُ لِلْحَقِّ

¹¹⁴⁴ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 9638/300, jil. 6, hlm. 375.

¹¹⁴⁵ Abū Ḥātim, Jarḥ wa Ta’dīl, no : 11654/110, jil. 7, hlm. 29.

¹¹⁴⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 5616, jil. 3, hlm. 462.

¹¹⁴⁷ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Ḥajj, Bāb : Khurūj Ilā Minā wa ‘Arafah, jil. 3, hlm. 252.

وَشَابَتْ نَشَأَ فِي طَاعَةِ اللَّهِ تَعَالَى وَأَكَلَ الْحَلَالَ وَالشُّبَّانِ الْمُتَحَابِّانِ فِي اللَّهِ وَالْحَرِصُ عَلَى الصَّلَاةِ فِي الْجَمَاعَةِ
وَالَّذِي يُصَلِّي بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامُ وَالَّذِي يُمْسِكُ نَفْسَهُ عَنِ الْحَرَامِ وَالَّذِي يَنْصَحُ لِلْإِخْوَانِ وَلَيْسَ فِي قَلْبِهِ سَيِّئٌ
وَالَّذِي يَكُونُ أَبَدًا عَلَى وَضُوءٍ وَسَخِيٍّ وَحُسْنِ الْخُلُقِ وَالْمُصَدِّقُ رَبَّهُ بِمَا ضَمِنَ اللَّهُ لَهُ وَالْمُحْسِنُ إِلَى
مُسْتَوْرَاتِ الْأَرَامِلِ وَالْمُسْتَعِدُّ لِلْمَوْتِ.

Maksudnya : Daripada Ibn Abbas bahawa Nabi SAW pada suatu hari bertanya kepada Iblis yang direjam, berapa golongan kekasihmu daripada umatku? Iblis menjawab : sepuluh golongan iaitu : Pemimpin yang zalim, orang yang sombong, orang kaya yang tidak peduli dari mana dia mendapatkan kekayaan dan kemana dia akan membelanjakan hartanya, orang alim yang menyokong penyelewengan penguasa, pedagang yang curang, penimbun makanan, orang yang berbuat zina, pemakan riba, orang kedekut yang tidak peduli dari mana dia perolehi hartanya, dan peminum khamar yang mabuk. Kemudian Nabi SAW bertanya lagi kepada Iblis : Ada berapa musuhmu daripada umatku? Iblis menjawab : Ada dua puluh golongan iaitu : Pertama engkau sendiri wahai Muhammad, kerana aku sangat benci kepadamu, orang alim yang mengamalkan ilmunya, orang hafal al-Qur'an yang mengamalkan isinya, orang yang azan kerana Allah dalam solat fardu yang lima, orang yang menyayangi fakir miskin dan anak yatim, pemuda yang hidup penuh taat kepada Allah, orang yang halal makanannya, dua orang pemuda yang saling mencintai di jalan Allah, orang yang bersemangat dalam solat berjemaah, orang yang melakukan solat pada malam hari disaat orang-orang tengah tidur, orang yang menahan dirinya daripada perbuatan haram, orang yang menasihati teman-temannya dengan ikhlas, orang yang sentiasa dalam keadaan berwuduk, orang yang dermawan, orang yang bagus perangainya, orang yang suka mengeluarkan zakat dan sedekah, orang yang memberikan khidmat baiknya untuk para

janda yang susah menderita, dan orang yang menyiapkan diri untuk menghadapi kematian.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 202

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ دَعَا لِظَالِمٍ بِالْبَقَاءِ فَقَدْ أَحَبَّ أَنْ يُعْصِيَ اللَّهَ فِي أَرْضِهِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa mendoakan panjang umur untuk orang yang zalim maka sesungguhnya dia redo terhadap terjadinya penderhakaan kepada Allah di bumi-Nya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān¹¹⁴⁸, daripada Ḥasan al-Baṣrī, Abū Nu'aym dalam Ḥilyah¹¹⁴⁹ daripada Sufyān al-Thaurī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Penulis menghukumkan hadith di atas sebagai *Mawḍu'* disebabkan tidak ada asalnya (*Lā Aṣla Lah*) daripada Nabi SAW. Tetapi hadith ini hanya perkataan ulama salaf saja,

¹¹⁴⁸ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Muba'idah al-Kuffār wa al-Mufsidīn, Faṣl : Mujānabah al-Fisqah wa al-Mubtadi'ah, n h : 9432, jil. 7, hlm. 53-54.

¹¹⁴⁹ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', jil. 7, hlm. 46.

sebagaimana dikatakan oleh al-Ghazālī dalam *Iḥyā'nya*¹¹⁵⁰. Beliau mengatakan bahawa bunyi perkataan Nabi di atas adalah *Gharīb* (aneh) dan aku tidak menemui asalnya daripada hadith Nabi melainkan daripada perkataan Ḥasan al-Baṣrī sahaja¹¹⁵¹. Sedangkan Abū Nu'aym pula mengatakan bahawa lafaz hadith di atas adalah Sufyān al-Thawrī¹¹⁵². Jadi penulis simpulkan bahawa lafaz hadith di atas adalah *Mawḍu'* kerana tidak ada asalnya dan hanya perkataan Ḥasan al-Baṣrī dan Sufyān al-Thawrī sahaja. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Hadith : 203

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يُخْشَرُ الْمُتَكَبِّرُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَمْثَالَ الذُّرِّ فِي صُورِ الرِّجَالِ يَعْشَاهُمْ
الذُّلُّ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ يُسَاقُونَ إِلَى سَحْنٍ فِي جَهَنَّمَ يُسَمَّى بُؤْلَسَ يُسْقَوْنَ مِنْ عَصَاةِ أَهْلِ النَّارِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Orang-orang yang sombong akan dihimpunkan pada hari kiamat, seperti semut kecil dalam bentuk manusia, mereka ditutupi dari semua tempat, mereka dihalau ke dalam jahannam, mereka diberi minum daripada peluh keringat ahli neraka.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak dapat menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

¹¹⁵⁰ al-Ghazālī, *Iḥyā' Ulūm al-Dīn*, jil. 3, hlm : 201.

¹¹⁵¹ Ibid.

¹¹⁵² Abū Nu'aym, *Ḥilyah al-Awliyā'*, jil. 7, hlm. 46.

Hukum Hadith : Tidak Diketahui Hukum.

Hadith : 204

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ أَفْتَى بِغَيْرِ عِلْمٍ لَعَنَتْهُ مَلَائِكَةُ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ (رواه ابن عساکر).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa memberi fatwa tanpa ilmu agama maka dia mendapat laknat daripada Malaikat langit dan bumi (diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir dalam Tārīkhnya¹¹⁵³ menerusi ‘Alī bin Abī Ṭālib.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Asākir ini daripada Muḥammad bin Ishāq bin Ibrāhīm bin ‘Abd Allāh al-Antāqī menceritakan kepada kami Abū Bakar Muḥammad bin ‘Umar al-Ja’abī al-Ḥāfiẓ menceritakan kepadaku bapaku, menceritakan kepadaku ‘Abd Allāh menceritakan kepada kami Sayyid ‘Alī bin Mūsā al-Riḍā menceritakan kepadaku Mūsā bin Ja’far menceritakan kepadaku Ja’far bin Muḥammad menceritakan kepadaku ‘Alī bin al-Ḥusayn daripada al-Ḥusayn daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib. Hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi yang *Ghalaṭ* dan Syi’ah iaitu Muḥammad bin ‘Umar al-Ji’abī. Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia seorang Syi’ah dan banyak

¹¹⁵³ Ibn ‘Asākir, Tārīkh Madīnah Dimasq, n h : jil. 52, hlm. 20.

kesalahan. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia seorang yang Fasiq, lemah agama dan Syi'ah¹¹⁵⁴.

Hukum Hadith : Mawḍu'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini *Mawḍu'* disebabkan terdapat perawi yang Fasiq, *Ghalaṭ* dan Syi'ah iaitu Muḥammad bin 'Umar al-Ji'ābī.

Hadith : 205

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ احْتَكَرَ طَعَامًا أَرْبَعِينَ يَوْمًا فَقَدْ بَرَّئَ مِنَ اللَّهِ وَبَرَّئَ اللَّهُ مِنْهُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang menimbun makanan selama 40 hari, maka sesungguhnya dia telah melepaskan diri daripada Allah dan Allah pun berlepas diri daripadanya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nua'ym dalam Ḥilyah¹¹⁵⁵, Ibn Abī Shaybah dalam al-Muṣannaf¹¹⁵⁶, Aḥmad dalam Musnad¹¹⁵⁷, Abū Ya'lā dalam Musnadnya¹¹⁵⁸ menerusi 'Abd Allāh bin 'Umar.

¹¹⁵⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8006, jil. 5, hlm. 116.

¹¹⁵⁵ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', n h : 7978, jil. 6, hlm. 106-107.

¹¹⁵⁶ Ibn Abī Shaybah, al-Muṣannaf, Kitāb : al-Buyū' wa al-Aqdiyah, Bāb : Iḥtikar al-Ṭa'am, n h : 20769, jil. 10, hlm. 579-580.

¹¹⁵⁷ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 4880, jil. 4, hlm. 437-438.

¹¹⁵⁸ Abū Ya'lā, Musnad Abī Ya'lā al-Muwaṣilī, n h : 5720, jil. 5, hlm. 155-156.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Aḥmad, Abū Ya'lā, Ibn Abī Shaybah dan Abū Nu'aym daripada Yazīd bin Harūn menceritakan kepada kami Asbāgh bin Yazīd al-Juhnī menceritakan kepada kami Abū Bashīr daripada Abī Zahriyah daripada Kathīr bin Murrah daripada Ibn 'Umar. Hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Abū Bashīr dan dia adalah al-Amlūkī. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Majhūl*, Ibn Ma'in mengatakan bahawa dia *Lā Shay'*¹¹⁵⁹. al-Haythamī pula mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Aḥmad dan Abū Ya'lā *Da'if* kerana terdapat perawi Abū Bashīr dan dia di~~da'~~*da'*kan oleh Ibn Ma'in¹¹⁶⁰. al-Mundhirī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'if*¹¹⁶¹.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang *Da'if* iaitu Abū Bashīr.

Hadith : 206

قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : مَنْ اخْتَكَرَ عَلَى الْمُسْلِمِينَ طَعَامَهُمْ ضَرَبَهُ اللَّهُ بِالْجَذَامِ وَالْأَفْلَاسِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa menimbun bahan makanan kaum muslimin, maka Allah menimpakan kepadanya penyakit kusta dan muflis.

¹¹⁵⁹ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 1104, jil. 2, hlm. 227.

¹¹⁶⁰ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Buyū', Bāb : al-Iḥtikar, jil. 4, hlm. 100.

¹¹⁶¹ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Buyū' wa Ghairihā, Bāb : Tarhīb min al-Iḥtikar, n h : 2645, jil. 2, hlm. 566.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam Sunannya¹¹⁶², Aḥmad dalam Musnadnya¹¹⁶³, al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān¹¹⁶⁴, al-Bukhārī dalam Tārīkh al-Kabīr¹¹⁶⁵ menerusi 'Umar bin al-Khaṭṭāb.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Haytham bin Rāfi' menceritakan kepadaku Abū Yaḥyā al-Makkī daripada Farrūkh mawla Uthmān bin Affān daripada 'Umar bin al-Khaṭṭāb. Hadith ini di~~Da'~~ḥḥan oleh al-Mundhirī¹¹⁶⁶ dan al-Ṭibrizī¹¹⁶⁷. Ke~~Da'~~ḥḥan hadith ini disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu Abū Yaḥyā al-Makkī. al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Majhūl* dan hadith-hadithnya banyak yang lemah dan *Munkar*¹¹⁶⁸.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu Abū Yaḥyā al-Makkī.

¹¹⁶² Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Tijārah, Bāb : al-Hukrati wa al-Jalabi, n h : 2155, jil. 3, hlm. 13.

¹¹⁶³ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 135, jil. 1, hlm. 224.

¹¹⁶⁴ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī 'an Yuḥibba al-Muslimu li Akhīhi mā Yuḥibbu li Nafsihi, Faṣl : Fī Tarki al-Iḥtikar, n h : 11218, jil. 7, hlm. 526.

¹¹⁶⁵ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 12112/2774, jil. 8, hlm. 105.

¹¹⁶⁶ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Buyū' wa Ghairihā, Bāb : Tarhīb Min al-Iḥtikar, n h : 2647, jil. 2, hlm. 567.

¹¹⁶⁷ al-Ṭibrizī, Mishkaḥ al-Maṣābiḥ, Kitāb : al-Buyū', Bāb : al-Iḥtikar, n h : 2895, jil. 2, hlm. 876.

¹¹⁶⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 10732, jil. 6, hlm. 261.

Hadith : 207

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِيَّاكُمْ وَالزَّنا فَإِنَّ فِيهِ أَرْبَعَ حِصَالٍ : يُذْهَبُ الْبَهَاءُ مِنَ الْوَجْهِ وَيُقَطَّعُ الرِّزْقُ وَيَسْخَطُ الرَّحْمَنُ وَيُسْتَوْجَى الْخُلُودُ فِي النَّارِ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Janganlah kamu sekalian berbuat zina, kerana zina mengandungi empat perkara (yang menjijikkan) iaitu menghilangkan wibawa daripada mukanya, memutuskan rezeki, membuat Allah murka dan benci dan mengakibatkan kekal di dalam neraka (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ¹¹⁶⁹, Ibn 'Adī dalam al-Kāmil¹¹⁷⁰ dan Ibn Jawzī dalam Mawḍū'āt melalui riwayat Ibn 'Adī¹¹⁷¹ semuanya menerusi Ibn 'Abbās.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada 'Amrū bin Jāmi' daripada Ibn Jurayr daripada 'Aṭā' daripada Ibn 'Abbās. Hadith ini adalah *Mawḍū* disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb* iaitu 'Amrū bin Jāmi'. Ibn Jawzī mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū* disebabkan 'Amrū seorang yang *Kadhdhāb*¹¹⁷². Ibn 'Adī pula

¹¹⁶⁹ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 7096, jil. 7, hlm. 180.

¹¹⁷⁰ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, jil. 5, hlm. 112.

¹¹⁷¹ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'āt min Aḥādīth al-Marfū'āt, Kitāb : Dhammu al-Ma'aṣi, Bāb : Dhammu al-Zinā, n h : 1554, jil. 3, hlm. 319-320.

¹¹⁷² Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū'āt Min Aḥādīth al-Marfū'āt, Kitāb : Dhammu al-Ma'aṣi, Bāb : Dhammu al-Zinā, n h : 1554, jil. 3, hlm. 319-320.

mengatakan bahawa riwayat ‘Amrū bin Jāmi’ kebanyakan adalah *Munkar* dan dia dituduh sebagai pemalsu hadith¹¹⁷³. al-Haythamī mengatakan bahawa ‘Amrū bin Jāmi’ adalah *Matrūk*¹¹⁷⁴. Ibn Ma’in dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia pendusta dan *Matrūk*, al-Bukhārī pula mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth*¹¹⁷⁵. Disebutkan juga oleh al-Suyūṭī dalam al-Lāli’ī bahawa ‘Amrū adalah *Kadhdhāb*¹¹⁷⁶. ‘Irāq al-Kinānī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini tidak *Ṣaḥīḥ* tetapi palsu disebabkan ‘Amrū bin Jāmi’¹¹⁷⁷.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū* disebabkan terdapat perawi yang *Kadhdhāb*, *Matrūk* dan pemalsu hadith iaitu ‘Amrū bin Jāmi’. Hadith ini juga dihukum *Mawḍū* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah¹¹⁷⁸.

Wallahu A’lam.

Hadith : 208

قَالَ الرَّسُولُ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَا تَلَفُ مَالٌ فِي بَرٍّ وَلَا بَحْرٍ إِلَّا بِمَنْعِ الدَّكَاءِ.

¹¹⁷³ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 5, hlm. 113.

¹¹⁷⁴ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : Ḥudūd wa al-Diyāt, Bāb : Dhammu al-Zinā, jil. 6, hlm. 254-255.

¹¹⁷⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6345, jil. 4, hlm. 171.

¹¹⁷⁶ al-Suyūṭī, al-Lāli’ī al-Maṣnū’ah Fī Aḥādīth Mawḍū’ah, jil. 2, hlm. 189.

¹¹⁷⁷ ‘Irāq al-Kinānī, Tanzīh al-Sharī’ah al-Marfū’ah ‘an al-Aḥādīth Shani’ah al-Mawḍū’ah, n h : 48, jil. 2, hlm. 227.

¹¹⁷⁸ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 143, jil. 1, hlm. 273-274.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Harta di darat dan di laut tidak akan rusak kecuali dengan menahan zakat.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Kitāb al-Du'ā¹¹⁷⁹, Ibn Asākir dalam Tārīkhnya¹¹⁸⁰ menerusi 'Ubādah bin Ṣāmit.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini melalui turuq Ibn 'Asākir iaitu daripada Hushām bin 'Ammār menceritakan kepada kami 'Irāq bin Khālīd bin Yazīd menceritakan kepadaku bapaku dia berkata aku mendengar Ibrāhim bin Abī 'Ubālah daripada 'Ubādah bin Ṣāmit. Hadith ini *Da'īf Jiddān* kerana di dalamnya ada dua kecacatan. Pertama hadith ini *Munqāṭi'*, ada sanad yang terputus antara Ibrāhim bin Abī 'Ubālah dan 'Ubādah bin Ṣāmit kerana jarak wafat antara keduanya lebih dari 100 tahun dan tidak mungkin mereka pernah bertemu¹¹⁸¹. Kemudian dalam sanad terdapat perawi 'Irāq bin Khālīd bin Yazīd, dia adalah al-Mūrī al-Dimshaqī. Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Muḍṭarib al-Ḥadīth, Munkar, Laysa Qawwī* dan hadith yang

¹¹⁷⁹ al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabarānī, 1413H/1993M, Kitāb al-Du'ā, Bāb : Mā Jā'a Fī Faḍl Luzum al-Du'ā, nh : 34, hlm. 31-32, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Taḥqīq : Muṣṭafā 'Abd al-Qadīr 'Aṭā.

¹¹⁸⁰ Ibn 'Asākir, Tārīkh Dimasq, jil. 40, hlm. 164-165.

¹¹⁸¹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, jil. 16, hlm. 369.

diriwayatkannya kebanyakan adalah *Munkar*¹¹⁸². al-Dhahabī mengatakan bahawa dia *Layyin al-Ḥadīth*¹¹⁸³.

Hukum Hadith : Ḍa'īf Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf Jiddān* kerana di dalamnya ada dua kecacatan. Pertama hadith ini adalah *Munqaṭi'* dan sanad hadithnya terdapat perawi yang *Layyin*, *Munkar* dan *Muḍṭarib* iaitu 'Irāq bin Khālīd bin Yazīd.

Hadith : 209

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ شَرِبَ خَمْرًا خَرَجَ نُورُ الْإِيمَانِ مِنْ جَوْفِهِ (رواه الطبراني).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa meminum arak, maka akan hilang cahaya iman daripada perutnya (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam *Mu'jam Awsaṭ*¹¹⁸⁴ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada Abū 'Īsā al-Muazzin Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman daripada Abī Marzūq al-Tijībī daripada Sahl bin

¹¹⁸² Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 11749/205, jil. 7, hlm. 53.

¹¹⁸³ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 5597, jil. 3, hlm. 460.

¹¹⁸⁴ al-Ṭabarānī, *Mu'jam Awsaṭ*, n h : 343, jil. 1, hlm. 164-165.

Alqamah al-Nasā'ī daripada Abī 'Uthmān daripada Abī Hurayrah. Hadith ini di~~Da'~~kan oleh al-Haythamī¹¹⁸⁵ dan al-Mundirī¹¹⁸⁶. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini lemah disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* (aku tidak mengenal mereka)¹¹⁸⁷. Di antaranya ialah Abū 'Īsā al-Muazzin Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman, al-Dhahabī mengatakan bahawa dia adalah perawi yang *Majhūl*¹¹⁸⁸.

Hukum Hadith : ~~Da'~~.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah ~~Da'~~ disebabkan terdapat perawi yang *Majhūl* iaitu Abū 'Īsā al-Muazzin Muḥammad bin 'Abd al-Raḥman.

Hadith : 210

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : حَمَلَةُ الْقُرْآنِ عُرَفَاءُ أَهْلِ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَالشُّهَدَاءُ قُودٌ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَالْأَنْبِيَاءُ سَادَةُ أَهْلِ الْجَنَّةِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Para penghafal al-Qur'an menjadi rujukan penduduk syurga pada hari kiamat, para syuhada' menjadi penuntun penduduk syurga dan para Nabi adalah pemimpin penduduk syurga.

¹¹⁸⁵ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, jil. 5, hlm. 72.

¹¹⁸⁶ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Ḥudūd wa Ghayrihā, Tarhīb Min Sharība al-Khamr, n h : 3495, jil. 3, hlm. 219.

¹¹⁸⁷ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, jil. 5, hlm. 72.

¹¹⁸⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 7858, jil. 5, hlm. 72.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr¹¹⁸⁹ melalui Sakīnah binti al-Ḥusayn bin 'Alī daripada bapanya.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini melalui turuq Ibn 'Asākir iaitu daripada Ishāq bin Ibrāhim mawla Jami' bin Ḥarīthah al-Anṣārī menceritakan kepadaku 'Abd Allāh bin Mahan al-Azadī menceritakan kepadaku Fā'id mawla 'Ubaydillāh bin Abī Rāfi' menceritakan kepadaku Sakīnah binti al-Ḥusayn bin 'Alī daripada bapanya. Hadith ini dihukum *Da'if* disebabkan terdapat para perawi yang lemah kedudukannya. Di antaranya ialah 'Abd Allāh bin Mahan al-Azadī dia seorang yang *Majhūl*. Kemudian Ishāq bin Ibrāhim namanya adalah Ibn Sa'id al-Ṣawāfi al-Madinī al-Mazinī. Al-Haythamī mengatakan bahawa dia adalah *Da'if*¹¹⁹⁰. Abū Zur'ah dan Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Laisa Qawwī* dan *Layyin*¹¹⁹¹.

Hukum Hadith : Da'if.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan terdapat perawi 'Abd Allāh bin Mahan al-Azadī dan dia seorang yang *Majhūl*, kemudian Ishāq bin Ibrāhim

¹¹⁸⁹ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 2899, jil. 3, hlm. 132.

¹¹⁹⁰ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, jil. 7, hlm. 161.

¹¹⁹¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 715, jil. 1, hlm. 176.

seorang yang *Da'if, Layyin* dan *Laisa Qawwī*. Hadith ini juga di~~Da'if~~kan oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Da'ifah wa Mawḍū'ah*¹¹⁹². Wallahu A'lam.

Hadith : 211

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْمُؤَدِّنُ الْمُحْتَسِبُ كَالشَّهِيدِ الْمُنْشَحِطِ فِي دَمِهِ إِذَا مَاتَ لَمْ يُدَوِّدْ فِي قَبْرِهِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Petugas azan kerana Allah sama seperti orang mati syahid yang berlumuran darah, jika dia meninggal maka tidak akan dimakan ulat di dalam kuburnya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam *Mu'jam al-Kabīr*¹¹⁹³ dan *Mu'jam Awsaṭ*¹¹⁹⁴ melalui 'Abd Allāh bin 'Amrū bin 'Āsh.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini dihukum *Da'if* oleh al-Mundhirī¹¹⁹⁵.

Hadith ini *Da'if* disebabkan terdapat perawi yang diperbincangkan kedudukannya iaitu Ibrāhīm bin Rustām. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini di dalamnya terdapat perawi Ibrāhīm bin Rustām dan dia diperselisihkan oleh ulama kedudukannya¹¹⁹⁶. Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia *Da'if al-Ḥadīth*, Abū

¹¹⁹² al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Da'ifah wa Mawḍū'ah*, n h : 3497, jil. 7, hlm. 494.

¹¹⁹³ al-Ṭabarānī, *Mu'jam al-Kabīr*, n h : 13554, jil. 12, hlm. 322.

¹¹⁹⁴ al-Ṭabarānī, *Mu'jam al-Awsaṭ*, n h : 1243, jil. 2, hlm. 43-44.

¹¹⁹⁵ al-Mundhirī, *Targhīb wa Tarhīb*, Kitāb : Ṣolāt, *Targhīb Fi al-Azān wa Mā Jā'a Fī Faḍlihi*, n h : 377, jil. 1, hlm. 250.

¹¹⁹⁶ al-Haythamī, *Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*, jil. 2, hlm. 3.

Ḥātim mengatakan bahawa dia *Laisa Bidhāka*, Ibn Ma'īn pula menthiqahkannya¹¹⁹⁷.

Kemudian terdapat perawi Qays bin al-Rābi, Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Laisa Qawwī*, Yahyā bin Ma'īn mengatakan bahawa dia *Ḍa'īf* dan hadithnya tidak ditulis, Ahmad mengatakan bahawa dia banyak salah dan hadithnya banyak yang *Ḍa'īf*, Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Ḍa'īf*¹¹⁹⁸.

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang diperbincangkan kedudukannya iaitu Ibrāhim bin Rustām dan terdapat perawi yang *Ḍa'īf* iaitu Qays bin al-Rābi. Hadith ini juga di~~Ḍa'īf~~kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah¹¹⁹⁹. Wallahu A'lam.

Hadith : 212

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَجْلُوسُ مَعَ الْفُقَرَاءِ مِنَ التَّوَّاضِعِ وَهُوَ مِنْ أَفْضَلِ الْجِهَادِ (رواه الديلمي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Duduk dengan orang fakir secara tawaduk adalah jihad yang paling utama (diriwayatkan oleh al-Daylamī).

¹¹⁹⁷ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 87, jil. 1, hlm. 30-31.

¹¹⁹⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6911, jil. 4, hlm. 313.

¹¹⁹⁹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 852, jil. 2, hlm. 246.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daylamī dalam Musnad al-Firdaws¹²⁰⁰ melalui Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Daylamī ini daripada al-Sulāmī daripada Muḥammad bin ‘Alī bin al-Ashath menceritakan kepada kami Ja’far bin Muḥammad al-Alawī menceritakan kepada kami Muslim bin Ibrāhim menceritakan kepada kami ‘Urwah bin Ṭāhir bin ‘Ubaydillāh daripada Anas bin Mālik. Hadith ini dihukum *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi yang suka memalsukan hadith iaitu al-Sulāmī namanya adalah Muḥammad bin al-Ḥusayn al-Ṣūfī. Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia pemalsu hadith untuk orang-orang sufi¹²⁰¹. Kemudian perawi Muḥammad bin ‘Alī al-Ashath dan dia seorang yang *Majhūl* (penulis tidak menemui nama dan riwayat hidup beliau dalam kitab-kitab *Rijal*).

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi yang suka memalsukan hadith iaitu al-Sulāmī, dan perawi yang *Majhūl* iaitu

¹²⁰⁰ al-Daylamī, al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb, n h : 2636, jil. 2, hlm. 124.

¹²⁰¹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 7419, jil. 4, hlm. 443-444.

Muḥammad bin ‘Alī al-Ashath. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini palsu dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah¹²⁰².

Hadith : 213

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لِكُلِّ شَيْءٍ مِفْتَاحٌ وَمِفْتَاحُ الْجَنَّةِ حُبُّ الْمَسْكِينِ وَالْفُقَرَاءِ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Segala sesuatu mempunyai kunci dan kunci syurga adalah mencintai fakir miskin.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil Du’afā’¹²⁰³, Ibn Ḥibbān dalam Majrūḥīn¹²⁰⁴, Ibn Jawzī dalam Kitāb al-Mawḍū’āt¹²⁰⁵ daripada Ibn ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Aḥmad bin Dāwd bin ‘Abd al-Ghaffār menceritakan kepada kami Abū Mus’ab menceritakan kepadaku Mālik daripada Nāfi’ daripada Ibn ‘Umar. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa hadith ini *Mawḍū’* disebabkan perawi Aḥmad bin Dāwd adalah pemalsu hadith¹²⁰⁶. Ibn Jawzī pula mengatakan bahawa Abū Ḥātim memalsukan hadith ini disebabkan Aḥmad bin Dāwd

¹²⁰² al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 3473, jil. 7, hlm. 471.

¹²⁰³ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 6, hlm. 378.

¹²⁰⁴ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn Min al-Muḥaddithīn, jil. 1, hlm. 160-161.

¹²⁰⁵ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū’āt, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Faḍl al-Fuqarā’ wa al-Masākin, n h : 1620, jil. 3, hlm. 380-381.

¹²⁰⁶ Ibn Ḥibbān, Kitāb al-Majrūḥīn Min al-Muḥaddithīn, jil. 1, hlm. 160-161.

adalah pemalsu hadith¹²⁰⁷. Ibn ‘Adī mengatakan bahawa hadith ini diriwayatkan juga daripada Mālik bin Anas melalui sanad ini dan ianya dihukum *Mawḍū’* melalui sanad ini¹²⁰⁸. Dār al-Quṭnī dan para ulama yang lain mendustakan Aḥmad bin Dāwd di antara kedustaannya ialah hadith yang diriwayatkannya daripada Abī Mus’ab ini¹²⁰⁹. Perawi yang kedua adalah Abū Mus’ab namanya adalah Muṭraf bin ‘Abd Allāh al-Madinī. Ibn ‘Adī mengatakan bahawa dia meriwayatkan hadith *Munkar* dan didustakan oleh Dār al-Quṭnī, Ibn Abī Ḥātim mengatakan bahawa dia *Muḍṭarib al-Ḥadīth*¹²¹⁰. al-Dhahabī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan Muṭraf melalui sanad ini adalah *Bāḥil*, kerana jelas diriwayatkan daripada Aḥmad bin Dāwd dan dia pula didustakan oleh Dār al-Quṭnī¹²¹¹.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi Aḥmad bin Dāwd dan dia adalah pemalsu hadith, kemudian Muṭraf bin ‘Abd Allāh al-Madinī dan dia didustakan oleh ulama. hadith ini juga dipalsukan oleh al-Albānī dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah*¹²¹².

¹²⁰⁷ Ibn Jawzī, Kitāb al-Mawḍū’āt, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Faḍl al-Fuqarā’ wa al-Masākin, n h : 1620, jil. 3, hlm. 380-381.

¹²⁰⁸ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 6, hlm. 379.

¹²⁰⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 370, jil. 1, hlm. 96-97.

¹²¹⁰ Ibn ‘Adī, al-Kāmil Fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 6, hlm. 377.

¹²¹¹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8581, jil. 5, hlm. 249-250.

¹²¹² al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 1394, jil. 3, hlm. 581-582.

Hadith : 214

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : صَلُّوا خَلْفَ كُلِّ بَرٍّ وَفَاجِرٍ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Solatlah kamu dibelakang orang yang baik dan orang yang fasiq.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwd dalam Sunannya¹²¹³, al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā¹²¹⁴, Dār al-Quṭnī dalam Sunannya¹²¹⁵ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama ini daripada Mu'awiyah bin Ṣālih daripada al-'Alā' bin al-Ḥārith daripada Makhūl daripada Abū Hurayrah. Hadith ini dihukum *Da'if* kerana *Munqaṭi'* terputus sanadnya. Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa sanad hadith ini *Da'if* dan *Munqaṭi'* kerana Makhūl tidak pernah mendengar hadith ini daripada Abū Hurayrah sedangkan sanad hadith yang lain dihukum *Thiqah*¹²¹⁶.

¹²¹³ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Imāmati al-Barri wa al-Fājir, n h : 594, jil. 1, hlm. 285, dan dalam Kitāb : al-Jihād, Bāb : al-Ghazwi Ma'a A'immah al-Jawri, n h : 2533, jil. 3, hlm. 1097.

¹²¹⁴ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Janā'iz, Bāb : Ṣolāt 'Alā Man Qatala Nafsahu Ghayru Mustahil li Qatlihā, n h : 6832, jil. 4, hlm. 29.

¹²¹⁵ Dār al-Quṭnī, 'Alī bin 'Umar Dār al-Quṭnī, 1417H/1996M, Sunan Dār al-Quṭnī, Kitāb : Aydayn, Bāb : Ṣifat Man Tajūz al-Ṣolāh Ma'ahu wa Ṣolāh 'Alaihi, n h : 1750, jil. 2, hlm. 44, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Ta'liq wa Takhrīj : Majdī bin Maṣṣūr bin Sayyid al-Shaurī.

¹²¹⁶ Ibid.

Abū Dāwd pun mengatakan hal yang sama dan dia menghukum hadith ini sebagai *Da'if*¹²¹⁷. Begitu juga dikatakan oleh al-Zayla'ī dalam Nasb al-Rayyah al-Aḥādīth al-Hidayah¹²¹⁸.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan *Munqaṭi'* (terputus sanadnya) iaitu terputusnya perawi antara Makhūl dan Abū Hurayrah, dan Makhūl sendiri tidak pernah mendengar hadith ini daripada Abū Hurayrah. Hadith ini juga di-*Da'if* kan oleh al-Albānī dalam Irwā' al-Ghalīl¹²¹⁹. Wallahu A'lam.

Hadith : 215

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : صَلُّوا مِنَ اللَّيْلِ وَلَوْ أَرْبَعًا صَلُّوا وَلَوْ رَكَعَتَيْنِ مَا مِنْ أَهْلِ بَيْتٍ تُعْرِفُ هُمْ صَلَاةَ
مِنَ اللَّيْلِ إِلَّا نَادَاهُمْ مُنَادٍ يَا أَهْلَ الْبَيْتِ قُومُوا لِصَلَاتِكُمْ .

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Solatlah pada malam hari walaupun hanya empat rakaat, solatlah walaupun dua rakaat, tiada bagi penghuni rumah yang diketahui melakukan solat malam kecuali datang panggilan pada mereka, wahai penghuni rumah bangunlah untuk menunaikan solat.

¹²¹⁷ Abū Dāwd, Sunan Abū Dāwd, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Imāmah al-Barri wa al-Fājir, n h : 594, jil. 1, hlm. 285.

¹²¹⁸ al-Zayla'ī, Jamāl al-Dīn Zayla'ī, 1415H/1995M, Nasb al-Rayyah al-Aḥādīth al-Hidayah, jil. 2, hlm. 34, al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.

¹²¹⁹ al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albānī, 1405H/1985M, Irwā' al-Ghalīl Fī Takhrīj Ḥadīth Manār al-Sabīl, nh : 527, jil. 2, hlm. 304-305, Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Abī Shaibah dalam Muṣannaf¹²²⁰ dan al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān¹²²¹ daripada Ḥasan al-Baṣrī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith di atas daripada Abī 'Āmir al-Mazīnī daripada al-Ḥasan dalam keadaan *Mursal*.

Hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan ianya *Mursal* daripada Ḥasan al-Baṣrī. Kemudian terdapat pula perawi yang *Da'īf* iaitu Abū 'Āmir al-Mazīnī dan dia bernama Ṣāliḥ bin Rūstām. Abū Dāwūd dan ulama lain mengatakan bahawa dia *Ṣadūq* pada dirinya tetapi lemah dan buruk dari segi hafalannya. Yaḥyā bin Ma'in dan Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Da'īf*. Ibn al-Madīnī mengatakan bahawa dia *Da'īf* dan *Laysa bi Shay'*¹²²².

Hukum Hadith : Da'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan ianya *Mursal*, dan terdapat pula perawi yang *Da'īf* iaitu Abū 'Āmir al-Mazīnī. Hadith ini juga di *Da'īf* kan oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Da'īfah wa Mawḍū'ah¹²²³. Wallahu A'lam.

¹²²⁰ Ibn Abī Shaybah, al-Muṣannaf, Kitāb : al-Ṣolāt, Bāb : Man Kāna Ya'muru bi Qiyām al-Layl, n h : 6668, jil. 4, hlm. 437- 438.

¹²²¹ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fi al-Ṣolāh, Faṣl : Taḥsin al-Ṣolāh wa al-Ikthar Minhā, n h : 3215, jil. 3, hlm. 162.

¹²²² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3791, jil. 3, hlm. 8.

¹²²³ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Da'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 3782, jil. 8, hlm. 259.

Hadith : 216

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ تَوَضَّأَ عَلَى طَهْرٍ كُتِبَ لَهُ عَشْرُ حَسَنَاتٍ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa berwuduk dalam keadaan masih suci maka dicatat untuknya sepuluh kebaikan.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam Sunannya¹²²⁴, al-Tirmidhī dalam Sunannya¹²²⁵, Ibn Mājah dalam Sunannya¹²²⁶ dan al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā¹²²⁷ semuanya menerusi ‘Abd Allāh bin ‘Umar.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith di atas diriwayatkan daripada ‘Abd al-Rahman bin Ziyād al-Muqri’ daripada Abī Ghāṭif al-Hazalī daripada Ibn ‘Umar. Hadith ini dihukum *Da’if* disebabkan terdapat perawi yang *Da’if*. Di antaranya ialah Abī Ghāṭif al-Hazalī, al-Tirmidhī mengatakan bahawa hadith ini *Da’if* kerana Abū Ghāṭif adalah *Majhūl Ḥāl*, al-Bukhārī¹²²⁸ mengatakan bahawa dia *La Yuṭbi’ ‘Alaihi*¹²²⁹. Kemudian perawi ‘Abd al-Rahman bin

¹²²⁴ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : al-Rajulī Yujaddid al-Wuḍū’ Min Ghayri Ḥadath, n h : 62, jil. 1, hlm. 37.

¹²²⁵ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Wuḍū’ Li Kulli Ṣalāt, n h : 59, jil. 1, hlm. 152.

¹²²⁶ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : al-Wuḍū’ ‘Alā Ṭaharah, n h : 512, jil. 1, hlm. 219.

¹²²⁷ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : Tajdid al-Wuḍū’, n h : 762, jil. 1, hlm. 251.

¹²²⁸ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Wuḍū’ li Kulli Ṣalāt, n h : 59, jil. 1, hlm. 152.

¹²²⁹ *La Yuṭbi’ ‘Alaihi* = Riwayat hadithnya tidak diikuti oleh perawi lain.

Ziyād al-Muqri', al-Bayhaqī dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Laisa Qawwī*¹²³⁰.

Yahyā bin Ma'īn dan al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Da'īf* dan Ibn 'Adī mengatakan bahawa kebanyakan hadithnya tidak diikuti¹²³¹. al-Mundhirī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Da'īf*¹²³².

Hukum Hadith : Da'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* disebabkan terdapat perawi yang *Da'īf* iaitu Abī Ghāṭif al-Hazālī dan 'Abd al-Raḥman bin Ziyād al-Muqri'.

Hadith : 217

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ السَّاعِيَ عَلَى الْأُزْمَلَةِ وَالْمَسَاكِينَ كَالْمُجَاهِدِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ الْقَائِمِ اللَّيْلِ وَالصَّائِمِ النَّهَارِ (رواه الامام أحمد والبخاري و مسلم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesungguhnya orang yang berjuang untuk kepentingan para janda dan orang miskin adalah seperti orang yang berjihad pada jalan Allah atau seperti orang yang solat pada tengah malam dan berpuasa pada siang harinya (diriwayatkan oleh Aḥmad, al-Bukhārī dan Muslim).

¹²³⁰ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : Tajdid al-Wuḍū', n h : 762, jil. 1, hlm. 252.

¹²³¹ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 4866, jil. 3, hlm. 275-276.

¹²³² al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : al-Ṭaharah, Bāb : Targhīb Fī al-Muḥafazah 'Alā al-Wuḍū' wa Tajdidihi, n h : 317, jil. 1, hlm. 134.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya¹²³³, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya¹²³⁴, al-Tirmidhī dalam Sunannya¹²³⁵, Ibn Mājah dalam Sunannya¹²³⁶, al-Nasā'ī dalam Sunannya¹²³⁷ dan Aḥmad dalam Musnadnya¹²³⁸ semuanya menerusi Abū Hurayrah.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 218

قَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ : لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Orang yang kuat bukanlah dinilai dengan kekuatan berkelahi, tetapi orang yang kuat sebenar adalah orang yang dapat menahan nafsunya ketika sedang marah.

¹²³³ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī Li Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Nafaqāt, Bāb : Faḍl al-Nafaqah ‘Alā al-Ahli wa Qawl Allāh ‘Azzā Wajallā, n h : 5353, jil. 10, hlm. 623.

¹²³⁴ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharah Imām Nawāwī, Kitāb : al-Zuhud wa al-Raqā’iq, Bāb : Faḍl al-Iḥsān Ilā al-Armilah wa al-Miskin wa al-Yatīm, n h : 41 (2982), jil. 18, hlm. 88.

¹²³⁵ al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī, Kitāb : al-Birru wa al-Ṣilah, Bāb : Mā Jā’a Fī Sa’yi ‘Alā al-Armalah wa al-Yatīm, n h : 1969, jil. 4, hlm. 118.

¹²³⁶ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : al-Tijāriyāt, Bāb : al-Hathu ‘Alā al-Makāsib, n h : 2140, jil. 2, hlm. 261.

¹²³⁷ al-Nasā’ī, Sunan al-Nasā’ī, Kitāb : al-Zakāt, Bāb : Faḍl al-Sa’i ‘Alā al-Armalah, n h : 2576, jil. 3, hlm. 45.

¹²³⁸ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 8717, jil. 8, hlm. 402.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya¹²³⁹, Muslim dalam Ṣaḥīḥnya¹²⁴⁰, Aḥmad dalam Musnadnya¹²⁴¹ dan Mālik dalam Muwaṭṭā’¹²⁴² semuanya Abū Hurayrah.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 219

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ كَفَّ غَضَبَهُ كَفَّ اللَّهُ عَنْهُ عَذَابَهُ.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang menahan kemarahannya maka Allah menahan seksa darinya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Ya’lā dalam Musnadnya¹²⁴³, melalui Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Ya’lā ini daripada Rābi’ bin Sulaymān menceritakan kepadaku Abū ‘Amrū mawla Anas bin Mālik bahawa dia mendengar

¹²³⁹ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Ḥajar, Kitāb : al-Adāb, Bāb : al-Ḥadhar min al-Ghaḍab, n h : 6114, jil. 12, hlm. 148.

¹²⁴⁰ Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ Imām Nawāwī, Kitāb : al-Birru wa al-Ṣilah wa al-Adāb, Bāb : Faḍl Man Yamliku Nafsahu ‘Inda al-Ghaḍab, n h : 107 (2609), jil. 16, hlm. 133-134.

¹²⁴¹ Aḥmad, Musnad Imām Aḥmad, n h : 7218, jil. 7, hlm. 61.

¹²⁴² Mālik, al-Muwaṭṭā’ Imām Mālik, Kitāb : Ḥusn al-Khuluq, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Ghaḍab, n h : 12, hlm. 649.

¹²⁴³ Abū Ya’lā, Musnad Abū Ya’lā al-Muwaṣṣilī, n h : 4322, jil. 3, hlm. 463.

Anas bin Mālik berkata sebagaimana matan hadith. Hadith ini dihukum *Da'if* sebab terdapat perawi yang lemah iaitu Rābi' bin Sulaymān. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Abū Ya'lā ini *Da'if* kerana terdapat perawi Rābi' bin Sulaymān dan dia seorang yang *Da'if*¹²⁴⁴. Ibn Ma'in mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'*¹²⁴⁵. Hadith yang semakna dengan hadith di atas diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam Awsaṭ¹²⁴⁶ berbunyi :

مَنْ دَفَعَ غَضَبَهُ دَفَعَ اللَّهُ عَنْهُ عَذَابَهُ وَمَنْ حَفَظَ لِسَانَهُ سَتَرَ اللَّهُ عَوْرَتَهُ

Hadith ini daripada Hilāl bin Bashār menceritakan kepada kami 'Abd al-Salām bin Hashīm al-Bazzāz daripada Khālīd bin Bard daripada Qatadah daripada Anas bin Mālik. Hadith ini pun *Da'if* disebabkan perawi 'Abd al-Salām bin Hashīm seorang yang *Da'if* sebagaimana yang dikatakan oleh al-Haythamī¹²⁴⁷. Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa dia *Laysa Qawwī*¹²⁴⁸. Hadith di atas di~~da~~*if*kan oleh al-Mundhirī¹²⁴⁹ dan al-Albānī¹²⁵⁰.

¹²⁴⁴ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : Zuhud, Bāb : Nafqah Min al-Ḥalāl wa al-Ḥaram, jil. 10, hlm. 292.

¹²⁴⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 2738, jil. 2, hlm. 230.

¹²⁴⁶ al-Ṭabarānī, Mu'jam Awsaṭ, n h : 1342, jil. 2, hlm. 80.

¹²⁴⁷ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Adāb, Bāb : Fīman Yamliku Nafsahu 'Inda al-Ghaḍab, jil. 8, hlm. 68.

¹²⁴⁸ Abū Ḥātim, al-Jarḥ wa al-Ta'dīl, no : 9501/251, jil. 6, hlm. 61-62.

¹²⁴⁹ al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Adāb wa Ghairih, Tarhīb Min al-Ghaḍab....., n h : 4057, jil. 3, hlm. 443.

¹²⁵⁰ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah, n h : 2360, jil. 5, hlm. 475.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* sebab terdapat perawi yang lemah iaitu Rābi' bin Sulaymān dan 'Abd al-Salām bin Hashīm.

Hadith : 220

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ ابْنِي آدَمَ إِنَّمَا قَتَلَ أَحَدَهُمَا صَاحِبَهُ حَسَدًا.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Jauhilah hasad dengki, sesungguhnya pembunuhan anak Adam yang pertama disebabkan kedengkian hati.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Asākir dalam Tārīkh Dimashq¹²⁵¹ menerusi 'Abd Allāh bin Mas'ūd.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Asākir ini daripada Ibn Wahab menceritakan kepadaku al-Ḥārith bin Nubhān daripada Abī Ma'bād (pada tempat lain di sebutkan Ibn Ma'bād) daripada Abī Qilābah daripada Ibn Mas'ūd. Hadith ini *Da'if Jiddān* kerana terdapat perawi yang *Matrūk* iaitu al-Ḥārith bin Nubhān. Aḥmad dan al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth*, al-Nasā'ī, Abū Ḥātim, Ibn Ma'īn dan Ibn al-Madinī mengatkaan bahawa dia adalah *Matrūk*, *Laysa bi Shay'* dan *Da'if*¹²⁵². Kemudian

¹²⁵¹ Ibn Asākir, Tārīkh Madīnah Dimshaq, jil. 49, hlm. 40.

¹²⁵² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 1649, jil. 1, hlm. 444.

perawi Abū Ma'bād atau Ibn Ma'bād namanya ialah Naḍar bin Ma'bād, Ibn Ma'īn mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'*, al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah*¹²⁵³.

Hukum Hadith : *Da'if Jiddān*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if Jiddān* kerana terdapat perawi yang *Munkar* dan *Matrūk* iaitu al-Ḥārith bin Nubhān dan Abū Ma'bād seorang yang *Da'if*.

Hadith : 221

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَا مِنْ رَجُلٍ يَتَعَاطَمُ فِي نَفْسِهِ وَيَجْتَالُ فِي مَشْيَتِهِ إِلَّا لَقِيَ اللَّهَ وَهُوَ عَلَيْهِ غَضَبَانٌ (رواه الامام أحمد والبخاري والحاكم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tidaklah seseorang yang berasa besar dirinya dan berbuat bongkak, melainkan akan bertemu dengan Allah dalam keadaan dimurkai (diriwayatkan oleh al-Bukhārī, al-Ḥākim dan Aḥmad).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam *Adāb al-Mufrad*¹²⁵⁴, Aḥmad dalam *Musnad*¹²⁵⁵, al-Ḥākim dalam *Mustadrāk*¹²⁵⁶ daripada Ibn 'Umar.

¹²⁵³ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 9087, jil. 5, hlm. 388.

¹²⁵⁴ al-Bukhārī, *Adāb al-Mufrad*, Bāb : al-Kibr, n h : 560, hlm. 121.

¹²⁵⁵ Aḥmad, *Musnad Imām Aḥmad*, n h : 5995, jil. 5, hlm. 335.

¹²⁵⁶ al-Ḥākim, *al-Mustadrāk 'Alā Ṣaḥīḥayn*, Kitāb : al-Īmān, n h : 201/201, jil. 1, hlm. 128.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh para ulama di atas daripada Yūnus bin al-Qāsim al-Yamāmī bahawa ‘Ikrimah bin Khālīd bin Sa’īd bin al-‘Āsh al-Makhzūmī menceritakan hadithnya, bahawa dia menemui ‘Abd Allāh bin ‘Umar dan bertanya kepada ‘Abd Allāh bin ‘Umar : Wahai Abā ‘Abd al-Raḥman sesungguhnya Banu Mughirah adalah bahagian daripada kaum kami adakah engkau mendengar Nabi SAW berkata begitu?dijawab oleh ‘Abd Allāh bin ‘Umar, aku mendengar Nabi SAW berkata begitu (sesuai dengan matan hadith di atas). Hadith ini sanadnya *Ṣaḥīḥ* dan hadithnya adalah *Ṣaḥīḥ*, sebagaimana dikatakan oleh al-Ḥākim bahawa hadith ini *Ṣaḥīḥ* atas syarat al-Bukhārī dan Muslim¹²⁵⁷. al-Suyūṭī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh Aḥmad dan al-Bukhārī adalah *Ṣaḥīḥ*¹²⁵⁸. al-Haythamī juga mengatakan bahawa sanad hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ*¹²⁵⁹.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ṣaḥīḥ* sebab sanadnya adalah *Ṣaḥīḥ*. al-Albānī juga men~~ṣaḥīḥ~~kan hadith ini dalam Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah¹²⁶⁰.

¹²⁵⁷ Ibid.

¹²⁵⁸ al-Suyūṭī, al-Jāmi’ Ṣaghīr, n h : 8598, jil. 2, hlm. 522.

¹²⁵⁹ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-Īmān, Bāb : Mā Jā’a Fi al-Kibr, jil. 1, hlm. 98.

¹²⁶⁰ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah, n h : 2272, jil. 5, hlm. 342.

Hadith : 222

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ تَرَكَ الْمِرَاءَ وَهُوَ مُبْطِلٌ بُنِيَ لَهُ بَيْتٌ فِي رِضْوَانِ الْجَنَّةِ وَمَنْ تَرَكَهُ وَهُوَ مُحِقٌّ بُنِيَ لَهُ بَيْتٌ فِي وَسْطِهَا وَمَنْ حَسَنَ خُلُقُهُ بُنِيَ لَهُ بَيْتٌ فِي أَعْلَاهَا.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa meninggalkan pertengkaran dalam keadaan dia bersalah maka dibangun untuknya gedung di tepi syurga, sesiapa meninggalkannya dalam keadaan dia dipihak yang benar, maka dibangun gedung untuknya di tengah syurga dan sesiapa yang baik akhlaknya maka dibangun gedung untuknya di atas syurga.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Dāwūd dalam Sunannya¹²⁶¹, al-Tirmidhī dalam Sunannya¹²⁶², Ibn Mājah dalam Sunannya¹²⁶³ dan al-Bayhaqī dalam Sunan al-Kubrā¹²⁶⁴, hadith Abū Dāwūd dan al-Bayhaqī daripada Abū Umāmah, hadith al-Tirmidhī dan Ibn Mājah daripada Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dan Ibn Mājah daripada Ibn Abī Fuḍayk daripada Salamah bin Wardān daripada Anas bin Mālik. al-Buṣayrī mengatakan bahawa

¹²⁶¹ Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, Kitāb : al-Adab, Bāb : Fī Ḥusn al-Khuluq, n h : 4800, jil. 4, hlm. 2051.

¹²⁶² al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Birru wa al-Ṣilah, Bāb : Mā Jā'a Fī al-Mira', n h : 1993, jil. 4, hlm. 127.

¹²⁶³ Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, Kitāb : Muqaddimah, Bāb : Ijtināb al-Bida' wa al-Jidāl, n h : 51, jil. 1, hlm. 50.

¹²⁶⁴ al-Bayhaqī, Sunan al-Kubrā, Kitāb : al-Shahādāt, Bāb : al-Mizah Lā Turadd Bihi al-Shahādah, n h : 21176, jil. 10, hlm. 420.

sanad hadith ini adalah *Thiqah* dan tidak ada kecacatan perawi di dalamnya¹²⁶⁵.

Sedangkan hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwd dan al-Bayhaqī melalui sanad Muḥammad Ibn ‘Uthmān al-Dimshaqī Abū al-Majāhir menceritakan kepada kami Abū Ka’ab Ayyūb bin Muḥammad al-Sa’dī menceritakan kepadaku Sulaymān bin Ḥabīb al-Muhāribī daripada Abī Umāma. Ibn Ḥajar mengatakan bahawa semua sanad hadith ini adalah *Thiqah Ma’rūf*, kecuali Abū Ka’ab Ayyūb Muḥammad al-Sa’dī dan dia adalah *Ṣadūq*¹²⁶⁶. Jadi penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḥasan Li Dhatih* disebabkan terdapat perawi Abū Ka’ab Ayyūb Muḥammad al-Sa’dī dan dia adalah *Ṣadūq*. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini *Ḥasan Li Dhatihi* dalam Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah¹²⁶⁷.

Hukum Hadith : Ḥasan li Dhatih.

Hadith : 223

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَجْتَمِعُ الْإِيمَانُ وَالْبَحْلُ فِي قَلْبِ رَجُلٍ مُؤْمِنٍ أَبَدًا.

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Iman dan Bakhil Tidak akan berkumpul selamanya di dalam hati seseorang mukmin.

¹²⁶⁵ al-Buṣayrī, Miṣbāḥ al-Zujājah fī Zawā’id Ibn Mājah, jil. 1, hlm. 114.

¹²⁶⁶ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 753, jil. 1, hlm. 259.

¹²⁶⁷ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ṣaḥīḥah, n h : 273, jil. 1, hlm. 552-553.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī dalam al-Kāmil dengan sanad daripada ‘Abd al-Azīz bin Sa’ad daripada bapanya.¹²⁶⁸

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Adī ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi ‘Abd al-Ghāfūr Abū al-Ṣabāḥ al-Wasiṭī dan dia adalah pemalsu hadith. Yaḥyā bin Ma’īn mengatakan bahawa hadithnya *Laysa bi Shay’*. Ibn Ḥibbān mengatakan bahawa dia pemalsu hadith. Ibn ‘Adī sendiri mengatakan bahawa dia *Ḍa’īf* dan *Munkar al-Ḥadīth*¹²⁶⁹. al-Bukhārī mengatakan sebagaimana dinukil oleh Ibn ‘Adī bahawa hadith ‘Abd al-Ghāfūr al-Wasiṭī adalah *Munkar* bahkan *Mawḍū’* kerana dia *Munkar al-Ḥadīth* dan ulama meninggalkannya¹²⁷⁰.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan terdapat perawi ‘Abd al-Ghāfūr Abū al-Ṣabāḥ al-Wasiṭī dan dia adalah pemalsu hadith, *Ḍa’īf* dan *Munkar al-Ḥadīth*.

¹²⁶⁸ Ibn ‘Adī, al-Kāmil fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 5, hlm. 329.

¹²⁶⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 5150, jil.3, hlm. 355.

¹²⁷⁰ Ibn ‘Adī, al-Kāmil fī Ḍu’afā’ al-Rijāl, jil. 5, hlm. 329.

Hadith : 224

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : وَأَيُّ دَاءٍ أَدْوَأُ مِنَ الْبُخْلِ (رواه الامام أحمد والبخاري ومسلم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Tidak ada penyakit yang lebih merbahaya selain bakhil (diriwayatkan oleh Ahmad, al-Bukhārī dan Muslim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī dalam Ṣaḥīḥnya¹²⁷¹, dan Ahmad dalam Musnadnya¹²⁷² menerusi Jābir bin ‘Abd Allāh.

Hukum Hadith : Ṣaḥīḥ.

Hadith : 225

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنْ كُنْتَ تُحِبُّنِي فَأَعِدْ لِلْفَقْرِ بَحَقًّا فَإِنَّ الْفَقْرَ أَسْرَعُ إِلَى مَنْ يُحِبُّنِي مِنَ السَّيْلِ إِلَى مُنْتَهَاهُ (رواه امام الترمذي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Jika engkau mencintai aku, maka bersiap sedialah menjadi fakir, kerana kefakiran lebih cepat untuk mencintaiku daripada air mengalir menuju hilir (diriwayatkan oleh al-Timridhī).

¹²⁷¹ al-Bukhārī, Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb : Fard al-Khumus, Bāb : Min al-Dalīl ‘Alā Anna al-Khumus Li Nawā’ib al-Muslimīn Mā Sa’ala Ḥawāzin al-Nabī....., n h : 3137, jil. 6, hlm. 366.

¹²⁷² Ahmad, al-Musnad, n h 14235, jil.11, hlm. 408-409.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya¹²⁷³ melalui ‘Abd Allāh bin Mughaffāl.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī ini daripada Rūḥ bin Aslām, menceritakan kepada kami Shaddād Abū Ṭalḥah al-Rashibī daripada Abī al-Wazī’ daripada ‘Abd Allāh bin Mughaffāl. Hadith ini adalah *Da’if* disebabkan terdapat perawi yang *Da’if* dan banyak diperbincangkan oleh ulama kedudukannya. Di antaranya ialah Rūḥ bin Aslām al-Bahilī. Ibn Ma’in dan al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia *Laysa Bidhaka*, dan *Da’if*, Ibn al-Madinī mengatakan bahawa hadith-hadithnya hilang kerana dibuang¹²⁷⁴. Abū Ḥātim al-Razī mengatakan bahawa dia *Layyin fi al-Ḥadīth*¹²⁷⁵. Kemudian perawi Shaddād Abū Ṭalḥah al-Rashibī, ulama banyak membincangkan kedudukannya. al-‘Uqaylī mengatakan bahawa dia tidak diikuti, Ibn ‘Adī mengatakan bahawa dia memiliki *Ḥadīth Munkar*, al-Bukhārī mengatakan bahawa ‘Abd al-Ṣamad men~~da~~*’if*kannya, sedangkan Ibn Ma’in dan Abū Ḥātim menthiqahkannya¹²⁷⁶. Kemudian perawi Abū al-Wazī’ namanya ialah Jābir bin ‘Amrū al-Baṣrī, Ibn Ma’in

¹²⁷³ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : al-Zuhud, Bāb : Mā Jā’a Fī Faḍl al-Faqr, n h : 2350, jil. 4, hlm. 305.

¹²⁷⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 2798, jil. 2, hlm. 247.

¹²⁷⁵ Abū Ḥātim al-Razī, Jarḥ wa al-Ta’dīl, no : 4049/2256, jil. 3, hlm. 451.

¹²⁷⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3673, jil. 2, hlm. 455.

menthiqahkannya, al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth* dan menyalahi pendapat Ibn Ma'īn.¹²⁷⁷

Hukum Hadith : Ḍa'īf.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa'īf* disebabkan terdapat perawi yang *Ḍa'īf* dan banyak diperbincangkan oleh ulama kedudukannya. Di antaranya ialah Rūḥ bin Aslām al-Bahilī, Shaddād Abū Ṭalḥah al-Rashibī, dan Abū al-Wazī'.

Hadith : 226

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَضَى لِأَخِيهِ الْمُسْلِمِ حَاجَةً كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ كَمَنْ حَجَّ وَعَتَمَرَ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa memenuhi keperluan saudaranya yang muslim, maka pahalanya seperti orang haji dan umrah.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam *Ḥilyah*¹²⁷⁸, al-Khāṭib al-Baghdādī dalam *Tārīkh Baghdād*¹²⁷⁹ menerusi Anas bin Mālīk.

¹²⁷⁷ al-Dhahabī, *Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, no : 1419, jil. 1, hlm. 378.

¹²⁷⁸ Abū Nu'aym, *Ḥilyah al-Awliyā'*, jil. 10, hlm. 254-255.

¹²⁷⁹ al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, jil. 5, hlm. 338-339.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu’aym dan al-Khāṭib Baghdādī ini daripada Aḥmad bin Muḥammad al-Nawrī menceritakan kepada kami Sarī al-Siqṭī daripada Ma’rūf al-Kurkhī daripada Ibn al-Simāk daripada al-A’māsh daripada Anas bin Mālīk. Hadith ini adalah *Mawḍu’* disebabkan sanad hadithnya adalah *Da’if Musalsal* daripada Jemaah kelompok Sufi yang tidak dikenal (*Majhūl*) keadaan mereka dalam hadith di antaranya adalah Nawrī, al-Siqṭī dan al-Kurkhī. Kemudian hadith ini pula *Munqaṭi’* (terputusnya sanad) antara A’māsh dan Anas bin Mālīk kerana tidak *Thabit* pendengaran A’māsh daripada Anas bin Mālīk. al-Munāwī mengatakan bahawa hadith ini adalah palsu kerana terdapat tiga ahli Sufi yang tidak aku kenal iaitu Nawrī, al-Siqṭī dan al-Kurkhī¹²⁸⁰.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’* disebabkan banyaknya sanad yang *Majhūl* iaitu Nawrī, al-Siqṭī dan al-Kurkhī. Kemudian hadith ini tidak *Thabit* didengar oleh A’māsh daripada Anas bin Mālīk bererti ianya *Munqaṭi’*. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’* dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah¹²⁸¹. Wallahu A’lam.

¹²⁸⁰ al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr Sharah Jāmi’ al-Ṣaghīr, jil. 6, hlm. 205.

¹²⁸¹ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah, n h : 753, jil. 2, hlm. 174-175.

Hadith : 227

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَضَى لِأَخِيهِ الْمُسْلِمِ حَاجَةً كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ كَمَنْ خَدَمَ اللَّهُ عُمُرَهُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memenuhi keperluan saudaranya yang muslim, maka pahala baginya seperti orang yang mengabdikan dirinya kepada Allah seumur hidupnya.

Takhrij Hadith :

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam *Hilyah*¹²⁸², al-Khāṭib Baghdādī dalam *Tārīkh Baghdād*¹²⁸³ menerusi Anas bin Mālik.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dan al-Khāṭib Baghdādī ini daripada Aḥmad bin Muḥammad al-Nawrī menceritakan kepada kami Sarī al-Siqṭī daripada Ma'rūf al-Kurkhī daripada Ibn al-Simāk daripada al-A'māsh daripada Anas bin Mālik. Hadith ini adalah *Mawḍu'* disebabkan sanad hadithnya adalah *Da'if Musalsal* daripada Jemaah kelompok Sufi yang tidak dikenal (*Majhūl*) keadaan mereka dalam hadith di antaranya adalah Nawrī, al-Siqṭī dan al-Kurkhī. Kemudian hadith ini pula *Munqaṭi'* (terputusnya sanad) antara A'māsh dan Anas bin Mālik kerana tidak *Thabit* pendengaran A'māsh daripada Anas bin Mālik. al-Munāwī mengatakan bahawa hadith

¹²⁸² Abū Nu'aym, *Hilyah al-Awliyā'*, jil. 10, hlm. 254-255.

¹²⁸³ al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, jil. 5, hlm. 338-339.

ini adalah palsu kerana terdapat tiga ahli Sufi yang tidak aku kenal iaitu Nawrī, al-Siqṭī dan al-Kurkhī¹²⁸⁴.

Hukum Hadith : Mawḍū’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* disebabkan banyaknya sanad yang *Majhūl* iaitu Nawrī, al-Siqṭī dan al-Kurkhī. Kemudian hadith ini tidak *Thabit* didengar oleh A’māsh daripada Anas bin Mālīk bererti ianya *Munqaṭi’*. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū’* dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah*¹²⁸⁵. Wallahu A’lam.

Hadith : 228

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : نَحْنُ أَوَّلُ هَذِهِ الْأُمَّةِ بِالزُّهْدِ وَالْيَقِينِ وَسَيَهْلِكُ أُخْرَاهَا بِالْحِرْصِ وَطُولِ الْأَمَلِ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Kesuksesan generasi pertama daripada umat Nabi adalah kerana zuhud dan yakin, rusaknya generasi sesudahnya kerana tamak dan panjang angan-angan.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Abī Dunyā dalam *Kitab al-Yaqīnnya*¹²⁸⁶, menerusi ‘Amrū bin Shu’aib daripada bapanya daripada datuknya.

¹²⁸⁴ al-Munāwī, *Fayḍ al-Qadīr Sharah Jāmi’ al-Ṣaghīr*, jil. 6, hlm. 205.

¹²⁸⁵ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa’īfah wa Mawḍū’ah*, n h : 753, jil. 2, hlm. 174-175.

¹²⁸⁶ Ibn Abī Dunyā, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Ubayd al-Qurashī, 1407H/1987M, *Kitāb al-Yaqīn*, nh : 3, hlm. 48-49, Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Taḥqīq : Muḥammad Sa’īd bin Basyūnī Zaghlūl.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abī Dunyā ini daripada Marwān bin Muḥammad daripada Ibn Lahi'ah daripada 'Amrū bin Shu'aib daripada bapanya daripada datuknya.

Hadith ini dihukum *Da'if* disebabkan *Da'if* nya perawi Ibn Lahi'ah. Di *Da'if* kan juga oleh al-Suyūṭī¹²⁸⁷ dan al-Munāwī¹²⁸⁸, kerana terdapatnya perawi Ibn Lahi'ah di dalamnya. Ibn Abī Dunyā pula mengatakan bahawa Ibn Lahi'ah ini sebenarnya *Thiqah* tetapi dia *Tadlīs*, banyak kitab-kitabnya yang terbakar dan dia *Ikhtilaf*. Tidak semua hadithnya ditolak, apa yang diriwayatkannya sebelum *Ikhtilaf* maka *Ṣaḥīḥ* sedangkan sesudah itu ditolak begitu juga dikatakan oleh Ahmad Shākir. Adapun hadith yang diriwayatkannya ini dengan sighat 'An- 'anah¹²⁸⁹ itulah sebabnya hadith ini di *Da'if* kan oleh ulama terutama hadith yang diriwayatkannya daripada 'Amrū bin Shu'aib daripada bapanya daripada datuknya¹²⁹⁰. Hadith ini memiliki *Shahīd* yang diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dalam Shu'ab al-Īmān¹²⁹¹ berbunyi :

أَوَّلُ صَلَاحٍ هَذِهِ الْأُمَّةُ بَلِيَقِينَ وَالذُّهْدِ وَأَوَّلُ فَسَادِهَا بِالْبُخْلِ وَالْأَمَلِ

Lafaz hadith ini daripada Harūn menceritakan kepada kami al-Mu'afī daripada Ibn Lahi'ah daripada 'Amrū bin Shu'aib daripada bapanya daripada datuknya. Hadith inipun jelas *Da'if* nya kerana perawi Ibn Lahi'ah yang sebelumnya telah kita bincangkan di atas.

¹²⁸⁷ al-Suyūṭī, Jāmi' Ṣaghīr Fī Ahādīth al-Bashīr Nadhīr, n h : 9256, jil. 2, hlm. 554.

¹²⁸⁸ al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr Sharah Jāmi' Ṣaghīr, n h : 9257, jil. 6, hlm. 281-282.

¹²⁸⁹ 'An- 'anah = Hadith yang diriwayatkan secara/menggunakan lafaz 'An Fulan, 'An Fulan.

¹²⁹⁰ Ibn Abī Dunyā, Kitāb al-Yaqīn, n h : 3, hlm. 48-49.

¹²⁹¹ al-Bayhaqī, Shu'ab al-Īmān, Bāb : Fī al-Jūd wa al-Sakhā', n h : 10844, jil. 7, hlm. 427.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* disebabkan *Da'if* nya perawi Ibn Lahi'ah dan hadith ini pula diriwayatkan dengan sighat '*An- 'anah* daripada 'Amrū bin Shu'aib daripada bapanya daripada datuknya. Hadith ini juga di *Da'if* kan oleh al-Mundhirī dalam Targhīb wa Tarhīb¹²⁹². Wallahu A'lam.

Hadith : 229

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا وَجَدَ أَحَدُكُمْ لِأَخِيهِ نَصَحًا فِي نَفْسِهِ فَلْيَذْكُرْهُ لَهُ (رواه ابن عدي).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Apabila salah seorang di antara kamu mempunyai nasihat untuk temannya, maka hendaklah dia sampaikan kepadanya (diriwayatkan oleh Ibn 'Adī).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn 'Adī dalam al-Kāmil¹²⁹³ menerusi Abū Hurayrah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Adī ini daripada Ibrāhim bin Muḥammad bin 'Abd al-Azīz al-Zuhrī daripada bapanya daripada Muḥammad bin 'Abd Allāh bin 'Amrū bin 'Uthmān daripada Suhayl bin Abī Šāliḥ daripada bapanya daripada Abū Hurayrah.

¹²⁹² al-Mundhirī, Targhīb wa Tarhīb, Kitāb : Tawbah wa Zuhud, Bāb : Targhīb Fi al-Zuhud Fi al-Dunyā Wa al-I'tifā' Minhā bi al-Qalīl , n h : 4702, jil. 4, hlm. 59.

¹²⁹³ Ibn 'Adī, al-Kāmil Fī Ḍu'afā' al-Rijāl, jil. 1, hlm. 251.

Hadith ini *Da'if Jiddān* disebabkan terdapat perawi yang *Munkar* dan *Wahin* iaitu Ibrāhim bin Muḥammad bin 'Abd al-Azīz al-Zuhrī. Ibn 'Adī mengatakan bahawa dia tidak memiliki banyak hadith dan apa yang diriwayatkannya kebanyakan adalah *Munkar* kemudian hadith-hadithnya tidak ada menyerupai hadith ahli *Ṣadūq*¹²⁹⁴. al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Munkar al-Ḥadīth* dan ulama-ulama banyak diam (*Sukut*) tentangnya¹²⁹⁵. al-Dhahabī pula mengatakan bahawa dia adalah *Wahin*¹²⁹⁶.

Hukum Hadith : *Da'if Jiddān*.

Daripada uraian di atas penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if Jiddān* disebabkan terdapat perawi yang *Munkar* dan *Wahin* iaitu Ibrāhim bin Muḥammad bin 'Abd al-Azīz al-Zuhrī. al-Albānī juga mengatakan bahawa hadith ini *Da'if Jiddān* dalam Silsilah Aḥādīth *Da'ifah wa Mawḍū'ah*¹²⁹⁷.

Hadith : 230

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : خَيْرُ دِينِكُمُ الْوَرَعُ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sebaik-baik agama kamu adalah perbuatan wara'.

¹²⁹⁴ Ibid.

¹²⁹⁵ al-Bukhārī, Kitāb Tārīkh al-Kabīr, no : 1009, jil. 1, hlm. 305-306.

¹²⁹⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 186, jil. 1, hlm. 56.

¹²⁹⁷ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth *Da'ifah wa Mawḍū'ah*, n h : 2719, jil. 6, hlm. 246.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Awsaṭ¹²⁹⁸, al-Ḥākim dalam Mustadrāk¹²⁹⁹, daripada Ḥuzayfah Ibn al-Yamān.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dan al-Ḥākim ini daripada ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Quddūs daripada al-A’māsh daripada Muṭraf bin al-Sukhayr daripada Ḥuzayfah Ibn al-Yamān. Hadith ini adalah *Da’if* disebabkan *Da’if* nya perawi ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Quddūs. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini terdapat perawi ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Quddūs, Ibn Ma’in men~~da’if~~kannya¹³⁰⁰. al-Bukhārī mengatakan bahawa dia *Ṣadūq* tetapi dia meriwayatkan hadith daripada kaum yang lemah. Abū Dāwd, al-Nasā’ī dan Dār al-Quṭnī mengatakan bahawa dia *Da’if al-Ḥadīth*. Abū Aḥmad al-Ḥaqqī mengatakan bahawa sebahagian hadithnya ada yang *Munkar*¹³⁰¹. al-Dhahabī juga mengatakan bahawa dia *Da’if*¹³⁰².

Hukum Hadith : Da’if.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da’if* disebabkan *Da’if* nya perawi ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Quddūs.

¹²⁹⁸ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Awsaṭ, n h : 3960, jil. 4, hlm. 373.

¹²⁹⁹ al-Ḥākim, al-Mustadrāk ‘Alā Ṣaḥīḥayn, Kitāb : al-‘Ilmu, n h : 317, jil. 1, hlm. 171.

¹³⁰⁰ al-Haythamī, Majma’ Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id, Kitāb : al-‘Ilmu, Bāb : Fī Faḍl al-‘Ilmi, jil. 1, hlm. 120.

¹³⁰¹ Ibn Ḥajar, Tahdhīb al-Tahdhīb, no : 3889, jil. 3, hlm. 197.

¹³⁰² al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 4436, jil. 4, hlm. 141.

Hadith : 231

رُوي أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ غَدَا أَوْ رَاحَ وَهُوَ فِي تَعْلِيمٍ دِينِهِ فَهُوَ فِي الْجَنَّةِ (رواه أبو نعيم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Sesiapa bangun pagi untuk mengajarkan ilmu agamanya, maka dia akan masuk syurga (diriwayatkan oleh Abū Nu'aym).

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh Abū Nu'aym dalam al-Ḥilyah¹³⁰³ melalui Abū Sa'īd al-Khudrī.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh Abū Nu'aym ini daripada Ismā'īl bin Yahyā menceritakan kepada kami Mis'ār daripada 'Āṭiyah daripada Abī Sa'īd al-Khudrī. Hadith ini *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi Ismā'īl bin Yahyā al-Taymī dan dia adalah pemalsu hadith dan *Kadhdhāb*. Ṣāliḥ bin Muḥammad Jazarah mengatakan bahawa dia pemalsu hadith, Ibn 'Adī mengatakan bahawa hadith yang diriwayatkannya ini adalah *Bāṭil* dan palsu, al-Azadī, Dār al-Quṭnī dan al-Ḥākim mengatakan bahawa dia adalah *Kadhdhāb*, dan al-Dhahabī pula mengatakan bahawa ulama sepakat untuk meninggalkannya¹³⁰⁴.

¹³⁰³ Abū Nu'aym, Ḥilyah al-Awliyā', jil. 7, hlm. 251.

¹³⁰⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 965, jil. 1, hlm. 253.

Hukum Hadith : Mawḍū'.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍū'* disebabkan terdapat perawi Ismā'il bin Yaḥyā al-Taymī dan dia adalah pemalsu hadith dan *Kadhdhāb*. al-Albānī juga menghukum hadith ini *Mawḍū'* dalam *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*¹³⁰⁵.

Hadith : 232

رُويَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِيَّاكَ وَنَارَ الْمُؤْمِنِ لَا تُحَرِّقُكَ وَإِنَّ عَشْرَ كُلِّ يَوْمٍ سَبْعِينَ مَرَّةٍ فَإِنَّ يَمِينَهُ بِيَدِ اللَّهِ إِذَا شَاءَ أَنْ يُنْعِشَهُ أَنْعَشَهُ (رواه الحكيم).

Maksudnya : Diriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda : Jauhilah api orang mukmin, jangan sampai membakarmu walaupun dia tergelincir setiap hari 70 kali, kerana sumpahnya ada pada tangan Allah, jika Allah berkehendak mengangkat darjatnya maka Dia mengangkatnya (diriwayatkan oleh al-Ḥākim).

Takhrij Hadith :

Hadith ini disebutkan oleh Shaykh al-Ghumārī dalam kitabnya *al-Mudawā* melalui riwayat al-Ḥākim¹³⁰⁶ menerusi al-Ghār bin Rābi'ah.

¹³⁰⁵ al-Albānī, *Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah*, n h : 4624, jil. 10, hlm. 138-139.

¹³⁰⁶ al-Ghumārī, Ahmad bin Muḥammad bin Ṣiddīq al-Ghumārī, 1996M, *al-Mudawā Li al-Ilal Jāmi'* al-Ṣaghīr, n h : 1285/2895, jil. 3, hlm. 110-111, Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Sanad hadith ini diambil oleh al-Ghumārī melalui riwayat al-Ḥākim daripada ‘Umar bin Sa’īd al-Dimshaqī menceritakan kepada kami Mukarram al-Bajilī daripada Hushām Ibn al-Ghār daripada bapanya al-Ghār bin Rābi’ah. al-Ghumārī mengatakan bahawa hadith ini *Mursal* kerana al-Ghār bin Rābi’ah bukan Sahabat. Anaknyanya bernama Hushām Ibn al-Ghār adalah seorang Tabi’in Junior yang paling kecil dan dia golongan paling terakhir yang meriwayatkan hadith daripada al-Zuhrī. Kemudian perawi ‘Umar bin Sa’īd al-Dimshaqī dan dia adalah *Ḍa’īf*¹³⁰⁷. Hadith ini *Ḍa’īf Jiddān* kerana diperguraukan dan seolah-olah dilecehkan. Di antaranya ialah al-Ghār bin Rābi’ah yang telah *memursalkan* hadith ini. Kemudian terdapat perawi Mukarram al-Bajilī, para ulama tidak menterjemahkan nama beliau ini dalam kitab rijal namun yang ada hanya Mukarram bin Ḥākim al-Khath’imī dan dia meriwayatkan khabar yang *Bāḥil*, al-Azadī mengatakan *Laysa bi Shaiy’* dalam hadithnya¹³⁰⁸. Selanjutnya terdapat ‘Umar bin Sa’īd al-Dimshaqī dan dia perawi yang *Ḍa’īf*, sebagaimana disebutkan oleh al-Ghumārī di atas dan ulama sepakat dengan ke*Ḍa’īf*annya. al-Nasā’ī mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah*, Abū Ḥātim mengatakan bahawa hadith-hadithnya banyak dibuang, Muslim mengatakan bahawa hadith-hadithnya adalah *Ḍa’īf*¹³⁰⁹. Daripada uraian di atas penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Ḍa’īf Jiddān* sebagaimana sebabnya

¹³⁰⁷ Ibid.

¹³⁰⁸ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 8748, jil. 5, hlm. 302.

¹³⁰⁹ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 6120, jil. 4, hlm. 119.

sudah penulis jelaskan. Hadith ini juga dihukum *Ḍa'īf Jiddān* oleh al-Albānī dalam Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah¹³¹⁰. Wallahu A'lam.

Hukum Hadith : Ḍa'īf Jiddān.

Hadith : 233

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : السَّخِيُّ قَرِيبٌ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى قَرِيبٌ مِنَ النَّاسِ قَرِيبٌ مِنَ الْجَنَّةِ بَعِيدٌ مِنَ النَّارِ وَالْبَخِيلُ بَعِيدٌ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى بَعِيدٌ مِنَ النَّاسِ بَعِيدٌ مِنَ الْجَنَّةِ قَرِيبٌ مِنَ النَّارِ وَالْجَاهِلُ السَّخِيُّ أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى مِنَ الْعَابِدِ الْبَخِيلِ.

Maksudnya : Daripada 'Aishah bahawa Nabi SAW bersabda : Orang dermawan itu dekat kepada Allah SWT, dekat kepada manusia, dekat kepada syurga dan jauh dari neraka, sedang orang bakhil itu jauh dari Allah SWT, jauh dari manusia, jauh dari syurga dan dekat kepada neraka, orang bodoh yang dermawan lebih disukai Allah daripada orang ahli ibadah tapi bakhil.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Tirmidhī dalam Sunannya¹³¹¹ melalui Abū Hurayrah.

¹³¹⁰ al-Albānī, Silsilah Aḥādīth Ḍa'īfah wa Mawḍū'ah, n h : 7137, jil. 20, hlm. 1247-1248.

¹³¹¹ al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb : Birru wa al-Ṣilah, Bāb : Mā Jā'a Fi al-Sukhā', n h : 1961, jil. 4, hlm. 114.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidihī ini daripada Sa'īd bin Muḥammad al-Warrāq daripada Yahyā bin Sa'īd daripada al-A'raj daripada Abū Hurayrah. Hadith ini dihukum *Da'īf* kerana dalam sanad terdapat perawi yang lemah iaitu Sa'īd bin Muḥammad al-Warrāq. Ibn Ma'īn mengatakan bahawa dia *Laysa bi Shay'*, Ibn Sa'ad dan ulama yang lain men~~da'~~*īf*kannya. al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia tidak *Thiqah*, Ibn 'Adī mengatakan setelah aku mengambil hadithnya maka jelaslah bahawa riwayatnya lemah¹³¹².

Hukum Hadith : *Da'īf*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'īf* kerana dalam sanad terdapat perawi yang lemah iaitu Sa'īd bin Muḥammad al-Warrāq.

Hadith : 234

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ اسْتَغْفَرَ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِكُلِّ مُؤْمِنٍ وَمُؤْمِنَةٍ حَسَنَةً
(رواه الطبراني عن عبادة بن الصامت).

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memohon ampunan untuk orang mukmin dan mukminat, nescaya Allah mencatatkan baginya kebaikan setiap orang mukmin dan mukminat (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī daripada 'Ubādah bin Ṣāmit).

¹³¹² al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl, no : 3263, jil. 2, hlm. 346.

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Musnad al-Shamiyyīn¹³¹³, daripada ‘Ubādah bin Ṣāmit.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini daripada Bakar bin Khunays daripada ‘Uṭbah bin Ḥumayd daripada ‘Īsā bin Sinān daripada Ya’lā bin Shadād bin Awus daripada ‘Ubādah bin Ṣāmit. Hadith ini *Da’if* sebab terdapat perawi yang cacat kedudukannya, di antaranya ialah Bakar bin Khunays. Ibn Ma’īn, al-Nasā’ī dan Abū Ḥātim men~~Da’if~~kannya¹³¹⁴. Perawi yang kedua ‘Uṭbah bin Ḥumayd, Abū Ḥātim mengatakan bahawa dia *Ṣāliḥ* sedangkan Aḥmad mengatakan bahawa dia *Da’if* dan tidak *Qawwī*¹³¹⁵. Perawi selanjutnya adalah ‘Īsā bin Sinān dan dia adalah seorang yang *Da’if* dan *Layyin* sepertimana yang dikatakan oleh Aḥmad, Ibn Ma’īn dan Abū Ḥātim¹³¹⁶. Hadith ini juga di *Da’if*kan oleh al-Suyūṭī sebagaimana disebutkan oleh al-Munāwī dalam Fayḍ al-Qadīr¹³¹⁷.

¹³¹³ al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabarānī, 1409 H/1989M, Musnad al-Shāmiyyīn, n h : 2155, jil. 3, hlm. 234, Bayrūt : Mu’assasah al-Risālah, Taḥqīq : Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī.

¹³¹⁴ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 1279, jil. 1, hlm. 344.

¹³¹⁵ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 5470, jil. 3, hlm. 425.

¹³¹⁶ al-Dhahabī, Mizān al-I’tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 6568, jil. 4, hlm. 232.

¹³¹⁷ al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr Sharah Jāmi’ Ṣaghīr, n h : 8419, jil : 6, hlm: 57.

Hukum Hadith : *Da'if*.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Da'if* sebab terdapat perawi yang *Da'if* kedudukannya iaitu Bakar bin Khunays, 'Uṭbah bin Ḥumayd dan 'Īsā bin Sinān.

Hadith : 235

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ اسْتَغْفَرَ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ كُلَّ يَوْمٍ سَبْعًا وَعِشْرِينَ مَرَّةً كَانَ مِنَ الَّذِينَ يُسْتَجَابُ لَهُمْ وَيُزْقَى بِهِمْ أَهْلُ الْأَرْضِ (رواه الطبراني عن أبي الدرداء).

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sesiapa yang memohon ampunan bagi orang-orang mukmin dan mukminat setiap hari sebanyak 27 kali, maka orang tersebut dikabulkan doanya dan menjadi penyebab turunnya rezeki kepada penduduk bumi (diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī daripada Abī Dardā').

Takhrij Hadith :

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī dalam Mu'jam al-Kabīr¹³¹⁸ daripada Abū Dardā'.

Perbahasan Ulama Tentang Kedudukan Hadith :

Hadith yang diriwayatkan oleh al-Ṭabarānī ini di dalamnya terdapat perawi 'Uthmān bin Abī al-'Atikah ada yang mengatakan al-'Ā'ilah, dia mengatakan bahawa hadith ini aku dengar daripada Abū Dardā'. al-Haythamī mengatakan bahawa hadith ini *Da'if Jiddān*

¹³¹⁸ al-Ṭabarānī, Mu'jam al-Kabīr, n h : 407, jil. 19, hlm. 180.

kerana ‘Uthmān di $\dot{D}a'$ ḥkan oleh jumhur ulama¹³¹⁹. Yaḥyā bin Ma'in mengatakan bahawa ‘Uthmān *Laysa bi Shay'*, al-Nasā'ī mengatakan bahawa dia $\dot{D}a'$ ḥ dan Aḥmad mengatakan bahawa dia *Lā Ba'sa Bih* dan dia meriwayatkan hadith daripada ‘Alī Ibn Yazīd Kathīr, dia *Ṣadūq* tetapi riwayatnya daripada ‘Alī bin Yazīd adalah $\dot{D}a'$ ḥ¹³²⁰. Dia telah mendapatkan hadith ini daripada gurunya tetapi nama gurunya tidak disebutkan dalam sanad hadith ini. Beliau mengatakan bahawa langsung mendengar hadith ini daripada Abū Darda' sedangkan ada perawi yang dibuang di sini iaitu gurunya. Maka inilah penyebab kecacatan hadith ini sehingga ianya menjadi $\dot{D}a'$ ḥ Jiddān. Kecacatan kedua adalah disebabkan perawi Ibn Abī ‘Atikah, al-Shawkānī mengatakan dalam Tuḥfat al-Zakirīnnya bahawa dia $\dot{D}a'$ ḥ Jiddān dan *Munkar*¹³²¹. Hadith ini juga dilemahkan oleh al-Suyūṭī, sebagaimana disebutkan oleh al-Munāwī dalam Fayḍ al-Qadīrnya¹³²².

Hukum Hadith : $\dot{D}a'$ ḥ Jiddān.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah $\dot{D}a'$ ḥ Jiddān disebabkan ada perawi yang dibuang namanya dalam sanad, kemudian terdapat perawi yang $\dot{D}a'$ ḥ dan *Munkar* iaitu ‘Uthmān Ibn Abī ‘Atikah.

¹³¹⁹ al-Haythamī, Majma' Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id, Kitāb : al-Tawbah , Bāb : Istighfar li al-Mukmin wa al-Mukmināt, jil. 10, hlm. 210.

¹³²⁰ al-Dhahabī, Mizān al-I'tidāl fī Naqd al-Rijāl, no : 5522, jil. 3, hlm. 437- 438.

¹³²¹ al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, tth, Tuḥfah al-Dhakirīn, Bāb al-Istighfar, hlm. 256, Bayrūt : Maktabah al-Thaqāfiyah.

¹³²² al-Munāwī, Fayḍ al-Qadīr Sharah Jāmi' Ṣaghīr, n h : 8419, jil. 6, hlm. 57.

Hadith : 236

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : عَشْرٌ تَمْنَعُ عَشْرًا : سُورَةُ الْفَاتِحَةِ تَمْنَعُ غَضَبَ الرَّبِّ وَسُورَةُ يَس تَمْنَعُ عَطَشَ الْقِيَامَةِ وَسُورَةُ الدُّخَانِ تَمْنَعُ أَهْوَالَ الْقِيَامَةِ وَسُورَةُ الْوَاقِعَةِ تَمْنَعُ الْفَقْرَ وَسُورَةُ الْمُلِكِ تَمْنَعُ عَذَابَ الْقَبْرِ وَسُورَةُ الْكَوْثَرِ تَمْنَعُ خُصُومَةَ الْخُصَمَاءِ وَسُورَةُ الْكَافِرُونَ تَمْنَعُ الْكُفْرَ عِنْدَ النَّزْعِ وَسُورَةُ الْإِنْخِلَاصِ تَمْنَعُ النَّفَاقَ وَسُورَةُ الْفَلَقِ تَمْنَعُ حَسَدَ الْحَاسِدِينَ وَسُورَةُ النَّاسِ تَمْنَعُ الْوَسْوَاسَ.

Maksudnya : Nabi SAW bersabda : Sepuluh perkara dapat menolak sepuluh macam bencana iaitu : surah al-Fatihah menolak murka Allah, surah Yasin menolak dahaga pada hari kiamat, surah al-Dukhan dapat mencegah ketakutan pada hari kiamat, surah al-Waqiah dapat mencegah kefakiran, surah al-Muluk dapat mencegah seksa kubur, surah al-Kautsar dapat menolak permusuhan, surah al-Kafirun menolak datangnya kekafiran ketika nyawa dicabut, surah al-Ikhlash menolak kemunafikan, surah al-Falaq dapat mencegah perbuatan hasad daripada orang yang dengki, surah al-Nas dapat menolak was-was.

Takhrij Hadith :

Penulis tidak menemui sumber hadith ini dari mana-mana kitab hadith.

Perbahasan Ulama Tentang Hukum Hadith :

Lafaz hadith di atas tidak ditemui sumber asalnya (*Lā Aṣla Lahu*)¹³²³ dari mana-mana kitab hadith. Tetapi Ibn Qayyim al-Jawziyah mengatakan dalam al-Manār al-Munīf bahawa hadith-hadith seumpama ini iaitu seseorang membaca surah ini kemudian mendapat pahala begini, adalah hadith-hadith palsu atau kedustaan yang disandarkan kepada Nabi SAW dan hadith ini sungguh jelas kepalsuannya. ‘Abd Allāh bin al-Mubārak mengatakan bahawa menurutku hanya orang-orang zindik saja yang memalsukan hadith-hadith seumpama ini¹³²⁴. Wallahu A’lam.

Hukum Hadith : Mawḍu’.

Penulis menyimpulkan bahawa hadith ini adalah *Mawḍu’* sebab tiada sumber asalnya dan merupakan rekaan ahli zindik yang sengaja disandarkan kepada Nabi SAW. Wallahu A’lam.

¹³²³ Istilah ini dipahami dan digunakan oleh ahli hadith *Muta’akhirin* berdasarkan maksud zahir perkataan itu sendiri iaitu *Lā Aṣla Lahu* (لَا أَصْلَ لَهُ) bermaksud tiada sumber asalnya ertinya tidak diketahui sumber hadith itu. Manakala penggunaan istilah *Lā Aṣla Lahu* (لَا أَصْلَ لَهُ) di sisi ahli hadith *Mutaqaddimin* daripada kalangan ulama hadith seperti Abū Ḥātim, Abū Zur’ah, Yaḥyā bin Ma’īn, Imam Aḥmad, Abū Daud dan yang lainnya membawa maksud bahawa kalimat *Lā Aṣla Lahu* (لَا أَصْلَ لَهُ) bukan menafikan adanya sanad hadith tersebut, tetapi yang dimaksudkan oleh mereka ialah bahawa hadith itu tidak boleh dijadikan rujukan atau hujah kerana kedudukan sanad hadithnya tidak dapat diterima di sisi ulama hadith. Sedangkan di sini penulis menggunakan istilah *Lā Aṣla Lahu* (لَا أَصْلَ لَهُ) adalah mengikut ulama *Mutaakhirin*.

¹³²⁴ Ibn Qayyim al-Jawziyah, Shamsu al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakar al-Ḥanbalī, 1414H/1994M, al-Manār al-Munīf fi al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa’īf, no : 225&238, Bayrūt : Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, Taḥqīq : ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddāh.

BAB 5 : HASIL KAJIAN KE ATAS HADITH-HADITH KITAB NAṢĀ'IH

AL-'IBĀD

Setelah dilakukan kajian terhadap kitab ini, dapat disimpulkan bahawa kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* mengandungi hadith-hadith *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan* yang boleh dijadikan *hujah*, selain itu, terdapat juga hadith-hadith *Da'īf*, amat *Da'īf*, *Mawḍū'* bahkan ada yang tidak diketahui hukum dan sumber asalnya. Jumlah hadith *Da'īf*, amat *Da'īf* dan *Mawḍū'* dalam kitab ini lebih banyak daripada hadith *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan*. Untuk lebih memperjelas kedudukan kitab ini dari sisi kekuatan hadith yang dipergunakan, penulis akan membahagikan topik ini dalam beberapa bahagian :

5.1 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 5

Daripada 236 hadith yang dibahas terdapat sekitar 28 hadith dalam Bab 5, penulis mendapatkan 4 hadith *Ṣaḥīḥ* (14.3%). Terdapat 3 hadith *Ḥasan* (10.7%), 6 hadith *Da'īf* (21.4%), 9 hadith *Mawḍū'* (32.1%) dan 6 hadith yang tidak dapat diketahui hukumnya (21.4%) jadi semuanya berjumlah 28 hadith. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 5.1 di bawah ini.

Jadual 5.1 : Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 5

No	Hukum Hadith	Jumlah	Peratus
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	4	14.3
2	<i>Ḥasan</i>	3	10.7
3	<i>Da'īf</i>	6	21.4
4	<i>Da'īf Jiddān</i>	-	-
5	<i>Mawḍū'</i>	9	32.1
6	Tidak Diketahui Hukum	6	21.4
7	Jumlah	28	100

5.2 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 6

Daripada 236 hadith yang dibahas terdapat sekitar 47 hadith dalam Bab 6, penulis mendapatkan 6 hadith *Ṣaḥīḥ* (12.8%). Terdapat 5 hadith *Ḥasan* (10.6%), terdapat 14 hadith *Ḍa'īf* (29.8%) dan 2 hadith *Ḍa'īf Jiddān* (4.3%) , 16 hadith *Mawḍū'* (34.0%), dan 4 hadith yang tidak dapat diketahui hukumnya (8.5%) jadi semuanya berjumlah 47 hadith. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 5.2 di bawah ini.

Jadual 5.2 : Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 6

No	Hukum Hadith	Jumlah	Peratus
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	6	12.8
2	<i>Ḥasan</i>	5	10.6
3	<i>Ḍa'īf</i>	14	29.8
4	<i>Ḍa'īf Jiddān</i>	2	4.3
5	<i>Mawḍū'</i>	16	34.0
6	Tidak Diketahui Hukum	4	8.5
7	Jumlah	47	100

5.3 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 7

Daripada 236 hadith yang dibahas terdapat sekitar 24 hadith dalam Bab 7, penulis mendapatkan 10 hadith *Ṣaḥīḥ* (41.6%). Terdapat 6 hadith *Ḍa'īf* (25.0%), 2 hadith *Ḍa'īf Jiddān* (8.3%) dan terdapat 6 hadith *Mawḍū'* (25.0%). Jadi semuanya berjumlah 24 hadith. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 5.3 di bawah ini.

Jadual 5.3 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 7

No	Hukum Hadith	Jumlah	Peratus
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	10	41.6
2	<i>Ḥasan</i>	-	-
3	<i>Da'īf</i>	6	25.0
4	<i>Da'īf Jiddān</i>	2	8.3
5	<i>Mawḍū'</i>	6	25.0
6	Tidak Diketahui Hukum	-	-
7	Jumlah	24	100

5.4 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 8

Daripada 236 hadith yang dibahas terdapat sekitar 20 hadith dalam Bab 8, penulis mendapatkan 2 hadith *Ṣaḥīḥ* (10.0%). Terdapat 6 hadith *Da'īf* (30.0%) dan 2 hadith *Da'īf Jiddān* (10.0%), terdapat 8 hadith *Mawḍū'* (40.0%) dan terdapat 2 hadith yang tidak diketahui hukumnya (10.0%). Jadi semuanya berjumlah 20 hadith. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 5.4 di bawah ini.

Jadual 5.4 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 8

No	Hukum Hadith	Jumlah	Peratus
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	2	10.0
2	<i>Ḥasan</i>	-	-
3	<i>Da'īf</i>	6	30.0
4	<i>Da'īf Jiddān</i>	2	10.0
5	<i>Mawḍū'</i>	8	40.0
6	Tidak Diketahui Hukum	2	10.0
7	Jumlah	20	100

5.5 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 9

Daripada 236 hadith yang dibahas terdapat sekitar 7 hadith dalam Bab 9, penulis mendapatkan 4 hadith *Ṣaḥīḥ* (57.1%), dan 3 hadith *Mawḍū'* (42.9%). Jadi semuanya berjumlah 7 hadith. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 5.5 di bawah ini.

Jadual 5.5 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 9

No	Hukum Hadith	Jumlah	Peratus
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	4	57.1
2	<i>Ḥasan</i>	-	-
3	<i>Da'īf</i>	-	-
4	<i>Da'īf Jiddān</i>	-	-
5	<i>Mawḍū'</i>	3	42.9
6	Tidak Diketahui Hukum	-	-
7	Jumlah	7	100

5.6 Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 10

Daripada 236 hadith yang dibahas terdapat sekitar 110 hadith dalam Bab 10, penulis mendapatkan 23 hadith *Ṣaḥīḥ* (20.9%). Terdapat 4 hadith *Ḥasan* (3.6%), 36 hadith *Da'īf* (32.7%), 16 hadith *Da'īf Jiddān* (14.5%). Terdapat 23 hadith *Mawḍū'* (20.9%), dan 8 hadith yang tidak dapat diketahui hukumnya (7.3%) jadi semuanya berjumlah 110 hadith. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 5.6 di bawah ini.

Jadual 5.6 : Hasil Kajian Hadith Dalam Bab 10

No	Hukum Hadith	Jumlah	Peratus
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	23	20.9
2	<i>Ḥasan</i>	4	3.6
3	<i>Da'īf</i>	36	32.7
4	<i>Da'īf Jiddān</i>	16	14.5
5	<i>Mawḍū'</i>	23	20.9
6	Tidak Diketahui Hukum	8	7.3
7	Jumlah	110	100

5.7 Kesimpulan Seluruh Hadith


Kesimpulan untuk kesemua hadith dapat kita ketahui bahawa daripada bab lima hingga bab sepuluh terdapat 236 hadith penulis mendapatkan 49 hadith *Ṣaḥīḥ* (20.7%), terdapat 12 hadith *Ḥasan* (5.5%). Terdapat 68 hadith *Da'if* (28.8%), 22 hadith *Da'if Jiddān* (8.5%). Terdapat 65 hadith *Mawḍū'* (27.9%), dan 20 hadith yang tidak dapat diketahui hukumnya (8.5%) jadi semuanya berjumlah 236 hadith. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 5.7 di bawah ini.

Jadual 5.7 : Kesimpulan Hasil Kajian Hadith Dari Bab 5-10

No	Hukum Hadith	Jumlah	Peratus
1	<i>Ṣaḥīḥ</i>	49	20.7
2	<i>Ḥasan</i>	12	5.1
3	<i>Da'if</i>	68	28.8
4	<i>Da'if Jiddān</i>	22	9.3
5	<i>Mawḍū'</i>	65	27.9
6	Tidak Diketahui Hukum	20	8.5
7	Jumlah	236	100

5.8 Nilai Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* Sebagai Rujukan Dari Segi Hadith Bermula Bab Lima Hingga Sepuluh

Berdasarkan kepada dapatan di atas, bolehlah dirumuskan bahawa hadith-hadith dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini terdapat 27.0 % boleh dijadikan rujukan, 23.0 % tidak boleh dijadikan sebagai *hujah* dalam aqidah tetapi boleh dijadikan *hujah* dalam *Faḍā'il al-'Amal* apabila telah memenuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama, sedangkan bakinya berjumlah sekitar 50.0% tidak boleh dijadikan rujukan atau dikenal sebagai hadith mardud. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 5.8.1 di bawah ini :



Rajah 5.8.1. Nilai kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* sebagai rujukan dari segi hadith bermula bab lima hingga sepuluh.

Bukan rujukan: bermaksud bukan hujah dalam akidah tetapi boleh digunakan sebagai hujah dalam fadail al-'Amal.

BAB 6 : HASIL KAJIAN BORANG SELIDIK PENGETAHUAN HADITH DAN AMALAN DI SUMATERA INDONESIA

6.1 Pengenalan tempat

Kawasan yang dipilih semasa mengadakan penyelidikan ini ialah Pulau Sumatera iaitu di Sumatera Utara dan Sumatera Barat. Untuk kawasan Sumatera Utara, pengkaji memilih lokasinya di Kabupaten Mandailing Natal (Bandar Panyabungan dan kawasan berhampiran). Alasan memilih kawasan ini ialah terdapat pondok pesantren tertua yang dikenali dengan pondok pesantren Mustafawiyah Purba Baru, dan pondok pesantren ini terkenal di Indonesia khususnya Sumatera Utara. Melalui pondok pesantren ini banyak dilahirkan ulama yang berfahaman NU (Nahdatul Ulama) sama ada berasal daripada penduduk tempatan mahupun daripada orang luar yang datang untuk belajar di pondok tersebut. Selain itu, kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād* dipelajari di pondok Mustafawiyah. Menurut keterangan guru-guru yang mengajar di sana, kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād* belum menjadi mata pelajaran utama di sekolah, disebabkan halaman kitab yang tebal. Tetapi dijadikan sebagai kitab panduan untuk bertalaqqi di antara guru dan murid di masjid Mustafawiyah selepas subuh. Oleh itu, hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih al- 'Ibād* mudah tersebar dan diamalkan, sama ada dikalangan pelajar mahupun masyarakat yang tinggal di kawasan tersebut. Adapun kawasan Sumatera Barat, pengkaji memilih lokasinya di Bandar Bukit Tinggi dan kawasan berhampiran. Di sana juga terdapat pondok pesantren tertua yang dikenali dengan pondok pesantren Tawalib Parabek, Tawalib Putra, Canduang, Diniyyah Putri, Limo Jurai, Tarbiyah Islamiyah dan lain-lain. Pondok-pondok pesantren ini pun terkenal di Indonesia khususnya Sumatera Barat. Di Sumatera Barat para ulamanya banyak dikenal berfahaman Muhammadiyah, selain itu kitab-kitab karya Nawawī Bantani pun dipelajari di pondok pesantren yang

ada di sana, seperti *Naṣā'ih al-'Ibād* yang dipelajari di pondok pesantren Tawalib Parabek. Dalam memilih responden, pengkaji membahaginya menjadi empat iaitu di kalangan Pelajar, Mahasiswa, Ustaz (guru, pensyarah) dan orang Awam. Dari segi kefahaman, penulis membahaginya kepada tiga fahaman, iaitu berfahaman NU (Nahdatul Ulama), MUHAMMADIYAH dan JAMAAH TABLIGH. Setelah itu, penulis membahagikan kepada tiga suku iaitu Suku Mandailing, Suku Minang dan Suku Jawa. Suku Mandailing banyak tinggal di Sumatera Utara iaitu di Mandailing Natal, ada juga Suku Minang dan Jawa tetapi sedikit sekali. Suku Minang pula banyak tinggal di Sumatera Barat iaitu Bandar Bukit Tinggi dan sekitarnya, terdapat juga suku Mandailing dan Jawa yang datang merantau kemudian akhirnya menjadi penduduk tempatan. Adapun jumlah responden yang diteliti ialah 250 orang, sama ada lelaki mahupun perempuan, sama ada di Sumatera Utara mahupun di Sumatera Barat, sama ada Suku Mandailing, Minang mahupun Suku Jawa, untuk lebih jelasnya boleh dilihat pada penjelasan selanjutnya.

6.2 Keterangan Demografi

Jumlah responden yang dianalisis setelah diteliti adalah 210 responden sama ada lelaki mahupun perempuan. Adapun jumlah lelaki 123 orang atau 58.6%, sedangkan jumlah perempuan dari keseluruhan 87 orang atau 41.4%. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 6.2.1 di bawah ini.

Jadual 6.2.1 : Jenis Kelamin Responden

Jenis Kelamin	Jumlah	Peratus
Lelaki	123	58.6%
Perempuan	87	41.4%
Jumlah	210	100%

Dari segi umur atau usia responden yang diteliti iaitu 15-25 tahun, 26-35 tahun, 36-45 tahun dan 46 tahun ke atas. Daripada 210 responden yang diteliti sama ada lelaki mahupun perempuan, maka, didapati usia 15-25 tahun 169 orang atau 80.5%, adapun usia 26-35 tahun 26 orang atau 12.4%, sedangkan usia 36-45 tahun 6 orang atau 2.9% dan usia 46 tahun ke atas berjumlah 9 orang atau 4.3%. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 6.2.2 di bawah ini.

Jadual 6.2.2 : Umur Responden

Umur	Jumlah	Peratus
15-25 tahun	169	80.5%
26-35 tahun	26	12.4%
36-45 tahun	6	2.9%
46 tahun keatas	9	4.3%
Jumlah	210	100%

Dari segi pendidikan dibahagi beberapa tahap, pertama dimulai dari sekolah menengah kemudian peringkat diploma, peringkat sarjana, dan peringkat pasca sarjana (Master)/Phd. Adapun pendidikan tahap sekolah menengah sebanyak 136 orang atau 62.1%, tahap diploma 18 orang atau 8.2%, peringkat sarjana 55 orang atau 26.0%, dan peringkat pasca sarjana (Master atau Phd) 1 orang atau 5%. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat dalam jadual 6.2.3 di bawah ini.

Jadual 6.2.3 : Tahap Pendidikan Responden

Pendidikan	Jumlah	Peratus
Sekolah Menengah	136	62.1%
Diploma	18	8.2%
Sarjana	55	26.0%
Pasca Sarjana	1	5%
Jumlah	210	100%

Dari segi perkahwinan terbahagi kepada dua iaitu yang belum berkahwin dan yang sudah berkahwin. Adapun yang belum berkahwin 175 orang atau 83.3%, dan yang sudah berkahwin 35 orang atau 16.7%. untuk lebih jelasnya lihat jadual 6.2.4 di bawah ini.

Jadual 6.2.4 : Status Perkahwinan Responden

Status Perkahwinan	Jumlah	Peratus
Belum Berkahwin	175	83.3%
Sudah Berkahwin	35	16.7%
Jumlah	210	100%

Selanjutnya ialah dari segi suku, sebagaimana diketahui bahawa Indonesia pelbagai suku dan budaya. Daripada kesemua suku, penulis hanya membatasi tiga suku sahaja iaitu Suku Mandailing, Suku Minang dan Suku Jawa. Adapun Suku Mandailing 75 orang atau 35.7%, Suku Minang 99 orang atau 47.1% dan Suku Jawa 36 orang atau 17.1%. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 6.2.5 di bawah ini.

Jadual 6.2.5 : Suku Responden

Suku	Jumlah	Peratus
Mandailing	75	35.7%
Minang	99	47.1%
Jawa	36	17.1%
Jumlah	210	100%

Wilayah atau kawasan tempat tinggal terbahagi dua iaitu Sumatera Utara dan Sumatera Barat. Adapun kawasan Sumatera Utara, lokasinya di Kabupaten Mandailing Natal dan sekitarnya sedangkan kawasan Sumatera Barat lokasinya di Bandar Bukit Tinggi dan sekitarnya. Jumlah responden yang berasal daripada Sumatera Utara (Kabupaten Mandailing Natal dan sekitarnya) iaitu 107 orang atau 51.0% dan jumlah responden yang berasal dari Sumatera Barat (Bandar Bukit Tinggi dan sekitarnya) 103 orang atau 49.0%. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 6.2.6 di bawah ini.

Jadual 6.2.6 : Lokasi Responden

Lokasi	Jumlah	Peratus
Sumut	107	51.0%
Sumbar	103	49.0%
Jumlah	210	100%

Dari segi tempat tinggal responden ianya terbahagi dua iaitu responden yang tinggal di Bandar dan yang tinggal di Kampung. Responden yang tinggal di Bandar 82 orang atau 39.0% dan yang tinggal di Kampung 128 orang atau 61.0%. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 6.2.7 di bawah ini.

Jadual 6.2.7 : Tempat Tinggal Responden

Tempat Tinggal	Jumlah	Peratus
Bandar	82	39.0%
Kampung	128	61.0%
Jumlah	210	100%

Dari segi status kerja responden terbahagi kepada dua iaitu responden yang masih belajar atau yang sudah bekerja. Adapun yang masih belajar 147 orang atau 70.0% dan yang sudah bekerja 63 orang atau 30.0%. Untuk lebih jelasnya lihat jadual 6.2.8 di bawah ini.

Jadual 6.2.8 : Status Kerja Responden

Status Kerja	Jumlah	Peratus
Belajar	147	70.0%
Bekerja	63	30.0%
Jumlah	210	100%

Adapun segi kefahaman, pengkaji hanya mengambil tiga sahaja iaitu responden yang berfahaman NU (Nahdatul Ulama), MUHAMMADIYAH dan JAMAAH TABGLIGH. Responden yang berfahaman NU 103 orang atau 49.0%, yang berfahaman MUHAMMADIYAH 84 orang atau 40.0% dan berfahaman JAMAAH TABLIGH 23 orang atau 11.0%. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat pada jadual 6.2.9 di bawah ini.

Jadual 6.2.9 : Kefahaman Responden

Kefahaman	Jumlah	Peratus
NU	103	49.0%
Muhammadiyah	84	40.0%
Jamaah Tabligh	23	11.0%
Jumlah	210	100%

Dari segi status individu responden, pengkaji hanya memilih empat kategori sahaja iaitu kategori pelajar, mahasiswa, guru (ustaz atau pensyarah) dan orang awam. Adapun kategori pelajar berjumlah 110 orang atau 52.4%, kategori mahasiswa 37 orang atau 17.6%, kategori guru, ustaz atau pensyarah 45 orang atau 21.4%, dan kategori orang awam 18 orang atau 8.6%. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat dalam jadual 6.2.10 di bawah ini.

Jadual 6.2.10 : Status Individu Responden

Status Individu	Jumlah	Peratus
Pelajar	110	52.4%
Mahasiswa	37	17.6%
Guru, Ustaz, Pensyarah	45	21.4%
Orang Awam	18	8.6%
Jumlah	210	100%

6.3 Jawapan Demografi Terhadap Soalan Borang Selidik

Dalam borang selidik ini terdapat 50 soalan iaitu terdiri daripada 10 hadith ertinya untuk setiap satu hadith ada lima soalan. Pertama : pengetahuan terhadap hadith, kedua : beramal dengan hadith, ketiga : persetujuan mereka terhadap hukum hadith, keempat : menjadikan hadith sebagai hujah hingga berkeinginan menyebarkan, kelima : menyebarkan hadith kepada orang lain sama ada keluarga, kawan dan sebagainya. Hadith-hadith ini diambil daripada kitab Naṣā'ih al-'Ibād ianya terdiri daripada tiga bab iaitu : satu hadith dalam bab 5 iaitu hadith no 24, satu hadith dalam bab 7 iaitu hadith no 94, dan lapan hadith dalam bab 10 iaitu hadith no 128, 211, 212, 216, 226, 231, 234 dan 235.

Hadith yang pertama terdapat dalam bab 5 iaitu hadith no 24 berbunyi :

عن عائشة عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : من قال في كل يوم خمسا وعشرين مرة : اللهم بارك لي في الموت وفيما بعد الموت ثم مات على فراشه أعطاه الله أجر شهيد (رواه الطبراني).

Hadith ini adalah hadith *Da'if*.


Jadual 6.3.1 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Pertama

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Pernahkah mendengar/ membaca hadith ini : عن عائشة عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : من قال في كل يوم خمسا وعشرين مرة : اللهم بارك لي في الموت وفيما بعد الموت ثم مات على فراشه أعطاه الله أجر شهيد (رواه الطبراني).	S.S	24	11.4	S	99	47.1
	S	75	35.7		46	21.9
	K.P	46	21.9	K.P		
	T.S	47	22.4	T.S	65	31.0
	S.T.S	18	8.6			
Adakah anda membaca doa di atas setiap hari sebanyak 25 kali kerana beramal dengan hadith ini.	S.S	15	7.1	S	69	32.8
	S	54	25.7		19	9.0
	K.P	19	9.0	K.P		
	T.S	103	49.0	T.S	122	58.0
	S.T.S	19	9.0			

Adakah anda bersetuju jika dinyatakan bahawa hadith ini <i>Da'if</i> ?	S.S	8	3.8	S	52	24.8
	S	44	21.0			
	K.P	110	52.4	K.P	110	52.4
	T.S	41	19.5	T.S		
	S.T.S	7	3.3		48	22.8
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	10	4.8	S	42	20.0
	S	32	15.2			
	K.P	69	32.9	K.P	69	32.9
	T.S	81	38.6	T.S		
	S.T.S	18	8.6		99	47.2
Adakah anda pernah sebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	2	1.0	S	20	9.6
	S	18	8.6			
	K.P	26	12.4	K.P	26	12.4
	T.S	111	52.9	T.S		
	S.T.S	52	24.8		163	77.7

Mengikut jadual 6.3.1 di atas, majoriti masyarakat mendengar hadith (1) ini, jumlahnya 99 orang atau 47.1%, sedangkan yang tidak mendengar 65 orang atau 31.0%. Bakinya 46 orang atau (21.9%) menjawab kurang pasti. Oleh itu jelaslah bahawa hadith ini tersebar dikalangan masyarakat Indonesia terutama di Sumatera, sama ada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Adapun masalah kedua iaitu tentang beramal dengan hadith (1) ini, maka didapati 58.0% responden tidak beramal dengan hadith ini, sedangkan yang beramal 32.8% sahaja, adapun bakinya 9.0% adalah kurang pasti. Mereka banyak membaca doa ini tetapi tidak sebanyak 25 kali dalam sehari, namun 5 kali sahaja. Ketika ditanya adakah mereka setuju bahawa hadith no 1 ini *Da'if* atau tidak? Majoriti menjawab setuju iaitu 24.8%. Ini menunjukkan bahawa mereka sering belajar dan mendengar kedudukan hadith ini adalah lemah. Sedangkan 22.8% menyatakan tidak setuju, hal ini dapat dimaklumi, mungkin mereka tidak pernah belajar dan mendengar. Bakinya 52.4% menyatakan bahawa mereka ragu dan tidak mampu menyatakan hukum hadith ini lemah kerana mereka bukan ahli hadith. Adapun masalah tentang perlukah hadith ini disebarkan kepada orang lain atau tidak, maka 47.2% menyatakan tidak perlu disebarkan kerana ianya lemah, 20.0% menyatakan sebaiknya disebarkan sekalipun ianya lemah, sedangkan 32.9% tidak pasti atau tidak ada pendapat

tentang penyebaran hadith tersebut. Ketika mereka ditanya apakah pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain?, majoriti menjawab tidak pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain iaitu 77.7% kerana mereka tidak mengetahui pahala membacanya. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.1 di bawah ini :



Rajah 6.3.1 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith pertama.

Hadith yang kedua terdapat dalam bab 7 iaitu hadith no 94 berbunyi :

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : إذا أقل الرجل الطعام ملاً الله جوفه نورا (رواه الديلمي).


Hadith ini adalah *Mawḍū'*.

Jadual 6.3.2 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Kedua

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Pernahkah mendengar/ membaca hadith ini : روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : إذا أقل الرجل الطعام ملاً الله جوفه نورا (رواه الدليمي).	S.S	39	18.6	S	107	51.0
	S	68	32.4			
	K.P	26	12.4	K.P	26	12.4
	T.S	58	27.6	T.S	77	36.6
	S.T.S	19	9.0			
Adakah anda mengurangi rasa lapar atau sedikit makan supaya mendapat nur dari Allah dalam perut kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	28	13.3	S	98	46.6
	S	70	33.3			
	K.P	36	17.1	K.P	36	17.1
	T.S	66	31.4	T.S	76	36.2
	S.T.S	10	4.8			
Adakah anda setuju bahawa hadis ini hukumnya <i>Mawḍūʿ</i> ?	S.S	11	5.2	S	45	21.4
	S	34	16.2			
	K.P	90	42.9	K.P	90	42.9
	T.S	56	26.7	T.S	75	35.7
	S.T.S	19	9.0			
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	6	2.9	S	21	10.0
	S	15	7.1			
	K.P	44	21.0	K.P	44	21.0
	T.S	92	43.8	T.S	145	69.0
	S.T.S	53	25.2			
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	10	4.8	S	25	11.9
	S	15	7.1			
	K.P	14	6.7	K.P	14	6.7
	T.S	116	55.2	T.S	171	81.4
	S.T.S	55	26.2			

Mengikut jadual 6.3.2 di atas didapati bahawa orang yang mendengar hadith ini lebih banyak daripada yang tidak mendengar. Orang yang mendengar 51.0% sedangkan yang tidak mendengar 36.6%, bakinya 12.4% menjawab tidak pasti apakah mereka mendengar atau tidak. Ini menunjukkan bahawa hadith tersebut tersebar dikalangan masyarakat di Sumatera sama ada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Masalah kedua iaitu tentang beramal dengan hadith ini, maka didapati 46.6% beramal iaitu pernah merasakan lapar dan sedikit makan, 36.2% tidak berpegang dengan hadith ini, alasannya bahawa mereka menahan lapar bukan mengharapkan nur atau cahaya daripada Allah di dalam perut tetapi kerana ingin menghilangkan rasa mengantuk dan

malas, bakinya 17.1% menjawab ragu dan tidak pasti. Selanjutnya, adakah mereka setuju bahawa hadith ini *Mawḍūʿ*, majoriti ragu dan tidak pasti dengan kedudukan hadith ini sama ada *Mawḍūʿ* atau bukan iaitu 42.9%, dan 35.7% tidak setuju dengan kepalsuan hadith ini, alasannya bahawa menahan lapar itu sunnah Nabi dan Nabi bersama para Sahabat dahulunya selalu kelaparan dan tidak makan. Responden yang bersetuju dengan kepalsuan hadith ini 21.4%, alasannya guru-guru dan ustaz mereka mengingatkan bahawa hadith ini palsu dan kita dilarang berpegang dengan hadith palsu. Selanjutnya, adakah hadith ini perlu disebarikan kepada orang ramai?, majoriti menjawab tidak setuju dan tidak ingin menyebarkan hadith ini kepada orang lain iaitu 69.0%, alasannya bahawa hadith-hadith palsu dilarang untuk disebarikan apatah lagi diguna pakai sebagai amalan. 21.0% responden tidak ada kepastian kerana mereka berpendapat bahawa hendaklah belajar dahulu tentang hukum hadith sebelum menyebarkan kepada orang lain. Hanya 10.0% sahaja yang menyebarkan hadith ini kepada orang lain. Masalah selanjutnya, adakah pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain?, maka didapati hanya 11.9% sahaja yang pernah menyebarkan. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.2 di bawah ini :



Rajah 6.3.2 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith kedua.

Hadith yang ketiga terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 128 berbunyi :

قال عليه الصلاة والسلام : الصلاة بالسواك أفضل من سبعين صلاة بغير سواك.

Hadith ini adalah hadith *Da'if*.


Jadual 6.3.3 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Ketiga

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Pernakah anda mendengar atau membaca hadith ini : قال عليه الصلاة والسلام : الصلاة بالسواك أفضل من سبعين صلاة بغير سواك.	S.S	84	40.0	S	159	75.7
	S	75	35.7			
	K.P	7	3.3	K.P	7	3.3
	T.S	33	15.7	T.S	44	20.9
	S.T.S	11	5.2			
Adakah anda pernah bersiwak sebelum solat kerana lebih afdal dibandingkan solat tanpa siwak sekalipun solat sebanyak 70 kali kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	53	25.2	S	156	74.2
	S	103	49.0			
	K.P	15	7.1	K.P	15	7.1
	T.S	28	13.3	T.S	39	18.5
	S.T.S	11	5.2			

Adakah anda bersetuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Da'if</i> ?	S.S	7	3.3	S	40	19.0
	S	33	15.7			
	K.P	89	42.4	K.P	89	42.4
	T.S	52	24.8	T.S	81	38.6
	S.T.S	29	13.8			
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	16	7.6	S	47	22.4
	S	31	14.8			
	K.P	47	22.4	K.P	47	22.4
	T.S	84	40.0	T.S	116	55.2
	S.T.S	32	15.2			
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	18	8.6	S	58	27.6
	S	40	19.0			
	K.P	18	8.6	K.P	18	8.6
	T.S	88	41.9	T.S	134	63.8
	S.T.S	46	21.9			

Mengikut jadual 6.3.3 di atas, majoriti masyarakat mendengar dan membaca hadith (3) ini jumlahnya 159 orang atau 75.7%. Mereka beralasan bahawa hadith ini biasa didengar di mana-mana tempat samada di sekolah, di masjid dan lain-lain. 3.3% responden menjawab ragu atau tidak pasti apakah pernah mendengar atau tidak. Responden yang tidak pernah mendengar atau membaca hadith ini 20.9%. Masalah kedua iaitu beramal dengan hadith (3), didapati bahawa masyarakat beramal dengan hadith ini 74.2%. Responden yang tidak ada kepastian beramal dengan hadith 7.1%, dan sedikit sekali yang tidak beramal dengan hadith ini iaitu 18.5%. Hal ini menunjukkan bahawa amalan bersiwak sebelum solat sudah biasa dilakukan di kalangan masyarakat, tetapi ada sebahagian masyarakat tidak melihat kepada pahala yang terdapat dalam hadith namun hanya mengikuti sunnah Nabi sahaja. Ketika ditanyakan apakah mereka setuju bahawa hadith ini hukumnya *Da'if* atau bukan? majoriti menjawab tidak pasti iaitu 42.4% alasan mereka adalah para guru dan ustaz tidak menjelaskan hukumnya tetapi mereka hanya dianjurkan untuk bersiwak pada setiap solat. Adapun yang bersetuju dengan kelemahan hadith ini iaitu 19.0%. Sedikit sekali di kalangan mereka yang memahami kelemahan hadith ini, mereka menyatakan bahawa hadith yang menganjurkan untuk bersiwak bukan hadith ini tetapi ada hadith *Sahih* yang lain.

Responden yang tidak bersetuju dengan kelemahan hadith ini berjumlah 38.6%, dengan alasan bahawa hadith ini sudah biasa didengar daripada guru dan ustaz tetapi mereka hanya menyebutkan secara umum sahaja yakni anjuran bersiwak. Selanjutnya adakah hadith ini perlu disebarikan kepada orang lain, majoriti menjawab tidak setuju iaitu 55.2%. Sedangkan responden yang setuju dan tidak ada kepastian berpendapat sama iaitu 22.4%. Ketika ditanya apakah pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain, majoriti menjawab tidak pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.3 di bawah ini :



Rajah 6.3.3 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith ketiga.

Hadith yang keempat terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 211 berbunyi :

قال النبي صلى الله عليه وسلم : المؤذن المحتسب كالشهيد المتشحط في دمه اذا مات لم يدود في قبره .


Sanad hadith ini *Da'if*.

Jadual 6.3.4 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Keempat

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Adakah anda mendengar atau membaca hadith ini? قال النبي صلى الله عليه وسلم : المؤذن المحتسب كالشهيد المتشحط في دمه اذا مات لم يدود في قبره	S.S	35	16.7	S	96	45.7
	S	61	29.0			
	K.P	30	14.3	K.P	30	14.3
	T.S	56	26.7			
	S.T.S	28	13.3	T.S	84	40.0
Adakah anda pernah azan di masjid atau musolla kerana allah agar mendapat pahala seperti orang mati syahid, kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	41	19.5	S	86	40.9
	S	45	21.4			
	K.P	28	13.3	K.P	28	13.3
	T.S	52	24.8			
	S.T.S	44	21.0	T.S	96	45.8
Adakah anda setuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Da'if</i> ?	S.S	12	5.7	S	48	22.8
	S	36	17.1			
	K.P	90	42.9	K.P	90	42.9
	T.S	52	24.8			
	S.T.S	20	9.5	T.S	72	34.3
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	6	2.9	S	37	17.7
	S	31	14.8			
	K.P	50	23.8	K.P	50	23.8
	T.S	91	43.3			
	S.T.S	32	15.2	T.S	123	58.5
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	4	1.9	S	18	8.6
	S	14	6.7			
	K.P	18	8.6	K.P	18	8.6
	T.S	114	54.3			
	S.T.S	60	28.6	T.S	174	82.9

Mengikut jadual 6.3.4 di atas, didapati majoriti responden mendengar hadith ini iaitu 96 orang atau 45.7%. Responden yang tidak mendengar 40.0% dan bakinya 14.3% tidak ada kepastian. Hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tersebar di kalangan masyarakat di Sumatera samada di Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Tentang beramal dengan hadith ini, maka didapati banyak responden tidak beramal iaitu 45.8%, sedangkan yang beramal 40.9%, perbezaannya hanya selisih sepuluh orang sahaja. Hal ini disebabkan jumlah perempuan lebih banyak dibanding lelaki dan kaum perempuan pula tidak pernah azan di Masjid atau Musolla. Adapun bakinya 13.3% menjawab tidak pasti. Ketika ditanyakan tentang kelemahan hadith tersebut, maka 42.9% menjawab tidak pasti. Hal itu disebabkan mereka tidak tahu kekhususan hadith-hadith *Ṣaḥīḥ*

bahkan mereka tidak mampu untuk menjawabnya. Responden yang bersetuju dengan kelemahan hadith ini iaitu 22.8%, alasan mereka adalah bahawa hadith tentang fadilah azan bukan seperti mati syahid tetapi leher akan dipanjangkan oleh Allah pada Yaumul Mahsyar. Bakinya 34.3% tidak bersetuju dengan kelemahan hadith ini kerana mereka menganggap bahawa azan di masjid itu pahala dan fadilahnya besar sekali. Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain, 58.5% responden menjawab tidak disebarkan kepada orang lain, sedangkan 17.7% ingin menyebarkan kepada orang lain, bakinya 23.8% tidak ada jawapan. Ketika ditanya apakah pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain? Majoriti responden menjawab tidak pernah menyebarkan iaitu 82.9%. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.4 di bawah ini :



Rajah 6.3.4 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith keempat.

Hadith yang kelima terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 212 berbunyi :

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : الجلوس مع الفقراء من التواضع وهو من أفضل الجهاد (رواه الديلمي).

Hadith ini adalah hadis *Mawḍū'*.


Jadual 6.3.5 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Kelima

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Adakah anda mendengar atau membaca hadith ini? روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : الجلوس مع الفقراء من التواضع وهو من أفضل الجهاد (رواه الديلمي).	S.S	22	10.5	S	78	37.2
	S	56	26.7			
	K.P	32	15.2	K.P	32	15.2
	T.S	74	35.2			
	S.T.S	26	12.4	T.S	100	47.6
Adakah anda pernah duduk dengan orang fakir dan miskin dengan tawaduk kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	14	6.7	S	84	40.0
	S	70	33.3			
	K.P	22	10.5	K.P	22	10.5
	T.S	86	41.0			
	S.T.S	18	8.6	T.S	104	49.6
Adakah anda setuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Mawḍūʿ</i> ?	S.S	16	7.6	S	39	18.6
	S	23	11.0			
	K.P	93	44.3	K.P	93	44.3
	T.S	64	30.5			
	S.T.S	14	6.7	T.S	78	37.2
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	9	4.3	S	28	13.3
	S	19	9.0			
	K.P	38	18.1	K.P	38	18.1
	T.S	104	49.5			
	S.T.S	40	19.0	T.S	144	68.5
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	5	2.4	S	18	8.6
	S	13	6.2			
	K.P	26	12.4	K.P	26	12.4
	T.S	107	51.0			
	S.T.S	59	28.1	T.S	166	79.1

Mengikut jadual 6.3.5 di atas, majoriti responden tidak mendengar atau membaca hadith ini, jumlahnya 47.6%, sedangkan responden yang pernah mendengar 37.2%. Hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tidak begitu tersebar di kalangan masyarakat, walau bagaimanapun perselisihan peratusnya tidak jauh berbeza, sedangkan bakinya 15.2% menjawab tidak pasti sama ada mereka pernah mendengar ataupun tidak. Masalah kedua iaitu tentang beramal dengan hadith ini, maka didapati peratusnya banyak yang tidak beramal dibandingkan yang beramal, namun perselisihannya tidak begitu jauh. Responden yang tidak beramal berjumlah 49.6%, dengan alasan bahawa mereka sering duduk dengan orang fakir tetapi bukan mengikut kaedah hadith di atas. Responden yang beramal 40.0%, mereka beralasan bahawa duduk dengan orang fakir dan miskin itu

perlu dengan tawaduk dan rendah diri, jika dengan kesombongan akan menyakiti hati para kaum duaafa'. Bakinya 10.5% tidak dapat menjawab kerana kurang faham terhadap hadith tersebut. Selanjutnya tentang persetujuan mereka terhadap kepalsuan hadith ini, 44.3% responden menjawab tidak pasti, kerana mereka tidak banyak mengenal hadith ini dari segi hukum kemudian mereka takut untuk memastikan kepalsuan hadith tanpa diteliti langsung. 18.6% setuju bahawa hadith ini palsu, dan responden yang tidak bersetuju berjumlah 37.2%. Mereka yang bersetuju beralasan bahawa hadith ini baik untuk diamalkan dan bagus untuk dijadikan landasan kerana sesuai dengan akal pikiran. Sedangkan yang tidak setuju mengatakan bahawa hadith ini belum mereka teliti kebenarannya, jadi mereka tidak dapat memutuskan begitu sahaja.

Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain atau tidak, 68.5% responden mengatakan tidak setuju untuk disebarkan dengan alasan bahawa hadith ini belum diteliti kebenarannya, oleh itu, mereka merasa takut untuk menyebarkan hadith yang belum pasti kedudukannya. Responden yang bersetuju berjumlah 13.3%, mereka beralasan bahawa hadith ini dari segi maksud bagus dan dapat diterima akal sihat, bakinya 18.1% tidak dapat menjawab. Ketika ditanyakan apakah pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain atau tidak? Majoriti mengatakan tidak pernah jumlahnya iaitu 79.1%. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.5 di bawah ini :



Rajah 6.3.5 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith kelima.

Hadith yang keenam terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 216 berbunyi :

قال صلى الله عليه وسلم : من توضأ على طهر كتب له عشر حسنات.


Hadith ini sanadnya adalah *Da'if*.

Jadual 6.3.6 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Keenam

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Pernahkah anda mendengar atau membaca hadith ini : قال صلى الله عليه وسلم : من توضأ على طهر كتب له عشر حسنات.	S.S	49	23.3	S	134	63.8
	S	85	40.5			
	K.P	24	11.4	K.P	24	11.4
	T.S	39	18.6	T.S	52	24.8
	S.T.S	13	6.2			
Adakah anda pernah berwuduk dalam keadaan suci untuk mendapatkan pahala yang lebih banyak kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	40	19.0	S	124	59.0
	S	84	40.0			
	K.P	30	14.3	K.P	30	14.3
	T.S	48	22.9	T.S	56	26.7
	S.T.S	8	3.8			
Adakah anda setuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Da'if</i> ?	S.S	10	4.8	S	41	19.6
	S	31	14.8			
	K.P	91	43.3	K.P	91	43.3
	T.S	63	30.0	T.S	78	37.1
	S.T.S	15	7.1			
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	10	4.8	S	34	16.2
	S	24	11.4			
	K.P	54	25.7	K.P	54	25.7
	T.S	97	46.2	T.S	122	58.1
	S.T.S	25	11.9			
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	8	3.8	S	34	16.2
	S	26	12.4			
	K.P	27	12.9	K.P	27	12.9
	T.S	111	52.9	T.S	149	71.0
	S.T.S	38	18.1			

Mengikut jadual 6.3.6 di atas, didapati 134 responden (63.8%) mendengar atau membaca hadith ini dari mana-mana sumber. Responden yang menjawab tidak pasti berjumlah 11.4%, sedangkan yang tidak mendengar atau tidak pernah membaca berjumlah 24.8%. Hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tersebar dikalangan masyarakat Sumatera, samada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Ketika ditanyakan pernahkah beramal dengan hadith ini? maka didapati 59.0% menjawab pernah beramal dengan hadith ini. Responden yang tidak beramal hanya 26.7% sahaja, adapun bakinya 14.3% menjawab tidak pasti. Alasan mereka beramal adalah bahawa berwuduk selagi suci boleh mendapat pahala banyak dan tidak memberatkan, alasan mereka yang tidak beramal adalah kerana dapat membazirkan air kalau berulang kali berwuduk. Ketika ditanya apakah setuju bahawa hadith ini *Da'if* atau tidak?, majoriti

menjawab tidak pasti iaitu berjumlah 43.3%. Responden yang tidak setuju dengan kelemahan hadith ini 37.1%. Mereka menyatakan bahawa jika sering kita berwuduk maka banyak pahala yang didapatkan dan beramal dengan hadith lemah masih dibolehkan. Adapun responden yang setuju dengan kelemahan hadith ini berjumlah 19.6%. Mereka menyatakan bahawa kita dilarang beramal dengan hadith lemah apatah lagi belum diketahui kebenarannya. Perlukah hadith ini disebarakan kepada orang lain, 58.1% responden menyatakan bahawa hadith ini tidak perlu disebarakan kepada orang lain. Responden yang bersetuju untuk menyebarkan hadith ini berjumlah 16.2%, dan 25.7% tidak ada jawapan. Ketika ditanyakan pernahkan mereka menyebarkan hadith ini kepada orang lain? Majoriti menjawab tidak pernah iaitu berjumlah 71.0%. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.6 di bawah ini :



Rajah 6.3.6 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith keenam.

Hadith yang ketujuh terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 226 berbunyi :

قال صلى الله عليه وسلم : من قضى لأخيه المسلم حاجة كان له من الأجر كمن حج واعتمر.


Hadith ini adalah hadith *Mawḍū'*.

Jadual 6.3.7 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Ketujuh

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Adakah anda mendengar atau membaca hadith ini? قال صلى الله عليه وسلم : من قضى لأخيه المسلم حاجة كان له من الأجر كمن حج واعتمر.	S.S	51	24.3	S	135	64.3
	S	84	40.0			
	K.P	30	14.3			
	T.S	32	15.2	T.S	45	21.4
	S.T.S	13	6.2			
Adakah anda pernah memenuhi keperluan saudara sesama muslim ingin mendapat pahala seperti haji dan umrah kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	30	14.3	S	124	59.1
	S	94	44.8			
	K.P	25	11.9			
	T.S	53	25.2	T.S	61	29.0
	S.T.S	8	3.8			
Adakah anda setuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Mawḍū'</i> ?	S.S	10	4.8	S	43	20.5
	S	33	15.7			
	K.P	96	45.7			
	T.S	49	23.3	T.S	71	33.8
	S.T.S	22	10.5			
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	8	3.8	S	28	13.3
	S	20	9.5			
	K.P	63	30.0			
	T.S	74	35.2	T.S	119	56.6
	S.T.S	45	21.4			
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	8	3.8	S	27	12.8
	S	19	9.0			
	K.P	21	10.0			
	T.S	121	57.6	T.S	162	77.1
	S.T.S	41	19.5			

Mengikut jadual 6.3.7 di atas, dinyatakan bahawa responden yang mendengar hadith ini 64.3%, sedangkan responden yang tidak pernah mendengar 21.4%. Hal ini menunjukkan bahawa jumlah responden yang mendengar lebih banyak dibandingkan dengan yang tidak mendengar atau membaca. Bakinya 14.3% menjawab tidak ada kepastian. Masalah kedua iaitu tentang beramal dengan hadith, maka didapati 59.1%

responden beramal dengan hadith ini. Mereka menyatakan bahawa mereka selalu membantu dan memberi keperluan orang lain. Responden yang tidak beramal dengan hadith ini berjumlah 29.0%, sedangkan bakinya 11.9% tidak ada jawapan pasti. Ketika ditanyakan tentang hukum hadith ini, apakah mereka setuju dengan kepalsuan hadith ini atau tidak, maka didapati 45.7% menjawab tidak pasti, yang setuju 20.5% dan yang tidak setuju 33.8%, hal ini menunjukkan bahawa majoriti mereka tidak dapat memahami hukum hadith, oleh itu mereka menjawab tidak pasti. Perlukah hadith ini disebarkan kepada orang lain atau tidak?, 56.6% responden menjawab bahawa hadith ini tidak perlu disebarkan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak aktif dalam bidang penyebaran agama tetapi aktif dari segi amalan sahaja. Responden yang setuju hanya 13.3% sahaja dan bakinya 30.0% memilih diam dan tidak ada kepastian. Ketika ditanyakan pernahkah menyebarkan hadith ini kepada orang lain? majoriti responden menjawab tidak pernah. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.7 di bawah ini :



Rajah 6.3.7 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith ketujuh.

Hadith yang kelapan terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 231 berbunyi :

روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : من غدا أو راح وهو في تعليم دينه فهو في الجنة (رواه أبو نعيم).


Hadith ini adalah hadith *Mawḍū'*

Jadual 6.3.8 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Kelapan

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Adakah anda mendengar atau membaca hadith ini? روي أنه صلى الله عليه وسلم قال : من غدا أو راح وهو في تعليم دينه فهو في الجنة (رواه أبو نعيم).	S.S	32	15.2	S	95	45.2
	S	63	30.0			
	K.P	39	18.6	K.P	39	18.6
	T.S	59	28.1			
	S.T.S	17	8.1	T.S	76	36.2
Adakah anda pernah bangun pagi pagi lalu mengajarkan ilmu agama yang anda miliki agar mendapat pahala masuk syurga kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	25	11.9	S	98	46.7
	S	73	34.8			
	K.P	25	11.9	K.P	25	11.9
	T.S	78	37.1			
	S.T.S	9	4.3	T.S	87	41.4
Adakah anda setuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Mawḍū'</i> ?	S.S	9	4.3	S	51	24.3
	S	42	20.0			
	K.P	90	42.9	K.P	90	42.9
	T.S	54	25.7			
	S.T.S	15	7.1	T.S	69	32.8
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	9	4.3	S	34	16.2
	S	25	11.9			
	K.P	66	31.4	K.P	66	31.4
	T.S	76	36.2			
	S.T.S	34	16.2	T.S	110	52.4
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	4	1.9	S	29	13.8
	S	25	11.9			
	K.P	25	11.9	K.P	25	11.9
	T.S	108	51.4			
	S.T.S	48	22.9	T.S	156	74.3

Mengikut jadual di atas didapati bahawa majoriti masyarakat di Sumatera, samada Sumatera Utara mahupun Barat mendengar dan membaca hadith ini ianya berjumlah 45.2%, sedangkan yang tidak pernah membaca atau mendengarnya berjumlah 36.2%, bakinya 18.6% tidak ada jawapan, hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tersebar dikalangan masyarakat di Sumatera. Tentang beramal dengan hadith ini, maka didapati 46.7% responden beramal dengan hadith ini. Mereka sentiasa bangun pagi kemudian

pergi mengajarkan ilmu ke sekolah dan masjid-masjid. Responden yang tidak beramal berjumlah 41.4% dengan alasan bahawa mereka tidak mengajar tetapi belajar, adapun bakinya 11.9% banyak diam dan tidak ada jawapan kepastian. Ketika ditanya tentang hukum hadith, apakah setuju bahawa hadith ini *Mawḍū'* atau bukan?. 42.9% responden menjawab tidak pasti, mereka mengatakan bahawa mereka hanya mendengar tanpa mengkaji hukum asal hadith tersebut. Responden yang bersetuju dengan kepalsuan hadith ini berjumlah 24.3% dan yang tidak setuju dengan kepalsuan hadith ini iaitu 32.8%. Perlukah hadith ini disebarikan kepada orang lain, majoriti menjawab tidak perlu disebarikan, hampir separuh jumlah daripada keseluruhan menjawab begitu iaitu 52.4%. Sedangkan responden yang setuju hanya sedikit iaitu 16.2%, sedangkan bakinya 31.4% memilih diam dan tidak ada jawapan. Ketika ditanyakan pernahkah menyebarkan hadith ini kepada orang lain? majoriti menjawab tidak pernah. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.8 di bawah ini :



Rajah 6.3.8 : Peratusan pendapat responden terhadap hadith kelapan.

Hadith yang kesembilan terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 234 berbunyi :

قال النبي صلى الله عليه وسلم : من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كتب الله له بكل مؤمن ومؤمنة حسنة
(رواه الطبراني عن عباد بن الصامت).


Hadith ini adalah hadith *Da'if*.

Jadual 6.3.9 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Kesembilan

Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Adakah anda mendengar atau membaca hadith ini? قال النبي صلى الله عليه وسلم : من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كتب الله له بكل مؤمن ومؤمنة حسنة.	S.S	45	21.4	S	138	65.7
	S	93	44.3			
	K.P	31	14.8	K.P	31	14.8
	T.S	35	16.7			
	ST.S	6	2.9	T.S	41	19.6
Adakah anda pernah memohon ampunan atas dosa dosa orang beriman lelaki dan perempuan kerana beramal dengan hadith ini?	S.S	29	13.8	S	129	61.4
	S	100	47.6			
	K.P	34	16.2	K.P	34	16.2
	T.S	42	20.0			
	S.T.S	5	2.4	T.S	47	22.4
Adakah anda setuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Da'if</i> ?	S.S	4	1.9	S	39	18.6
	S	35	16.7			
	K.P	94	44.8	K.P	94	44.8
	T.S	58	27.6			
	S.T.S	19	9.0	T.S	77	36.6
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	9	4.3	S	41	19.5
	S	32	15.2			
	K.P	73	34.8	K.P	73	34.8
	T.S	73	34.8			
	S.T.S	23	11.0	T.S	96	45.8
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	8	3.8	S	41	19.5
	S	33	15.7			
	K.P	32	15.2	K.P	32	15.2
	T.S	94	44.8			
	S.T.S	43	20.5	T.S	137	65.3

Mengikut jadual 6.3.9 di atas menyatakan bahawa terdapat 138 orang atau 65.7% responden mendengar hadith ini, 14.8% tidak ada jawapan, bakinya 19.6% tidak pernah mendengar hadith ini. Hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tersebar dikalangan masyarakat Sumatera sama ada di Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Pernahkah beramal dengan hadith ini?, maka didapati 61.4% responden beramal dengan hadith ini,

16.2% responden masih bimbang dan tidak ada kepastian, adapun bakinya 22.4% tidak beramal dengan hadith ini. Ketika ditanyakan adakah bersetuju bahawa hadith ini lemah atau tidak?, maka 44.8% menjawab tidak pasti. Responden yang setuju 18.6% sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak begitu memahami tentang hadith dan kebolehan beramal dengan hadith lemah, menurut mereka masih banyak hadith-hadith *Ṣaḥīḥ* yang lain menganjurkan kita untuk beristighfar. Responden yang tidak setuju berjumlah 36.6%. Perlukah hadith ini disebarikan kepada orang lain atau tidak?, maka 45.8% responden menjawab bahawa hadith ini tidak perlu disebarikan, dan 34.8% tidak ada jawapan atau tidak ada kepastian. Ketika ditanya apakah pernah menyebarkan hadith ini kepada orang lain? majoriti menjawab tidak pernah. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.9 di bawah ini :



Rajah 6.3.9 : Peratus pendapat responden terhadap hadith kesembilan.

Hadith yang kesepuluh terdapat dalam bab 10 iaitu hadith no 235 berbunyi :

قال النبي صلى الله عليه وسلم : من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كل يوم سبعا وعشرين مرة كان من الذين يستجاب لهم ويرزق بهم أهل الأرض (رواه الطبراني عن أبي الدرداء).

Hadith ini adalah hadith *Da'if Jiddān*.

Jadual 6.3.10 : Pendapat Responden Terhadap Hadith Kesepuluh


Pendapat	Pilihan	Jumlah	Peratus	Pilihan	Jumlah	Peratus
Adakah anda mendengar atau membaca hadith ini? قال النبي صلى الله عليه وسلم : من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كل يوم سبعا وعشرين مرة كان من الذين يستجاب لهم ويرزق بهم أهل الأرض (رواه الطبراني عن أبي الدرداء).	S.S	36	17.1	S	103	49.0
	S	67	31.9			
	K.P	35	16.7	K.P	35	16.7
	T.S	59	28.1			
	S.T.S	13	6.2	T.S	72	34.3
Adakah anda pernah memohonkan ampunan atas dosa dosa orang mukmin dan mukminat sebanyak 27 kali setiap hari karena beramal dengan hadith ini?	S.S	10	4.8	S	72	34.3
	S	62	29.5			
	K.P	41	19.5	K.P	41	19.5
	T.S	84	40.0			
	S.T.S	13	6.2	T.S	97	46.2
Adakah anda setuju bahawa hadith ini hukumnya <i>Mungkar</i> ?	S.S	8	3.8	S	37	17.6
	S	29	13.8			
	K.P	98	46.7	K.P	98	46.7
	T.S	53	25.2			
	S.T.S	22	10.5	T.S	75	35.7
Adakah hadith ini perlu disebarkan kepada orang lain?	S.S	8	3.8	S	34	16.2
	S	26	12.4			
	K.P	45	21.4	K.P	45	21.4
	T.S	91	43.3			
	S.T.S	40	19.0	T.S	131	62.3
Pernahkah anda menyebarkan hadith ini kepada orang lain?	S.S	6	2.9	S	25	11.9
	S	19	9.0			
	K.P	16	7.6	K.P	16	7.6
	T.S	109	51.9			
	S.T.S	60	28.6	T.S	169	80.5

Mengikut jadual 6.3.10 di atas menyatakan bahawa terdapat 103 responden (49.0%) mendengar hadith ini, responden yang tidak mendengar atau membaca 34.3%, dan bakinya 16.7% tidak ada kepastian. Hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tersebar

dikalangan masyarakat di Sumatera sama ada di Sumatera Utara mahupun di Sumatera Barat. Tentang beramal dengan hadith ini, maka didapati 46.2% responden tidak beramal dengan hadith ini, dan 19.5% memilih diam. Mereka menyatakan bahawa mereka selalu mendoakan kaum muslimin dan muslimat tetapi bukan sebanyak 27 kali, namun lima kali sahaja setiap hari iaitu semasa solat fardu.

Responden yang beramal dengan hadith ini berjumlah 34.3%. Ketika ditanya apakah setuju bahawa hadith ini *Da'if Jiddān* atau tidak?, maka didapati 46.7% responden menjawab tidak pasti. Mereka mengatakan bahawa hadith ini selalu didengar tetapi hukumnya tidak pernah dijelaskan. Responden yang setuju berjumlah 17.6%, mereka berpendapat bahawa hadith yang menyatakan tentang istighfar banyak lagi yang lebih *Ṣaḥīḥ* daripada ini. Responden yang tidak setuju 35.7%, mereka menyatakan bahawa beramal dengan hadith lemah masih dibolehkan.

Perluakah hadith ini disebarikan kepada orang lain atau tidak?, maka didapati 62.3% menjawab tidak perlu disebarikan dan ketika ditanya pernahkah menyebarkan hadith ini kepada orang lain?, majoriti menjawab tidak pernah iaitu berjumlah 80.5%. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.3.10 di bawah ini :



Rajah 6.3.10 : Peratus pendapat responden terhadap hadith kesepuluh.

6.4 Jumlah Purata Kajian Borang Selidik


6.4.1 Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Pengetahuan Hadith.

Jadual 6.4.1 : Jumlah purata borang selidik terhadap pengetahuan hadith.

Inti Masalah	Soalan Masalah	Mean	Std.dev
PENGETAHUAN TERHADAP HADITH	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (1) : من قال في كل يوم خمسا وعشرين مرة : اللهم بارك لي في الموت وفيما بعد الموت ثم مات على فراشه أعطاه الله أجر شهيد	2.81	1.162
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (2) : إذا أقل الرجل الطعام ملأ الله جوفه نورا	2.76	1.287
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (3) : الصلوة بالسواك أفضل من سبعين صلاة بغير سواك	4.10	1.437
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (4) : المؤذن المحتسب كالشهيد المتشحط في دمه إذا مات لم يدود في قبره	2.91	1.326
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (5) : الجلوس مع الفقراء من التواضع وهو من أفضل الجهاد	3.12	1.235
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (6) : من توضأ على طهر كتب له عشر حسنات	2.44	1.209
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (7) : من قضى لأخيه المسلم حاجة كان له من الأجر كمن حج واعتمر	2.39	1.186
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (8) : من غدا أو راح وهو في تعليم دينه فهو في الجنة	2.84	1.223
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (9) : من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كتب الله له بكل مؤمن ومؤمنة حسنة	2.35	1.080
	Pernakah anda mendengar atau membaca hadith (10) من استغفر للمؤمنين والمؤمنات كل يوم سبعا وعشرين مرة كان من الذين يستجاب لهم ويرزق بهم أهل الأرض	2.74	1.214

Mengikut jadual 6.4.1 di atas, maka hadith no ketiga adalah purata yang paling tertinggi terhadap pengetahuan hadith iaitu berjumlah 4.10, selanjutnya adalah hadith kelima iaitu 3.12, hal ini menunjukkan bahawa amalan sehari hari seperti bersiwak dan duduk-duduk dengan orang faqir tersebar luas dan dikenal dikalangan masyarakat sama ada di

Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat. Adapun purata yang paling rendah adalah hadith no sembilan iaitu 2.35. Hal ini menunjukkan bahawa hadith ini masih mengelirukan bagi masyarakat. Purata selanjutnya diperingkat tertinggi adalah hadith no empat iaitu 2.91 tentang azan di Masjid atau Musolla yang mana pahalanya seumpama jihad. Selanjutnya adalah purata hadith no kelapan iaitu 2.84 tentang mengajarkan ilmu pada subuh hari. Selanjutnya adalah purata hadith no satu iaitu 2.81, kemudian hadith no dua iaitu 2.76 tentang sedikit makan agar mendapat nur dalam perut. Seterusnya adalah purata hadith no sepuluh iaitu 2.74, kemudian purata hadith no enam iaitu 2.44 tentang wuduk dalam keadaan suci dan selanjutnya adalah hadith no tujuh iaitu 2.39 tentang menunaikan hajat saudara. Maka kesimpulan akhir dapat kita ketahui bahawa nilai purata borang selidik terhadap pengetahuan hadith adalah 2.85, hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tersebar luas di kalangan masyarakat baik yang *Da'if*, *Da'if Jiddān* mahupun yang *Mawḍū'*. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.4.1 di bawah ini :



Rajah 6.4.1 : Jumlah purata borang selidik terhadap pengetahuan hadith.

Untuk mengenal tingkatan kesan dan pengaruh pengetahuan terhadap hadith dikalangan masyarakat di Sumatera sama ada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat, maka dapat kita ketahui bahawa kesan yang paling tinggi adalah dikalangan pelajar iaitu berkisar antara 50-100%. Hal ini disebabkan mereka setiap hari belajar di sekolah, sudah tentulah setiap hari mereka mendengar hadith daripada guru atau ustaz-ustaz yang mengajar. Sedangkan dikalangan mahasiswa berkisar antara 20-60%, selanjutnya dikalangan guru-guru, ustaz dan pensyarah iaitu 30-70%, dan dikalangan orang awam 30-80%. Hal ini menunjukkan bahawa hadith ini tersebar luas dikalangan masyarakat di Sumatera samada Sumatera Utara mahupun Barat.

Jika kita lihat kepada tempat tinggal, maka didapati masyarakat di Desa membawa kesan yang lebih tinggi dibandingkan masyarakat di Bandar. Masyarakat di desa berkisar antara 50-90% sedangkan masyarakat di Bandar 40-70%. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat di desa lebih banyak memasuki pondok pesantren dan banyak mempelajari kitab-kitab Arab, kemudian mereka aktif dalam pengajian di masjid atau surau dibandingkan masyarakat yang berada di Bandar. Masyarakat di bandar lebih banyak memilih sekolah kebangsaan dan sibuk dengan pekerjaan. Jika dilihat kepada jenis kelamin, maka didapati responden berjenis kelamin wanita membawa kesan yang lebih tinggi iaitu 30-80% dibanding responden berjenis kelamin lelaki iaitu 35-70%.

Jika dilihat kepada umur, dapat diketahui bahawa responden yang berumur 15-25 tahun hanya membawa kesan 40-65% terhadap pengetahuan hadith. Hal ini disebabkan mereka masih muda umurnya dan belum banyak membaca. Responden yang berumur antara 26-35 pengetahuan terhadap hadithnya membawa kesan 25-65%. Responden yang berumur antara 36-45 pengetahuan terhadap hadithnya membawa kesan sekitar 33-66% dan responden yang berumur 46 ke atas membawa kesan yang

tertinggi iaitu 10-90%. Hal ini menunjukkan bahawa mereka digolongkan sebagai masyarakat yang sudah tua dan sudah tentu pengetahuannya lebih banyak dibanding yang masih muda.

Apabila dilihat kepada status pendidikan, maka dapat kita ketahui bahawa responden yang berpendidikan diperingkat sekolah menengah pengetahuan hadithnya membawa kesan antara 45-90%. Hal ini menunjukkan bahawa mereka masih disibukkan belajar di sekolah dan banyak membaca kitab-kitab Arab yang berkaitan dengan agama. Responden diperingkat diploma pengetahuan hadithnya membawa kesan antara 5-70%, diperingkat sarjana pula iaitu 25-65% dan peringkat yang tertinggi adalah pasca sarjana iaitu 100%. Hal ini disebabkan mereka sudah banyak berkecimpung dibidang ilmu pengetahuan. Jika dilihat kepada suku, maka didapati bahawa suku Mandailing pengetahuan hadithnya membawa kesan antara 45-85%, kemudian suku Minang 25-60% dan paling tertinggi iaitu suku Jawa antara 61-100%.

Jika dilihat kepada lokasi, maka didapati masyarakat di Sumatera Utara lebih banyak membaca dan mengetahui hadith-hadith ini iaitu berjumlah antara 40-90%. Hal ini disebabkan pengaruh pondok beraliran tradisional yang kuat dengan kitab-kitab kuningnya, sedangkan masyarakat di Sumatera Barat hanya 35-60%. Hal ini disebabkan masyarakat di sini sudah dipengaruhi oleh pondok pesantren yang moden.

Jika dilihat kepada status kerja, maka dapat kita ketahui bahawa masyarakat yang masih belajar atau yang belum bekerja membawa kesan yang lebih tinggi pengetahuan hadithnya iaitu berjumlah antara 48-78%, kerana mereka masih disibukkan dengan belajar sudah tentu setiap hari membaca dan mendengar daripada guru-gurunya, dibandingkan dengan masyarakat yang sudah bekerja hanya berjumlah antara 40-70%.

Jika dilihat kepada bentuk kefahaman, maka didapati bahawa masyarakat yang berfahaman NU membawa kesan yang lebih tinggi pengetahuannya iaitu berjumlah


antara 40-90%, sedangkan masyarakat yang berfahaman Muhammadiyah pengetahuan hadithnya antara 32-65%, dan masyarakat yang berfahaman Jemaah Tabligh pula berjumlah antara 20-65%.

6.4.2 Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Amalan Hadith.

Jadual 6.4.2 : Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Amalan Hadith

Inti Masalah	Soalan Masalah	Mean	Std.dev
AMALAN TERHADAP HADITH	Adakah anda pernah membaca doa Allahumma Barikli fi Mauti wa Fima Ba'da al-Maut (ya Allah berkatilah saya dalam kematian dan sesudahnya) kerana beramal dengan hadith (1).	3.27	1.152
	Adakah anda pernah mengurangi rasa lapar atau sedikit makan supaya mendapatkan Nur daripada Allah dalam perut kerana beramal dengan hadith (2).	2.81	1.158
	Adakah anda pernah bersiwak sebelum solat kerana lebih afdal dibandingkan solat tanpa siwak sekalipun solat 70 kali kerana beramal dengan hadith (3).	2.24	1.129
	Adakah anda pernah azan di masjid atau musolla Karena Allah agar mendapat pahala seperti orang mati syahid kerana beramal dengan hadith (4).	3.06	1.445
	Adakah anda pernah duduk-duduk dengan orang fakir dan miskin dengan tawaduk kerana beramal dengan hadith (5).	3.11	1.160
	Adakah anda pernah berwuduk dalam keadaan suci (anda sudah berwuduk sebelumnya kemudian berwuduk lagi) untuk mendapatkan pahala lebih banyak kerana beramal dengan hadith (6).	2.52	1.150
	Adakah anda pernah memenuhi kebutuhan saudara sesama muslim ingin mendapatkan pahala seperti haji dan umrah kerana beramal dengan hadith (7).	2.60	1.125
	Adakah anda pernah bangun pagi-pagi lalu mengajarkan ilmu agama yang anda miliki agar mendapat pahala masuk syurga kerana beramal dengan hadith (8).	2.87	1.165
	Adakah anda pernah memohon ampunan atas dosa dosa orang beriman lelaki dan beriman perempuan kerana beramal dengan hadith (9).	2.50	1.036
	Adakah anda pernah memohonkan ampunan atas dosa dosa orang mukmin dan mukminat sebanyak 27 kali setiap hari kerana beramal dengan hadith (10).	3.13	1.059

Mengikut Jadual 6.4.2 di atas, maka hadith no pertama adalah purata paling tertinggi terhadap amalan hadith iaitu berjumlah 3.27. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti masyarakat di Sumatera berdoa setiap hari dengan doa ini iaitu dengan mengharapkan redo Allah, selanjutnya adalah purata amalan hadith kesepuluh iaitu berjumlah 3.13 tentang beristighfar. Hal ini menunjukkan bahawa kaum muslimin di Sumatera sentiasa beristighfar kepada Allah setiap hari dengan mengharapkan redo Allah dan pahala hari akhir. Selanjutnya adalah purata hadith no kelima iaitu 3.11, kemudian purata beramal dengan hadith no keempat iaitu berjumlah 3.06, selanjutnya purata beramal dengan hadith no kelapan iaitu berjumlah 2.87. Seterusnya adalah purata beramal dengan hadith no kedua iaitu 2.81, kemudian purata beramal dengan hadith no ketujuh iaitu 2.60. Seterusnya purata beramal dengan hadith no keenam iaitu 2.52, selanjutnya adalah purata beramal dengan hadith no kesembilan iaitu 2.50, kemudian purata beramal dengan hadith no ketiga iaitu 2.24. Kesimpulannya dapat kita ketahui bahawa nilai purata borang selidik terhadap beramal dengan hadith adalah 2.81. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat di Sumatera beramal dengan hadith-hadith ini, dan hadithnya pula membawa kesan dan pengaruh yang kuat bagi sebahagian orang dan sebagiannya lagi tidak. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat rajah 6.4.2 di bawah ini :



Rajah 6.4.2 : Jumlah purata borang selidik terhadap amalan hadith.

Untuk mengenal tingkatan kesan dan pengaruh amalan terhadap hadith-hadith di atas bagi masyarakat di Sumatera sama ada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat, maka didapati kesan yang paling tinggi adalah orang awam iaitu antara 20-90%. Hal ini menunjukkan bahawa hadith-hadith ini tersebar luas kepada orang awam dan mereka beramal dengannya tanpa memandang status dan kedudukan hadith tersebut. Selanjutnya berkesan bagi kalangan pelajar iaitu antara 40-80%, kemudian bagi kalangan guru atau ustaz iaitu 30-70% sedangkan bagi mahasiwa iaitu antara 15-70%. Hal ini menunjukkan bahawa tersebar luasnya hadith-hadith ini dikalangan masyarakat mengakibatkan banyaknya mereka beramal dengan hadith tersebut.

Jika dilihat kepada tempat tinggal, maka didapati amalan hadith-hadith ini membawa kesan yang lebih bagi masyarakat di desa iaitu berjumlah antara 40-70%, dibandingkan dengan masyarakat yang berada di bandar iaitu antara 25-50%. Hal ini disebabkan masyarakat di desa masih terikat dengan pengetahuan tradisional mereka yang bersumber daripada guru dan ustaznya sedangkan masyarakat bandar sudah banyak membaca dan mendapat pengetahuan daripada pakar. Jika dilihat kepada jenis kelamin dapat diketahui bahawa responden berjenis kelamin wanita membawa pengaruh atau kesan yang paling tinggi dalam beramal terhadap hadith-hadith iaitu berjumlah antara 15-80%, sedangkan responden jenis kelamin laki-laki iaitu antara 30-70%.

Jika dilihat kepada umur, maka didapati responden yang berumur antara 15-25 tahun hanya 30-70% beramal dengan hadith ini, sedangkan responden yang berumur 26-35 berjumlah antara 15-77%, yang berumur 36-45 pula beramal dengan hadith ini sekitar 15-83% dan kesan yang paling tinggi dalam beramal terhadap hadith iaitu masyarakat yang berumur 46 ke atas iaitu 40-90%. Hal ini disebabkan mereka sudah banyak membaca, pengetahuan mereka lebih luas dan umur mereka sudah tua. Oleh itu mereka lebih banyak beramal dibanding yang lainnya. Apabila dilihat kepada status

pendidikan, maka responden yang berpendidikan diperingkat sekolah menengah membawa kesan amalan hadith antara 35-80%, diperingkat diploma berjumlah antara 5-65%, diperingkat sarjana 20-65% dan pasca sarjana membawa kesan yang tinggi iaitu 100%.

Jika dilihat kepada suku, maka didapati 35-85% suku Mandailing beramal dengan hadith ini, suku Minang 20-60% dan suku Jawa membawa kesan amalan yang paling tinggi iaitu 40-90%. Jika dilihat kepada lokasi, maka dapat kita ketahui bahawa masyarakat di Sumatera Utara lebih banyak beramal dengan hadith-hadith di atas iaitu antara 40-85%, dibandingkan dengan masyarakat yang berada di Sumatera Barat iaitu antara 25-60%.

Jika dilihat kepada status kerja, maka dapat kita ketahui bahawa masyarakat yang masih belajar atau belum bekerja membawa kesan yang lebih tinggi terhadap amalan hadith iaitu antara 35-75%, sedangkan yang sudah bekerja hanya berjumlah antara 20-73%. Jika dilihat kepada kefahaman, maka didapati bahawa masyarakat yang berfahaman NU membawa kesan yang lebih tinggi terhadap amalan hadith iaitu berjumlah antara 40-90%.

Hal ini disebabkan masyarakat NU lebih banyak terikat dengan perkataan dan hujah guru mereka yang sumber rujukannya adalah kitab kuning atau kitab-kitab lama, sedangkan masyarakat yang berfahaman Muhammadiyah sama dengan Jemaah Tabligh iaitu berjumlah antara 20-60%.


6.4.3 Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Hukum Hadith.

Jadual 6.4.3 : Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Hukum Hadith.

Inti Masalah	Soalan Masalah	Mean	Std.dev
HUKUM TERHADAP HADITH	Adakah anda setuju bahawa hadith (1) ini kedudukannya lemah (Da'if).	2.98	.833
	Adakah anda setuju bahawa hadith (2) ini kedudukannya palsu (Mawdu').	3.18	.986
	Adakah anda setuju bahawa hadith (3) ini kedudukannya lemah (Da'if).	3.30	1.003
	Adakah anda setuju bahawa hadith (4) ini kedudukannya lemah (Da'if).	3.15	1.005
	Adakah anda setuju bahawa hadith (5) ini kedudukannya palsu (Mawdu').	3.18	.979
	Adakah anda setuju bahawa hadith (6) ini kedudukannya lemah (Da'if).	3.20	.942
	Adakah anda setuju bahawa hadith (7) ini kedudukannya palsu (Mawdu').	3.19	.984
	Adakah anda setuju bahawa hadith (8) ini kedudukannya palsu (Mawdu').	3.11	.952
	Adakah anda setuju bahawa hadith (9) ini kedudukannya lemah (Da'if).	3.25	.906
	Adakah anda setuju bahawa hadith (10) ini kedudukannya Mungkar.	3.25	.951

Mengikut jadual 6.4.3 di atas, maka purata hadith yang ketiga adalah purata tertinggi ianya berjumlah 3.30. Selanjutnya adalah hadith no kesembilan dan kesepuluh yang berjumlah sama iaitu 3.25. Hal ini mengagumkan kerana mereka sama-sama setuju dengan hukum hadith yang disebutkan. Selanjutnya adalah purata hadith no keenam iaitu 3.20, seterusnya purata hadith no ketujuh iaitu 3.19, kemudian purata hadith no kedua dan kelima kedua-duanya sama iaitu 3.18. Selanjutnya adalah purata hadith no keempat iaitu 3.15, kemudian purata hadith no kelapan iaitu 3.11, dan terakhir adalah purata hadith no pertama iaitu 2.98. Hal ini disebabkan mereka ragu dengan hukum hadith tersebut sehingga mereka tidak menerima hukum yang disebutkan. Kesimpulan dapat kita ketahui bahawa nilai purata borang selidik terhadap kesetujuan dengan hukum hadith adalah 3.18. Hal ini menunjukkan bahawa mereka tidak mampu untuk menerima yang baru, sedangkan hukum yang baru itu kadang lebih benar. Mungkin dikeranakan mereka terlalu kuat berpegang dengan apa yang mereka dapatkan daripada

guru atau ustaz mereka, sama ada di sekolah mahupun di masjid. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.4.3 di bawah ini :



Rajah 6.4.3 : Jumlah purata borang selidik terhadap hukum hadith.

Untuk mengetahui tingkatan kesan dan pengaruh hukum hadith dikalangan masyarakat di Sumatera sama ada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat, maka didapati kesan yang paling tinggi iaitu dikalangan mahasiswa ianya berjumlah antara 15-40%, selanjutnya adalah orang awam iaitu 16-33%, seterusnya para guru dan ustaz iaitu 15-30% dan terakhir adalah para pelajar iaitu 15-20%. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti mereka tidak mampu untuk menentukan kedudukan hadith yang mereka amalkan, tetapi hanya mengikut apa yang dikatakan oleh guru atau ustaz mereka sahaja. Jika kita lihat kepada tempat tinggal, maka dapat kita ketahui bahawa tingkatan yang paling tinggi terhadap hukum-hukum hadith ini adalah masyarakat yang tinggal di bandar iaitu antara 20-30%, sedangkan masyarakat di desa hanya 15-20% sahaja. Hal ini disebabkan masyarakat di bandar lebih mudah mendapatkan maklumat dan mudah

mengkaji kerana banyak kemudahan disediakan disbanding masyarakat yang berada di desa. Jika dilihat kepada jenis kelamin, maka dapat kita ketahui bahawa responden berjenis kelamin wanita lebih tinggi pengetahuannya terhadap hukum hadith iaitu antara 12-33% dibandingkan responden berjenis kelamin laki-laki iaitu 15-22%. Hal ini disebabkan tingkat penasaran wanita terhadap sesuatu lebih tinggi dibandingkan lelaki. Jika dilihat kepada umur, maka didapati responden yang berumur 15-25 tahun hanya 15-25% sahaja pengetahuannya terhadap hukum-hukum hadith ini, sedangkan yang berumur 26-35% tingkat kesetujuan dan pengetahuan mereka terhadap hukum hadith iaitu berjumlah antara 15-27%.

Responden yang berumur 36-45 pula berjumlah 17% dan yang paling tinggi adalah responden yang berumur 46 keatas iaitu 10-45% pengetahuannya terhadap hukum hadith. Apabila dilihat kepada status pendidikan, maka responden yang berpendidikan di peringkat sekolah menengah hanya 15-20% sahaja memahami dan mengetahui hukum hakam hadith yang disebutkan, adapun diperingkat diploma iaitu berjumlah antara 25-60%, diperingkat sarjana berjumlah 15-30% dan paling tertinggi adalah diperingkat pasca sarjana iaitu 100%.

Hal ini disebabkan mereka lebih banyak mengkaji, membaca dan menganalisis dibandingkan yang lainnya. Jika dilihat kepada suku, maka didapati suku Mandailing memiliki tingkat pengetahuan terhadap hukum hadith ini iaitu 10-20%, suku Minang pula 23-32% dan suku Jawa iaitu antara 5-16%. Jika dilihat kepada lokasi, maka dapat kita ketahui bahawa masyarakat di Sumatera Utara memiliki tingkat pengetahuan dan kesetujuan terhadap hukum hadith yang disebutkan sungguh rendah iaitu 10-20%, dibandingkan masyarakat di Sumatera Barat iaitu berjumlah 23-31%. Hal ini disebabkan masyarakat di Sumatera Utara lebih suka bertaqlid kepada ucapan guru dan ustaz, sedangkan masyarakat di Sumatera Barat lebih kritis dalam menerima dan

membaca sesuatu. Jika dilihat kepada status kerja, maka didapati bahawa masyarakat yang masih belajar atau yang belum bekerja tingkat pengetahuannya terhadap hukum hadith berjumlah 15-25%, hampir sama dengan yang sudah bekerja iaitu 17-25%. Jika dilihat kepada kefahaman pula, maka didapati bahawa masyarakat yang berfahaman NU tingkat pengetahuan dan kesetujuan terhadap hukum hadith berjumlah 10-20%, sedangkan masyarakat yang berfahaman Muhammadiyah lebih tinggi iaitu 15-30%, dan masyarakat yang berfahaman Jemaah Tabligh 8-26%.


6.4.4 Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Pentingnya Penyebaran Hadith.

Jadual 6.4.4 : Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Pentingnya Penyebaran Hadith.

Inti Masalah	Soalan Masalah	Mean	Std.dev
PERLUNYA PENYEBARAN HADITH	Perlukah hadith (1) ini disebarkan kepada orang lain.	3.31	.990
	Perlukah hadith (2) ini disebarkan kepada orang lain.	3.81	.987
	Perlukah hadith (3) ini disebarkan kepada orang lain.	3.40	1.142
	Perlukah hadith (4) ini disebarkan kepada orang lain.	3.53	1.013
	Perlukah hadith (5) ini disebarkan kepada orang lain.	3.70	1.017
	Perlukah hadith (6) ini disebarkan kepada orang lain.	3.49	1.004
	Perlukah hadith (7) ini disebarkan kepada orang lain.	3.61	1.044
	Perlukah hadith (8) ini disebarkan kepada orang lain.	3.48	1.036
	Perlukah hadith (9) ini disebarkan kepada orang lain.	3.33	1.003
	Perlukah hadith (10) ini disebarkan kepada orang lain.	3.61	1.048

Mengikut jadual 6.4.4 di atas, maka purata hadith no kedua adalah purata tertinggi terhadap pentingnya penyebaran hadith kepada orang lain ianya berjumlah 3.81, selanjutnya adalah hadith no kelima iaitu 3.70, kemudian purata hadith no ketujuh dan kesepuluh ianya sama iaitu berjumlah 3.61. Seterusnya adalah purata hadith no keempat iaitu 3.53, selanjutnya adalah purata hadith no keenam iaitu 3.49, kemudian purata

hadith no kelapan iaitu 3.48, selanjutnya adalah purata hadith no ketiga iaitu 3.40, kemudian hadith no kesembilan iaitu 3.33 dan paling terendah adalah hadith no kesatu iaitu 3.31. Akhir sekali dapat kita ketahui bahawa nilai purata borang selidik terhadap perlunya mereka menyebarkan hadith ini atau tidak adalah 3.53. Hal ini menunjukkan bahawa keinginan mereka untuk menyebarkan hadith ini sangat tinggi sedangkan ilmu mereka sedikit tentang itu. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.4.4 di bawah ini :



Rajah 6.4.4 : Jumlah purata borang selidik terhadap pentingnya penyebaran hadith.

Untuk mengetahui tingkatan kesan dan pengaruh pentingnya penyebaran hadith-hadith ini dikalangan masyarakat di Sumatera sama ada yang berada di Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat, maka didapati kesan yang paling tinggi adalah dikalangan mahasiswa iaitu 10-30%, kemudian para guru dan ustaz iaitu 13-28%, selanjutnya adalah pelajar iaitu 5-20% dan terakhir adalah orang awam iaitu 5-28%. Jika dilihat kepada tempat tinggal, maka didapati masyarakat di desa memiliki keinginan lebih tinggi untuk penyebaran hadith iaitu 10-27% dibandingkan masyarakat yang berada di

bandar yaitu 10-20%. Hal ini disebabkan masyarakat di desa lebih mudah untuk berkomunikasi dengan sesama dibandingkan masyarakat di bandar.

Jika dilihat kepada jenis kelamin, maka didapati responden berjenis kelamin lelaki memiliki keinginan yang tinggi untuk menyebarkan hadith-hadith ini yaitu 10-25%, dibandingkan responden perempuan hanya 5-20% sahaja. Hal ini disebabkan kaum lelaki memiliki kesempatan lebih untuk berdakwah di luar dibanding kaum perempuan. Jika dilihat kepada umur, maka dapat kita ketahui bahawa responden yang berumur 15-25 tahun tingkat keinginannya untuk menyebarkan hadith-hadith ini hanya 10-23%, sedangkan responden yang berumur 26-35% hanya berjumlah 7-23%, responden yang berumur 36-45 memiliki keinginan untuk menyebarkan hadith-hadith ini sekitar 15-33% dan yang berumur 46 keatas adalah 10-33%.

Apabila dilihat kepada status pendidikan, maka didapati bahawa responden yang berpendidikan diperingkat sekolah menengah keinginannya kecil sekali yaitu 7-20%. Hal ini disebabkan mereka belum pakar dan ahli untuk menyebarkan hadith-hadith, sedangkan diperingkat diploma pula 10-35%, diperingkat sarjana berjumlah 10-30% dan diperingkat pasca sarjana adalah tingkatan paling tertinggi yaitu 0-100%. Hal ini disebabkan kesempatan mereka lebih luas untuk menyebarkan hadith-hadith kerana status pendidikan mereka lebih tinggi dan pengetahuan mereka lebih banyak akhirnya mudah diterima masyarakat. Jika dilihat kepada suku, maka didapati bahawa responden yang bersuku Mandailing dan suku Jawa memiliki keinginan lebih rendah untuk menyebarkan hadith-hadith ini yaitu 5-20%, dibandingkan responden yang bersuku Minang yaitu 10-25%.

Jika dilihat kepada lokasi, maka didapati bahawa masyarakat di Sumatera Barat berkeinginan lebih tinggi untuk menyebarkan hadith ini kepada orang lain yaitu 15-25%, sedangkan masyarakat di Sumatera Utara hanya 7-20%. Jika dilihat kepada status kerja,

maka didapati bahawa responden yang masih belajar keinginannya untuk menyebarkan hadith-hadith ini lebih rendah iaitu 8-22%, dibandingkan yang sudah bekerja iaitu 17-25%.


Jika dilihat kepada kefahaman, maka didapati bahawa responden yang berfahaman NU keinginannya untuk menyebarkan hadith-hadith ini hanya 5-20%, sedangkan masyarakat yang berfahaman Muhammadiyah berjumlah 14-26%, dan responden yang berfahaman Jamaah Tabligh memiliki keinginan yang lebih tinggi iaitu 8-30%. Hal ini disebabkan responden berfahaman Jamaah Tabligh sentiasa bertujuan untuk menyampaikan hadith-hadith sekalipun hadith itu lemah, yang paling penting bagi mereka adalah menyampaikan dan diamalkan oleh masyarakat, sekalipun pengetahuan mereka tentang itu sedikit.

6.4.5 Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Penyebaran Hadith Kepada Orang Lain.

Jadual 6.4.5 : Jumlah Purata Borang Selidik Terhadap Penyebaran Hadith Kepada Orang Lain.

Inti Masalah	Soalan Masalah	Mean	Std.dev
PERNAHKAH MENYEBAR HADITH	Pernahkah hadith (1) ini disebarkan kepada orang lain.	4.16	3.502
	Pernahkah hadith (2) ini disebarkan kepada orang lain.	3.91	1.020
	Pernahkah hadith (3) ini disebarkan kepada orang lain.	3.50	1.261
	Pernahkah hadith (4) ini disebarkan kepada orang lain.	4.01	.902
	Pernahkah hadith (5) ini disebarkan kepada orang lain.	3.96	.932
	Pernahkah hadith (6) ini disebarkan kepada orang lain.	3.69	1.028
	Pernahkah hadith (7) ini disebarkan kepada orang lain.	3.80	.982
	Pernahkah hadith (8) ini disebarkan kepada orang lain.	3.81	.983
	Pernahkah hadith (9) ini disebarkan kepada orang lain.	3.62	1.092
	Pernahkah hadith (10) ini disebarkan kepada orang lain.	3.94	.991

Mengikut jadual 6.4.5 di atas, maka purata hadith pertama adalah purata paling tertinggi untuk penyebaran hadith kepada orang lain iaitu 4.16, selanjutnya adalah hadith no keempat iaitu 4.01, kemudian hadith no kelima iaitu 3.96. Seterusnya adalah purata hadith no kesepuluh iaitu 3.94, dilanjutkan oleh hadith no kedua iaitu 3.91, kemudian hadith no kelapan iaitu 3.81. Selanjutnya adalah hadith no ketujuh iaitu 3.80, kemudian hadith no keenam iaitu 3.69, seterusnya adalah purata hadith no kesembilan iaitu 3.62 dan paling terkecil adalah purata hadith no ketiga iaitu 3.50. Kesimpulan dapat kita ketahui bahawa nilai purata bagi borang selidik terhadap penyebaran hadith kepada orang lain adalah 3.84. Hal ini dapat kita ketahui bahawa sebahagian besar mereka menyebarkan hadith ini kepada orang lain dan sebagiannya lagi tidak menyebarkannya namun mereka berkeinginan untuk menyebarkan. Untuk lebih jelasnya boleh dilihat rajah 6.4.5 di bawah ini :



Rajah 6.4.5 : Jumlah purata borang selidik terhadap penyebaran hadith kepada orang lain.

Untuk mengetahui tingkatan kesan dan pengaruh penyebaran hadith-hadith ini kepada orang lain dikalangan masyarakat di Sumatera sama ada Sumatera Utara mahupun Sumatera Barat, maka didapati bahawa masyarakat dikalangan pelajar memiliki kesan yang tinggi dalam penyebaran hadith-hadith kepada orang lain dibanding yang lain iaitu 10-36%, kemudian para guru dan ustaz iaitu 5-30%, seterusnya para mahasiswa iaitu 5-25% dan orang awam iaitu 5-20%. Jika dilihat kepada tempat tinggal, maka didapati bahawa masyarakat di desa lebih banyak menyebarkan hadith-hadith ini kepada orang lain dibandingkan masyarakat di bandar iaitu 10-35%, sedangkan masyarakat di Bandar hanya 5-15% sahaja. Jika dilihat kepada jenis kelamin pula, maka didapati bahawa responden berjenis kelamin perempuan lebih banyak menyebarkan hadith-hadith ini kepada orang lain dibanding lelaki iaitu 5-25% sedangkan lelaki hanya 8-20% sahaja. Jika dilihat kepada umur, maka didapati bahawa responden yang berumur 15-25 tahun hanya 8-28% sahaja yang pernah menyebarkan hadith-hadith ini kepada orang lain, sedangkan yang berumur 26-35% ada sebanyak 10-20%, responden yang berumur 36-45 adalah tingkatan yang tertinggi dalam penyebaran hadith ini kepada orang lain iaitu 15-50% dan responden yang berumur 46 ke atas memiliki tingkatan kedua iaitu 10-45%. Hal ini disebabkan peluang para kaum tua lebih banyak untuk menyebarkan hadith dan memungkinkan diterima orang ramai dibandingkan responden yang masih muda. Apabila dilihat kepada status pendidikan, maka didapati bahawa responden yang berpendidikan diperingkat sekolah menengah lebih banyak menyebarkan hadith-hadith ini dibanding yang lain iaitu 10-35%, sedangkan diperingkat diploma hanya 0-16% sahaja, diperingkat sarjana pula iaitu 5-20% dan diperingkat pasca sarjana tidak ada sama sekali 0%. Jika dilihat kepada suku, maka dapat kita ketahui bahawa suku Mandailing menyebarkan hadith-hadith ini berjumlah 5-37%, suku Minang adalah tingkatan paling terendah iaitu 4-18% dan suku Jawa memiliki tingkatan tertinggi dalam menyebarkan hadith-hadith ini iaitu 5-45%. Jika dilihat kepada lokasi, maka didapati

bahawa masyarakat di Sumatera Utara dan Barat memiliki tingkatan yang sama dalam penyebaran hadith-hadith ini iaitu 10-20%. Jika dilihat kepada status kerja, maka didapati bahawa masyarakat yang masih belajar memiliki tingkatan lebih tinggi dalam menyebarkan hadith-hadith ini dibandingkan yang sudah bekerja iaitu 8-28%, sedangkan yang sudah bekerja hanya 7-25% sahaja. Jika dilihat kepada kefahaman pula, maka didapati bahawa masyarakat yang berfahaman NU lebih memiliki tingkatan lebih tinggi dalam menyebarkan hadith ini iaitu 8-38%, masyarakat yang berfahaman Muhammadiyah memiliki tingkatan lebih rendah iaitu 5-16%, dan masyarakat yang berfahaman Jemaah Tabligh berjumlah antara 5-21%.

PENUTUP

KESIMPULAN HASIL KAJIAN

Setelah melakukan kajian yang mendalam terhadap kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini, pengkaji menyimpulkan bahawa kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* merupakan salah satu daripada karya Shaykh Nawawī al-Bantānī. Kitab ini mengandungi 10 bab dan di dalamnya terdapat 341 hadith, selain itu ada Athar Sahabat, perkataan ulama', sya'ir-sya'ir Arab, dan hikayat-hikayat.

Hadith-hadith yang disebutkan di dalamnya tanpa menyebutkan sanad-sanad, kadang tanpa menyebutkan perawi dan sebagainya. Dalam mensyarah hadith beliau membezakan matan hadith dengan syarah hadith, mensyarah hadith dengan hadith, mensyarah hadith dengan perkataan ulama, mensyarah hadith dengan al-Quran, mensyarah hadith dengan sya'ir Arab dan sebagainya. Beliau tidak menjelaskan hukum hadith dan tidak pula mengkritiknya.

Selanjutnya penulis mentakhrij hadith-hadith Nabi yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* yang bermula daripada bab kelima hingga bab kesepuluh, tetapi sebelum mentakhrijkannya penulis menjelaskan tentang metodologi menghukum hadith dan metodologi kajian borang selidik. Kemudian penulis memaparkan hasil kajian terhadap amaliah takhrij hadith mengikut kedudukan hukum masing-masing sebagaimana terdapat pada jadual 5.7.

Jadual 5.7 : Kesimpulan Hasil Kajian Hadith Dari Bab 5-10

No.Bab	<i>Ṣaḥīḥ</i>	<i>Ḥasan</i>	<i>Da'īf</i>	<i>Da'īf Jiddān</i>	<i>Mawḍū'</i>	Tidak Diketahui Hukum	Jumlah
5	4	3	6	-	9	6	28
6	6	5	14	2	16	4	47
7	10	-	6	2	6	-	24
8	2	-	6	2	8	2	20
9	4	-	-	-	3	-	7
10	23	4	36	16	23	8	110
Jumlah	49	12	68	22	65	20	236

Mengikut jadual 5.7 di atas, dapati kita ketahui bahawa hadith-hadith Nabi yang terdapat dalam bab 5 hingga bab 10 semuanya adalah 236 hadith. Jumlah hadith *Ṣaḥīḥ* adalah 49 hadith, hadith *Ḥasan* 12 hadith, hadith *Da'īf* 68 hadith, hadith *Da'īf Jiddān* berjumlah 22 hadith, hadith *Mawḍū'* 65 hadith, dan hadith yang tidak diketahui hukumnya 20 hadith. Maka, semuanya berjumlah 236 hadith.

Dalam penyebaran borang selidik, penulis telah memilih responden 210 orang yang terdapat di pulau Sumatera. Untuk mendapatkan jawapan daripada responden tentang tersebarnya hadith-hadith *Da'īf* dan *Mawḍū'*, pengaruh dan beramal dengannya bagi masyarakat di Sumatera Indonesia, maka penulis memilih dua negeri di pulau Sumatera iaitu Sumatera Utara (di kawasan Kabupaten Mandailing Natal) dan Sumatera Barat (di kawasan Bandar Bukit Tinggi dan yang berhampiran). Setelah dianalisis maka didapati responden yang terdapat di Sumatera Utara dan Barat samada pelajar, mahasiswa, ustaz, guru dan orang awam majoriti pernah mengenal, membaca dan mendengar hadith yang diajukan dalam borang selidik.

Hal ini menunjukkan bahawa hadith-hadith lemah dan palsu tersebar luas dikalangan masyarakat Indonesia terutama di Sumatera Utara dan Barat. Tentang beramal dengan hadith, penulis dapati majoriti hadith-hadith lemah dan palsu membawa kesan dan pengaruh yang tinggi bagi amalan sehari-hari masyarakat dan sebahagiannya

lagi tidak membawa kesan. Adapun tentang hukum hadith yang diajukan, majoriti responden memilih diam dan tidak ada komentar, hanya sedikit sahaja yang bersetuju dan sedikit pula yang tidak setuju. Selanjutnya tentang perlukah penyebaran hadith kepada orang, sebahagian responden ingin menyebarkan dan sebahagian lagi tidak ingin menyebarkan. Ketika ditanyakan, pernahkah menyebarkan hadith-hadith ini kepada orang lain atau tidak? majoriti responden menjawab tidak pernah, dan sedikit sekali yang pernah menyebarkan.

SARANAN DAN CADANGAN

Kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* merupakan salah satu kitab yang sangat banyak digunakan di Indonesia, sebahagian besar Pondok Pesantren menjadikan kitab ini sebagai kitab asas yang mesti dipelajari. Dari hasil kajian ke atas 236 hadith bermula daripada bab 5 hingga 10 yang terdapat dalam kitab ini, penulis mendapati bahawa jumlah bilangan hadith *Da'if*, amat *Da'if* dan *Mawḍū'* dan yang tidak diketahui hukumnya melebihi jumlah bilangan hadith *Ṣaḥīḥ* dan *Ḥasan*. Ini bermakna bahawa kitab ini mengandungi banyak hadith-hadith lemah dan palsu. Setelah diadakan penelitian borang selidik maka penulis dapati bahawa kebanyakan hadith-hadith lemah dan palsu membawa kesan dan pengaruh yang tinggi bagi amalan sehari-hari masyarakat.

Dengan tersebarnya kitab ini dan didapati banyak hadith-hadith lemah dan palsu kemudian banyak diamalkan oleh masyarakat, maka sebagai penutup dari kajian ini, penulis memberikan beberapa saranan dengan harapan hal ini boleh menghindarkan kaum muslimin secara umum ataupun pelajar secara khusus berhujah dengan hadith lemah dan palsu yang terdapat dalam kitab ini dan juga agar kaum muslimin dapat memperoleh nasihat-nasihat yang sangat berharga dari kitab ini tanpa perlu merasa khuatir akan keabsahan dalil-dalil yang terdapat di dalamnya.

Saranan :

1. Kitab ini hendaklah dicetak semula dengan cetakan baru dengan menyertakan keterangan tentang kedudukan hadith berkenaan sehingga pembaca dapat mengetahui kedudukan masing-masing hadith dan merekapun dapat mengetahui hadith-hadith lemah dan palsu yang tersebar di tengah masyarakat yang perlu diwaspadai sehingga mereka tidak beramal dengannya.
2. Pensyarah ataupun ustaz-ustaz yang mengajar kitab ini hendaklah merupakan orang-orang yang paham dengan ilmu hadith sehingga dapat mengingatkan murid-muridnya tentang pelbagai kesalahan yang wujud di dalamnya.
3. Mengadakan diskusi dan seminar untuk mendedahkan hasil kajian hadith-hadith *Naṣā'ih al-'Ibād* ini terutama di madrasah atau pondok pesantren yang menjadikan kitab ini sebagai kitab asasnya.
4. Mewujudkan jawatankuasa pemerikasaan kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* bagi mengumpulkan kajian mengenai semua hadith kitab ini samada hadith *Ṣaḥīḥ*, *Ḥasan*, *Da'īf* dan sebagainya kemudian mencetaknya dengan menyertakan ulasan mengenai setiap hadith berkaitan.
5. Kajian *takhrīj* hadith perlu didedahkan kepada masyarakat dengan mengeluarkan artikel-artikel berkaitan di dalam majalah dan akhbar.
6. Kepentingan mempelajari hadith beserta dengan cabang-cabang ilmu hadith hendaklah diperkenalkan dan diketengahkan kepada masyarakat.
7. Membuat satu laman web *takhrīj* hadith berautoriti dan lengkap yang diselia oleh satu organisasi khusus yang boleh dijadikan rujukan oleh seluruh umat Islam, dan pihak-pihak yang berkemampuan perlu tampil bagi memberi bantuan untuk merealisasikan hasrat murni ini.

8. Kerajaan perlu mewujudkan satu institusi khusus untuk pengajian hadith bagi melahirkan generasi penghafal dan menguasai ilmu-ilmu hadith.
 9. Penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi perlu diberi rangsangan untuk menjalankan kajian penyelidikan dalam bidang *takhrīj* hadith samada diperingkat ijazah Sarjana mahupun ijazah kedoktoran, dan kementrian pengajian tinggi perlu memperuntukkan satu dana khusus dalam bentuk biasiswa bagi pelajar-pelajar yang mengikuti bidang tersebut.
 10. Bagi pelajar yang ingin melanjutkan kajian tentang kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* ini, maka penulis cadangkan agar mereka mengkaji muqaranah antara hadith-hadith amalan yang terdapat dalam kitab *Naṣā'ih al-'Ibād* dan *Tanqih al-Qawl* oleh Nawawī Banten; kesan dan pengaruhnya terhadap masyarakat di Tanara Banten iaitu di tempat kelahiran penulis kitab itu sendiri.
- Semoga kajian ini dapat bermanfaat bagi umat Islam di Nusantara dan menjadi amal jariah bagi penulisnya. Aamiin.

RUJUKAN

Al-Qur'ān al-Karīm

‘Abbās Aḥmad Saqār & Aḥmad ‘Abd al-Jawwād. 1988. *al-Aḥādīth al-Mawḍū’ min al-Jāmi’ al-Kabīr wa al-Jāmi’ al-Azhār*. Bayrūt : Dār al-Ishrāq.

‘Abd al-Muhdī ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Hādī. 1979/1980. *Ṭuruq Takhrīj al-Ḥadīth Rasūl Allāh saw*. al-Qāhirah : Maktabah al-Īmān.

Abū Ḥātim al-Razī, ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim al-Razī. 1422/2002. *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*. Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Bayrūt : Dār Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abū Ṣḥāykh al-Āṣbāḥānī, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Ja’far bin Ḥibbān. 1419/1998. *Kitāb al-‘Aḥzām*. Taḥqīq. Riḍā Allāh bin Muḥammad Idrīs al-Mubārak al-Fūrī. Mamlakah al-‘Arābiyah al-Sa’ūdiyyah : Dār al-‘Āṣimah.

Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash’ash. 1420/1999. *Sunan Abū Dāwud*. Taḥqīq. ‘Abd al-Qādir ‘Abd al-Khayr & Sayyid Muḥammad Sayid. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.

Abū Nu’aym al-Aṣfahānī, Aḥmad Ibn ‘Abd Allāh. 1988. *Ḥilyah al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Asfiyā’*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Abū Ya’lā al-Mawṣilī, Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthannā. 1418/1998. *Musnad Abī Ya’lā al-Mawṣilī*. Dirāsah & Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Agus Sutopo. 2008. *Sumbangan Nawawi al-Bantani Dalam Bidang Hadis : Kajian Terhadap Kitab Tanqih al-Qawl*. UM : Akademi Pengajian Islam.

Ahmad Sunawari Long. 2011. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Gema Alam Enterprise.

Aḥmad Fu’ad al-Aḥwānī. 1955. *al-Tarbiyah fī al-Islām fī Ra’yi al-Qābis*. Miṣr : Dār al-Bābi al-Ḥalabī.

Aḥmad bin Ḥanbal. 1416/1995. *Musnad Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.

al-‘Ajlūnī, Ismā’īl Ibn Muḥammad. 1988. *Kashf al-Khafā’ wa Muzīl al-Ilbās Ammā Ishtahar min al-Aḥādīth ‘alā al-Sinat al-Nās*. Bayrūt : Dār al-kutub al-‘Ilmiyyah.

- ‘Alā’ al-Dīn Ibn al-‘Attār. 1982. *Fatawā al-Imām al-Nawāwī al-Musammā al-Masā’il al-Manthūrah*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1421/2000. *Ṣaḥīḥ Sunan Abī Dāwūd*. Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1417/1997. *Ṣaḥīḥ Sunan Ibn Mājah*. Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1988. *Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhī*. Riyāḍ : Maktabah al-Tarbiyah al-‘Arābi li Duwāl al-Khalīj.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1410/1990. *Ṣaḥīḥ al-Jāmi’ al-Ṣaghīr wa Ziyādatih*. Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1420/2000. *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa’īfah wa al-Mawḍū’ah wa Athāruhā al-Shay’ fī al-Ummah*. Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1415/1995. *Silsilah al-Aḥādīth al-Ṣaḥīḥah*. Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1378. *Silsilah Ḥadīth Ṣaḥīḥ wa Shay’ Min Fiqihā wa Fawā’idihā*. Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1421/2000. *Ṣaḥīḥ Targhīb wa al-Tarhīb*. Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif.
- al-Albānī, Muḥammad Naṣr al-Dīn. 1405/1985. *Irwā’ āl-Ghālīl fī Tākhrīj Āḥādīth Mānār al-Ṣābīl*. Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.
- al-‘Āmir ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī bin Balbān al-Fārisī. 1418/1997. *al-Iḥṣān fī Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*. Taḥqīq & Ta’līq. Shu’ayb al-Arna’ūt. Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah.
- Asnawi. 1989. *Pemikiran Shaykh Nawawi Tentang Ayat Qada’ dan Qadar Dalam Kitab Tafsirnya Marah Labib*. Jakarta : IAIN Syarif Hidayatullah.
- al-Baghawī, Abī Muḥammad Ḥusayn bin al-Mas’ud. 1403/1983. *Sharah al-Sunnah*. Taḥqīq. Shu’ayb al-Arna’ūt. Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.
- al-Bantānī, Abdurahman Nawāwī. 1996. *An Intellectual Master of the Pesantren Tradition, Dalam Studi Dinamika*. Jakarta : INIS.

- al-Bantānī, Muḥammad Nawāwī. t.th. *Naṣā'ih al-'Ibād fī Bayān Alfāz Munabbihāt 'Alā al-Isti'dād li Yaum al-Ma'ad*. Indonesia : Dār Ihtā' al-Kutub al-'Arābiyah.
- al-Barqī, Abū Ja'far Aḥmad bin Muḥammad bin Khālīd al-Barqī. 1964. *al-Maḥāsīn*. al-Najf : Matba'ah al-Haydariyah.
- al-Bayhaqī, Abū Bakar Aḥmad bin al-Ḥusayn bin 'Alī al-Bayhaqī. 1420/1999. *Sunan al-Kubrā*. Taḥqīq. Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭā. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī, Abū Bakar Aḥmad Ibn Ḥusayn. 1421/ 2000. *Shu'ab al-Īmān*. Taḥqīq : Abī Ḥājir Muḥammad al-Sa'īd bin Basyūnī al-Zaghlūl. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bazzār, Abū Bakar Aḥmad bin 'Amrū bin 'Abd al-Khāliq. 1988. *Musnad al-Bazzār*. Taḥqīq : Maḥfūz Raḥman Zayn Allāh. Madīnat al-Munawwarah : Maktabah 'Ulūm wa al-Ḥikām.
- Bruinesen, Martin Van. 1415/1995. *Kitab Kuning (Pesantren dan Tarekat)*. Bandung : Mizan.
- al-Bukhārī, Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl. 1422/2001. *Kitāb Tārīkh al-Kabīr*. Taḥqīq. Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭā. Bayrūt : Dār Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl. 1417/1996. *Adāb al-Mufrad*. Bayrūt : Mu'assasat al-Kutub al-Thaqāfiyah.
- al-Buṣayrī, Aḥmad bin Abī Bakar al-Buṣayrī. 1405/1985. *Miṣbāḥ al-Zujājāh fī Zawā'id Ibn Mājāh*. Taḥqīq & Ta'līq. Mūsā Muḥammad 'Alī & 'Izzāt 'Ālī 'Aṭiyyah. Bayrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Buṣayrī, Aḥmad bin Abī Bakar al-Buṣayrī. 1419/1998. *Ittiḥāf al-Khayrah al-Mahrah bi Zawā'id al-Masānid al-'Ashrah*. Taḥqīq. Abī 'Abd al-Raḥman, 'Ādil bin Sa'ad & Abī Ishāq Sayyid bin Maḥmūd bin Ismā'īl. Riyāḍ : Maktabah al-Rushd.
- C.Brockelmann 1960. 'Al-Nawawi' Dlm. *Encyclopediā of Īslām*. Leiden : t.pt.
- Chaidar. 1978. *Sejarah Pujangga Islam Syaikh Nawawi Banten*. Jakarta : CV Sarana Utama.
- Chua Yan Piaw. 2008. *Asas Statistik Penyelidikan Buku 3: Analisis Data Skala Ordinal dan Skala Nominal*. Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- al-Dārimī, ‘Abd Allāh Ibn ‘Abd al-Raḥmān. 1420/2000. *Sunan al-Dārimī*. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- al-Dāraqūṭnī, ‘Alī bin ‘Umar. 1417/1996. *Sunan al-Dāraqūṭnī*. Ta’līq & Takhrīj. Majdī bin Maṣṣūr bin Sayyid al-Shawrī. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Daylamī, Shirawayh Ibn Shahradaḥ Ibn Shirawayh. 1406/1986. *al-Firdaws bi Ma’thūr al-Khiṭāb (Musnad al-Daylamī)*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Daylamī, Shirawayh Ibn Shahradaḥ Ibn Shirawayh. 1407/1987. *al-Firdaws al-Akḥbār bi Ma’thūr al-Khiṭāb al-Mukharraj ‘Alā Kitāb al-Shihāb*. Taḥqīq. Fawwāz Aḥmad Zamrīlī dan Muḥammad Mu’taṣim Billāh al-Baghdādī. al-Qāhirah : Dār Rayyān li al-Turāth.
- Dearana Morshidi. 2010. Hubungan Ibadat Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Pelajar: Kajian di Bahagian Miri, Sarawak. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Dhahabī, Sham al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān. t.th. *Mizān al-‘Itidāl fī Naqd al-Rijāl*. Taḥqīq. ‘Alī Muḥammad al-Bujāwī. t.tp : Dār al-Fikr al-‘Arābī.
- al-Dhahabī, Sham al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān. 1422/2001. *Siyār A’lām al-Nubalā*. Taḥqīq. Shu’ayb al-Arna’ūṭ. Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah.
- al-Fairūz ‘Abadī, Muḥammad Ibn Ya’qūb. 1998. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah.
- Faiz Awae. 2009. Bahasa Melayu Patani Dalam Kalangan Mahasiswa/I Melayu Dari Tiga Wilayah Selatan Thai: Pemeliharaan dan Penyisihan. Disertasi Sarjana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Fāṭanī, Muḥammad Ṭāhir bin ‘Alī al-Hindī al-Fatānī. 1315/1995. *Tadhkirah al-Mawḍū‘at*. Bayrūt : Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arābī.
- al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī. 1967. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. al-Qāhirah : Mu’assasat al-Ḥalābī wa Shurakah li al-Naṣr wa al-Tawzi’.
- al-Ghumārī, Aḥmad bin Muḥammad bin Ṣiddīq al-Ghumārī. 1996. *al-Mudawā li al-‘Ilal Jāmi’ Ṣaghīr*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ḥāji Khalīfah. 1360/1941. *Kashf al-Zunūn*. Ṭahrān : Al-Maṭba‘ah al-Islāmiyyah.

- al-Ḥākim, Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysabūrī. 1411/1990. *Mustadrāk ‘alā Ṣaḥīḥayn*. Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr ‘Aṭā. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Hamka, Prof.Dr. 1981. *Dari Perbendaharaan Lama*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.
- al-Harawī, ‘Alī al-Qārī al-Harawī al-Makkī. 1414/1994. *al-Maṣn’ fī Ma’rifah al-Ḥadīth al-Mawḍū’*. Taḥqīq. ‘Abd al-Fattāḥ ‘Abd al-Ghuddāh. Bayrūt : Dār al-Bashār al-Islāmiyyah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakar al-Haythamī. 1414/1994. *Majma’ al-Zawā’id wa Manba’ al-Fawā’id*. al-Qāhirah : Maktabah al-Qudsi.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakar al-Haythamī. 1399/1979. *Kasf al-Asfār an Zawā’id al-Bazzār*. Taḥqīq. Ḥabīb al-Raḥman al-A’zamī. Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah.
- al-Hindī, ‘Alā’ al-Dīn al-Muttaqī bin Hisām al-Dīn al-Hindī. 1409/1989. *Kanz al-‘Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af’āl*. Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah.
- al-Hindī, Muḥammad Ṭāhir bin ‘Alī al-Hindī. 1415/1995. *Tadhkirat al-Mawḍū’āt*. Bayrūt : Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arābī.
- Hurgronje, C. Snouck. 1931. *Mecca in the Later Part of The Nineteenth Century*. Leiden : t.tp.
- Ibn Abī Ḍunyā, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Ābid bin Sufyān. 1414/1993. *Mawsū’ah Risālah Ibn Abī Ḍunyā*. Bayrūt : Mawsū’ah Kitāb Thaqaḥiyah.
- Ibn Abī Ḍunyā, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin ‘Ābid al-Qurashī. 1407/1987. *Kitāb al-Yaqīn*. Taḥqīq. Muḥammad Sa’id bin Basyūnī Zaghlūl. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Abī Ḥātim, Muḥammad bin Idrīs bin Mundhīr bin Dāwud bin Mahrān.t.th. *Ilal al-Ḥadīth*. Riyād : Maktabah al-Muthannā.
- Ibn Abī Shaybah, ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah al-‘Abshī. 1427/2006. *al-Muṣannif li Ibn ‘Abī Shaybah*. Taḥqīq. Muḥammad ‘Uwwāmah. Bayrūt : Dār al-Qurṭubah.
- Ibn ‘Abd al-Bar, Yūsuf bin ‘Abd al-Bar al-Namirī al-Qurṭubī. 1388/1968. *Jāmi’ al-Bayān al-‘Ilm wa Faḍlihi*. Madīnat al-Munawwarah : Maktabah al-Salafiyah.

- Ibn ‘Adī, ‘Abd Allāh bin ‘Adī al-Jurjānī. 1409/1988. *al-Kāmil fī al-Ḍu‘afā’ al-Rijāl*. Taḥqīq. Suhayl Zakkār. Bayrūt : Dār al-Fikr.
- Ibn ‘Arrāq, ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Arrāq al-Kinānī. 1981. *Tanzīh Sharīḥ al-Marfū‘ah ‘an Aḥādīth al-Shani‘ah al-Mawḍū‘ah*. Taḥqīq. ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf & ‘Abd Allāh Muḥammad al-Ṣiddīq. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn ‘Asākir, Thiqqah al-Dīn Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥasan bin Habaṭ Allāh al-Shāfi‘ī. 1407/1987. *Tahdhīb Tārīkh Dimshāq al-Kabīr*. Bayrūt : Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arābī.
- Ibn ‘Asākir, Thiqqah al-Dīn Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥasan bin Habaṭ Allāh al-Shāfi‘ī. 1415/1995. *Tārīkh Madīnat al-Dimasq*. Taḥqīq. Muhib al-Dīn Abī Sa‘id al-‘Umar bin Ghadāmah al-Amrawī. Bayrūt : Dār al-Fikr.
- Ibn Bāttāḥ, Abī ‘Abd Allāh ‘Ubayd Allāh bin Muḥammad. 1426/2005. *al-‘Ibānah*. Taḥqīq. Aḥmad Farīd al-Mazidī. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḍāybā’, ‘Abd al-Raḥman bin ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Umar Shaybānī. t.th. *Tamyīz al-Ṭayyib min al-Khabīth*. Taḥqīq. Muḥammad Uthmān al-Khasīt. al-Qāhirah : Maktabah Ibn Sinā.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn ‘Alī al-‘Asqalānī. 1416/1996. *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq. ‘Abd al-Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz. Bayrūt : Dār al-Fikr.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn ‘Alī al-‘Asqalānī. 1413/1993. *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Bayrūt : Dār al-‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arābī.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn ‘Alī al-‘Asqalānī. 1416. *Taqrīb al-Tahdhīb*. Riyāḍ : Dār al-‘Āṣimah.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī. 1406/1986. *Lisān al-Mizān*. Bayrūt : Mu‘assasat al-‘Alāmī li al-Maṭbū‘āt.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī. 1420/2000. *al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā‘id al-Masānid al-Thamāniyah*. Taḥqīq. Doktor ‘Umar Iman Abū Bakar. Riyāḍ : Mamlakah al-‘Arabiyah al-Sa‘udiyah.

- Ibn Hajar, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī. 1990. *Sharḥ Nukhbat al-Fikr fī Muṣṭalāḥ Ahl al-Athār*. Dimashq : Maktabah al-Ghazālī.
- Ibn Hibbān, Muḥammad bin Hibbān bin Aḥmad al-Tamīmī. 1420/2000. *Kitāb al-Majrūḥīn*. Taḥqīq. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī. Riyāḍ : Dār al-Samā’ī li Naṣr wa Tawzi’.
- Ibn Hibbān, Muḥammad bin Hibbān bin Aḥmad al-Tamīmī. 1403/1983. *Kitāb al-Thiqqāt*. al-Hindī : Maṭba’ah Majlīs Da’irah al-‘Uthmāniyyah.
- Ibn Jārīr āl-Ṭabārī, Muḥammad bin Jārīr bin Yāzīd āl-Ṭabārī. t.th. *Tahdhīb al-Athār wa Tafṣīlu Thābit an Rasūlillāh min al-Akḥbār*. Takhrīj. Maḥmūd Muḥammad Shakīr. al-Qāhirah : Maṭba’ah al-Madānī.
- Ibn al-Jawzī, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī. t.th. *al-‘Ilal al-Muntahaniyah fī al-Aḥādīth al-Wahiyah*. Taḥqīq & Ta’līq. Irshād al-aqq al-Athārī. Lahur : Idarat Tarjuman al-Sunnah.
- Ibn al-Jawzī, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī bin Jawzī al-Qarāsī. 1418/1997. *Kitāb al-Mawḍū‘āt*. Taḥqīq. Doktor Nūr al-Dīn bin Shukrī bin ‘Alī Būyā Jilār. Riyāḍ : Dār Aḍwā’ al-Salaf.
- Ibn al-Jawzī, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī bin Jawzī al-Qarāsī. 1406/1986. *Kitāb Du’afā’ wa al-Matrūkin*. Taḥqīq. Abū al-Fidā’ ‘Abd Allāh al-Qāḍī. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Khuzaymah, Abū Bakar Muḥammad bin Ishāq bin Khuzaymah. 1400/1980. *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*. Taḥqīq. Dr. Muḥammad Muṣṭafā al-Aḥmadī. Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.
- Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Yazīd al-Qazwaynī. 1419/1998. *Sunan Ibn Mājah*. Taḥqīq. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī dan Doktor Muṣṭafā Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- Ibn Manẓūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Makrām al-Miṣrī. t.th. *Lisān al-‘Arāb*. Bayrūt : Dār Ṣadīr.
- Ibn al-Mubārak, ‘Abd Allāh bin al-Mubārak al-Marwazī. t.th. *Kitāb al-Zuhud*. Iskandariyyah : Dār Ibn Khaldūn.

- Ibn Najjār al-Baghdādī, Muḥammad bin Maḥmūd Ibn al-Ḥasan bin Hibatillāh. 1417/1997. *Dhīl Tārīkh Baghdād*. Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr ‘Aṭā. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah, Shamsu al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakar. 1414/1994. *al-Manār al-Munīf fī al-Ṣaḥīḥ wa al-Ḍa’if*. Taḥqīq. ‘Abd Fattāḥ Abū Ghuddah. Bayrūt : Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah.
- Ibn Rajab al-Hanbalī, ‘Abd al-Raḥman bin Aḥmad bin Rajab. t.th. *Laṭā’if al-Ma’ārif*. Taḥqīq. ‘Imād Zakī al-Barūdī. t.tp : Maktabah Tawfiqiyyah.
- Ibn Ṣalāḥ. 1401/1981. *Ulūm al-Ḥadīth*. Taḥqīq. Nūr al-Dīn ‘Iṭr. Bayrūt : Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Subkī. Tājudīn Abī Naṣr ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfī. 1401/1981. *Ṭabaqāt al-Shāfi’iyyah al-Kubrā*. Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr ‘Aṭā. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- ‘Irāq al-Kinānī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Irāq al-Kinānī. 1401/1981. *Tanzīh al-Sharī‘ah al-Marfū‘ah ‘an al-Aḥādīth al-Shāni’ah al-Mawḍū‘ah*. Taḥqīq. ‘Abd al-Wahhāb ‘Abd al-Laṭīf. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-‘Irāqī, Zayn al-Dīn Abī al-Faḍl ‘Abd al-Raḥīm bin al-Ḥusayn. 1419/1998. *Kitāb al-Mughnī an Asfār fī al-Asfār fī Takhrīj Iḥyā’*. Taḥqīq. Sayid bin Ibrāhim bin Ṣadūq bin ‘Imrān. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- Jaffary Awang, Muda Ismail Ab Rahman, Rofizah Mohammad Muhammad Noor, Arena Che kasim, Tengku Ghani Tengku Jusoh & Mohammad Khatim Hasan. 2007. Toleransi Beragama di Kalangan pelajar IPTA: Kajian Kes di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak. *Jurnal majlis Islam Sarawak*.
- Johns, A.H. t.th. *Qur’anic Exegesis in the Malay Word*. t.tp : t.pt.
- Karel, S.A. 1984. *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke 19*. Jakarta : Terjemahan Bulan Bintang.
- al-Kattānī, Muḥammad Ibn Ja’far. 1400. *al-Risālah al-Mustaṭrifah*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Kharā’iṭī, Abī Bākār Mūḥāmmad bīn Jā’fār bīn Ṣāḥl āl-Ṣāmīrī. 1413/1993. *Masawā al-Akhlāk wa Mazmūmah*. Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qadīr ‘Aṭā. Bayrūt : Dār Mu’assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah.

- al-Khaṭīb Baghdādī, Aḥmad bin ‘Alī al-Khaṭīb Baghdādī. 1417/1997. *Tārīkh Baghdād*. Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Khaṭīb Baghdādī, Aḥmad bin ‘Alī al-Khaṭīb Baghdādī. 1985. *Kitāb Talkhīs al-Mutasabih fi al-Rasm*. Taḥqīq. Shukainah al-Shihābī. Dimasq : Rab’u Dār al-Mukhassas li Madāris Abnā’ Shuhadā’ fi al-Quṭr al-‘Arābī.
- al-Khumaysī, ‘Abd al-Raḥmān ibn Ibrāhīm. 2000. *Mu’jam ‘Ulūm al-Ḥadīth al-Nabāwī*. Bayrūt : Dār Ibn Ḥazm.
- al-Khusṭī, Muḥammad ‘Uthmān. t.th. *Mafātih ‘Ulūm al-Ḥadīth wa Ṭuruq Takhrījih*. al-Qāhirah : Maktabah al-Qur’ān.
- al-Laknāwī, Muḥammad ‘Abd al-Ḥayy. 1964. *al-Ajwibah al-Faḍīlah li al-As’ilah al-Asharah al-Kamīlah*. Ta’līq. ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddāh. Ḥalab : Maktab al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah.
- Mālik bin Anas. 1421/2001. *Muwatṭā’*. Takhrīj dan Ta’līq. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- al-Mar’ishlī, Yūsuf ‘Abd al-Raḥman. 1986. *Muqaddimah Kitāb al-Takhrīj Aḥādīth Sharḥ al-Mawāqif fī ‘Ilm Kalām li al-Suyūṭī*. Bayrūt : Dār Ma’rifah.
- Masdar F.Mas’udi. 1986. *Direktori Pesantren*. Jakarta : P3M.
- al-Mawardī, ‘Alī bin Muḥammad Ḥabīb al-Baṣrī. t.th *Muqaddimah Kitāb al-Takhrīj Aḥādīth Sharḥ al-Mawāqif fī ‘Ilm Kalām li al-Suyūṭī*. Bayrūt : Dār Ma’rifah.
- al-Mawṣilī, Muḥammad Ibrāhīm Dawd al-Mawṣilī. 1995. *Isrḥād al-Adib ila Ṭuruq Takhrīj al-Ḥadīth*. Bayrut : Mu’assasat al-Rayyān.
- al-Minshāwī, Muḥammad Ṣiddīq. t.th. *Adāb Dunyā wa al-Dīn*. Taḥqīq. Muṣṭafā al-Saqā. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Yūsuf. 1994. *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*. Taḥqīq & Ta’līq. Bishār ‘Awwād Ma’rūf. Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah.
- Muḥammad bin ‘Alī al-Shawkānī. t.th *al-Fawā’id al-Majmū’ah fī Ḥadīth al-Mawḍū’ah*. Taḥqīq. ‘Abd al-Raḥman bin Yaḥyā al-Mu’allimī al-Yamānī. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Muḥammad bin Maṭār al-Zahrānī. 1412. *Tadwīn al-Sunnah al-Nabawiyah*. al-Ṭā'if : Maktabah al-Ṣiddīq.
- Muḥammad bin Ṭāhir bin 'Alī al-Hindī. 1415/1995. *Tadhkirah al-Mawḍū'āt*. Bayrūt : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arābī.
- Muḥammad bin Ṭāhr al-Maqdisī. 1416/1996. *Zakhirat al-Ḥuffāz*. Riyāḍ : Dār al-Salaf.
- Muḥammad Ibn Sayyid Darwīsh al-Shahīr. 1346. *Asnā al-Muṭalib fī Aḥādīth Mukhtālifah al-Murātib*. Miṣr : Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- al-Munāwī, Muḥammad Ibn 'Abd Ra'ūf. 1356/1938. *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Miṣr : Maṭba'at Muṣṭafā Muḥammad.
- al-Mundhirī, Zakī al-Dīn 'Abd al-'Azīm bin 'Abd al-Qawwī al-Mundhirī. 1420/1999. *Targhīb wa al-Tarhīb min al-Aḥādīth al-Sharīf*. Taḥqīq & Ta'līq. Muḥy al-Dīn Dayb Maṣṭūr dan Samīr Aḥmad al-'Itṭār. Bayrūt : Dār Ibn Kathīr..
- al-Naḍwī, Muṣṭafā Sulaymān. 1997. *Tabsīr 'Ilm al-Takhrīj*. Manṣūrah : Dār al-Kalīmah.
- al-Nāmirī, Yūsuf Ibn 'Abd al-Bārr. t.th. *Jāmi' al-Bayān al-'Ilm wa Faḍlīh wa mā Yanbaghī fī Riwayatih wa Ḥamlih*. Taṣḥīḥ & Taḥqīq. 'Abd al-Raḥmān Muḥammad 'Uthmān. Madīnah al-Munawwarah : al-Maktabah al-Salafiyyah.
- al-Nasā'ī, Abū 'Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu'ayb bin 'Alī bin Baḥār. 1420/1999. *Sunan al-Nasā'ī*. Taḥqīq. Sayyid Muḥammad Sayyid & 'Alī Muḥammad 'Alī. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- al-Nawawī, Abū Zakariyya Yaḥyā bin Sharaf al-Dimashqī. 1419/1998. *Ṣaḥīḥ al-Muslim bi Sharḥ al-Imām al-Nawāwī*. Taḥqīq. 'Iṣām al-Sabbā Baṭī, Ḥāzim Muḥammad dan 'Imād 'Āmir. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- Norasmah Othman. 2002. Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah. Tesis PHD, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Nūr al-Dīn 'Itṭār. 1976. *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Ḥadīthiyyah*. Dimashq : Maṭba'at Jāmi'at Dimashq.
- Prair Sirisakdamkeong. 2003. The Interrelationship Between Malay Muslim And The Chinese in The Market Place "Sai Klang" in Yala Province. Disertasi Sarjana, Fakulti Sains Sosial, Silpakorn University.

- Plessner. 1913-1914. *al-Zarnuji Dalam The Encyclopedia of Islam*. Ed. IV. Leiden : E.J.Brill.
- al-Qārī, Nūr al-Dīn ‘Alī bin Muḥammad bin Sulṭān. 1391/1971. *al-Asrār al-Marfū‘ah fī al-Akḥbār al-Mawḍū‘ah*. Taḥqīq. Muḥammad al-Sibāgh. Bayrūt : Mu‘assasat al-Risālah.
- al-Qāsimī, Muḥammad. 1961. *Qawā‘id al-Ḥadīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Bayrūt: Dār al-‘Ilmi li al-Malayūn.
- al-Quḍā‘ī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Salamah al-Quḍā‘ī. 1407/1986. *Musnad al-Shihāb al-Quḍā‘ī*. Taḥqīq. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī. Bayrūt : Mu‘assasat al-Risālah.
- al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī. 1416/1996. *Tafsīr Jāmi’ al-Aḥkām*. Ta’līq. Mūḥammāḍ Ibrāhīm āl-Ḥafānāwī. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- Rafī‘uddin Ramli, H. t.th. *Sejarah Hidup dan Silsilah Keturunan Shaykh Nawawi Banten*. Banten : Yayasan Nawawi Tanara.
- Raghīb al-Aṣfahānī, Ḥusayn bin Muḥammad bin Mufaḍḍal. 1420/1999. *Muḥaḍarat al-Aḍbā’*. Taḥqīq. Doktor ‘Umar al-Ṭubbā’. Bayrūt : Dār Arqam bin Abī Arqam.
- Rajā’ Muṣṭafā Ḥazzīn. 1419/1998. *al-Ḥākim al-Tirmidhī wa Manhajuhu al-Ḥadīthī fī Nawādir al-Uṣūl*. al-Qāhirah : Dār al-Afāq al-‘Arābiyyah.
- al-Sakhāwī, al-Ḥāfiẓ Sham al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Sakhāwī. 1418. *al-Ajwibah al-Murdiyah fīmā Su‘ila al-Sakhāwī ‘Anhu min al-Aḥādīth al-Nabawiyyah*. Taḥqīq. Muḥammad Ishāq Muḥammad. Riyāḍ : Dār al-Rayyah.
- al-Sakhāwī, al-Ḥāfiẓ Sham al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥmān. 1412/1991. *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahah ‘alā al-Sinah*. Taṣḥīḥ & Taḥqīq. ‘Abd Allāh Muḥammad al-Ṣiddīq. Miṣr : Maktabah al-Khanjī.
- al-Sakhāwī, al-Ḥāfiẓ Sham al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Raḥmān. 1968. *Fatḥ al-Mughīth Sharḥ al-Fiyyat al-Ḥadīth*. al-Qāhirah : Maktabah al-Qāhirah.
- Samsul Munir Amin. 2011. *Sayyid Ulama Hijaz: Biografi Syekh Nawawi al-Bantani*. Jogjakarta : Pustaka Pesantren.

Sarkīs, Yūsuf ‘Allān. t.th. *Mu’jam al-Maṭbū’ah al-‘Arābiyyah wa al-Mu’arrabah*. al-Qāhirah : Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.

Sayyid Darwīs, Muḥammad bin Sayyid Darwīs. 1346. *Asnā al-Muṭālib fī Aḥādīth Mukhtalifah al-Maratib*. Miṣr : Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābi al-Ḥalabī.

al-Shawkānī, Muḥammad Ibn ‘Alī. t.th. *al-Fawā’id al-Majmū’ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū’ah*. Taḥqīq. ‘Abd al-Raḥmān ibn Yaḥyā al-Mu’allimī. Shāri’ Bashā al-Kabīr : Maṭba’at al-Sunnah al-Muḥammadiyyah.

al-Shawkānī, Muḥammad Ibn ‘Alī. t.th. *Tuḥfah al-Dhakhirīn*. Bayrūt : Makṭabāh al-Ṭḥaqāfiyyah..

al-Shaybānī, ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Alī bin Muḥammad Ibn ‘Umar al-Shaybānī. t.th. *Tamyīz al-Ṭayyib min al-Khabīr*. al-Qāhirah : Maktabah Ibn Sinā.

al-Sidāwī, Abū ‘Ubaidah Yūsuf bin Mukhtār. 2008. *Koreksi Hadith-Hadith Dā’if Popular*. Bogor : Media Tarbiyah.

Sulaymān Musallām & Ḥusayn Ismā’īl. 1417/1996. *Mu’jam Muṣṭalaḥāt al-Ḥadīth*. Riyāḍ : Maktabah Abikan.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakar. 1421/2000. *Jam’u al-Jawāmi’*. Takhrīj & Ta’līq. Khālīd ‘Abd al-Faṭḥ Shibād. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakar. t.th. *al-Jāmi’ al-Ṣaghīr fī Aḥādīth al-Bashīr al-Nadhīr*. Singapura & Pinang : Maṭābi’ Sulaymān Mar’ī.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakar. t.th. *al-Durār al-Muntathirah fī al-Aḥādīth al-Mushtaharah*. Taḥqīq. Muḥammad ‘Abd al-Qāḍir ‘Aṭā. al-Qāhirah : Dār al-‘Itisām.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakar. 1424/2003. *al-Dur al-Manthūr fī Taḥfīr al-Ma’thūr*. Taḥqīq. Doktor ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. al-Qāhirah : Markaz Ḥajr li Buhūth wa al-Dirasāt al-‘Arābiyah al-Islāmī.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakar. 1417/1996. *al-Lali’u al-Maṣnū’ah fī Aḥādīth al-Mawḍū’ah*. Ta’līq. Abū ‘Abd al-Raḥman Ṣilāḥ bin Muḥammad bin ‘Uwaydah. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr. t.th. *al-Fatḥ al-Kabīr fī Ḍamm al-Ziyādah ilā al-Jāmi’ al-Ṣaghīr*. t.tp : Dār al-Kutub al-‘Arābiyyah al-Kubrā.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr. t.th. *Jāmi’ al-Jawāmi’ aw al-Jāmi’ al-Kabīr*. t.tp : al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-Ammah Li al-Kitāb.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr. 2002. *Alfiyyāt al-Suyūṭīfi ‘Ilm al-Ḥadīth*. al-Qāhirah : Dār al-Salām.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abī Bakr. 1959. *Tadrīb al-Rawī Fi Sharḥ Taqrīb al-Nawawī*. Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Ibn Aḥmad. t.th. *al-Mu’jam al-Kabīr*. Taḥqīq. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī. t.tp : Dār al-Ma’rifah.
- al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān Ibn Aḥmad. 1401/1981. *al-Mu’jam al-Ṣaghīr*, Taṣḥīḥ & Raj’ah . ‘Abd al-Raḥmān Muḥammad ‘Uthmān. t.tp : Dār al-Fikri.
- al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī. 1417/ 1996. *al-Mu’jam al-Awsaṭ*. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī. 1413/1993. *Kitāb al-Du’ā*. Taḥqīq. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir al-‘Aṭā. Bayrūt : Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah.
- al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī. 1409/1989. *Musnad al-Shāmiyyīn*. Taḥqīq. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd al-Salafī. Bayrūt : Mu’assasat al-Risālah.
- al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd. 1412/1991. *Uṣūl al-Takhrīj wa Dirāsāt al-Asānīd*. Riyāḍ : Maktabah al-Ma’rifah.
- Tanin Silcaru. 2008. Analisis Statistik Dengan SPSS. Nontaburi: S.R. Printing mass produk Sdn. Bhd.
- al-Ṭibrizī, Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Khāṭīb al-Ṭibrizī. 1405/1985. *Mishkāh al-Maṣābiḥ*. Taḥqīq. Imām al-Albānī. Bayrūt : Maktabah al-Islāmī.
- al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad Ibn ‘Īsā Ibn Sawrah. 1419/1999. *Sunan al-Tirmidhī*. Taḥqīq. Doktor Muṣṭafā Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- al-Ṭurtūsī, Muḥammad bin al-Wālid. 1990. *Sirāj al-Muluk*. Riyāḍ : t.pt.

- Ugi Suharto. 2007. *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-Isu Sentral*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Pelajar.
- al-‘Uqaylī, Abī Ja’far Muḥammad bin ‘Amrū bin Mūsā bin Ḥimād al-‘Uqaylī. t.th. *Kitāb al-Du‘afā’ al-Kabīr*. Taḥqīq. ‘Abd al-Mu’ī Amīn Qal‘ajī. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-‘Uthaymin, Muḥammad Ibn Ṣāliḥ al-‘Uthaymin. 1984. *Muṣṭalāḥ al-Ḥadīth*. al-Riyāḍ : Dār Ṭibah.
- Wan Mohd Saghir. 2000. *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah.
- Wensinck, A. J. 1969. *al-Mu’jam al-Mufahras li al-Fāz al-Nabawī*. Leiden : Maṭba‘at Breil.
- Zamakhshari Dhofier. 1984. *Tradisi Pesantren*. Jakarta : LP3ES.
- al-Zamkhasārī, Abū al-Qāsim Maḥmūd bin ‘Umar. 1422/2001. *Asās al-Balāghah*. Bayrūt : Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arābī.
- al-Zarkāshī, Badr al-Dīn Muḥammad Ibn ‘Abd Allāh. 1986. *al-Tadhkirah fī al-Aḥādīth al-Mushtahah*. Bayrūt : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Zarkāshī, Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin Bahādir al-Zarkāshī. 1417/1996. *al-Lāli‘u al-Manthūrah fī al-Ḥadīth al-Mashhūrah*. Taḥqīq. Muḥammad al-Sibāgh. Bayrūt : Maktabah Islāmī.
- al-Zayla’ī, Jamāl al-Dīn al-Zayla’ī. 1415/1995. *Naṣb al-Rayyah al-Aḥādīth al-Hidāyah*. al-Qāhirah : Dār al-Ḥadīth.
- al-Zubaydī, Muḥammad Murtaḍā al-Ḥusaynī. 1405/1985. *Tāj al-‘Urus*. Taḥqīq. Muṣṭafā al-Ḥijāzī. Kuwayt : Maktabah Turāth al-‘Arābī.
- al-Zubaydī, Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥusaynī. 1414/1994. *Ittiḥāf al-Sadah al-Muttaqīn*. Bayrūt : Dār Iḥyā’ Turāth al-‘Arābī.

University of Malaya